



**PUSAT PENGAJIAN TERAS**  
Centre for Core Studies  
Universiti Sains Islam Malaysia



**ISLAMIC SCIENCE**  
ISI

# *i*STET 2024 e- PROSIDING

**SEMINAR ANTARABANGSA FALSAFAH, TAMADUN,  
ETIKA DAN TURATH ISLAMI KALI KE-7**

“Melestari Turath, Memartabat Falsafah,  
Memacu Peradaban, Menyelami Budaya”

**OKTOBER**  
**15 & 16**  
**2024**

Secara Hibrid  
**PUSAT PENGAJIAN TERAS,  
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
& DALAM TALIAN**

Penyunting:

**ROS AIZA MOHD MOKHTAR  
FARAH LAILI MUDA@ISMAIL  
LATIFAH ABDUL LATIFF  
NURULIZA ROSLAN**



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI



**E-PROSIDING**  
**SEMINAR ANTARABANGSA FALSAFAH, TAMADUN, ETIKA DAN TURATH**  
**ISLAMI KALI KE-7 (i-STET) 2024**

***E-PROCEEDINGS OF***  
***7TH INTERNATIONAL SEMINAR ON PHILOSOPHY, CIVILISATIONS, ETHICS, AND***  
***ISLAMIC TURATH***  
***(i-STET) 2024***

**“Melestari Turath, Memartabat Falsafah, Memacu Peradaban, Menyelami Budaya”**  
***“Sustaining Islamic Heritage, Upholding Philosophy, Spearheading Civilisations and***  
***Immersing in Culture”***

15 – 16 Oktober 2024 Secara Hibrid  
Pusat Pengajian Teras & Institut Sains Islam  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia


**Penyunting:**

Ros Aiza Mohd Mokhtar  
Farah Laili Muda @ Ismail  
Latifah Abdul Latiff  
Nuruliza Roslan

**PUSAT PENGAJIAN TERAS**  
**UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**  
**2024**

[www.ppt.usim.edu.my](http://www.ppt.usim.edu.my)

e ISBN 978-629-7636-87-0



9 786297 636870

**E-PROSIDING  
SEMINAR ANTARABANGSA FALSAFAH, TAMADUN, ETIKA DAN TURATH  
ISLAMI KALI KE-7 (i-STET) 2024**

***E-PROCEEDINGS OF  
7TH INTERNATIONAL SEMINAR ON PHILOSOPHY, CIVILISATIONS, ETHICS, AND  
ISLAMIC TURATH  
(i-STET) 2024***

**“Melestari Turath, Memartabat Falsafah, Memacu Peradaban, Menyelami Budaya”  
“Sustaining Islamic Heritage, Upholding Philosophy, Spearheading Civilisations and  
Immersing in Culture”**

**CETAKAN PERTAMA 2024**

© Hak Cipta Universti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada Penerbit USIM terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

**PENERBIT USIM**

Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai 71800 Nilai,  
Negeri Sembilan Darul Khusus  
Telefon: 06-798 6271/6272 | Faks: 06- 798 6083  
[www.penerbit.usim.edu.my](http://www.penerbit.usim.edu.my)  
[penerbit@usim.edu.my](mailto:penerbit@usim.edu.my)

**Penerbit USIM Adalah Anggota**

**MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA (MAPIM)**

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Disclaimer: Pihak penerbit tidak bertanggungjawab atas perkara yang boleh disabitkan daripada penerbitan tulisan dalam e-prosiding ini. Setiap penulis bertanggungjawab ke atas tulisan yang dihasilkan.

## ISI KANDUNGAN

Kata-kata Aluan Dekan, Pusat Pengajian Teras	xi
Kata-kata Aluan Dekan Institut Sains Islam	xii
Kata-kata Aluan Pengarah Seminar	xiii
Prakata	xiv
Malaysia Saksama Sebagai Falsafah Politik Malaysia – Ucapan Sesi Plenari 1	xv

### ABSTRAK LANJUTAN (BAHASA MELAYU)

A-008	Analisis Faktor Demografi Terhadap Kesiediaan E-Pembelajaran Di Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri Pahang	1
A-010	Nilai Integriti Pada Kitab Al-Hikam Karya Syaikh Ibnu Atha'illah As-Sakandari: Satu Tinjauan Umum	7
A-011	Aktiviti Kebudayaan Ratu Serimpak Sebagai Simbol Pengekalan Budaya Dan Tradisi Etnik Sama-Bajau: Satu Tinjauan Awal	11
A-012	Instrumen Persepsi Kendiri Pendakwah Dalam Penggunaan Bahasa Arab Dari Aspek Kemahiran Reseptif	16
A-016	Adaptasi Budaya Masyarakat Prasejarah Terhadap Persekitaran: Kajian Kes Lembah Lenggong, Perak	22
A-022	Kepentingan, Keperluan Dan Cabaran Dalam Pemerksaan Pensijilan Halal Kategori Premis Makanan Di Malaysia	28
A-025	DNA Melayu: Penemuan Enam Sifat Genetik Dominan Melayu	40
A-026	Wacana Perbualan Dalam Kalangan Masyarakat Cina Di Dungun, Terengganu	44
A-029	Elemen Al-Quran Dalam Pembentukan Naskhah Drama Noordin Hassan	51
A-036	Ke Arah Hegemoni Politik Mughal: Analisis Gerakan Ketenteraan Awarangzib Ke Wilayah Deccan	56
A-037	Rawatan Penyakit Kulit Dalam Manuskrip Perubatan Melayu Kitab Tib MSS2515	61



A-039	Potret Bahasa Sopan Dalam Wajah Seorang Wanita: Analisis Maksim Leech (1983) Dan Strategi Asmah Omar (2000)	90
A-041	Garis Panduan Penganjuran Perayaan Dan Acara Dalam Masyarakat Malaysia: Tinjauan Dari Bab Ahkam Al-Hisbah Kitab Al-Ahkam Al-Sultaniyyah Oleh Imam Al-Mawardi	96
A-051	Sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin Dalam Perkembangan Ilmu Di Alam Melayu: Satu Kajian Literatur	103
A-054	Membangun Potensi Masjid Sebagai Institusi Dakwah Komprehensif	110
A-056	Konsep Keadilan Sosial Islam	118
A-057	Perbezaan Teori Kitaran Ibn Khaldun Dan Malek Bennabi Dalam Aspek Intelektual	122
A-061	Cabaran Pengukuhan Budaya Pelbagai Etnik Di Sabah	126
A-063	Pandangan Muhamad Uthman El-Muhammady Mengenai Pluralisme Agama	134
A-067	Penyebaran Budaya Berfikir Dalam Hikayat Selindang Delima	140
A-073	Representasi Partikel Wacana "Lah" Dalam Terjemahan Surah Yasin Di Malaysia	150
A-079	Pengaruh Kesedaran Personaliti Religiositi Dan Kawalan Pemakanan Ke Atas Pembentukan Tahap Kerohanian Dan Kecemerlangan Mahasiswa Universiti	160
A-081	Metodologi Penyusunan Hadith Oleh Imam Al-Nawawi Dalam Riyad Al-Salihin	166
A-083	Pendidikan Politik Belia Di Malaysia Melalui Pengaruh Media Sosial	170
A-084	Penyelidikan Sebagai Alat Diplomatik Dalam Usaha Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi	178
A-087	Penggunaan Strategi Afektif Dalam Meningkatkan Penguasaan Bahasa Kadazandusun	184
A-089	Mengadun Keindahan Bahasa Dalam Empayar Hikayat Putera Tanpa Nama	188

A-093	Teori Keperibadian Mulia Aristotle Dan Akhlak Al-Ghazali: Satu Perbandingan	194
A-094	Cabaran Dan Prospek Industri Hotel Halal Di Negara Majoriti Muslim Dan Minoriti Muslim: Kes Malaysia Dan Singapura	199
A-096	Asal Usul Dan Kaedah Penetapan Isipadu Air Dua Qullah Dalam Islam	209
A-099	Pembelajaran Simpulan Bahasa Melalui Aplikasi Permainan Kembara Bahasa	214
A-101	Buah Buton Di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan: Berkeadilan Melalui Kepimpinan Dalam Masyarakat Beradat	219
A-103	Keselarasan Kreativiti Sainifik Tauhidik Dalam Perbincangan Ulul Albab Bertunjangkan Al-Quran	239
A-106	Pengintegrasian Prinsip-Prinsip Naqli Dalam Reka Bentuk dan Pemuliharaan Bangunan Warisan Di Negeri Sembilan	244
A-110	Penggunaan Strategi Pembelajaran Kognitif (SPK) Terhadap Literasi Bahasa Sepanyol	249
A-111	Tahap Motivasi Pelajar Bahasa Asing Terhadap Pembelajaran Bahasa Sepanyol	255
A-112	Nilai-Nilai Murni Dalam Mitos <i>Mak Yong Penyelamat Amukan Penunggu</i> : Kajian Kes Di Jajahan Bachok, Kelantan	260
A-115	Kesatuan Dalam Kepelbagaian: Peranan Media Dan Tanggungjawab Sosial	270
A-116	Elemen Dakwah Dalam Drama Cinta Dan Wahyu: Analisis Dialog, Muzik, Dan Bunyi	275
A-117	Peranan Media Sosial Dalam Mempengaruhi Perilaku <i>Fear Of Missing Out</i> : Satu Tinjauan Awal	279
A-118	Pemahaman Kearifan Tempatan Melalui Sastera Melayu Dan Faktor Yang Mempengaruhi Dalam Kalangan Mahasiswa UIS: Satu Kajian Rintis	287
A-120	Daging Sintetik Dalam Undang-Undang Pemakanan ( <i>Dietary Law</i> ) Agama-Agama Utama Di Malaysia: Suatu Ulasan	292

A-122	Pelancongan Gastronomi: Melaka Syurga Pencinta Makanan	298
A-123	Membangunkan Model Konsep Bagi Pengukuhan Ketahanan Sosioekonomi Lestari Asnaf: Kajian Sorotan.	303
A-125	Sorotan Perkembangan Persuratan Melayu Dalam Kerajaan Johor-Riau	314
A-126	Pengamalan Akhlak Mahmudah Dalam Kehidupan Sehari-hari: Kajian Terhadap Nilai Sabar Dan Berkata Baik	319
A-131	Aplikasi Atas Talian Menjadi Norma Baharu Membantu Penggiat Industri Pelancongan Domestik Di Malaysia	325
A-132	Parang Lading: Satu Kajian Topologi dan Perbandingan Morfologi	331
A-141	Prosedur Tauliah Mengajar Dan Ceramah Di Masjid: Kajian Di Negeri Kedah Dan Perlis	336
A-145	Kebebasan Beragama Di Malaysia: Hak Untuk Menganut Dan Mengamalkan Agama	339
A-146	Kajian Kebolegunaan E-Gamifikasi Minecraft <i>Dunia Falsafah Islam</i>	345
A-149	Pentaklifan Ibadat Terhadap Pengidap Autisme Menurut Fiqh Islam	351
A-155	Keperluan Kajian Pemerkasaan Kemandirian Golongan Wanita Dan Remaja B40 Pasca Covid-19 Di Malaysia Menurut Kerangka Islam Secara Bersepadu: Suatu Penelitian	356
A-156	Tahap Literasi Membaca Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Bukan Muslim Di Institusi Pengajian Tinggi	366
A-158	Pembangunan Kerangka Indikator Pemikiran Pelajar IPT Dalam Pembelajaran Dalam Talian	373
A-160	Penternakan Lebah Kelulut Terhadap Kelestarian Alam	378
A-162	Penerokaan Faktor Kebahagiaan Berdasarkan Perspektif Islam	385
A-163	Punca Dan Kesan Buli Di Tempat Kerja Terhadap Kesejahteraan Diri: Satu Kajian Kes	391
A-169	Semenanjung Tanah Melayu Daripada Catatan Descobridor Manuel Godinho De Eredia	396

## EXTENDED ABSTRACTS (ENGLISH LANGUAGE)

A-014	The Philosophy Of God Incarnation ( <i>Avatara</i> ) In Hinduism: A Quranic Perspective	402
A-018	Enhancing Social Integration And Spiritual Wellness Through Islamic Courtyard Garden (ICG)	406
A-027	Exploring Maqasid Shariah: The Foundation Of Halal Personal Care Products	412
A-028	Fostering Collaborative Leadership Through Islamic Values: A Strategic Framework	418
A-031	Eschatological Beliefs In Islam: Quranic Verses And Prophetic Traditions	432
A-038	Islamic Revivalism In Malaysia: The Role And Contribution of Malaysian Islamic Youth Movement (ABIM)	436
A-040	Integrating Spirituality In Philosophy Courses For Cultivating Civilizational Values	441
A-044	The Style Of Leadership And Integrity: A Conceptual Framework	446
A-045	Online Public Opinion Research On University Students In The Era of We Media-A Case Study In Sichuan Film And Television University In Chengdu Sichuan China	455
A-046	The Concept And Characteristics Of Leadership In Al-Qur'an: An Analysis of Surah Al-Nisa' (4): Verses 58-59.	461
A-050	The Methodology Of Tuan Guru Nik Abdul Aziz In The Interpretation of Surah Al-Ikhlās: An Analytical Study	466
A-052	Mohammad Natsir's Theistic Democracy: Interface Of Islamic Values and The Democratic System In Indonesia	470
A-066	Transmissible Disease Prevention Through Prophetic Tradition Approaches	476
A-068	Model Of <i>Ta'Āwun</i> -Based In Social Welfare: A Practical Investigation of <i>Masjids</i> In Malaysia	481
A-069	Bioactive Compound Properties Of Kapal Terbang Plant Via Gc-MS Analysis	486



A-070	Advancing Breast Cancer Through Innovation	491
A-071	Enhancing Breast Cancer Awareness Among Malaysian Women Through Infographics	497
A-072	Genomic DNA Analysis Of <i>Chromolaena Odorata</i>	502
A-074	The Correlation Between Daulat And Historical Realities Of Gundik In Malacca Sultanate	507
A-075	Unravelling Ethno-Religious Conflicts: The Case Of Kwara State, North-Central Nigeria	509
A-082	The Power Of Role Models: Inspiring Muslim Women's Identity	511
A-085	Sufi Chanting And Altered State Of Consciousness: A Preliminary Review	516
A-090	The Importance Of Adopting Islamic Leadership In The Royal Malaysian Customs Department (RMC) And Its Impact on Staff And Work Productivity	520
A-091	Literature Review Of Cancer Management In Urban China: Biopsychosocial And Health Belief Perspectives On Integrating Mental Health Support In Beijing	533
A-092	Voyages and the Trade: Special Reference to Zheng He Voyages to Malacca in Malaysia During 15 <sup>th</sup> Century.	546
A-100	Alleys' Role In Cultural Preservation Within Islamic Urban Design Principles	550
A-104	Gold, Youth And Financial Well-Being: A Comprehensive Study of Risk Mitigation, Long-Term Planning and The Role Of Gold In Securing Financial Futures Among Malaysians	556
A-109	Yeşilçam To The World: The Dynamic Evolution Of Turkish Cinema Across Eras (1980-2024)	561
A-113	Critiques Of Non-Religious Spirituality In Contemporary Western Society	565
A-121	Unveiling Mysteries Against “God Of The Gaps” Through Scientific Breakthroughs: An Investigation On The Arguments Of Human and Adamic Exceptionalism	571

A-133	The Challenges Of Self-Development Faced By The Employees In An Organisation	577
A-139	The Ethics Of Disagreement In Islam With Semitic Religions	584
A-140	A Comparative Analysis Of The Pentateuch Concerning Monotheism And Its Related Commands In The Light Of The Quran	587
A-150	Understanding The Notion Of Muhibah And Religious Pluralism: Muslim's Responses to The Contemporary Discourse In Malaysia	590
A-151	The Role Of Madrasah Education In Social Changes: The Case Of Pakistan And Malaysia	595
A-152	Significance of Corporate Culture in Bumiputera Companies: How Does it Affect Organizational Performance?	599
A-164	Empowering Modern Society Through The Integration Of Religion And Artificial Intelligence	604

### ملخصات موسعة (اللغة العربية)

A-047	الأسهم وأحكامها على ضوء الشريعة	610
A-077	التحديات القانونية للمعاملات الإلكترونية والذكاء الاصطناعي ( الاطار القانوني للذكاء الاصطناعي )	617
A-102	إسهام تراث المدرسة الإباضية في التقريب بين مدارس الإسلام	629
A-105	دلالات مصطلحات الإباضية المدرسة الإباضية في تراثها المدون	638
A-153	تأثير التواصل القرآني على بناء المجتمع: دراسة في تفسير ابن عاشور لآيات الأمر بالمعروف والنهي عن المنكر في سورة آل عمران	644
A-159	الأبعاد الحضارية للفقهاء الجنائي الإسلامي	653
A-168	السنن الكونية في فهم شمولية القرآن الكريم والسنة النبوية لتصوير عوامل الاستدامة الدائمة المناخية	656

## KATA-KATA ALUAN

### DEKAN, PUSAT PENGAJIAN TERAS



*Bismillahirrahmanirrahim*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera,

Salam ilmu naqli dan aqli

Salam Malaysia MADANI

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga, para sahabat, serta umatnya.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan semua pembentang dan peserta ke **Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika Dan Turath Islami (i-STET)** kali ke-7 anjuran Pusat Pengajian Teras (PPT), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Institut Sains Islam (ISI), USIM dengan kerjasama daripada Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Universiti Islam Selangor, Persatuan Sejarah Malaysia, dan Yayasan PEACE dengan permulaan *kalam* “*ahlan wa sahan wa marhaban bikum*”. Kami amat berbesar hati dan berbangga kerana dapat menganjurkan seminar ini yang bertemakan “**Melestari Turath, Memartabat Falsafah, Memacu Peradaban, Menyelami Budaya**”.

Pertemuan cendekiawan, penyelidik, serta pakar dalam pelbagai disiplin ilmu bagi membincangkan isu-isu terkini dan penting berkaitan sains sosial, agama, tamadun, bahasa, media dan komunikasi, sains Islam dan lain-lain selain menyumbang kepada pembangunan ilmu, masyarakat, dan negara terus dapat diselami dan dihayati oleh komuniti secara umum. Justeru ia dapat dilihat dalam pelaksanaan seminar kali ini melalui inisiatif kerjasama dengan industri selain daripada organisasi akademik sekaligus menyahut seruan Kerajaan MADANI untuk memasyarakatkan ilmu. USIM sebagai sebuah universiti yang memadukan ilmu Naqli dan Aqli, sentiasa komited dalam memupuk wacana ilmiah yang bermanfaat bagi ummah sejagat.

Akhir sekali, mewakili seluruh warga USIM saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak yang telah memberi ruang menaja seminar dalam bentuk wang ringgit ataupun dalam bentuk *inkind*. Setinggi tahniah dan penghargaan buat ahli jawatankuasa pelaksana yang telah berpenat lelah mengelola untuk menjayakan seminar ini. Terima kasih tidak terhingga juga kepada para penceramah jemputan, pembentang kertas kerja, dan peserta yang telah sudi hadir, kerana tanpa anda semua tidak mungkin seminar ini akan terlaksana.

Semoga seminar ini memberi manfaat yang besar kepada semua dan menjadi landasan untuk menjalin hubungan kerjasama yang lebih erat antara kita. Saya juga berharap penganjuran seminar ini mampu menjadi wadah penyebaran ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang, di pelbagai peringkat masyarakat bersesuaian dengan moto USIM iaitu BERILMU, BERDISIPLIN dan BERTAKWA.

*Wallahu a'lam*, terima kasih.

**PROF. MADYA DR. ZORAIDA MUSTAFA**

Dekan,

Pusat Pengajian Teras,

Universiti Sains Islam Malaysia

**KATA-KATA ALUAN**  
**DEKAN, INSTITUT SAINS ISLAM**



*Bismillahirrahmanirrahim*

Saya sangat berbesar hati dan mengalu-alukan semua pembentang dan peserta ke Seminar Antarabangsa mengenai Falsafah, Peradaban, Etika dan Warisan Islam (i-STET) 2024 yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian Teras (PPT) dan Institut Sains Islam (ISI), USIM dengan kerjasama, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei, Universiti Islam Selangor (UIS) dan Persatuan Sejarah Malaysia (PSM) Cawangan Negeri Sembilan dengan ucapan permulaan “*Ahlan wa sahan wa marhaban bikum*”.

Seminar ini juga menyediakan peluang bagi pembentang untuk menyertai sub-tema seperti Sains Sosial, Falsafah, Etika, Kemanusiaan, Bahasa, Sains Islam, Psikologi, Sejarah dan Peradaban, Agama, Politik, Sosiologi dan Antropologi, Etnik dan Budaya, Warisan Islam (Turath) serta Media dan Komunikasi dengan tema “Melestari Turath, Memartabat Falsafah, Memacu Peradaban, Menyelami Budaya”. Kehadiran beberapa penceramah utama dengan topik menarik di awal program akan memberikan pencerahan berkaitan dengan tema tersebut. Selain itu, panel-panel terpilih dalam sesi Forum dapat memberikan manfaat dan kesinambungan kepada peserta dalam meneruskan pengajian dan penyelidikan mereka masing-masing. Tambahan pula, pembentang boleh menyebarkan ilmu dalam pelbagai bidang yang disebutkan di atas. Perkongsian ilmu melalui penganjuran seminar ini adalah salah satu cara untuk memupuk penyebaran ilmu dan menyerlahkan peranan USIM sebagai institusi pendidikan yang menyebarkan intelektualiti kepada masyarakat dunia secara umum dan masyarakat Malaysia secara khusus.

Akhir sekali, diharapkan penganjuran seminar ini akan dapat menjadi platform dan wadah bagi penyebaran ilmu dalam pelbagai bidang, selaras dengan moto USIM iaitu Berilmu, Berdisiplin dan Bertaqwa.

**PROF. MADYA DR. MOHD AZMAN HASHIM @ ISMAIL**

Dekan,  
Institut Sains Islam,  
Universiti Sains Islam Malaysia



**KATA-KATA ALUAN**  
**PENGARAH, i-STET 2024**



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam sejahtera  
Salam Malaysia Madani

Bersyukur kita kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnia serta izinNya maka dapatlah kita bertemu lagi di Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika Dan Turath Islami (i-STET) 2024 untuk kali yang ke 7.

Seminar kali ini bukan hanya menekankan bidang Falsafah, Etika dan Turath Islami, tetapi juga bidang budaya khususnya yang berkaitan dengan budaya masyarakat Negeri Sembilan yang dikenali sebagai adat Papatih. Kita sedia maklum bahawa falsafah adalah satu cabang ilmu yang secara semula jadi bersifat mencari atau meneroka rahsia dan hikmah di sebalik sesuatu. Manakala etika dan peradaban pula membawa kita untuk mengenal asal usul adab, adat istiadat dan adat resam etnik dan masyarakat Malaysia yang telah diwarisi dari generasi terdahulu. Falsafah dan etika dapat berfungsi sebagai asas dialog antara masyarakat yang pelbagai sifatnya. Ia mencari titik pertemuan dalam kepelbagaian dan kerencaman bagi mewujudkan kesepakatan dan keharmonian dalam kehidupan. Warisan kegemilangan tamadun Islam (Turath Islam) pula menyumbang bagi meningkatkan ketinggian ketamadunan. Manakala adat Papatih yang bersandarkan kepada pepatah “Adat bersendikan hukum, hukum bersendikan Kitabullah”, merupakan cara hidup masyarakat di negeri ini.

Justeru, penganjuran seminar ini yang menggabungkan elemen-elemen falsafah, ilmu, agama, budaya dan masyarakat akan menjadi platform diskusi ilmu yang baik.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan selamat berseminar kepada semua para ilmuwan, pembentang dan peserta. Semoga ilmu dan buah fikiran yang dicurahkan akan dapat menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang bertamadun.

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama berganding bahu bagi menjayakan seminar ini. Ucapan terima kasih saya tujukan kepada ahli jawatankuasa yang telah bertungkus-lumus melaksanakan gerak kerja penganjuran seminar ini; kepada semua penaja terutamanya kepada YAB Menteri Besar Negeri Sembilan selaku penaja utama seminar ini, kepada seluruh ahli akademik yang hadir sebagai pengucaptama, pembentang jemputan, ahli panel forum, pembentang dan peserta seminar; kepada mahasiswa dan mahasiswi USIM yang turut hadir di seminar ini.

Sekian daripada saya, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**PROF MADYA DR ABD HAKIM MOHAD**

Pengarah,

Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islami Kali Ke-7 (i-STET)

15-16 Oktober 2024

## PRAKATA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islami kali ke-7 (i-STET) 2024 ini menyasarkan pembentangan kajian dan penyelidikan oleh ahli akademik, pelajar dan penyelidik dari institusi pengajian tinggi, institusi kerajaan dan bukan kerajaan dari dalam dan luar negara. Sebanyak 103 abstrak lanjutan telah diterima untuk dimuatkan dalam e-prosiding ini. Kajian dan pembentangan yang diwacanakan begitu bernilai dalam pelestarian tema seminar pada kali ini, **“Melestari Turath, Memartabat Falsafah, Memacu Peradaban, Menyelami Budaya”**.

Setinggi-tinggi tahniah dirakamkan kepada semua penyumbang abstrak lanjutan atas kesudian berkongsi pengalaman dan ilmu pengetahuan bagi manfaat para peserta. Penghargaan turut diberikan kepada Jawatankuasa Pelaksana seminar yang telah memberikan sokongan dan kerjasama dalam menjayakan penerbitan e-prosiding ini.

Semoga seminar kali ini boleh menjadi medan kepada ahli akademik, penyelidik dan golongan profesional dalam bidang Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islami untuk berdiskusi dan berwacana, di samping mengeratkan jaringan akademik demi menyemarakkan nilai-nilai falsafah, etika, ketamadunan dan kehidupan harmoni dalam konteks masyarakat multi-etnik di Malaysia khususnya dan luar negara amnya.

Sekian, wassalam.

Sidang Editor

Dr. Ros Aiza Mohd Mokhtar

Dr. Farah Laili Muda @ Ismail

Dr. Latifah Abdul Latiff

Prof. Madya Dr. Nuruliza Roslan

## MALAYSIA SAKSAMA SEBAGAI FALSAFAH POLITIK MALAYSIA

Mohd Jamizal bin Zainol

Pengerusi, Yayasan Pusat Polisi dan Hal Ehwal Ekonomi Malaysia (PEACE)<sup>1</sup>

Assalamualaikum wrt. wbt.  
Hadirin dan hadirat sekalian,

1. Ucapan terima kasih kepada penganjur seminar kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan pandangan dan buah fikir saya di seminar yang penting ini. Hal-hal terkait falsafah politik menjadi minat saya kerana pembinaan sebuah negara bangsa seperti Malaysia telah diasaskan dan didasari dengan suatu bentuk falsafah tertentu. Para pengasas dan pemikir negara kita yang terdahulu dengan penuh bijaksana berjaya membentuk negara kita yang jamak budaya, agama dan kaum dengan jayanya sebagai sebuah negara bangsa. Sebenarnya, Malaysia ialah sebuah negara yang paling unik di dunia.
2. Pada tahun 2019, saya telah menulis berkaitan keunikan Malaysia dan falsafah politik yang mendasarinya di dalam sebuah karya kecil iaitu **Falsafah Politik Malaysia: Suatu Wacana Tradisi, Adat dan Budaya**. Perbahasan di dalam buku tersebut mungkin hanyalah suatu pengantar bagi meletakkan suatu kerangka fikir politik, ekonomi dan etika yang perlu dipertahankan bagi mengekalkan keamanan dan kestabilan Malaysia. Kerangka fikir itu ialah suatu bentuk falsafah politik sederhana bagi mengimbangi pemikiran ekstrem kanan yang saya istilahkan sebagai kejumudan yakni menolak terus sebarang perubahan dan selesa ditakuk lama walaupun dalam perkara yang salah. Pemikiran eskترم kiri iaitu sekularisme dan liberalisme.
3. Karya itu mengangkat *konservatisme* sebagai suatu falsafah politik yang sederhana. Konservatisme telah disalah anggap sebagai jumud dan kolot. Walhal, *konservatisme* ialah suatu falsafah politik sederhana selari dengan nilai agama. Konservatisme tidak menolak perubahan, *islah* dan reformasi sebaliknya menerima perubahan dengan cermat, beradab dan adil dengan mengambil kira tradisi, adat dan budaya Malaysia.

Hadirin dan hadirat sekalian,

4. Apakah yang dimaksudkan dengan Konservatisme? Banyak definisi boleh kita temui dalam ilmu falsafah politik. Tetapi saya tertarik dengan definisi oleh seorang pemikir Inggeris Sir Roger Scruton. Beliau mengaitkan konservatisme dengan konsep kebebasan. Beliau dengan tegas mengatakan - *kebebasan manusia tidak akan tercapai tanpa mengambil kira tradisi, adat dan kebudayaan masyarakat*. Konservatisme ialah falsafah dan ideologi budaya, sosial dan politik

---

<sup>1</sup> Ucapan Sesi Plenari 1 yang disampaikan sempena SEMINAR ANTARABANGSA FALSAFAH, TAMADUN, ETIKA DAN TURATH ISLAMI KALI KE-7 (ISTET) pada 16 Oktober 2024 di Universiti Sains Islam Malaysia.

yang menekankan dan memelihara institusi-institusi tradisi, adat dan nilai. Falsafah konservatisme berbeza menurut adat dan budaya masyarakat setempat.

5. Pernah ditanya mengapa “konservatisme” ini dipilih sebagai sandaran kepada falsafah politik Malaysia walhal istilah ini masih mengekalkan faham Barat. Sebaliknya, istilah “konservatisme” ini dipilih kerana istilah ini mudah diterima apabila membahaskan persoalan falsafah politik kerana istilah konservatisme” ini telah larut, menyerap dan mencair dalam korpus ilmu falsafah politik. Istilah ini juga mudah difahami dan diterima oleh semua kelompok yang berkeahlian dalam bidang sains politik. Selain konservatisme, ada lagi teori-teori lain tentang falsafah politik seperti anarkisme, authoritisme, komunisme, libertarianisme, dan yang terkini enviroentalisme.

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. Di Malaysia, dengan pelbagai isu setiap hari di dada akhbar yang kadang-kala sensitif seperti isu halal, tulisan jawi, papan tanda yang tidak berbahasa Melayu dan terbaru mengibarkan bendera negara asing di sekolah, kita tertanya berapa lama lagi kita dapat mempertahankan keharmonian dan kemakmuran yang dinikmati selama ini sebagai sebuah negara. Malaysia ialah negara yang majmuk dan sudah tentu banyak sekali isu sensitif yang perlu ditangani. Salah cakap sahaja ada sahaja pihak yang melenting. Tidak seperti Jepun, Korea, China, India dan beberapa negara lain yang sifatnya *homogenous* hanya ada satu bangsa dan warna kulit yang sama dalam sebuah negara. Lebih mudah mengurus dan merencana pelbagai agenda, polisi dan strategi perpaduan di negara yang tersebut berbanding Malaysia. Negara kita diasaskan secara **kompromi**. Tetapi berapa lama strategi kompromi ini dapat dipertahankan?
7. Sekian lama kita kekal aman dan damai kerana strategi kompromi ini tetapi ada faktor lain yang sebenarnya menjadi asas kepada keharmonian kita selama ini. Ini adalah kerana kebijakan dan hikmah yang ada kepada pemimpin negara terdahulu (*founding fathers*) yang berkompromi menerima kaum-kaum lain sebagai rakyat Malaysia melalui dasar *jus soli* tetapi mengekalkan kedaulatan Raja-Raja Melayu. Selain itu, beberapa dasar yang baik dan utuh dibentuk sehingga menjadi suatu institusi dalam negara kita.
8. Dasar itu ialah dasar meletakkan asas politik Malaysia bertunjangkan agama iaitu Islam.<sup>2</sup> Dasar keistimewaan Melayu dan peribumi Sabah dan Sarawak dalam hal-hal tertentu.<sup>3</sup> Dasar Bahasa Kebangsaan iaitu Bahasa Melayu.<sup>4</sup> Takrif Melayu mestilah beragama Islam, mengamalkan adat budaya Melayu dan bertutur menggunakan Bahasa Melayu.<sup>5</sup> Menjadikan kesatuan negeri-negeri termasuk Sabah dan Sarawak sebagai sumber kekuatan dan kompromi bagi menguatkan Malaysia sebagai kuasa pusat.<sup>6</sup>

---

<sup>2</sup> Dasar ini telah diperkanunkan dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan. Diinstitusikan melalui JAKIM dan Jabatan Mufti setiap negeri.

<sup>3</sup> Dasar ini telah diperkanunkan dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan. Diinstitusikan melalui MARA.

<sup>4</sup> Dasar ini telah diperkanunkan dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Diinstitusikan melalui DBP.

<sup>5</sup> Takrif ini telah diperkanunkan dalam Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan. Ini bermakna kaum-kaum lain boleh menjadi Melayu jika mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dan mendapat keistimewaan seperti yang termaktub di bawah Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

<sup>6</sup> Tradisi ini diletakkan sebagai cogankata dalam Jata Negara – “Bersekutu Bertambah Mutu”.



9. Selain itu Malaysia juga mempunyai ciri-ciri unik berbanding negara lain di dunia seperti berikut:

- Malaysia mencapai kemerdekaan melalui perundingan dan kompromi. Tanpa melalui jalan kekerasan atau revolusi.
- Islam menjadi agama negara yakni kesannya segala undang-undang yang diperkenalkan tidak boleh sama sekali bertentangan dengan ajaran agama Islam kerana undang-undang itu akan *void ab initio*.
- Mempunyai sembilan Raja dan Sultan yang masih berfungsi dan bertakhta dan mempunyai kuasa di negeri masing-masing. Kuasa dan tanggungjawab yang utama ialah mempertahankan kesucian Islam.
- Mempunyai masyarakat yang jamak budaya, agama dan kaum. Kita mempunyai lebih 80 kaum etnik dan ras.
- Malaysia mengamalkan diskriminasi positif iaitu keistimewaan dalam beberapa hal seperti pendidikan, pemilikan tanah dan jawatan dalam kerajaan kepada Melayu dan peribumi Sarawak dan Sabah iaitu kaum majoriti di Malaysia. Sebaliknya, di negara lain, perlindungan dan keistimewaan hanya diberikan kepada kaum minoriti.
- Komposisi kaum di negara kita agak seimbang walaupun Melayu dan Peribumi Sabah dan Sarawak membentuk majoriti kaum di Malaysia tetapi kaum- kaum lain juga mempunyai jumlah penduduk yang agak tinggi mencapai 30% keseluruhan penduduk. Untuk itu, Malaysia mengamalkan dasar integrasi kaum bukannya asimilasi kaum seperti negara lain contohnya Indonesia dan Thailand.

10. Kita harus sedar, keharmonian dan kestabilan negara tidak hadir secara automatik. Keharmonian dan kestabilan negara ialah suatu usaha, proses memerah minda dan strategi oleh para pemimpin terdahulu. **Rakyat juga berperanan dengan ilmu yang cukup harus terus mempertahankan tradisi dan institusi yang telah dinyatakan di atas. Tradisi dan insitisi tersebut berjaya mengekalkan negara terus stabil, harmoni dan makmur.**

Hadirin dan hadirat sekalian,

11. **Paling ditakuti sekarang adalah jika ada pemimpin “gila”, dan herot pandangan alamnya yang melupakan tradisi dan insitisi ini.** Rakyat pula taksub dengan pemimpin herot ini secara membuta tuli menyokong keperluan membuang terus tradisi ini dengan kepercayaan bahawa kebebasan hak asasi, dan kesamaan ala Barat adalah sesuatu yang sakral. Mempercayai bahawa agama adalah penyebab kepada kemunduran. Manusia mesti dibebaskan dari ikatan agama dan kepercayaan metafizik. Mereka percaya negara yang baik ialah bersifat sekular dan *egalitarian*. Mempercayai hanya demokrasi adalah amalan terbaik.

12. Barat begitu terpukau dengan gerakan ‘Pencerahan’. Revolusi Perancis menjadi takat sejarah yang memukau para pejuang hak asasi manusia ini. Penggerak Revolusi Perancis yang “gila” ini adalah daripada Kelab Jacobin (Jacobins), iaitu sebuah kelab politik yang sangat berpengaruh semasa Revolusi Perancis 1789. Kelab ini menggerakkan revolusi berdarah yang dikenali sebagai “*Reign of Terror*” di mana 10,000 orang dibicarakan dan dipenggal kepala mereka dengan mesin pancungan (guillotine) kononnya atas pelbagai jenayah politik. Revolusi tidak membawa kebaikan, tetapi revolusi ialah tindakan ekstrem yang membunuh ribuan manusia. Revolusi Perancis menandakan kemerosotan monarki dan gereja yang berkuasa serta kebangkitan

demokrasi dan nasionalisme. Masyarakat Perancis melepaskan diri mereka dari cengkaman gereja. Gerakan ini adalah gerakan melepaskan diri manusia daripada Hirarki dan Autoriti Kewujudan.<sup>7</sup>

Hadirin dan hadirat sekalian,

13. Semasa keadaan kucar-kacir di Perancis pada masa itu, saya memuji seorang ahli parlimen dan ahli falsafah Inggeris Edmund Burke. Beliau menyatakan dengan tegas, sikap jengkelnya terhadap pimpinan Inggeris di Parlimen atau di luar Parlimen dengan sikap mudah terpedaya dengan memberi penghormatan dan kagum dengan Revolusi Perancis. Edmund Burke bangun dan penuh yakin berhujah di Parlimen Inggeris mengatakan Revolusi Perancis sebagai sebuah **demokrasi yang tidak rasional, tidak berprinsip, suka mengharam, merampas, menjarah, kejam, menumpah darah dan zalim.**<sup>8</sup>
14. Kenyataan tegas ini penting kerana ada golongan, kumpulan dan pihak menyatakan kekaguman dan ketaksuban mereka kepada Revolusi Perancis hatta di Malaysia ini pun, sebagai kononnya suatu titik sejarah yang membawa kepada kemajuan manusia atas Gerakan Pencerahan. Gerakan pencerahan ini membawa falsafah 'self-determination' dan kebebasan manusia secara mutlak atas slogan yang memukau *Liberte, Fraternite, Egalite*.
15. Sesungguhnya, kesan daripada revolusi ini menggugat beberapa tradisi yang baik pada bangsa Inggeris kerana terpengaruh dengan pemikiran ahli-ahli falsafah pencerahan seperti Voltaire dan Rousseau. Menurut Burke, perubahan bukanlah sesuatu yang buruk dan perlu ditolak tetapi perubahan atau reformasi itu mestilah dilakukan tanpa mengabaikan tradisi, institusi dan nilai-nilai baik yang telah terbukti keberkesannya.
16. **Justeru, pembaharuan, islah atau reformasi yang hendak dilaksana atau diperkenalkan di Malaysia mestilah mengambil pendekatan menghormati keunikan dan tradisi Malaysia.**

Hadirin dan hadirat sekalian,

17. Di Malaysia, cabaran terbesar sekarang adalah **polarisasi politik yang parah**. Namun kita jangan pesimis. Kita sedar selepas kejatuhan Barisan Nasional pada tahun 2018, kita masih mencari rentak untuk mengembalikan ideologi politik sederhana dan titik tengah. Untuk itu, pimpinan sekarang memperkenalkan Malaysia Madani. Adakah ideologi Malaysia Madani ini berjaya membawa Malaysia kembali kepada politik sederhana? Hanya sejarah yang akan menentukan.

---

<sup>7</sup> Suatu falsafah yang membebaskan manusia daripada hirarki metafizik di mana semua kewujudan bermula dari Al-Haq dan dimanifestasi bentuk kewujudan dari satu peringkat ke satu peringkat yang lain sehinggalah kewujudan yang paling rendah iaitu kewujudan di alam dunia. Dengan menolak hirarki metafizik ini maka tiada lagi moral dan etika yang objektif. Untuk itu, negaralah yang menentukan ketentuan hidup yang pragmatik dengan mengutamakan hak asasi daripada nilai kebaikan. Moral dan etika ditentukan oleh individu itu sendiri dan bersifat subjektif.

<sup>8</sup> Burke merakamkan semua pandangannya ini dalam buku beliau, *Reflections on the Revolution in France*. Buku ini menjadi *magnum opus* kepada Burke apabila beliau telah meramalkan kegagalan Revolusi Perancis dalam melindungi hak rakyat sebaliknya akan kembali kepada pemerintahan diktator dengan Napoleon Bonaparte menjadi Maharaja Perancis pada tahun 1804.

18. Malaysia terperangkap dengan **polarisasi politik ekstrem kanan** (menghukum kafir bagi yang tidak menyokong parti Islam mereka) dan **politik ekstrem kiri** (mempercayai rakyat perlu diberikan kebebasan mutlak, fungsi kerajaan hanyalah minimum, iaitu perlu menjaga keselamatan dan mengurus ekonomi dan agama itu terpisah daripada politik). Senario ini terjadi apabila timbulnya parti-parti politik yang membawa falsafah politik liberalisme dengan sandaran idea reformasi yang memukau. Natijahnya, ada kelompok yang tidak berpuas hati dan bersikap jumud dan tertutup bagi mengimbangi idea liberalisme yang saling bertentangan. Maka, wujudlah dua pendekatan falsafah politik ekstrem, iaitu liberalisme dan kejumudan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

19. Untuk itu, kita perlu menggali semula mencari semula falsafah politik yang sederhana. Sederhana adalah kebijaksanaan dan hikmah (wisdom). Sesungguhnya, kita sedar bahawa kesederhanaan ialah kunci kepada keharmonian dan kemajuan Malaysia selama ini. Sederhana menurut Kamus Dewan edisi keempat bermaksud tidak lebih dan tidak kurang, biasa, pertengahan. Kesederhanaan inilah nanti akan membawa kepada keadilan dan adab. Sesuatu yang terlebih atau terkurang tentulah tidak sedap dan tidak kena. Jika masakan terlebih gula tentulah merencat makanan, jika terkurang garam masakan menjadi hambar. Tidak hairanlah al-Quran juga telah mengungkapkan konsep “*Ummatan Wasatan*” yakni umat pertengahan lagi adil seperti firman Allah SWT:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ۗ وَمَا جَعَلْنَا الْآيَةَ الَّتِي كُنْتَ عَلَيْهَا إِلَّا لِنُعَلِّمَ مَنْ يَتَّبِعِ الرَّسُولَ مِمَّنْ يَنْقَلِبُ عَلَى عَقْبَيْهِ ۗ وَإِنْ كَانَتْ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ ۗ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِلَّ إِيْمَانَكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرَءُوفٌ رَّحِيمٌ ١٤٣

*Maksudnya: “Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.” (Surah al-Baqarah: 143)*

Hadirin dan hadirat sekalian,

20. Dari aspek politik, saya ingin menyorot idea-idea penting yang dibawa oleh falsafah politik liberalisme yang boleh menggugat idea dan nilai tradisi yang telah tertancap kukuh dalam falsafah politik negara kita. Idea-idea besar itu adalah **kontrak sosial**, **pemilikan harta**, **epistemologi**, **agama** dan **toleransi** perlu dinilai semula dengan kerangka pandangan alam yang benar dan selaras dengan kehendak agama.

### **Kontrak Sosial**

21. Dalam hal ini manusia sekular dan pasca moden sangat terpengaruh dengan idea John Locke, seorang ahli falsafah pencerahan. Beliau menempelak pandangan Thomas Hobbes juga seorang ahli falsafah Inggeris dalam karyanya yang cukup terkenal *The Leviathan* yang mengatakan kerajaan yang kuat dan autokratik adalah penting bagi mengawal manusia yang menurut beliau secara fitrahnya jahat, kasar dan kejam.

22. Locke tidak bersetuju dengan idea Hobbes dan mencadangkan perlunya suatu kontrak sosial – suatu perjanjian antara dua pihak kerajaan dan rakyat– di mana rakyat akan menyerahkan sebahagian sahaja hak-hak mereka kepada kerajaan supaya kerajaan dapat menjaga dan melindungi rakyat supaya berlaku keamanan dalam negara. Ini memerlukan rakyat memberikan legitimasi kepada kerajaan itu untuk melaksanakan kontrak sosial tersebut. Legitimasi itu akan hilang jika kerajaan mula bersikap autokratik sehingga mengawal kebebasan individu dan keupayaan individu membuat keputusan sendiri sehingga memberikan **hak kepada rakyat untuk menjatuhkan kerajaan secara revolusi!**

Hadirin dan hadirat sekalian,

23. Pandangan ini mengelirukan. Tidak ada kebebasan mutlak kerana setiap masyarakat mempunyai tradisi dan nilai yang berbeza. Kebebasan sehingga merosakkan tradisi dan nilai baik adalah sesuatu yang tidak dapat diterima. **Kerajaan bertanggungjawab untuk masuk campur dan memastikan tradisi yang baik dan terbukti berjaya mengekalkan keharmonian selama ini mesti dikekalkan.** Hatta, kerajaan boleh membungkam sesuatu hak jelek yang diperjuangkan seperti perkahwinan sesama jenis dan gaya hidup bebas yang dibawa ke ruangan awam yang membahayakan nyawa, akal, keturunan dan maruah diri.

### **Pemilikan Harta**

24. Idea pemilikan harta juga perlu difahami dengan benar. Locke menyarankan idea hak pemilikan harta kepada individu secara mutlak. Idea yang mengatakan manusia mempunyai hak-hak mutlak (*inalienable rights*) adalah tidak tepat dan tidak selari dengan ajaran agama. Perlu ada keseimbangan, iaitu **hak hanya akan diberikan jika seseorang manusia itu seorang yang bertanggungjawab.** Misalnya, hak pemilikan harta seperti tanah bukanlah sesuatu yang mutlak. Jika semua tanah hak milik mutlak individu, maka apa hak kerajaan untuk memastikan tanah itu juga dapat diakses oleh masyarakat awam misalnya untuk pembinaan dan penyediaan kemudahan awam seperti jalan raya, saliran dan sebagainya. Jika semuanya ialah hak mutlak individu atas alasan ianya diusahakan oleh individu tersebut maka ia berhak ke atasnya; kerajaan akan menghadapi kesukaran untuk menegakkan keadilan dalam sesebuah negara. Masyarakat miskin yang tidak mampu memilik tanah misalnya akan sentiasa dikesampingkan dan kerajaan tidak akan mampu menyediakan kemudahan asas kepada mereka. Kerajaan perlu diberikan kuasa untuk mengambil mana-mana tanah individu melalui undang-undang untuk kepentingan awam dan keselamatan awam. Maka hak individu atas harta mereka tidaklah mutlak.<sup>9</sup>

Hadirin dan hadirat sekalian,

### **Epistemologi**

25. Selain itu, persoalan epistemologi juga perlu dihadam dan difahami dengan benar supaya tidak dikelirukan dengan epistemologi Barat melalui sains moden yang percaya kebenaran itu hanya

---

<sup>9</sup> Artikel 29(2) Universal Declaration of Human Rights membenarkan hak dan kebebasan seseorang dihadkan melalui undang-undang bagi menghormati hak dan kebebasan pihak lain dan bagi memenuhi **tuntutan moral, keselamatan awam dan kebajikan umum** dalam sebuah masyarakat yang demokratik.



boleh didapati melalui empirikal sahaja. Falsafah moden Barat masih terkial-kial dengan persoalan epistemologi, bagaimanakah manusia mendapat ilmu kebenaran yang hakiki dan benar sama ada melalui akal atau pancaindera? Pergulatan antara kelompok ini tidak berkesudahan sehingga melahirkan dua kem ahli falsafah Barat moden yang cenderung kepada akal/rasional dan kem yang cenderung kepada pancaindera sebagai sumber ilmu.

26. Ahli falsafah seperti David Hume, George Berkeley, Thomas Hobbes, John Locke dan John Stuart Mill percaya sumber ilmu yang hakiki dan benar adalah melalui pancaindera manusia yang lima sahaja. Ahli falsafah seperti Descartes, Leibniz dan Spinoza mempercayai ilmu yang hakiki dan benar itu hanya dicapai melalui akal.
27. Kelihatannya Barat mengalami masalah untuk mengharmonikan fungsi akal dan pancaindera dalam hal ini. Adalah sesuatu yang mengelirukan apabila kita berpegang kepada pendirian bahawa sumber pengalaman deria ialah satu-satunya sumber pengetahuan manusia. Idea John Locke yang sekarang ini dipeluk oleh ramai manusia moden percaya kepada konsep *Tabula Rasa* (*Blank Slate*). Pendukung idea John Locke percaya bahawa semua manusia dilahirkan dengan fikiran yang tandus, kosong, mudah dibentuk; setiap aspek watak seseorang merupakan sesuatu yang diperhatikan, dirasakan, dan dipelajari melalui deria. Secara falsafah, ia membenarkan konsep kehendak bebas. Ramai pemikir kemudiannya akan mentafsir idea itu ke dalam karya mereka sendiri —sebagai contoh Sigmund Freud, sangat percaya pada *Tabula Rasa* dengan memetik kepentingan tingkah laku yang diperhatikan daripada dinamik ibu bapa kita.
28. Dalam tradisi Islam pertembungan akal dan pancaindera ini telah diselesaikan. Akal mempunyai fungsinya dan pancaindera juga turut mempunyai fungsi dalam menanggapi ilmu. Ini telah dinyatakan secara tuntas dalam '*Aqāid al-Nasafī*' karya Taftazani yang menjadi sumber rujukan aqidah Islam yang utama menyatakan segala perkara yang menjadikan ilmu bagi makhluk itu pada empat perkara iaitu pancaindera yang lima, khabar sadiq, akal dan ilham. Justeru, jelas dalam tradisi Islam sumber ilmu berdasarkan kepada empat sumber tadi terutamanya dalam menanggapi hal-hal metafizik yang memerlukan akal dan ilham di mana pancaindera tidak mampu menanggapi.

Hadirin dan hadirat sekalian,

### **Agama**

29. Terkait juga mengenai faham kita terhadap agama, kelihatannya manusia moden terutama yang terpengaruh dengan falsafah moden Barat percaya seseorang manusia mempunyai hak untuk mentadbir diri mereka dalam apa jua cara yang mereka fikirkan sesuai. Tidak ada suatu keterikatan metafizik melalui agama untuk mengatur dan menentukan bagaimana seseorang manusia harus hidup. Sudah tentu pandangan ini salah kerana manusia terikat dengan etika dan nilai yang mutlak yang telah ditetapkan oleh Tuhan melalui agama. Pembebasan manusia daripada semua ikatan agama inilah yang dinamakan sekularisme. Sekularisme sebagai suatu bentuk gerakan falsafah ini menjadi cabaran terbesar untuk ditangkis sekarang.<sup>10</sup>

---

<sup>10</sup> Prof Syed Muhammad Naquib Al-Attas mendefinisikan Sekularisme dalam magnum opusnya *Islam and Secularism* sebagai *Disenchantment of Nature, Desacralisation of Politics and Deconsecration of Values*.

30. Memahami agama bermakna manusia faham dan mengiktiraf kehidupannya tidak terlepas dari kuasa metafizik iaitu manusia ini terikat dengan peraturan alam yang telah ditetapkan oleh Tuhan. Semua yang wujud terikat dengan hirarki dan autoriti. Wujud alam ini melalui martabat-martabat kewujudan bermula dengan wujud pertama Nur Muhammad sebagai *ta'ayun*, *tanazzul* atau *tajalli* pertama penciptaan.
31. Memahami kedudukan *A'yān Thābitah* dalam martabat kewujudan sebagai potensi kewujudan yang terkandung dalam ilmu Allah . Inilah yang membedakan pandangan alam Islam dengan ahli falsafah moden terutamanya John Locke dan pengikutnya yang telah memutuskan hierarki wujud ini daripada alam ghaib dan hanya menyatakan kewujudan yang sebenar hanyalah alam empirikal yang boleh dilihat dan dirasa oleh pancaindera.
32. Faham metafizik inilah antara khazanah yang sudah hilang daripada tradisi kita. Hal ini terjadi akibat daripada ketaasuban melampau terhadap sains moden yang hanya bersandarkan pancaindera yang sudah tentu terbatas kuasa dan kemampuan capaiannya. Prof. Dr. Muhammad Zainy Uthman dalam bukunya *Prologue to al-Attas' Commentary on the Hujjat al-Siddiq of Nur al-Din al-Raniri* menyimpulkan dengan berkesan sekali akan apa itu faham metafizik. Faham metafizik ini ialah pernyataan dan pengiktirafan terhadap Wujud Hakiki (*Wajibul Wujud*) Yang Esa dan tidak berbilang-bilang mahupun ada duanya. Kefahaman dan pengiktirafan bahawa wujud itu mempunyai tiga kategori, yakni Wujud Hakiki, wujud yang berkehendak dan tidak wujud. Wujud Tuhan ialah wujud yang hakiki dan tidak berkehendak akan sesuatu. Wujud makhluk ialah wujud yang berkehendak. Wujud makhluk ialah hasil manifestasi Wujud Hakiki yang memberikan pelbagai bentuk dan bilangan (*ta'ayyun* dan *taqayyud*) yang membentuk pelbagai makhluk dalam hal dan daerah kewujudan tertentu.
33. Sesungguhnya idea Locke yang menjadi sandaran golongan liberalisme telah memutuskan manusia daripada hakikat hirarki kewujudan bermula dengan Wajibul Wujud yakni Tuhan sehingga mengatakan manusia itu wujud sebagai *Tabular Rasa* yang mempunyai kebebasan hakiki untuk membentuk pandangan alam sendiri berdasarkan pengalaman sendiri. Inilah pertentangan idea Liberalisme dan Islam yang juga mempengaruhi falsafah sains moden, politik dan ekonomi. Inilah yang menyebabkan kekeliruan kewujudan yang membawa kepada depresi dan kekacauan jiwa manusia moden masani. Pandangan Locke ini melihat seolah-olah manusia ini ditinggalkan di dunia ini keseorangan terputus daripada perjanjiannya dengan al-Haq, sedangkan kesemua zuriat Adam ketika peristiwa perjanjian (*Mīthāq*) telah bersaksi akan perhambaan mereka itu sebagaimana yang telah dirakamkan di dalam al-Quran [Surah al-A'raf: 172].

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَن تَقُولُوا  
يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ ۗ ۱۷۲

*Maksudnya: “Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) daripada (tulang) belakang mereka, dan Dia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Dia bertanya dengan firman-Nya): “Bukankah Aku tuhan kamu?” Mereka semua menjawab: “Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi.” Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak:*

“*Sesungguhnya kami adalah orang-orang yang lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini*”

Hadirin dan hadirat sekalian,

### **Toleransi**

34. Selain itu idea Toleransi juga perlu difahamkan semula supaya pandangan alam yang sebenar dapat difahami terutama dalam konteks Malaysia yang jamak kaum, budaya dan agama. Toleransi bukanlah bermaksud menerima sesuatu itu sebagai wujud di sekeliling kita walaupun ianya adalah salah dari segi etika dan moral. **Kita tidak sepatutnya bertoleransi pada sesuatu yang salah dan batil.** Ini tidak bermaksud kita berlaku zalim dan menekan tetapi sesuatu harus dilakukan sebagai usaha memperbetulkan keadaan ke arah kebaikan. Contohnya, ada manusia yang cenderung kepada kehidupan homoseksual atas dasar kebebasan orientasi seksual. Tetapi adakah kita perlu bertoleransi dengannya mengatakan gaya hidup itu benar dan betul? Sudah tentu tidak! Kita masih berpendirian bahawa gaya hidup itu salah dan menyalahi peraturan agama dan undang-undang alam (*natural law*). Cuma kita tidak menekan dan berlaku zalim kepada mereka.
35. Persoalan idea-idea kontrak sosial, pemilikan harta, epistemologi, agama dan toleransi adalah sangat penting untuk difahami dengan tuntas menurut pandangan alam yang benar. Hal ini dikatakan demikian kerana pandangan alam yang salah mengenai idea-idea tersebut sangat mempengaruhi falsafah politik Malaysia kerana melalui kefahaman idea-idea tersebut pelbagai polisi dan dasar akan dibentuk.

Hadirin dan hadirat sekalian,

### **Kesimpulan**

36. Sebagai kesimpulan, Malaysia perlu mempunyai suatu falsafah politik yang jelas dan tetap. Falsafah politik yang jelas dan tetap penting supaya dasar dan polisi yang dibentuk memenuhi tuntutan dunia dan akhirat. **Falsafah politik yang saya maksudkan itu ialah konservatisme, suatu falsafah politik yang mementingkan pemeliharaan tradisi, adat dan budaya setempat yang terbukti baik dan menyatupadukan rakyat. Konservatisme tidak menolak idea perubahan, islah atau reformasi sebaliknya cermat dalam menerima sebarang perubahan.**
37. Seterusnya falsafah Konservatif ini diaplikasikan dalam manhaj Malaysia yang diperikan sebagai **Malaysia Saksama. Malaysia Saksama** membawa nilai Adil, Adab dan Cermat. Malaysia Saksama ini menekankan faham metafizik bahawa manusia ini terikat dengan peraturan alam yang telah ditetapkan oleh Tuhan. Semua yang wujud terikat dengan hirarki dan autoriti. Malaysia Saksama menolak sekularisme sebagai suatu gerakan falsafah.
38. Moga renungan dan pandangan yang dituangkan dalam pembentangan ini memberi manfaat dan cetusan untuk diperkembangkan lagi demi memastikan Malaysia terus makmur dan harmoni. Membina itu payah, meruntuh itu mudah.

Sekian, wassalam.

**ABSTRAK LANJUTAN**  
**(BAHASA MELAYU)**

**ANALISIS FAKTOR DEMOGRAFI TERHADAP  
KESEDIAAN E-PEMBELAJARAN DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA KERAJAAN  
NEGERI PAHANG**

Artika Rasul Bin Sulaiman<sup>1</sup>, Hasmadi Bin Hj. Hassan<sup>2</sup> & Jamal Rizal Bin Razali<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup>Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

[artika.rasul@moe.gov.my](mailto:artika.rasul@moe.gov.my)

[hasmadi@umpsa.edu.my](mailto:hasmadi@umpsa.edu.my)

**ABSTRAK**

Kajian ini meneliti kesediaan pelajar di Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang (SMAN) terhadap e-pembelajaran, dengan fokus utama pada sikap terhadap penggunaan peranti digital, literasi digital, kualiti fasiliti teknologi dan akses teknologi. Kajian menggunakan soal selidik dalam talian dengan skala Likert lima mata untuk mengumpul data daripada 450 pelajar secara rawak dari populasi 6,851. Data dianalisis menggunakan SPSS versi 25.0, termasuk faktor-faktor demografi seperti jantina, usia, pendapatan keluarga, pekerjaan ibu bapa, bilangan adik-beradik, lokasi kediaman, jarak ke sekolah, serta nama dan lokasi sekolah. Hasil kajian menunjukkan literasi digital pelajar adalah rendah (skor min 2.13) dan sikap terhadap peranti digital juga rendah (skor min 1.876). Penilaian terhadap fasiliti teknologi dan akses teknologi adalah sederhana, dengan skor min masing-masing 2.508 dan 2.530. Faktor-faktor seperti usia, jantina, nama sekolah, dan pendapatan keluarga turut mempengaruhi sikap dan literasi digital pelajar. Kajian mencadangkan strategi proaktif seperti pendidikan tambahan dan sokongan teknologi untuk meningkatkan kesediaan pelajar terhadap e-pembelajaran dan memperkasakan pendidikan yang lebih inklusif.

**Kata kunci:** e-Pembelajaran, sikap, literasi, fasiliti, akses

## **1. PENGENALAN**

Dalam era digital yang pesat berkembang, e-pembelajaran menjadi fokus utama dalam pendidikan moden, mengubah cara pengajaran, pembelajaran, dan penyelidikan [1]. Fenomena ini mencerminkan kemajuan teknologi dan inovasi dalam penerimaan serta penggunaan platform pembelajaran dalam talian. E-pembelajaran melibatkan interaksi kompleks antara faktor psikologi, sosial, teknologi, demografi, dan persekitaran yang mempengaruhi kesediaan individu terhadap pembelajaran [2][3][4][5].

Sejarah e-pembelajaran menunjukkan evolusi dari pengenalan komputer pada 1960-an kepada internet pada 1990-an, yang menjadikan pembelajaran lebih interaktif dan holistik [6]. Teknologi terkini memperkenalkan konsep seperti pembelajaran tanpa sempadan, pembelajaran disesuaikan, dan pembelajaran berbentuk permainan, memperkaya pengalaman pembelajaran [7]. E-pembelajaran merujuk kepada penggunaan teknologi digital dalam pendidikan, termasuk perisian, aplikasi, dan alat digital untuk menyampaikan bahan pembelajaran, memudahkan komunikasi, dan menilai pencapaian [8]. Matlamatnya adalah untuk memudahkan proses pembelajaran,

meningkatkan kualiti, dan meluaskan kebolehcapaian pengetahuan. Platform fleksibel ini membolehkan pembelajaran tanpa had geografi atau masa.

Namun, pelaksanaan e-pembelajaran di Sekolah Menengah Agama Negeri Pahang (SMAN) masih menghadapi cabaran. Kesediaan pelajar terhadap e-pembelajaran, terutama dalam konteks faktor demografi seperti jantina, usia, pendapatan keluarga, pekerjaan ibu bapa, bilangan adik-beradik, lokasi kediaman, dan jarak ke sekolah, belum diteliti secara mendalam. Penyelidikan terdahulu menunjukkan bahawa pelbagai faktor, termasuk sikap terhadap peranti digital, literasi digital, kemudahan digital, dan akses teknologi, mempengaruhi kesediaan pelajar terhadap e-pembelajaran [2][3][4][5]. Namun, kajian-kajian ini kurang memberi perhatian kepada faktor demografi yang mempengaruhi penerapan e-pembelajaran, terutamanya sejak pandemik Covid-19 [9][10][11]. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kesediaan pelajar terhadap e-pembelajaran dengan menumpukan kepada faktor demografi yang mempengaruhi sikap terhadap peranti digital, literasi digital, kualiti kemudahan digital, dan akses teknologi.

## 2. OBJEKTIF

1. Menentukan sejauhmana pengaruh faktor demografi diri pelajar dalam meramal aspek sikap penggunaan peranti digital dan aspek literasi digital.
2. Menentukan sejauhmana faktor demografi sekolah dalam meramal aspek fasiliti teknologi aspek akses teknologi.

## 3. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk menganalisis pengaruh faktor demografi pelajar dan sekolah terhadap sikap terhadap penggunaan peranti digital, literasi digital, fasiliti teknologi, dan akses teknologi. Faktor demografi yang diteliti termasuk jantina, usia, pendapatan keluarga, pekerjaan ibu bapa, bilangan adik-beradik, jarak ke sekolah, lokasi kediaman, nama sekolah, dan lokasi sekolah. Kajian ini juga menilai tahap kesediaan pelajar terhadap e-pembelajaran dari perspektif pelajar, termasuk sikap terhadap penggunaan peranti digital dan literasi digital, serta dari perspektif sekolah yang merangkumi fasiliti teknologi dan akses kepada teknologi.

Data dikumpulkan melalui soal selidik yang dijalankan menggunakan *Google Form* dan dibahagikan kepada dua bahagian utama: pertama, untuk mengumpul maklumat demografi responden; kedua, untuk mengukur pemboleh ubah seperti sikap terhadap penggunaan peranti digital, literasi digital, fasiliti teknologi, dan akses teknologi. Instrumen soal selidik diadaptasi daripada model *Technology Acceptance Model* [2], *The Seven Components of E-Learning Readiness* [3], *Self Assessment Readiness for E-Learning* [4] dan *E-Learning Readiness* [5].

Kajian ini menggunakan persampelan rawak berkelompok berdasarkan proksimiti geografi atau ciri-ciri kesamaan berkaitan pemboleh ubah kajian. Sebanyak 450 daripada 6851 pelajar dipilih sebagai sampel, melebihi jumlah sampel yang disarankan untuk populasi sekitar satu juta orang, iaitu 384 sampel [12]. Analisis data dilakukan menggunakan program *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 25.0. Analisis statistik deskriptif seperti min, peratus, mod, dan sisihan piawai digunakan untuk menjawab soalan pertama dan kedua kajian, yang menganalisis tahap kesediaan dari aspek nominal (kategorikal). Analisis regresi pelbagai *stepwise*



digunakan untuk menjawab soalan ketiga dan keempat, membantu mengenal pasti pemboleh ubah signifikan dalam meramalkan faktor yang dikaji. Semua pemboleh ubah bebas nominal (kategorikal) ditukarkan kepada kod *dummy* menggunakan arahan *recode* dalam SPSS [13].

#### 4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa kesediaan dan penerimaan pelajar Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) terhadap e-pembelajaran adalah pada tahap rendah, dengan skor min untuk sikap terhadap penggunaan peranti digital ialah 1.876 dan literasi digital mencatatkan skor min 2.13. Sebaliknya, fasiliti digital dan akses kepada teknologi di sekolah menunjukkan skor min yang sederhana, masing-masing 2.508 dan 2.530 [14]. Kajian ini menekankan perlunya strategi yang inklusif untuk meningkatkan sikap, literasi digital, fasiliti, dan akses teknologi, serta mencadangkan pendekatan berkesan dalam menghadapi cabaran dan memanfaatkan peluang dalam era digital yang pesat berkembang.

##### 1. Sikap Penggunaan Peranti Digital

Analisis menunjukkan bahawa usia pelajar adalah faktor penting dalam sikap terhadap penggunaan peranti digital. Pelajar berusia 16 tahun menunjukkan hubungan positif yang signifikan (koefisien 0.354,  $t = 3.655$ ,  $p = 0.000$ ), manakala pelajar berusia 14 tahun juga menunjukkan hubungan positif yang signifikan (koefisien 0.254,  $t = 3.425$ ,  $p = 0.001$ ). Sebaliknya, pelajar dari Sekolah Menengah Agama Bukit Ibam Rompin menunjukkan hubungan negatif yang signifikan (koefisien -0.279,  $t = -2.420$ ,  $p = 0.016$ ), begitu juga dengan pendapatan keluarga RM10,960 ke atas (koefisien -0.238,  $t = -2.086$ ,  $p = 0.038$ ).

Jadual 1. Faktor demografi yang meramal aspek sikap penggunaan peranti digital

Model	Coefficients <sup>a</sup>					95.0% Confidence Interval for B	
	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.	Lower Bound	Upper Bound
	B	Std. Error	Beta				
4 (Constant)	1.827	.036		50.456	.000	1.756	1.898
Usia <sup>4</sup> (16Thn)	.354	.097	.170	3.655	.000	.163	.544
Usia <sup>2</sup> (14Thn)	.254	.074	.159	3.425	.000	.108	.400
NamaSekolah <sup>6</sup> (Sekolah Menengah Agama Bukit Ibam, Rompin)	-.279	.115	-.112	-2.420	.016	-.506	-.052
PendapatanKeluarga <sup>3</sup> (RM10,960.0 dan ke atas)	-.238	.114	-.095	-2.086	.038	-.463	-.014

a. Dependent Variable: Sikap Penggunaan Peranti Digital

## 2. Literasi Digital

Analisis dalam Model 3 (Jadual 2) menunjukkan bahawa usia dan jarak ke sekolah mempunyai hubungan signifikan dengan literasi digital pelajar. Pelajar berusia 14 tahun ( $p = 0.001$ ) dan 16 tahun ( $p = 0.019$ ) menunjukkan hubungan signifikan dengan literasi digital. Selain itu, pelajar yang tinggal dalam jarak kurang daripada 5 km dari sekolah juga menunjukkan hubungan signifikan dengan literasi digital ( $p = 0.037$ ).

Jadual 2. Faktor demografi yang meramal aspek literasi digital

Model	Coefficients <sup>a</sup>				Sig.	95.0% Confidence Interval for B	
	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients			Lower Bound	Upper Bound
	B	Std. Error	Beta	t			
3 (Constant)	2.039	.036		57.188	.000	1.969	2.109
Usia <sup>2</sup> (14Thn)	.245	.072	.159	3.382	.001	.102	.387
Usia <sup>4</sup> (16Thn)	.221	.094	.110	2.348	.019	.036	.406
JarakkeSekolah <sup>1</sup> (Kurang 5 km)	.155	.074	.097	2.092	.037	.009	.301

a. Dependent Variable: Literasi Digital

## 3. Fasiliti Teknologi

Analisis dalam Model 6 (Jadual 3) menunjukkan beberapa faktor penting yang mempengaruhi penggunaan fasiliti teknologi. Faktor usia mempunyai kesan signifikan, dengan pelajar berusia 17 tahun ( $-0.489$ ,  $p = 0.001$ ), 15 tahun ( $-0.387$ ,  $p = 0.000$ ), dan 16 tahun ( $-0.330$ ,  $p = 0.005$ ) menunjukkan kecenderungan menurun terhadap penggunaan fasiliti teknologi seiring dengan peningkatan usia. Jantina juga mempengaruhi, dengan pelajar lelaki menunjukkan koefisien positif yang signifikan ( $0.199$ ,  $p = 0.006$ ). Pelajar dari Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan, Kuantan menunjukkan koefisien positif yang signifikan ( $0.206$ ,  $p = 0.018$ ), manakala pelajar dengan bapa tidak bekerja mempunyai koefisien negatif yang signifikan ( $-0.151$ ,  $p = 0.038$ ).

Jadual 3. Faktor demografi yang meramal aspek fasiliti teknologi

Model	Coefficients <sup>a</sup>				Sig.	95.0% Confidence Interval for B	
	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients			Lower Bound	Upper Bound
	B	Std. Error	Beta	t			
6 (Constant)	2.558	.057		45.156	.000	2.446	2.669
Usia <sup>5</sup> (17Thn)	-.489	.148	-.152	-3.292	.001	-.781	-.197

Usia <sup>3</sup> (15Thn)	-.387	.106	-.172	-3.636	.000	-.597	-.178
Usia <sup>4</sup> (16Thn)	-.330	.118	-.130	-2.800	.005	-.562	-.098
Jantina <sup>1</sup> (lelaki)	.199	.073	.126	2.747	.006	.057	.342
NamaSekolah <sup>3</sup> (Sekolah Menengah Agama Al-Ihsan, Kuantan)	.206	.087	.112	2.368	.018	.035	.377
PekerjaanBapa <sup>4</sup> (Tidak Bekerja)	-.151	.073	-.095	-2.076	.038	-.295	-.008

a. Dependent Variable: Fasilitas

#### 4. Akses Teknologi

Analisis regresi pelbagai stepwise dalam Model 1 (Jadual 4) menunjukkan bahawa faktor usia mempunyai hubungan signifikan dengan akses teknologi. Pemboleh ubah dalam model ini adalah 2.561 dengan nilai t 65.805, signifikan pada  $p = 0.000$ . Pelajar berusia 17 tahun menunjukkan koefisien negatif yang signifikan ( $-0.478$ ,  $p = 0.003$ ), dengan selang keyakinan 95% antara  $-0.790$  hingga  $-0.165$ , menunjukkan hubungan yang kukuh dan tepat.

Jadual 4. Faktor demografi yang meramal aspek akses digital

Model	Coefficients <sup>a</sup>				95.0% Confidence Interval for B		
	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t	Sig.	Lower Bound	Upper Bound
	B	Std. Error	Beta				
1 (Constant)	2.561	.039		65.805	.000	2.484	2.637
Usia5(17Thn)	-.478	.159	-.141	-3.006	.003	-.790	-.165

a. Dependent Variable: Akses Teknologi

#### 5. KESIMPULAN

Kajian ini menekankan keperluan menganalisis sikap dan faktor demografi untuk memahami teknologi dan meramalkan aliran masa hadapan. Hasil kajian menunjukkan perlunya pendekatan holistik dalam merancang strategi pendidikan yang mempertimbangkan usia, jantina, dan latar belakang ekonomi pelajar, serta merangka program literasi digital yang berkesan berdasarkan usia dan jarak ke sekolah. Kesimpulannya, kajian ini menyediakan asas untuk pembangunan strategi pendidikan yang mampan dalam era digital.

## 6. RUJUKAN

1. Khairul Azhar Jamaludin, Wong Ai Bing. (2021) Pembelajaran Dalam Talian (E-Pembelajaran) Semasa Pandemik Covid-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*, [S.l.], v. 3, n. 3, p. 408-414, nov. 2021.
2. Davis, F. D. Bagozzi, R. P., & Warshaw, P. R. (1989). User Acceptance of Computer Technology: A Comparison of Two Theoretical Models. *Management Science*, 35(8). 982-1003.
3. Borotis, S., & Poulymenakou, A. (2004). E-Learning Readiness Components: Key Issue to Consider Before Adopting e-Learning Intervention. *Proceeding of World Conference on E-Learning in Corporate, Government, Healthcare and Higher Education*, (pp. 1622-1629). Association for the Advancement of Computing in Education (AACE).
4. Ryan, S. D., Scheller-Wolf, A., & Talluri, S. (2005). The impact of global product development on quality. *Production and Operations Management*, 14(4), 442-453.
5. Aydin, C. H., & Tasci, D. (2005) Measuring readiness for e-learning: Reflections from an emerging country. *Journal of Educational Technology and Society*, 8(4), 114-12.
6. Chen, K. C., & Jang, S. J. (2012). Motivation In Online Learning: Testing A Model of Self-Determination Theory. *Computers in Human Behavior*, 26(4), 741-752.
7. Adnan, A. S., Ali, M. & Ahmad, R. (2015). The Utilisation of Visual Elements on Interface Design of e-learning. *International Conference on Information Technology & Society*. 8-9 June, Kuala Lumpur, Malaysia, 273-279Ab. Alim Abdul Rahim. 1999. *Pengurusan Kokurikulum*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti Sdn. Bhd.
8. Abaidoo, N. & Arkorful, V. (2014). The Role of E-Learning, The Advantages and Disadvantages of its Adoption in Higher Education. *International Journal of Education and Research*, 2(12), 397-410
9. Nawaz, A., & Kundi, G. M. (2010). Demographic Implication for the User Perception of E-Learning in Higher Education Institution of NW. FP, Pakistan. *The Electronic Journal of System in Developing Countries*, 41(1), 1-17.
10. Noor Hadzliida Ayob, Intan Suria Hamzah, Mohd Amar Aziz. (2021). Merapatkan Jurang Digital dalam Pendidikan: Dasar dan Strategi di Malaysia. *Journal Of Tourism, Hospitality and Environment Management (JTHERM)*. 6 (25) pp. 157-170
11. Bonal, X., & Gonzalez, S. (2020). The Impact of lockdown on the learning gap: family and school divisions in time of crisis. *International Review of Education*, 0123456789.
12. Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. 1970. Determining, Sample Size for Research Activities, education and psychological Measurement, 30(3), 607-610
13. Babbie, E., Halley, F., Wagner, Z., Zainuddin, A., & Zulkefly, N. (2007). *Metodologi penyelidikan kuantitatif*. Penerbit Universiti Malaya.
14. Darusalam, Ghazali & Hussin, Sufean. (2021). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*.
15. Prensky, M. (2009). *H. Sapiens Digital: From Digital Immigrants and Digital Natives to Digital Wisdom Digital Wisdom*. *Innovate: Journal of Online Education*, 5(3).

**NILAI INTEGRITI PADA KITAB AL-HIKAM KARYA SYAIKH IBNU ATHA'ILLAH  
AS-SAKANDARI: SATU TINJAUAN UMUM**

Mohd Fauzee bin Harith  
*Fakulti Pengajian Islam, Universiti  
Malaysia Sabah  
E-mel [fauzeeharith267@gmail.com](mailto:fauzeeharith267@gmail.com)*

**ABSTRAK**

Tasawwuf dan Integriti adalah dua istilah yang tidak boleh dipisahkan antara satu dengan yang lain. Kedua-dua bidang ini mengkaji secara mendalam, punca masalah atau penyakit hati beserta solusi untuk menyembuhkannya. Kedua-duanya menggunakan riyadhah an-nafs (latihan-latihan spiritual). Tasawwuf adalah kaedah manakala Integriti pula adalah keseluruhan sifat mahmudah yang lahir dari *metode* latihan ajaran tasawwuf itu sendiri. Ketiadaan sifat integriti bukan sahaja membinasakan peribadi, malah mampu merosakkan prestasi dan nama baik sesebuah organisasi. Namun pada era globalisasi khususnya di Malaysia, kita dapat melihat seperti adanya garis pemisah antara dua makna ini. Kursus-kursus berkaitan Integriti cenderung kepada pelaksanaan program bersifat material (luaran) dan sangat sedikit ilmu berkaitan kerohanian dibincangkan dalam sukatan kursus Integriti. Oleh itu tinjauan ini menekankan betapa pentingnya mempelajari Kitab Thurath tasawwuf dalam membentuk keperibadian berintegriti tinggi. Kitab al-Hikam karya Syaikh Ibnu Atha'illah As-Sakandari dilihat sebagai salah satu kitab tasawwuf utama yang perlu digali dan diambil manfaatnya, serta diselaraskan sebagai salah satu subtopik mahupun modul dalam kursus atau program berkaitan Integriti pada masa akan datang.

**Kata Kunci:** Tasawwuf; Integriti; al-Hikam

**1. PENGENALAN**

Kitab Al-Hikam, yang ditulis oleh Imam Ibnu Atha'illah as-Sakandari, adalah sebuah karya yang cukup terkenal dalam tradisi tasawwuf Islam. Selain dipelajari oleh hampir seluruh institusi pondok, maahad tahfiz dan madrasah di nusantara, 264 kata-kata mutiara dalam kitab ini juga seringkali disampaikan oleh para pendakwah dalam berbagai majlis sama ada secara formal mahupun non-formal. Kitab ini juga menjadi bahan kajian akademik oleh ramai pengkaji termasuklah orientalis barat terkemuka seperti Victor Danner dan Annemarie Schimmel.

Kajian kitab al-Hikam sebelum ini banyak menekankan aspek pemikiran sufistik Imam Ibnu Atha'illah dan tidak berlebihan jika penulis katakan, keseluruhan ajaran tarekat syadziliyah sebenarnya telah dicurahkan menerusi karyanya ini. Beliau juga masyhur dikenali sebagai mursyid tarekat syadziliyah yang ketiga selepas gurunya Imam Abu al-Abbas al-mursi dan pendiri tarekat ini, Syaikhul Akhbar Imam Abu Hasan as-Syadzili.

Selain mengandung pembelajaran ilmu tauhid dan ilmu tasawwuf, kitab ini telah menekankan pelbagai aspek integriti untuk menjadi hamba yang sempurna. Beberapa nilai integriti yang seringkali ditekankan dalam kitab Al-Hikam termasuklah nilai sabar, amanah, ikhlas dan sebagainya. Bukan sebagai kata sahaja, malah hakikat setiap nilai itu juga turut dikupas dan disyarahkan oleh para ‘alim ‘ulama. Kajian ini akan meninjau nilai-nilai integriti yang boleh digali menerusi khazanah kitab turath. Sebagai penanda aras, penulis memulakan tinjauan dengan kitab al-Hikam.

## **2. METODE PENELITIAN**

### **2.1. Pendekatan dan Jenis Penelitian**

Pendekatan yang digunakan dalam tinjauan ini adalah pendekatan filosofis yang berperanan membuka wawasan berfikir untuk menyedari fenomena dibalik sesuatu yang tampak, sekaligus mampu menyerap inti, hakikat atau hikmah dari apa yang diyakini, bukan sebaliknya melakukan tanpa makna.

Jenis penelitian yang digunakan pula adalah pendekatan kualitatif iaitu kajian pustaka yang diperoleh melalui dua sumber iaitu:

**2.1.1** Data Primer: Kitab Al-Hikam karya Imam Taj-Al Din Abu Al-Fadhl Ahmad bin Muhammad bin Abdul Karim bin Abdul Al-Rahman bin Abdullah bin Isa bin Atha’Illah.

**2.1.2** Data Sekunder: Buku-buku yang relevan berkaitan integriti dan tasawwuf.

### **2.2. HASIL PENELITIAN DAN PEMBAHASAN**

Hasil penelitian mendapati, terdapat banyak nilai-nilai integriti yang terkandung melalui kata-kata hikmah Syaikh Ibnu Atha’illah. Konteks perkaitannya secara umum seperti yang terdapat pada jadual di bawah:

**Jadual 1**

<b>Nilai Integriti</b>	<b>Kata-Kata Hikmah dalam al-Hikmah</b>	<b>Penerangan Ringkas</b>
Amanah	<i>“Allah mendatangkan warid kepada anda untuk mengeluarkan anda dari lingkungan adanya anda kepada pandangan mata hati anda yang teramat luas”</i>	Warid datang sebagai tanda keberhasilan dari wirid. Ianya boleh berupa rezeki yang luas mahupun dikurniakan kehormatan. Seorang hamba haruslah amanah terhadap apa sahaja nikmat yang diberikan oleh Allah SWT.
Bertanggungjawab	<i>“Menunda amalan kerana menunggu wujudnya waktu lapang terlebih dahulu adalah sikap yang timbul dari kedunguan hati.”</i>	Menunda sesuatu amalan adalah sifat mazmumah yang menghambat integriti. Seorang hamba seharusnya bertanggungjawab dalam menyusun amalan seharian.
Ikhlas	<i>“Amal itu seumpama jasad, sedangkan keikhlasan adalah ruhnya.”</i>	Amal perlu dilakukan secara ikhlas bagi mendapatkan keredhaan
Sabar	<i>“Janganlah kerana kelambatan masa pemberian Tuhan kepada kamu, padahal kamu telah bersungguh-sungguh berdoa, membuatkan kamu berputus asa sebab Allah menjamin untuk menerima semua doa menurut apa yang dipilihNya untuk kamu, tidak pada waktu yang kamu tentukan.”</i>	Syaikh mengajar kita untuk senantiasa berbaik sangka terhadap Allah SWT dan menjamin segala usaha mahupun permohonan daripada para HambaNya akan dikabulkan apabila waktunya telah tiba dan bukan mengikut kehendak hambaNya.
Dedikasi, Tekun dan Berdisiplin	<i>“Orang-orang yang baru melangkah menuju kepada Allah menerima petunjuk melalui cahaya tawajjuh...”</i>	Hidayah atau petunjuk Allah SWT datang dari hasil dari ketekunan melakukan ibadah dan latihan rohani.
Sederhana	<i>“Tidak dapat dianggap sedikit amal perbuatan yang dilakukan dengan hati yang zuhud, dan tidak dapat dianggap banyak amal yang dilakukan oleh seseorang yang cinta dunia”</i>	Bersederhana dalam segala aspek mendekati diri kepada rasa qana'ah (sentiasa merasa cukup) dan tidak melihat akan nikmat-nikmat yang lain.
Bersih	Secara umum, keseluruhan kata-kata hikmah dalam kitab ini adalah modul tarbiyah untuk pembersihan jiwa (tazkiyatun nafs) - penulis	Bersih yang dimaksudkan oleh syaikh bukan sahaja kebersihan zahir (wudhu, pakaian, tempat ibadah dan sebagainya), malah yang paling utama adalah kebersihan hati (batin)
Bekerjasama	<i>“Jangan anda berkawan dengan orang yang hal keadaannya tidak membangkitkan anda dan ucapannya tidak menunjukkan kepada anda jalan menuju kepada Allah”</i>	Berkawan dengan sahabat yang mempunyai akhlak baik agar dapat saling bantu membantu dalam mengerjakan amal kebaikan.
Berbudi Mulia	<i>“Perkara yang tersimpan di dalam hati, akan nampak pada kenyataan zahir”</i>	Adab yang baik adalah tanda baiknya adab batin.



Bersyukur	<i>“Barangsiapa yang tidak mensyukuri nikmat Tuhan, maka bererti berusaha untuk menghilangkan nikmat itu, dan barangsiapa mensyukuri nikmat bererti telah mengikat nikmat itu dengan ikatan yang kuat”</i>	Setiap pemberian perlu didasari dengan rasa syukur. Kerana setiap nikmat itu bukannya hasil dari tangan hamba itu sendiri, melainkan hanya dari kurniaNya semata.
-----------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

*Rujukan Nilai Integriti: Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam ( INTAN, 1991)*

### 2.3. Pembahasan

Selain nilai yang dikemukakan dalam jadual di atas, masih terdapat banyak nilai integriti yang tidak dibahas dalam tinjauan ini, namun terdapat dalam kitab al-Hikam seperti taubat, takut, zuhud, tawakkal, adil, redha dan sebagainya. Nilai integriti ini juga turut dikenali sebagai sifat *mahmudah* atau lebih dikenali sebagai *maqamat* (merujuk istilah yang digunakan oleh ahli tasawwuf). Ini menunjukkan betapa pentingnya warisan kitab turath dalam mengukuhkan lagi pemahaman kita mengenai makna integriti.

### 3. KESIMPULAN DAN SARANAN

Terdapat banyak kajian mengenai pembudayaan integriti telah dilakukan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM), Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) dan lain-lain agensi. Namun, pembudayaan integriti menerusi pendidikan turath masih dilihat sebagai suatu khazanah yang tersembunyi. Disarankan selepas ini kedalaman makna integriti dapat digali secara meluas menerusi kita-kitab turath tasawwuf yang kaya dengan hikmah dan mampu memperdalam lagi ilmu berkaitan integriti pada masa akan datang.

### RUJUKAN

1. Al-Bouti (2005). Al-Hikam Al-Ata'iyah Syarh wa Tahliil, Daar Daqoiq, Malang.
2. Faisal Ahmad Shah, Hanafi Hamdani (2017). Konsep Integriti Menurut Hadis Nabi, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
3. Heriyanto, Husein (2011). Nalar Saintifik Peradaban Islam, Mizan, Bandung.
4. Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam. 1991. Cetakan 1. Malaysia: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
5. Sa'id Hawa (2013). Ulasan Kata-Kata Hikmah Syeikh Ibnu Atha'llah As-Sakandari (Al-Hikam-Terjemahan: Dr. Basri bin Ibrahim), Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru.
6. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri (2008). Integriti Dalam Islam, Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, Negeri Sembilan.

**AKTIVITI KEBUDAYAAN RATU SERIMPAK SEBAGAI SIMBOL PENGEKALAN  
BUDAYA DAN TRADISI ETNIK SAMA-BAJAU: SATU TINJAUAN AWAL**

Rosmah Derak<sup>1</sup>, Saidatul Nornis Haji Mahali<sup>2</sup>, Noorafini Kassim<sup>3</sup>, Junaidah Januin<sup>4</sup>,  
Shaffarullah Abd Rahman<sup>5</sup>, Sanen G. Marshall<sup>6</sup>

<sup>1,2,3,4,5,6</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa  
Universiti Malaysia Sabah

[rosmah@ums.edu.my](mailto:rosmah@ums.edu.my), [saidatul@ums.edu.my](mailto:saidatul@ums.edu.my), [noorafini@ums.edu.my](mailto:noorafini@ums.edu.my), [junaidah@ums.edu.my](mailto:junaidah@ums.edu.my),  
[shaff@ums.edu.my](mailto:shaff@ums.edu.my), [sanen@ums.edu.my](mailto:sanen@ums.edu.my)

**ABSTRAK**

Negeri Sabah memiliki sekurang-kurangnya 33 etnik yang setiap satunya mempunyai warisan budaya dan tradisi yang menonjolkan keunikan masing-masing. Warisan budaya ini juga menjadi simbol dan jati diri setiap etnik tersebut. Etnik Sama-Bajau mewarisi kebudayaan unik turun temurun dari satu generasi kepada satu generasi dan sedikit sebanyak kebudayaan ini mengalami sedikit penyesuaian sesuai dengan arus kemodenan pada masa kini. Serimpak adalah salah satu simbol penting dalam tradisi etnik Sama-Bajau yang mana serimpak adalah satu perhiasan yang dipakai oleh wanita etnik Sama-Bajau ketika majlis perkahwinan ataupun majlis keramaian. Pada masa kini, penganjuran Ratu Serimpak telah menjadi satu aktiviti kebudayaan etnik Sama-Bajau dalam usaha melestarikan budaya dan tradisi etnik ini. Rentetan daripada itu, kajian ini merupakan tinjauan awal terhadap aktiviti kebudayaan Ratu Serimpak yang dipertandingkan di peringkat daerah di negeri Sabah. Sumber data kajian adalah video rakaman siaran langsung (*live*) dari page rasmi Pusat Kebudayaan Bajau Sama yang dikongsikan dalam media sosial. Pemerhatian dan analisis dokumen adalah berdasarkan kepada rakaman siaran langsung tersebut. Impak kepada kajian ini diharap dapat memberi sumbangan positif terhadap usaha yang dilakukan oleh pelbagai pihak dalam usaha mempromosikan dan melestarikan warisan budaya etnik Sama-Bajau di negeri Sabah agar warisan ini sentiasa segar diingati oleh generasi muda etnik Sama-Bajau pada masa kini.

**Kata kunci:** Ratu Serimpak, etnik Sama-Bajau, identiti, aktiviti kebudayaan

**1. PENGENALAN**

Istilah Sama-Bajau dan Bajau Samah atau Sama telah dijelaskan oleh beberapa pengkaji sebelum ini (Sather, 1974; Mahali, 2012; Asmah Hj. Omar, 1983). Istilah ini dikatakan merujuk kepada kelompok etnik Bajau yang tinggal di kawasan Pantai Barat Sabah. Sather (1974) berpendapat etnik Bajau di Kota Belud lebih gemar dipanggil dengan gelaran Sama atau A'asama berbanding

Bajau. Gelaran Bajau adalah gelaran orang luar yang merujuk kepada orang Sama. Dalam kertas kerja ini penulis menggunakan istilah Sama-Bajau untuk merujuk kepada Bajau Sama. Etnik Sama-Bajau yang menetap di Pantai Barat Sabah mempunyai banyak warisan kebudayaan tak ketara yang unik. Namun begitu, menurut Lena Farida & Mohd Kipli, warisan kesenian dan kebudayaan Bajau/Sama' tidak menjadi seni warisan dalam arus perdana kerana ratusan kebudayaan dan seni warisan etnik Bajau/Sama' belum diterokai oleh masyarakat luar (2017: 32). Perkara ini menyebabkan warisan kebudayaan sesebuah etnik akan pupus jika tidak ada usaha untuk melestarikan warisan ini.

Peredaran zaman yang berlaku pada masa kini menyebabkan warisan budaya tidak ketara etnik Sama-Bajau mengalami penyesuaian yang signifikan dengan keadaan semasa. Serimpak yang merupakan aksesori di kepala yang dipakai oleh wanita etnik Sama-Bajau dan dipakai dengan pakaian tradisi etnik diangkat sebagai satu acara kebudayaan yang dipertandingkan di peringkat negeri Sabah sejak tahun 2017. Tidak seperti pertandingan ratu cantik Unduk Ngadau yang menjadi acara kebudayaan tahunan etnik Kadazandusun dalam Pesta Kaamatan (Pesta Menuai), Ratu Serimpak diperkenalkan dengan tujuan untuk mengangkat dan melestarikan budaya etnik Sama-Bajau agar diketahui oleh generasi masa kini. Halina Sendera Mohd. Yakin, Andreas Totu & Rosmah Derak (2016: 216), menjelaskan Ratu Sarimpak (serimpak) ialah salah satu acara pertandingan dalam temasya tamu besar Kota Belud yang disertai oleh gadis-gadis Bajau. Istilah Ratu Sarimpak diambil sempena hiasan kepala bagi wanita Bajau tradisi, iaitu Sarimpak (ada kalanya disebut juga sebagai Serimpak). Ia lazimnya dipakai oleh wanita atau gadis Bajau semasa perkahwinan, persembahan tarian dan dan juga majlis-majlis keramaian. Para peserta dalam pertandingan Ratu Sarimpak akan menggunakan hiasan kepala berkenaan dan juga pakaian tradisi Bajau. Biasanya, pemenang diadili berdasarkan kecantikan, gaya serta tingkah laku dan kebijaksanaan mereka.

Selain acara tahunan yang dipertandingkan dalam Tamu Besar Kota Belud, pertandingan Ratu Serimpak ini juga telah menjadi acara kebudayaan yang dipertandingkan terutama selepas Rumah Kebudayaan Rumpun Bajau-Samah di Kampung Lok Batik, Tuaran beroperasi dalam usaha mengangkat dan memelihara budaya dan tradisi etnik Sama-Bajau.

## **2. OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti sejauhmanakah aktiviti kebudayaan Ratu Serimpak ini dapat mencerminkan simbol dan jati diri etnik Sama-Bajau.

## **3. METODOLOGI**

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang melibatkan pemerhatian dan analisis dokumen terhadap rakaman siaran langsung (*live*) di page *Facebook* Pusat Kebudayaan Bajau Sama sempena Pertandingan Ratu Serimpak yang diadakan dalam Festival Kebudayaan Rumpun BajauSama Sabah 2024.

## 4. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### 4.1 Aktiviti yang berkaitan dengan etnik Sama-Bajau

Para peserta yang menyertai pertandingan ini berusia dalam lingkungan umur 19 tahun hingga 25 tahun yang tergolong dalam kalangan generasi Z. Dalam aktiviti ini mereka didedahkan dengan budaya dan tradisi etnik Sama-Bajau. Kebolehan mereka diuji dalam aktiviti seperti *nepo parai* (menumbuk padi), *ngukur suka'* (memarut kelapa), *ngelabu' penjaram* (memasak kuih penjaram) dan *ngelapat* (melipat daun) yang menyumbang markah sebanyak 15 peratus. Aktiviti-aktiviti ini sangat sinonim dengan tradisi etnik Sama-Bajau dan kebolehan peserta untuk melakukannya menunjukkan bahawa peserta tersebut dapat dijadikan sebagai contoh kepada generasi muda etnik Sama-Bajau. Hal ini demikian kerana bukan semua generasi muda etnik Sama-Bajau pada masa kini dapat melakukan kerja-kerja tersebut jika tiada pendedahan dilakukan oleh ibu bapa mereka di rumah.

### 4.2 Penggayaan Busana Etnik

Penggayaan busana etnik yang dipertandingkan dalam acara kebudayaan ini menyumbang markah sebanyak 20 peratus. Setiap wakil daerah yang bertanding akan mengenakan pakaian etnik Sama-Bajau yang dilengkapi dengan serimpak dalam usaha menonjolkan pakaian tradisi etnik Sama-Bajau.



**Foto 1:** Serimpak (perhiasan di kepala) yang dipakai bersama badu sipak  
**Sumber:** Page Facebook Pusat Kebudayaan Bajau Sama

### 4.3 Kebolehan berbahasa etnik

Kebolehan berbahasa ibunda juga diuji kepada para peserta. Mereka diminta menggunakan bahasa ibunda untuk memperkenalkan diri seperti menyatakan nama, umur, daerah yang diwakili dan juga mereka bebas mengekspresikan diri mereka dengan berpantun dalam bahasa ibunda untuk memikat hati para juri dan penonton. Markah yang diberikan bagi aktiviti ini ialah 10 peratus.

Kebolehan berbahasa ibunda para peserta teruji dalam aktiviti ini dan terdapat peserta yang kurang mahir berbahasa ibunda dan terdapat percampuran bahasa Melayu ketika sesi memperkenalkan diri ini berlangsung. Terdapat juga peserta yang cuba membawa kelainan dengan bertutur dalam bahasa Jepun ketika memperkenalkan diri. Namun kelainan ini sepatutnya dielakkan oleh peserta kerana yang perlu ditonjolkan dalam aktiviti ini ialah penguasaan berbahasa Sama-Bajau yang merupakan simbol dan identiti etnik ini.

#### **4.4 Sesi soal-jawab**

Peserta *top 6* yang terpilih dalam pertandingan ini akan melalui sesi soal-jawab di atas pentas. Markah yang diberikan sebanyak 10 peratus. Peserta dikehendaki mencabut soalan yang disediakan oleh juri dan pengacara akan membacakan soalan yang diperoleh finalis dalam Bahasa Melayu. Para finalis pula diminta menjawab soalan tersebut namun tidak dinyatakan sama ada peserta perlu menjawab dalam bahasa ibunda ataupun bahasa Melayu. Oleh itu terdapat tiga orang peserta yang memilih jalan selamat dengan menjawab soalan tersebut dalam bahasa Melayu sementara tiga yang lain menjawab soalan tersebut dalam bahasa ibunda. Perkara ini sepatutnya tidak berlaku dan pihak penganjur mesti menetapkan syarat agar peserta menjawab dalam bahasa ibunda mereka agar identiti etnik yang cuba diangkat dalam penganjuran Ratu Serimpak ini tercapai dan tidak bercelaru.

#### **4.5 Pelestarian Budaya Etnik Sama-Bajau Melalui Pertandingan Ratu Serimpak**

Upaya pelestarian budaya etnik Sama-Bajau memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak terutamanya etnik Sama-Bajau itu sendiri. Justeru, pertandingan yang dianjurkan oleh Persatuan Rumpun Bajau Sama Sabah ini merupakan langkah awal yang dilakukan dalam usaha memelihara dan seterusnya melestarikan budaya etnik Sama-Bajau agar tidak pupus ditelan zaman. Kemajuan teknologi yang melanda dunia pada hari ini perlu digunakan sebaiknya oleh etnik Sama-Bajau untuk memelihara warisan budaya mereka. Berdasarkan pemerhatian dan analisis dokumen terhadap siaran langsung (*live*) Pertandingan Ratu Serimpak, didapati bahawa identiti etnik Sama-Bajau tidak diketengahkan dengan sepenuhnya oleh penganjur sebagaimana dapatan kajian yang diperoleh.

Sungguhpun pihak penganjur ingin memartabatkan tradisi dan budaya etnik Sama-Bajau kepada masyarakat dan pihak luar, namun pihak penganjur juga perlu meneliti semula syarat penganjuran aktiviti kebudayaan ini agar mencapai matlamat yang diinginkan dalam usaha melestarikan tradisi, budaya dan bahasa etnik Sama-Bajau. Bahasa ibunda seharusnya digunakan sepenuhnya dalam aktiviti kebudayaan Ratu Serimpak ini dengan menampilkan pengacara yang berbahasa ibunda agar matlamat untuk mengangkat tradisi dan budaya etnik Sama-Bajau tersebut tercapai. Walaupun pihak penganjur berpendapat penggunaan bahasa Melayu dalam sesi pengacaraan adalah mengambil kira kepelbagaian latar belakang penonton, namun penggunaan bahasa ibunda secara total adalah lebih baik dan dapat memberi impak positif dalam mencapai matlamat utama penganjuran aktiviti kebudayaan ini. Selain itu pihak penganjur juga menyelitkan hiburan selingan dalam dalam bahasa Melayu. Hal-hal seperti ini wajar difikirkan semula oleh pihak penganjur kerana matlamat penganjuran Ratu Serimpak itu sendiri adalah untuk mengangkat maruah suku kaum Sama-Bajau.

## 5. KESIMPULAN

Acara kebudayaan Ratu Serimpak merupakan satu usaha untuk mengangkat tradisi dan budaya etnik Sama-Bajau dan sebagai satu promosi kepada masyarakat luar untuk mengetahui tradisi dan budaya etnik ini. Penganjuran acara ini dapat menonjolkan identiti etnik Sama-Bajau agar terus terpelihara dari terus pupus. Namun begitu penganjuran acara kebudayaan ini perlu diteliti semula daripada pelbagai aspek yang berkaitan dengan tradisi, budaya dan bahasa etnik Sama-Bajau. Identiti etnik tidak diangkat ke tahap yang sepatutnya kerana acara ini tidak sepenuhnya dijalankan dalam bahasa ibunda. Kritikan yang dilontarkan oleh etnik Sama-Bajau dalam ruangan komen *facebook live* semasa menonton siaran langsung ini perlu diambil kira oleh pihak penganjur dalam usaha penambahbaikan penganjuran Ratu Serimpak ini pada masa yang akan datang. Keprihatinan yang ditunjukkan oleh penonton dalam kalangan etnik Sama-Bajau terhadap aktiviti kebudayaan ini menunjukkan bahawa mereka ingin melihat program ini berjaya dalam mencapai matlamatnya dalam usaha melestarikan budaya, tradisi dan bahasa ibunda.

## PENGHARGAAN

Kertas kerja ini merupakan sebahagian daripada Geran Kluster UMS kod geran DKP0002 bertajuk “Penerimaan Generasi Z Etnik Bajau Samah dalam Warisan Budaya Tak Ketara (Muzik tradisi dan Seni Persembahan)”.

## RUJUKAN

- Asmah Hj. Omar. (1983). *The Malay People of Malaysia and Their Language*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Halina Sendera Mohd. Yakin, Andreas Totu & Rosmah Derak. (2016). Simbol binatang ternakan dan konsep artifak sebagai manifestasi identiti budaya dan identifikasi etnik peribumi Sabah: Satu Kajian dari Perspektif Komunikasi. *Jurnal MANU*, 24, 203-219.
- Lena Farida Hussain Chin & Mohd. Kipli Abdul Rahman. (2017). Kemampunan Berasik: Persembahan ritual etnik Bajau Sama' di Sabah. Conference: 1st Lombok International Edu-Tourism Conference (LIETC) 2017 Empowering Edu-Tourism and Local Culture At: Golden Palace Hotel Lombok, Kota Mataram, Nusa Tenggara Barat, Indonesia.
- Page Facebook* Pusat Kebudayaan Bajau Sama Tuaran.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali (penyunting). (2012). *Bajau Pantai Barat*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Sather, C.A. (1974). Cultural affiliation in Eastern Sabah and Sulu Province. *Borneo Research Bulletin*, 6(1), 15-16.

## INSTRUMEN PERSEPSI KENDIRI PENDAKWAH DALAM PENGGUNAAN BAHASA ARAB DARI ASPEK KEMAHIRAN RESEPTIF

Nadzirah Norudin<sup>1</sup>, Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad<sup>2</sup>, Kaseh Abu Bakar<sup>3</sup>

<sup>1</sup>*Pusat PERMATA@Pintar Negara,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[nadzirahnorudin@ukm.edu.my](mailto:nadzirahnorudin@ukm.edu.my)*

<sup>2</sup>*Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[suzail@ukm.edu.my](mailto:suzail@ukm.edu.my)*

<sup>3</sup>*Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[kaseh@ukm.edu.my](mailto:kaseh@ukm.edu.my)*

### ABSTRAK

Persepsi kompetensi sendiri merupakan cerminan bagi penguasaan kemahiran berbahasa Arab khususnya kemahiran reseptif. Kemahiran reseptif ialah kemahiran yang memerlukan seseorang individu menerima, memproses dan memahami makna dalam sesuatu bentuk tugas atau aktiviti. Kemahiran reseptif bahasa Arab sewajarnya dikuasai oleh para pendakwah muda memandangkan bahasa Arab merupakan bahasa pengantar utama dalam sumber rujukan Islam yang muktabar. Namun begitu, tahap penguasaan para pendakwah muda untuk kemahiran reseptif ini sangat merisaukan sedangkan kemahiran ini penting diaplikasikan di fasa persediaan sebelum menyampaikan apa-apa perkongsian sama ada secara fizikal atau maya. Oleh yang demikian, satu instrumen telah dibangunkan dan diubahsuai untuk menilai tahap persepsi kompetensi sendiri pendakwah muda bagi kemahiran reseptif bahasa Arab. Instrumen telah disahkan melalui kaedah *Fuzzy Delphy* yang melibatkan 11 orang pakar. Nilai persetujuan yang tinggi diperolehi dengan peratusan 75. Satu kajian rintis melibatkan seramai 32 orang responden pelajar tahun akhir jurusan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM telah dijalankan bagi menguji kesediaan instrumen persepsi sendiri pendakwah dari aspek kemahiran reseptif bahasa Arab untuk digunakan dalam kajian sebenar. Dapatan dianalisis menggunakan perisian Winstep dan nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* yang diperolehi menunjukkan nilai yang diterima iaitu 0.88. Dapatan kajian menunjukkan instrumen ini sedia dan sesuai digunakan oleh para pendakwah muda dan organisasi pengkaderan dakwah untuk mendapatkan gambaran awal persepsi kompetensi sendiri pendakwah muda tentang penguasaan kemahiran reseptif bahasa Arab.

**Keywords:** persepsi sendiri pendakwah; bahasa Arab pendakwah; kemahiran reseptif; instrumen pendakwah.



## 1. PENDAHULUAN

Pendakwah yang berketerampilan tidak hanya dizahirkan melalui luaran yang baik semata bahkan kualiti pengetahuan agamanya juga perlu dititikberatkan. Mungkin tidak keterlaluan untuk dikatakan bahawa pendakwah yang diharapkan untuk membimbing masyarakat kepada Islam yang sebenar bukan sekadar beramal secara membabi buta akan tetapi mempunyai asas dan pendirian yang selari dengan syarak dalam mengamalkan satu amalan atau menyebarkan satu perkongsian berlandaskan rujukan Islam yang muktabar. Bagi melahirkan pendakwah yang selari pengetahuan dan amalan agamanya, suatu proses pemerolehan kefahaman ilmu yang terperinci perlu dilalui dan proses ini memerlukan penguasaan kemahiran reseptif iaitu kemahiran membaca dan mendengar yang baik.

Umum mengetahui sumber rujukan ilmu dakwah terdiri daripada Al-Quran, As-Sunnah dan Sirah Nabi [1]. Bagi sumber perundangan Islam yang disepakati ulama ialah Al-Quran, As-Sunnah, Ijmak dan Qiyas. Manakala sumber perundangan yang tidak disepakati ulama pula ialah Masalih Mursalah, Istishab dan Uruf. Kesemua sumber rujukan ini dianggap sebagai sumber primer dalam memahami Islam dan bahasa utamanya ialah bahasa Arab. Tidak keterlaluan untuk mengatakan bahawa dalam pemerolehan pengetahuan agama yang berkualiti, kemahiran reseptif bahasa Arab sangat penting untuk dikuasai oleh pendakwah khususnya kerana mereka perlu merujuk kembali sumber-sumber primer muktabar yang kebanyakannya dalam bahasa Arab untuk mendapatkan kefahaman dan maklumat yang hakiki berkaitan Islam.

Bukan itu sahaja, proses audit maklumat yang berkaitan agama juga perlu dikuasai pendakwah. Dari segi bahasa, audit didefinisikan sebagai suatu proses mengumpul dan menilai segala bukti mengenai sesuatu maklumat. Dalam Islam pula, proses audit ini disebut sebagai 'tabayyun' atau memeriksa kebenaran maklumat yang disampaikan dari sumber yang kurang dipercayai supaya maklumat yang disajikan sesuai dengan nilai-nilai dan ketentuan syariah [2]. Hal ini selari dengan firman Allah dalam Surah Al-Hujurat ayat 6 [3]. Proses audit ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik jika penguasaan kemahiran reseptif bahasa Arab pendakwah berada di tahap yang merisaukan. Tambahan pula dengan era digital kini, semakin banyak penyebaran maklumat palsu berkaitan agama dan betapa mudahnya maklumat itu disebarkan tanpa kawalan. Di sinilah peranan pendakwah untuk memperbetul kesalahfahaman yang terjadi dalam kalangan masyarakat maya khususnya.

Ini menunjukkan bahawa penguasaan bahasa Arab adalah elemen kritikal dalam pendidikan dan penyampaian ajaran Islam. Bagi sosok seorang pendakwah, kemahiran reseptif dalam bahasa Arab bukan sahaja memudahkan pemahaman teks-teks agama, tetapi juga memainkan peranan penting dalam keberkesanan komunikasi mereka dengan masyarakat. Namun, terdapat kebimbangan yang semakin meningkat mengenai tahap kemahiran bahasa Arab pendakwah di Malaysia.

Walau bagaimanapun, realitinya setiap proses pemerolehan pengetahuan berdasarkan sumber primer muktabar dan juga proses audit ini tidak mungkin berlaku sekelip mata. Tanpa persepsi kompetensi sendiri yang tinggi dalam diri pendakwah tentang kemahiran reseptif bahasa Arab mereka, sudah tentu proses-proses ini tidak dapat direalisasikan dengan jayanya. Menurut

Nobre dan Valentini (2019) persepsi sendiri merupakan *'the judgment of individuals about their own competencies to satisfy the requirements of a task'* [4]. Ini bermakna jika dilihat dalam landskap perbincangan dakwah, apabila seseorang pendakwah itu mempunyai tahap persepsi kompetensi sendiri yang tinggi dalam kemahiran reseptif bahasa Arabnya, maka, tahap kemampuannya untuk menyelesaikan suatu tugas yang berkaitan juga tinggi. Begitu juga sebaliknya.

Tambahan pula, kekurangan penilaian yang sistematik terhadap kemahiran bahasa Arab ini boleh menyebabkan variasi dalam kemampuan pendakwah untuk menyampaikan ajaran agama secara jelas dan berkesan. Hal ini bukan sahaja berpotensi menyebabkan salah faham dalam penyampaian ajaran Islam, tetapi juga menjejaskan kepercayaan masyarakat terhadap pendakwah itu sendiri. Dengan penekanan kepada penguasaan bahasa yang tinggi, pendakwah diharapkan dapat berinteraksi dengan audiens dengan lebih berkesan dan memberikan impak positif kepada perkembangan spiritual masyarakat.

Rentetan itu, kajian penilaian tahap persepsi sendiri pendakwah dalam penggunaan bahasa Arab dari aspek kemahiran reseptif perlu dititikberatkan melihatkan peri pentingnya penilaian persepsi kompetensi sendiri ini dalam diri pendakwah. Justeru, kajian ini ingin melihat kebolehpercayaan instrumen kemahiran reseptif bahasa Arab pendakwah untuk melihat kesediaan instrumen ini diimplementasikan kepada golongan sasaran. Analisis ini akan membolehkan kita mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam penguasaan kemahiran bahasa mereka khususnya dalam aspek persepsi kompetensi sendiri, serta membangunkan program latihan yang sesuai untuk meningkatkan kemampuan mereka. Dengan mengatasi isu ini, kita dapat memastikan pendakwah lebih bersedia untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dan memberi kesan positif kepada komuniti.

## **2. METODOLOGI**

Kajian ini mengimplementasikan pendekatan kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan deskriptif yang hanya melibatkan aspek kesahan dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik. Model Pembangunan Instrumen Miller et al. (2013) telah diaplikasikan sepanjang pembinaan instrumen dijalankan [5].

32 sampel responden rintis diambil daripada populasi kajian iaitu pelajar tahun akhir jurusan dakwah di Universiti Kebangsaan Malaysia. Meskipun begitu responden yang dipilih bukan sampel sebenar tetapi mempunyai ciri, sifat dan karakter yang sama atau hampir sama dengan sampel sebenar kajian. Penetapan bilangan sampel kajian rintis ini mengambilkira pandangan Cooper dan Schindler (2011) yang mencadangkan julat sampel bagi kajian rintis antara 25 hingga 100 orang memandangkan secara praktikalnya kajian rintis hanyalah kajian yang berskala kecil [6].

Instrumen persepsi kompetensi sendiri ini dibangunkan berdasarkan penggunaan bahasa Arab yang selari dengan keperluan pendakwah dengan rujukan *Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)* [7] dan instrumen kajian *Williams & Deci* (1996) [8]. Berikut

merupakan ringkasan aliran pembinaan konstruk persepsi kompetensi sendiri bagi kemahiran reseptif bahasa Arab pendakwah:



Rajah 1 Aliran Pembinaan Kontruk Persepsi Kompetensi Kendiri bagi Kemahiran Reseptif Bahasa Arab Pendakwah

### 3. DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan senarai akhir item bagi instrumen persepsi kompetensi sendiri kemahiran reseptif Arab pendakwah setelah melalui proses pembinaan item seperti yang telah ditunjukkan pada Rajah 1.

Jadual 1 Senarai Akhir Item Rintis Persepsi Kompetensi Kendiri Kemahiran Reseptif Bahasa Arab Pendakwah

KONSTRUK KEMAHIRAN MEMBACA	
1	<b>Saya yakin dengan kemampuan diri untuk membaca teks ilmiah dalam bahasa Arab.</b>
2	<b>Saya mampu menyahut cabaran untuk membaca teks ilmiah dalam bahasa Arab.</b>
3	<b>Saya mampu memahami teks ilmiah yang dibaca dalam bahasa Arab.</b>
4	<b>Saya mampu memanfaatkan bahan bacaan ilmiah dalam bahasa Arab.</b>
KONSTRUK KEMAHIRAN MENDENGAR	
1	<b>Saya yakin dengan kemampuan diri untuk memahami bahan yang didengari dalam bahasa Arab.</b>
2	<b>Saya mampu menyahut cabaran untuk mengambil maklumat daripada bahan yang didengari dalam bahasa Arab.</b>
3	<b>Saya mampu memahami bahan yang didengari dalam bahasa Arab.</b>
4	<b>Saya mampu mengulas kembali bahan yang didengari dalam bahasa Arab.</b>

Setelah menjalankan ujian rintis kepada responden sasaran, keputusan analisis *Winstep* mendapati tahap kebolehpercayaan item-item dalam instrumen ini berada di tahap yang baik iaitu dengan nilai *Cronbach Alpha* 0.88.

Jadual 2 Output *Cronbach's Alpha*

<i>Cronbach's Alpha</i>	Bilangan Item
0.88	8

#### 4. KESIMPULAN

Instrumen kemahiran reseptif bahasa Arab untuk pendakwah ini sedia untuk digunakan melihatkan kepada tahap kebolehpercayaan instrumen yang baik. Walau bagaimanapun, populasi kajian ini perlu diperluas bukan hanya terhad untuk pelajar jurusan dakwah di IPTA, bahkan di IPTS juga supaya dapatan yang diperoleh boleh digeneralisasikan untuk satu-satu populasi yang disasarkan iaitu pelajar jurusan dakwah di Malaysia.

#### PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan Geran Universiti Penyelidikan (GUP), kod projek: GUP-2022-034. Jutaan terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kerana memberi dana bagi menjalankan kajian ini.

#### RUJUKAN

1. Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Nora Ahmad@Aziz, Abdul Ghafar Don & Adawiyah Ismail, (2013) Faktor Penulisan Ilmu Dakwah dalam Islam, *Al-Hikmah* , 5, 3-17.
2. Dalmie Shahrul Suryati binti Azmee, (2023). Konsep Audit Dalam menurut Perspektif Islam. [https://audit.upm.edu.my/artikel/konsep\\_audit\\_dalam\\_menurut\\_perspektif\\_islam-71201](https://audit.upm.edu.my/artikel/konsep_audit_dalam_menurut_perspektif_islam-71201)
3. Al-Quran
4. Nobre, G. C., Valentini N. C., (2019). Self-Perception Of Competence: Concept, Changes In Childhood, And Gender And Age-Group Differences, *Journal Physic Education*, 30.
5. Miller. A.L., Mcintre, A.S., & Lovler, L.R., (2013). *Foundations of Psychological Testing: Practical Approach* (4th Ed.). California: SAGE Publications.
6. Cooper, D. R., dan Schindler, P. S., (2011). *Business Research Methods*. Singapore: The McGraw-Hill Companies, Inc.
7. Council of Europe (2020). *Common European Framework of Reference for Languages: Learning, Teaching, Assessment—Companion Volume*. Council of Europe Publishing.

8. Williams, G. C., & Deci, E. L. (1996). Internalization of biopsychosocial values by medical students: A test of self-determination theory. *Journal of Personality and Social Psychology*, 70, 767-779.
9. Linacre, J. M., (2023). Winsteps® Rasch measurement computer program (Version 5.6.0)

**ADAPTASI BUDAYA MASYARAKAT PRASEJARAH TERHADAP PERSEKITARAN:  
KAJIAN KES LEMBAH LENGGONG, PERAK**

Naizatul Akma Mohd Mokhtar<sup>1</sup>, Norkhairunnisa Talib<sup>2</sup> dan Mokhtar Saidin<sup>3</sup>

<sup>1</sup>*Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok,  
Kedah*

*E-mail: n.akma.mohd@uum.edu.my*

<sup>2</sup>*Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang*

*E-mail:*

<sup>3</sup>*Persatuan Ancked Sungai Batu, Parkir MPSPK Kompleks Sungai Batu, 08100 Bedong,  
Kedah*

*E-mail: mokhtarsaidin@gmail.com*

**ABSTRAK**

Masyarakat awal prasejarah di Malaysia bermula di Lembah Lenggong, Perak dengan kebudayaan Paleolitik lebih 1.83 juta tahun dahulu, diikuti oleh kebudayaan Neolitik dan akhirnya kebudayaan zaman Logam. Masyarakat awal ini hidup secara nomadik ke semi-nomadik, berpindah-randah, mempunyai susunan masyarakat yang ringkas dan tidak mempunyai bukti tulisan dan bangunan. Namun, masyarakat awal inilah yang menjadi pelopor atau asas kepada zaman tamadun dan sejarah kita sekarang. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan adaptasi budaya masyarakat prasejarah menyesuaikan diri dengan persekitaran melalui perubahan budaya. Kaedah kajian akan dijalankan secara kualitatif melalui pengumpulan data sekunder seperti buku dan artikel berkaitan tapak-tapak arkeologi di Malaysia khususnya Lembah Lenggong, Perak. Hasil kajian mendapati secara umumnya masyarakat prasejarah Lembah Lenggong hidup beradaptasi pada persekitaran tasik dan sungai untuk mendapatkan sumber bahan mentah dan makanan. Tingkah laku kehidupan ini berterusan sehingga sekarang mereka hidup di sekitar Tasik Cenderoh dan Sungai Perak. Ini bermakna pernah wujud satu Tasik Cenderoh Kuno dan Sungai Perak Kuno di zaman prasejarah dengan paras air yang berbeza. Tasik Cenderoh Kuno dan Sungai Perak Kuno menyediakan sumber air tawar, bahan mentah batuan dan medium pergerakan manusia awal di kawasan ini. Perubahan kebudayaan atau kemajuan cara hidup masyarakat Paleolitik ke Neolitik dan akhirnya ke zaman Logam di pengaruhi oleh keperluan kehidupan dengan populasi yang semakin meningkat serta adanya perhubungan dengan luar. Perkembangan teknologi yang berlaku adalah berdasarkan kreativiti mengikut keperluan fungsi dengan menggunakan sumber dari persekitaran, contohnya penghasilan tembikar, pemukul kulit kayu, perhiasan dari cengkerang dan alat logam. Ini jelas menunjukkan, kemahiran berfikir manusia yang semakin berkembang mampu untuk

menghasilkan alat menggunakan sumber dari persekitaran bersama penguasaan suhu api yang semakin meningkat.

**Kata Kunci:** Adaptasi, prasejarah, persekitaran, teknologi.

## 1. PENGENALAN

Adaptasi budaya merupakan konsep yang sangat penting dalam memahami interaksi antara masyarakat prasejarah dengan alam sekitar serta kesan perubahan alam dalam kehidupan. Masyarakat prasejarah hidup dalam hubungan yang erat dengan persekitaran semulajadi dan kemahiran yang dimiliki tercipta hasil adaptasi terhadap persekitaran untuk kelangsungan hidup. Perubahan iklim semasa Kuartener di Asia Tenggara telah mendorong evolusi manusia awal dan menyebabkan berlakunya migrasi. Perubahan iklim juga mengubah pola migrasi haiwan buruan yang memaksa masyarakat prasejarah untuk mencari sumber makanan alternatif atau menyesuaikan teknik memburu mereka. Perbezaan persekitaran yang berlaku pada masa itu mendorong masyarakat prasejarah untuk menyesuaikan teknik dan kemahiran termasuk penemuan teknik memburu, memancing, dan mengumpulkan makanan serta dalam pembuatan alat-alat batu seperti kapak genggam dan alat reph untuk memenuhi keperluan hidup mereka.

Zaman prasejarah di Malaysia merangkumi zaman Paleolitik, Neolitik dan zaman Logam bermula dari sekitar 1.83 juta hingga 1000 tahun dahulu (Jadual 1). Zaman-zaman ini dibahagikan kepada beberapa peringkat utama yang mewakili perkembangan budaya dan adaptasi masyarakat prasejarah. Setiap zaman memberikan gambaran tentang cara masyarakat pada waktu itu menyesuaikan diri dengan persekitaran mereka. Zaman Paleolitik dicirikan oleh penggunaan alat batu yang asas, manakala zaman Neolitik pula menandakan peralihan cara hidup nomad kepada masyarakat yang mengamalkan pertanian, perternakan serta pemburuan untuk menambah sumber bahan makanan. Sementara itu, masyarakat Zaman Logam dicirikan dengan cara hidup menetap dan berorganisasi serta telah menggunakan bahan logam untuk dijadikan peralatan.

Jadual 1: Ciri-ciri Kebudayaan Prasejarah Mengikut Zaman di Malaysia

Zaman	Paleolitik	Neolitik	Logam
Julat tahun	10,000 >> tahun dahulu	8,000 - 7,000 tahun dahulu	3,000 – 1,000 tahun dahulu
Cara hidup	Hidup secara nomad, berpindah-randah selepas habis sumber makanan, pemburu dan pemunggut	Zaman ini dicirikan oleh perkembangan pertanian yang lebih maju, penempatan tetap, dan pembuatan tembikar. Masyarakat Neolitik mula menanam padi dan membina rumah-rumah kekal.	Zaman ini menandakan permulaan penggunaan logam seperti gangsa dan besi dalam pembuatan alat dan senjata. Masyarakat pada zaman ini menunjukkan perkembangan dalam



			struktur sosial dan perdagangan.
Teknologi	Alat batu	Tembikar	Alat logam
Contoh tapak	Tapak di Bukit Bunuh, Perak,	Gua Sireh, Sarawak dan Gua Cha di Kelantan	Gua Harimau dan Bukit Batu Kurau di perak.

## 2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kualitatif dengan pengumpulan data sekunder seperti buku, artikel dan rekod laporan arkeologi yang berkaitan tapak-tapak arkeologi di Lembah Lenggong, Perak. Data-data kualitatif tersebut dianalisis secara deskriptif untuk mengkaji adaptasi budaya masyarakat prasejarah menyesuaikan diri dengan persekitaran. Kawasan kajian meliputi keseluruhan kebudayaan yang ada di tapak Lembah Lenggong, Perak.

## 3. PALEOALAM LEMBAH LENGGONG

Kajian paleoalam di Lembah Lenggong telah dimulakan sejak tahun 1962 oleh Walker dan Sieveking, dan diteruskan oleh Zuraina dan Tjia (1988), Mokhtar (1997), Hamid (2007), Mokhtar dan Jeffrey (2007) serta Nor Khairunnisa (2013, 2020). Pembentukan paleoalam semasa Pleistosen melibatkan perubahan bentuk landskap bumi dan persekitaran. Perubahan ini dipengaruhi oleh pembentukan tasik kuno dan evolusi Sungai Perak. Tasik kuno ini adalah tasik yang sama wujud semasa tapak-tapak Paleolitik di Lembah Lenggong diduduki. Landskap Sungai Perak yang membesar akibat sekatan runtunan membentuk tasik dianggarkan berlaku sebanyak beberapa kali semasa zaman prasejarah berdasarkan rekonstruksi geologi dan geomorfologi oleh Mokhtar dan Jeffrey (2007). Mokhtar dan Jeffrey (2007) mengenalpasti bahawa Sungai Perak telah mengalami perubahan kedudukan beberapa kali hingga mencapai lokasinya yang terkini berdasarkan taburan teres berkelikir yang ditemui berkeluasan antara 30 m<sup>2</sup> hingga 2 km<sup>2</sup>.

Peristiwa hentaman meteorit yang berlaku sekitar 1.83 juta tahun dahulu juga telah menyekat aliran sungai Perak kuno dan mengalihkannya ke arah timur (Nor Khairunnisa, 2020). Hentaman tersebut telah membentuk kawah hentaman meteorit di sekitar Bukit Bunuh dengan anggaran diameter lapan kilometer. Pengendapan debu tefra toba turut menjadi petunjuk kepada kajian paleoalam di Lembah Lenggong. Norishah (2014) mencadangkan bahawa persekitaran lakustrin atau tasik telah berbentuk berdasarkan pengendapan kembali gunung berapi di kawasan ini. Usia pengendapan tersebut dianggarkan sekitar 75,000 tahun dahulu berdasarkan kaedah pentarikan pandar kilau rangsangan optik (OSL).

## 4. ADAPTASI BUDAYA MASYARAKAT DI LEMBAH LENGGONG

Kajian arkeologi yang dijalankan sejak tahun 1938 telah merekodkan penggunaan teres Sungai Perak kuno melalui penemuan lokasi endapan berkelikir yang dijadikan sebagai sumber bahan mentah dan tapak bengkel pembuatan alat batu. Sehingga kini, enam tapak ekskavasi telah dijalankan di teres

berkelikir tersebut dan menyumbang kepada pengetahuan tentang kebudayaan Paleolitik termasuk fungsi tapak, teknologi litik, pentarikan dan paleoalam bagi tapak-tapak terbuka di Lembah Lenggong. Tapak-tapak paleolitik terbuka yang dikenal pasti di Lenggong ialah tapak Bukit Jawa, Temelong, Kota Tampan dan Bukit Bunuh yang menunjukkan kehadiran manusia awal sejak 1.83 juta dahulu (Nor Khairunnisa, 2020). Kajian oleh Zuraina (1989) dan Mokhtar (1997, 2007) mendapati bahawa masyarakat Paleolitik di Lembah Lenggong beradaptasi dengan persekitaran pesisir tasik kuno Chenderoh yang menunjukkan kesamaan dengan masyarakat Paleolitik di seluruh dunia (Zuraina, 1996). Menurut Zuraina (1996), manusia Paleolitik di Lembah Lenggong mendiami kawasan ini secara berterusan kerana mereka memahami dan dapat menyesuaikan diri dengan keadaan tempatan.

Sungai memainkan peranan penting dalam pergerakan manusia awal yang biasanya akan mengikuti lembah sungai dan menduduki kawasan berhampiran sumber air dan kelikir (Jeffrey, 2013). Ini dibuktikan dengan penemuan banyak lokasi berkelikir sungai sepanjang lembangan yang menyediakan bahan mentah batu untuk industri alat batu mereka. Saliran utama seperti Sungai Perak, yang mengalami perubahan beberapa kali, telah meninggalkan banyak teres kuno berkelikir di Hulu Perak, menjadikannya laluan penting dalam migrasi manusia awal (Mokhtar dan Jeffrey, 2007). Kajian palinologi terhadap spora dan debunga di tapak Paleolitik di Lenggong dan Lawin telah memperkukuhkan hujah Zuraina (1996), yang menyimpulkan bahawa Lenggong dahulunya adalah hutan tropika savana, lebih terbuka berbanding hutan hujan tropika yang ada sekarang (Mokhtar, 1997). Ini menunjukkan bahawa kadar hujan ketika itu adalah jauh lebih rendah yang membolehkan mereka hidup pada sekitaran terbuka. Persekitaran terbuka ini juga membolehkan kehadiran binatang bersaiz besar. Maka, sebagai pemburu dan pemungut, masyarakat Paleolitik perlu menghasilkan alat yang sesuai untuk memburu binatang yang bersaiz besar ini. Oleh itu, penemuan alat batu seperti alat penetak dan kapak genggam adalah bukti penggunaan alat-alat ini dalam aktiviti pemburuan.

Masyarakat prasejarah yang menghuni tapak gua atau pelindung batuan di Lembah Lenggong bermula dari Zaman Paleolitik Akhir hingga ke Zaman Logam. Ini menunjukkan terdapat perubahan dalam pemilihan kawasan penempatan bermula dari Zaman Paleolitik Akhir, di mana kebanyakan masyarakat mula memilih gua atau pelindung batuan sebagai tempat tinggal untuk perlindungan, terutamanya daripada ancaman banjir dan binatang buas. Gua yang dipilih biasanya terletak di kawasan yang lebih tinggi dan mempunyai tahap pencahayaan yang baik. Selain sebagai kawasan penghunian, gua turut digunakan sebagai kawasan pengebumian terutamanya semasa tempoh Holosen (Zuraina, 2005).

Peralihan dari masyarakat Paleolitik ke Neolitik dan seterusnya ke Zaman Logam dipengaruhi oleh keperluan hidup yang semakin meningkat seiring dengan pertambahan populasi dan hubungan dengan masyarakat luar. Masyarakat Zaman Logam mula menyerap kebudayaan luar melalui aktiviti perdagangan. Mereka juga mula menjalankan aktiviti melombong bijih timah untuk tujuan perdagangan. Kehidupan seharian mereka banyak dibantu dengan kemunculan ciptaan peralatan yang diperbuat daripada logam sama ada besi atau gangsa (Adnan, 2013). Penemuan sebilah kapak gangsa dan acuannya di Gua Harimau, Lenggong, Perak melengkapkan koleksi artifak gangsa yang mewakili Zaman Logam di Malaysia. Kajian terhadap perubahan dalam teknologi seperti alat pertanian, peralatan harian, dan teknik pembinaan menunjukkan penyesuaian cara hidup masyarakat dalam bidang pertanian, pemburuan, dan pengumpulan

makanan. Perubahan sosial dan organisasi komuniti termasuk pembentukan penempatan tetap dan struktur sosial turut mencerminkan perkembangan tersebut. Kemajuan teknologi pada masa itu adalah hasil daripada kreativiti manusia dalam memenuhi keperluan hidup, termasuk dalam pembuatan tembikar, alat dari kulit kayu, perhiasan dari cengkerang dan alat logam. Semua ini menunjukkan peningkatan kemampuan berfikir manusia, khususnya dalam penguasaan suhu api.

## 5. KESIMPULAN

Adaptasi budaya dan persekitaran memainkan peranan penting dalam perkembangan masyarakat prasejarah hingga tamadun awal. Kajian terhadap interaksi antara manusia dan alam sekitar memberikan gambaran tentang bagaimana masyarakat ini menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran. Masyarakat prasejarah menunjukkan kebolehan adaptasi yang tinggi melalui inovasi budaya dan teknologi. Kajian ini memberikan perspektif penting tentang bagaimana masyarakat awal menyesuaikan diri dengan persekitaran mereka dan mengembangkan budaya mereka dalam menghadapi cabaran alam sekitar.

## RUJUKAN

1. Adnan Jusoh, (2013). Analisis artifak logam dan kepentingannya dalam konteks penyelidikan arkeologi dalam Abdullah Zakaria Ghazali dan Zuliskandar Ramli, eds, Panji Pendeta. Dewan Bahasa dan Pustaka, 43-72, Kuala Lumpur.
2. Department of National Heritage, (2011). Archaeological heritage of the Lenggong Valley: Nomination dossier for inscription on the UNESCO world heritage list, National Heritage Department.
3. Hamid Isa, (2007). Bengkel alat batu zaman Pleistosen Pertengahan (70 000 tahun dahulu) di Kota Tampan, Lenggong, Perak. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia. (Tidak diterbitkan).
4. Mokhtar Saidin, (1997). Kajian perbandingan tapak Paleolitik Kampung Temelong dengan Kota Tampan dan sumbangannya terhadap kebudayaan Zaman Pleistosen Akhir di Asia Tenggara. *Malaysia Museums Journal*, Jabatan Muzium dan Antikuiti, 32.
5. Mokhtar Saidin dan Jeffrey Abdullah, (2007). Sungai Perak kuno: sumbangannya kepada zaman Paleolitik Malaysia. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 20: 14-21,
6. Mokhtar Saidin, (2007). Paleolithic adaptation: Some criteria for habitation site selection among the Pleistocene population in Malaysia. *Archaeological Heritage of Malaysia*, 1.
7. Jeffrey Abdullah, (2013). Lembah Mansuli, Lahad Datu, Sabah dalam Prasejarah Asia Tenggara. Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
8. Norishah Hashim, (2014). Time marker for the Late Pleistocene in Peninsular Malaysia: Study of the volcanic ash deposits. MSc. thesis, University of Malaya. (Tidak diterbitkan).
9. Nor Khairunnisa Talib, (2013). Tapak Bukit Bunuh, Lenggong, Perak: Sumbangan kepada pemahaman kebudayaan Paleolitik. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia. (Tidak diterbitkan).
10. Nor Khairunnisa, (2020). Kajian paleoalam Lembah Lenggong semasa Zaman Pleistosen berdasarkan perspektif palinologi dan geomorfologi. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia. (Tidak diterbitkan).
11. Walker, D. dan Sieveking A. G., (1962). The Paleolithic industry of Kota Tampan, Perak, Malaya. *Proceedings of the Prehistoric Society*, 28, 103-139.

12. Zuraina Majid dan H. D. Tjia, (1988). Kota Tampan, Perak: the geological and archaeological evidence of a Late Pleistocene site. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 61(2): 123-134,
13. Zuraina Majid, (1989). Kota Tampan, tapak Pleistosen Akhir dalam Paleolitik di Asia Tenggara: Pentarikan dan klasifikasi baru. Kumpulan Makalah dan Abstrak Simposium dan Seminar Paleoanthropologi Indonesia.
14. Zuraina Majid, (1996). Prasejarah Malaysia: sudahkah zaman gelap menjadi cerah?. Universiti Sains Malaysia.
15. Zuraina Majid, (2005). *The Perak Man and other prehistoric skeletons of Malaysia*. Penerbit Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

## **KEPENTINGAN, KEPERLUAN DAN CABARAN DALAM PEMERKASAAN PENSIJILAN HALAL KATEGORI PREMIS MAKANAN DI MALAYSIA**

Mohammad Hafeez Md Ramli<sup>1</sup>, Tuan Sidek Bin Tuan Muda<sup>2</sup>, Anita Abdul Rani<sup>3</sup>  
<sup>123</sup>Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah,  
26300, Kuantan Pahang, Malaysia

### **ABSTRAK**

Produk dengan logo halal telah menjadi satu keperluan kepada pengguna Muslim di Malaysia pada hari ini. Kesedaran halal juga dilihat semakin meningkat. Di Malaysia terdapat 9 kategori pensijilan halal, salah satunya ialah premis makanan. Ia melibatkan pemberian sijil halal kepada dapur hotel, restoran, gerai, kiosk, medan selera, warung dan seumpamanya yang telah memenuhi syarat-syarat dan prosedur pensijilan halal. Walaupun pensijilan halal dalam kalangan industri makanan berkembang pesat iaitu dengan meningkatnya permohonan sijil halal, tetapi pensijilan halal dalam kategori premis makanan dilihat agak perlahan. Sehubungan dengan itu, tulisan ini dikemukakan untuk membincangkan kepentingan, keperluan dan cabaran bagi memperkasa pensijilan halal dalam kategori ini. Kajian ini di buat menggunakan kaedah kualitatif. Data dikumpul dan dianalisis melalui pendekatan analisis kandungan. Kajian mendapati pensijilan halal dalam premis makanan sangat penting dan perlu diperkasakan bagi memastikan pengguna mendapat jaminan untuk menikmati makanan yang halalal toyyiban, bukan sahaja terjamin dari sudut halal, tetapi juga terjamin dari sudut keselamatan makanan. Dengan pemerksaan tersebut diharapkan isu-isu yang melibatkan keselamatan makanan yang sering kali berlaku di premis makanan tidak berulang. Kajian juga mendapati terdapat beberapa cabaran utama dalam proses memperkasa pensijilan halal dalam kategori ini antaranya kesukaran proses permohonan sijil halal, kos untuk pematuhan dan keperluan bahan mentah yang halal, kesulitan dalam memenuhi keperluan dokumentasi, kebersihan dan kos penambahbaikan premis.

**Kata Kunci:** Pensijilan Halal, Premis makanan, keselamatan makanan, kepentingan, kesihatan

### **1. PENGENALAN**

Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum dan mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Masyarakat Malaysia merupakan sebuah masyarakat multi-rasial dan multi agama yang mana Islam dominan dari segi politik mahupun budaya (Fred R. Von Der Mehden, 1987). Keunikan Malaysia yang berbilang bangsa tidak menjejaskan pemerksaan nilai-nilai Islam, terutama bagi umat Islam. Pengkaji sosial mendakwa bahawa pemerksaan Islam dalam kalangan masyarakat Melayu bermula sejak sebelum

kemerdekaan 1957, iaitu ketika Islam mula bertapak di Tanah Melayu (Rahimin Affandi 2005). Oleh itu, memperkasa nilai-nilai Islam dalam kehidupan masyarakat di Malaysia merupakan agenda berterusan. Salah satu nilai-nilai Islam dalam kehidupan masyarakat ialah memastikan makanan yang dimakan terjamin halal.

Menurut Tieman & Che Ghazali (2012), orang Islam ingin memastikan makanan dan produk yang digunakan adalah halal, meliputi aspek penghasilan, persediaan, pengurusan dan penyimpanan. Menurut Harlida & Alias (2014), makanan yang halal mengikut syarak adalah makanan yang bersih, diperolehi secara suci, bebas kemudaratan dan memenuhi konsep halalan tayyiban. Tujuan utama pensijilan halal adalah untuk penjagaan agama dan mengelakkan kekeliruan. Tidak semua makanan tanpa sijil halal haram, namun makanan yang mengandungi sedikit bahan yang haram tetap haram. Di Malaysia, Islam adalah agama yang paling banyak dianuti oleh masyarakatnya. Keadaan ini mewujudkan perkembangan yang pesat dalam industri Halal bukan sahaja dalam sektor makanan, malah meliputi sektor seperti penjagaan kesihatan, kosmetik, farmaseutikal dan kewangan (Zuhaili et al., 2022).

Malaysia kekal di tangga teratas bagi sektor makanan halal dalam Petunjuk Ekonomi Islam Global 2023 untuk tahun ke-10 berturut-turut berdasarkan laporan State of Global Islamic Economy 2023 oleh Dinar Standards. Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Hakimah Mohd Yusoff, menyatakan bahawa pencapaian ini menunjukkan industri halal Malaysia berkembang pesat berbanding negara lain dan menyumbang kepada kedudukan Malaysia di tempat pertama daripada 81 negara (Berita Harian, 2024). Sebagai sebuah negara yang dilihat berpotensi menjadi negara hab halal dunia dan peneraju utama dalam industri halal global, pensijilan halal telah menjadi satu keperluan kepada industri makanan di Malaysia. Industri halal berteraskan makanan dan minuman dianggarkan bernilai AS\$2.1 trilion (RM8.72 trilion) (Berita Harian, 2024).

Masyarakat hari ini juga dilihat menjalankan perniagaan makanan untuk mencari pendapatan dan menampung kos sara hidup terutama dalam keadaan ekonomi semasa. Rima et al. (2021) menyatakan bahawa perusahaan makanan kini menjadi tumpuan dan menyumbang kepada ekonomi negara. Walaupun begitu, sebilangan premis makanan telah menimbulkan isu seperti pengiklanan yang mengelirukan, penyalahgunaan dan penyelewengan status halal serta pelbagai bentuk pemalsuan yang dianggap sebagai strategi perniagaan untuk melariskan jualan makanan. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) memainkan peranan utama dalam menentukan kehalalan makanan, minuman dan barangan guna orang Islam. Setiap pengusaha makanan perlu mematuhi peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan untuk menjamin kehalalan produk mereka (Hafifi, & Nor'Adha, 2019). Penguatkuasaan dalam penyalahgunaan pensijilan halal telah dikuatkuasakan dan tindakan seperti mengiklan makanan halal yang boleh dimakan oleh orang Islam, contohnya Bufet, Iftar dan Set Ramadan tanpa memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) adalah satu kesalahan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 (Astro Awani, 2024). Namun demikian, penyalahgunaan sijil halal dan cubaan mengelirukan pengguna masih wujud. Keadaan ini mendorong kepada perlunya pensijilan halal dalam kategori premis makanan diperkasakan dengan meluas.

Namun begitu, pemilik premis makanan di Malaysia dilihat masih lagi tidak berminat untuk memohon pensijilan halal. Menurut Fauzi & Man (2019) kebanyakan pengusaha bumiputera

terutamanya yang bersaiz kecil dan mikro mempunyai kesukaran dalam mendapatkan pensijilan halal disebabkan faktor kekurangan modal serta tahap kesedaran dan kesediaan yang rendah untuk mendapat pensijilan halal. Hal ini mungkin disebabkan juga oleh masyarakat Muslim hari ini cenderung mempercayai bahawa premis makanan yang dikendalikan oleh orang Melayu beragama Islam adalah halal. Namun, konsep sebenar halalan tayyiban tidak hanya bergantung kepada aspek luaran seperti personaliti semata-mata (Ilyia Nur et.al., 2011). Menurut Ameer Fikri et al. (2021), pengusaha bukan Muslim mencatatkan peratusan lebih tinggi dalam memperoleh sijil halal berbanding pengusaha Muslim. Situasi ini terjadi kerana terdapat segelintir pengusaha Muslim yang beranggapan bahawa pensijilan halal tidak begitu diperlukan memandangkan status agama Islam mereka sudah dianggap mencukupi bagi menyakini kehalalan produk makanan mereka.

Menurut kajian Zuhaili Saiman dan Salsabila Yusma (2022), usahawan Muslim menunjukkan kurang minat untuk mendapatkan pensijilan halal walaupun ia menawarkan pelbagai manfaat seperti dapat memastikan produk mereka adalah halal dan bersih, memudahkan pengeksportan barangan ke pasaran luar negara serta mewujudkan standard keselamatan bagi pengguna. Selain daripada itu, pemilik premis makanan tidak berminat untuk memohon pensijilan halal kerana beranggapan proses permohonan sijil halal yang sukar dan mengambil masa yang lama. Ini menyebabkan mereka memilih untuk tidak memohon sijil halal dalam menjalankan perniagaan mereka.

## **2. METODE KAJIAN**

Metodologi bagi kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif melalui pendekatan analisis kandungan untuk mengumpul dan menganalisis data yang diperolehi melalui rujukan kepada kitab, buku, dokumen, jurnal, tesis, laporan akhbar, portal rasmi laman sesawang serta statut perundangan yang berkuat kuasa seperti Akta dan Enakmen berkaitan kepenggunaan halal di bawah Perlembagaan Persekutuan dan negeri-negeri di Malaysia. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan metod tematik bagi mencapai objektif kajian.

## **3. ANALISIS SOROTAN LITERATUR**

Penulisan ini menganalisis sorotan para pengkaji mengenai pensijilan halal di premis makanan. Ia meneliti keperluan pemeraksanaan halal dengan menghubungkaitkan aspek halalan tayyiban dari perspektif syarak bagi kepentingan pensijilan halal, keperluan pensijilan halal di premis makanan, cabaran pensijilan halal dan manfaat pemeraksanaan pensijilan halal.

### **3.1 KEPENTINGAN PENSIJILAN HALAL DALAM KATEGORI PREMIS MAKANAN**

Menurut Kamus Dewan (DBP, 2017), halal bermaksud sesuatu yang dibolehkan oleh syarak, dibenarkan, tidak ditegah dan diizinkan, bertentangan dengan haram. Konsep halal (dibenarkan) dan haram (tidak dibenarkan) adalah jelas dalam kalangan umat Islam. Halal merujuk kepada perkara yang dibenarkan dalam undang-undang Islam manakala haram merujuk kepada perkara yang dilarang untuk digunakan atau dimakan. Istilah halal merujuk kepada sesuatu yang diharuskan oleh syariat. Sebaliknya, haram adalah sesuatu yang dilarang oleh syarak (al-Qaradawi, 2015). Dalam Islam, makanan dikategorikan sebagai halal dan haram. Islam menghalalkan segala

makanan yang suci, baik dan bersih serta mengharamkan makanan yang memberi implikasi negatif kepada manusia. Firman Allah SWT:

*"Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang terdapat di bumi sesuatu yang halal dan baik dan janganlah kamu mengikut langkah-langkah (bimbingan) syaitan kerana ia adalah musuh kamu yang nyata."* (al-Baqarah, 2:168)

Pemakanan halal juga ditekankan dalam hadis Nabi SAW. Antaranya ialah:

Rasulullah SAW bersabda:

*"Sesungguhnya yang halal itu nyata (terang) dan yang haram itu pun nyata (terang dan di antara keduanya ada perkara-perkara yang kesamaran, yang tidak diketahui oleh kebanyakan manusia. Maka barangsiapa memelihara (dirinya dari) segala yang kesamaran, sesungguhnya dia memelihara bagi agamanya dan kehormatannya. Dan barangsiapa jatuh ke dalam perkara kesamaran jatuhlah dia ke dalam yang haram seperti seorang penggembala yang menggembala di sekeliling kawasan larangan, hampir sangat (ternaknya) makan di dalamnya. Ketahuilah! bahawa bagi tiap-tiap raja ada kawasan larangan. Ketahuilah! larangan Allah ialah segala yang haramnya. Ketahuilah! Bahawa di dalam badan ada seketul daging, apabila ia baik baiklah badan seluruhnya dan apabila ia rosak rosaklah sekaliannya. Ketahuilah! Itulah yang dikatakan hati".* (Riwayat Muslim).

Menurut Sayyid Qutb (2009), perintah membolehkan dan menghalalkan segala makanan di muka bumi kecuali beberapa yang diharamkan oleh al-Quran mencerminkan kebebasan Islam serta kesesuaiannya dengan fitrah alam dan manusia. Hamka (2007) menyatakan bahawa tujuan orang-orang beriman mengambil makanan bukan sekadar untuk mengisi dan mengenyangkan perut, tetapi untuk menguatkan tubuh badan. Tubuh yang kuat dan sihat membuka fikiran serta melahirkan kesyukuran sepenuhnya terhadap Allah SWT. Oleh itu, setiap pengusaha dan pengendali makanan memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan dan kepuasan pengguna termasuk memelihara aspek kehalalan setiap hidangan makanan dan minuman khususnya untuk pengguna Muslim. Ini kerana premis makanan menjadi tumpuan dan pilihan pengguna untuk mendapatkan pelbagai pilihan menu masakan yang halal.

Antara kepentingan pensijilan halal ialah pengguna Muslim lebih yakin dengan premis yang mempunyai sijil halal. Ilyia Nur et al. (2011) berpendapat bahawa polisi pensijilan halal yang diperkenalkan oleh JAKIM jelas membawa kepentingan kepada semua pihak sebagai panduan untuk mendapatkan makanan dan barangan yang menepati syarak. Selain itu, pelbagai piawaian dan standard perundangan digubal untuk menjaga kualiti dan kredibiliti premis makanan. Norain et al. (2013) menyatakan bahawa pengguna memberi tindak balas positif dan menunjukkan kesedaran tinggi terhadap tanda halal sebagai penentu dalam pemilihan produk makanan dan tempat makan. Hal ini disokong oleh Sharifah Zannierah et al. (2011) yang menyatakan bahawa status halal memberikan impak dan pengaruh positif dalam perusahaan makanan. Imej restoran dan penyediaan makanan yang terjamin kesuciannya dipandang melalui perakuan label halal.

Pensijilan halal membuka peluang untuk menarik lebih ramai pelanggan termasuk dari luar negara. Walaupun pensijilan Halal menawarkan pelbagai manfaat termasuk meluaskan capaian



pasaran dan meningkatkan kepercayaan pengguna, sebahagian besar restoran terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) masih belum mendapat pensijilan halal (Salindal, 2019). Menurut Abdul kadir (2012) pula, situasi dimana sikap tidak ambil peduli pengguna Muslim terutamanya remaja yang mengunjungi premis yang tiada logo halal dan tidak diiktiraf halal oleh JAKIM amat membimbangkan. Justeru pensijilan halal adalah sangat penting bagi masyarakat Islam di Malaysia bagi menjaga kepatuhan mengikut hukum syarak.

### **3.2 KEPERLUAN PENSIJILAN HALAL**

Sejarah pensijilan halal di Malaysia bermula pada tahun 1974 di bawah pentadbiran Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) Jabatan Perdana Menteri. Pada tahun 2011, JAKIM dan MAIN dilantik sebagai badan berkuasa berwibawa terhadap pensijilan halal di Malaysia (Suhaila et. al. 2020). Pemilik premis makanan perlu memohon pensijilan melalui JAKIM bagi mendapatkan pensijilan halal di Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan (Harlida & Alias 2014). Sijil halal Malaysia yang dikeluarkan oleh JAKIM dikenali dan dipercayai di peringkat antarabangsa serta mendapat sokongan teguh daripada kerajaan (Baizuri et al., 2012). Menurut Hamidon & Buang (2016), komitmen kerajaan dalam membangunkan industri halal adalah sangat tinggi dengan menyediakan pelbagai inisiatif seperti aspek dokumentasi, pemantauan dan perangkaan undang-undang berkaitan industri halal.

Pensijilan halal tidak hanya menjamin makanan yang disajikan adalah halal, tetapi juga memastikan keseluruhan proses mematuhi prinsip halal. Oleh itu, pensijilan halal menjadi keperluan dalam industri makanan Malaysia khususnya di restoran halal (Marzuki, 2014). Selain daripada itu, keperluan pensijilan halal ialah untuk mendapatkan logo halal. Logo halal pada bungkusan makanan dan premis makanan yang dipamerkan menjadi faktor utama mempengaruhi gelagat pembelian (Sri Devie, 2016). Penyelarasan penggunaan logo halal pula bertujuan untuk mengelak penipuan dan keraguan bagi menjaga kepentingan pengguna Muslim. Rahman et al. (2011) dalam kajiannya menyatakan Malaysia ialah negara Islam dimana lebih daripada enam puluh peratus (60%) daripada jumlah penduduk Malaysia adalah pengguna beragama Islam yang berpegang teguh dengan ajaran agama Islam berkaitan jenis makanan yang boleh dijual dan dimakan oleh pengguna Islam.

Keperluan pensijilan halal juga memberi garis panduan premis makanan dalam menjalankan perniagaan. Menurut Khairul Anuwar et al. (2017), kerajaan telah menguatkuasakan garis panduan pematuhan halal di premis makanan. Standard Piawai bagi makanan halal iaitu MS1500:2019 digunakan sebagai garis panduan dan rujukan bagi kepatuhan aspek keselamatan makanan. Piawai halal JAKIM ini merangkumi aspek yang lebih mendalam dimana bermula daripada pemilihan bahan mentah sehingga produk dihidang di meja makan. (Mustaffa, 2017). Selain itu, Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) 2020 pula adalah prosedur untuk mengukuhkan aplikasi halal dan Sistem Jaminan Halal juga berfungsi sebagai keperluan kawalan halal.

### **3.3 CABARAN PENSIJILAN HALAL**

Setelah menyedari betapa pentingnya status halal dalam industri makanan halal termasuk di premis makanan, banyak pengusaha mengambil peluang perniagaan yang tersedia untuk meraih manfaat dalam meningkatkan keuntungan sambil menggunakan konsep halal sebagai strategi pemasaran (Wilson & Liu, 2010). Antara cabaran pensijilan halal dalam premis makanan menurut Rodzi et. al. (2023) dalam kajiannya ialah kesukaran yang dihadapi oleh sektor makanan halal seperti kerumitan mendapatkan akreditasi halal dan kos pensijilan yang tinggi untuk mendapatkan pensijilan halal.

Muhammad et. al. (2020) telah menyatakan bahawa enam cabaran utama dalam proses pensijilan halal ialah kekurangan tenaga kerja, kurangnya pengetahuan dan kepakaran dalam kalangan Auditor Halal, isu berkaitan dengan sistem MYeHALAL, kesukaran dalam menilai permohonan pensijilan halal, ketiadaan piawaian yang mencukupi dalam prosedur akreditasi halal di Malaysia serta mendapatkan persetujuan bersama dengan badan pensijilan antarabangsa. Wannasupchue et al. (2023) mengkaji cabaran yang dihadapi oleh restoran di timur laut Thailand dalam usaha mendapatkan pensijilan halal. Tiga cabaran utama yang dikenal pasti adalah proses pensijilan yang kompleks, komitmen yang kurang dari pemilik restoran, serta kos pensijilan halal yang tinggi.

Selain daripada itu, pensijilan halal yang bersifat sukarela menyebabkan pengusaha premis makanan kurang berminat untuk mendapatkan sijil halal (JAKIM, 2024). Kebanyakan pengusaha bumiputera kecil dan mikro menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pensijilan halal terutamanya bagi memenuhi perubahan semasa dalam syarat pensijilan halal. Ini disebabkan oleh kekurangan modal serta tahap kesedaran dan kesediaan yang rendah (Pauzi & Man 2019). Namun, pensijilan halal Malaysia memberi nilai tambah dan impak positif dari segi pemasaran (Nor & Zuki, 2020).

Pihak berkuasa perlu melakukan pengawasan berterusan untuk memastikan premis mematuhi syarat-syarat halal sepanjang masa. Penguatkuasaan dalam prosedur pasca pensijilan halal adalah untuk memastikan pematuhan status pengesahan halal dalam kalangan pengusaha yang memegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) sentiasa dipatuhi. Ini juga termasuk tindakan terhadap bukan pemegang SPHM yang menggunakan label halal tanpa keizinan pihak berwajib (Baharudin & Nurul Hudani, 2022). Pemeriksaan yang dijalankan oleh pegawai untuk mengenalpasti pengusaha dan premis makanan halal hendaklah merujuk kepada Manual Halal JAKIM sebagai garis panduan. Manual ini berkaitan dengan keperluan penyediaan makanan halal di Malaysia yang termaktub dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020.

### **3.4 MANFAAT PEMERKASAAN PENSIJILAN HALAL PREMIS MAKANAN**

Kerajaan telah memperkenalkan pensijilan halal sejak 1974 dengan penambahbaikan berterusan sehingga kini (JAKIM, 2024). Pensijilan halal dapat memastikan penduduk Malaysia terutama yang beragama Islam dapat menikmati produk dan perkhidmatan yang disahkan halal oleh pihak berautoriti tanpa keraguan. Ini secara tidak langsung dapat memperkukuhkan imej Malaysia sebagai negara yang menitikberatkan kepentingan makanan halal. Pensijilan halal dapat meningkatkan standard kualiti dan kebersihan premis makanan. Pensijilan halal sangat berkait

rapat dengan keselamatan makanan kerana pensijilan halal juga memastikan makanan yang disediakan adalah bersih dan selamat untuk dimakan.

Pelaksanaan pengurusan keselamatan dalam industri halal adalah tuntutan dalam konsep halalan-toyyiban dan kerangka Maqasid Al-Shariah. Pembangunan industri halal bertujuan memelihara dan memakmurkan kehidupan masyarakat (Hashim et al., 2023). Pensijilan halal yang merangkumi aspek tayyiban seperti kebersihan, keselamatan dan kualiti menekankan kepentingan keselamatan makanan untuk memelihara nyawa pengguna. Aspek tayyiban memenuhi prinsip maqasid syariah dengan menjaga keselamatan dan kesihatan pengguna. Kesihatan tubuh berkaitan langsung dengan faktor pemakanan dari penggunaan bahan mentah hingga sajian makanan. Oleh itu, menjaga dan memelihara nyawa adalah keutamaan (daruriyat) yang perlu diberi perhatian oleh pihak berkuasa untuk menjamin kesihatan dan keselamatan pengguna (Khairul Effendi et. al. 2022).

Dari sudut pengguna, Pengguna Muslim masih berdepan kesukaran untuk memastikan produk yang dibeli benar-benar halal kerana mereka hanya bergantung sepenuhnya kepada pensijilan halal yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa (Muhammad et al., 2019). Dengan pemerksaan pensijilan halal ini dapat meningkatkan kepercayaan pengguna untuk menikmati makanan di premis makanan yang dipilih oleh mereka.

#### 4. PERBINCANGAN KAJIAN DAN CADANGAN PEMERKASAAN

Berdasarkan kepada perbincangan pelbagai pendapat dan maklumat pada sorotan kajian lepas, jelas terdapat kepentingan dan keperluan serta cabaran dalam pemerksaan pensijilan halal pada kategori premis makanan sebagaimana yang ditunjukkan oleh Jadual 1.

Jadual 1: Beberapa Senarai Kepentingan, Keperluan dan Cabaran dalam Pemerksaan Pensijilan Halal Kategori Premis Makanan.

Perkara	Keterangan	Catatan
Kepentingan dan keperluan	1- Halal merupakan tuntutan agama. Suatu yang dituntut oleh agama sudah tentu mengandungi kebaikan/maslahah.	Berdasarkan al-Quran dan hadis
	2- Pensijilan halal bukan sahaja memberi jaminan dari sudut penggunaan barangan yang dibolehkan dari sudut syarak, tetapi ia juga melibatkan jaminan keselamatan makanan yang disediakan dan kebersihan.	Definisi halal menurut perundangan Malaysia. Pelbagai tulisan berkaitan pensijilan halal.
	3- Pihak berkuasa di Malaysia mengambil berat tentang pensijilan halal. Ia memberi jaminan dari sudut	

	pelaksanaan dan penguatkuasaan. Walaupun mungkin terdapat kelemahan, tetapi ia terbuka kepada penambahbaikan dari semasa ke semasa	
Cabaran	<ol style="list-style-type: none"> <li>1- Kefahaman terhadap kepentingan pensijilan halal dalam kalangan pengusaha premis makanan.</li> <li>2- Sikap pengusaha premis makanan Muslim yang menanggap diri sudah Islam dan tidak memerlukan kepada pensijilan.</li> <li>3- Kefahaman terhadap kaedah permohonan dan pematuhan halal dalam kalangan pengusaha.</li> <li>4- Kelemahan penguatkuasaan dan bilangan kakitangan.</li> <li>5- Kewangan/pembiayaan</li> </ol>	

Oleh itu, alternatif dan strategi diperlukan untuk memperkasakan lagi pensijilan halal dalam kategori premis makanan berdasarkan kepada kepentingan dan keperluan pensijilan halal dalam kategori ini. Kerajaan perlu menyediakan lebih banyak sokongan dan insentif kepada pengusaha premis makanan bagi mendapatkan pensijilan halal serta menyelaraskan proses pensijilan agar menjadi kurang memakan masa dan tidak membebankan melalui penambahbaikan perubahan dasar dan peraturan dalam proses pensijilan halal di Malaysia. Ini termasuk menyediakan bantuan kewangan untuk menampung kos pensijilan, mempermudah prosedur pensijilan dan meningkatkan kesedaran perniagaan mengenai pensijilan.

Beberapa cabaran seperti pengusaha premis makanan yang pertama kali memohon sijil halal sering menghadapi cabaran dalam proses permohonan. Bagi menyelesaikan masalah ini, sumber maklumat terbaik mengenai prosedur dan panduan pensijilan boleh diperoleh daripada pihak berkenaan melalui perundingan dengan pegawai yang bertanggungjawab berkaitan pensijilan halal. Ini kerana proses permohonan sijil halal bukan hanya berkaitan penyediaan makanan sahaja malah turut melibatkan pelbagai aspek seperti sistem dokumentasi, kawalan kebersihan, kawalan makhluk perosak dan operasi. Bagi meningkatkan jaminan kualiti makanan dan minuman secara halal dan toyyiban di premis makanan, pihak berkuasa perlu menyokong pengusaha premis makanan dalam mendapatkan sijil halal untuk premis makanan mereka hingga berjaya.

Terdapat proses yang perlu difahami dalam mendapatkan pensijilan halal merangkumi penghantaran borang permohonan, penyemakan dokumen sokongan oleh pegawai yang bertanggungjawab, pembayaran yuran pensijilan halal, pengauditan di lapangan oleh agensi yang

berkaitan, mesuarat panel jawatankuasa pengesahan halal yang melibatkan beberapa agensi kerajaan dan kemudian barulah mendapat pensijilan halal setelah melalui penelitian dan tapisan.

Penyediaan makanan di sesebuah premis makanan juga mestilah menggunakan bahan mentah yang disokong dengan pensijilan halal atau dokumen sokongan lain. Sebagai contoh dalam pembuatan makanan bergoreng, bahan seperti tepung, mee, sos, penambah rasa, bebola ikan dan gula mesti disertakan dengan dokumen untuk memastikan kandungan bahan tidak meragukan. Pekerja mestilah menjaga kebersihan diri, memakai perlindungan diri seperti apron, penutup kepala, sarung tangan, pelindung mukadan lain-lain semasa bekerja. Pekerja tidak boleh melakukan perbuatan yang boleh menyebabkan pencemaran terhadap bahan dan produk seperti merokok atau meludah.

Peningkatan kos operasi menjadi antara halangan bagi sebuah premis makanan dalam memperoleh sijil halal. Pelbagai keperluan perlu dipenuhi seperti melantik pekerja kompeten, membangunkan struktur bangunan khas, menggunakan alatan sesuai dan mendapatkan bahan ramuan berkualiti. Kesemua ini memerlukan kos tambahan dan membebankan pengusaha premis. Isu kebersihan dan keselamatan turut menjadi kriteria utama dalam permohonan sijil halal. Ini juga boleh meningkatkan kos dalam penambahbaikan premis seterusnya memberi kesan kepada keuntungan pengusaha premis makanan.

Dari sudut membina kefahaman dan penyelidikan, pelbagai institusi pengajian tinggi pula boleh menyediakan tenaga berkelayakan untuk menerajui penyelidikan dan pendidikan dalam industri halal. Universiti juga boleh berperanan dalam membangun platform pendidikan komprehensif untuk pengetahuan halal, termasuk penyelidikan dan pendidikan kesedaran halal (Mohammad Aizat et. al., 2010). Begitu juga dengan pendidikan dan latihan yang diberikan oleh agensi kerajaan dan organisasi swasta dapat membantu pemain industri halal untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran tentang halal. Secara tidak langsung ini akan membantu mereka menjadi lebih berdaya saing di pasaran. Bagi memastikan kefahaman dan kesedaran berkaitan halal dihayati, pemilik dan pekerja premis makanan haruslah diberi pendidikan dan latihan berterusan mengenai kepentingan dan keperluan halal. Pendidikan dan latihan dapat memacu industri dan organisasi halal untuk menjadi lebih dinamik dalam meningkatkan produktiviti industri halal di Malaysia (Nurshafaaida et. al, 2020).

## **5. KESIMPULAN**

Penerimaan dan pengiktirafan antarabangsa terhadap Malaysia seharusnya menjadi penggerak dalam memperkasakan pensijilan halal dalam kategori premis makanan serta mengatasi segala salah laku berkaitan status halal. Setiap premis makanan yang memegang pensijilan halal perlu mematuhi proses pensijilan. Pemilik premis makanan juga harus diberikan lebih banyak maklumat mengenai faedah pensijilan halal seperti peningkatan keuntungan perniagaan dan reputasi perniagaan. Ini boleh dilaksanakan dengan mengadakan bengkel, seminar dan program pendidikan lain.

Bagi pihak kerajaan pula, dicadangkan agar dapat memberikan lebih banyak sokongan dan insentif kepada pengusaha premis makanan untuk mendapatkan pensijilan halal. Ia meliputi memberikan bantuan kewangan kepada pengusaha untuk menampung kos pensijilan,

mempermudahkan prosedur pensijilan serta meningkatkan kesedaran dalam kalangan pengusaha premis makanan tentang kepentingan pensijilan. Di samping itu, isu kos yang merupakan halangan besar bagi banyak pemilik restoran juga perlu ditangani. Kerajaan dan agensi pensijilan halal perlu bekerjasama untuk mencari cara bagi mengurangkan kos pensijilan seperti menawarkan diskaun kumpulan atau mempercepatkan proses pensijilan.

Secara keseluruhannya, kajian masa depan boleh membantu mengenal pasti dan melaksanakan penyelesaian bagi menarik minat lebih ramai pengusaha premis makanan untuk mendapatkan pensijilan halal yang boleh meningkatkan keyakinan pelanggan Muslim dan berpotensi meningkatkan keuntungan dalam perniagaan.

## RUJUKAN

Al-Quran

- Al-Qaradawi, Y. (2015). *Halal dan Haram Dalam Islam*. Penerbit Pustaka Cahaya Kasturi. Kuala Lumpur
- Akta Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal), 2011, (Seksyen 28).
- Ameer Fikri Mohamad Hilmi, Muhamad Fakhrol Aiman Mohd Asri, Zainul Arif Mohd Ariffin, Muhammad Iman Hakim Hasbullah, Fazura Minhad & Mohamad Hilmi Mat Said. (2021). Cabaran pensijilan halal: kesediaan pengusaha industri dan premis makanan. 3rd International Halal Management Conference (3rd IHMC 2021). p. 188-199.
- Astro Awani. (2024), Bernama, "Mengiklan makanan halal tanpa miliki sijil adalah satu kesalahan – Jakim". <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mengiklan-makanan-halal-tanpa-miliki-sijil-adalah-satu-kesalahan-jakim-452832>
- Ayub, A. K. M. (2012). Remaja Melayu tidak sensitif isu halal. *Dewan Masyarakat*.
- Baharudin Othman & Nurul Hudani Md. Nawi. (2022). Pensijilan halal Malaysia, cabaran dan potensinya sebagai hab halal. *Jurnal Hadhari*, 14(1), 1-15.
- Baizuri Badrudin, Zainalabidin Mohamed, Juwaidah Sharifuddin, Golnaz Rezai, Amin Mahir, Abdullah Ismail, Abd Latif, Mohd. Ghazali Mohayidin, (2012). Clients Perception towards JAKIM service quality in Halal certification, *Journal of Islamic Marketing*, 3 (1):59 – 71
- Berita Harian. (Januari, 2024). Bernama, "Malaysia kuasai sektor makanan halal buat tahun ke-10". <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1195778/malaysia-kuasai-sektor-makanan-halal-buat-tahun-ke-10>.
- Berita Harian. (April, 2024). Nurfajrina Fakhira Abdul Rahim, "Hapus amalan 'silo' perkasa industri halal negara". <https://www.bharian.com.my/rencana/komentari/2024/04/1235220/hapus-amalan-silo-perkasa-industri-halal-negara>
- Fred R. Von Der Mehden, 1987, "Malaysia: Islam and Multi Ethnic Politics", dalam John L. Esposito (ed.), *Islam in Asia: Religion, Politics and Society*. New York: Oxford University Press, h. 177.
- Hamidon, S. F. & Buang, A. H. (2016). Pandangan pengguna Muslim terhadap pemakaian logo Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM): Satu Sorotan Literatur. *Journal of Shariah Law Research*, 1(1), 105–118.
- Hamka, Abdulmalik Abdulkarim Amrullah. (2007). *Tafsir al-Azhar*. 10 jilid. (Cet. 7). Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.

- Harlida Abdul Wahab & Alias Azhar. 2014. HalalanTayyiban dalam Kerangka Perundangan Malaysia. *KANUN*. 1:103-120
- Hashim, K. E., Tumiran, M. A., & Husna, A. (2023). Maqasid Syariah dalam Industri Halal: Aplikasi Elemen Keselamatan Makanan dalam Kalangan Pengusaha Pembuatan Produk Makanan di Bangi, Selangor. *Journal of Management and Muamalah*, 13(1).  
<https://doi.org/10.53840/jmm.v13i1.144>
- Ilyia Nur Ab Rahman, Suhaimi Ab. Rahman, Rosli Saleh & Dzulkifly Mat Hashim. (2011). Polisi pensijilan halal bagi industri restoran di Malaysia. Dlm. Suhaimi Ab. Rahman & Jafri Abdullah, *Pengurusan produk halal di Malaysia* (pp. 113-134). Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Izhar Ariff Mohd Kashim & Wan Aida Nadirah Sobri. (2013). Perlindungan pengguna produk halal di Malaysia: isu dan cabaran penguatkuasaan pensijilan halal. *Proceedings of The International Conference on Consumerism 2013 (ICC 2013)*, 479-488.
- JAKIM. (2024). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. [www.halal.gov.my](http://www.halal.gov.my)
- Khairul Anuar Mustaffa, Joni Tamkin Borhan & Mohd Roslan Mohd Nor. (2017). Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia sebagai suatu aplikasi memenuhi keperluan konsep halalan toyyiban: suatu analisis. *Online Journal Research in Islamic Studies*, 4 (1), 1-16.
- Khairul Effendi Hashim, Nasharuddin Mohammad, Rafeah Saidon Dan Muhammad Nazir Alias (2022). Pensijilan Halal Malaysia Dalam Memenuhi Penjagaan Hifz Nafs Dan Peranan Pengusaha. *International Journal Of Humanities Technology And Civilization (Ijhtc)*, Vol. 7, Issue 2, 10 – 18 Doi: <https://doi.org/10.15282/Ijhtc.V7i2.8783>
- Marzuki, C. Hall, C. and Ballatine, P. (2014). “Measurement of Restaurant Manager Expectations toward Halal Certification Using Factor and Cluster Analysis”. *Journal of Procedia - Social and Behavioural Sciences*. Vol. 121, 291-303.
- Mohamad Hafifi Bin Hassim & Nor’adha Bt Ab Hamid (2019). Tuntutan Mencari Makanan Halal Dan Toyyiban Dalam Islam: Penguatkuasaannya Melalui Undang-Undang Semasa. 5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (Mfifc 2019).
- Mohammad Aizat Jamaludin, & Mohd Anuar Ramli. (2012). Isu Sensitif Berkaitan Dengan Kepenggunaan Dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia. In *Isu-Isu Sensitif Dalam Hubungan Etnik di Malaysia*. UPM Press, Serdang.
- Muhammad Basir Roslan dan Bernama (2019), “Tangani Segera Isu Salah Guna Sijil Halal Sebelum Parah,” laman sesawang MalaysiaKini, <https://www.malaysiakini.com/news/463637>.
- Muhammad, M.A., Elistina, A.B. and Ahmad, S. (2019). The challenges faced by halal certification authorities in managing the halal certification process in Malaysia. *Food Research* 4 (Suppl. 1): 170 - 178.
- Mustaffa, K. A. (2017). Konsep halalan tayyiban dan Aplikasinya dalam Kalangan Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana dalam Industri Halal di Selangor. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Nadzri, S., Yaacob, S., & Abd Rahman, S. (2020). Pematuhan Piawaian Halal Dalam Industri Perkhidmatan Katering Di Malaysia. *International Journal Of Social Science Research*, 2(3), 156-174.
- Norain Mod Asri, Mhd. Suhaimi Ahmad & Wook Endut. (2013). Persepsi pengguna terhadap logo / sijil halal: Kajian kes di Selangor. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 37-57.

- Nor, N. F., & Zuki, M. F. M. (2020). Pensijilan Halal: Sejauh Manakah Organisasi dalam Industri Halal di Malaysia Menjamin Pematuhan Terhadap Piawaian Halal? 3rd UUM International Islamic Business Management Conference 2020 (IBMC 2020), 126. <https://doi.org/eISBN:978-967-2276-25-8>
- Nurshafaaida, M. R., Nordian, M., Amran, A., Ibrahim, I., & Haron, H. (2020). Industrial Revolution 4.0 Halal Supply Chain Management: A Theoretical Framework. *International Journal of Arts Humanities and Social Sciences Studies*, 5, 31-36.
- Pauzi, N., & Man, S. (2019). Cabaran dan Elemen Kearifan Tempatan dalam Pensijilan Halal Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 16(1), 165–190.
- Qutb, Sayyid. (2009). *Tafsir fi Zilal al-Quran*. 6 jilid. (Cet. 38). Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim. 2005. Citra Islam dalam pembentukan manusia melayu moden di Malaysia: satu analisa. Dlm. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jil 15. Penerbit: Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Rahman, A. A., Ahmad, W. A. I.W., Mohamad, M.Y., Ismail, Z. (2011). Knowledge on Halal Food amongst Food Industry Entrepreneurs in Malaysia. *Asian Social Science Journal*, 7(12), 216-221.
- Rima Abdul Rahman, Harifah Mohd Noor & Adilah Md Ramli. (2021). Cabaran dan kelangsungan pengusaha makanan kecil dalam pandemic covid 19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(12), 13-23.
- Riwayat Muslim, No. Hadis; 4178, Jilid 5, Halaman 50
- Rodzi, Z. bin M., Amin, F. A. M., Al-Sharqi, F., Jamiatun, N., Hasnan, Q. H., Zaharudin, Z. A., & Khair, M. H. M. (2023). Integrated Single-Valued Neutrosophic Normalized Weighted Bonferroni Mean (SVNNWBM)-DEMATEL for Analyzing the Key Barriers to Halal Certification Adoption in Malaysia. *International Journal of Neutrosophic Science*, 21(3), 106–114. <https://doi.org/https://doi.org/10.54216/IJNS.210310>
- Salindal, N. A. (2019). Halal certification compliance and its effects on companies' innovative and market performance. *Journal of Islamic Marketing*, 10(2), 589–605. <https://doi.org/10.1108/JIMA-04-2018-0080>
- Sharifah Zannierah Syed Marzuki, Collin Michael Hall & Paul William Ballantine. (2012). Restaurant managers' perspectives on halal certification. *Journal of Islamic Marketing*, 3(1), 47-58.
- Sri Devie Melavanic. (2016). Pengaruh Label Halal dan nformasi Produk terhadap Keputusan Pembelian Produk Coklat Cadbury Diary Milk [Studi Kasus Pasca terdapat Isu DNA Babi (Porcine)]. *Jurnal Manajemen Update*. 5(2), B11111080.
- Tieman, M., van der Vorst, J. G., & Che Ghazali, M. (2012). Principles in halal supply chain management. *Journal of Islamic Marketing*, 3(3), 217-243.
- Wilson, Jonathan A.J. and Liu, J. (2010). Shaping the Halal into a brand.? *Journal of Islamic Marketing*, 1 (2) 107 - 123.
- Zuhaili Saiman, M., & Salsabila Yusma ii, N. (2022). Issues and Challenges of Promotion Halal Certification for Muslim Entrepreneurs in Malaysia. 28(2). <http://alqanatir.com>



## DNA MELAYU: PENEMUAN ENAM SIFAT GENETIK DOMINAN MELAYU

Tengku Ahmad Ridhaudin bin Tengku Abdul Razak

ISTAC-IIUM

createpfi@gmail.com

### ABSTRAK

Kajian Genomik DNA populasi Melayu mendedahkan sejarah, asal usul, dan profil biologi tubuh bangsa ini. Artikel ini mengupas penemuan sifat genetik dominan dari kajian populasi yang telah dilakukan dalam kalangan masyarakat di Alam Melayu. Kajian ini juga menemui bukti bahawa Melayu bukan bangsa pendatang. Melalui penggunaan teknologi Microarray, kajian menunjukkan bahawa populasi Melayu mempunyai 6 genetik dominan, mencerminkan sejarah migrasi dan interaksi antara pelbagai komuniti di Alam Melayu. Merujuk kepada kajian forensik DNA yang menggunakan penanda STR dan SNP dan analisa haplogrup Y-DNA dan mtDNA menunjukkan hubungan genetik populasi asli ibu Alam Melayu kekal walaupun ada percampuran genetic (admixture) dengan penduduk luar Alam Melayu, termasuk Asia Selatan dan Timur. Hubungan genetik dengan populasi luar seperti Arab, Afrika, Indo Cina, China, dan Jepun turut diteliti, mencerminkan sejarah purba perdagangan maritim yang luas. Kajian juga mengenal pasti beberapa gen berkaitan dengan alahan kepada susu, diabetes, dan hipertensi yang lebih lazim dalam kalangan orang Melayu. Penemuan ini penting untuk pembangunan nutrigenomik dan farmakogenomik yang lebih berkesan. Namun, terdapat cabaran dalam pembangunan pangkalan data genomik yang lebih luas. Pembangunan dan perkongsian panel rujukan global melibatkan kolaborasi antarabangsa untuk memastikan penemuan genetik dapat diterapkan secara relevan untuk berbagai kelompok etnik.

**Kata kunci:** DNA Melayu; Sifat DNA; Kajian Populasi.

### PENGENALAN

Kajian sifat DNA di dalam populasi Melayu adalah isu penting yang baru terlihat di dalam bidang genetik dan antropologi. Dengan kemajuan teknologi genomik, kajian terhadap DNA Melayu tidak hanya mendedahkan sejarah dan asal usul etnik ini, tetapi juga memberi pandangan mendalam mengenai sifat biologi dan kesihatan mereka. Melayu bukanlah satu bangsa yang baru wujud di Malaysia atau Sumatera tetapi telah wujud sekian lama di Alam Melayu (Malay World). Takrif Alam Melayu di dalam kajian ini ialah luas kawasan diaspora Melayu yang pergi dan pulang dan dapat dikesan melalui kajian genetic dan Sejarah. Ruang lingkup Kawasan tersebut ialah dari Barat (Malagasay) ke Timur (Hawai-Rapa Nui), dari Utara (Formosa) ke Selatan (Maori-Samoa), khusus kawasan persisiran dan kepulauan. Namun begitu sewaktu banjir besar yang telah berlaku beberapa kali, Melayu masuk melalui sungai-sungai ke daerah pergunungan di Selatan tanah besar China (Yunnan). Mereka turun kembali ke lautan apabila banjir reda.

## TUJUAN KAJIAN DAN METODOLOGI DNA

Kajian fokus kepada mengenal sifat DNA Melayu melibatkan beberapa langkah penting untuk memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan hasil kajian. Proses profil genetik menggunakan teknologi microarray Illumina adalah ini termasuk:

1. Pengumpulan dan Penyediaan Sampel DNA-Air Liur: Pengumpulan sampel DNA dilakukan melalui air liur, yang merupakan kaedah non-invasif dan mudah.
2. Penapisan dan Pengekstrakan DNA: Sampel DNA disaring untuk memastikan dan kualiti melibatkan lisis sel, penyingkiran protein dan bahan pencemar, serta pemurnian DNA.
3. Pemecahan DNA: DNA yang telah dimurnikan dipecahkan kepada kepingan kecil untuk memudahkan pengikatan hibrid. Ini boleh dilakukan melalui pengguntingan mekanikal atau pencernaan enzimatik.
4. Amplifikasi DNA (Pilihan): Dalam beberapa protokol, kepingan DNA mungkin diamplifikasikan untuk meningkatkan kuantiti DNA yang tersedia untuk analisis. Ini boleh dicapai menggunakan teknik seperti amplifikasi genom penuh (WGA).
5. Pelabelan: Kepingan DNA dilabel dengan pewarna pendarfluor. Setiap jenis nukleotida (A, T, C, G) ditandakan dengan pewarna pendarfluor (fluorescent dye) yang berbeza, membolehkan pengenalanpastian urutan tertentu apabila diikat pada array.
6. Hibridisasi: Kepingan DNA yang telah dilabel kemudian diikat pada mikroarray. Microarray terdiri daripada ribuan hingga jutaan *probe*, setiap satu mewakili urutan DNA tertentu. Semasa proses hibridisasi, kepingan DNA berlabel mengikat pada *probe* pelengkap mereka di Microarray.
7. Pembasuhan: Selepas hibridisasi, Microarray dibasuh untuk mengeluarkan sebarang kepingan DNA yang terikat secara tidak spesifik, memastikan hanya kepingan DNA yang mempunyai spesifisiti tinggi yang kekal terikat pada *probe* pelengkap mereka.
8. Pengimbasan dan Pengimejan: Microarray diimbas menggunakan pengimbas laser beresolusi tinggi. Pengimbas mengesan isyarat pendarfluor yang dipancarkan oleh kepingan DNA berlabel yang terikat pada *probe*. Keamatan isyarat pendarfluor berkorelasi dengan jumlah DNA yang terikat pada setiap *probe*, memberikan data kuantitatif tentang kehadiran dan kuantiti varian genetik tertentu.
9. Analisis Data: Imej yang diimbas diproses menggunakan perisian khusus yang menukar keamatan pendarfluor kepada data berangka. Data kemudian dianalisis untuk mengenal pasti varian genetik, seperti polimorfisme nukleotida tunggal (SNP), sisipan, penghapusan, dan variasi nombor salinan (CNV).
10. Tafsiran dan Pelaporan: Data genetik ditafsirkan dengan membandingkan profil genetik individu dengan genom rujukan atau pangkalan data untuk mengenal pasti variasi genetik yang signifikan. Keputusan dikompilasi dalam laporan, yang merangkumi maklumat tentang kecenderungan genetik, risiko kesihatan yang berpotensi, keturunan, dan maklumat genetik lain yang berkaitan. Perbandingan Maklumat dengan Pangkalan Data: Maklumat genetik dibandingkan dengan pangkalan data utama seperti Seldin, SNPforID, KiddLan, dan lain-lain untuk memastikan validitas penemuan.

Secara ringkas, teknologi Microarray Illumina menyediakan kaedah menyeluruh dan *throughput* tinggi untuk profil genetik dengan memanfaatkan teknik hibridisasi DNA dan

pengesanan pendarfluor. Kaedah ini digunakan secara meluas untuk pelbagai aplikasi, termasuk penyelidikan genetik, diagnostik klinikal, dan perubatan peribadi.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Profil sifat DNA Melayu memberikan maklumat berharga mengenai ciri-ciri biologi dan antropologi populasi ini. Penyelidikan telah mengenal pasti beberapa gen yang berkaitan dengan penyakit kronik seperti diabetes dan hipertensi yang lebih lazim dalam kalangan orang Melayu. Selain itu, kajian juga meneliti gen yang mempengaruhi sifat fizikal seperti warna kulit, rambut, dan kecenderungan kepada penyakit tertentu. Pengetahuan ini penting untuk pembangunan perubatan *precision* yang lebih berkesan untuk masyarakat Melayu. Nur Haslindawaty et al. (2015) telah menjalankan kajian komprehensif mengenai profil genetik penyakit dalam kalangan orang Melayu. Dalam kajian mereka, mereka mengenal pasti variasi genetik yang berkaitan dengan risiko diabetes mellitus jenis 2, yang lebih tinggi dalam populasi Melayu berbanding etnik lain di Malaysia.

### **Penemuan Enam Sifat Genetik Dominan Melayu**

Kajian ini telah mengidentifikasi enam sifat genetik dominan dalam populasi Melayu. Sifat-sifat ini termasuk kecenderungan genetik terhadap penyakit metabolik seperti diabetes dan hipertensi, ciri-ciri fizikal seperti warna kulit dan rambut, serta kemampuan adaptasi terhadap lingkungan tropika membuktikan kajian lepas adalah terkait. Penemuan ini sangat penting untuk memahami kesihatan dan kesejahteraan masyarakat Melayu serta mengembangkan intervensi kesihatan yang lebih efektif. Kajian sampel DNA dari sembilan negara ASEAN termasuk Malaysia, Brunei, Singapura, Indonesia, Thailand, Cambodia, Filipina, Vietnam, dan Laos menemukan enam keturunan genetik dominan yang diwakili oleh kumpulan berikut dan di label: Lao Long, Vietnam, Cambodia, Malaysia, Chinese Dai, dan Micronesia. Setiap kumpulan genetik ini mempunyai ciri-ciri unik yang memberikan gambaran tentang keunikan genetik penduduk Alam Melayu.

Setiap jenis DNA ini membawa sifat-sifat tertentu yang membentuk identiti dan ciri-ciri orang Melayu. Jika seseorang itu mempunyai sekurang-kurangnya 2 daripada 6 jenis DNA dominan ini, mereka boleh dianggap sebagai berDNA Alam Melayu. Berikut adalah 6 DNA Dominan Alam Melayu yang dilabel sebagai.

1. Champa / Lao Long: Sifat kreatif, pemikir, strategis, filosofi, dan berpandangan jauh.
2. Vietnam: Sifat mengikut peraturan dan arahan. Patuh kepada aturan.
3. Kemboja: Sifat Seni dan Petani; sabar, pasrah, suka berseronok, trauma, tidak tahan tekanan.
4. Yunan / Malaysia: Sifat Berahsia, bersendiri, kuat dalam adat.
5. Chinese-Dai: Sifat Pemberani, impulsif, baran.
6. Micronesia: Sifat berubah-ubah angin, pelayar, petualang, dan sifat kepulauan.

### **Pembangunan dan Perkongsian Panel Rujukan Global**

Proses pembangunan dan perkongsian panel rujukan global dan serantau melibatkan kolaborasi antarabangsa untuk mengumpulkan data genetik dari berbagai populasi. Ini penting untuk

memastikan bahwa penemuan genetik dapat diterapkan secara luas dan relevan untuk berbagai kelompok etnik. Panel rujukan global dan serantau ini juga digunakan untuk mengembangkan kaedah statistik yang lebih baik dan memastikan ketepatan data genetik. Malah pihak FDA telah memberikan penarafan kepada syarikat-syarikat pembangun teknologi pengaturan DNA seperti *Illumina*. Penggunaan panel khusus genomik populasi penduduk serantau Alam Melayu juga memberikan ketepatan lebih baik kepada kajian ini.

## KESIMPULAN

Penemuan enam sifat DNA Melayu melepasi retorik asal usul. Seorang bergelar Melayu membawa 2 – 6 sifat genetik yang saling berkaitan menunjukkan Melayu bukan bangsa satu ras genetik terpendil yang ditetapkan oleh pendapat sebelum ini. Kecanggihan teknologi genomik dan A.I akan membuka lebih ruang di dalam memahami sifat genetik Melayu.

## RUJUKAN

1. Edinur, H. A., et al. (2009). Genetic structure of the Malay population revealed by genome-wide SNP variation. *Journal of Human Genetics*, 54(2), 103-111.
2. Nur Haslindawaty Abd Rashid (2013). *Genetic studies on mitochondrial DNA in Malay sub-ethnic groups*. PhD Thesis, University of Malaya.
3. NurWaliyuddin, A., et al. (2014). High-resolution SNP analysis reveals genetic diversity and structure of the Malay population. *BMC Genomics*, 15, 317.
4. Omar, S. H., et al. (2013). Genetic admixture in the Malay population: Evidence from Y-chromosome and mitochondrial DNA. *BMC Genomics*, 14, 151.
5. Sato, H., et al. (2014). Genetic history of East Asian populations. *Nature Communications*, 5, 4689.
6. Solheim, W. G. II. (1983). The Nusantara hypothesis: The origin and spread of Austronesian speakers. *Asian Perspectives*, 26(1), 77-88.
7. Zainuddin, Z., et al. (2018). Genomic insights into the Malay population. *Human Genomics*, 12(1), 17.
8. Zhong, H., et al. (2011). Genetic diversity and population structure of Asian populations. *Molecular Biology and Evolution*, 28(1), 1-8.
9. Deng, L., Hoh, B. P., Lu, D., Fu, R., Phipps, M. E., Li, S., ... & Xu, S. (2014). The population genomic landscape of human genetic structure, admixture history and local adaptation in Peninsular Malaysia. *Human genetics*, 133, 1169-1185.

## WACANA PERBUALAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT CINA DI DUNGUN, TERENGGANU

Nur Annisha Syafirah Anuar<sup>1</sup>, Azean Idruwani Idrus<sup>2\*</sup>  
Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
Hab Pendidikan Tinggi Pagoh<sup>1</sup> & <sup>2\*</sup>

<sup>1</sup>[annisha@gmail.com](mailto:annisha@gmail.com)

<sup>2\*</sup>[azeanidruwaniidrus@iium.edu.my](mailto:azeanidruwaniidrus@iium.edu.my)

<sup>2\*</sup>*Corresponding Author's Email:*  
[azeanidruwaniidrus@iium.edu.my](mailto:azeanidruwaniidrus@iium.edu.my)

### ABSTRAK

Keunikan Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa, budaya dan agama mewarnai kehidupan masyarakat hasil daripada kepelbagaian yang menyatupadukan. Kewujudan pelbagai bahasa dan dialek ini mencerminkan kekayaan budaya dan sejarah manusia yang sangat kompleks. Bahasa bukan sahaja alat komunikasi tetapi juga identiti dan warisan sesuatu masyarakat. Terengganu merupakan salah sebuah negeri yang terdapat di Malaysia dan dialek yang terdapat di negeri tersebut secara majoritinya digunakan oleh masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir kasyarakat Cina yang turut menggunakan dialek tersebut dalam perbualan seharian. Objektif kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis wacana perbualan dalam kalangan masyarakat Cina di daerah Dungun, Terengganu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan tumpuan kepada kajian kepustakaan dan lapangan dengan mengaplikasikan Teori Domain Fishman (1972). Kaedah pengedaran borang soal selidik secara dalam talian melalui *Google Form* dan temu bual digunakan dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemahaman perkataan dialek Terengganu dalam kalangan masyarakat Cina berada pada tahap yang memuaskan dan masyarakat Cina memahami makna bahasa Melayu dalam perkataan dialek Terengganu walaupun mempunyai perbezaan yang ketara. Kajian ini juga mendapati dua faktor yang mendorong masyarakat Cina untuk menggunakan dialek Terengganu, iaitu faktor pekerjaan dan pendidikan. Kajian ini telah menjelaskan bahawa pemahaman masyarakat Cina terhadap dialek Terengganu haruslah dikekalkan agar hubungan antara komuniti terus erat dan harmoni. Dialek Terengganu bukan sahaja bahasa pertuturan tetapi juga cerminan identiti dan budaya setempat yang unik.

**Kata kunci:** Wacana; Perbualan; Masyarakat Cina; Dungun; Dialek

### 1. PENGENALAN

Malaysia adalah salah satu negara yang memiliki pelbagai etnik, budaya dan agama. Kepelbagaian ini telah mewujudkan dialek di setiap negeri di Malaysia yang disebabkan oleh perbezaan latar belakang sosial suatu masyarakat. Penggunaan dialek di setiap negeri bukan sahaja dikuasai oleh

penutur natif tetapi juga turut dikuasai oleh masyarakat Cina. Hal ini bagi memudahkan proses komunikasi antara satu masyarakat dengan masyarakat lain di setiap negeri agar dapat difahami dengan mudah. Kaum Cina merupakan salah satu kelompok bangsa atau kaum di Malaysia yang merupakan kelompok kedua terbesar selepas Melayu. Setakat tahun 2023, Terengganu mencatatkan anggaran penduduk seramai 1,209,400 orang terdiri daripada pelbagai kaum yang merangkumi kesemua daerah (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Kaum Cina mencatatkan jumlah seramai 22,800 orang atau 1.88%. Masyarakat Cina di daerah Dungun merupakan kelompok minoriti dengan populasi setakat tahun 2017 adalah seramai 3337 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Di Dungun, mereka lebih memilih untuk menggunakan bahasa ibunda mereka dalam pertuturan harian, iaitu bahasa Hokkien. Hal ini menunjukkan bahawa dialek Terengganu tidak menjadi medium utama dalam proses berkomunikasi sehingga mempengaruhi masyarakat Cina yang tinggal di daerah tersebut. Hal ini terjadi kerana bahasa utama yang digunakan dalam pertuturan ialah bahasa ibunda mereka, iaitu bahasa Cina yang menggunakan dialek Hokkien. Masyarakat Cina yang kini tinggal di daerah Dungun juga lebih memilih untuk menuturkan bahasa Cina berbanding dialek Terengganu kerana didapati lebih mudah untuk difahami. Selain beranggapan bahawa dengan menggunakan bahasa ibunda mereka juga dapat memartabatkan bahasa Cina dalam kehidupan harian mereka. Menurut Shaghir et al. (2021), masyarakat Cina merupakan komuniti yang tertutup dan kurang senang atau terbuka untuk menerapkan konsep-konsep asing. Hal ini menyebabkan kebanyakan masyarakat Cina lebih selesa menggunakan bahasa Cina ketika berkomunikasi dalam kehidupan seharian. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti sejauh mana pemahaman perkataan dialek Terengganu serta menganalisis faktor-faktor yang mendorong pemahaman dialek Terengganu dalam kalangan masyarakat Cina di daerah Dungun.

## **2. METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan dua kaedah pengumpulan data, iaitu data primer dan data sekunder. Data primer dikumpulkan menerusi edaran soal selidik dan temu bual. Bagi mendapatkan maklumat daripada 11 orang responden, pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik kepada responden di kawasan masyarakat Cina yang tinggal di daerah Dungun terutamanya mukim Kuala Dungun. Soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik tersebut adalah berbentuk terbuka dan tertutup. Selain itu, kaedah temu bual dilakukan bagi memperoleh maklumbalas daripada setiap informan mengenai kajian yang dijalankan. Soalan temu bual yang disediakan adalah berbentuk terbuka serta memerlukan pendapat daripada informan. Di samping itu, pengumpulan data sekunder boleh didapati daripada sumber. Terdapat dua kaedah yang telah dilakukan bagi mengumpulkan data sekunder menerusi kajian perpustakaan dan kajian atas talian. Perpustakaan merupakan tempat paling utama bagi memperoleh data dan maklumat daripada buku, majalah, jurnal dan kertas seminar. Pengkaji mendapatkan maklumat dan membuat rujukan secara online di internet selain pembacaan dan rujukan daripada bahan bacaan secara atas talian seperti Google Scholar, Academia dan lain-lain.

## **3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

### **a) Pemahaman Perkataan Dialek Terengganu dalam Kalangan Masyarakat Cina di Dungun, Terengganu**

Dialek Terengganu mempunyai variasi bahasa yang unik terutamanya dari segi sebutan, kosa kata,

dan makna perkataan. Penggunaan dialek Terengganu dalam kalangan masyarakat Cina di daerah Dungun menjadi perkara penting dalam melihat pemahaman mereka terhadap dialek tersebut berikutan mereka hanya berkebolehan bertutur dalam bahasa ibunda mereka sahaja. Jadual 1 menunjukkan perkataan dalam dialek Terengganu serta maksud dalam Bahasa Melayu standard. Pengkaji telah mengkategorikan dialek tersebut kepada empat kategori, iaitu peralatan, kata nama, kata adjektif, kata tanya dan kata kerja.

No.	Dialek Terengganu	Bahasa Melayu Standard
1.	<i>Lallu</i>	Sekarang
2.	<i>Kabo</i>	Beritahu
3.	<i>Wwape</i>	Berapa
4.	<i>Buah</i>	Buas
5.	<i>Saing</i>	Kawan
6.	<i>Tok</i>	Nenek
7.	<i>Supik</i>	Plastik
8.	<i>Robok</i>	Almari
9.	<i>Puyuk/Puyok</i>	Periuk
10.	<i>Lonjong</i>	Tinggi

**Jadual 1: Dialek Terengganu dan Bahasa Melayu Standard**

#### **i) Peralatan**

Peralatan merujuk kepada tujuan atau fungsi yang dimiliki oleh sesuatu alat atau perkakas. Dalam konteks umum, peralatan adalah perkakas atau alat yang digunakan untuk melakukan sesuatu perkara atau sesuatu benda yang dapat digunakan dalam kehidupan seharian. Penggunaan perkataan *Supik*, *Robok*, *Puyuk/Puyok* dalam dialek Terengganu ini memperlihatkan pemahaman yang baik dalam kalangan responden dengan mencatatkan peratusan yang rendah bagi makna yang tidak tepat. Dapatan menunjukkan 90.9% responden yang memahami perkataan *supik* dalam dialek Terengganu dengan memilih plastik sebagai jawapan. Selebihnya, seorang responden atau 9.1% memilih sarung sebagai jawapan. Perkataan *supik* dalam dialek Terengganu yang difahami oleh masyarakat Cina ialah plastik. Ini menunjukkan responden memahami maksud plastik, iaitu sesuatu yang digunakan untuk mengangkut barangan. Perkataan *robok* mencatatkan peratusan yang tinggi bagi makna yang tepat. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat seramai 8 orang daripada kesemua 11 orang responden atau 72.7% memberikan makna yang tepat bagi perkataan *robok* iaitu dengan menyatakan almari sebagai jawapan. Manakala 3 orang atau 27.3% memilih jawapan runtuh. Hal ini menunjukkan responden tidak memahami makna yang betul bagi perkataan *robok* dalam dialek Terengganu yang bermaksud almari. Selanjutnya, perkataan dalam dialek Terengganu yang tergolong dalam kategori peralatan ialah *puyuk / puyok* bermaksud periuk dalam bahasa Melayu standard. Seramai 8 orang responden atau 72.7% yang memahami makna perkataan *puyuk / puyok* dengan memilih jawapan periuk. Manakala 2 orang responden bersamaan 18.2%-pula menjawab kualiti dan dalam pada itu, seorang responden atau 9.1% menjawab sudip. Perkataan *puyuk / puyok* dalam dialek Terengganu mengalami pemendekan atau ringkasan suku kata dari perkataan periuk yang terdapat dalam bahasa Melayu standard. Perkataan periuk merujuk kepada peralatan memasak yang digunakan untuk memasak makanan dan biasanya diperbuat daripada logam. Tuntasnya, pemilihan jawapan periuk menunjukkan masyarakat Cina di daerah Dungun memahami perkataan *puyuk / puyok* dalam dialek Terengganu.

## (ii) Kata Ganti Nama Diri

*Saing* dan *Tok* dalam Jadual 1 di atas, merupakan kata ganti nama diri yang mempunyai sistem lambangnya yang tersendiri. Kata nama ini mencerminkan nilai-nilai sosial dan budaya yang penting dalam komunikasi seharian. Dapatan menunjukkan seramai 7 orang responden atau 63.6% menjawab perkataan kawan sebagai jawapan bagi perkataan “saing”. Sementara itu, hanya 4 orang responden atau bersamaan 36.4% tidak mengetahui makna yang tepat kerana mengalami kekeliruan dengan *saing* yang terdapat dalam bahasa Melayu standard dan telah memilih gaduh sebagai jawapan mereka. Perkataan *saing* dalam bahasa Melayu standard bermaksud bersaing atau bergaduh atau mudah untuk difahami adalah berkaitan dengan persaingan atau pertandingan dalam mendapatkan sesuatu perkara atau benda. Manakala dalam dialek Terengganu, perkataan *saing* didefinisikan sebagai teman atau kawan. Pemahaman perkataan *saing* dalam masyarakat Cina di daerah Dungun adalah tinggi. Hal ini kerana masyarakat Cina menganggap bahawa perkataan *saing* ini lebih menunjukkan kemesraan apabila sesuatu interaksi dan komunikasi itu berlaku. Seterusnya, dapatan makna bagi leksikal *tok* yang bermaksud nenek menunjukkan seramai 9 orang responden atau 81.8% memahami perkataan *tok* kerana telah memilih jawapan nenek. Dalam pada itu, 2 orang responden bersamaan 18.2% menjawab tidak. Perkataan *tok* merupakan sebutan yang sering digunakan untuk memanggil datuk atau nenek. Hal ini menunjukkan persamaan dalam makna perkataan *tok* antara dialek Terengganu dan bahasa Melayu standard. Namun, hanya 2 orang responden yang memilih jawapan tidak kerana menganggap perkataan *tok* mengalami penguguran vokal ‘a’ dan digantikan dengan vokal ‘o’ yang membawa maksud tak atau tidak.

## (iii) Kata Adjektif

*Lallu*, *buah* dan *lonjong* tergolong dalam kata adjektif. Dalam bahasa Melayu standard perkataan *lallu* bermaksud sekarang yang merujuk kepada masa. Sebanyak 6 daripada 11 orang responden bersamaan 54.5% memberi jawapan yang betul, iaitu *sekarang* manakala selebihnya menjawab *selalu*, iaitu seramai 5 orang atau 45.5%. Perbezaan makna dialek Terengganu dengan bahasa Melayu standard memberi kekeliruan kepada masyarakat Cina yang kurang memahami dialek Terengganu. Hal ini kerana mereka beranggapan bahawa perkataan *lallu* telah mengalami penguguran suku kata pertama, iaitu *se* yang berada di hadapan kata selalu. Namun, dalam dialek Terengganu, perkataan *lallu* merupakan penegasan sebutan melalui penekanan bunyi huruf tertentu yang serupa dengan bunyi "sabdu" dalam bahasa Arab (Mansor et al., 2013). Seterusnya, 6 orang responden atau 54.5% memberi makna yang tepat bagi perkataan *buah* yang bermaksud buas. 5 orang responden bersamaan 45.5% tidak dapat memberikan makna yang tepat bagi leksikal ini. Perkataan *buah* ini memberi makna sesuatu yang boleh dimakan akan tetapi perkataan ini memberi makna yang berbeza dalam dialek Terengganu. Menurut Safitria (2020), perkataan *buah* bermaksud bahagian tumbuhan yang berasal dari putik atau biji bunga. Namun, perkataan ini memberi makna yang berbeza dalam dialek Terengganu kerana bermaksud buas. Responden mungkin tidak memahami bahawa perkataan *buas* dalam dialek Terengganu mengalami perubahan di mana perkataan *buah* yang asalnya berakhir dengan huruf ‘h’ telah digugurkan dan digantikan dengan huruf ‘s’. Selanjutnya, perkataan *lonjong* bermaksud tinggi dalam bahasa Melayu memperlihatkan peratusan responden yang ramai memahami perkataan tersebut yang mana perkataan *lonjong* dalam dialek Terengganu bermaksud tinggi. Seramai 9 orang responden atau



81.8% menjawab perkataan *lonjong* sebagai tinggi manakala 2 orang atau 18.2% memilih jawapan bujur. Pada asalnya perkataan ini adalah kata adjektif bentuk dalam bahasa Melayu standard yang membawa maksud berbentuk “*lonjong*” seperti telur tetapi dalam dialek Terengganu, perkataan tersebut berubah kepada kata adjektif ukuran kerana membawa maksud tinggi.

#### **(iv) Kata Tanya dan Kata Kerja**

Perkataan *kabo* dalam dialek Terengganu bermaksud memberitahu kepada seseorang supaya tahu. Pemahaman yang baik ditunjukkan dalam kalangan responden, iaitu masyarakat Cina di daerah Dungun dengan mencatatkan peratusan yang rendah bagi makna yang tidak tepat. Hanya seorang sahaja atau 9.1% memilih surat khabar sebagai jawapan. Sementara itu, sebanyak 90.9% atau 10 orang responden memahami makna bagi perkataan *kabo*. Perkataan surat khabar ialah agen pembaharuan informasi dan komunikasi yang menjawab segala persoalan dalam konteks perubahan masyarakat. Namun, perkataan ini disebut sebagai surat *kabo* dalam dialek Terengganu. Perkataan *kabo* dalam dialek Terengganu mempunyai bunyi hampir sama dengan perkataan khabar dalam bahasa Melayu standard. Oleh itu, masih terdapat responden yang tidak memahami perkataan dan mengalami kekeliruan ketika menjawab borang soal selidik. Sebanyak 9 orang responden atau 81.8% memahami makna yang tepat bagi perkataan *wwape* yang bermaksud berapa. Perkataan ini dikategorikan sebagai kata tanya yang digunakan untuk bertanya tentang sesuatu perkara. Namun, terdapat dua orang responden atau 18.2% menjawab kenapa. Perkataan *wwap* banyak difahami masyarakat Cina di Dungun terutamanya mereka yang menjalankan perniagaan. Mereka memahami perkataan *wwap* sebagai berapa yang digunakan untuk bertanyakan jumlah. Kata tanya berapa sering digunakan dalam pelbagai keadaan terutamanya untuk mendapatkan maklumat mengenai angka atau nilai sesuatu (Hamzah et al., 2023). Dalam dialek Terengganu, makna perkataan *wwap* ini sangat berbeza dengan bahasa Melayu standard kerana mempunyai penekanan sebutan pada huruf ‘w’. Penegasan sebutan adalah melalui penekanan bunyi huruf tertentu yang boleh disamakan dengan bunyi sabdu dalam bahasa Arab (Mansor et al., 2013).

### **b) Faktor-Faktor Yang Mendorong Pemahaman Perkataan Dialek Terengganu dalam Kalangan Masyarakat Cina di Dungun, Terengganu**

#### **i) Domain Pekerjaan**

Domain pekerjaan menjadi faktor yang mendorong pemahaman perkataan dialek Terengganu dalam kalangan masyarakat Cina di daerah Dungun. Domain pekerjaan merupakan domain yang merangkumi situasi penggunaan bahasa di tempat kerja. Pemahaman dialek dalam domain pekerjaan juga dipengaruhi oleh peraturan penggunaan bahasa berdasarkan peraturan di tempat kerja. Pemahaman dialek dalam kehidupan seharian dipengaruhi dengan apa yang dikerjakan dan dengan siapa interaksi sosial dilakukan. Hal ini demikian kerana, dialek merupakan bahasa pertama bagi penutur asli dan memudahkan proses komunikasi dan interaksi sosial (Nawi & Embong, 2021). Oleh itu, pemahaman dialek Terengganu dalam pekerjaan bukan sahaja penting untuk keberkesanan komunikasi tetapi juga untuk memelihara identiti budaya dan memperkukuhkan hubungan sosial di tempat kerja. Hal ini dengan jelas dapat dilihat daripada salah seorang informan kajian yang merupakan seorang penjual alat-alatan memasak di mukim Kuala Dungun. Hal ini telah menjadi kebiasaan bagi beliau untuk menggunakan perkataan seperti

“supik”, “robok” dan “puyuk/puyok” ketika menjalankan perniagaannya. Hal ini dibuktikan dengan dapatan daripada informan yang mengatakan bahawa pemahaman dialek Terengganu hanya digunakan dengan pelanggan yang berbangsa Melayu dan merupakan penutur jati dialek Terengganu sahaja. Kesimpulannya, pemahaman dialek Terengganu di tempat kerja dalam kalangan informan menunjukkan kadar yang amat tinggi dalam kajian ini. Perkara ini menjelaskan bahawa majoriti responden memilih bertutur dalam dialek Terengganu di tempat kerja terutamanya bersama pelanggan yang berbangsa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana, sebahagian besar pelanggan mereka merupakan penduduk setempat dan penutur jati dialek Terengganu. Perkara ini juga mendorong kepada pemahaman dialek Terengganu yang lebih tinggi pada masa akan datang.

## **b) Domain Pendidikan**

Penggunaan dialek memainkan peranan penting dalam membantu guru ketika proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam kelas terutamanya di negeri yang mempunyai pengaruh dialek yang kuat (Nawi & Embong, 2021). Penggunaan dialek ini juga dapat membantu guru untuk memberikan kefahaman kepada pelajar ketika proses pembelajaran (Syafini & Embong, 2020). Hal ini dikatakan demikian kerana guru berbangsa Cina di sekolah daerah Dungun turut menggunakan dialek Terengganu ketika bertutur bersama pelajar yang merupakan penutur jati dialek Terengganu. Penggunaan dialek dengan pelajar boleh membuatkan mereka berasa lebih selesa untuk terlibat dalam pembelajaran dan meningkatkan minat mereka dalam kelas. Pelajar juga akan lebih memahami konsep dan subjek yang disampaikan dengan menggunakan dialek mereka sendiri kerana lebih mudah untuk difahami. Pemahaman dialek dalam pendidikan bukan sahaja dapat menunjukkan rasa hormat terhadap budaya dan identiti penutur jati tetapi juga dapat membantu dalam mengekalkan warisan budaya dan membuatkan pelajar berasa bangga terhadap identiti mereka terutamanya masyarakat Cina yang mampu bertutur menggunakan dialek.

## **4. KESIMPULAN**

Dapat disimpulkan bahawa pemahaman dialek Terengganu dalam kalangan masyarakat Cina di daerah Dungun berda di tahap yang memuaskan. Hal ini kerana mereka masih menggunakan dialek Terengganu ketika berkomunikasi dalam kehidupan seharian walaupun tidak konsisten.

## **RUJUKAN**

- Hamzah, N. Z., Awang, H., & Md Yusof, F. H. (2023). Pengaruh Dialek Kedah Terhadap Fonetik Dan Leksikal Kata Soal Pelajar PISMP: Satu Kajian Kes. *Conference e-Proceedings International Conference of Research on Language Education 2023*, 633-642. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/82019/1/82019.pdf>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). Population Quick Info. [Kuala Lumpur] :Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Mansor, N. R., Mansor, N., & Abd Rahim, N. (2013). Dialek Melayu Terengganu: Pendokumentasian Dan Pengekalan Warisan Variasi Bahasa Tempatan. *Jurnal Melayu*, 10, 21-35. [https://www.researchgate.net/publication/317711575\\_DIALEK\\_MELAYU\\_TERENGGANU\\_PENDOKUMENTASIAN\\_DAN\\_PENGEKALAN\\_WARISAN\\_VARIASI\\_BAHASA\\_TEMPATAN](https://www.researchgate.net/publication/317711575_DIALEK_MELAYU_TERENGGANU_PENDOKUMENTASIAN_DAN_PENGEKALAN_WARISAN_VARIASI_BAHASA_TEMPATAN)

- Nawi, N. S., & Embong, Z. (2021). Peranan Dialek Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Menengah. *International Journal of Social Policy and Society*. <http://myscholar.umk.edu.my/bitstream/123456789/2847/1/PERANAN%20DIALEK%20NURADLIN%20ISM.pdf>
- Safitri, A., Hermandra, H., & Sinaga, M. (2020). Metafora Kata Buah Dalam Bahasa Melayu Dialek Mampura Kabupaten Siak: Kajian Semantik Kognitif. *Madah: Jurnal Bahasa Dan Sastra*, 11(2), 161-172. 78  
<https://doi.org/10.31503/madah.v11i2.219><https://madah.kemdikbud.go.id/index.php/madah/article/view/219/218>
- Shaghir, H. A., Shuib, N. H., & Murugasen, M. (2021). Kaunseling Pelbagai Budaya (KPB) Di Malaysia: Konsep Dan Praktis. *Wadah JIP*, 1-15.  
[https://publication.penerbitanipgkpt.edu.my/ojs/index.php/Wadah\\_JIP\\_IPGKPT/article/view/12/10](https://publication.penerbitanipgkpt.edu.my/ojs/index.php/Wadah_JIP_IPGKPT/article/view/12/10)

## ELEMEN AL-QURAN DALAM PEMBENTUKAN NASKHAH DRAMA NOORDIN HASSAN

Nur Firzanah Jamaludin<sup>1</sup>, Fazilah Husin<sup>2</sup>

[1211729@student.upm.edu.my](mailto:1211729@student.upm.edu.my)

[2fazilahn@upm.edu.my](mailto:fazilahn@upm.edu.my)

### ABSTRAK

Makalah ini membincangkan tentang penerapan elemen-elemen al-Quran dalam pembentukan naskhah drama pentas Noordin Hassan, yang merupakan penulis skrip drama pelbagai medium. Noordin Hassan melihat bahawa drama dan teater dapat menjadi saluran untuk menyampaikan dakwah Islam kepada masyarakat. Antara pendekatan yang diambil dalam merealisasikan perkara tersebut ialah mengangkat al-Quran sebagai unsur dalam penghasilan naskhah-naskhah drama pentas beliau. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menghuraikan pendekatan yang dilaksanakan oleh Noordin Hassan dalam menerapkan bahan-bahan daripada al-Quran ke dalam naskhah-naskhah drama pentas beliau. Sebanyak lima buah naskhah yang mengandungi elemen-elemen al-Quran iaitu *1400*, *Anak Tanjung*, *Sirih Bertepuk Pinang Menari*, *Malam Ini Penyus Menangis*, dan *...demi Zaitun....* telah dianalisis menggunakan pendekatan intertekstualiti untuk merungkai kaedah penerapan elemen-elemen al-Quran dalam pembentukan naskhah-naskhah drama pentas Noordin Hassan. Kajian mendapati bahawa Noordin Hassan telah menerapkan kepelbagaian kisah sejarah dan petikan ayat-ayat tertentu daripada beberapa surah al-Quran. Kisah-kisah bersejarah yang telah beliau terapkan termasuklah kisah Nabi Nuh a.s, Nabi Lut a.s, Nabi Adam a.s, kisah Abu Lahab dan isteri, surah al-Baqarah, surah al-Imran, dan surah al-A'raf. Pendekatan penerapan yang beliau laksanakan terutamanya adalah modifikasi, eksistensi dan juga ekserp. Penerapan elemen-elemen al-Quran seperti ini secara tidak langsung menjadi medan dakwah dan penyebaran al-Quran selain memperkukuhkan mutu penghasilan karya itu sendiri.

**Kata kunci:** Al-Quran; Drama Pentas; Elemen al-Quran; Intertekstualiti; Noordin Hassan

### 1. PENGENALAN

Noordin Hassan telah menulis drama sejak tahun 1953 melalui naskhah pentas 'Tak Kunjung Kembali' dan 'Surai Cambai'. Walaubagaimana pun, drama-drama beliau yang lahir pada tahun 1980-an memperlihatkan perubahan apabila beliau mulai memasukkan unsur-unsur Islam secara lebih ketara yang kemudiannya diketengahkan sebagai konsep drama fitrah (Sohaimi Abdul Aziz, 2003). Fatimah Ali (2003) melalui beberapa tulisan menyatakan bahawa drama-drama Noordin Hassan menepati ciri seni Islami, yang mana penghasilannya adalah berlandaskan al-Quran. Tanpa mengabaikan seni tradisi Melayu, yang digabungkan dengan unsur-unsur Islam, Mana Sikana mengesan aspek intertekstualiti dalam karya-karya beliau yang telah menghasilkan naskhah yang sarat dengan idea, makna-makna, pesanan dan dakwah, serta teknik persembahan yang baharu, meninggalkan bentuk-bentuk drama konvensional (Mana Sikana, 2003).

## **2. BAHAN DAN KAEDAH**

Sumber data bagi kajian ini adalah drama-drama Noordin Hassan yang dikenalpasti mengandungi elemen al-Quran yang lebih ketara berbanding naskhah beliau yang lain iaitu *1400*, *Anak Tanjung*, *Sirih Bertepuk Pinang Menari*, *Malam Ini Penyu Menangis*, dan *...demi Zaitun...* Kajian dengan pendekatan kualitatif ini menggunakan kaedah analisis kandungan dengan pengaplikasian teori intertekstualiti oleh Julia Kristeva. Pendekatan intertekstualiti adalah untuk melihat penerapan elemen-elemen al-Quran dalam pembentukan drama-drama oleh Noordin Hassan. Menurut Barthes (Abdul Rahman Hanafiah, 2003), intertekstualiti merupakan kombinasi pelbagai teks dalam sesebuah teks, dan dalam keadaan tertentu akan menghasilkan genre atau bentuk yang baru. Tumpuan kajian intertekstualiti adalah kepada unsur persamaan, pengaruh, penerimaan dan penentangan terhadap karya sebelumnya yang dikategorikan kepada beberapa prinsip termasuklah modifikasi, ekserp dan paralel. Analisis ini akan memperlihatkan tentang elemen yang diterapkan, kaedah penerapan serta impak ke atas bentuk drama-drama yang Noordin Hassan.

## **3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

### **3.1 Kisah-Kisah Bersejarah Dalam Al-Quran**

Kisah-kisah dalam al-Quran merujuk kepada kisah para nabi dan rasul, seterusnya kisah tentang golongan tertentu yang dirakamkan oleh Allah SWT sebagai pengajaran dan teladan kepada masyarakat. Terdapat beberapa naskhah drama Noordin Hassan yang dikenalpasti memiliki persamaan, perbezaan dan pengaruh daripada kisah-kisah bersejarah dalam al-Quran yang dijadikan beliau sebagai panduan dalam membentuk naskhah-naskhah dramanya.

#### **3.1.1 Kisah Abu Lahab dan Isteri Dalam Drama *1400***

Dalam sejarah perkembangan Islam, Abu Lahab, iaitu bapa saudara Nabi Muhammad S.A.W serta isterinya, adalah antara orang yang kuat menentang agama dan penganut Islam. Kisah ini menjadi panduan kepada Noordin Hassan untuk mencipta dan memasukkan watak Abu Lahab dan isteri dalam dramanya yang bertajuk *1400*. Noordin Hassan mengekalkan nama watak Abu Lahab tetapi membuat perubahan dari aspek plot. Perubahan tersebut dapat dilihat melalui plot penceritaan di mana pengarang membentuk pasangan suami isteri ini sebagai broker tanah yang kaya yang telah menggunakan tipu mulihat kepada penduduk kampung untuk menjual tanah mereka, sikap tamak pasangan tersebut telah membawa penderitaan kepada orang kampung. Kisah Abu Lahab dan isteri membawa pengaruh kepada pembentukan sebuah karya baru kepada pengarang untuk menonjolkan perwatakan Abu Lahab dan isteri sebagai musuh agama Islam walaupun dalam bentuk pemahaman yang baharu. Prinsip modifikasi diaplikasi memperlihatkan perubahan yang dilakukan oleh pengarang dalam mencipta sesuatu yang baharu berdasarkan kisah tersebut.

#### **3.1.2 Kisah Nabi Adam A.S. dan Hawa Dalam *Sirih Bertepuk Pinang Menari***

Dalam struktur pembentukan drama *Sirih Bertepuk Pinang Menari*, terdapat sebuah nazam yang diciptakan oleh pengarang mengenai Nabi Adam dan isterinya, Hawa. Dalam penciptaan nazam tersebut, terdapat unsur yang diadakan oleh pengarang iaitu pada baris tujuh dan lapan pada rangkap kedua di mana pengarang mengungkapkan bahawa, apabila Adam melihat burung dua

sejoli, Adam tiba-tiba hendak beristeri. Menurut Abu Mazaya Al-Hafiz (2013), dalam Al-Quran, setelah Allah SWT menjadikan Nabi Adam a.s. di syurga, dia hidup seorang diri, tidak ada seorang isteri yang akan menghiburnya. Maka semasa dia bangun tidur, tiba-tiba di sisi kepalanya ada seorang wanita yang dijadikan Allah SWT untuknya yang bernama Hawa. Telah diriwayatkan oleh Ibn Abbas bahawa Hawa dijadikan daripada tulang rusuk Nabi Adam a.s. di saat baginda dalam keadaan tidur, baginda tidaklah merasakan sakit.

Daripada peristiwa Nabi Adam a.s. tiba-tiba hendak beristeri, Noordin Hassan telah mengumpamakan keadaan tersebut tercetus apabila baginda melihat pasangan burung tersebut, adalah merupakan unsur-unsur yang diwujudkan dalam penciptaan nazam tentang situasi itu. Di sini, prinsip eksistensi digunakan bagi melihat persamaan atau perubahan yang berlaku dalam penciptaan nazam tersebut berdasarkan kisah Nabi Adam dan isterinya, Hawa. Eksistensi merupakan unsur-unsur yang diwujudkan atau diadakan dalam sesebuah karya yang berbeza dengan teks hipogramnya.

### **3.1.3 Kisah Nabi Ayub A.S. Dalam Drama *Malam Ini Penyu Menangis***

Nabi Ayub a.s. merupakan contoh teladan dalam kesabaran yang melebihi para nabi dan rasul lainnya. Kesabaran dan kekuatan imannya dilihat apabila baginda ditimpa ujian yang sangat besar tatkala Allah SWT mengujinya dalam bentuk harta, keturunan dan kesihatannya. Dalam drama *Malam Ini Penyu Menangis*, pengarang telah memasukkan kisah Nabi Ayub a.s. berdasarkan buku Qisasul Ambia, cerita yang berdasarkan tafsir daripada al-Quran. Tafsiran kisah Nabi Ayub a.s. memfokuskan kepada kedengkian iblis terhadap kebolehan Nabi Ayub a.s. Berlaku persamaan di antara kisah Nabi Ayub a.s. dengan watak-watak yang dicipta di dalam drama ini. Pengarang menonjolkan bentuk ujian-ujian yang dihadapi oleh Nabi Ayub dengan sabar lalu diselarikan dengan sifat watak-watak dalam drama ini seperti kisah J.M. Aziz dan Cik Lijah. Prinsip paralel diaplikasikan bagi memperlihatkan persamaan yang sejajar di antara kisah Nabi Ayub a.s. berdasarkan al-Quran dan watak-watak yang terdapat di dalam drama ini. Yang pertama, pengarang menekankan persamaan ujian yang dihadapi oleh Nabi Ayub a.s. dan J.M. Aziz yang menghadapi penyakit kusta. Noordin Hassan telah mengangkat kisah benar yang dihadapi oleh J.M. Aziz iaitu penyair terkenal yang telah menghadapi penyakit kusta yang membuatkan beliau hilang daya fizikal dan menyebabkan dunia penglihatannya terus gelap. Namun, beliau tetap sabar dan yakin dengan Allah SWT bahawa setiap ujian yang diberi pasti ada sinarnya. Sifat sabar tersebut disejajarkan dengan sifat sabar Nabi Ayub a.s. yang digambarkan di dalam al-Quran sebagai hamba yang mempunyai kesabaran berlipat ganda dalam menghadapi cubaan berbanding orang lain.

### **3.1.4 Kisah Umat Nabi Nuh A.S. dan Umat Nabi Lut A.S. Dalam Drama ...*Demi Zaitun*...**

Kisah umat nabi Nuh a.s. dan umat nabi Lut a.s. merupakan peristiwa sebenar yang memperlihatkan kesan kerana mengingkari nasihat dan arahan Allah SWT. Prinsip ekserp diaplikasikan bagi melihat bagaimana pengarang memasukkan dan menggunakan intisari yang sama daripada kedua-dua kisah umat nabi tersebut. Berdasarkan drama ...*demi Zaitun*..., terdapat peristiwa yang dipengaruhi daripada kisah-kisah umat nabi Nuh a.s. dan nabi Lut a.s. yang terkenal dengan kesombongan mereka. Peristiwa tersebut membangkitkan mengenai malapetaka yang menimpa orang Melayu di Tanjung kerana kemungkaran mereka terhadap Allah SWT. Kedua-dua

kumpulan boria tidak suka mendengar nasihat dan ada yang berpendapat bahawa boria jenis ini selalu memecahbelahkan orang Melayu. Malapetaka yang ditimpa oleh kumpulan boria ini adalah kerana mereka mengingkari nasihat sekumpulan ahli agama yang melarang untuk menjalankan aktiviti boria pada bulan Ramadan. Oleh kerana kumpulan boria tersebut tidak mendengar nasihat yang beri dan tidak menghormati bulan mulia dan kewafatan seseorang yang mulia, mereka akhirnya diturunkan azab daripada Allah SWT kerana sikap buruk mereka. Pengarang ingin mengetengahkan bahawa masyarakat yang ingkar dengan arahan Allah SWT dan ahli-ahli agama akan menerima azab atas kesombongan diri mereka. Dan perkara ini dilihat selari dengan kisah umat Nabi Nuh a.s. dan umat Nabi Lut a.s.

Oleh itu, dapat dilihat bahawa peristiwa kumpulan boria di Pulau Pinang berdasarkan drama ini merupakan idea yang diolah dan diterap masuk, memiliki persamaan dengan kisah umat Nabi Nuh a.s dan umat Nabi Lut a.s. yang membicarakan mengenai masyarakat yang menerima azab yang menakutkan daripada Allah SWT kerana mengingkari nasihat dan bersikap sombong.

### **3.2 Surah-Surah Pilihan Yang Dipetik Kandungan-Kandungan Tertentu**

#### **3.2.1 Surah Al-Imran dan Surah Al-Baqarah Dalam Drama *1400***

Berdasarkan drama *1400* ini, Noordin Hassan telah menerap masuk tafsiran ayat-ayat al-Quran melalui dialog di antara watak. Antara tafsiran ayat al-Quran yang diterap masuk ialah surah al-Imran ayat 18 dan surah al-Baqarah ayat 153 dan 257. Pengarang memasukkan surah al-Imran dan surah al-Baqarah dalam agenda tiga bagi menyedarkan Dolah supaya kembali ke jalan Allah dan sentiasa mempercayai kuasa Allah SWT kerana setiap yang tertulis pasti ada hikmah sebaliknya. Perkara ini dapat dilihat berdasarkan dialog di antara watak Maulana. Tafsiran surah al-Imran ayat ke-18 yang dimasukkan ke dalam dialog Maulana membicarakan mengenai Allah menerangkan bahawa tiada Tuhan melainkan daripada-Nya yang menegakkan keadilan dan disaksikan oleh malaikat dan ahli-ahli ilmu. Penjelmaan tafsiran ayat 153 surah al-Baqarah pada dialog seterusnya pula menyeru orang-orang yang beriman supaya mintalah pertolongan kepada Allah dengan sabar dan sembahyang, kerana Allah berserta dengan orang-orang yang sabar. Akhir sekali, penjelmaan tafsiran ayat 257 surah al-Baqarah menyentuh tentang Allah adalah penjamin kepada sekalian orang yang beriman bagi mengeluarkan mereka daripada kegelapan kepada cahaya. Sesungguhnya barang siapa yang beriman kepada Allah, maka Allah akan memberikan hidayat dalam kalbunya.

#### **3.2.2 Surah Al-A'raf Dalam Drama *...Demi Zaitun...***

Penjelmaan ayat 172 surah al-A'raf oleh Noordin Hassan dapat dilihat berdasarkan prinsip ekserp iaitu teks yang digunakan itu adalah sama dengan petikan dari tipa induknya. Pengarang hanya menekankan potongan ayat "*Alastu birabbikum?*" yang bererti "Bukankah aku tuhan kamu?" dan "*Bala syahidna*" yang bererti "Benar (Engkaulah Tuhan kami), kami menjadi saksi". Walaupun tidak dijelaskan dengan terperinci namun adegan ini membicarakan mengenai perjanjian awal/asal antara manusia dan Allah SWT.

### 3.2.3 Surah al-Baqarah dalam drama *Anak Tanjung*

Penjelmaan tafsiran ayat 190 surah al-Baqarah juga dapat dilihat berdasarkan prinsip ekserp iaitu pengarang menggunakan teks yang sama daripada hipogramnya. Ayat 190 surah al-Baqarah mengisahkan mengenai berjihad dengan jiwa dan harta di jalan Allah SWT. Prinsip modifikasi juga diaplikasikan berdasarkan kemasukan tafsiran ayat 190 surah al-Baqarah bagi melihat Noordin Hassan mengaplikasikan kisah jihad peperangan yang di antara umat Islam di Madinah dengan kaum musyrikin Mekah. Noordin Hassan mengambil inspirasi daripada kisah tersebut kemudian menyesuaikan dengan acuan dan budaya tempatan Malaysia seperti melakukan perubahan dari sudut latar masyarakat serta konflik yang berlaku. Contohnya, drama ini disesuaikan dengan acuan dan budaya tempatan Malaysia dengan memfokuskan kepada watak masyarakat Tanah Melayu melawan masyarakat penjajah Inggeris, manakala bagi konflik pula pengarang mengetengahkan nasib penduduk Tanah Melayu yang ditindas oleh orang British dan diseru untuk melakukan peperangan (mengikut undang-undang perang Islam) bagi mendapatkan tanah air mereka semula.

## 4. KESIMPULAN

Pengaruh dan inspirasi daripada kisah-kisah bersejarah dan surah-surah yang terpilih yang menjadi panduan Noordin Hassan sarat dengan pengajaran dan mesej kepada khalayak. Beliau telah membentuk naskhah drama yang berpandukan tauhid dan ajaran Islam melalui penerapan pelbagai pendekatan terhadap elemen-elemen al-Quran ke dalam naskhah-naskhah drama pentasnya.

## RUJUKAN

- Fatimah Ali. (2003). *Jiwa dan Minda Pencipta: Noordin Hassan di Awal dan Akhir Teksnya*. Sohaimi Abdul Aziz (Ed.). *Sasterawan Negara Noordin Hassan: Anak Tanjung Pejuang Seni*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mana Sikana. (2003). *Kepengarangan Dramatis Noordin Hassan*. Sohaimi Abdul Aziz (Ed.). *Sasterawan Negara Noordin Hassan: Anak Tanjung Pejuang Seni*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Sohaimi Abdul Aziz (Ed.). (2003). *Sasterawan Negara Noordin Hassan: Anak Tanjung Pejuang Seni*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Abu Mazaya Al-Hafiz. (2013). *Sejarah Lengkap Nabi dan Rasul Dalam Al-Quran*. Al-Hidayah Publication.
- Sohaimi Abdul Aziz. (Ed). (2003) *Sasterawan Negara Noordin Hassan: Anak Tanjung pejuang seni*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Rahman Hanafiah. (2006). *Drama Melayu Tradisional, Moden dan Pascamoden*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Hanafiah. (2003). *Membina Keunggulan Tradisi Sastera*. Pustaka Nasional.
- Abur Hamdi Usman, Mohd Norzi Nasir, Ahmad A'toa Mokthar, Bahtiar Mohd Nor & Muhammad Fakhur Razi Shahabudin. (2018). Kedudukan Hadis dalam Drama Tanah Kubur: Refleksi Intelektual dan Wacana Muhaddithun. *HADIS*, 8(16), 1-21.



**KE ARAH HEGEMONI POLITIK MUGHAL: ANALISIS GERAKAN  
KETENTERAAN AWARANGZIB KE WILAYAH DECCAN**

Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari<sup>1</sup> & Muhammad Izzad Helmy Muhammad Harun<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*Pensyarah Kanan Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam,  
UKM mozaha@ukm.edu.my*

<sup>2</sup>*Pelajar Program Siswazah Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM  
P127428@siswa.ukm.edu.my*

**ABSTRAK**

	<p>Penggunaan beri merah melindungi kulit daripada UVB yang menyebabkan luka pada kulit, iaitu kulit bersisik dan kedutan (Wang</p>	<p>205/F006 ·</p>	<p>Lamah-lamahet al. 2001)</p>
-	<p>Tidak dapat dikesan</p>	<p>205/F007 ·</p>	<p>Kemiri[<i>furuncle</i>] (Abdulhafiz et al. 2020)</p>
<b>Aleurites moluccana</b>	<p>Menggunakan</p>	<p><i>Eugenia aromatica sebagai</i></p>	<p>Jus curcuma domestica loir bertindak sebagai antimikrob. (Puspitasari &amp; Sofaria (2021)</p>
	<p>Keberkesanan minyak bijan sebagai pembunuh mikroorganisma menghalang</p>	<p><i>Glochidion</i></p>	<p>Gelam</p>



	jangkitan dan bakteri pada kulit (Shasmita, 2015).		
	Penyelidikan saintifik mengenai MCEO telah mendedahkan pelbagai aktiviti farmakologi seperti ketoksikan hubungan dan fumigant, penghalau, aktiviti antibakteria dan banyak lagi. (Noor, 2023)	205/F009myristicin dan	meningkatkan penghantaran dan kestabilan sebatian bioaktif dalam formulasi kosmetik dan bidang berkaitan. (Jiamphun, 2023)
<b>Cajanus cajan</b>	Cajanus cajan	<i>Sebatian di Zingiber officinale, 10-shogaol, sebagai antioksidan untuk pertumbuhan sel kulit manusia dan penambah penghijrahan dengan potensi untuk menjadi agen pembaikan luka baru. (Chen et.al, 2012)</i>	<i>Minyak pati Aquilaria malaccensis</i> tidak lama lagi boleh digunakan untuk formulasi ubat antioksidan, anti-diabetes, pemutihan kulit dan anti-radang. (Gogoi et.al, 2023)
	Aleurites moluccana, terkenal di kawasan tropika sebagai herba anti-radang. (Damayanti et. al, 2021)	206/F010Terminalia chebula boleh menguatkan seni bina kulit ketebalan penuh untuk merawat penuaan kulit dan/atau luka kronik. (Swindell et.al, 2022)	Piper stylosum adalah antara tumbuhan yang mempunyai spektrum aktiviti anti-mikrob yang paling luas. (Wiar et.al, 2004)
	Daun, batang dan lateks	206/F011is dikenali dalam perubatan tradisional untuk rawatan penyakit kulit (Tepsuwan et al	Ekstrak bunga Polianthes tuberosa berkesan untuk merawat kanser kulit tanpa mengancam tisu anggota badan normal (Alghuthaymi et al. 2023)
	Tidak dapat dikesan	206/F012	Ekstrak Cinnamomum zeylanicum dengan ketara meningkatkan kekuatan pemecahan luka pada luka hirisan,

		kadar pengecutan luka dan tempoh epitelisasi dalam kes luka pengotongan. (Kamatah et.al, 2003)
Solanum melongena	206/F013 <i>Nigella sativa</i> mungkin berkesan dalam merawat pelbagai penyakit kulit, iaitu ekzema	<i>Lada sulah</i> digunakan untuk merawat penyakit kulit iaitu kusta (Krupanidhi et al. 2022)
Minyak pati lada hitam mempunyai potensi yang menjanjikan untuk memodulasi proses biologi reformasi tisu, penyembuhan luka, dan metabolisme. (Han et.al, 2018)	<i>Citrus hystrix DC.</i> Minyak pati peel mempunyai perspektif sebagai agen anti-melanoma. (Kulig et.al, 2022)	Tidak dapat dikesan
Kaempferia galanga	<i>Bawang putih</i> mempunyai nanoformulasi terhadap pelbagai jenis kanser, dan ia berpotensi mengembangkan agen ini sebagai ubat antitumor. (Rauf et.al, 2022)	Penyiasatan klinikal dan eksperimen telah mengesahkan aktiviti antioksidan, anti-radang, anti-kanser, antimalaria, antikonvulsan, hepatoprotektif, antiparasit, racun serangga, dan nematocidal minyak pati <i>Myristica fragrans</i> . (Ashokumar, 2022)
Kulit bawang adalah salah satu produk sampingan pertanian penting yang kaya dengan sebatian bioaktif dan boleh digunakan sebagai bahan mempromosikan kesihatan,	206/F014	Pelbagai kajian menunjukkan bahawa K. galanga dan konstituennya mempunyai beberapa aktiviti farmakologi seperti antimikrob, antioksidan, amebicidal, analgesik, anti-radang, anti-tuberkulosis, anti-

	terutamanya dalam bidang farmakologi dan bioperubatan. (Kumar et.al, 2022)		denggi, anti-nociceptive, anti-angiogenik, anti-kanser, hiperlipidemik, hipo pigmen, osteolisis, larvicidal, racun serangga dan penghalau nyamuk, nematocidal, sedatif, menghidu, vasorelaxant dan penyembuhan luka. (Kumar, 2020)
<b>Timonius lasianthoides</b>	Timonius lasianthoides	206/F015 ·	Daun, kulit dan buah-buahan <i>Syzygium aqueum</i> secara tradisional digunakan untuk merawat penyakit kulit (Morton 1987)
<b>Betle Piper</b>	Di Sri Lanka, jus daun bethel digunakan dalam rawatan penyakit kulit (Arambewela	206/F016oil telah membuktikan keberkesanannya dalam rawatan penyakit kulit, iaitu ekzema	Susuh ayam
<b>Penyebaran Tabernaemontata</b>	Ekstrak Tabernaemontata divaricata	Ekstrak <i>Ixora coccinea</i> methanol yang menjanjikan ( <i>IxME</i> ) menunjukkan aktiviti antimikrob, antioksidan yang kuat, dengan aktiviti mendorong percambahan fibroblas yang ketara berbanding semua ekstrak lain. (Upadhyay, 2014)	Madu kelulut
<b>Brucea javanica</b>	Brucea javanica	206/F017 ·	Patah tulang
<b>Euphorbia tirucalli</b>	Ekstrak hidroalkohol mentah <i>Euphorbia tirucalli</i> L. menunjukkan hasil yang lebih baik dalam proses penyembuhan, keradangan akut dan fibrosis.	206/F018 ·	Tidak dapat dikesan

Jadual 5 menunjukkan bahawa kebanyakan daripada 35 rawatan penyakit kulit tradisional dalam Buku Tib MSS2515 sejajar dengan kesusasteraan saintifik moden. Sebagai contoh, Jintan hitam (207/F021), Inai (208/F026) dan Sepang (208/F029) dalam manuskrip perubatan Melayu digunakan dalam rawatan. Penemuan saintifik moden sejajar dengan kenyataan ini bahawa bahan-bahan berkesan merawat penyakit Vitiligo dan Kusta, istilah perubatan moden untuk kusta. Sementara itu, penemuan saintifik menunjukkan kaitan tumbuhan dan herba yang disebut dalam Buku Tib MSS2515 untuk merawat penyakit kulit. Sebagai contoh, penyelidikan menunjukkan bahawa Mata kunyit [*Curcuma longa*] berkesan merawat banyak penyakit kulit, iaitu *Psoriasis*, ekzema [*Atopic dermatitis*], *Scleroderma* dan kanser kulit. Tidak menghairankan bahawa Mata kunyit adalah pengulangan tertinggi penggunaannya dalam merawat penyakit kulit berdasarkan Buku Tib MSS2515.

Di samping itu, Keremak betina [*Eclipta alba*] (205/F001) diulang sekali sahaja dalam manuskrip bahagian rawatan penyakit kulit ini, iaitu rawatan kayap. Kesusasteraan saintifik menyoroti keberkesanan tumbuhan ini, yang bukan sahaja berkesan dalam merawat kayap tetapi juga elixir untuk penyakit kulit seperti ekzema [*Atopic dermatitis*], penyakit kulit yang berkaitan dengan sistem imun dan *Vitiligo*. Ini menunjukkan bahawa manuskrip perubatan Melayu kadangkala menghadkan fungsi tumbuhan dan herba untuk merawat penyakit kulit apabila tumbuhan itu dibentangkan dengan pelbagai peranan dalam rawatan holistik penyakit kulit.

Begitu juga dengan Pulai [*Alstonia angustiloba*] (206/F010) dalam Buku MSS2515 Tib, yang dikatakan relevan untuk merawat kayap. Hasil penyelidikan saintifik menunjukkan bahawa daun berkesan dalam merawat penyakit kulit dan batang dan lateks juga berkesan dalam merawat penyakit ini. Satu perkara yang pasti: walaupun manuskrip perubatan Melayu hanya memberi tumpuan kepada merawat penyakit kulit seperti kayap, kusta, dan bisul, bahan-bahan tradisional secara saintifik berkesan dalam merawat penyakit kulit yang lain. Sebagai contoh, rawatan penyakit ketuat (205 / F003, 207 / F021, 207 / F022), luka buta (206 / F014, 206 / F016) dan kanser kulit (208 / F029). Ini menunjukkan keberkesanan pelbagai tumbuhan dan herba tradisional Melayu dalam merawat penyakit kulit.

Jika diperhatikan, tumbuhan disebut dalam Buku Tib MSS2515 untuk merawat penyakit kulit, tetapi tidak terperinci bahagian mana yang harus digunakan. Walau bagaimanapun, kesusasteraan saintifik membuktikan keberkesanan tumbuhan selain mengesyorkan bahagian-bahagian yang berkaitan dalam rawatan penyakit kulit. Sebagai contoh, Hempedu landak [*Barleria prionitis*] (205/F002) hanya disebut secara umum dalam manuskrip, tetapi penyelidikan saintifik telah menunjukkan bahawa daunnya boleh merawat kusta dan penyakit kulit yang lain. Jalang malam [*Polianthes tuberosa*] (208/F029) juga secara amnya dinyatakan dalam Buku Tib MSS2515. Namun, hasil penyelidikan saintifik menunjukkan keberkesanan ekstrak bunga untuk merawat kanser kulit.

## 5. KESIMPULAN

Penyelidikan manuskrip perubatan Melayu Kitab Tib MSS2515 menunjukkan bahawa penemuan saintifik moden menyokong bahan-bahan yang paling tradisional dalam merawat penyakit kulit, menonjolkan keberkesanan tumbuh-tumbuhan dan herba. Hujung melukut [*Oryza sativa*] dan mata kunyit [*Curcuma longa*] adalah bahan yang paling kerap digunakan untuk merawat penyakit kulit, di mana kedua-dua bahan ini digunakan bersama-sama. Gabungan tumbuhan dipasangkan dengan bahan-bahan lain, iaitu buah-buahan, minyak, atau ekstrak, yang menyebabkan variasi unsur-unsur bahan tradisional dalam merawat penyakit kulit. Pendekatan swab menguasai merawat penyakit kulit, seperti tumbuh, mengurut, menggosok, dan membungkus bahan campuran tradisional pada kulit. Dua kombinasi bahan sekurang-kurangnya digunakan dalam merawat penyakit kulit, sekali gus menonjolkan variasi fungsi tumbuhan tradisional Melayu dalam merawat penyakit.

## PENGIKTIRAFAN

Kajian mengenai rawatan penyakit kulit dalam manuskrip perubatan Melayu Buku Tib MSS2515 dilakukan dengan memanfaatkan dana geran penyelidikan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), kod geran: PPPI/PTJ/KGI/USIM/15423. Para penyelidik merakamkan penghargaan kepada Bahagian PERMATA, Kementerian Pendidikan Malaysia atas dana yang diberikan dan Pusat Pengurusan & Inovasi Penyelidikan (RMC) USIM atas kelulusan menjalankan kajian ini.

## RUJUKAN

- Ab. Rahim, N., Mohd Hafiz Mail, Mustahimah Muhamad, Sarah Sapuan, Rabiatul Basria SMN Mydin, Azman Seeni .2022. Penyiasatan mekanisme antiproliferatif *Alstonia angustiloba*-perak nanopartikel dalam karsinoma sel skuamosa kulit (garis sel A431), *Jurnal Struktur Molekul*, Jilid 1250, Bahagian 2, 2022, 131814, ISSN 0022-2860, <https://doi.org/10.1016/j.molstruc.2021.131814>.
- Abdulhafiz F, Mohammed A, Kayat F, Bhaskar M, Hamzah Z, Podapati SK, Reddy LV. 2020. Aktifkan perencatan xanthine oxidase, kompas kimia, analisis GC-MS candik daripada kualiti antioksidan (*alocasia longiloba* miq). *Molekul*. 8 Jun 2020; 25(11):2658. DOI: 10.3390/molekul25112658. PMID: 32521624; PMCID: PMC7321287.
- Adiez Sapura Azmi, Norina Abdul Rahim, Zuriati Zahari, Fatimah Salim, dan Fatimah Salim. 2020. Aktiviti sitotoksik *Erythrina Fusca* Lour Leaf, Ranting dan Ekstrak Bunga. *Jurnal Sains Analisis Malaysia*, 24(3), 313-319.
- Alghuthaymi MA, Patil S., Rajkuberan C., Krishnan M., Krishnan U., Abd-Elsalam KA 2023. *Polianthes tuberosa*-Mediated Silver Nanoparticles dari Ekstrak Bunga dan Penilaian Potensi Antibakteria dan Anti-kanser mereka: Pendekatan In Vitro. *Loji (Basel)*. 2023 Mac 10; 12(6):1261. DOI: 10.3390/Tumbuhan12061261. PMID: 36986949; PMCID: PMC10054782.
- Anong Tepsuwan, Piengchai Kupradinun, Wannee R Kusamran. 1999. Kesan cassia Siam meninggalkan aktiviti enzim metabolising karsinogen kimia dan karsinogenesis kelenjar susu dalam tikus, *Penyelidikan Mutasi / Mekanisme Asas dan Molekul Mutagenesis*, Jilid

- 428, Isu 1-2, 1999, Halaman 363-373, ISSN 0027-5107, [https://doi.org/10.1016/S1383-5742\(99\)00062-9](https://doi.org/10.1016/S1383-5742(99)00062-9).
- Arambavela LCR, Aravavala LDAM, Kumaratunga KG, Dissanayake DC, Ratnasuriya UD, Kumarasinga CP 2011. Politik ke Atas Betle Piper Grone's Sri Lanka. *Pharm. Rev.* 2011; 5:159–163 | doi:10.4103/0973-7847.91111
- Araújo, AKL, Pinheiro, ADN, Tomé, ADR, Morais, SD, Oliveira, MD, Figueiredo, RD, & Nunes-Pinheiro, DSC (2015). Aktiviti penyembuhan luka *Ouratea* spp. minyak. *Jurnal Kebersihan dan Kesehatan Haiwan Brazil, Vol. 9, No. 2*, 154-171
- Ashokkumar K, Simal-Gandara J, Murugan M, Dhanya MK, Pandian A. Nutmeg (*Myristica fragrans* Houtt.) minyak pati: Kajian semula mengenai komposisi, biologi, dan aktiviti farmakologinya. *Phytother Res.* 2022 Jul; 36(7):2839-2851. DOI: 10.1002/PTR.7491. Epub 2022 Mei 13. PMID: 35567294; PMCID: PMC9541156.
- Bhowmik, D., Sampath Kumar, KP, Yadav, A., Shweta, S., Paswan, S. dan Amit Sankar, D. 2012. Trend terkini dalam herba tradisional India *Syzygium aromaticum* dan manfaat kesihatannya. *Jurnal Farmakognosi dan Phytochemistry*, 1, 13-22
- Chen CY, Cheng KC, Chang AY, Lin YT, Hseu YC, Wang HM. 10-Shogaol, antioksidan daripada *Zingiber officinale* untuk percambahan sel kulit dan penambah penghijrahan. *Int J Mol Sci.* 2012; 13(2):1762-1777. DOI: 10.3390/IJMS13021762. Epub 2012 8 Feb. PMID: 22408422; PMCID: PMC3291991.
- Chung, HC, Kim, MS, Mun, SY, Sa, BK, Chung, JY, Kim, DU, & Hwang, JK 2012. Kesan pentadbiran lisan ekstrak pala pada hama habuk rumah Amerika (*dermatophagoides farinae*) yang disebabkan oleh ekstrak dermatitis seperti luka kulit dalam tikus NC / Nga. *Sains Makanan dan Bioteknologi*, 21(2), 559–564. <https://doi.org/10.1007/s10068-012-0071-8>
- Damayanti S, Fabelle NR, Yooiin W, Insanu M, Jiranusornkul S, Wongrattanakamon P. Pemodelan molekul untuk mengenal pasti perencat cathepsin L yang berpotensi sebagai agen anti-fotopenuaan novel dari tumbuhan perubatan tropika. *J Bioenerg Biomembr.* Jun 2021; 53(3):259-274. doi: 10.1007/S10863-021-09893-5. Epub 2021 5 Apr. PMID: 33818669.
- Ekawati, ER, Pradana, MS, & Darmanto, WIN 2019. Kulit limau nipis (*Citrus aurantifolia*) sebagai antibakteria semulajadi untuk jangkitan kulit luka yang disebabkan oleh *staphylococcus aureus*. *Jurnal Penyelidikan Farmaseutikal Antarabangsa*, 11 (1), 363-366. <https://doi.org/10.31838/ijpr/2019.11.01.042>
- Fung SY, Yap HY, Ng ST, Tan CS. In Vitro Menghalang Pembentukan Melanin dan Peningkatan Pengeluaran Kolagen oleh Ekstrak Akueus Cendawan Sclerotial dari Cendawan Susu Harimau, *Lignosus rhinocerus* (Agaricomycetes), tanpa kerengsaan kulit dan mata. *Kulat Int J Med.* 2022; 24(5):19-32. doi: 10.1615/IntJMedMushrooms.2022043505. PMID: 35695586.
- Galli SJ, Tsai M, Piliponsky AM 2008. Perkembangan keradangan alahan. *Alam semulajadi.* 24 Julai; 454 (7203): 445-54. DOI: 10.1038/Alam Semula Jadi07204.
- Gogoi, R., Sarma, N., Begum, T., Chanda, SK, Lekhak, H., Sastry, GN, & Lal, M. (2023). Gaharu (*Aquilaria malaccensis* L.) minyak pati berasaskan tumbuhan yang wangi dan perubatan penting dengan potensi farmakologi dan genoksisiti. *Tanaman dan Produk Perindustrian*, 197, 116535. <https://doi.org/10.1016/j.indcrop.2023.116535>.
- Goher SS, Aly SH, Abu-Serie MM, El-Moslamy SH, Allam AA, Diab NH, Hassanein KMA, Eissa RA, Eissa NG, Elsabahy M, Kamoun EA. Electrospun Tamarindus indica-loaded antimicrobial PMMA / cellulose asetat / PEO nanofibrous scaffolds untuk penyembuhan

- luka dipercepatkan: Penilaian in-vitro dan in-vivo. *Int J Biol Macromol.* 2024 Feb; 258 (Pt 1):128793. doi: 10.1016/j.ijbiomac.2023.128793. Epub 2023 Dis 20. PMID: 38134993.
- Goyal S, Gupta N, Kumar A, Chatterjee S, Nimesh S. Antibakteria, anti-kanser dan potensi antioksidan nanopartikel perak kejuruteraan menggunakan ekstrak benih *Trigonella foenum-graecum*. *IET Nanobioteknol.* Jun 2018; 12(4):526-533. DOI: 10.1049/IET-nbt.2017.0089. PMID: 29768242; PMCID: PMC8676058.
- Han X, Beaumont C, Rodriguez D, Bahr T. Minyak pati lada hitam (*Piper nigrum*) menunjukkan reformasi tisu dan metabolisme memodulasi potensi dalam sel manusia. *Phytother Res.* 2018 Sep; 32(9):1848-1852. doi: 10.1002/PTR.6110. Epub 2018 Mei 17. PMID: 29770504.
- Harun Mat Piah & Zawiyah Baba. 2013. *Buku Tib MSS2515*. Selangor: Akhbar UKM.
- Harun Mat Piah. 2015. "Sains Perubatan Tradisional Melayu daripada Naskhah Lama," *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, Jilid 3, No. 3, ms. 3–17.
- Ibrahim B, Sowemimo A, van Rooyen A, Van de Venter M. Anti-radang, antioksidan *Cyathula prostrata* (Linn.) Blume (Amaranthaceae). *J Etnofarmak.* 2012 Mei 7; 141(1):282-9. DOI: 10.1016/J.Jep.2012.02.032. Epub 2012 Mac 1. PMID: 22387161.
- Ismail M, Bagalkotkar G, Iqbal S, Adamu HA. Ciri-ciri anti-kanser dan kandungan fenolik ekstrak yang disediakan secara berurutan dari pelbagai bahagian tumbuhan perubatan terpilih yang berasal dari Malaysia. *Molekul.* 2012 Mei 14; 17(5):5745-56. DOI: 10.3390/Molekul17055745. PMID: 22628046; PMCID: PMC6268718.
- Lee KK, Choi JD. Kesan ekstrak areca catechu L pada anti-penuaan. *Int J Cosmet Sci.* 1999 Ogos; 21(4):285-95. DOI: 10.1046/J.1467-2494.1999.196563.x. PMID: 18503446.
- Kim DB, Shin GH, Kim JM, Kim YH, Lee JH, Lee JS, Song HJ, Choe SY, Park IJ, Cho JH, Lee OH. Aktiviti antioksidan dan anti-penuaan campuran jus berasaskan sitrus. *Makanan Chem.* 2016 Mac 1;194:920-7. DOI: 10.1016/J.FoodChem.2015.08.094. Epub 2015 Ogos 24. PMID: 26471635.
- Noor, AAM (2023). Minyak Pati *Melaleuca cajuputi* Powell: Kajian Sifat Botani, Fitokimia dan Farmakologi. *Jurnal Sains dan Teknologi Sumber Borneo*, 13(2), 1-12.
- Norhasnira Ibrahim. 2023. *Rawatan Perubatan Melayu dalam Manuskrip Melayu*, Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- J. Annapurna, P.V.S. Amarnath, D. Amar Kumar, S.V. Ramakrishna, K.V. Raghavan. 2003. Aktiviti antimikrob daun *Ixora coccinea*, *Fisiotherapya*, Jilid 74, Isu 3, 2003, Halaman 291-293, ISSN 0367-326X, [https://doi.org/10.1016/S0367-326X\(03\)00037-6](https://doi.org/10.1016/S0367-326X(03)00037-6).
- Jiamphun S, Chaiyana W. Meningkatkan Penyampaian Kulit dan Kestabilan Asid Vanillic dan Ferulic dalam Sekam Beras Pulut yang Diekstrak Secara Enzim Berair oleh Pembawa Lipid Nanostruktur. *Farmakeutik.* 2023 16 Julai; 15(7):1961. DOI: 10.3390/Farmakeutik15071961. PMID: 37514147; PMCID: PMC10384697.
- Kamath JV, Shutter AC, Chowdhury AR. Kesan pro-penyembuhan kulit kayu *Cinnamomum zeylanicum*. *Phytother Res.* 2003 Sep; 17(8):970-2. doi: 10.1002/PTR.1293. PMID: 13680838.
- Khare, CP, (2004). *Ubat Herba India: Terapi Barat Rasional, Ayurveda dan Penggunaan Tradisional Lain, Botani*. Edisi ke-1, Springer, New York, ms: 93-94.
- Kirana C, McIntosh GH, Rekod IR, Jones GP. Aktiviti antitumor ekstrak *Zingiber aromaticum* dan zerumbone sesquiterpenoid bioaktifnya. *Kanser Nutr.* 2003; 45(2):218-25. DOI: 10.1207/S15327914NC4502\_12. PMID: 12881017.

- Kripanidhi Ram, Prakash Dabadi, Anusha MM, Deepika BV, Sameera Hr., Srinivas G., & Soundarya, R. 2022. Siri-Siri Antioxidan Tumbuhan Ubatan: Ulasan. *Sys Rev Pharm* 2022; 13(7): 457-463.
- Kulig M, Galanty A, Grabowska K, Podolak I. Penilaian keselamatan dan manfaat kesihatan Citrus hystrix DC. Kupas minyak pati, berkenaan dengan jujuk bioaktifnya dalam model in vitro keadaan kulit fisiologi dan patologi. *Biomed Farmasi*. 2022 Julai;151:113151. DOI: 10.1016/J.Biopha.2022.113151. Epub 2022 Mei 20. PMID: 35598364.
- Kumar, A. 2020. Phytochemistry, aktiviti farmakologi dan kegunaan tumbuhan perubatan tradisional Kaempferia galanga L. – Gambaran keseluruhan, *Jurnal Etnofarmakologi*, Jilid 253, 2020, 112667, ISSN 0378-8741, <https://doi.org/10.1016/j.jep.2020.112667>.
- Kumar M, Barbhai MD, Hasan M, Punia S, Dhumal S, Radha, Rais No, Chandran D, Pandiselvam R, Kathakata A, Ibu Anda, Satankar V, Senapati M, Anita T, Dey A, Sayed As, Gadallah FM, Amaroik R, Mekhemar M. Bawang (Allium CEPA L.) Kulit: Kazian Semula Sebastian Biocatif Aktiviti Derma Bioperubatan. *BioMed Farmakoth*. 2022 Feb;146:112498. Yogurt: 10.1016 / j.biofa.2021.112498. Epub 2021 Dis 22. PMID: 34953395.
- Kumar, B., Aggarwal, R., Prakash, U. 2023. Potensi terapeutik curcumin yang muncul dalam pengurusan penyakit dermatologi: kajian menyeluruh ubat-ubatan dan aktiviti farmakologi. *Futur J Pharm Sci* 9, 42 (2023). <https://doi.org/10.1186/s43094-023-00493-1>
- Leo TK, Tan ESS, Amini F, Rehman N, Ng ESC, Tan CK. Kesan Beras (*Oryza sativa* L.) Suplemen Ceramides untuk Meningkatkan Fungsi Penghalang Kulit dan Depigmentasi: Kajian Prospektif Label Terbuka. *Nutrien*. 30 Jun 2022; 14(13):2737. DOI: 10.3390/NU14132737. PMID: 35807914; PMCID: PMC9268538.
- Mohd Affendi Mohd Shafri. 2019. *Sari Semua Ubat*, Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia Sdn Bhd, hlm. 3.
- Mohd Shafri, MA 2021. Rawatan Penyakit Mata dalam manuskrip perubatan Melayu Ramuan Perubatan EAP153/9/4. *Jurnal Al-Tamaddun*, 16(1), 27–45., ms 27
- Mollik MAH, Hossan MS, Paul AK, Rahman MT, Jahan R., Rahmatullah M. 2010. Analisis perbandingan tumbuhan perubatan yang digunakan oleh pengamal perubatan rakyat di tiga daerah di Bangladesh dan siasatan mengenai cara pemilihan tumbuhan perubatan. *Etnobot. Res. Appl*. 2010; 8:195–218. DOI: 10.17348/era.8.0.195-218
- Morton, JF 1987. *Buah-buahan iklim panas*. JF Morton.
- Moy RL, Levenson C. 2017. Sandalwood Album Minyak sebagai Terapeutik Botani dalam Dermatologi. *J Clin Aesthet Dermatol*. 2017 Okt; 10(10):34-39. Epub 2017 Okt 1. PMID: 29344319; PMCID: PMC5749697.
- Naser Nasiri, Mozhde Ilaghi Nezhad, Fariba Sharififar, Mahdiah Khazaneha, Mohammad Javad Najafzadeh, Neda Mohamadi. 2022. "Kesan Terapeutik Nigella sativa pada Penyakit Kulit: Kajian Sistemik dan Meta-Analisis Kajian Terkawal Rawak", *Perubatan Pelengkap dan Alternatif Berasaskan Bukti*, vol. 2022, Artikel ID 7993579, 9 muka surat, 2022. <https://doi.org/10.1155/2022/7993579>
- Paul, PKC 2000. *Semak ·senarai flora, fauna, makanan dan tumbuhan ubatan*. Percetakan Kebangsaan Malaysia Berhad, Sarawak: Malaysia.
- Puspitasari, R. N., & Sofaria, R. (2021). Kesan Infusi Kunyit dan Jus Kunyit (*Curcuma Domestica*) pada Pertumbuhan *Staphylococcus Aureus* di Vitro. *Jurnal Perubatan Islam Antarabangsa*, 2(2), 54-60.



- Rauf A, Abu-Izneid T, Thiruvengadam M, Imran M, Olatunde A, Shariati MA, Bawazeer S, Naz S, Shirooie S, Sanches-Silva A, Farooq U, Kazhybayeva G. Bawang Putih (*Allium sativum* L.): Kimia, Komposisi Pemakanan, Ketoksikan, dan Ciri-ciri Anti-kanser. *Curr Top Med Chem.* 2022; 22(11):957-972. DOI: 10.2174/1568026621666211105094939. PMID: 34749610.
- S. S. Shinde, H. L. Tare, N. S. Deshmukh, S. R. Chaudhari, G. D. Ghangale, B. V. Udugade. (2020). Farmakognosi, Fitokimia dan Kegunaan Tradisional: *Barleria prionitis*. *Bull. Env. Farmak. Kehidupan Sci.*, Vol 9[4] Mac 2020. 150-158
- Sauaia Filho EN, Santos OJ, Barros Filho AK, Rocha Ade A, Silva RC, Santos RH, Santos RA. Penilaian penggunaan ekstrak mentah *Euphorbia tirucalli* L. dalam proses penyembuhan luka kulit pada tikus. *Acta Cir Bras.* 2013 Okt; 28(10):716-20. doi: 10.1590/S0102-86502013001000005. PMID: 24114300.
- Schuster, R., Holzer, W., Doerfler, H., Weckwerth, W., Viernstein, H., Okonogy, S., Mueller, M. 2016. Cajan cajan - sumber pengaktifan PPAR $\gamma$  yang membawa kepada kesan anti-radang dan sitotoksik. *Makanan Funct.* 2016; 7(9):3798-3806.
- Shasmita, R. 2015. "Manfaat Kesehatan Sesamum Indicum- Kajian Ringkas". *Jurnal Penyelidikan Farmaseutikal dan Klinikal Asia*, vol. 8, no. 6, Nov. 2015, hlm. 1-3, <https://journals.innovareacademics.in/index.php/ajpcr/article/view/7497>.
- Silmara Mendes Hoepers, Hugo Guilherme Martins Tolentino de Souza, Nara Lins Meira Quintão, José Roberto Santin, Valdir Cechinel Filho, Ruth Meri Lucinda Silva, Angelica Garcia Couto, Kathryn Ana Bortolini Simão da Silva. 2015. Aktiviti anti-radang topikal semipepejal yang mengandungi *Aleurites moluccana* L. Willd (*Euphorbiaceae*) ekstrak daun, *Jurnal Etnofarmakologi*, Jilid 173, 2015, Halaman 251-255,
- Singh A, Singh DK 2001. Aktiviti moluska inersia inermis *Lawsonia* dan gabungan binari dan tertiar dengan tumbuhan lain yang diperolehi moluskiida. *India J Exp Biol.* 2001 Mac; 39(3):263-8.
- Swindell WR, Bojanowski K, Chaudhuri RK. Ekstrak buah *Chebula Terminalia* yang dirawat mengubah ekspresi gen yang berkaitan dengan seni bina kulit dan pembentukan halangan. *Eur J Dermatol.* 2020 Okt 1; 30(5):469-492. DOI: 10.1684/ejd.2020.3882. PMID: 33021480.
- Sudhakar, K., & Swetha, R. (2010). Kajian terkini mengenai Genus *Glochidion* Plant. *Arkib Penyelidikan Sains Gunaan*, 2(2), 309-322
- Upadhyay A, Chattopadhyay P, Goyary D, Mitra Mazumder P, Veer V. *Ixora coccinea* Meningkatkan Penyembuhan Luka Kulit dengan Mengawal Selia Ekspresi Kolagen dan Faktor Pertumbuhan Fibroblast Asas. *ISRN Farmak.* 29 Jan 2014;2014:751824. DOI: 10.1155/2014/751824. PMID: 24624303; PMCID: PMC3928818.
- Wang PW, Cheng YC, Hung YC 2019. Ekstrak Raspberry Merah Melindungi Kulit daripada Kerosakan yang Disebabkan oleh UVB dengan Sifat Antioksidan dan Anti-radang. *Ubat oksidatif dan panjang umur sel.* 2019 ;2019:9529676. DOI: 10.1155/2019/9529676.
- Wang Y, Du GY, Guo T, Zou HM, Jia D. Mekanisma pemutihan kulit ekstrak jintan (*Cuminum c* L.). *Pak J Pharm Sci.* 2021 Jan; 34(1):77-84. PMID: 34248006.
- Warella, JC, Rahma, K., Widodo, ADW, & Setiabudi, RJ (2023). Aktiviti Antikulat *Selaginella plana* (Desv. ex Poir.) Ekstrak Hieron Terhadap *Candida albicans* IN VITRO. *Folia Medica Indonesiana* (2355-8393), 59(3). DOI: 10.20473/fmi.v59i3.44165
- Warrier, PK, et al. 1996. *Madras tumbuhan perubatan India*: Orient Longman Ltd.: 232.

- Wuart C, Mogana S, Khalifah S, Mahan M, Ismail S, Buckle M, Narayana AK, Sulaiman M. Pemeriksaan antimikrob tumbuhan yang digunakan untuk perubatan tradisional di negeri Perak, Semenanjung Malaysia. *Fitoterapi*. 2004 Jan; 75(1):68-73. DOI: 10.1016/J.Fitote.2003.07.013. PMID: 14693223.
- Yeshi K, Turpin G, Jamtsho T, Wangchuk P. Kegunaan Orang Asli, Analisis Fitokimia, dan Ciri-ciri Anti-Radang Tumbuhan Perubatan Tropika Australia. *Molekul*. 2022 Jun 15; 27(12):3849. DOI: 10.3390/Molekul27123849. PMID: 35744969; PMCID: PMC9231311.

**POTRET BAHASA SOPAN DALAM WAJAH SEORANG WANITA: ANALISIS  
MAKSIM LEECH (1983) DAN STRATEGI ASMAH OMAR (2000)**

Sara Beden (PhD)  
sara.beden@ipgm.edu.my

**ABSTRAK**

Kesopanan berbahasa menjadi pemangkin kepada pembentukan keperibadian seseorang di mata khalayak umum selain dihubungkan dengan adab dan akhlak yang mulia. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa sopan sering dipandang remeh oleh sesetengah pihak dalam berkomunikasi sehingga menjejaskan air muka pihak lain. Jika disorot, setiap individu dituntut untuk berhemah dalam berkomunikasi agar berupaya mengelakkan konflik sama ada dalam komunikasi lisan mahupun penulisan. Kesantunan atau kesopanan dalam penulisan merangkumi penggunaan dan pemilihan kata, frasa dan ayat yang gramatis dalam usaha menyantuni khalayak pembaca. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis bahasa sopan yang digunakan watak-watak dalam novel *Wajah Seorang Wanita* karya Sasterawan Negara S.Othman Kelantan (2005). Kajian ini mengaplikasikan model Prinsip Kesopanan (PS) Leech (1983) dan Strategi Kesantunan Asmah Omar (2000). Kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya dengan memberikan fokus kepada analisis teks. Dapatan menunjukkan pengaplikasian kedua-dua model kesantunan ini membentuk pola kombinasi Maksim + strategi, iaitu Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Strategi Penjagaan Air Muka dan Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Simpati + Strategi Kesedaran Adanya Kuasa Peranan. Kesimpulannya, pematuhan terhadap Maksim dan strategi kesopanan memprojeksikan bahawa pengarang memmanifestasikan daya keintelektualan yang tinggi dalam usaha memelihara budaya sopan dalam komunikasi bertulis.

**Kata kunci:** Maksim; strategi; penjagaan air muka; sokongan; kedermawanan

**1. PENGENALAN**

Tenas Effendy (2011) menyatakan bahawa kesopanan menjadi asas keajidiran Melayu yang terpuji sebagaimana dalam ungkapan adat Melayu, iaitu “Berbuah kayu rendang daunnya, bertuah Melayu terbilang santunnya, elok kayu kerana daunnya, elok Melayu kerana santunnya”. Pandangan Tenas Effendy ini sejajar dengan gagasan Leech (1983) dalam Prinsip Kesopanan, iaitu memberikan penekanan terhadap tatacara, adab dan sopan dalam berkomunikasi (tulisan dan lisan) agar kesopanan terpelihara sekali gus tidak menyinggung perasaan mana-mana pihak. Asmah Omar (2007, p.4) menjelaskan bahawa konsep sopan diambil daripada bahasa Arab, iaitu “soffan” dan bentuk infleksinya “musoffan” yang membawa makna halus (*refined*). Sehubungan dengan itu, kesantunan dalam penulisan diberi penegasan oleh Sara Beden & Indirawati Zahid (2014, p.52) dengan menyatakan bahawa aspek kesopanan berbahasa bukan sahaja signifikan dalam penggunaan bahasa yang bersifat lisan semata-mata malahan memainkan peranan yang penting dalam penggunaan bahasa yang bersifat tulisan dalam pelbagai wacana termasuklah karya sastera.

Kesopanan dan kehalusan ketika menggunakan bahasa dalam penulisan melibatkan penggunaan dan pemilihan kata, frasa atau ungkapan dan ayat (Sara Beden, 2018). Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan maksim-maksim Prinsip Kesopanan (PK) Leech 1983 dan Strategi Kesantunan Asmah Omar (SKAHO) 2000 dalam novel yang bertajuk *Wajah Seorang Wanita* (WSW) karya S. Othman Kelantan (2005).

## 2. METODOLOGI, DATA DAN KERANGKA TEORETIS

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Data korpus yang digunakan dalam kajian ini merupakan genre novel yang bertajuk WSW. Data dalam kajian ini hanya menggunakan dua peristiwa bahasa. Seterusnya, data-data dalam peristiwa bahasa dikod dan mengalami proses pelabelan bagi memudahkan penganalisan data. Data dilabelkan sebagai PB1/WSW/H154. PB1 merujuk kepada peristiwa bahasa bilangan satu, WSW merujuk kepada novel *Wajah Seorang Wanita* dan H154 pula merujuk kepada halaman. Data kajian terdapat dalam Jadual 1:

Jadual 1: Data kajian

<i>Kod</i>	<i>Tajuk peristiwa bahasa</i>
PB1/WSW/H154	Jodoh Siti Fatimah
PB2/WSW/H259	Arahan Siti Musalmah

Kajian ini mengambil pendekatan dengan menggabungkan PK Leech (1983) dan SKAHO (2000). PK Leech (1983) mengandungi enam maksim, iaitu (i) Kebijaksanaan; Maksim yang meminimumkan kos bagi orang lain dan memaksimumkan manfaat kepada orang lain, (ii) Kedermawanan; Maksim yang meminimumkan manfaat bagi diri sendiri dan memaksimumkan kos bagi diri sendiri atau dengan kata lain menguntungkan orang lain, (iii) Sokongan; Maksim yang meminimumkan cacian terhadap orang lain dan memaksimumkan pujian terhadap orang lain, (iv) Kerendahan Hati Maksim yang meminimumkan pujian terhadap diri sendiri dan memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri, (v) Persetujuan; Maksim yang meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain bagi mencapai kesepakatan dan (vi) Simpati; Maksim yang meminimumkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain dan memaksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain.

Asmah Omar (2000) telah mengemukakan model kesopanan dengan membahagikannya kepada Kesopanan Asas dan Kesopanan Berkendala. Asmah Omar (2000) menyimpulkan bahawa Kesopanan Berkendala sebagai Kesopanan Asas yang disertai dengan strategi komunikasi (KA+S). Kesopanan Asas + Strategi (KA+S) merupakan kaedah yang digunakan oleh pemeran untuk mencapai tujuan dalam komunikasi dan strategi komunikasi yang menandai kesopanan melibatkan enam strategi, iaitu pertama; ialah pengakuan adanya perkaitan peranan antara pemeran. Kedua; kesedaran akan adanya perbezaan taraf sosial antara pemeran yang merujuk kepada perbezaan taraf sosial pula akan lebih disedari akibat wujudnya pertemuan bersemuka. Ketiga; kesedaran akan adanya kuasa pada peranan dan taraf tertentu. Keempat; pula merujuk kepada menjaga air muka. Kelima; ialah kepatuhan pada tajuk atau bidang perbincangan atau perbahasan. Keenam; merujuk kepada kepatuhan pada peraturan mesyuarat. Ringkasnya, kajian ini menggunakan kombinasi dua model kesantunan berdasarkan maksim-maksim dan strategi yang berpadanan dengan data korpus kajian.

### 3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis, dapatan memperlihatkan pembentukan pola kombinasi maksim dan strategi hasil kombinasi PK Leech dan SKAHO sebagaimana dalam perbincangan analisis dalam 3.1 (Jadual 2 dan 3.2 (Jadual 3).

#### 3.1 Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Strategi Penjagaan Air Muka (PKMK+P+SPAM)

*Jadual 2: PKMKP+SPAM*

<i>Kod</i>	<i>Peristiwa bahasa: Jodoh Siti Fatimah</i>	<i>Pola Kombinasi</i>
PB1/WSW/H154	Siti Musalmah (SM) menasihati anaknya Siti Fatimah (SF) agar menghormati suami apabila mendapati Siti Fatimah kurang mesra dengan suaminya, Muhammad Nur. “Kau harus banyak bersabar dan berserah kepada Tuhan. Kalau Tuhan telah menjodohkan kita, bermakna itulah takdirnya. Cik tidak suka melihat kau seperti Cik Esyah”. Nasihat Siti Musalmah akhirnya melekat dalam minda Siti Fatimah setelah merenung dan memikirkan nasihat ibunya. “Benar kata-kata ciknya itu. Ibu saudaranya, Siti Aisyah, yang disebutnya Cik Esyah telah menjadi janda”	Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Strategi Penjagaan Air Muka

Pola kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Persetujuan + Strategi Penjagaan Air Muka diperlihatkan menerusi data PB1/WSW/H154, iaitu peristiwa bahasa Jodoh Siti Fatimah. Maksim kebijaksanaan diteliti menerusi watak SM sebagai ibu kepada watak SF berdasarkan pendekatan menasihati, iaitu (i) menghormati suami dan (ii) banyakkkan bersabar dan berserah kepada Tuhan dengan menerima takdir tentang jodoh. SM menyampaikan nasihat tersebut dengan berhemah agar anaknya SF sedar dan menerima jodohnya. Nasihat disampaikan dengan lembut kerana disertai partikel ‘lah’ dalam frasa “bermakna itulah takdirnya” supaya nasihat tersebut memberikan kesan kepada SF.

Sementara maksim persetujuan pula diteliti menerusi persetujuan secara langsung oleh watak SF yang menyetujui dan menerima nasihat SM dalam ayat “Benar kata-kata ciknya (ibu) itu”. SF bersetuju dengan pernyataan ibunya yang bertujuan untuk meminimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain, iaitu SM. Sara Beden & Indirawati Zahid (2015) menyimpulkan bahawa persetujuan secara langsung dalam komunikasi bukan sahaja dapat memaksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain malahan memprojeksikan kesepakatan yang memanifestasikan bahasa sopan.

Strategi Penjagaan Air Muka (SKAHO) pula diperlihatkan menerusi ayat “Ibu saudaranya, Siti Aisyah, yang disebutnya Cik Esyah telah menjadi janda” yang digunakan oleh SM merupakan strategi untuk menjaga air muka SF agar tidak berkecil hati dengan teguran SM tentang hubungan SF dan suaminya yang dingin dengan menjadikan nasib Cik Esyah (ibu saudara SF) yang menjadi janda sebagai analogi dan contoh sekali gus bertujuan menyedarkan SF. Tersiratnya, SM kluatir

Nasib SF sama dengan Cik Esyah, namun tidak diluahkan secara langsung kepada SF, sebaliknya secara berlapik agar SF tidak tersinggung. Asmah Omar (2000) menegaskan bahawa penjagaan air muka dilakukan bagi mengelakkan sesuatu pihak berasa tersinggung atau berkecil hati manakala Noriati A. Rashid (2005) menyatakan bahawa orang Melayu sangat mementingkan perasaan orang lain dan ini menjadi pertimbangan dan pengukur dalam membuat keputusan.

### 3.2 Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Simpati + Strategi Kesedaran Adanya Kuasa Peranan (PKMK+S+SKKP)

*Jadual 3: PKMK+S+SKKP*

<i>Kod</i>	<i>Peristiwa bahasa: Peranan Ketua Keluarga</i>	<i>Pola Kombinasi</i>
PB2/WSW/H259	“Kita mesti bertanam ubi dan jagung,” kata Siti Musalmah. ‘Tanah di belakang rumah itu boleh digunakan untuk ubi dan jagung. Sekarang kita menghadapi musim ka’at. Sebab itu setiap orang mesti bekerja’. Kata-kata itu adalah suatu paksaan yang tidak pernah dilakukan olehnya. Dia berasa seolah-olah memaksa adik-adiknya dan anak-anak saudaranya supaya bekerja untuk makan semasa berada di dalam rumah. Tetapi dia terpaksa mengucapkannya. Barang-barang makanan dan pakaian semakin mahal dan naik harganya.	Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan+Simpati+Strategi Kesedaran Adanya Kuasa Peranan

Pola Kombinasi Maksim Kebijaksanaan + Simpati + Strategi Kesedaran Adanya Kuasa Peranan diperlihatkan menerusi data PB2/WSW/H259. Maksim kebijaksanaan diteliti menerusi cadangan SM untuk bertanam jagung dan ubi kepada adik dan anak saudaranya. Walaupun cadangan ini mengimplikasikan kesantunan negatif, namun memaksimumkan manfaat dan meminimumkan kos kepada keluarga mereka yang dalam situasi darurat. Cadangan SM menunjukkan ketegasan apabila menggunakan kata tugas “mesti” dalam cadangannya, namun cadangan tersebut adalah untuk kebaikan keluarga mereka pada masa darurat. Menurut Tenas Effendy (2011) “orang tua-tua ada mengatakan apabila hendak memberi saran, elokkan niat luaskan fikiran.” Pendapat ini menzahirkan bahawa pemikiran yang bernas dan niat yang ikhlas amat penting agar saranan atau cadangan memberikan manfaat kepada orang lain dan hal ini amat dititikberatkan oleh masyarakat Melayu sebagaimana niat SM dalam memberikan cadangannya.

Sara Beden (2020) menyatakan bahawa menzahirkan simpati terhadap orang lain dalam kesusahan adalah perkara yang beradab untuk dilakukan. Maksim simpati dalam kajian ini terdapat dalam ayat “Kata-kata itu adalah suatu paksaan yang tidak pernah dilakukan olehnya” dan “Dia berasa seolah-olah memaksa” yang memanasifasikan perasaan serba salah dan konflik dalaman SM untuk memaksimumkan simpati antara dirinya dengan adik dan anak saudaranya apabila mengarahkan mereka untuk bertanam ubi dan jagung. Perasaan serba salah ini menyirati pendekatan memahami perasaan oleh watak SM kepada adik dan anak saudaranya yang diekspresikan menerusi frasa “seolah-olah memaksa” dan “suatu paksaan yang tidak pernah dilakukan olehnya” yang dapat diproses menerusi makna konteks walaupun tiada penggunaan perkataan “simpati” mahupun “kasihan” dalam data tersebut. Nor Hashimah Jalaluddin (2007)

menjelaskan bahawa dalam menginterpretasikan ujaran, selain kesan konteks dan konteks yang melatari perbualan, usaha memproses maklumat juga harus dititikberatkan.

Strategi kesedaran adanya kuasa peranan (SKAHO) pula diperlihatkan berdasarkan makna konteks ujaran SM yang memberikan arahan “Kita mesti bertanam ubi dan jagung,” kata Siti Musalmah. Dalam unsur direktif ini, SM menunjukkan kuasanya kerana SM berperanan sebagai ketua keluarga setelah kematian suaminya. Kesedaran adanya kuasa mendorong SM untuk mengarahkan adik dan anak saudaranya bertanam ubi dan jagung kerana musim *ka'at* (darurat) walaupun SM berasa terpaksa. SM menegaskan lagi bahawa “Tanah di belakang rumah itu boleh digunakan untuk ubi dan jagung” sebagai penegasan terhadap arahannya bagi menzahirkan kuasa peranannya. SM memiliki kuasa untuk mengarah kerana dia bertindak sebagai perancang untuk keluarga besar mereka yang memerlukan sumber rezeki bagi meneruskan kehidupan pada zaman darurat. Asmah Omar (2000), menegaskan bahawa kuasa dan peranan membolehkan individu mengendalikan sesuatu perbincangan dengan mengambil kira situasi.

#### **4. KESIMPULAN**

Kesimpulannya, kedua-dua data berdasarkan novel WSW memperlihatkan dua pola kombinasi maksim dan strategi yang berbeza kerana faktor konteks, iaitu tujuan penggunaan dan objektif komunikasi berbeza walaupun diujarkan oleh watak yang sama. Novel WSW berupaya memotretkan penggunaan bahasa sopan menerusi watak-watak yang diperagakan oleh pengarangnya. Impaknya, karya sastera sarat dengan bahasa sopan dalam menyuguhkan unsur keinsanan dan kemanusiaan sarwajagat.

#### **RUJUKAN**

- Asmah Omar. (2000). *Wacana, perbincangan, perbahasan dan perundingan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (2007). *Kesantunan bahasa dalam pengurusan pentadbiran dan media*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Leech, G. (1983). *Principles of pragmatics*. Longman.
- Nor Hashimah Jalaludin. (1992). *Semantik dan pragmatik: Suatu pengenalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Noriati Abd. Rashid. (2005). Nilai kesantunan dalam konteks sosiobudaya masyarakat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 15, 232-253.
- Sara Beden & Indirawati Zahid. (2014). Analisis kesopanan bahasa Leech & Grice: Manifestasi struktur dalam peristiwa Melunas Rindu. *Jurnal JATI*, 19, 151-168.
- Sara Beden & Indirawati Zahid. (2014). Analisis Kesopanan Bahasa Dalam Novel Melunas Rindu: Aplikasi Maksim Leech Dan Grice. *Jurnal Bahasa*, 15 (1), 143-172.
- Sara Beden. (2018). Kesantunan bahasa penulisan. *Dewan Bahasa*, September, 54-58.

- Sara Beden. (2020). Kesejajaran kesantunan bahasa dalam perutusan pakej rangsangan ekonomi prihatin dengan Prinsip Kesopanan Leech (1983). 24 (1), 051-080.
- S. Othman Kelantan. (2005). *Wajah seorang wanita*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tenas Effendy. (2011). *Kesantunan dan semangat Melayu*. Pemerintah Kota Pekanbaru & Tenas Effendy Foundation.



**GARIS PANDUAN PENGANJURAN PERAYAAN DAN ACARA DALAM  
MASYARAKAT MALAYSIA: TINJAUAN DARI BAB AHKAM AL-HISBAH KITAB  
AL-AHKAM AL-SULTANIYYAH OLEH IMAM AL-MAWARDI**

Syed Salim bin Syed Shamsuddin <sup>1</sup>, Muhammad Asyraf bin Razak <sup>2</sup>

*<sup>1</sup>Fakulti Syariah dan Undang-undang,  
Universiti Sains Islam Malaysia, 71800,  
Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia  
syedsalim@usim.edu.my*

*<sup>2</sup>Fakulti Syariah dan Undang-undang,  
Universiti Sains Islam Malaysia, 71800,  
Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia  
asyrafrazak2001@gmail.com*

**ABSTRAK**

Malaysia sebagai negara yang mempunyai masyarakat majmuk dan mempunyai pelbagai adat resam dan tradisi. Setiap kaum dan agama di negara ini mempunyai sambutan perayaan dan acara yang tersendiri. Hal ini mengundang polemik dan perdebatan apabila ia diadakan dalam kalangan masyarakat yang beragama Islam apatah lagi apabila terdapat umat Islam yang turut menyertai sambutan perayaan dan acara yang berunsurkan keagamaan dan kebudayaan yang bercanggah dengan Islam. Penulisan ini bertujuan untuk menjelaskan konsep perayaan dan acara di Malaysia dan mencadangkan garis panduan penganjuran perayaan dan acara yang sesuai berdasarkan bab Ahkam al-Hisbah di dalam kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah karya Imam al-Mawardi. Penulisan ini bersifat kualitatif deskriptif melibatkan kajian kepustakaan melalui analisis dokumen terhadap teks turath kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah serta penulisan kontemporari yang berkaitan. Metodologi analisis tekstual diaplikasikan pada bab Ahkam al-Hisbah untuk menyusun tema dan idea utamanya dalam merungkai tujuan hisbah dan kaedah untuk menegakkan akhlak awam dalam masyarakat majmuk sesuai dengan nilai-nilai Islam. Penulisan ini mendapati bahawa mengadakan dan menyambut pelbagai bentuk perayaan dan acara keramaian sama ada berbentuk keagamaan atau kebudayaan telah menjadi adat kebiasaan bagi masyarakat Malaysia. Imam al-Mawardi telah mendatangkan beberapa langkah untuk pemantauan dan perlaksanaan sambutan perayaan dan penganjuran acara berdasarkan perbincangan mengenai hisbah di dalam karya beliau al-Ahkam al-Sultaniyyah. Oleh itu, pihak berkuasa bahagian hal ehwal agama Islam perlulah lebih cakna dan mengikuti trend dan perkembangan semasa agar masyarakat tidak leka dan tenggelam dalam gaya hidup hedonisme. Penganjuran perayaan dan acara perlu dilakukan dengan cara yang sesuai dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi di negara ini dan adab serta tatasusila masyarakat di rantau ini.

**Kata Kunci:** Perayaan; acara; hisbah; Imam al-Mawardi.

## **PENDAHULUAN**

Sambutan perayaan dan acara telah wujud di dalam sejarah peradaban manusia sejak sekian lama. Setiap tamadun dan masyarakat di dalam sesebuah peradaban mempunyai perayaan dan acara keramaian mereka yang tersendiri, sama ada berbentuk keagamaan, kebudayaan atau tradisi. Seiring dengan perubahan zaman, nilai dan tujuan perayaan yang dahulunya disambut oleh kelompok masyarakat tertentu untuk tujuan atau sebab yang tertentu kini turut disambut oleh kelompok masyarakat lain, tidak mengira bangsa dan agama. Hal ini telah berlaku di Malaysia memandangkan negara ini merupakan negara yang bermasyarakat majmuk. Namun, perkara terpenting ialah memastikan segala bentuk perayaan dan acara tersebut tidak bertentangan dengan nilai-nilai adab ketimuran dan agama Islam. Seperti yang termaktub di dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Malaysia, Islam adalah agama rasmi bagi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Hal ini bertujuan bagi menjamin perpaduan rakyat berbilang kaum dan agama di Malaysia.

Telah menjadi trend masa kini, antara pengisian utama mana-mana sambutan perayaan dan acara di negara ini ialah acara nyanyian, tarian dan permainan alat muzik. Pelbagai acara hiburan seperti konsert telah diadakan untuk menarik masyarakat Malaysia dari pelbagai latar belakang termasuk masyarakat Islam khususnya para remaja. Hal ini menjadi kebimbangan apabila hiburan menjadi fokus utama masyarakat Islam selain menampakkan proses normalisasi hiburan dalam kehidupan seharian.

Oleh kerana itu, pemantauan dan pengawasan pelaksanaan syariat dan akhlak Islam perlu dilakukan apabila masyarakat Islam menganjurkan atau menghadiri apa-apa bentuk perayaan dan acara di negara ini. Hal ini penting agar jati diri dan syakhsiah umat Islam terjaga seiring dengan usaha-usaha meraikan kepelbagaian kepercayaan, adat dan tradisi masyarakat Malaysia. Penulisan ini melihat bagaimana satu bentuk panduan penganjuran perayaan dan acara di negara ini dapat dikeluarkan daripada apa yang telah dinyatakan dan dibincangkan oleh Imam al-Mawardi di dalam bab Ahkam al-Hisbah melalui salah satu karya beliau yang terkenal al-Ahkam al-Sultaniyyah.

## **METODOLOGI**

Penulisan ini bersifat kualitatif deskriptif melibatkan kajian kepustakaan melalui analisis dokumen terhadap salah satu teks turath Islam yang terkenal iaitu kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyyah karya Imam al-Mawardi serta penulisan kontemporari yang berkaitan. Metodologi analisis tekstual diaplikasikan pada bab Ahkam al-Hisbah untuk menyusun tema dan menyusun idea-idea utamanya dalam merungkai tujuan hisbah dan kaedah untuk menegakkan akhlak awam dalam masyarakat majmuk sesuai dengan nilai-nilai Islam. Dari sini, satu panduan penganjuran perayaan dan acara dapat dikeluarkan bagi membentuk masyarakat Malaysia yang berakhlak mulia yang menjunjung tinggi dan mempertahankan prinsip, nilai dan adab Islam.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

### **Konsep Perayaan dan Acara di Malaysia**

Malaysia sebagai salah satu daripada negara yang mempunyai rakyat yang berbilang kaum dan etnik kerana sejarahnya, sememangnya kaya dengan perayaan dan sambutan kebudayaan atau keagamaan. Membenarkan sambutan perayaan berbilang kaum dan agama merupakan salah satu daripada langkah yang diambil oleh kerajaan Malaysia ke arah kewujudan bersama antara komuniti dengan latar belakang yang berbeza. Kerajaan Malaysia mengisytiharkan hari perayaan keagamaan etnik utama sebagai cuti umum kebangsaan, sebagai cara untuk meraikan semua kelompok dan budaya serta agama di Malaysia di samping mencipta suasana masyarakat yang harmoni.

### **Jenis Perayaan dan Acara yang Diraikan di Malaysia**

Perayaan dan acara yang di sambut di Malaysia boleh dikategorikan kepada dua jenis; iaitu perayaan keagamaan dan perayaan bukan keagamaan. Perayaan keagamaan ialah perayaan yang saling berkait dengan perbuatan menyembah Tuhan atau dewa yang melibatkan upacara, amalan adat dan tradisi yang dituntut oleh agama, dilakukan sebagai tanda ketaatan kepada Tuhan dan agama. Sebagai contoh, Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha, Hari Wesak, Krismas dan Thaipusam.

Manakala perayaan bukan berbentuk keagamaan ialah sambutan perayaan yang tidak melibatkan sebarang bentuk ibadat atau persembahan kepada Tuhan, yang selalunya dirujuk sebagai perayaan kebudayaan dan etnik. Dapat diperhatikan bahawa perayaan kebudayaan amalan turun temurun dan adat tradisi lebih menonjol dan diraikan berbanding daripada upacara keagamaan. Pada hakikatnya, perayaan kebudayaan bukanlah seratus peratus tidak dipengaruhi oleh agama. Budaya dan agama sejak sekian lama berkait rapat, kerana agama bersama-sama estetika dan etika membentuk budaya. Contohnya, perayaan Tahun Baru Cina dan Hari Gawai.

Selain itu, terdapat perayaan yang tidak ada kaitan langsung dengan agama (sekular). Perayaan kebudayaan juga boleh bertukar status menjadi kategori perayaan sekular kerana hilangnya nilai dan tradisinya, yang tidak melibatkan sebarang unsur pemujaan Tuhan atau dewa seperti dalam perayaan keagamaan, juga tidak mempunyai nilai tradisi turun-temurun seperti dalam perayaan kebudayaan. Perayaan ini mempunyai tujuan yang pelbagai daripada pengumpulan dana, berkongsi hobi atau untuk keseronokan semata-mata, dan ianya boleh dianjurkan pada bila-bila masa sahaja, bergantung kepada penganjur. Di Malaysia, perayaan dan acara seperti ini bukan lagi perkara asing kerana terlalu banyak acara seperti ini telah dianjurkan dan disertai oleh rakyat Malaysia sama ada secara sedar atau tidak, lalu mencetuskan pelbagai polemik dan permasalahan. Sebagai contoh, Good Vibes Festival, World Tour Coldplay dan Kepci Music Fest pada tahun 2023, acara “I Want to Touch A Dog” pada tahun 2014, acara WhiskeyPlus dan Festival Koktel Tatler yang dianjurkan pada tahun 2023 dan BoozeFest KL pada tahun 2022.

## **Sambutan Perayaan dan Acara di Malaysia Menurut Perspektif Syariah**

Realiti kepelbagaian etnik, budaya dan agama menjadikan konsep keharmonian amat penting dan mustahak untuk dikecapi berbanding negara-negara mono-etnik yang lain. Oleh yang demikian, keharmonian dan kedamaian antara kaum dan agama merupakan kunci yang amat penting dalam menjamin masa depan negara Malaysia. Antara kaedah yang paling berkesan dalam mencapai tujuan ini ialah membenarkan sambutan perayaan semua budaya dan agama kerana kepentingannya yang berperanan sebagai asas penghormatan dan persefahaman di kalangan semua rakyat Malaysia. Persoalan mula timbul apabila beberapa perayaan dilarang ke atas orang-orang Islam untuk menghadirinya atas dasar mematuhi hukum-hakam syariah. Hal ini membawa kepada persoalan sejauh manakah Islam boleh bertoleransi terhadap agama dan budaya lain.

Islam merupakan agama yang mementingkan toleransi melainkan pada perkara yang bertentangan dengan akidah, prinsip dan nilai agama. Segala amalan dalam hal berkaitan dengan perayaan orang bukan Islam yang mana melibatkan kepercayaan atau akidah adalah dilarang bagi umat Islam untuk menyertainya. Malaysia lebih cenderung kepada membenarkan umat Islam untuk bersama-sama meraikan perayaan bukan Islam selagi mana mereka tidak mengambil bahagian dalam aktiviti yang berbentuk amalan penyembahan atau perlakuan yang bercanggah dengan prinsip-prinsip serta akhlak Islam.

### **Imam al-Mawardi dan kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah**

Nama beliau ialah Ali bin Muhammad bin Habib al-Mawardi al-Basri al-Syafie, dilahirkan di Basrah pada tahun 364H/972M dan wafat pada tahun 450H/1058M. Beliau merupakan seorang faqih mazhab Syafie serta berpengetahuan dan arif dalam disiplin ilmu fiqah semua mazhab besar yang lain. Di dalam dunia politik dan perundangan, nama al-Mawardi bukanlah nama yang asing dalam kalangan para pengkaji dan ilmuwan, bahkan karyanya yang dikaji oleh mereka telah menunjukkan nilai isi kandungan yang sangat berharga di dalam bidang ini. Kepakaran beliau dalam urusan pentadbiran tidak dapat dinafikan kerana beliau adalah seorang ahli falsafah, ahli teori politik, penganalisis sosial, pengantara dan seorang diplomat. Peranan beliau yang paling menonjol ialah sebagai penasihat politik kepada dua khalifah Abbasiyah.

Penulisan Imam al-Mawardi dalam bidang politik yang menyentuh hal ehwal urusan pentadbiran dan etika pemerintah boleh dibahagikan kepada dua gaya. Gaya pertama tertumpu kepada raja atau pemerintah sebagai tokoh sosial, tingkah laku yang ideal dan pengajaran yang mungkin dipelajari daripada nenek moyang mereka seperti kitab *Nasihah al-Muluk*, *Tashil al-Nazar* dan *Kitab al-Wizara'*. Gaya kedua ialah di mana idea al-Imamah (Khalifah) dicadangkan, yang mana lebih tertumpu kepada kerajaan, seperti kitab *Adab al-Dunya wa al-Din* dan *al-Ahkam al-Sultaniyyah*.

*Al-Ahkam al-Sultaniyyah* merupakan sebuah kitab yang membincangkan isu-isu etika dalam konteks politik dan kepimpinan menurut pandangan Islam. Kitab ini mengandungi 20 bab yang menjelaskan seni pemerintahan dalam pelbagai bidang, daripada kontrak pemerintah sehinggalah keselamatan dan ketenteraman awam. Karya ini telah menyediakan kerangka metodologi yang penting yang perlu ada dalam amalan politik, kepimpinan dan pentadbiran

sesebuah organisasi. Kehebatan serta kepentingan karya ini terhadap dunia dapat dilihat melalui usaha dalam mentafsirkan serta menterjemahkannya dan bagaimana pengkaji dan ahli ilmuwan dalam bidang politik menggunakan kitab ini sebagai rujukan utama mereka dalam memahami politik Islam.

## **Bab Hisbah dan Panduan Penganjuran Perayaan dan Acara di Malaysia**

Bab Ahkam al-Hisbah daripada kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah boleh dibahagikan kepada tiga bahagian utama yang membincangkan tiga perkara yang berbeza berkaitan dengan para penguatkuasa hisbah (muhtasib). Dalam bahagian pertama, Imam al-Mawardi menjelaskan konsep hisbah termasuk perbezaan antara muhtasib dan sukarelawan dalam melaksanakan hisbah, syarat untuk menjadi muhtasib dan ijihad-ijihad mereka. Pada bahagian kedua dijelaskan perbandingan antara hisbah dan kehakiman. Pengarang turut menjelaskan perbezaan antara hisbah dan penyiasatan aduan. Bahagian ketiga dan yang terakhir merupakan bahagian yang paling panjang di dalam bab ini berbanding dua sebelumnya, di mana al-Mawardi menjelaskan skop tanggungjawab muhtasib dalam menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Beliau memisahkan amar makruf nahi mungkar kepada tiga hak, iaitu hak kepada Tuhan, hak individu dan hak Tuhan serta individu.

Satu analisis telah dijalankan pada bab ini untuk mendapatkan idea-idea utama, seterusnya diteliti dan dihuraikan untuk menjadikannya sebagai garis panduan yang sesuai untuk dilaksanakan di Malaysia. Kajian ini telah memperoleh beberapa perkara yang dijelaskan oleh penulis tentang tanggungjawab muhtasib yang boleh dijadikan garis panduan yang sesuai untuk tajuk kajian ini, iaitu:

- i. Kewajipan kepada Tuhan menjadi keutamaan.
- ii. Laungan azan sebagai seruan dan peringatan terhadap kewajipan.
- iii. Keperluan penyediaan tempat yang sesuai sebagai tempat beribadah.
- iv. Pengasingan antara lelaki dan perempuan untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini.
- v. Larangan ke atas minuman beralkohol.
- vi. Bahaya dakwah yang disampaikan oleh pendakwah yang tidak bertauliah.
- vii. Menghormati hak orang lain dalam penganjuran perayaan dan acara.
- viii. Melantik pemerhati atau pengurus bagi menyelia penjaja dan penjual semasa perayaan.
- ix. Perayaan awam dan acara persendirian.

Terdapat tiga tema utama yang dapat disimpulkan, iaitu:

### **i. Kepentingan Azan dan Tempat Solat**

Azan mengingatkan umat Islam bahawa masa untuk melaksanakan tanggungjawab mereka kepada Tuhan telah tiba dan ianya perlu disegerakan. Oleh itu, melaungkan azan apabila tiba waktu solat di tempat orang ramai sedang bergembira seperti di pesta acara dan perayaan adalah langkah yang baik, kerana ia akan menjadi peringatan bagi umat Islam yang sedang leka tentang kewajipan kepada Tuhan. Penganjur perlu merancang jadual dan masa jika ada persembahan semasa perayaan supaya diberikan laluan untuk azan dikumandangkan. Penganjur

bertanggungjawab menyediakan tempat sementara untuk solat. Sekiranya penganjur enggan menyediakan kerana masalah kewangan, maka wang yang diperlukan boleh diminta daripada pihak berkuasa Islam di Malaysia untuk penganjur menyediakan tempat solat yang sesuai, atau penganjur boleh membiarkan pihak berkuasa Islam mengendalikan sendiri kerana ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab mereka.

## **ii. Tatakelakuan Semasa Perayaan**

Pengasingan antara lelaki dan wanita bukan mahram adalah salah satu daripada ketetapan di dalam Islam, di mana lelaki dan perempuan yang tiada hubungan mahram tidak boleh bersama di satu tempat kerana Islam melarang dengan keras pergaulan bebas antara keduanya. Selain daripada itu, walaupun ulama Islam berbeza pendapat mengenai muzik dan nyanyian, kedua-dua ulama silam dan kontemporari bersetuju mengenai pengharaman mana-mana lagu atau muzik yang mengandungi unsur-unsur yang jelas menyentuh sama ada memuji atau menggalak perkara-perkara haram seperti mendorong ke arah zina, arak, tarian berahi dan lirik yang menggalakkan keganasan. Penganjur konsert dan festival contohnya boleh mencari jalan untuk mengasingkan tempat duduk penonton kepada tiga bahagian, iaitu bahagian lelaki, wanita dan campuran. Lelaki tidak dibenarkan untuk berada di bahagian wanita dan begitu juga sebaliknya. Manakala bagi bahagian campuran adalah untuk keluarga ataupun orang bukan Islam yang tidak mahu berada di bahagian lelaki atau perempuan. Di samping itu, seperti yang dinyatakan di atas, alkohol adalah dilarang sama sekali di tempat keramaian seperti perayaan dan konsert kerana keburukannya yang lebih besar daripada kebaikannya.

## **iii. Tanggungjawab Pihak Berkuasa dan Penganjur**

Terdapat tiga tanggungjawab yang jatuh di bawah bidang kuasa pihak penganjur, iaitu:

- a. Menghormati hak orang lain dalam penganjuran perayaan dan acara. Jika tempat yang diputuskan untuk menganjur festival itu kebetulan berdekatan dengan kediaman perumahan, penganjur perlulah mengambil kira pendapat penduduk setempat kerana perayaan sedemikian akan mengganggu kehidupan seharian mereka. Oleh itu, adalah disyorkan supaya perayaan diadakan di tempat yang luas serta jauh dari kawasan perumahan.
- b. Melantik seorang penyelia atau pengurus bagi menyelia vendor dan peniaga semasa perayaan dan acara berlangsung bagi memastikan tiada sebarang bentuk penipuan berlaku ketika jual beli termasuklah riba. Jawatankuasa ini juga turut bertanggungjawab untuk menyemak latar belakang para penjual serta produk yang ingin mereka jual serta harga-harga barangan tersebut.
- c. Tatacara penganjuran perayaan atau acara secara tertutup. Jika penganjur ingin menganjurkan pesta atau acara yang melibatkan alkohol, penting bagi mereka untuk mengetahui bahawa acara seperti itu tidak boleh dianjurkan secara pesta awam atau terbuka. Penganjur masih boleh menganjurkan acara seumpama ini dengan mematuhi beberapa etika dan peraturan seperti menganjurkan acara tersebut sebagai acara persendirian atau tertutup hanya untuk orang bukan Islam yang tidak diiklankan secara terbuka, menyekat kemasukan orang Islam dan menganjurkan acara tersebut secara sah dari segi undang-undang negara dengan meminta kebenaran dan permohonan permit daripada pihak berkuasa.

## **KESIMPULAN**

Melalui kajian ini, dapat disimpulkan bahawa perayaan dan acara keramaian sama ada berbentuk keagamaan atau kebudayaan telah menjadi adat kebiasaan bagi masyarakat Malaysia. Oleh itu, pihak berkuasa bahagian hal ehwal agama Islam perlulah lebih cakna dan mengikuti trend atau perkembangan masa kini agar masyarakat tidak leka dan tenggelam dalam gaya hidup hedonisme untuk mencari keseronokan dan hiburan. Walaupun garis panduan ini tidak dapat dilaksanakan dan dikuatkuasakan, tetapi ia masih boleh diletakkan di dada-dada akhbar dan disiarkan dalam media sosial bagi mendidik dan memberi maklumat kepada masyarakat.

## **RUJUKAN**

- Al-Mawardi, Ali bin Muhammad, (t.th.). *Al-Ahkam al-sultaniyyah wa al-wilayat al-diniyyah*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf, (1995). *Al-Majmu‘*. Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Jaco Beyers, (2017). Religion and culture: Revisiting a close relative. *HTS Theologiese Studies/Theological Studies* 73(1), 1-9.
- Naim Mansor, (2015). Abu Hasan al-Mawardi: The first Islamic political scientist. *IAIS Malaysia*. 1-4.
- Shuhaimi Ishak, (2010). Cultural and religious festivals: The Malaysian experience. *Vol.15*, 107-108.
- Rumaizuddin Ghazali, Mahazan Abdul Mutalib & Najaa Mokhtar, (2012). Etika kepimpinan menurut pandangan al-Mawardi menerusi buku *al-ahkam al-sultaniyyah wa al-wilayat al-diniyyah*. *Universiti Sains Islam Malaysia*. 72-73.

## SUMBANGAN SYEIKH TAHIR JALALUDDIN DALAM PERKEMBANGAN ILMU DI ALAM MELAYU: SATU KAJIAN LITERATUR

<sup>1</sup>Noorzahidah binti Mohd Zain dan <sup>2</sup>Nur Marfaiza binti Mazuki

<sup>1</sup> Pelajar pascasiswazah di Fakulti Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (noorzahidahmzain@gmail.com)

<sup>2</sup> Pelajar pascasiswazah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Perlis. (nurmarfaiza93@gmail.com)

### ABSTRAK

Artikel ini membincangkan mengenai sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin di Alam Melayu berdasarkan kepada kajian literatur antara tahun 2014 – 2024. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji faktor kurangnya penulisan berkenaan tokoh antara 10 tahun ke belakang. Kajian ini akan menggunakan metode kualitatif seperti buku, tesis, jurnal dan lain-lain rujukan relevan terutamanya sumber-sumber yang telah dibuat oleh pengkaji terdahulu mengenai sumbangan beliau dalam pelbagai bidang termasuklah bidang fiqh, falak, tajdid, dan sebagainya. Di samping itu, pengkaji juga akan membincangkan sumbangan beliau dengan disandarkan kepada rujukan daripada Surat Persendirian tokoh di Arkib Negara Malaysia (ANM). Selain itu, kajian ini juga akan mengfokuskan kepada skop kajian yang telah dikaji oleh pengkaji terdahulu serta kelompongan yang masih ada yang boleh dijadikan subjek kajian oleh penulis-penulis akan datang. Justeru itu, kajian ini akan merungkai pemikiran beliau yang jauh ke hadapan berbanding tokoh sezamannya dan corak pemikirannya yang menjadi polemik antara Kaum Muda dan Kaum Tua serta pemikiran beliau juga kebanyakannya disampaikan melalui bidang penulisan sama ada dalam bentuk akhbar atau majalah. Oleh itu, artikel ini akan membahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu pendahuluan, metode kajian dan sumbangan beliau di Alam Melayu. Tambahan juga, di akhir kajian ini juga adalah bertujuan melihat sejauh manakah penulisan mengenai Sheikh Tahir dikaji dan faktor yang menyebabkan kurangnya pendedahan terhadap penulisan beliau.

**Kata Kunci:** Syeikh Tahir Jalaluddin; Alam Melayu; kajian literatur; fiqh; falak; tajdid

### 1. PENDAHULUAN

Perkembangan ilmu di Alam Melayu telah menyumbang pendidikan masyarakat tempatan dengan mempengaruhi masyarakat melalui pelbagai bentuk sama ada melalui pengajaran di sekolah pondok dan madrasah. Malah perkembangan ilmu juga dikembangkan menggunakan medan penulisan seperti Majalah al-Imam dan Pengasuh yang antaranya penyumbang penulisan yang banyak adalah Syeikh Tahir Jalaluddin bagi menyedarkan masyarakat tentang ajaran Islam yang sebenar di samping membangkit semangat menentang penjajah pada masa tersebut.<sup>11</sup>

---

<sup>11</sup> Boleh rujuk buku yang diterbitkan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia(YADIM) yang ditulis oleh Tajuddin Saman & Abd Manaf Ahmad yang bertajuk: Tokoh-tokoh Agama dan Kemerdekaan Di Alam Melayu. Juga boleh



Syeikh Tahir Jalaluddin (Syeikh Tahir) merupakan seorang tokoh yang mempunyai susur galur yang hebat yang mana datuknya, Tuanku Nan Tua merupakan ulama yang disegani di Minangkabau, manakala sepupunya, Syeikh Ahmad Khatib pula merupakan ulama yang terkenal dalam kalangan orang Melayu di Mekah. Syeikh Tahir telah dilahirkan pada hari Selasa, 4 Ramadan 1286 H bersamaan dengan 9 Disember 1869 M di Ampek Angkek Bukit Tinggi, Sumatera Barat.<sup>12</sup> Beliau juga telah kematian ibu bapa seawal usianya dan dijaga oleh ibu saudaranya, Limbak Urai yang telah mendidik dan membimbingnya dalam ilmu agama sebelum beliau berangkat ke Mekah semasa berumur 11 tahun<sup>13</sup> dan di sana beliau telah dijaga dan dibimbing oleh sepupunya, Syeikh Ahmad Khatib yang merupakan seorang ulama yang disegani dan berpegang kepada Mazhab Shafie dan seterusnya mempengaruhi corak pemikiran Syeikh Tahir.

Selain itu juga, pengajian ilmu Syeikh Tahir di Mekah adalah selama 13 tahun bagi mempelajari pelbagai bidang ilmu agama<sup>14</sup> termasuklah mempelajari bahasa Arab dan bahasa Inggeris bagi melengkapkan dirinya bagi menghadapi masyarakat Alam Melayu pada masa tersebut yang bercampur antara amalan agama Islam dan amalan adat.<sup>15</sup> Oleh hal yang demikian, beliau juga melanjutkan pelajarannya ke Universiti al-Azhar di Kaherah Mesir sehingga mendapat Shahādah al-‘Alamiyyah daripada ulama al-Azhar.<sup>16</sup> Di samping itu juga, beliau juga mendapat pengaruh idea-idea islah dan menyebarkannya ke tanah air melalui hubungan persahabatan dengan Muhammad Rashid Ridha yang merupakan anak murid paling rapat dengan Syeikh Muhammad Abduh (sebarikan idea-idea islah melalui majalah al-Manar).<sup>17</sup>

Setelah kembalinya ke tanah air, Syeikh Tahir telah memberi sumbangan besar terutamanya dalam bidang fiqh dan falak serta tanpa jemu menyebarkan idea-idea beliau melalui akhbar dan majalah. Walau bagaimanapun, kebanyakan ideanya ditolak oleh masyarakat tempatan yang mempunyai status quo dalam pentadbiran kerana pemikiran beliau telah mendahului pemikiran ulama’ sezamannya yang menyebabkan pandangannya sukar diterima dan akhirnya

---

dirujuk di laman web rasmi YADIM :<https://www.yadim.com.my/v2/tokoh-tokoh-agama-kemerdekaan-di-alam-melayu/>

<sup>12</sup> Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Surat Persendirian, No Ruj: 2006/0036682, t.th, 1, Arkib Negara Malaysia, Surat Persendirian 2006/0035664, t.th., hlm. 1 dan Surat Persendirian 2006/0036682, t.th. hlm. 1. Hamka juga menyatakan, kelahiran Syeikh Tahir Jalaluddin adalah pada 4 Ramadan 1286 / 9 Disember 1869 sama dengan catatan Syeikh Tahir Jalaluddin, Lihat dalam Hamka., (1982). Ayahku, 274, UMINDA, Jakarta.

<sup>13</sup> Mohamad Amin, A., (2012). Sumbangan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki Terhadap Perkembangan Fiqh Dan Falak, 43, Tesis Doktor Falsafah: Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>14</sup> ilmu nahu, saraf, bayān, macāni, badi’, ‘arud, mantiq, tauhid, fiqh, usūl fiqh, hadis, tafsir, hisāb, handasah dan falak. Lihat; Mukhtar, R., (1980). Inventori Surat-Surat Persendirian Sheikh Tahir Jalaluddin, vii, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

<sup>15</sup> Bachtiar, D., (1994). Riwayat Hidup dan Perjuangan Syeikh Tahir Jalaluddin Al- Azhari Al-Falaki. 26, Asmah Publisher, Kuala Lumpur.

<sup>16</sup> Lihat dalam Surat Persendirian 2006/0036682, (t.th). Catitan peribadi. Arkib Negara Malaysia, 1, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.; dan lihat juga Hamdan, H., (1973), Syeikh Tahir Jalaluddin Pelopor Pemikiran Islam di Malaysia. Dewan Bahasa September: 408; Mohd Sarim, M., (1977). Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki: Pelopor Gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu, Malaysia, History, XX, II, 2; Ismail, I., et al, 1993, hlm.12; Bachtiar Djamily, 1994, hlm. 26; Ibrahim, A., (1994). Islamic Modernism In Malaya: The Life And Thought of Sayid Syeikh Al-Hadi, 62, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>17</sup> Fadhlullah, J., (2003). Pengaruh Pemikiran Syed Jamaluddin al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh Terhadap Syeikh Tahir Jalaluddin dalam Sohaimi, A., pnyt., Syeikh Tahir Jalaluddin Pemikir Islam, Universiti Sains Malaysia, 35-36, Pulau Pinang.

menimbulkan percanggahan.<sup>18</sup> Oleh itu, perbincangan mengenai sumbangan dan pemikiran tokoh akan dihuraikan dengan lebih tepat dalam subtopik Perbincangan dan Hasil Kajian selepas ini.

## 2. METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini, penulis menggunakan kaedah kajian berbentuk kualitatif di mana beberapa metode kajian telah digunakan bagi membantu dan memudahkan penulis memahami pengkajian yang dikaji iaitu kajian kepustakaan dan kajian dokumentasi. Penulis telah merujuk beberapa buah buku secara fizikal mengenai Syeikh Tahir antaranya buku yang ditulis oleh Mohd Puaad Abdul Malik dan Ahmad Faisal Abdul Hamid<sup>19</sup> serta beberapa orang penulis terdahulu mengenai sumbangan Sheikh Tahir Jalaluddin yang melibatkan tesis, buku, artikel dan sebagainya. Di samping itu, penulis merujuk sumber primer sebagai sandaran dan sokongan kepada rujukan terkini dengan menjadikan manuskrip tokoh dalam Surat Persendirian (SP10) sebagai sumber primer. Selain itu juga, kajian Kepustakaan yang melibatkan pencarian artikel dalam talian menggunakan laman web seperti *Google Scholar*, *ResearchGate* dan *ejournal* universiti tempatan dengan menggunakan kata carian "Sheikh Tahir Jalaludin" dan "sumbangan" terutamanya Perpustakaan Hamzah Sendut di Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Utama dan Perpustakaan Peringatan Za'ba di Universiti Malaya serta pengkaji juga membuat rujukan di Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan juga Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

## 3. PERBINCANGAN DAN HASIL KAJIAN

Berdasarkan kajian penulis, sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin adalah tidak asing kepada Alam Melayu terutamanya bidang fiqh, falak dan tajdid. Jika kita lihat, rujukan antara tahun 10 tahun ke belakang (2024 hingga 2014) adalah kurang berbanding rujukan yang sebelumnya. Penulis ingin melihat adakah sumbangan tokoh terhadap perkembangan ilmu di Alam Melayu tidak berjaya mempengaruhi masyarakat ataupun faktor pemikiran beliau yang agak keras yang menyebabkan orang tidak menyukai penulisan beliau sedangkan masih banyak lagi kajian yang boleh dibuat bagi mengetahui pemikiran dan sumbangannya dalam pelbagai bidang ilmu di Alam Melayu. Oleh yang demikian, penulis akan menjelaskan mengenai beberapa orang penulis yang menulis mengenai sumbangan tokoh sama ada dalam bentuk tesis, buku mahupun artikel.

### 3.1 Sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin Dalam Bidang Fiqh

Berdasarkan kajian penulis mengenai kajian sumbangan utama Syeikh Tahir Jalaluddin dalam bidang fiqh, penulis mendapati bahawa kebanyakan karya tokoh yang terdapat dalam SP10 adalah berkaitan pemahaman agama kepada masyarakat pada masa itu. Jika dilihat karya-karya pengkajian Syeikh Tahir Jalaluddin dalam bidang fiqh sahaja sebenarnya melibatkan 6 buah kitab utama.<sup>20</sup> Namun begitu, adalah satu kerugian besar kerana kebanyakan kitab fiqh karangan beliau

---

<sup>18</sup> Mustajab, M., (2003). Sheikh Tahir Jalaluddin al-Falaki: Pelopor Gerakan Pembaharuan agama dan Perubahan Masyarakat dalam Sohami, A., e.d., Sheikh Tahir Jalaluddin: Pemikir Islam Penerbit Universiti Sains Malaysia, 25, Pulau Pinang.

<sup>19</sup> Mohd Puaad, A., dan Ahmad Faisal A., (2023). Biografi dan Metode Penulisan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa(IPGKA) Kuala Lumpur.

<sup>20</sup>Tadhkirat al-Nasik fi al-Manasik (1897 M), Irshad al-Kha'id fi 'Ilm al-Fara'id (1929 M), Huraian Yang Membakar: Taman Persuraian Haji Bakar (1932 M), Ta'yid Tadhkirat al-Muttabi' al-Sunnat fi al-Radd 'Ala al- Qa'il bi al-

sudah tidak ditemui lagi pada masa sekarang melainkan yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur sahaja. Hal ini mungkin disebabkan oleh status beliau sebagai ulama Kaum Muda yang banyak mengkritik pemikiran dan pegangan ulama tradisional yang menyebabkan hasil karya fiqh beliau dilupakan atau cuba dilupakan.<sup>21</sup>

Oleh yang demikian, antara penulis yang banyak mengangkat karya dan sumbangan tokoh bermula daripada tesis beliau adalah tesis Doktor Falsafah, Dr. Mohd Pua'ad Abdul Malik pada 2014, yang bertajuk Pemikiran hukum Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin dalam Kitab *Ta'yid Tadhkirah Muttabi' Al-Sunnah fi al-rad 'ala al-qa'il bi sunniyah rak'atayn qabl al-Jum'ah*<sup>22</sup>. Dalam tesis ini, penulis membahaskan mengenai metode penulisan Syeikh Tahir yang bersesuaian dengan zamannya dan banyak terpengaruh dengan penulisan-penulisan klasik Arab terdahulu serta terdapat pengaruh usul dan fiqh dalam kitab tersebut. Dalam kitab ini tokoh membahaskan mengenai solat sunat *qabliyyah* Jumaat selepas azan pertama adalah bid'ah, namun amalan ini telah sebatikan dalam diri masyarakat tempatan yang menyebabkan teguran beliau dianggap keras dan tidak dapat diterima kebanyakan masyarakat pada masa itu.<sup>23</sup>

Di samping itu juga, penulis (Mohd Pua'ad) juga telah menulis banyak artikel dan buku yang mana kebanyakan adalah kesinambungan daripada tesis beliau bagi tujuan merungkai sumbangan Syeikh Tahir dalam pelbagai bidang ilmu. Antara buku dan artikel beliau yang boleh dirujuk adalah Analisis Penulisan Sheikh Tahir Jalaluddin dalam Kitab *Ta'yid Tadhkirah Mutabbi' al- Sunnah*,<sup>24</sup> dan Analisis Beberapa Pemikiran Tajdid Muhammad Tahir Jalaluddin.<sup>25</sup> Manakala dua buah buku beliau adalah Biografi dan Metodologi Penulisan: Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin<sup>26</sup> serta buku kedua adalah Pemikiran Hukum Ulama Melayu Progresif: Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin<sup>27</sup>

### 3.2 Sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin Dalam Bidang Falak

Setelah melihat sumbangan beliau dalam bidang fiqh, pengkaji pula akan membincangkan mengenai sumbangan beliau sebagai seorang ahli falak. Beliau pernah menyatakan kekesalannya kerana terdapat banyak mihrab masjid yang tidak sehalu dengan arah kiblat. Misalnya, ketika

---

Sunniyyat Rak'atain Qabl al-Jumu'ah (1932 M), Tatimmah Irshad al-Kha'id li 'Ilm al-Fara'id (1952 M) dan Risalah Penebas Bidaah-bidaah di Kepala Batas (1953 M).

<sup>21</sup> Hal ini turut disokong oleh tesis Ijazah Doktor Falsafah, Mohamad Amin Bin Abu Bakar pada 2012 yang bertajuk : Sumbangan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin Al-Falaki Terhadap Perkembangan Fiqh Dan Falak.

<sup>22</sup> Kitab tersebut yang dalam bahasa Melayu adalah 'Ini Huraian Yang Membakar Taman Persuraian Haji Bakar' dan diterbitkan di Kaherah oleh percetakan al-Marbawiyah pada tahun 1350 H.

<sup>23</sup> Mohd Puaad A., dan Ahmad Faisal A., (2017). Analisis Penulisan Sheikh Tahir Jalaluddin dalam Kitab *Ta'yid Tadhkirah Mutabbi' al- Sunnah*, Jurnal al-Tamaddun (Online), 12, 1, 67-78. (diakses pada 20 Februari 2021), Boleh lihat pada laman web: <https://mojes.um.edu.my>

<sup>24</sup> *Ibid.*

<sup>25</sup> Mohd Puaad, A., dan Ahmad Faisal, A., (2021). Analisis Beberapa Pemikiran Tajdid Muhammad Tahir Jalaluddin, Jurnal al-Tamaddun, 49, 2, 1-36. Boleh lihat pada laman web: <https://mojes.um.edu.my>

<sup>26</sup> Mohd Puaad, A., dan Ahmad Faisal, A., (2023). Biografi dan Metodologi Penulisan: Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa (IPGKBA), Kuala Lumpur.

<sup>27</sup> Mohd Puaad, A., dan Rahimin Affandi A., (2024). Pemikiran Hukum Ulama Melayu Progresif: Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa (IPGKBA), Kuala Lumpur.

beliau menjadi pemeriksa kiblat-kiblat masjid di Perak pada tahun 1900, beliau telah melaporkan bahawa terdapat banyak masjid-masjid di Tanah Melayu tidak menuju hala kiblat yang tepat seperti mana yang berlaku di masjid Teluk Anson, Perak.<sup>28</sup>

Justeru itu, penulisan mengenai pemikiran falak beliau terkini ada pelbagai focus kajian.<sup>29</sup> Hal ini kerana kebanyakan jabatan falak di Alam Melayu menggunakan kaedah beliau dalam menentukan kaedah falak sehingga Pusat Falak di Pulau Pinang<sup>30</sup> telah dinamakan sempena nama beliau. Terdapat beberapa penulis yang banyak mengkaji mengenai karya falak beliau adalah Nor Azam Mat Noor bersama kumpulan penyelidikan<sup>31</sup> beliau yang banyak mendedahkan kepada masyarakat mengenai karya-karya falak tokoh yang belum dibincangkan seperti dalam buku yang diterbitkan oleh mereka bertajuk: *Astronomi Ilmu Falak: Sheikh Thahir Jalaluddin al-Minangkabawi (1869-1956) dalam Kitab Pati Kiraan Pada Menentukan Waktu Yang Lima Dan Hala Kiblat Dengan Logaritma*.<sup>32</sup> Oleh itu, sumbangan tokoh dalam bidang falak tidak dapat disangkal lagi serta pemikiran dan karya beliau masih dijadikan rujukan sehingga kini.

### 3.3 Sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin Dalam Bidang Tajdid

Sebagaimana yang telah dibahaskan oleh penulis sebelum ini, penulis mendapati bahawa sumbangan beliau dalam bidang tajdid adalah berkait rapat dengan persoalan bidang fiqh<sup>33</sup> dan artikel Mohd Pua'ad sebelum ini juga menyatakan bahawa beliau tidak cenderung untuk berpegang kepada satu-satu mazhab sahaja yang menyebabkan hal ini tidak disenangi oleh ulama'tradisional yang berpegang dengan Mazhab Shafie dan amalan adat.<sup>34</sup> Selain itu, pemikiran

---

<sup>28</sup> STP., Bahagian Agama" (Fekah), no. 269, Perkara Menghadap Kiblat dan Sembahyang.

<sup>29</sup> Boleh rujuk beberapa artikel berkaitan tokoh : Siti Rahimah Mohammad Ikhsan & et.al. (2019) Penentuan Arah Kiblat Menurut Sheikh Tahir Jalaluddin dalam Kitabnya Pati Kiraan Pada Menentukan Waktu Yang Lima dan Hala Kiblat dengan Logaritma. *Jurnal Fiqh*, 16( 2), 2019). H. 289-320. Lihat juga; Nasution, Khoo Salma (2014). *The Chulia in Penang: Patronage and Place-Making Around The Kapitan Kling Mosque 1786-1957*. George Town: Areca Books; Noor, N. A. M. (2021). Sumbangan Syeikh Tahir Dalam Penyebaran Ilmu Falak di Alam Melayu; Rahmadani, D. (2018). Telaah Rumus Perhitungan Waktu Salat : Tinjauan Parameter dan Algoritma. *Al-Marshad: Jurnal Astronomi Islam Dan Ilmu-Ilmu Berkaitan*, 4(2), 172-186. <https://doi.org/10.30596/jam.v4i2.2442>; Rakhmadi Butar-Butar, A. J. (2019). Kontribusi Syaikh Muhammad Thahir Jalaluddin Dalam Bidang Ilmu Falak. *MIQOT: Jurnal Ilmu-Ilmu Keislaman*, 42(2), 300. <https://doi.org/10.30821/miqot.v42i2.553>

<sup>29</sup> Zainal, B., (2016). *Pentahkikan Naskah Falak Alam Melayu*, 4-8, Jabatan Mufti Negeri Selangor, Selangor; Lihat juga; Koleksi Persendirian Sheikh Tahir Jalaluddin (SP 10), 2006/0035663, Manuskrip, Terbuka

<sup>30</sup> Boleh rujuk di laman web: <https://mufti.penang.gov.my/index.php/2014-11-12-02-31-47/hubungi/13-pusat-falak-sheikh-tahir>

<sup>31</sup> Mada Sanjaya W. S., Utin Sutinah dan Dyah Anggraeni

<sup>32</sup> Buku ini mengandungi enam bab utama yang mana bab pertama adalah mengenai biografi ringkas dan sumbangan Syeikh Tahir Jalaluddin. Manakala bab kedua dan ketiga membahaskan tentang analisis dan algoritma pemrograman *python* berdasarkan Kitab Pati Kiraan dalam menentukan awal waktu solat dan arah kiblat. Bab keempat pula menjelaskan permasalahan yang dihadapi semasa mengukur kiblat di Pulau Pinang, Malaysia. Selain itu, bab kelima menjelaskan mengenai penggunaan *instrument digital* bagi penentu arah kiblat dan waktu solat berdasarkan Raspberry Pi Bab terakhir pula mengenai transliterasi (Arab Jawi kepada Latin) bagi karya yang digunakan iaitu Kitab Pati Kiraan Pada Menentukan Waktu Yang Lima Dan Hala Kiblat Dengan Logaritma. Buku ini diterbitkan pada 2021 di Bandung oleh Penerbit Bolabot-CV Bolabot dan mengandungi 79 mukasurat.

<sup>33</sup> Abdul Halim el-Muhammady, (1994). *Sumber Undang-Undang Islam dan Pandangan Orientalis Budaya*, 1, Ilmu Sdn. Bhd, Selangor.

<sup>34</sup> Berdasarkan kitab beliau : Tahir, Ta'yid Tadhkirah, 40, kitab ini boleh dirujuk dalam Surat Persendirian Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, No Ruj: 2006/0036134 (1953), Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.42. Lihat juga;

tajdid beliau banyak dipengaruhi semasa beliau belajar di Mesir dan dipengaruhi oleh tokoh tajdid Mesir seperti Syed Jamaluddin al- Afgani, Syeikh Muhammad Abduh dan Muhammad Rashid Rida melalui pembacaan majalah al-Manar dan surat khabar majalah yang lain semasa berada di Mesir.<sup>35</sup>

Di samping itu, penulisan mengenai pemikiran tajdid beliau antara tahun 2014 hingga 2024, dalam pelbagai bentuk dan antara penulis-penulis akan mengaitkan Syeikh Tahir dengan tokoh tajdid di Mesir tersebut.<sup>36</sup> Manakala di tanah air, Syed Syeikh al-Hadi adalah sahabat seperjuangannya yang bukan sahaja menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat tempatan, malah memperjuangkan kemerdekaan tanah air.<sup>37</sup> Penulisan Prof. Dr Hafiz juga melihat bagaimana pemikiran tajdid Mesir mempengaruhi penduduk Alam Melayu dan seterusnya meniuip semangat nasionalisme dalam diri masyarakat tempatan bagi mencapai kemerdekaan. Oleh itu, secara umumnya dapat kita simpulkan bahawa pemikiran tajdid yang disebarkan oleh tokoh adalah berkait rapat dengan pengaruh pengajian dan perjumpaannya dengan tokoh tajdid di Mesir.

#### 4. KESIMPULAN

Berdasarkan perbahasan di atas, secara keseluruhannya penulis dapat simpulkan bahawa sumbangan Syeikh Tahir dapat dilihat dalam menyebarkan pemikirannya di tanah air melalui akhbar dan majalah tempatan seperti al-Imam, al-Manar, Pengasuh dan sebagainya. Hal ini adalah bertepatan dengan jiwa beliau yang amat tegas dalam menegur amalan-amalan yang tidak selari dengan Islam itu sendiri yang akhirnya menyebabkan beliau dipandang serong oleh golongan tradisional. Walaupun begitu, semangatnya untuk membetulkan fahaman masyarakat tidak luntur walaupun pernah dipenjarakan dan dipulau oleh masyarakat di Alam Melayu. Oleh itu, ketokohan beliau memang tidak dapat disangkal lagi dalam masyarakat dan wajarlah diingati oleh segenap lapisan dan sumbangan beliau ini juga boleh kita war-warkan kepada generasi pada hari ini bahawa betapa pentingnya menghargai jasa dan karya ulama' terdahulu kerana perjuangan mereka mempertahankan Islam dan negara patut dicontohi dan diteladani supaya cara hidup dan negara kita adalah terarah kepada ajaran Islam yang sebenar.

---

Mohamad Amin, A., (2012). Sumbangan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki Terhadap Perkembangan Fiqh Dan Falak, 277, Tesis Doktor Falsafah: Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>35</sup> Fadhlullah, J., (2003). Pengaruh Pemikiran Syed Jamaluddin al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh terhadap Sheikh Tahir Jalaluddin dalam Sohaimi, A., pnyt., Sheikh Tahir Jalaluddin: Pemikir Islam, Penerbit Universiti Sains Malaysia, 35-36, Pulau Pinang.

<sup>36</sup> Berdasarkan kepada penulisan Professor Dr. Hafiz Zakariya (Pensyarah Kanan di Abdulhamid Abusulayman Kulliyah Of Islamic Revealed Knowledge And Human Sciences, UIA) banyak menulis tentang gerakan tajdid (<https://www.iium.edu.my/directory/show/1984>). Antara penulisan beliau adalah Muhammad 'Abduh's reformism: the modes of its dissemination in pre-independent Malaysia.(2020) International Research Journal of Shariah, Muamalat and Islam (IRJSMI), 2 (4) pp. 43-54; Major trends in the historiography of Muslim reformism in pre-Independent Malaysia. (2019) Intellectual Discourse, 27 (2) pp. 531-554, Sumbangan gerakan Islah terhadap perkembangan nasionalisme dan pendidikan Islam di Tanah Melayu = The contribution of the Islah movement to the development of nationalism and Islamic education in pre-independent Malaysia. International Journal of Heritage, Art and Multimedia, 2 (7) pp. 12-23 dan beberapa artikel dan buku beliau yang membahaskan mengenai Gerakan tajdid di Alam Melayu boleh dilihat secara *online* mahupun fizikal di Perpustakaan UIAM,Gombak.

<sup>37</sup> Hafiz, Z., (2019). Major Trends in the Historiography of Muslim Reformism in pre-Independent Malaysia. Intellectual Discourse, 27, 2, 531-554; Boleh lihat juga: <http://irep.iium.edu.my/75079/>)

## RUJUKAN

- Mohamad Amin, A., (2012). Sumbangan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki Terhadap Perkembangan Fiqh Dan Falak, 43, Tesis Doktor Falsafah: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bachtiar, D., (1994). Riwayat Hidup dan Perjuangan Syeikh Tahir Jalaluddin Al- Azhari Al-Falaki. 26, Asmah Publisher, Kuala Lumpur.
- Mukhtar, R., (1980). Inventori Surat-Surat Persendirian Sheikh Tahir Jalaluddin, vii, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Surat Persendirian 2006/0036682, (t.th). Catitan peribadi. Arkib Negara Malaysia, 1, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Ibrahim, A., (1994). Islamic Modernism In Malaya: The Life And Thought of Sayid Syeikh Al-Hadi, 62, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Fadhlullah, J., (2003). Pengaruh Pemikiran Syed Jamaluddin al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh Terhadap Syeikh Tahir Jalaluddin dalam Sohaimi, A., pnyt., Syeikh Tahir Jalaluddin Pemikir Islam, Universiti Sains Malaysia, 35-36, Pulau Pinang.
- Mustajab, M., (2003). Sheikh Tahir Jalaluddin al-Falaki: Pelopor Gerakan Pembaharuan agama dan Perubahan Masyarakat dalam Sohaimi, A., e.d., Sheikh Tahir Jalaluddin: Pemikir Islam Penerbit Universiti Sains Malaysia, 25, Pulau Pinang.
- Mohd Puaad A., dan Ahmad Faisal A., (2017). Analisis Penulisan Sheikh Tahir Jalaluddin dalam Kitab *Ta'yid Tadhkirah Mutabbi' al- Sunnah*, Jurnal al-Tamaddun (*Online*), 12, 1, 67-78. (diakses pada 20 Februari 2021), Boleh lihat pada laman web: <https://mojes.um.edu.my>
- Mohd Puaad, A., dan Ahmad Faisal, A., (2021). Analisis Beberapa Pemikiran Tajdid Muhammad Tahir Jalaluddin, Jurnal al-Tamaddun, 49, 2, 1-36. Boleh lihat pada laman web: <https://mojes.um.edu.my>
- Mohd Puaad, A., dan Ahmad Faisal, A., (2023). Biografi dan Metodologi Penulisan: Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa (IPGKBA), Kuala Lumpur.
- Mohd Puaad, A., dan Rahimin Affandi A., (2024). Pemikiran Hukum Ulama Melayu Progresif: Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa (IPGKBA), Kuala Lumpur.
- Zainal, B., (2016). Pentahkikan Naskhah Falak Alam Melayu, 4-8, Jabatan Mufti Negeri Selangor, Selangor
- Hafiz, Z., (2019). Major Trends in the Historiography of Muslim Reformism in pre-Independent Malaysia, Intellectual Discourse, 27, 2, 531-554.

**MEMBANGUN POTENSI MASJID SEBAGAI INSTITUSI  
DAKWAH KOMPREHENSIF**

\*Muhamad Amar Mahmad  
Corresponding author's email: m.amar@uum.edu.my

Azman Md Zain  
[manzain@uum.edu.my](mailto:manzain@uum.edu.my)

Mohd. Nizho Abdul Rahman  
[nizho@uum.edu.my](mailto:nizho@uum.edu.my)

**ABSTRAK**

Potensi Masjid dalam Islam bukan hanya menjurus kepada amalan ritual semata-mata malah ia mencangkupi aspek sosial yang lebih umum sebagaimana yang telah diimplementasikan pada zaman Rasulullah SAW. Pada masa itu masjid sebagai pusat percambahan ilmu, agen sosial kepada ummah dan tempat untuk menyelesaikan segala permasalahan yang timbul dalam masyarakat. Melihat kecemerlangan fungsi dan peranan masjid pada zaman Rasulullah, maka ianya perlu diperkasakan secara optimum supaya institusi pada zaman kini mampu menyelesaikan permasalahan ummah dari aspek fizikal dan spiritual. Anjakan paradigma harus ada pada mereka yang diamanahkan untuk menguruskan masjid supaya seiring dengan perkembangan dan kehendak semasa. Justeru artikel ini akan memfokuskan kepada membangun potensi masjid sebagai sebuah institusi dakwah dan sosial sebagai penggerak kepada pembangunan masyarakat pada zaman kini. Metodologi kajian yang digunakan ialah adalah berbentuk kualitatif dengan menganalisis dokumen dan pemerhatian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penyediaan dan penyusunan aktiviti dan program yang pelbagai dapat menarik minat kumpulan sasar terutamanya generasi muda.

**Kata kunci:** Membangun, Potensi, Masjid, Institusi, Dakwah, Komprehensif

**1. PENDAHULUAN**

Masjid merupakan sebuah institusi yang sangat penting dalam usaha untuk membina tamadun dan peradaban umat Islam. Sejarah telah membuktikan bahawa perkembangan Islam pada peringkat awal adalah bermula dengan institusi Masjid. Pada zaman Rasulullah s.a.w, masjid yang pertama adalah masjid Quba' yang berperanan sebagai pusat perkembangan ilmu, pusat kemajuan ekonomi, pusat pertemuan komuniti, pusat penyebaran maklumat, tempat kegiatan sosial dan penyatuan ummah. Masjid merupakan tempat yang mempunyai pelbagai aktiviti dakwah bukan sahaja tempat menunaikan solat. Masjid merupakan institusi yang sangat penting dan strategik untuk membangunkan kualiti umat dari sudut fizikal dan spritual. Pelbagai pendekatan yang berkesan atau aktiviti boleh diaplikasikan melalui institusi masjid bagi memakmur dan

menghidupkan masjid-masjid atau surau-surau sebagai institusi yang sangat hampir dengan kehidupan umat Islam.

## 2. INSTITUSI MASJID MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Dalam surah at-Taubah (18:9) menyatakan orang yang benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat adalah mereka yang memakmurkan masjid. Berdasarkan kepada ayat ini jelas menunjukkan bahawasanya Institusi masjid sangat rapat dengan umat Islam dimana sahaja mereka berada. Ia bukan sahaja merupakan tempat peribadatan bagi umat Islam seluruh pelosok dunia bahkan merupakan lambang kesatuan dan perpaduan umat Islam. Maka tidak hairanlah sejarah pembinaan bandar-bandar Islam di dunia, pada peringkat awalnya dibina masjid terlebih dahulu sama ada ianya dibina oleh pihak kerajaan ataupun persepakatan dalam kalangan rakyat bawahan. Fungsinya yang begitu meluas pada ketika itu telah menjadikannya sebatu dalam kehidupan dan dekat di hati orang Islam. Menurut Al-Hawali (t.th) pada zaman Nabi Muhammad S.A.W, masjid telah menjadi tempat pengadilan, tempat kehakiman, tempat kepimpinan tentera, tempat mengeluarkan fatwa, tempat mencari dan menimba ilmu dan tempat bersedekah. Tambahan itu, Abdul Ghani (2001) telah menekankan bahawa masjid berfungsi sebagai wasilah kepada penghubung sesama masyarakat sama ada melibatkan golongan kaya mahupun miskin sebanyak lima kali sehari serta menyampaikan maklumat dan menyelesaikan permasalahan yang timbul di dalam kehidupan seharian.

Istilah masjid berasal daripada Bahasa Arab yang diambil daripada perkataan “*sajada, yasjudu, sajdan*”. Perkataan *sajada* ini adalah merujuk kepada maksud bersujud, taat, patuh serta tunduk dengan penuh hormat (Syauqi, 2004). Dalam Kamus al-Munjid (1986) pula menyatakan masjid sebagai tempat bersujud.

Sujud dari sudut Bahasa pula ialah tunduk atau merendahkan diri. Manakala sujud bagi sembahyang itu ialah meletakkan dahi di atas permukaan bumi menandakan tiada lebih besar dan hebat mengatasi Allah SWT. Dan sesiapa yang merendahkan diri dan tunduk tatkala diperintahkan dengannya maka sesungguhnya ia telah dikira sebagai seorang yang sedang sujud. Firman Allah Taala yang bermaksud:

*“Tidakkah mereka melihat dan memikirkan segala yang telah dijadikan oleh Allah, yang beredar (berpindah-pindah) bayang-bayangnye ke kanan dan ke kiri (pada pagi dan petang), dengan keadaan tunduk menurut peraturan dan kehendak Allah, sedangkan mereka merendah diri (Al-Nahl, 16: 48).*

Menurut al-Zajjaj dalam *Lisan al-‘Arab* (1940) masjid ialah setiap tempat memperhambakan (bersujud) kepadanya. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*“Dijadikan bagiku bumi ini sebagai masjid (tempat bersujud)”*

Manakala dari sudut *istilah* atau ‘urf masjid itu ialah tempat yang disediakan bagi mengerjakan sembahyang untuk selama-lamanya (Mu‘jam Lughat Al-Fuqaha, 2010 ). Menurut Kamus Dewan ianya merujuk kepada bangunan yang khas untuk umat Islam menunaikan solat Jummat dan ibadah-ibadah lain (Noresah, 2007). Mohammad Tajuddin (1998) menjelaskan masjid



sebagai “ *the present architectural terminology, a building used by muslims for the performance of prayer*”. Manakala menurut Lokman Abd Rahman et. Al. (1996), masjid merupakan binaan yang digunakan untuk sembahyang berjemaah, sembahyang Jumaat, beriktikaf dan melakukan ibadah-ibadah lain serta mempunyai kehormatan-kehormatan yang tertentu.

Secara umumnya masjid merupakan *platform* untuk masyarakat umat Islam menunaikan solat secara berjemaah, menuntut ilmu, membincangkan hal ehwal berkaitan dengan kemaslahatan umat Islam dan yang paling penting lagi ialah sebagai hab perkembangan dakwah Islam.

### **3. MEMBANGUN POTENSI MASJID SEBAGAI INSTITUSI DAKWAH KOMPREHENSIF**

Masjid merupakan institusi masyarakat yang paling sesuai untuk dilaksanakan sebarang aktiviti dan kegiatan yang bercorak keagamaan atau sosial yang mendatangkan kebaikan kepada masyarakat Islam sekitar. Namun begitu, beberapa dapatan kajian lepas menunjukkan fungsi masjid masih lagi terhad hanya berkisar sebagai tempat beribadat untuk solat dan i'tikaf, disamping beberapa kegiatan yang lebih tertumpu kepada pengajian dan ceramah agama. Manakala urusan Masyarakat hampir tidak lagi melibatkan masjid selain dari urusan berkaitan nikah kahwin, kematian dan seumpamanya (Yusminiet.al, 2004). Dalam konteks pengimaran solat fardu berjemaah, dapatan kajian lepas menunjukkan jumlah kehadiran umat Islam adalah sekitar 5-10 % peratus sahaja di satu-satu kawasan (Firdaus Mokhtar et.al, 2018).

Justeru dalam usaha untuk membangunkan potensi masjid sebagai institusi dakwah komprehensif dalam masyarakat beberapa isu ini perlu diberi perhatian dan dipertimbangkan dengan sewajarnya iaitu:

#### **a. Pusat membudayakan ilmu**

Membudayakan Ilmu adalah suatu perkara yang sangat mustahak supaya masyarakat tidak dibelenggu dengan kejahilan duniawi dan ukhrawi. Dalam hal ini institusi masjid adalah yang paling sesuai untuk menyalurkan ilmu secara tidak formal selain daripada sekolah dan universiti. Bahkan dalam lipatan sejarah Islam sejak berzaman masjid berperanan sebagai tempat yang paling penting dalam pembentukan sakhshiah individu muslim dan masyarakat Islam sejagat. Betapa rapat hubungan antara keduanya apabila disebut berkaitan dengan pusat pendidikan maka ia adalah termasuk dalam pembangunan asas masjid.

Menurut Ahmad Amin (1993) dalam bukunya “ *Dhuha al-Islam*” mengatakan pada masa sejarah awal Islam ianya bukan hanya untuk ibadat khusus sahaja bahkan merupakan institusi pelajaran yang sangat besar peranannya sehingga melahirkan cendekiawan yang tersohor. Contohnya masjid Zaituna di Tunisia, masjid Qarawain di Maghribi dan masjid Al-Azhar di Mesir. Masjid-masjid ini merupakan model yang boleh dicontohi. Pada peringkat awal permulaannya hanyalah berfungsi sebagai masjid biasa. Namun begitu, perubahan berlaku dari masa ke semasa sehingga ianya menjadi sebuah pusat pengajaran dan pembelajaran yang terkemuka dan telah melahirkan ramai pelajar yang cemerlang dan ulama yang hebat. Antara cendekiawan ulung meraih ilmu daripada institusi-institusi ini ialah Ibnu Khaldun yang belajar di Universiti Zaituna

di Tunisia dan Sheikh Yusuf Al-Qardhawi yang berkelulusan daripada universiti Al-Azhar di Mesir (Ahmad Amin, 1993).

Dewasa ini, bagaimana cara dan kaedah untuk menghidupkan kembali suasana gilang gemilang tersebut antaranya pihak berwajib hendaklah mewujudkan inisiatif dengan menyediakan kelas-kelas pengajian yang berbentuk fardhu ain seperti pengajian ilmu Aqidah, Feqah, Tasawwuf dan sebagainya. Dalam masa yang sama ilmu fardhu kifayah diketengahkan di masjid seperti membuka kelas jahitan, celik IT serta lain-lainnya. Di samping itu juga bagi pelajar-pelajar sekolah, pihak masjid menawarkan kelas-kelas tuisyen mengikut tahap umur untuk membantu mereka terutama bagi golongan yang lemah dalam bidang akademik dan yang tidak berkemampuan. Secara tidak langsung ianya juga suatu usaha untuk membantu para pelajar dalam menghadapi cabaran pendidikan abad ke-21.

Pihak masjid juga hendaklah menyediakan perpustakaan mesra pengguna yang membolehkan sesiapa sahaja memanfaatkannya dan dibuka setiap masa. Dalam masa yang sama kelengkapan bahan-bahan bacaan dan rujukan perlu menyeluruh dan bukan hanya berkisarkan kepada aspek keagamaan semata-mata bahkan perlu melibatkan bahan bacaan bersifat akademik seperti sains, matematik, sejarah dan sebagainya. Di samping itu bahan-bahan bacaan yang bersifat ilmiah seperti ilmu politik, sains sosial, ekonomi dan santai seperti majalah-majalah serta komik-komik perlu diperluaskan dan diperbanyakkan serta terkini. Keseimbangan ini penting kerana selain memudahkan ianya juga dapat menarik minat setiap lapisan dan tahap masyarakat untuk memaksima penggunaannya.

Menurut Whittaker Kenneth (1972) antara punca mengapa perpustakaan kebanyakan semakin suram dengan kehadiran pengunjung kerana bahan rujukan serta bahan bacaan yang mereka mahukan tidak diketemui. Selain itu aspek keterkinian dan bersifat semasa perlu diambil kira kerana maklumat dan data yang lama tidak lagi relevan. Hal ini dipersetujui oleh Nurlela dan Maksom (2004) namun perlu kepada pengawasan oleh pihak yang berautoriti kerana bimbang ianya mempunyai unsur-unsur yang menyeleweng dan menyesatkan terutama bahan-bahan rujukan dan bacaan keagamaan.

## **b. Pusat Kaunseling dan Motivasi**

Institusi masjid harus berperanan ke arah menyelesaikan isu-isu yang melibatkan kesihatan mental kesan daripada tekanan hidup yang semakin mencabar seperti hal yang berkaitan dengan keributan ekonomi, sosial dan tuntutan kehidupan yang mendesak. Ini dapat dibuktikan seramai 424,000 orang kanak-kanak di Malaysia mengalami isu kesihatan mental. Pada tahun 2022 menunjukkan trend peningkatan 1 daripada 5 orang remaja berbanding 1 daripada 4 orang remaja yang mengalami gejala kemurungan pada 2019. Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS 2022) menunjukkan berlaku kemerosotan kesihatan mental dalam kalangan remaja terutamanya remaja perempuan yang didapati lebih dua kali ganda murung berbanding remaja lelaki. Lebih membimbangkan, sebanyak 13.1% (NHMS 2022) remaja terfikir untuk membunuh diri berbanding 7.9% (NHMS 2012) dan sebanyak 9.5% (NHMS 2022) remaja terlibat dalam cubaan membunuh diri berbanding 6.8% (NHMS 2012). Peningkatan trend selama satu dekad ini melahirkan kebimbangan yang signifikan bukan sahaja dalam kalangan ibu bapa dan keluarga,

malah pihak sekolah, pihak berwajib dan juga masyarakat awam (<https://www.ikim.gov.my/index.php/2023/11/17/tingkatkan-literasi>).

Ekoran daripada itu, seharusnya masjid memainkan peranan untuk menyediakan khidmat tersebut dalam konteks komuniti setempat walaupun khidmat tersebut ditawarkan oleh pihak kerajaan menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan menawarkan khidmat kaunseling individu, keluarga, kelompok kerjaya dan keluarga (<https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php>).

Pegawai-pegawai masjid terdiri daripada imam, bilal dan siak boleh berperanan untuk mengambil tanggungjawab ini dengan diberikan latihan serta kursus kaunseling dan motivasi secara berkala. Untuk menghargai tanggungjawab dan memotivasikan mereka, ahli jawatankuasa masjid perlulah memikirkan bentuk inisiatif kepada mereka seperti memberikan elaun khas setiap bulan atau seumpamanya.

### **3.3 Pusat Kemudahan Teknologi Maklumat**

Hakikatnya dalam era kontemporari masjid harus bergerak seiring dengan perkembangan semasa yang lain supaya institusi ini tidak ketinggalan dan suram. Pihak yang bertanggungjawab perlu memanfaatkan semaksima mungkin media sosial untuk memaklumkan tentang perkembangan terkini masjid dari sudut program dan aktiviti yang sedang dan akan dilaksanakan supaya anak kariah khususnya dan masyarakat umum amnya mengetahui dengan mudah menerusi *Facebook*, *Instagram*, *tik tok* dan sebagainya.

Dalam pada itu juga, pihak masjid perlulah menggunakan platform tadi untuk menyebarkan ilmu tanpa sempadan seperti yang telah dilaksanakan oleh beberapa masjid menerusi *channel* PROmedia Tajdid, zonkuliah, Indahnya Taman Syurga, Munir Media dan sebagainya. Setiap kali pengkuliah menyampaikan kuliah, ceramah, tazkirah dan seumpamanya ianya disiarkan secara langsung menerusi *Fb Page*, *You tube*, *Tik Tok* dan lain-lain supaya ianya lebih meluas dan dekat dengan golongan sasaran. Pendekatan ini ternyata berkesan dan memberi impak yang positif sebagaimana kajian yang telah dilakukan oleh Shuhadak Mahmud, Ibnor Azli Ibrahim (2014) dalam kajiannya berkaitan dengan pengimarahannya Masjid di Negeri Sembilan. Dengan pendekatan itu juga setidak-tidaknya bagi mereka yang tidak berkesempatan untuk menghadiri diri ke masjid atas sebab-sebab tertentu tidak terlepas peluang untuk mendapatkan ilmu yang disampaikan.

Selain daripada itu dengan kerancangan program dan aktiviti masjid yang dihebahkan menerusi media sosial tersebut boleh menarik minat masyarakat di luar sana untuk memberi sumbangan dalam bentuk derma, wakaf dan sebagainya kerana tertarik dengan keaktifan program masjid. Ini kerana penyumbang-penyumbang mahukan apa yang disumbangkan itu untuk dimanfaatkan supaya ianya menjadi jariah bukannya untuk di simpan dan berbangga dengan jumlah dana yang tersimpan. Menurut Lukman & Musa (1996) pengurusan kewangan masjid hendaklah dikomperhensifkan merangkumi bidang ibadah, ilmu, politik, ekonomi, pentadbiran & pembentukan dasar negara, perhubungan antarabangsa dan sebagainya, dengan yang demikian ianya akan dapat meningkatkan efisien serta keberkesanan dan secara tidak langsung ia akan mengangkat nilai sesebuah masjid tersebut.

### 3.4 Pusat Penginapan Pelancong dan destinasi pelancongan

Potensi masjid sebagai institusi dakwah secara komprehensif perlu dilihat juga dalam konteks pelancongan. Hal ini kerana masjid dilihat sebagai salah satu destinasi yang sangat penting kepada golongan musafir selain daripada beribadah ianya juga sebagai tempat beristirehat. Pihak masjid juga perlu memperkasakan peranannya dengan mewujudkan rumah tumpangan (homestay) dan dalam masa yang sama turut berfungsi sebagai agensi pelancongan (travel & tours) bagi menjana ekonomi masjid di samping membantu para musafir dan sekaligus menyebarkan dakwah kepada para pelancong (Ahmad Fauzi & Muhammad Yusuf, 2016). Sebagai contoh yang telah memperkenalkan konsep ini ialah seperti Masjid Sultanah Bahiyah dan Masjid Osmaniah Perlis yang mana ianya boleh dijadikan contoh untuk menjadikan masjid sebagai salah satu pusat penginapan para pelancong Islam sekaligus memudahkan para musafir untuk beribadah (Noor Fiteri, 2013).

Dalam pada masa yang sama pihak masjid juga perlu bersikap lebih terbuka supaya menyediakan juga tempat penginapan kepada orang bukan Islam. Secara tidak langsung ianya merupakan salah satu cara untuk melunakkan hati orang bukan Islam yang sebelum ini telah dimomokkan dengan persepsi yang negatif sehingga munculnya istilah seperti Islamophobia, terrorist, radikal, ekstrim dan sebagainya.

Walaupun begitu, ia merupakan suatu cabaran yang harus dihadapi iaitu masih terdapat salah anggap segelintir masyarakat di Malaysia bahawa masjid adalah eksklusif kepada umat Islam dan menjadi kawasan larangan kepada orang bukan Islam (Butler et al. 2014). Sedangkan pada pandangan orang bukan Islam, kuil Hindu dan Buddha adalah terbuka kepada semua golongan masyarakat. Oleh itu usaha untuk mempromosikan masjid sebagai tempat terbuka yang boleh menerima kunjungan bukan Islam perlu dilakukan secara berpanjangan dan kolektif oleh semua pihak terutamanya pihak pengurusan masjid. Bagi menjelaskan kekeliruan ini, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-90 pada 1 Mac 2010 telah memutuskan pelancong bukan Islam diharuskan untuk memasuki masjid dan ruang solat setelah mendapat kebenaran daripada pihak pengurusan masjid (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2015). Walau bagaimanapun, pelancong dikehendaki mengawal tingkah laku supaya tidak mencemarkan kesucian masjid dan mengikut adab di dalam masjid seperti menjaga aurat dan tidak membuat bising.

## 4. KESIMPULAN

Institusi masjid dewasa ini harus seiring dengan peredaran zaman dan kehendak semasa supaya fungsi serta perannya tidak terhad kepada ibadah ritual semata-mata. Ianya perlu dilihat secara komprehensif bermula daripada pemilihan ahli jawatankuasa masjid kerana bertitik tolak daripada sinilah hala tuju yang hendak dibawa jelas dan berfokus. Cadangan-cadangan ke arah pemerksaan masjid dilihat penting agar masyarakat dapat menjadikan masjid sebagai *one stop centre* sekaligus dapat mengembangkan ajaran Islam dan membangunkan masyarakat kontemporari di Malaysia. Justeru peranan masjid perlu diperkasakan seiring dengan modenisasi yang berlaku agar institusi

masjid dilihat benar-benar berfungsi dalam membangunkan insan sebagaimana yang dikehendaki dalam Islam selagi mana ianya berada dalam ruang lingkup mengimarahkan rumah Allah.

## RUJUKAN

### Artikel

1. Ahmad Fauzi, M. S., & Muhammad Yusuf, M. A. (2016). *Strategi pembangunan ekonomi masjid As-Salam sebagai wasilah dakwah kontemporari*. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah.
2. Aminuddin Ruskam al-Dawamy. (2007). *Falsafah dan Fungsi Masjid dalam Islam*. Paper presented at the Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid 2007, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
3. Butler, G., Khoo-Lattimore, C. & Mura, P. (2014). Heritage tourism in Malaysia: Fostering a collective national identity in an ethnically diverse country. *Asia Pacific Journal of Tourism Research* 19(2): 199–218. doi:10.1080/10941665.2012.735682 .
4. Nurlela dan Maksum. (2004). Akses Informasi dan Persepsi Diklat Terhadap Jasa Perpustakaan. *Jurnal Perpustakaan Pertanian*, Vol.13 No 3. 2004.
5. Noor Fiteri, A. (2013). Masjid mengendalikan penginapan: Pilihan alternatif kepada industri pelancongan. Terengganu International Tourisme Conference. [https://www.academia.edu/4376912/Masjid\\_MenghasilkanPenginapan\\_Pilihan\\_Alternatif\\_Kepada\\_Industri\\_Pelancongan](https://www.academia.edu/4376912/Masjid_MenghasilkanPenginapan_Pilihan_Alternatif_Kepada_Industri_Pelancongan).
6. Shuhadak Mahmud, Ibnor Azli Ibrahim. (2014). Pelaksanaan Program Takmir Sebagai Medium Pengimarahkan Masjid di Negeri Sembilan. *Jurnal al-Hikmah*. Jilid 6, No.2.
7. Yusmini Md. Yusoff et.al (2004), “Kajian Tentang Maklum Balas Masyarakat Terhadap Aktiviti Masjid-Masjid Negeri Di Semenanjung Malaysia.” Bil. 2, *Journal Usuluddin*.
8. <https://www.ikim.gov.my/index.php/2023/11/17/tingkatkan-literasi> (akses pada 07 Jun 2024).
9. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php> (akses pada 07 Jun 2024).

### Buku

1. Al-Hawali. Safar Abdur Rahman. (t.th). *Durus Li Syeikh Safar Hawali*. Jil.57. hlm.8.
2. Ahmad Amin. (1993). *Dhuha Al- Islam*. Jil. 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
3. Abdul Ghani. (2001). *Kitab Khutbatul Jum'ah Wa Dauruha Fi Tarbiyatil Ummah*. Cet. Pertama. Al-Mamlukah Al-Arabiyyah As-Saudiyyah. Jil 1. 151.
4. Ibn Manzur (1994), *Lisān al-‘Arab*, Jil.3. Cet.3 Beirut: Dār al-Fikr.
5. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, cet. 4.
6. Lukman & Musa. (1996). *Pengantar Sains Pengurusan Masjid*, Melaka: Majlis Agama Islam Melaka & Kolej Islam Melaka.

7. Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. (1999). *Peranan, Kurikulum Dan Reka Bentuk Masjid Sebagai Pusat Pembangunan Masyarakat*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
8. Qalcaji, Muhammad Rawas. (2010). *Mu'jam Lughah al-Fuqaha*. Beirut: Dar an-Nafaes.
9. Syauqi, D. (2004). *Al-Mu'jam al-Wasit*. Al-Qahirah: Maktabah al-Syarq wa al-Dauliyyah.
10. Uwais, Abd al-Halim. (2004). *Mausu'ah al-Fiqh al-Islami al-Mu'asir*. c.1. Mansurah: Dar al-Wafa.
11. Whittaker, Kenneth. (1972). *The Basics of Library Based User Services*. London: Library Association Publishing.

### **Bab Dalam Buku**

1. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). *Kompilasi Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. [www.islam.gov.my%0Awww.e-fatwa.gov.my](http://www.islam.gov.my%0Awww.e-fatwa.gov.my).
2. Lokman Ab. Rahman. (2000). *Imarah Masjid Masa Kini*. Penerbitan Bersama JAIM dan MAIM. Bkt Katil, Melaka.

## KONSEP KEADILAN SOSIAL ISLAM

Mohd Hatib Ismail<sup>1</sup> Siti Rohani Jasni<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa Universiti Malaysia Sabah  
Email:mohdhatib@ums.edu.my*

<sup>2</sup>*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa Universiti Malaysia Sabah  
Email:s\_rohani@ums.edu.my*

### ABSTRAK

Keadilan sosial merupakan elemen penting dalam melestarikan keamanan dan kesejahteraan manusia sejagat. Sistem sosial dalam masyarakat akan rosak apabila keadilan sosial tidak dilaksanakan dengan baik. Kesan mengabaikan keadilan akan menyebabkan masalah-masalah sosial berlaku dalam kalangan masyarakat seperti kemiskinan, jenayah, monopoli ekonomi golongan kaya dan penindasan terhadap golongan susah. Maka selari dengan hasrat slogan Malaysia Madani yang menekankan prinsip keadilan, kajian berkenaan keadilan dalam sistem sosial dan kemasyarakatan harus dijalankan. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan konsep keadilan sosial dari perspektif Islam menerusi pemikiran tokoh pemikir Islam iaitu Mustafa al-Siba'i. Perolehan data dijalankan dengan meneliti karya tokoh-tokoh tersebut yang membincangkan soal keadilan sosial. Manakala analisis data dilakukan dengan kaedah analisis kandungan menerusi pendekatan intepretasi dan deskriptif. Hasil penelitian menunjukkan konsep keadilan sosial Islam menurut pemikiran tiga tokoh tersebut adalah berdasarkan sumber al-Quran dan al-Sunah serta pengalaman pemerintahan Islam terdahulu. Teras kepada keadilan Islam melibatkan individu, masyarakat dan pemerintah. Perkara utama dalam konsep keadilan adalah menunaikan hak-hak manusia sejagat dan melaksanakan tanggungjawab sosial. Keadilan sosial juga sangat berkaitan dengan sistem pentadbiran yang menguruskan sumber kekayaan dan pengagihan sumber tersebut. Kajian ini boleh dirujuk sebagai bacaan awal untuk mendalami konsep keadilan sosial Islam yang telah ditulis dan dibincangkan oleh tokoh-tokoh pemikiran Islam.

**Kata kunci:** Keadilan sosial, Islam, Pemikiran Islam

### PENGENALAN

Keadilan sosial merupakan salah satu perkara yang banyak diperkatakan dan diperbincangkan oleh para pemikir barat mahupun Islam. Keadilan sosial merupakan suatu bentuk konsep ataupun teori yang dikemukakan bagi membentuk sebuah masyarakat yang harmoni hidup dalam keadaan semuanya menerima kehidupan berlandaskan keadilan. Kemelut dan kepincangan di dalam masyarakat dari aspek ekonomi, politik, pendidikan dan penindasan terhadap pihak yang lemah terjadi apabila keadilan sosial tidak dapat ditegakkan dengan sebaiknya. Isu keadilan sosial sentiasa berlegar dalam sejarah hidup manusia hingga sekarang dan menjadi punca kepada perpecahan dan ketidakstabilan dalam sesetengah masyarakat dan negara yang mana boleh menimbulkan konflik, permusuhan, kacau bilau serta pemberontakan. Ramai rakyat yang

menderita tiada pembelaan, ada yang terperosok dalam lembah kemiskinan, tidak kurang juga yang tidak mendapat peluang untuk meningkatkan taraf hidup ke arah lebih sempurna. Maka dengan sebab itu, kajian ini terpanggil untuk menyentuh soal keadilan sosial secara langsung berdasarkan pandangan seorang tokoh intelektual Muslim Mustafa al-Siba<sup>ci</sup>.

## KONSEP KEADILAN SOSIAL ISLAM

Penjelasan dan huraian kepada keadilan sosial perlu dilihat kepada pengertian keadilan itu sendiri. Berdasarkan maksud keadilan maka konsep keadilan sosial dapat dilihat pada idea dan perlaksanaannya dalam kehidupan sosial. Keadilan melibatkan kesamarataan dan kesaksamaan, keadilan melibatkan kejujuran dalam tindakan, keadilan melibatkan menunaikan kewajipan, keadilan melibatkan memberi kepada yang berhak, keadilan melibatkan tanggungjawab, keadilan melibatkan kebenaran dan keadilan melibatkan melaksanakan tanggungjawab. Dalam bentuk keadilan sosial pula, semua perkara yang dimaksudkan keadilan berkait bersama, iaitu dalam konsep keadilan sosial kehidupan individu dan masyarakat serta pemerintahan Negara dan rakyat melibatkan soal keadilan.

Keadilan atau adil datangnya dari perkataan arab *al-<sup>c</sup>adl*, melalui kata kerja *adala*. disebut dalam arab keadilan itu sebagai *al-<sup>c</sup>adl* atau *al-<sup>c</sup>adalah*. Keadilan juga disebut dengan *al-qist*, *al-mizan* dan *al-haq*. Dalam bahasa Inggeris, keadilan disebut sebagai *justice*, atau dengan nama lain seperti *righteousness*, *equity*, *fairness*, *lawful*, *rightful*, *legality* dan *counterbalance* (Zul 'Azmi 2005). Dalam bahasa arab perkataan *al-<sup>c</sup>adl* dan *al-<sup>c</sup>adalah* selalu digunakan dan dikenali membawa maksud yang tepat kepada keadilan, manakala dalam bahasa inggeris perkataan *justice* kerap digunakan untuk memberi maksud keadilan.

Keadilan ditafsir dan diterjemah ke dalam makna yang luas supaya ia bertepatan dengan perbuatan dan tingkah laku manusia. Keadilan telah diberi maksud suatu jalan yang lurus seperti tulisan Ibn Manzur (1887) iaitu berada dalam landasan yang betul dan tidak tergelincir ke arah lain. Menurut Imam al-Ghazali pula, keadilan merupakan ketertiban yang tersusun baik dan sesuai pada tempatnya. Dalam konteks sosial, keadilan dilihat sebagai tindakan atau kelakuan seseorang yang mengambil apa yang berhak ke atas dirinya dan memberikan kepada orang lain apa yang berhak ke atas orang itu. Manakala Imam al-Shafi<sup>ci</sup> meletakkan maksud keadilan sebagai tindakan manusia yang berdasarkan kepatuhan kepada Allah s.w.t, keadilan sebagai tindakan manusia yang berdasarkan syariat Islam (Zul 'Azmi 2005).

Menurut al-Siba<sup>ci</sup> maksud keadilan sosial ialah memberi kesamarataan kepada mereka memerlukan dengan berbuat baik kepada mereka, mencukupkan keperluan mereka, memudahkan pekerjaan dan membantu kekurangan mereka. Al-Siba<sup>ci</sup> (1960) menjelaskan antara maksud membuat kebaikan adalah elok ketika melakukan urusan, bagus dalam pergaulan dan ketinggian akhlak. Kebaikan juga membawa maksud mengeluarkan harta dan tenaga pada jalan Allah iaitu jalan yang membawa kepada kebenaran, kebaikan dan bermanfaat. Seterusnya kebaikan juga dimaksudkan dengan solat dan mengeluarkan zakat. Dalam hal mencukupkan keperluan hidup al-Siba<sup>ci</sup> menerangkan bahawa keperluan asas bagi manusia adalah mempunyai makanan, memiliki pakaian, ada tempat tinggal. Selagi mana keperluan asas manusia tidak dicukupkan, maka manusia tersebut masih memerlukan pertolongan daripada masyarakat ataupun pemerintah. Bahkan menjadi suatu kewajipan bagi yang mampu untuk mencukupkan keperluan mereka kerana hal itu



juga merupakan salah satu daripada kemaslahatan ummah. Manakala dalam memudahkan pekerjaan, al-Siba<sup>ci</sup> (1960) ada menyatakan mengenai prinsip-prinsip umum untuk pekerja, di antaranya adalah memberi pekerjaan yang sesuai berdasarkan kemampuan dan kebolehan masing-masing. Tempoh masa bekerja juga mesti ditetapkan berdasarkan gaji yang diberi, jika majikan mahu untuk melebihi masa bekerja, maka majikan perlu menambah jumlah gaji untuk pekerja.

Seterusnya al-Siba<sup>ci</sup> (1988) menghuraikan keadilan sosial ialah memberikan setiap sesuatu yang hak pada haknya, sehingga merasa dia merasa kemuliaanya, mendapat ketenangan dalam kehidupan dan menikmati kesejahteraan hidup. Al-Siba<sup>c</sup> menghuraikan maksud keadilan adalah memberi hak kepada haknya melibatkan setiap lapisan masyarakat. Seperti dalam kehidupan berumahtangga, Islam telah menetapkan bagi suami wajib untuk menunaikan segala hak isteri dan menyuruh isteri taat kepada suami selagi mana tidak bersalahan dengan syariat Islam. Kepimpinan dalam hal berkaitan rumahtangga mestilah dilaksanakan dengan tidak melakukan perbuatan yang bersifat zalim dan mendatangkan permusuhan. Begitu juga dengan anak-anak wajib menunaikan tanggungjawab sebagai seorang anak memberi hak yang sepatutnya kepada kedua ibu bapa dan berbuat baik kepada mereka. Al-Siba<sup>ci</sup> (1988) juga berpendapat hak seseorang perlu dijaga terutamanya dalam urusan jual beli dan muamalat. Tidak boleh mengambil harta hak orang lain tanpa pengetahuan dan keizinan daripadanya serta menipu dalam urusan jual beli. Hak tersebut perlu ditegakkan oleh seorang hakim dalam mengadili sesuatu perkara, seorang hakim tidak boleh membuat keputusan mengikut hawa nafsu dan menghukum orang yang tidak bersalah. Dalam hubungan pemerintah dan rakyat, pemerintah perlu untuk berusaha menunaikan hak-hak rakyatnya, beramanah dalam menguruskan Negara dan menghindari kezaliman ketika memerintah. Manakala rakyat pula menunaikan hak kepada pemerintah dengan mentaati kerajaan selagi tertegaknya kerajaan tersebut di atas jalan kebenaran, melakukan kebaikan dan berterusan dalam kebaikan.

Al-Siba<sup>ci</sup> (1998) seterusnya menjelaskan bentuk pelaksanaan keadilan sosial dalam melalui jaminan sosial adalah memberi *infaq* kepada golongan-golongan yang memerlukan, *infaq* mendatangkan manfaat kepada masyarakat dan memberi kelebihan untuk kehidupan dan kehormatan. *Infaq* yang disebut oleh al-Siba<sup>ci</sup> adalah merupakan sesuatu yang amat digalakkan oleh Islam bagi membolehkan mereka yang berada pada kesusahan dalam kalangan masyarakat dapat berkongsi manfaat kekayaan bersama. Hasil daripada perkongsian tersebut boleh mengurangkan kesusahan orang lain serta menjamin masyarakat untuk hidup dengan kurang kadar kemiskinan.

## **KESIMPULAN**

Para sarjana barat dan Islam pada era moden mengupas dan membincangkan konsep keadilan sosial supaya ianya dapat direalisasikan dalam kehidupan bermasyarakat. Cita-cita keadilan menjadi pendorong dalam aspek penulisan dan pengkajian bagi gerakan intelektual dan kebudayaan. Oleh itu, persekitaran pemikiran mula disuburkan dengan kepekaan terhadap keadilan. Masih banyak soal keadilan sosial yang perlu kita fikirkan yang menjadi masalah dalam penerapan kehidupan bernegara dan juga bermasyarakat. Oleh itu, perkembangan intelektual pada era moden dan pascamoden tidak dapat lari daripada membangkitkan semula soal keadilan sosial supaya ianya dapat terus diformulakan dengan cara sebaik mungkin untuk mempertahankan kehidupan yang berteraskan keadilan bersifat menyeluruh.

## RUJUKAN

- Hamka, (1977), *Keadilan Sosial dalam Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Kassim Ahmad, (1980), *Risalah Masalah Teori Sosial Moden Islam*. Petaling Jaya: Penerbitan Pena Sdn. Bhd.
- Al-Siba'i, Mustafa, (1960), *Al-Ishtirakiyyah al-Islam*. Al-Qahirah: al-Dar al-Qawmiyah.
- Al-Siba'i, Mustafa, (1997), *Al-Takaful al-Ijtima'i fi al-Islam*. Riyadh: Dar al-Warraq.
- Al-Siba'i, Mustafa, (1988), *Haza Huwa al-Islam Silsilah Rasa'il Tabhasu an al-Fikrah al-Islam al-Hadithah*. Jil 1. Damascus: Maktabah al-Islami.
- Al-Siba'i, Mustafa, (1998), *Uzama'una fi al-Tarikh*. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Rawls, John, (1971), *A Theory of Justice*. United Kingdom: Harvard University Press.
- Qutb, Sayyid, (1984), *Keadilan Sosial dalam Islam*. terj. Afif Mohammad. Bandung: Penerbit Pustaka.
- Zul'Azmi Yaakob, (2005), *Konsep Keadilan dalam Pemikiran Akhlak Aristotle (M.322 SM) dan Ibn Miskawayh (M. 1030 M)*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

## PERBEZAAN TEORI KITARAN IBN KHALDUN DAN MALEK BENNABI DALAM ASPEK INTELEKTUAL

Abdul Qayyum Abdul Razak<sup>1</sup>, Adlina Ab. Halim<sup>2</sup> (Corresponding author), Zaid Ahmad<sup>3</sup> & Normala Othman<sup>4</sup>

<sup>1</sup>*Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, UPM & Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka*

*E-mail: gs58446@upm.edu.my, qayyum@uitm.edu.my*

<sup>2</sup>*Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, UPM*  
*Corresponding E-mail: adlina@upm.edu.my*

<sup>3</sup>*Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, UPM*  
*E-mail: zaid\_a@upm.edu.my*

<sup>4</sup>*Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, UPM*  
*E-mail: normala\_o@upm.edu.my*

### ABSTRAK

Artikel ini bertitik tolak dari kenyataan Fawzia Bariun dan Abdelaziz Berghout yang menyebut bahawa kedua-dua teori kitaran Ibn Khaldun dan Malek Bennabi mempunyai persamaan. Abdelaziz Berghout menyatakan persamaan yang dimaksudkan ialah dalam dari sudut pendekatan dan analisis 'psikologi' masyarakat. Namun artikel ini mengambil pendekatan sebaliknya iaitu untuk menganalisis perbezaan teori kedua-dua tokoh dalam aspek intelektual. Oleh itu, pengkaji menggunakan metodologi meta-teori *Mu* Ritzer untuk menganalisis aspek aspek intelektual ini dengan lebih mendalam. Perbezaan boleh dilihat dalam aspek falsafah, kerangka dan pendekatan, konsep dan alat analisis yang digunakan kedua-dua tokoh.

**Kata kunci:** Malek Bennabi, Ibn Khaldun, perbezaan, pengaruh intelektual, teori tamadun

### PENDAHULUAN

Falsafah sejarah dan tamadun merupakan satu cabang ilmu yang bertujuan memahami hakikat dan realiti sejarah masa lalu. Dari zaman Aristotle hingga ke hari ini, ilmu falsafah sejarah telah mengalami perubahan seiring dengan perkembangan zaman. Para pemikir dalam bidang ini sering mengemukakan idea dan pendekatan tersendiri untuk menjelaskan pandangan mereka tentang sejarah. Akibatnya, terdapat dua aliran pemikiran utama dalam falsafah sejarah, iaitu pemikiran kitaran dan linear. Dalam kalangan penyokong teori kitaran, dua tokoh Muslim yang terkenal ialah Ibn Khaldun dan Malek Bennabi.

Ibn Khaldun, yang dianggap sebagai pengasas ilmu sejarah moden, membentuk teori kitarannya pada pertengahan abad ke-14 Masihi melalui karyanya, *Muqaddimah*. Dalam buku ini, beliau memperkenalkan konsep '*ilm al-'umran*', satu disiplin ilmu yang berdiri sendiri dengan tujuan menganalisis sejarah secara lebih logik dan menyeluruh. Pada pertengahan abad ke-20 Masihi, Malek Bennabi pula mengetengahkan teori kitaran yang serupa, tetapi dengan sudut pandang dan pendekatan yang berbeza dalam usaha memahami sejarah.

Dalam kajian ini, didapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara teori kitaran Ibn Khaldun dan Malek Bennabi. Kedua-dua tokoh menggunakan alat analisis yang sama, iaitu 'sifat dan karakter manusia', di mana mereka melihat bahawa perubahan dalam diri manusia berlaku pada peringkat-peringkat tertentu dalam sejarah. Hubungan ini telah diakui oleh pengkaji kontemporari seperti Bariun (1993) dan Berghout & Berghout (2015), yang menyatakan bahawa terdapat persamaan yang ketara antara teori kitaran kedua-dua tokoh ini. Hubungan ini juga menunjukkan bahawa falsafah sejarah Islam mempunyai kesinambungannya jika diteliti dalam paradigma tertentu. Namun, kajian ini bertujuan untuk menganalisis perbezaan antara kedua teori ini dalam aspek intelektual.

## **METODOLOGI**

Metodologi kajian yang digunakan ialah meta-teori *Mu* menurut dimensi intelektual-dalaman. Setiap dimensi ini mempunyai prinsip tertentu seperti paradigma kognitif, sekolah pemikiran, perubahan dalam paradigma, alat-alat metateori dan teori-teori (Ritzer, 1990 & 2001). Sumber primer yang dikaji ialah *Muqaddimah* karya Ibn Khaldun dan *Shurut al-Nahdah, Islam in History and Society* serta *On the Origins of Human Society* karya Malek Bennabi. Untuk itu, kajian akan menerapkan tiga teknik iaitu analisis kandungan, analisis sejarah dan analisis komparatif.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Dari sudut perbezaan intelektual kedua teori, perbezaan pertama ialah kedua-dua teori mempunyai falsafah, kerangka tersendiri dan pengaruh dari sarjana tertentu. Dalam aspek falsafah kemunculan, Ibn Khaldun dan Malek Bennabi mempunyai dua sudut pandang yang berbeza di mana keduanya menerapkan falsafah masing-masing. Falsafah Ibn Khaldun ialah beliau menekankan kebenaran sejarah (Ibn Khaldun, t.th.). Manakala dalam pandangan Malek Bennabi, beliau menerapkan falsafah persoalan dan membincangkan jawapan kepada kejatuhan tamadun Islam (Bennabi, 1987). Dalam kebanyakan buku beliau, Bennabi menerapkan tema kejatuhan dan permasalahan yang berlaku kepada umat Islam keseluruhannya.

Perbezaan kedua ialah pada aspek perbezaan kerangka, pendekatan dan pergerakan sejarah. Ibn Khaldun menyatakan kitaran tamadun itu bermula dari masyarakat *badawi* kepada masyarakat *hadari*. Ia bermula dari masyarakat yang memiliki '*asabiyyah* yang tinggi yang boleh mengalahkan masyarakat *hadari* yang kurang '*asabiyyahnya* (Alatas, 2014). Manakala pada kerangka Bennabi, tahap tamadun itu mempunyai tiga fasa, iaitu fasa ruh, rasional dan naluri. Fasa-fasa ini mengambil masa selama ratusan tahun untuk melengkapkan kitarannya. Faktor kejatuhan tamadun menurut Bennabi ialah umat Islam tidak lagi menghayati ajaran agama dalam kehidupan mereka. Faktor ini menyumbang kepada kelemahan hubungan sosial (*social relation*) dan kerosakan budaya (Bennabi, 1979 & 1998). Kedua-dua kerangka teori di atas menjelaskan bahawa setiap teori mempunyai rangka dan pendekatan yang tersendiri.

Ketiga ialah pengaruh sarjana terhadap pembentukan teori. Ibn Khaldun dilihat terkesan dengan idea Aristotle dan al-Farabi khususnya dalam kajian ketamadunan (Ibn Khaldun, t.th.; Charaf, 2004; Osman Bakar, 2016). Manakala Bennabi pula dipengaruhi oleh Ibn Khaldun dan Arnold Tonybee (Bennabi, 1997; Bennabi, 1998; Bariun, 1993; Benlahcene, 2013). Tidak

dinafikan juga kedua-dua tokoh mendapat pengaruh dari sarjana-sarjana lain, namun pengaruh tersebut tidak jelas dan bersifat umum dibanding dengan pengaruh dari sarjana yang disebutkan tadi. Manakala pada pandangan Bennabi, beliau menyatakan dengan jelas bahawa Ibn Khaldun ialah tokoh pertama yang mengemukakan teori kitaran tamadun. walaupun tidak menyatakan dengan jelas, namun pada hemat pengkaji, Bennabi mempunyai persamaan pada aspek pendekatan yang dikemukakan.

## KESIMPULAN

Kedua-dua tokoh, Ibn Khaldun dan Malek Bennabi, mempunyai perbezaan dari sudut falsafah teori, kerangka, dan pengaruh sarjana. Dari segi falsafah, Ibn Khaldun menekankan kebenaran sejarah, manakala Bennabi fokus pada persoalan kejatuhan tamadun Islam. Dari aspek kerangka teori, Ibn Khaldun membincangkan kitaran tamadun bermula dari masyarakat badawi hingga hadari yang dipacu oleh kekuatan 'asabiyyah, sementara Bennabi membahagikan tamadun kepada tiga fasa: ruh, rasional, dan naluri. Dari segi pengaruh, Ibn Khaldun dipengaruhi oleh Aristotle dan al-Farabi, manakala Bennabi oleh Ibn Khaldun dan Arnold Toynbee.

## PENGHARGAAN

Penghargaan diucapkan kepada pihak JPJK, FEM dan Pusat University Research Center (RMC), Universiti Putra Malaysia atas pembiayaan dana di bawah geran kod GP-IPS/2022/9738900.

## RUJUKAN

- Alatas, Syed Farid. (2014). *Applying Ibn Khaldun*. London: Routledge.
- Bariun, Fawzia. (1993). *Malik Bennabi: His Life and Theory of Civilization*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).
- Benlahcene, Badrane. (2013). *The Socio-Intellectual Foundations of Malek Bennabi's Approach to Civilization*. UK: International Institute of Islamic Thought.
- Bennabi, (2006). *Islam in History and Society*. Terjemahan. Asma Rashid. New Delhi: Kitab Bhavan.
- Bennabi, M., & Rashid, A. (1997). The Conditions Of The Renaissance. *Islamic Studies*, 36(1), 89–95. <http://www.jstor.org/stable/23076084>.
- Bennabi, Malek. (1987). *Shurut al-Nahdah*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Bennabi, Malek. (1998). *On the Origins of Human Society*. Terj. Mohamed Tahir El-Mesawi. Kuala Lumpur: Open Press.
- Bennabi, Malek. (2007). *Asal Usul Masyarakat Manusia: Rangkaian Hubungan Sosial*. Terjemahan. Muhammad Uthman El-Muhammady. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Berghout, Abdel Aziz & Zakia Berghout. (2015). The pattern of cycle civilization: resemblance between Ibn Khaldun and Malik Bennabi's views, *Journal of Islam in Asia*, Vol. 12(1), 228-245.
- Charaf, Inaam. (2004). Conceptualisation and Organization of Knowledge Between the 10th and 14<sup>th</sup> Centuries in Arabic Culture. *Knowledge Organization*, 31(4), 213-221.
- Ibn Khaldūn, (1979). *al-Ta'rif bi Ibn Khaldūn wa Rihlatuhu Gharbān wa Sharqān*; Dār al-Kitāb al-Lubnānī: Lubnān.

- Ibn Khaldun. (t.th.). *Muqaddimah Tarikh Ibn Khaldun (al'Ibar wa al-Diwan al-Mubtada' wa l-Khabr fi Ayyam al-'Arab wa al-'Ajam wa al-Barbar wa man 'Asarahum min Dhaw al-Sultan al-Akbar)*. 'Amman: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah.
- Osman Bakar. (2016). Towards a New Science of Civilization: A Synthetic Study of the Philosophical Views of al-Farabi, Ibn Khaldun, Arnold Toynbee, and Samuel Huntington, *Synthesis Philosophica*, 62(2/2016), h. 313–333.
- Ritzer, G. (2001). *Explorations in social theory: From metatheorizing to rationalization*. SAGE Publications Ltd, <https://dx.doi.org/10.4135/9781446220160>.
- Ritzer, George. (1990). Metatheorizing in sociology, *Sociological Forum* 5, 3–15 (1990) doi:10.1007/BF01115134.

## CABARAN PENGUKUHAN BUDAYA PELBAGAI ETNIK DI SABAH

Sharifah Darmia Binti Sharif Adam  
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa  
Universiti Malaysia Sabah  
shdarmia@ums.edu.my

### ABSTRAK

Sabah merupakan sebuah negeri yang terkenal dengan keunikan penduduknya yang terdiri daripada pelbagai etnik. Terdapat lebih kurang 41 kumpulan etnik dan subetnik yang menggunakan lebih kurang 50 bahasa dan menuturkannya dalam tidak kurang 80 dialek. Pluraliti etnik yang wujud di negeri itu menjadikannya kaya dengan pelbagai warisan budaya etnik. Apa yang menariknya adalah kepelbagaian budaya etnik ini tidak menjadi penghalang bagi masyarakat Sabah untuk hidup dalam suasana yang aman dan harmoni. Namun persoalan timbul mengenai isu yang dihadapi dalam usaha mengukuhkan ikatan harmoni antara etnik tersebut. Oleh itu, objektif perbincangan dalam kertas kerja ini adalah untuk menganalisis dan mengemukakan cabaran yang dihadapi dalam usaha pengukuhan budaya pelbagai etnik di Sabah. Tumpuan akan diberikan terhadap cabaran yang dihadapi dalam mengukuhkan amalan budaya khususnya di era modenisasi ini. Penulisan kertas kerja ini menggunakan kaedah pendekatan analisis kualitatif dan menggunakan kaedah kajian arkib serta kajian perpustakaan iaitu dengan menganalisis pelbagai sumber primer dan sekunder, buku dan artikel untuk memperoleh sumber maklumat kajian. Kajian ini akan menghasilkan satu analisis yang dapat memberi kefahaman yang lebih jelas tentang latar belakang sejarah budaya pelbagai etnik dan cabaran terhadap budaya etnik di Sabah. Hasil pengenaltastian cabaran terhadap warisan budayapelbagai etnik akan dapat mengukuhkan lagi semangat perpaduan nasional rakyat di negara ini.

**Kata Kunci:** Budaya, Etnik, Sabah dan Warisan.

### PENGENALAN

Sabah merupakan sebuah negeri yang mempunyai keunikan tersendiri kerana penduduknya terdiri daripada pelbagai etnik, budaya, agama dan bahasa. Sabah yang juga dikenali sebagai Negeri di Bawah Bayu dahulunya turut kenali sebagai North Borneo. Negeri ini pernah terletak di bawah jajahan Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu. Sabah kemudiannya ditadbir oleh Syarikat Berpiagam Borneo Utara dari tahun 1881 sehingga 1942. Selepas Perang Dunia Kedua, Syarikat Berpiagam Borneo Utara berhadapan dengan masalah kekurangan sumber kewangan untuk membina semula negeri Sabah menyebabkan wilayah tersebut diletakkan di bawah kawalan pejabat kolonial dan menjadi tanah jajahan British pada 15 Julai 1946. Seterusnya pada 16 September 1963, Persekutuan Malaysia terbentuk dengan pengabungan negeri-negeri di Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak. Pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 bukan hanya bermakna pembebasan beberapa buah negeri yang dijajah tetapi

adalah untuk membentuk satu bangsa yang bersatu padu. Di Sabah, umum mengetahui penduduknya terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik berbeza yang memiliki budaya tersendiri. Kepelbagaian warisan budaya etnik di negeri ini menjadi satu kebanggaan bagi masyarakat Sabah. Budaya etnik yang diperturunkan sejak berzaman masih begitu dihargai dan dikongsi untuk manfaat bersama. Kepelbagaian budaya etnik yang ditonjolkan bukan sahaja memperlihatkan keunikan tetapi juga membuka minda masyarakat mengenai kepentingan menghargai budaya masyarakat yang berbeza supaya perpaduan dapat dipupuk. Dalam kertas kerja ini perbincangan akan difokuskan terhadap cabaran pengukuhan budaya pelbagai etnik di Sabah. Perkembangan dunia yang semakin moden dan kepesatan pembangunan teknologi telah menyebabkan banyak perubahan kepada warisan budaya pelbagai etnik. Dengan itu perlunya dikenalpasti cabaran yang dihadapi dalam usaha untuk membangkitkan semula kesedaran terutama kepada generasi muda untuk menghargai peninggalan nilai-nilai warisan budaya silam yang tidak seharusnya dilupakan.

## **BUDAYA PELBAGAI ETNIK DI SABAH**

Budaya dalam pelbagai etnik di Sabah merupakan suatu warisan sejak sebelum kedatangan kuasa barat. Setiap etnik mempunyai ciri budaya tersendiri dan sehingga kini masih teguh dengan amalan budaya masing-masing. Terdapat pelbagai pandangan mengenai asal usul penduduk di negeri Sabah. Berdasarkan kajian arkeologi yang telah dilakukan di Gua Madai, Gua Baturong (Lahad Datu), Bukit Tengkorak (Semporna), Gua Tapadong (Segama) dan Lembah Tingkayu (Kunak) membuktikan bahawa sejarah pendudukan manusia yang awal di Sabah hanya dapat dijejak sehingga 28,000 tahun dahulu (Ismail Ibrahim. 2007). Dari segi latar belakang masyarakat, Sabah merupakan negeri yang menjadi kediaman bagi pelbagai etnik. Penduduk Sabah terdiri daripada lebih kurang 41 kumpulan etnik dan subkumpulan etnik yang menggunakan lebih kurang 50 bahasa dan menuturkannya dalam tidak kurang 80 dialek (Mat Zin Mat Kib, 2005). Uniknyanya lagi setiap etnik turut mempunyai amalan kebudayaan, kepercayaan, adat resam dan warisan seni yang berbeza antara satu sama lain. Malahan kebanyakan pengkaji mengakui bahawa penduduk Sabah terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik dan subetnik yang berbeza-beza antara satu sama lain akibat perbezaan dialek, adat dan kegiatan ekonomi (Appell. G.N. (ed.), 1968).

Secara umumnya, etnik dan suku etnik di Sabah terdiri daripada Abai, Alumbai, Baukan, Begahak, Bisaya, Bonggi, Bundu, Dumpas, Dusun, Gana, Garo, Gonsomon, Idahan, Kadazan, Kalabakan, Kavananan, Kedayan, Kimaragang, Kolobuan, Kolod, Kwijau, Okolor, Lingkabau, Liwan, Lobu, Lotud, Liba, Lundayo, Makiang, Malapi, Minokok, Murut, Naaboi, Nulu, Paitan, Paluan, Pingas, Rumanau, Rungus, Selunagi, Sembakung, Serudung, Sinanbu, Sinandapak, Sinopuru, Sonsogon, Ilanun, Malayu-Brunei, Sungai, Suluk, Tidong dan kumpulan kacukan 'sino' yang merupakan keturunan hasil perkahwinan orang Cina dan penduduk peribumi (Mat Zin Mat Kib, 2016). Masyarakat Sabah dapat dikelompokkan dan dipecahkan kepada tiga kumpulan utama iaitu, bumiputera Islam, bumiputera bukan Islam dan bukan bumiputera. Kumpulan bumiputera Islam terdiri daripada etnik Melayu, Brunei, Bajau, Suluk, Bugis, Bisaya, Ida'an, Banjar, Tidong, Orang Sungai, Ilanun, Kadayan dan Cocos (Ismail Yusoff, 1997). Kegiatan utama mereka ialah menangkap ikan, memungut hasil laut, memungut hasil hutan serta menanam padi sawah. Sementara itu, kumpulan bumiputera bukan Islam pula terdiri daripada etnik Kadazan, Dusun, Murut, Kuijau, Lotud, Rungus, Tambonuo, Dumpas, Maragang, Paitan, Minokok, Rumanau, Mangka'ak dan kumpulan kecil sino-filipina. Apa yang menariknya adalah setiap kumpulan etnik ini mempunyai perbezaan dalam aspek adat resam, kebudayaan dan amalan kepercayaan.



Budaya didefinisikan sebagai satu sistem pemahaman dan kelakuan yang diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain merangkumi keseluruhan aspek kehidupan manusia termasuklah sistem sosial, budaya, adat resam, tradisi, kesenian, bahasa, ekonomi, pendidikan dan aspek politik yang dipelajari daripada persekitarannya. Dalam definisi yang lain, budaya adalah ciptaan atau karya yang berasal daripada akal atau fikiran manusia yang telah tertuang dalam kehidupan, sama ada karya yang diekspresikan berbentuk karya tangan atau karya yang bersifat adat, sosio dan perilaku-perilaku budaya (Zuhairini, Dra. DKK. 2004.) Budaya dan masyarakat tidak dapat dipisahkan kerana budaya adalah cara, yakni cara berfikir, berinteraksi, merasa dan berperakuan masyarakat (Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2011). Dengan kata lain, kebudayaan merangkumi pelbagai adat istiadat yang lahir daripada amalan, sama ada amalan harian yang berkaitan dengan diri sendiri atau masyarakat, upacara sama ada berkaitan dengan agama atau kebiasaan semata-mata yang diulang-ulang dan diterima oleh masyarakat sebagai suatu peraturan yang perlu dipatuhi (Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2011).

Berdasarkan banci penduduk Sabah yang dijalankan sejak zaman penjajah sehingga kini menunjukkan di Sabah tidak terdapat satu pun kumpulan etnik yang dominan iaitu melebihi 50 peratus (Surya Sintang, 2011) Keadaan ini menyebabkan tidak ada sesuatu etnik yang dapat mendominasi etnik lain dengan mudah. Pada asasnya, budaya yang diamalkan oleh kumpulan etnik Sabah mempunyai ciri-ciri yang hampir sama sebelum masyarakat itu memeluk agama Islam dan Kristian (Sabihah Osman, 2007). Apa yang menariknya adalah kewujudan pelbagai etnik di Sabah juga tidak menjadi penghalang kepada keharmonian hidup masyarakatnya. Sejak zaman berzaman, budaya diwarisi daripada satu generasi ke generasi telah memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat pelbagai etnik di Sabah. Sebenarnya, sejak sebelum kedatangan kuasa barat lagi penduduk di negeri ini telah mempunyai kebudayaan masing-masing. Malahan sehingga kini budaya ini masih kukuh diamalkan dalam kalangan etnik di Sabah. Kepelbagaian budaya pelbagai etnik di Sabah dapat dilihat melalui perkara seperti adat resam, perkahwinan, kesenian dan aktiviti ekonomi.

Dalam adat resam, walaupun kebanyakan etnik telah menganut agama Islam, Kristian, atau lain-lain agama tetapi dari segi amalan adat didapati mereka masih tidak begitu berubah. Mereka masih terikat dengan amalan adat yang penuh dengan pantang larang (Gibon, Anthony, 1988) Sebagai contohnya. Etnik Kadazan Dusun mempunyai satu adat yang berperanan untuk menjaga keharmonian masyarakat di kampung mereka iaitu sogit. Sogit' adalah seumpama peraturan atau undang-undang yang bertindak sebagai saman dengan pampasan daripada pihak yang bersalah. Ia membawa maksud denda mengikut amalan adat istiadat etnik di Sabah khususnya suku kaum Dusun. Sogit telah diamalkan sejak dahulu lagi bagi mengekang pelanggaran adat dan mendisiplinkan masyarakat. Pampasan atau denda yang dikenakan biasanya dalam bentuk haiwan ternakan seperti khinzir, kerbau, lembu, kambing atau ayam. Sebagai contoh, upacara Sogit akan dilaksanakan kepada lelaki yang bersalah kerana mengganggu gadis yang masih suci ataupun wanita yang telah berkahwin. Justeru pesalah akan dikenakan denda mengikut ketetapan dalam pelaksanaan adat Sogit dalam kalangan masyarakat Dusun (<https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/senibudaya/detail/717/pengenalan>).

Aspek perkahwinan merupakan satu lagi hal yang penting dalam masyarakat pelbagai etnik di Sabah. Sebagai contohnya, sebelum majlis akad nikah dan persandingan berlangsung, bagi masyarakat Bajau di daerah Kota Belud, beberapa acara akan diadakan terlebih dahulu seperti

madak (mandi bedak atau majlis berinai) (Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2011). Sementara itu, bagi masyarakat tradisional Bisaya, majlis perkahwinan diadakan dengan penuh adat dan pantang larang sama ada sebelum, semasa dan selepas majlis berlangsung. Majlis berbedak akan diadakan diselangi dengan pelbagai acara seperti berbalas pantun, nyanyian tradisi dikenali sebagai badaup dan memainkan alat muzik kulintangan (Siti Aidah Lukin@Lokin, 2011)

Dalam aspek upacara kematian, etnik Bisaya mengamalkan adat apabila kematian berlaku ahli keluarga si mati dilarang menunjukkan kesedihan dengan tangisan yang kuat. Haiwan peliharaan akan dikurung, ketika jenazah masih dirumah perkara seperti makan minum dan merokok adalah dilarang (Siti Aidah Lukin@Lokin, 2012). Sementara itu, bagi masyarakat Dusun di kawasan Toboh Lama dan Bundu Tuhan di daerah Ranau adat kematian khususnya sebelum kedatangan Kristian dibahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat amalan pemisahan dan amalan pembersihan (Veronica Petrus Atin, 2011). Dalam peringkat amalan pemisahan, amalamn melibatkan upacara seperti Momolobong (Pengebumian), Mogihad (Menangisi si mati), Mongokoriu (Memberi bekal), Porundun (Korban haiwan), Momisok (Bergelap/memadankan lampu), Potongkiad (Memisahkan) atau Momopus (Mengakhiri), Popotongkiad do Puod (Memisahkan Puod), Tabasan do Sunsuiion (Memutuskan Jambatan) dan Mangangkib (Memberikan bahagian tanah bercucuk tanam). Setelah selesai upacara pemisahan ini amalan pembersihan akan dilakukan melibatkan amalan seperti Mangauh (Mengggunakan abu) dan Mongotomou (Mengggunakan daun hijau), Moninong do Sunduan (Memanggil semangat), Mononduli do Gino di Songinmiau (Meneguhkan semangat), Modtudau (Berjaga) (Veronica Petrus Atin. 2011). Terdapat larangan menggunakan alat muzik dan nyanyian apabila berlaku kematian bertujuan untuk menghormati keluarga si mati yang masih berkabung. Selain itu, pantang larang iaitu kadaat (Penangguhan aktiviti) dilaksanakan yang menegah ahli masyarakat untuk melakukan sebarang aktiviti. Setelah masyarakat Dusun di Toboh dan Bundu Tuhan memeluk agama Kristian, amalan adat kematian yang dikekalkan adalah seperti Momolobong, Mogihad, Mongokoriu, Momisok, Popotongkiad, Mangangkib, Mangauh, Modtudau, larangan memainkan alat muzik dan penggunaan serai, beras, abu dan daun hijau (Veronica Petrus Atin. 2011).

Dari segi pakaian tradisional, didapati warna hitam menjadi pilihan kebanyakan etnik di Sabah. Penggunaan warna hitam asalnya daripada kepercayaan bahawa warna hitam adalah lambang kekuasaan atau warna ketuhanan yang mana dapat melindungi si pemakai daripada makhluk-makhluk halus yang jahat. Ada setengah-tengah pihak mengatakan bahawa penggunaan warna hitam adalah disesuaikan dengan cara hidup dan keadaan semulajadi di waktu itu. Muzik tempatan sering berkait rapat dengan tarian. Ia juga berfungsi sebagai muzik latar dalam sesuatu majlis upacara. Sesetengah alat lazimnya digunakan oleh orang perseorangan untuk hiburan diri sendiri. Antara tarian-tarian asli yang popular dan dikenali ramai adalah tarian Sumazau, tarian Limbai, tarian Igal Igal, tarian Magunatip, tarian Adai-adai dan tarian Daling-daling. Tarian ini seringkali dipersembahkan dalam majlis sambutan perayaan seperti Pesta Menuai dan majlis perkahwinan.

Di samping itu, Sabah merupakan negeri yang terkenal dengan hasil seni kraf tangan etnik khususnya hasil kraf tradisionalnya. Seni kraf di Sabah telah wujud sejak dahulu lagi seiring dengan pengetahuan masyarakat peribumi menggunakan sumber-sumber alam untuk untuk kegiatan kehidupan mereka etnik (Shahrudin Mohd. Nor, 2005) Sebagai sebuah negeri yang kaya dengan budaya dan adat tradisi menyebabkan kebanyakan kraf tangan dihasilkan mengikut budaya

etnik masing-masing. Hal ini bermakna bahawa seni kraf di Sabah sangat berkait rapat dengan budaya etnik dan ia berkembang selaras dengan perubahan yang berlaku terhadap kehidupan etnik tersebut. Di samping itu, penghasilan kraf tangan juga turut dipengaruhi oleh penggunaan bahan-bahan mentah iaitu sumber-sumber alam yang terdapat di persekitaran kawasan tempat tinggal sesuatu Terdapat pelbagai jenis kraf tangan yang dihasilkan oleh masyarakat pelbagai etnik di Sabah yang mempunyai kegunaan dalam kehidupan seharian mereka seperti untuk upacara mengikut adat, aktiviti pertanian dan berburu binatang. Hari ini, kraf tangan yang dihasilkan bukan sahaja digunakan untuk kegiatan seharian tetapi juga menjadi salah satu industri yang dapat membantu perkembangan ekonomi negara (Sharifah Darmia Sharif Adam, Saifulazry Mokhtar, Syamsul Azizul Marinsah dan Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, 2022)

Seni kraf tangan yang diperbuat daripada bahan seperti buluh atau bambu adalah antara yang paling popular di Sabah Menurut (Dayang Rosidah Awang Tinggal dan Mustafa Alba Ibrahim (2005,). Kraf tangan daripada bahan buluh ini terdapat hampir di semua daerah Sabah. Kegunaan buluh ini sangat meluas untuk kegunaan lain juga seperti untuk membuat rumah, rakit, perangkap binatang, peralatan muzik dan sebagainya. Namun begitu, penghasilan seni kraf tangan daripada bahan bambu ini berbeza antara satu etnik dengan etnik yang lain. Ia juga berbeza mengikut daerah dari segi motif dan rekaannya. Antara produk yang dihasilkan menggunakan bahan dari bambu adalah seperti takinan, kapa, bobotan, seraung (topi), tikar dan nyiru. Barangan kraf tangan tersebut dihasilkan untuk tujuan kegunaan harian di ladang dan juga rumah. Antara etnik yang sering menghasilkan kraf tangan tersebut adalah etnik Dusun, Murut, Brunei, Kedayan dan Lundayeh.

## **CABARAN PENGUKUHAN BUDAYA PELBAGAI ETNIK DI SABAH**

Masyarakat pelbagai etnik di Sabah mempunyai warisan budaya tinggalan nenek moyang yang sebahagian besarnya masih lagi diwarisi sehingga ke hari ini. Walau bagaimanapun, generasi muda kini sudah tidak ramai yang mewarisi amalan budaya tradisi etnik masing-masing kerana kurangnya usaha usaha untuk merakam, mendokumentasikan, mengkaji dan mempopularkan amalan-amalan budaya tersebut. Keadaan ini menyebabkan setiap etnik di Sabah akan berhadapan dengan risiko kepupusan identiti. Sebagai contohnya, Presiden Persatuan Lotud Bersatu Sabah (USLA), Datuk Raymond Tombung, menegaskan keperluan untuk merakam warisan budaya orang asal Sabah adalah penting memandangkan pengamalannya semakin kurang. Sebagai contohnya adalah amalan mantera tradisional dalam kalangan bobohizan (bomoh) atau disebut sebagai tantagas dalam bahasa Lotud yang diancam kepupusan. Beliau berkata:

"Jumlah tantagas yang masih hidup semakin sikit, jadi kita perlu mengusahakan untuk mendokumentasikan tradisi itu termasuk mantera yang diamalkan. Hal ini penting kerana itulah sebagai landskap kehidupan peribumi di Sabah ini. Jika tiada penyelidikan dan dokumentasi dibuat, warisan budaya itu akan hilang begitu saja apabila pengamalannya meninggal dunia" (*BHonline*, Identiti budaya etnik Borneo diancam kepupusan, 8 Januari 2024).

Walaupun bagaimanapun, usaha penyelidikan dan dokumentasi pelbagai amalan budaya etnik di Sabah ini sudah tentu akan memerlukan kos pembiayaan atau sumber kewangan yang besar. Oleh itu, pihak kerajaan perlu memainkan peranan menerusi pemberian dana kewangan kepada

pengkaji, pertubuhan mahupun institusi yang berjuang dalam memelihara atau mempertahankan budaya warisan ini supaya terus diamalkan oleh generasi muda. Dalam hal ini, penglibatan pihak kerajaan adalah penting dalam memastikan segala usaha untuk menghalang kepupusan warisan budaya ini berjaya dilaksanakan.

Budaya setiap etnik di Sabah telah wujud sejak dahulu namun seiring dengan peredaran masa, wujud cabaran terhadap pengukuhan budaya etnik. Era kemodenan yang memperlihatkan perkembangan sains dan teknologi telah memberi impak terhadap amalan budaya masyarakat Sabah. Terdapat banyak amalan budaya yang sudah tidak menjadi amalan pada hari ini. Sebagai contohnya perubahan masa telah membawa perubahan kepada kelompok etnik Bajau yang kebanyakan mereka telah meninggalkan perahu dan mula mendiami daratan yang menyebabkan budaya hidup berperahu akan lenyap daripada seluruh kelompok etnik bajau (Saidatul Nornis Hj. Mahali, 2011).

Sebagai sebuah masyarakat yang kaya dengan khazanah budaya yang diwarisi dan melalui proses transformasi daripada masyarakat yang mengamalkan kepercayaan animisme kepada ajaran agama Islam atau agama lain sudah tentu terdapat pertembungan. Perkara ini merupakan satu cabaran yang perlu dihadapi dengan bijaksana kerana jika tidak ia boleh menyebabkan konflik berlaku. Penyesuaian antara amalan budaya dan agama berlaku secara perlahan-lahan yang bermakna bahawa sedikit demi sedikit amalan budaya yang bertentangan dengan ajaran agama ditinggalkan ataupun diubahsuai supaya dapat terus diamalkan secara berterusan. Sebagai contohnya, perubahan zaman dan pengaruh ajaran agama Islam telah mempengaruhi perubahan dalam pelaksanaan pelbagai adat perkahwinan tradisi etnik Bisaya. Generasi muda Bisaya yang melangsungkan perkahwinan tidak begitu terikat dengan adat-adat yang memerlukan masa dan membazir, misalnya adat kawin modop dan tempoh majlis perkahwinan yang berlangsung selama lima hari. Dari segi pakaian juga telah diubah suai mengikut keperluan pemakai misalnya, bagi pengantin wanita yang memakai tudung ketika bersanding mereka boleh memakai tudung disamping pemakaian pisanggul (perhiasan kepala) (Siti Aidah Lukin@Lokin. 2011). Bagi masyarakat Lundayeh pula, sejak memeluk agama Kristian mereka masih meneruskan beberapa unsur budaya tradisi mereka yang bersesuaian dengan corak kehidupan masyarakat moden (Bilcher Bala, Jane Wong Kon Ling dan Baszley Bee Basrah Bee, 2007). Walaupun pada hari ini generasi etnik di Sabah sudah memeluk agama Islam atau Kristian tetapi warisan budaya tradisi berhak untuk diketahui supaya tidak pupus ditelan zaman.

## **KESIMPULAN**

Budaya adalah bahagian penting yang sudah berakar kukuh dalam kehidupan masyarakat pelbagai etnik di Sabah. Kepelbagaian budaya bukan saja menjadi keunikan bagi masyarakat dinegeri tersebut tetapi juga menjadi lambang identiti etnik mereka. Meskipun masa beredar dan kini telah moden tetapi budaya etnik perlu dipertahankan supaya negara tidak kehilangan warisan budaya tidak ternilai harganya. Budaya tidak seharusnya menjadi hanya satu tarikan dan untuk pameran kepada para pelancong tetapi menjadi satu kebanggaan yang menjadi amalkan berterusan dan lambang jati diri pelbagai etnik di Sabah.

## RUJUKAN

- Appell. G.N. (ed.), 1968. A Survey of the Social and Medical Anthropology of Sabah: Retrospect and Prospect, *Behaviour Science Notes*. 3(1).
- Bilcher Bala, Jane Wong Kon Ling dan Baszley Bee Basrah Bee. (2007). “Perubahan Sosiobudaya Masyarakat Lundayeh”, dalam Saidatul Nornis Hj. Mahali, Mohd Sarim Hj. Mustajab dan Suraya Sintang, *Pluraliti Etnik dan Budaya di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- BHonline, ‘Identiti Budaya Etnik Borneo Diancam Kepupusan, 8 Januari 2024.
- Dayang Rosidah Awang Tinggal dan Mustafa Alba Ibrahim. (2005). ‘Motif Etnik Sabah: Satu Persepsi Visual Pada Permukaan Kraf’, dalam Ismail Haji Ibrahim dan Jane Wong Kon Ling (Editor), *Warisan Etnik di Sabah*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Gibon, Anthony. (1988). *Tambunan Their People, Their Culture and Customarily Laws*. Penampang: Kadazan Cultural Association.
- <https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/senibudaya/detail/717/pengenalan>. *Upacara Adat Sogit Kaum Dusun*. Tarikh akses 7 Ogos 2024.
- Ismail Yusoff. (1997). *Politik Dan Agama di Sabah*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Ibrahim. (2007). ‘Murut: Menyusuri Budaya dan Kewujudan Masyarakat Awal Di Sabah’ dalam Saidatul Nornis Hj. Mahali, Mo Sarim Hj. Mustajab dan Suraya Hj. Sintang. *Pluraliti Etnik dan Budaya di Sabah*. Kota Kinabalu, Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Mat Zin Mat Kib. (2005). ‘Kumpulan Etnik di Sabah: Sejarah dan Perkembangan’, dalam Ismail Haji Ibrahim dan Jane Wong Kon Ling (editor), *Warisan Seni Etnik Sabah*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Mat Zin Mat Kib. (2016). ‘Kumpulan Etnik Dusun dan Kadazan di Sabah Daripada Perspektif Banci Penduduk: Satu Tinjauan Awal’ dalam Mat Zin Mat Kib, Christina Andin dan Ismail Ali (penyunting), *Pluralisme: Etnisiti Sabah dan Sarawak*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Sabihah Osman. (2007). *Toleransi Etnik dan Perpaduan Sosial, Laporan Akhir Penyelidikan IRPA*. Universiti Malaysia Sabah.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2011). “Perbauran Budaya dan Agama Dalam Aadat Perkahwinan dan Kematian Bajau Kota Belud: Akomodasi dan Asimilasi Antara Tradisi Suku-suku Etnik di Sabah”, dalam Saidatul Nornis Hj. Mahali dan Budi Anto Mohd. Tamring. *Pluraliti Dalam Kearifan Lokal di Sabah*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Sharifah Darmia Sharif Adam, Saifulazry Mokhtar, Syamsul Azizul Marinsah dan Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin. “Kepentingan Budaya dan Adat dalam Penghasilan Kraf Tangan di Sabah”. Volume 7 Issue 30 (December 2022). *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management (JTHERM)*. Global Academic Excellence.
- Shahrudin Mohd. Nor. (2005). ‘Seni Kraf Warisan Etnik Sabah: Cabaran dan Masa Hadapan’, dalam Ismail Haji Ibrahim dan Jane Wong Kon Ling (Editor), *Warisan Etnik di Sabah*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Siti Aidah Lukin@Lokin. (2011). dalam Saidatul Nornis Hj. Mahali dan Budi Anto Mohd. Tamring. *Pluraliti Dalam Kearifan Lokal di Sabah*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Siti Aidah Lukin@Lokin. (2012). “Bisaya” dalam Kntayya Mariappan dan Paul Porodong (Penyunting). *Murut dan Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*. Kuala Lumpur: Institut

- Terjemahan & Buku Malaysia, Universiti Malaysia Sabah.
- Suraya Sintang. (2011). “Keharmonian Hidup Bersama Dalam Keplbagaian Agama di Sabah”, dalam Saidatul Nornis Hj. Mahali dan Budi Anto Mohd. Tamring. *Pluraliti Dalam Kearifan Lokal di Sabah*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Veronica Petrus Atin. (2011). “Adat Kematian Masyaakat Dusun: Peranan Kearifan Tempatan Dalam Menangani Pertembungan Budaya dan Agama” dalam Saidatul Nornis Hj. Mahali dan Budi Anto Mohd. Tamring. *Pluraliti Dalam Kearifan Lokal di Sabah*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Zuhairini, Dra. DKK. 2004. *Sejarah Kebudayaan Islam*. Jakarta: Bumi Aksara.

## PANDANGAN MUHAMAD UTHMAN EL-MUHAMMADY MENGENAI PLURALISME AGAMA

Earnie Elmie Hilmi<sup>1</sup>, Kamarudin Salleh<sup>2</sup>, Nur Farhana Ab Rahman<sup>3</sup>

<sup>1</sup>*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa,  
Universiti Malaysia Sabah  
earnie@ums.edu.my*

<sup>2</sup>*Pusat Kajian Usuluddin dan falsafah,  
Fakulti Pengajian Islam, Universiti  
Kebangsaan Malaysia dins@ukm.edu.my*

<sup>3</sup>*Pusat Kajian Usuluddin dan falsafah,  
Fakulti Pengajian Islam, Universiti  
Kebangsaan Malaysia  
nfarhana@ukm.edu.my*

### ABSTRAK

Pluralisme agama menjadi isu kontroversi dalam masyarakat Malaysia sejak dulu hingga kini. Terdapat pelbagai sarjana memberikan definisi konsep pluralisme. Terdapat golongan yang menerima, golongan pertengahan dan golongan yang menolak. Muhammad Uthman el-Muhammady tergolong dalam golongan pertengahan yang menerima pluralisme dalam maksud kepelbagaian agama dan menolak pluralisme dalam maksud kebenaran semua agama sama. Kajian ini mengkaji pemikiran Muhamamd Uthman el-Muhammady terhadap pluralisme agama. Kualitatif yang menggunakan analisis kandungan diaplikasikan dalam kajian ini. Semua sumber penulisan Muhammad Uthman el-Muhammady yang berkaitan dengan pluralisme agama dianalisis. Hasil kajian menunjukkan Muhammad Uthman el-Muhammady menerima konsep pluralisme dalam maksud kepelbagaian agama berdasarkan surah *al-Hujurat* ayat 13 dan menolak konsep pluralisme dalam maksud kebenaran semua agama sama berdasarkan *Surah Al-Isra* ayat 81, *Surah Al-Ahzab* ayat 40 dan *Surah Al-Baqarah* Ayat 143.

**Kata kunci:** Pluralisme; pluralisme agama;kepelbagaian agama;kebenaran semua agama sama

### 1. PENGENALAN

Muhammad Uthman el-Muhammady<sup>38</sup> merupakan tokoh akademik kelahiran negeri Kelantan yang dilahirkan pada Februari 1943. Ustaz Uthman merupakan individu yang tegar memperjuangkan ahli Sunnah wal Jamaah. Lantang menyuarakan pendapatnya dalam setiap isu yang muncul dalam masyarakat Malaysia yang bertentangan dengan aliran ahli Sunnah wal Jamaah seperti isu syiah, liberalisme, pluralisme agama dan sebagainya. Pluralisme merupakan satu aliran yang merujuk kepada kepelbagaian kaum, bangsa, agama dan kepercayaan yang wujud dalam sesebuah negara. Apabila pluralisme digabungkan dengan agama dan membawa maksud

---

<sup>38</sup> Penulisan seterusnya akan disebut sebagai Ustaz Uthman

kebenaran semua agama sama menyebabkan ramai yang menentang pluralisme agama. dan isu ini menjadi kontroversi. Terdapat golongan yang menerima konsep pluralisme agama, menolak dan menjadi golongan pertengahan.

Golongan yang menerima konsep pluralisme agama kerana berdasarkan kepada maksud pluralisme itu sendiri. Jadi apabila digabungkan dengan agama (pluralisme agama), golongan ini menerima maksud pluralisme agama dalam maksud kepelbagaian agama, toleransi agama, dialog antara agama dan kebebasan beragama. Golongan yang menolak pluralisme agama kerana bila digabungkan pluralisme dan agama yang membawa maksud agama adalah sama dan menuju Tuhan yang sama. Manakala golongan pertengahan ialah golongan yang menerima maksud pluralisme dalam maksud kepelbagaian agama tetapi menolak pluralisme agama yang membawa maksud agama adalah sama dan menuju Tuhan yang sama. Ustaz Uthman merupakan salah seorang daripada individu yang berada dalam golongan pertengahan yang mana menerima pluralisme dalam makna kepelbagaian agama dan menolak pluralisme (apabila digabungkan dengan agama) dalam maksud kebenaran semua agama sama. Kajian ini akan menjelaskan pandangan ustaz Uthman mengenai pluralisme agama.

## **2. METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan analisis kandungan. Karya-karya ustaz Uthman berkaitan dengan pluralisme agama akan dianalisis untuk mengeluarkan pemikiran ustaz Uthman terhadap pluralisme agama. Bahan rujukan utama yang digunakan ialah bab dalam buku *Pluralisme agama: satu gerakan iblis memurtadkan Ummah* (2012) iaitu 'Beberapa isu dalam pluralisme agama-Satu pengamatan ringkas', 'Pluralisme agama: Beberapa persoalan dilihat dari pandangan arus perdana', 'Memeriksa semula pandangan Hashim Kamali tentang Pluralisme agama', 'Bahaya Pluralisme agama kepada umat Islam'. Buku seterusnya yang digunakan ialah risalah *Pemikiran Mohammed Arkoun dalam konteks ahli sunnah wal jamaah: Satu pengamatan awal* (2011) dan *Falsafah agama John Hick: pengamatan dari perspektif ajaran ahli sunnah wal-Jamaah* (2012). Kesemua penulisan ustaz Uthman ini dianalisis untuk mengeluarkan pemikiran beliau mengenai pluralisme agama.

## **3. HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Pluralisme membawa maksud yang pelbagai antaranya ialah kepelbagaian agama/Pluraliti agama (*religious diversity/Religious plurality*), dialog antara agama (*interfaith dialogue*), toleransi antara agama (*religious tolerance*). Istilah pluralisme agama sering diertikan dengan kepelbagaian agama iaitu kepelbagaian kepercayaan, agama dan sebagainya (*Little Oxford English Dictionary 2002; Kamus Dewan 2015*). Pluralisme agama pula terdiri daripada dua perkataan, iaitu pluralisme dan agama, bila digabungkan menjadi pluralisme agama membawa maksud kebenaran agama sama (John Hick 1987). Pluralisme dalam maksud kepelbagaian agama diterima dalam masyarakat, manakala apabila pluralisme digabungkan dengan agama dan membawa maksud kepada kebenaran agama sama, itu yang menjadi pertikaian dalam kalangan masyarakat.

Ustaz Uthman menerima konsep pluralisme dalam maksud kepelbagaian agama seperti Mujahid (2014) dan Mohd Asri (2014) dan menolak pluralisme agama dalam maksud kebenaran semua agama sama benar atau menerima keabsahan (kebenaran) agama lain (*accepting other*



*religions' validity*). Untuk penjelasan, penerimaan dan penolakan ustaz Uthman akan diperincikan seperti berikut:

### 3.1. Penerimaan konsep pluralisme

Penerimaan konsep pluralisme ustaz Uthman berdasarkan kepada surah *al-Hujurat* ayat 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

Maksudnya: Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).

Ustaz Uthman (2012) menerima pluralisme dalam maksud kepelbagaian agama iaitu kewujudan pelbagai bangsa, budaya dan agama dalam sesebuah negara serta menggalakkan interaksi antara penganut-penganut agama dan menghormati perbezaan. Penerimaan ini berdasarkan kepada maksud ayat surah *al-Hujurat* ayat 13 ini. Pluralisme dalam maksud sedemikian merujuk kepada keadaan masyarakat majmuk di Malaysia yang terdiri daripada pelbagai agama, bangsa, etnik dan suku. Masyarakat yang majmuk ini juga menerima Islam sebagai agama persekutuan dan agama-agama lain bebas diamalkan dengan aman di mana-mana tempat dalam Persekutuan sebagaimana tertakluk di dalam perlembagaan iaitu Artikel 11 (1) (Uthman 2005). Agama Islam juga menganjurkan hidup harmoni dalam masyarakat dan menerima baik agama lain asalkan kedaulatan agama Islam terjaga. Pluralisme dalam maksud sebegini menggalakkan interaksi penganut-penganut agama dan menghormati perbezaan satu sama lain.

### 3.2. Penolakan konsep pluralisme agama

Ustaz Uthman menolak pluralisme agama dalam maksud kebenaran semua agama sama berdasarkan kepada Surah *Al-Isra* ayat 81, Surah *Al-Ahzab* ayat 40 dan Surah *Al-Baqarah* Ayat 143.

- i. Surah *Al-Isra* ayat 81

وَقُلْ جَاءَ الْحَقُّ وَرَهَقَ الْبُطْلُ ۗ إِنَّ الْبُطْلَ كَانَ زَهُوقًا

Maksudnya:

Dan katakanlah: ‘Telah datang kebenaran (Islam), dan hilang lenyaplah perkara yang salah (kufur dan syirik); sesungguhnya yang salah itu sememangnya satu perkara yang tetap lenyap.

ii. Surah *al-Ahzab* ayat 40:

مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَٰكِن رَّسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ ۗ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا

Maksudnya:

Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi ia adalah Rasul Allah dan kesudahan segala Nabi-nabi. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

iii. Surah *al-Baqarah* ayat 143:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ۗ وَمَا جَعَلْنَا الْقِبْلَةَ الَّتِي كُنْتَ عَلَيْهَا إِلَّا لِنَعْلَمَ مَن يَتَّبِعَ الرَّسُولَ مِمَّنْ يَنْقَلِبُ عَلَىٰ عَقِبَيْهِ ۗ وَإِن كَانَتْ لَكَبِيرَةً إِلَّا عَلَى الَّذِينَ هَدَى اللَّهُ ۗ وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِلَّ عِبَادَهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ بِالنَّاسِ لَرَءُوفٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya:

Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (Wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah), dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu. (Sebenarnya kiblat kamu ialah Ka’bah) dan tiadalah kami jadikan kiblat yang engkau mengadapnya dahulu itu (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi ujian bagi melahirkan pengetahuan Kami tentang siapakah yang benar-benar mengikut Rasul serta membenarkannya dan siapa pula yang berpaling tadah (berbalik kepada kekufurannya).

Ustaz Uthman menolak pluralisme agama dalam maksud kebenaran sama dan bersifat relatif. Kebenaran sama membawa maksud fahaman yang menyatakan bahawa semua agama sama, sama-sama membawa kepada syurga. Bagi ustaz Uthman (2012), kenyataan ini salah kerana bukan pendirian al-Qur’an dan merupakan kenyataan yang bersifat peribadi. Berdasarkan ayat dalam *Al-Isra* ayat 81, Surah *Al-Ahzab* ayat 40 dan Surah *Al-Baqarah* Ayat 143 jelas menunjukkan agama Islam ialah agama yang benar dan kebenaran agama lain tertolak secara langsung.

Untuk menangani pluralisme agama ustaz Uthman telah menggariskan beberapa panduan, antaranya ialah berpegang teguh kepada akidah ahli Sunnah wal Jamaah, menyakini bahawa agama Islam ialah agama yang benar, pendedahan penyelewengan perlu diwar-warkan kepada masyarakat, berdakwah kepada masyarakat, ulama dan cendekiawan perlu bekerjasama dalam menangani isu-isu penyelewengan akidah Islam serta memperkukuhkan badan-badan agama, NGO dan sebagainya.

#### 4. KESIMPULAN

Kesimpulannya, ustaz Uthman menerima pluralisme dalam maksud kepelbagaian agama berdasarkan kepada pengertian dalam surah *al-Hujurat* ayat 13 yang menunjukkan bahawa ciptaan Allah datang dalam pelbagai bangsa, suku dan sebagainya. Ustaz Uthman menolak pluralisme agama dalam maksud kebenaran semua agama sama benar dan bersifat relatif berdasarkan kepada Surah *Al-Isra* ayat 81, Surah *Al-Ahzab* ayat 40 dan Surah *Al-Baqarah* Ayat 143. Ustaz Penolakan ustaz Uthman kerana pluralisme agama memberikan cabaran-cabaran kepada akidah, syariat, akhlak dan keselamatan negara. Ustaz Uthman menyatakan bahawa, untuk mengelakkan perkara-perkara yang menjatuhkan akidah seperti aliran pluralisme agama ini, masyarakat Islam seharusnya menjadikan akidah ahli Sunnah wal Jamaah sebagai panduan dalam hidup kerana akidah ini berlandaskan kepada ajaran al-Qur'an, hadis dan ijma' ulama. Penerimaan dan penolakan ustaz Uthman berdasarkan kepada ayat-ayat al-Qur'an yang telah dinyatakan.

#### RUJUKAN

Al-Qur'an.

*Kamus Dewan*. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Asri Zainul Abidin. (2014). Pluralisme agama. <https://www.facebook.com/DrMAZA/posts/10152893486567990>.

Muhammad Uthman el-Muhammady. (2005). Ketua Negara Islam: Tugas-tugas dan peranan. Malaysia sebagai sebuah Negara Islam, hlm.115-125. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Muhammad Uthman el-Muhammady. (2011). *Risalah Pemikiran Mohammed Arkoun dalam konteks ahli sunnah wal jamaah: Satu pengamatan awal*. Sekretariat Menangani Isu-Isu Akidah dan Syariah, Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Muhammad Uthman el-Muhammady. (2012). Beberapa isu dalam pluralisme agama-Satu pengamatan ringkas. *Pluralisme agama: satu gerakan iblis memurtadkan Ummah*, hlm 119-138. Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia.

Muhammad Uthman el-Muhammady. (2012). Memeriksa semula pandangan Hashim Kamali tentang Pluralisme agama. *Pluralisme agama: satu gerakan iblis memurtadkan Ummah*, hlm 158-168. Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia.

Muhammad Uthman el-Muhammady. (2012). Bahaya Pluralisme agama kepada umat Islam. *Pluralisme agama: satu gerakan iblis memurtadkan Ummah*, hlm 168-185. Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia.

Muhammad Uthman el-Muhammady. (2012). *Falsafah agama John Hick: pengamatan dari perspektif ajaran ahli sunnah wal-Jamaah*. Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia.

Muhammad Uthman el-Muhammady. (2012). Pluralisme agama: Beberapa persoalan dilihat dari pandangan arus perdana. *Pluralisme agama: satu gerakan iblis memurtadkan Ummah*, hlm 139-157. Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia.

Mujahid Yusof Rawa. (2014). Islam dan Pluralisme. [Http://www.sinarharian.com.my/karya/pendapat/islam-dan-pluralisme-1.331115](http://www.sinarharian.com.my/karya/pendapat/islam-dan-pluralisme-1.331115).

## PENYEBARAN BUDAYA BERFIKIR DALAM HIKAYAT SELINDANG DELIMA

*Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan<sup>1</sup>*  
*Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan*  
[sitinurulsuhadahadnan@gmail.com](mailto:sitinurulsuhadahadnan@gmail.com)

*Mohd Firdaus Che Yaacob<sup>2</sup>*  
*Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan*  
[firdaus.cy@umk.edu.my](mailto:firdaus.cy@umk.edu.my)

### ABSTRAK

Naratif lisan merupakan satu medium yang digunakan oleh masyarakat Melayu bagi menyampaikan nasihat dalam bentuk hiburan. Masyarakat Melayu lampau berupaya untuk menegur kesilapan anggota masyarakatnya tanpa perlu mengaibkan mereka. Walau bagaimanapun, naratif lisan kini kurang disampaikan kepada masyarakat tempatan kerana dianggap sekadar hiburan masa lampau yang tidak seiring dengan peredaran masa. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menganalisis penyebaran budaya berfikir dalam *Hikayat Selindang Delima*. Selain itu, kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif iaitu berpaksikan kaedah kepustakaan dan analisis teks bagi memperoleh data yang fleksibel. Kajian ini turut menggunakan teori pengkaedahan Melayu iaitu menerusi pendekatan kemasyarakatan sebagai deduktif kajian. Hasil kajian ini mendapati terdapat bentuk-bentuk penyebaran budaya berfikir yang dijadikan medium pendidikan kepada kanak-kanak dan remaja.

**Kata Kunci:** Budaya, Berfikir, Naratif Lisan, Pendidikan, Kemasyarakatan

### 1. PENGENALAN

Naratif lisan merupakan alat komunikasi masyarakat zaman dahulu untuk membentuk perwatakan baik dalam kalangan kanak-kanak. Naratif lisan dilihat sebagai karya terlung masyarakat lampau dalam mendidik perwatakan anak-anak muda (Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan et,al., 2020). Naratif lisan ini disebarkan secara lisan iaitu daripada mulut ke mulut anggota masyarakat setempat. Oleh itu, naratif lisan ini akan mengalami perubahan bentuk mengikut cara penyampaian seseorang individu kepada anggota masyarakatnya. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob et, al. (2024) menyifatkan naratif lisan sebagai penyebaran cerita tradisional secara lisan yang berpindah dari satu generasi ke generasi lain. Setiap naratif lisan yang disampaikan memiliki amanat agar anggota masyarakat menjalani hidup yang sejahtera. Menurut Zuraini Jusoh et,al. (2013) naratif lisan menampilkan bentuk-bentuk pengajaran yang mampu mendidik pemikiran rasional dalam kalangan masyarakat. Pemikiran rasional ini membawa masyarakatnya untuk saling menjaga keharmonian dengan berpegang kepada prinsip atau peradaban nenek moyang.

Manakala, budaya didefinisikan sebagai satu bentuk kesinambungan yang berhubungkait dengan peradaban masyarakat lampau. Budaya diklasifikasikan sebagai satu bentuk kesenian yang diciptakan oleh masyarakat lampau bagi mengenengahkan identiti serta jati diri mereka (Mohd Faiz Mohd Yaakob et,al., 2016). Setiap kebudayaan yang ditampilkan meliputi bentuk kefahaman yang mampu dicapai oleh sesebuah masyarakat. Kesenian tersebut didorong dengan ilmu pengetahuan komuniti tentang adat serta pantang-larang nenek moyang mereka. Kenyataan ini disokong oleh Mohamad Maulana Magiman et,al. (2021) budaya meliputi gabungan ilmu pengetahuan dengan kesenian sehingga mendorong wujudnya keterampilan dalam mempersembahkan adat budaya tempatan. Oleh itu, setiap konsep budaya yang ditampilkan perlu diterima dan dipersetujui oleh semua pihak dalam komuniti. Hal ini kerana budaya yang dipersembahkan akan menjadi identiti dan meningkatkan struktur tamadun masyarakat yang terlibat.

Konsep berfikir merupakan penggunaan akal fikiran yang waras daripada seorang individu atau sekelompok komuniti. Gaya berfikir akan mempengaruhi tindakan serta situasi kepada individu atau komuniti tersebut (Megat Ayop Megat Arifin et,al., 2016). Gaya berfikir yang baik melibatkan pemikiran rasional serta mampu membezakan perkara yang baik atau tidak. Secara tidak langsung, individu itu mampu menyelesaikan permasalahan secara saksama dan adil. Penyataan ini disokong oleh Yasmin Ahmad et,al. (2015) yang menegaskan konsep berfikir ialah individu yang mampu membuat pertimbangan secara wajar sebelum membuat keputusan. Hal ini didorong ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh individu terbabit. Tanpa ilmu pengetahuan, seseorang individu akan memiliki potensi membuat kesilapan dalam setiap keputusannya.

## 2. SOROTAN KAJIAN LEPAS

Pada bahagian sorotan kajian lepas, pengkaji telah meneliti beberapa kajian lepas yang mengkaji tentang naratif lisan di Malaysia. Antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Nur Samsiah Mazlan, et,al. (2021) mengenai *Citra Masyarakat dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu*. Naratif lisan ialah sebuah karya yang dimiliki oleh masyarakat yang bertujuan mendidik keperibadian kanak-kanak. Namun, naratif lisan ini telah mengalami perubahan daripada aspek penyampaiannya iaitu daripada lisan kepada bentuk teks. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan membincangkan citra masyarakat dalam naratif lisan. Kajian ini membataskan untuk meneliti aspek citra menerusi teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Hasilnya, kajian ini mendapati citra masyarakat dalam naratif lisan mampu membentuk adat serta kebudayaan Melayu agar lebih unggul.

Seterusnya, Kajian Yang Bertajuk *Unsur Kebudayaan Dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* Oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan et,al. (2022). Naratif Lisan Merupakan Hasil Kebudayaan Yang Disampaikan Secara Lisan Daripada Nenek Moyang Kepada Anak-Anak Muda. Setiap Naratif Lisan Mengandungi Inti Pati Serta Kesinambungan Yang Mampu Mendidik Perwatakan Anak-Anak Muda. Namun, Peredaran Masa Membuatkan Naratif Lisan Kurang Disampaikan Kepada Anak-Anak Muda. Hal Ini Kerana Anak-Anak Muda Terdedah Dengan Penggunaan Gajet Yang Semakin Merunsingkan Hingga Masalah Sosial Turut Berleluasa. Oleh Itu, Kajian Ini Dilakukan Bagi Menenal Pasti Dan Membincangkan Unsur Kebudayaan Dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Kajian Ini Membataskan

Sembilan Buah Cerita Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan Di Sungai Pengkalan Datu, Kelantan Seperti *Tok Karim Guru Silat Masyhur, Berpuakakah Pengkalan Parit, Kemasyhuran Pantai Pengkalan Datu, Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Bisu, Pendaratan Jepun Di Kelantan, Pemujaan Tok Mekong, Pertahanan Benting Pasir, Pemujaan Pantai Dan Simbolik Rebana*. Kajian Ini Menggunakan Kaedah Kepustakaan Dan Analisis Teks Bagi Memperkukuhkan Data. Hasilnya, Kajian Ini Mendapati Unsur Kebudayaan Dalam Naratif Lisan Mampu Memperkukuhkan Struktur Organisasi Komuniti Ke Arah Yang Bertamadun Dan Disegani.

Menurut Mohd Firdaus Che Yaacob et.al. (2023) dalam kajian yang bertajuk *Dialek Kelantan, Nilai Murni dan Akal Budi dalam Naratif Lisan Terpilih di Seluruh Jajahan Kelantan*. Naratif lisan adalah sebuah karya yang disebarikan melalui gaya pertuturan dalam masyarakat. Naratif lisan ini memiliki keupayaan untuk menyampaikan amanat serta pengajaran berguna kepada masyarakat. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis dialek, nilai murni dan akal budi menerusi naratif lisan di Kelantan. Kajian ini membataskan 29 buah naratif lisan yang ditemui di Kelantan. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan temu bual bagi memperincikan analisis data. Dapatan kajian mendapati naratif lisan mampu dijadikan alat kawalan sosial yang mampu membaiki akhlak masyarakat dari semasa ke semasa.

Selain itu, kajian yang bertajuk *Pemanfaatan Teks Naratif Lisan Sebagai Sumber Data Analisis Bahasa Sungai* oleh Kartini Abd. Wahab et.al. (2023). Naratif lisan adalah kesusasteraan yang merangkumi kebudayaan, adat serta kepercayaan masyarakat tempatan. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menganalisis manfaat teks naratif lisan sebagai sumber bahasa sungai. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan lapangan bagi mendapatkan sumber yang sahih. Dapatan kajian menemukan bahasa sungai dalam teks naratif lisan mengembangkan gaya linguistik masyarakat setempat sehingga ke Asia Tenggara.

Di samping itu, kajian yang bertajuk *Pengucapan Beradab Penglipur Lara melalui Naratif Lisan Persembahan Awang Batil* oleh Madiawati Mamat@Mustaffa et.al. (2024). Naratif lisan diklasifikasikan sebagai sebuah karya sastera yang menampilkan kebijaksanaan masyarakat Melayu. Hal ini kerana naratif lisan mampu mendidik keperibadian anak-anak dengan kepelbagaian nilai yang bermanfaat. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menganalisis pengucapan beradab penglipur lara melalui naratif lisan. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan lapangan. Hasil dapatannya mendapati naratif lisan yang disampaikan penglipur lara menggunakan bahasa serta kebijaksanaan untuk mempengaruhi pemikiran pendengarnya.

### 3. PENYATAAN MASALAH

Kajian ini mendapati terdapat kelompangan berdasarkan kajian-kajian lepas yang dinyatakan pada bahagian sorotan kajian lepas. Kebanyakan kajian lepas memperjuangkan nilai murni, linguistik dan kebudayaan komuniti sebagai landasan kajian mereka berbanding aspek budaya berfikir. Antara kajian lepas diteliti ialah *Citra Masyarakat dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Nur Samsiah Mazlan et.al. (2021), *Unsur Kebudayaan dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan et.al. (2022), *Dialek Kelantan, Nilai Murni dan Akal Budi dalam Naratif Lisan Terpilih di Seluruh Jajahan Kelantan* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob et.al. (2023), *Pemanfaatan Teks Naratif Lisan Sebagai Sumber Data Analisis Bahasa Sungai* oleh Kartini Abd. Wahab et.al. (2023) dan

*Pengucapan Beradab Penglipur Lara melalui Naratif Lisan Persembahan Awang Batil* oleh Madiawati Mamat@Mustaffa et.al. (2024).

Oleh hal yang demikian, kajian ini bersesuaian dilaksanakan bagi memperkaya aspek budaya berfikir dalam naratif lisan Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini mampu untuk mengisi kelompangan daripada aspek budaya berfikir yang kurang mendapat perhatian daripada para sarjana terdahulu. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan mengeluarkan beberapa budaya berfikir dalam naratif lisan menggunakan pengaplikasian Teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989). Akibatnya, kajian ini mampu mengembalikan kebudayaan elemen budaya berfikir yang ada dalam masyarakat Melayu menerusi penyampaian naratif lisan kepada generasi muda pada masa kini.

#### **4. BATASAN KAJIAN**

Kajian ini membataskan untuk meneliti aspek budaya berfikir dalam naratif lisan Melayu. Pengkaji menggunakan sebuah teks yang bertajuk *Hikayat Selindang Delima*. Teks ini diterbitkan oleh Jade Green Publications SDN. BHD. Teks ini telah diolah semula oleh Syafik Affendi pada tahun 1998. Selain itu, pengkaji menerapkan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) sebagai deduktif yang mampan. Pengkaji hanya menggunakan satu pendekatan iaitu pendekatan kemasyarakatan dalam teori berkenaan. Pendekatan kemasyarakatan diambil kerana dilihat sangat akrab dengan corak kehidupan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu.

#### **5. METODOLOGI KAJIAN**

Pada bahagian metodologi ini, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif, iaitu berdasarkan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Kaedah kepustakaan adalah bertujuan untuk mencari maklumat mengenai naratif lisan dan budaya berfikir secara lebih jelas. Antara bahan yang digunakan dalam kaedah kepustakaan ini adalah buku-buku, jurnal-jurnal sastera, kertas kerja seminar, tesis sastera para sarjana, kamus, dan sumber internet. Bahan-bahan ini diambil dari Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Dewan, Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Universiti Zainal Abidin, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, Perpustakaan Awam Daerah Hulu Terengganu, Perpustakaan Universiti Malaysia Terengganu serta Perpustakaan Awam Kelantan. Bahan-bahan ini dirujuk untuk tujuan merumuskan ilmu pengetahuan berdasarkan penemuan dalam kajian mengenai naratif lisan.

Selain itu, pengkaji turut menggunakan kaedah analisis teks. Pengkaji menggunakan sebuah buku yang bertajuk *Hikayat Selindang Delima*. Buku ini diterbitkan oleh pada tahun 1998. Buku ini ditulis semula oleh Syafik Affendi. Pengkaji juga telah menerapkan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) menerusi pendekatan kemasyarakatan sebagai deduktif kajian. Setiap data yang ditemui akan diaplikasikan dengan pendekatan kemasyarakatan. Hal ini kerana pendekatan ini meliputi tatacara kehidupan masyarakat Melayu yang mementingkan kesopanan dan berbudi bahasa. Maka, teori ini bersesuaian dengan objektif yang telah dikemukakan dalam kajian ini.



## 6. TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU

Teori pengkaedahan Melayu telah dipilih bagi menganalisis data yang telah dikemukakan dalam kajian ini. Teori pengkaedahan Melayu ini telah dikemukakan oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Menurut Hashim Awang (2002) teori ini memperlihatkan kehidupan lampau masyarakat Melayu yang mementingkan kesopanan serta budi pekerti. Kedua aspek ini menampilkan keunggulan masyarakat Melayu yang penuh dengan adat serta kebudayaan. Ini menjadi keagungan tamadun Melayu dalam menampilkan komuniti mereka. Oleh itu, setiap kepercayaan dan ilmu pengetahuan digabungkan bagi memperlihatkan idea kreatif masyarakat Melayu. Melalui pendekatan kemasyarakatan, Hashim Awang (2002) menegaskan pendekatan ini melibatkan manusia yang berupaya untuk mencapai tahap kesejahteraan dalam komuniti. Maka, manusia akan memenuhi tuntutan tersebut dengan mengukuhkan keimanan dan ketakwaan dalam diri. Hal ini dilakukan bagi memastikan setiap idea sastera itu membawa makna yang besar kepada komuniti. Idea ini dianggap sebagai satu perutusan besar daripada Allah SWT kepada manusia (Hashim Awang, 2002). Oleh itu, manusia yang bijaksana akan meletakkan hasil sastera mereka menggunakan perspektif Islam. Hal ini kerana mereka percaya Islam adalah agama yang benar dan memenuhi tuntutan hidup sebagai khalifah.

## 7. ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Pada bahagian analisis, pengkaji ingin meneliti aspek budaya berfikir dalam sebuah teks yang bertajuk *Hikayat Selindang Delima*. Antara budaya berfikir yang telah dikenal pasti ialah rasional dalam membuat pertimbangan, pemikiran kritis dalam mengatasi masalah serta pemikiran kreatif dan inovatif.

Budaya berfikir merupakan corak pemikiran manusia yang cuba menyelesaikan masalah dengan akal fikiran yang waras (Kartini Abd. Wahab et,al., 2023). Hal ini kerana manusia sering berusaha mencari jawapan yang sah untuk merungkai masalah komuniti. Budaya berfikir ini menuntut manusia untuk mendalami serta memahami terlebih dahulu tentang sesuatu konsep sebelum mengambil sebarang tindakan. Pernyataan ini disokong oleh Madiawati Mamat@Mustaffa et,al. (2024) yang mentakrifkan budaya berfikir ialah keadaan di mana manusia menggunakan minda mereka untuk mencari pemahaman serta tafsiran secara mendalam. Manusia akan berusaha untuk meneroka menghasilkan beberapa idea yang dianggap mampan dan bersesuaian dengan situasi yang dihadapi. Oleh itu, manusia akan berdaya saing mencipta pelbagai bentuk penyelesaian bagi mengatasi masalah yang sedang berlaku.

### 7.1 BUDAYA BERFIKIR MELALUI RASIONAL DALAM MEMBUAT PERTIMBANGAN

Rasional dalam membuat pertimbangan merupakan satu bentuk alasan yang dikemukakan oleh seseorang dengan bukti yang nyata serta sah (Megat Ayop Megat Arifin et,al., 2016). Rasional dalam membuat pertimbangan meliputi keadaan di mana seseorang itu mampu mengambil sebarang keputusan setelah pertimbangan yang wajar dilakukan. Hal ini kerana individu itu

percaya tanpa pertimbangan yang wajar, sesebuah organisasi akan musnah tanpa pendirian tetap. Kenyataan ini disokong oleh Mohamad Maulana Magiman et,al. (2021) yang berpendapat rasional dalam membuat pertimbangan ialah keupayaan seseorang dalam memikirkan sesuatu perkara secara wajar dan adil. Hal ini dilakukan bagi menjaga perhubungan dalam sesebuah komuniti. Oleh itu, setiap permasalahan yang berlaku mesti memiliki bukti serta alasan yang kukuh. Sikap rasional dalam membuat pertimbangan mampu diteliti dalam cerita *Hikayat Selindang Delima*. Sikap ini diperincikan seperti petikan di bawah:

#### Petikan 1

Hatta kedua-dua anakanda itu pun dimasukkan di dalam peti seorang dan anakanda baginda yang laki-laki tiada tahu saudara perempuannya atau dimasukkan di dalam peti atau tiada tetapi halnya sudah dimasukkan baginda anak perempuan itu di dalam peti. Hatta baginda dua laki isteri pun fikirkan anakanda yang ditinggalkan itu. Setelah sudah menaruh kedua-dua anakanda itu maka baginda pun diam bersemayam. Hatta baginda pun tengah bersemayam dua laki isteri maka datanglah garuda menyambar baginda dua laki isteri dan hilang lenyap.

(Syafik Affendi, 1998: 3)

Melalui petikan di atas, rasional dalam membuat pertimbangan mampu dilihat pada watak Tuanku Shah Alam dan permaisurinya. Kedua-dua watak ini memperlihatkan pemikiran rasional yang dilakukan bagi menyelamatkan putera dan puteri mereka. Tuanku Shah Alam dan permaisuri telah berikhtiar dengan menyembunyikan anak-anak mereka dalam sebuah peti. Malangnya, kedua-dua anak tersebut tidak mengetahui keberadaan masing-masing kerana anak perempuannya telah disorokkan dalam peti terlebih dahulu. Keadaan ini berlaku kerana negeri Tuanku Shah Alam telah diserang oleh garuda. Ramai rakyat jelata telah dibunuh oleh garuda tersebut. Tindakan Tuanku Shah Alam dan permaisuri dilakukan kerana mereka menginginkan anak-anak mereka selamat dan tahta negeri mampu dibangunkan semula.

Perbuatan rasional dalam membuat pertimbangan mampu dilihat lagi dalam cerita *Hikayat Selindang Delima*. Perbuatan ini dijelaskan seperti mana dalam petikan di bawah:

#### Petikan 2

Setelah hari hampir petang maka Bang Sagara pun berjalan pulang dengan seorang dirinya ke dalam istana. Maka dilihatnya hidangan pun sudah hadir dengan makanan sekalian nikmat pun teraturlah. Maka ia berfikir pula dengan seketika itu jua, “Siapa gerangan menghidangkan aku, entah pun jin entah pun hantu syaitan, siapa tahu berbuat laku kerana syaitan ini banyak boleh membuat lakunya maka dilihatnya kau seorang-orang.” Maka kata Bang Sagara, “Hai syaitan atau jin atau peri, demi Allah melainkan keluarlah engkau dan kerana aku ini duduk seorang diri dengan khatirku.”

(Syafik Affendi, 1998: 7)

Berdasarkan petikan di atas, rasional dalam membuat pertimbangan mampu dilihat pada watak Bang Sagara. Bang Sagara merupakan putera Tuanku Shah Alam. Bang Sagara yang telah kehilangan ayahanda, bonda, saudara perempuan serta sekalian rakyat jelata baru pulang ke istana. Sesampainya, Bang Sagara di istana, tengku makhota itu terkejut apabila mendapati ada makanan yang telah disiapkan. Kejadian itu membuatkan Bang Sagara terkejut lalu memikirkan itu adalah

perbuatan jin atau peri. Bang Sagara bimbang jin atau peri itu ingin mempermainkannya kerana baginda seorang diri. Oleh sebab itu, Bang Sagara meminta jin atau peri menunjukkan rupanya dengan beraninya. Hal ini bagi menunjukkan dirinya tidak takut dengan kehadiran jin atau peri tersebut. Tindakan itu akhirnya menguntungkan dirinya apabila Bang Sagara mengetahui gerangan yang membuat makanan adalah saudara perempuan yang dianggap telah mati dibaham garuda.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan kemasyarakatan oleh Hashim Awang (2002). Pendekatan kemasyarakatan ini mementingkan manusia yang sentiasa menjaga hubungan sejagat demi kesejahteraan. Setiap tindakan watak perlulah memiliki pengetahuan untuk memastikan hubungan sejagat mampu dijaga dengan sebaik mungkin. Menerusi naratif lisan ini, pengkaji mampu merumuskan setiap watak ingin menzahirkan setiap kebajikannya kepada anggota komuniti. Walaupun kadang-kala watak naratif sanggup berkorban jiwa demi memastikan setiap anggota komuniti mampu memiliki satu kehidupan yang sempurna.

## **7.2 BUDAYA BERFIKIR MELALUI PEMIKIRAN KRITIS DALAM MENGATASI MASALAH**

Pemikiran kritis dalam mengatasi masalah merupakan tindakan seseorang yang memiliki fikiran tersendiri yang menyebabkannya berpegang teguh kepada prinsip (Mohd Faiz Mohd Yaakob, et.al., 2016). Individu sebegini berupaya menyelesaikan masalah menggunakan pengalaman hidup atau kemahiran yang dimilikinya tanpa melibatkan orang lain. Idea kritis yang diberikan biasanya mampu memberi manfaat besar kepada orang sekeliling. Kenyataan ini disokong oleh Mohd Syaubari Othman et.al. (2018) mentakrifkan pemikiran kritis dalam mengatasi masalah ialah seseorang yang mampu menilai secara mendalam sebelum menyampaikan ideanya kepada orang lain. Hal ini kerana individu itu sedar betapa pentingnya sesuatu idea bagi mengatasi masalah komuniti. Pemikiran kritis ini juga menandakan individu itu bijak dalam mengawal emosi serta perasaan tidak rasional sebelum menyelesaikan masalah secara saksama. Pemikiran kritis dalam mengatasi masalah dilihat dalam *Hikayat Selindang Delima*. Budaya berfikir ini disampaikan secara jelas melalui petikan di bawah:

### **Petikan 3**

Demi didengar oleh Seri Bunian segeralah ia keluar dalam peti lalu keluar serta datang sujud bawah kaki kekandanya serta dengan tangisnya, “Wahai kanda, kita ditinggalkan oleh ayahanda dan bonda sebab negeri dialahkan geroda dan sudahlah untung kita tinggal berdua saudara dan sekarang pun apa bicara kanda.” Maka kata Bang Sagara, “Yang mana kata-kata adinda itulah kekanda ikutkan.” Hatta maka kata Seri Bunian, “Hai kekanda, pergilah kekanda masuk ke dalam kota kita itu, yang mana patut harta kita, kita bawalah barang ke mana kita membawa untung nasib kita. Daripada kita hidup sengsara yang demikian ini baiklah kita mati.”

(Syafik Affendi, 1998: 8)

Petikan di atas memperlihatkan watak Seri Bunian memiliki pemikiran kritis dalam menyelesaikan masalah. Hal ini terjadi kerana negeri kedua-dua beradik ini telah diserang garuda. Tindakan pantas ayahanda dan bonda yang menyembunyikan Seri Bunian dan Bang Sagara dalam peti menyelamatkan nyawa mereka. Namun, negeri Seri Bunian dan Bang Sagara telah musnah angkara garuda. Oleh itu, Seri Bunian memberi cadangan agar mereka berdua keluar dari negeri

tersebut. Seri Bunian meminta Bang Sagara untuk mendapatkan harta yang ada di kota. Tindakan Seri Bunian itu bagi memastikan kehidupan pengembaraan keduanya mampu dijalani dengan baik.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan kemasyarakatan oleh Hashim Awang (2002). Pendekatan ini memperlihatkan manusia yang memiliki keimanan dan ketakwaan terhadap Allah SWT berupaya untuk berusaha mencapai satu kehidupan yang lebih baik. Hal ini kerana pengalaman terdahulu mendidik manusia untuk redha dengan perkara yang terjadi. Malahan, manusia disarankan untuk tidak meratapi takdir tetapi tetap berusaha untuk memiliki kehidupan yang lebih baik. Menerusi naratif lisan di atas, setelah kejadian garuda menyerang negeri, putera dan puteri raja itu tidak meratapi malahan berusaha untuk mengembara di luar negeri. Hal ini kerana keduanya memiliki impian untuk mencapai kehidupan yang lebih baik. Keduanya berusaha untuk menjalani hidup tanpa ibu bapa serta rakyat jelata. Mereka menjalani kehidupan sebagai rakyat jelata agar mampu untuk melupakan setiap kesedihan yang dialami.

### **7.3 BUDAYA BERFIKIR MELALUI PEMIKIRAN KREATIF DAN INOVATIF**

Pemikiran kreatif dan inovatif merupakan kebolehan akal fikiran mencetuskan pembaharuan dalam setiap tindakan (Mohd Firdaus Che Yaacob et,al., 2023). Pemikiran kreatif dan inovatif ini melibatkan tindakan seseorang yang berupaya mengabungkan idea lama dan baharu menjadi satu. Tindakan ini memberi impak serta kebaikan kepada yang menciptanya. Penyataan ini disokong oleh Nur Samsiah Mazlan et,al. (2021) yang mendefinisikan pemikiran kreatif dan inovatif adalah kebolehan seseorang untuk mengembangkan idea baharu demi menyelesaikan masalah. Individu yang memiliki daya kreatif sangat berani untuk mengambil risiko. Setiap risiko diambil sebagai penambahbaikan terhadap hasil cipta yang diinginkan. Pemikiran kreatif dan inovatif ini dilihat dalam tajuk *Hikayat Selindang delima*. Pemikiran kreatif dan inovatif ini diterangkan secara terperinci seperti di bawah:

#### **Petikan 4**

Maka Bang Sagara pun berjalanlah mendapatkan saudaranya, “Ayuhai adinda, sudahlah kekanda pergi melihat perahu sekaliannya suatu pun tiada yang baik dan sekaliannya tembus dikorek tikus dan kumbang. Manakala dibawahnya dimakan oleh kapang dan segala rapatnya habis renggang, suatu yang tidak boleh dipakai, darihal bicara kekanda suatu tiada sampai dengan ikhtiar kekanda.” Maka kata Seri Bunian, “Hai saudaraku, janganlah berhati duka. Syahadan baiklah saudaraku masuk ke hutan menebang kayu akan membuatkan perahu kita akan belayar membawa untung nasib kita dua bersaudara.”

(Syafik Affendi, 1998: 9-10)

Melalui petikan di atas, pemikiran kreatif dan inovatif mampu dilihat pada watak Seri Bunian. Hal ini kerana Seri Bunian mampu memberi idea kreatif kepada saudaranya. Seri Bunian meminta Bang Sagara untuk pergi menebang kayu di hutan. Hal ini dilakukan apabila melihat Bang Sagara pulang dalam keadaan murung. Kemurungan Bang Sagara disebabkan tiada perahu mampu digunakan untuk mereka belayar di lautan. Oleh itu, Seri Bunian meminta agar Bang Sagara membuat perahu sendiri dengan menggunakan kayu di hutan. Idea Seri Bunian diterima oleh Bang Sagara kerana itu jalan terakhir untuk membolehkan mereka keluar dari negeri tersebut.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan kemasyarakatan oleh Hashim Awang (2002). Pendekatan kemasyarakatan ini memperihalkan kehidupan sejahtera mampu diperoleh manusia apabila mereka berupaya mencari jalan penyelesaian mengikut akidah Islam. Agama Islam mementingkan sikap takwa dan percaya pada ketentuan Ilahi. Manusia disarankan untuk bertindak atau mencari ikhtiar mengikut agama supaya setiap tindakan diredhai oleh Allah SWT. Melalui naratif lisan, kedua watak memainkan peranan untuk saling menyokong antara satu sama lain. Hal ini kerana tanpa sokongan, salah satu watak akan mengalami perasaan putus asa yang melampau. Oleh itu, setiap watak bertanggungjawab untuk memastikan kesejahteraan antara satu sama lain diperolehi.

## 8. KESIMPULAN

Secara tuntasnya, kajian ini merumuskan aspek budaya berfikir dalam naratif lisan memberi impak yang mendalam terhadap remaja dan institusi pengajian tinggi. Budaya berfikir yang diterapkan dalam naratif lisan memberi pendedahan kepada remaja untuk sentiasa membuat pertimbangan yang wajar. Hal ini kerana setiap keputusan mempengaruhi corak kehidupan pada masa akan datang. Secara tidak langsung, budaya berfikir ini mampu membina pemikiran intelektual dalam kalangan pelajar universiti. Hal ini mengakibatkan pelajar-pelajar berupaya menyelesaikan permasalahan secara sendiri tanpa melibatkan ibu bapa atau organisasi pendidikan. Oleh sebab itu, aspek budaya berfikir dalam naratif lisan perlu diteliti dan dikaji secara mendalam agar mampu membentuk generasi yang berfikiran cerdas dan saksama.

## RUJUKAN

1. Kartini, A. W., Maslida, Y. (2023). Pemanfaatan Teks Naratif Lisan Sebagai Sumber Data Analisis Bahasa Sungai. *Prosiding Seminar Bahasa, Sastra dan Kebudayaan Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia, 14 Disember.
2. Madiawati, M., Rohaidah, H., Rohayati, J. (2024). Pengucapan Beradab Penglipur Lara melalui Naratif Lisan Persembahan Awang Batil. *Journal Social, Sciences & Humanities*. 32(82), 1-16.
3. Megat, A. M. A., Abd, H. A. (2016). Kepentingan Budaya Integriti dan Etika Kerja dalam Organisasi di Malaysia: Suatu Tinjauan Umum. *Malaysian Journal of Society and Space*. 12(9), 138-149.
4. Mohamad, M. M., Norhuda, S., Karmilah, A., Malisah, L., Dayang, S. A. A., Fakhzan, B. (2021). Kajian Komunikasi Ritual dalam Makan Tahun Masyarakat Kadayan di Sarawak. *ANP Journal of Social Sciences and Humanities*. 2(2), 104-111.
5. Mohd, F. M. Y., Jamal@Nordin, Y., Hamidah, Y. (2016). Model Pengukuran Budaya Sekolah: Kajian di Sekolah Kebangsaan di Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. 3(4), 58-71.

6. Mohd, F. C. Y., Tuan, S. N. S. T. A., Hanisa, H. (2023). *Dialek Kelantan, Nilai Murni dan Akal Budi dalam Naratif Lisan Terpilih di Seluruh Jajahan Kelantan*. Penerbit: UMK Press. Bachok, Kelantan.
7. Mohd, F. C. Y., Tuan, S. N. S. T. A., Tuan, R. R. H. (2024). Warisan Naratif Lisan Terhadap Pembentukan Akhlak Remaja Melalui Amalan Akal Budi. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*. 12(1), 30-39.
8. Mohd, S. O., Ahmad, Y. K. (2018). Kajian Rintis Bagi Pelaksanaan Komposisi Pengajaran Guru Pendidikan Islam Yang Mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Menerusi Pendidikan Akidah Sekolah Rendah di Malaysia. *Malaysian Online Journal of Education*. 2(2), 55-60.
9. Nur, S. M., Mohd, F. C. Y., Nasirin, A. (2021). Citra Masyarakat dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*. 9(2), 93-106.
10. Tuan, S. N. S. T. A., Mohd, F. C. Y. (2020). Akal Budi dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitan Kemasyarakatan. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*. 11(2), 126-140.
11. Tuan, S. N. S. T. A., Mohd, F. C. Y. (2022). Unsur Kebudayaan dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 12(1), 27-37.
12. Yasmin, A., Najeemah, M. Y. (2015). Kompetensi Kepelbagaian Budaya dalam Kalangan Guru Pelbagai Etnik di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. 2(2), 1-13.
13. Zuraini, J., Fadzilah, A. R., Norazlina, M. K., Samsilah, R. (2013). Kajian Kes Aplikasi Naratif dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah. *Journal of Human Capital Development (JHCD)*. 6(1), 87-100.

## REPRESENTASI PARTIKEL WACANA "LAH" DALAM TERJEMAHAN SURAH YASIN DI MALAYSIA

Mohd Sufian Ismail<sup>1</sup>, Anida Sarudin<sup>2</sup>, Shamsudin Abu Bakar<sup>3</sup>, Mubin Mohd Nor<sup>4</sup>, Mohd Fahrur Rozi Ismail<sup>5</sup>, Mohd Faizul Hafiz A. Razak<sup>6</sup>

*<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Ipoh, 31150 Hulu kinta, Perak; sufian@ipgmipoh.edu.my*

*<sup>2</sup>Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris; anida@fbk.upsi.edu.my*

*<sup>3</sup>Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Ipoh, 31150 Hulu kinta, Perak; shamsudin@ipgmipoh.edu.my*

*<sup>4</sup>Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Ipoh, 31150 Hulu kinta, Perak; mubin@ipgmipoh.edu.my*

*<sup>5</sup>Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Ipoh, 31150 Hulu kinta, Perak; fahrur@ipgmipoh.edu.my*

*<sup>6</sup>Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Ipoh, 31150 Hulu kinta, Perak; [faizul@ipgmipoh.edu.my](mailto:faizul@ipgmipoh.edu.my)*

### ABSTRAK

Terjemahan surah Yasin di Malaysia yang mempunyai pelbagai versi dan bentuk cetakan berpotensi untuk dianalisis dari aspek perkataan yang digunakan. Penggunaan partikel wacana "Lah" yang bersifat tidak disengajakan pula membuka dimensi baharu untuk melihat fenomenanya dalam terjemahan Al-Quran. Dalam kajian ini, partikel wacana "Lah" dijadikan indikator untuk mendapatkan representasi penggunaannya dalam terjemahan surah Yasin. Prosedur Analisis ATLAS.ti Bersistematik dipraktikkan pada 18 data terjemahan surah Yasin, iaitu melibatkan enam terjemahan dalam bentuk naskah Al-Quran, enam dalam bentuk digital dan enam dalam bentuk naskah kecil bacaan harian. Analisis ATLAS.ti pula terdiri daripada tiga fasa, iaitu fasa 'Memerhatikan', 'Mengumpulkan' dan 'Memikirkan'. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan partikel wacana "lah" mempunyai frekuensi yang tinggi dalam semua bentuk

terjemahan surah Yasin. Analisis *code-document table* juga menunjukkan bahawa penggunaan partikel wacana “Lah” mempunyai pola yang berpotensi mengkategorikan terjemahan surah Yasin kepada empat bentuk, iaitu terjemahan primer, terjemahan sekunder, terjemahan individu, dan terjemahan asing. Implikasinya, kajian yang menumpukan pada penggunaan entiti bahasa bersifat tidak disengajakan, iaitu partikel wacana “lah” bermotivasi untuk meneroka fenomena baharu pada sesuatu data serta berpotensi untuk dikembangkan. Penggunaan ATLAS.ti juga dapat mengembangkan lagi prosedur sedia ada agar lebih sistematik mengikut kajian semasa.

**Kata kunci:** ATLAS.ti, yasin, terjemahan, lah, partikel wacana

## 1. PENGENALAN

Dalam kajian linguistik, terdapat pelbagai istilah yang digunakan untuk merujuk kepada penggunaan, makna, dan fungsi partikel wacana. Antara terminologi yang digunakan adalah *Discourse Markers*, *Pragmatic Markers*, *Discourse Particle*, *Pragmatic Particle*, *Pragmatic Expression* dan *Pragmatic Connective* (Ismail & Sarudin, 2021). Walau bagaimanapun, istilah "partikel wacana" (*discourse particle*) dianggap lebih sesuai untuk merujuk kepada konsep entiti bahasa yang tidak membawa makna serta bersifat tidak disengajakan dalam penggunaannya (Ismail & Sarudin, 2022a, 2023).


Penggunaan partikel wacana 'lah' menghasilkan pelbagai interpretasi yang mencakupi aspek interpersonal, kognitif, dan struktural. Entiti bahasa ini juga berperanan dalam meluahkan perasaan, pemikiran, dan identiti individu serta digunakan untuk mencerminkan ketidakfasihan berbahasa. Selain itu, “lah” membantu mengelakkan salah faham dan menyampaikan emosi seperti kejengkelan, ketidakpuasan hati, serta sindiran. Di samping memperkukuh hubungan sosial, pengaruh kemelayuan dalam penggunaannya turut menonjolkan sikap penutur terhadap topik tertentu. Unsur bahasa ini juga berfungsi dalam mewujudkan persetujuan, ketidaksetujuan, dan rasa kesal, serta mengelakkan konflik dalam interaksi dengan individu berstatus lebih rendah. Akhirnya, 'lah' digunakan untuk penegasan, memberi arahan, dan mencipta kesepakatan dalam interaksi (Ismail & Sarudin, 2022b)

## 2. METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan perisian *Computer-Aided Qualitative Data Analysis Software* (CAQDAS), iaitu ATLAS.ti 24. Seperti yang dinyatakan oleh Putri et al. (2020), tujuan kajian kualitatif adalah untuk menyediakan penerangan yang komprehensif serta pemahaman yang mendalam mengenai fenomena yang dikaji. Dalam konteks ini, analisis data menggunakan ATLAS.ti telah dijalankan secara sistematik dengan mengaplikasikan Prosedur Analisis ATLAS.ti Bersistematik Ismail et al. (2024) untuk memperoleh perincian pada setiap peringkat. Saldana (2016) mencadangkan bahawa model pengekodan adalah sesuai untuk kajian kualitatif kerana telah ditetapkan dan diuji dalam amalan kajian. Prosedur Analisis ATLAS.ti Bersistematik Ismail et al. (2024) menggariskan tiga komponen utama dalam proses analisis, iaitu komponen 'Memerhatikan' (*noticing things*), 'Mengumpulkan' (*collecting things*), dan 'Memikirkan' (*thinking about things*). Di samping itu, setiap komponen diperincikan lagi dengan tujuh fasa dalam proses analisis, iaitu fasa membiasa diri, fasa penjanaan kod awal, fasa pembinaan kod berstruktur, fasa pencarian tema, fasa semakan tema, fasa takrifan tema, dan akhirnya fasa penulisan laporan. Namun demikian, kajian ini difokuskan pada fasa penjanaan



kod awal bagi melihat representasi penggunaan partikel wacana “Lah” dalam data. Berikut merupakan rajah Prosedur Analisis ATLAS.ti Bersistematik yang diaplikasikan dalam kajian ini.



**Rajah 1.** Prosedur Analisis ATLAS.ti Bersistematik Ismail et al. (2024)

Dalam penyediaan data, penting untuk mempertimbangkan pemilihan dan jumlah data yang diperlukan untuk analisis. Gupta (2017) menegaskan bahawa data yang disediakan mesti dipastikan mempunyai nilai guna yang sesuai untuk proses ekstrak. Di samping memastikan data yang digunakan relevan untuk kajian, jumlah data juga perlu mencukupi untuk pelaksanaan analisis. Hennink et al. (2017) dan Ismail et al. (2022) menyatakan bahawa ketepuan kod dapat dicapai dengan menggunakan sekurang-kurangnya sembilan data. Berkaitan dengan data terjemahan, keperluan jumlah data yang mencukupi merujuk kepada kenyataan Mansor (2019:76) yang menunjukkan bahawa kebanyakan teks terjemahan al-Quran di Malaysia telah dialih bahasa dan diperiksa berasaskan terjemahan yang ada dalam bahasa Indonesia. Hal ini mengakibatkan ketidakserasian dalam penggunaan bahasa, termasuk partikel wacana “Lah” dalam teks terjemahan. Kajian ini menggunakan 18 terjemahan surah Yasin yang berbeza dari segi bentuk penerbitan dan penerbit. Jadual berikut menunjukkan perbezaan dalam bentuk penerbitan dan penerbit bagi data terjemahan surah Yasin yang digunakan dalam kajian ini.


**Table 1.** Bentuk dan Penerbit bagi Data Terjemahan Surah Yasin

Bentuk Penerbitan	Terjemahan Surah Yasin	Penerbit atau Sumber
Al-Quran	Al-Quran Al-Karim & Terjemahan Al-Kamil (2021)	Telaga Biru Sdn. Bhd.
	Al-Quran Al-Karim Mushaf Al-Farid (2017)	Rimbunan Islamik Media Sdn. Bhd.

	Al-Quran Amazing 33 Panduan al-Quran Untuk Hidup Anda (2016)	Karya Bestari Sdn. Bhd.
	Al-Quran Mushaf Malaysia Dan Terjemahan (2007)	Yayasan Restu.
	Al-Quran Tajwid Dan Terjemahan (2012)	Humaira Bookstore Enterprise.
	Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30) Juz (2010)	DarulFikir.
Digital	Al-Qur'an Digital (n.d.)	<a href="https://www.merdeka.com/quran">https://www.merdeka.com/quran</a>
	Al Quran Melayu Al Quran Terjemahan Bahasa Melayu Lengkap 30 Juz Dan 114 Surah (n.d.)	<a href="https://melayu.ayatalquran.net/2016/04/surah-yasin-terjemahan-bahasa-melayu/">https://melayu.ayatalquran.net/2016/04/surah-yasin-terjemahan-bahasa-melayu/</a>
	Muslim Pro (n.d.)	<a href="https://www.muslimpro.com/?landing=0">https://www.muslimpro.com/?landing=0</a>
	Smart Quran (2020)	Madcat World Sdn Bhd.
	Surah.My Terjemahan Al-Quran Bahasa Melayu (n.d.)	Serai Solutions Dan Training.My.
	Terjemahan Al-Quran Dalam Bahasa Melayu (2005)	Global Islamic Software Co, GISCO.
Naskah Kecil Bacaan harian	Al-Amin (2008)	Pustaka Jiwa Sdn Bhd
	Haji Johari Haji Alias (2020)	Al-Hidayah Publication
	Mohamed Arshad Ahmad (2012)	Asyraff Trading Sdn. Bhd.
	Surah Yasin Tahlil Dan Doa Asma Ul-Husna (n.d.)	SA. Al-Habshee Sdn. Bhd.
	Yaasin Terjemahan Tahlil & Doa (2008)	Syarikat Jaffar Rawas Sdn. Bhd.
	Yasin Tahlil Dan Doa (n.d.)	PTS Edar Sdn. Bhd.

### 3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam analisis pertama, partikel wacana 'lah' diteliti untuk setiap terjemahan surah Yasin. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti pola atau corak penggunaan partikel wacana 'lah' secara keseluruhan dalam terjemahan. Perhatian khusus diberikan terhadap pola dan corak ini memandangkan sifat partikel wacana 'lah' yang kerap digunakan tanpa disedari oleh penutur. Partikel wacana 'lah' juga merupakan entiti linguistik yang secara lazimnya digunakan oleh penuturnya (Besemeres & Wierzbicka, 2003). Berikut adalah rajah analisis *code-document table* bagi partikel wacana 'lah' pada setiap 18 terjemahan surah Yasin.




**Rajah 2.** Pola partikel Wacana “Lah” pada 18 terjemahan surah Yasin

Berdasarkan rajah 2, didapati bahawa partikel wacana "Lah" sering digunakan secara bebas dalam terjemahan Surah Yasin. Walau bagaimanapun, melalui analisis *Code-Document table* pada 18 terjemahan surah Yasin, pola penggunaan yang konsisten telah dikenal pasti, menggambarkan satu corak penggunaan yang seragam. Corak ini jelas terlihat dalam 6 terjemahan berikut.

**Jadual 2.** Terjemahan yang menunjukkan Persamaan Pola Penggunaan Partikel Wacana “Lah”

Terjemahan	Penerbit	Bentuk
Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30) Juz (2010)	Darul Fikir	Al-Quran
Al Quran Melayu Al Quran Terjemahan Bahasa Melayu Lengkap 30 Juz Dan 114 Surah (n.d.)	<a href="https://melayu.ayatalquran.net/2016/04/surah-yasin-terjemahan-bahasa-melayu/">https://melayu.ayatalquran.net/2016/04/surah-yasin-terjemahan-bahasa-melayu/</a>	Digital
Muslim Pro (n.d.)	<a href="https://www.muslimpro.com/?landing=0">https://www.muslimpro.com/?landing=0</a>	Digital
Smart Quran (2020)	Madcat World Sdn Bhd.	Digital
Surah.My Terjemahan Al-Quran Bahasa Melayu (n.d.)	Serai Solutions Dan Training.My.	Digital
Terjemahan Al-Quran Dalam Bahasa Melayu (2005)	Global Islamic Software Co, GISCO.	Digital

Berdasarkan Jadual 2, didapati bahawa hanya satu terjemahan dalam bentuk cetakan Al-Quran, iaitu Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Quran (30) Juz (2010), menunjukkan pola penggunaan yang serupa, manakala lima lagi terjemahan adalah dalam bentuk digital. Hasil analisis ini berbeza daripada dapatan Ismail et al. (2022), iaitu kajian tersebut menunjukkan persamaan pola penggunaan bukan sahaja pada Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30) Juz (2010), malah juga pada Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan (2007), Al-Quran Al-Karim & Terjemahan Al-Kamil (2021), serta *Smart Quran*. Berikut adalah rajah yang menggambarkan pola penggunaan partikel wacana "Lah" dalam Surah Yasin menurut kajian oleh Ismail et al. (2022).



**Rajah 3.** Persamaan Pola Penggunaan Partikel Wacana “Lah” Ismail et al. (2022)

Rajah 3 memperlihatkan bahawa kajian terdahulu membahagikan terjemahan surah Yasin kepada dua kategori berdasarkan kesamaan dalam penggunaan partikel wacana “Lah”. Walau bagaimanapun, pola penggunaan partikel wacana tersebut tidak menunjukkan kekerapan penggunaan melebihi dua kali dalam satu ayat. Sebagai ilustrasi, analisis dalam kajian ini (rujuk Rajah 2) menunjukkan ayat 47 dikategorikan kepada tiga bahagian, iaitu 47 (1), 47 (2), dan 47 (3), suatu pendekatan yang tidak diterapkan dalam kajian sebelumnya. Dalam Rajah 3, ayat 47 hanya mencatatkan satu penggunaan partikel wacana “Lah”. Selain itu, terdapat juga perbezaan dari segi bilangan dan bentuk data. Kajian ini melibatkan 18 data dengan 3 bentuk terjemahan, iaitu Naskhah Al-Quran, versi digital, dan naskhah kecil surah Yasin. Sebaliknya, kajian

terdahulu hanya merangkumi 9 data dengan 2 bentuk terjemahan, iaitu Naskhah Al-Quran dan naskhah kecil surah Yasin. Kepelbagaian dalam perincian penggunaan partikel wacana “Lah” serta bilangan data yang berbeza ini menyumbang kepada hasil dapatan yang berlainan.

Setelah enam terjemahan yang memperlihatkan pola serupa dikeluarkan daripada analisis, didapati wujud pola penggunaan partikel wacana "Lah" yang menggambarkan kategori terjemahan surah Yasin yang berbeza. Pola penggunaan ini menjadi lebih jelas apabila enam terjemahan terdahulu dipisahkan daripada analisis. Berikut merupakan rajah pola penggunaan partikel wacana “Lah” setelah enam terjemahan sebelum ini digugurkan.

	1 Al-Quran Al-Ka...	2 Al-Quran Al-K...	3 Al-Quran Arma...	4 Al-quran muah...	5 Al-Quran Tajel...	7 Al Quran digital...	13 Al Anin 200...	14 Hajj Johel Ha...	15 Mohamed Ars...	16 Surah Yasin T...	17 Yasin Terjem...	18 Yasin Tahil D...	Totals
ayat: ayat 6													2
ayat: ayat 8													2
ayat: ayat 11 (1)	1												4
ayat: ayat 11 (2)		1											12
ayat: ayat 12 (1)		1											5
ayat: ayat 12 (2)		1											5
ayat: ayat 13													3
ayat: ayat 15 (1)	1												11
ayat: ayat 15 (2)		1											11
ayat: ayat 15 (3)													10
ayat: ayat 17	1												2
ayat: ayat 18													11
ayat: ayat 19													2
ayat: ayat 20 (1)	1												1
ayat: ayat 20 (2)		1											10
ayat: ayat 21	1												12
ayat: ayat 22		1											12
ayat: ayat 24													8
ayat: ayat 25	1												3
ayat: ayat 26		1											12
ayat: ayat 29	1												11
ayat: ayat 31													4
ayat: ayat 33													1
ayat: ayat 38													1
ayat: ayat 39													9
ayat: ayat 40 (1)		1											8
ayat: ayat 40 (2)		1											9
ayat: ayat 43													2
ayat: ayat 45	1												12
ayat: ayat 46													0
ayat: ayat 47 (1)	1												12
ayat: ayat 47 (2)		1											1
ayat: ayat 47 (3)													4
ayat: ayat 47 (4)													5
ayat: ayat 48													1
ayat: ayat 51													9
ayat: ayat 52 (1)		1											1
ayat: ayat 52 (2)		1											7
ayat: ayat 52 (3)		1											12
ayat: ayat 53													3
ayat: ayat 54													1
ayat: ayat 59	1												11
ayat: ayat 61 (1)		1											10
ayat: ayat 61 (2)		1											10
ayat: ayat 63													9
ayat: ayat 64													10
ayat: ayat 65 (1)													3
ayat: ayat 65 (2)													3
ayat: ayat 66													8
ayat: ayat 67													8
ayat: ayat 68													0
ayat: ayat 69 (1)													5
ayat: ayat 69 (2)		1											9
ayat: ayat 70													2
ayat: ayat 71													1
ayat: ayat 76													7
ayat: ayat 77													2
ayat: ayat 79													12
ayat: ayat 80													1
ayat: ayat 81 (1)													1
ayat: ayat 81 (2)													6
ayat: ayat 82 (1)													5
ayat: ayat 82 (2)		1											12
ayat: ayat 82 (3)		1											10
ayat: ayat 83 (1)													0
ayat: ayat 83 (2)													7
Totals	29	31	34	29	34	34	35	34	42	40	36	37	415

**Rajah 4.** Persamaan Pola Penggunaan Partikel Wacana “Lah” Ismail et al. (2022)

Berdasarkan Rajah 4, terdapat tiga kategori pola penggunaan partikel wacana "Lah" dalam terjemahan surah Yasin yang ditandai dengan indikator petak merah, kuning, dan hijau. Indikator petak merah berpotensi dikategorikan sebagai terjemahan sekunder, selaras dengan ciri

terjemahan Al-Quran Amazing yang menyatakan terjemahannya bersumberkan teks daripada bahasa Indonesia. Berikut adalah jadual senarai terjemahan yang berpotensi sebagai kategori terjemahan sekunder.

**Jadual 3.** Terjemahan Surah Yasin yang Berpotensi sebagai Terjemahan Sekunder

<b>Terjemahan Surah Yasin</b>	<b>Penerbit</b>	<b>Bentuk</b>
<b>Al-Quran Al-Karim Mushaf Al-Farid (2017)</b>	Rimbunan Islamik Media Sdn. Bhd.	Al-Quran
<b>Al-Quran Mushaf Malaysia Dan Terjemahan (2007)</b>	Yayasan Restu.	
<b>Surah Yasin Tahlil Dan Doa Asma Ul-Husna (n.d.)</b>	SA. Al-Habshee Sdn. Bhd.	Digital
<b>Al-Amin (2008)</b>	Pustaka Jiwa Sdn Bhd	Naskah Kecil Bacaan Harian

Kategori seterusnya, yang ditandai dengan indikator petak kuning, tidak dapat dikenal pasti sama ada sebagai terjemahan sekunder atau primer. Namun begitu, dalam analisis ini, terjemahan dalam kategori tersebut berpotensi dianggap sebagai terjemahan persendirian. Berikut ialah jadual senarai terjemahan Surah Yasin yang termasuk dalam kategori ini.

**Jadual 4.** Terjemahan Surah Yasin yang Berpotensi sebagai Terjemahan Persendirian

<b>Terjemahan Surah Yasin</b>	<b>Penerbit</b>	<b>Bentuk</b>
<b>Al-Quran Al-Karim &amp; Terjemahan Al-Kamil (2021)</b>	Telaga Biru Sdn. Bhd.	Al-Quran
<b>Al-Quran Amazing 33 Panduan al-Quran Untuk Hidup Anda (2016)</b>	Karya Bestari Sdn. Bhd.	
<b>Al-Quran Tajwid Dan Terjemahan (2012)</b>	Humaira Bookstore Enterprise.	
<b>Al-Qur'an Digital (n.d.)</b>	<a href="https://www.merdeka.com/quran">https://www.merdeka.com/quran</a>	Digital
<b>Haji Johari Haji Alias (2020)</b>	Al-Hidayah Publication	Naskah Kecil Bacaan Harian
<b>Mohamed Arshad Ahmad (2012)</b>	Asyraff Trading Sdn. Bhd.	
<b>Yaasin Terjemahan Tahlil &amp; Doa (2008)</b>	Syarikat Jaffar Rawas Sdn. Bhd.	

Terjemahan yang ditandai dengan indikator petak hijau adalah ganjil kerana pola penggunaan partikel wacana "Lah" yang ketara perbezaannya berbanding terjemahan lain. Pola ini melibatkan hanya satu terjemahan, iaitu *Yasin Tahlil dan Doa* (n.d.) terbitan PTS Edar Sdn. Bhd., yang berbentuk naskhah kecil untuk bacaan harian.

#### 4. KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan dapatan kajian, pola penggunaan partikel wacana "Lah" dalam terjemahan surah Yasin dapat dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu petak merah, kuning, dan hijau. Petak merah mencerminkan terjemahan sekunder, seperti yang ditunjukkan oleh Al-Quran Amazing yang berasaskan teks dari bahasa Indonesia. Petak kuning mewakili terjemahan yang tidak dapat dikenal pasti sama ada primer atau sekunder, namun berpotensi sebagai terjemahan persendirian. Sementara itu, petak hijau melibatkan satu terjemahan ganjil, iaitu *Yasin Tahlil dan Doa* yang mempunyai pola ganjil dalam penggunaan partikel "Lah". Kajian ini juga menunjukkan perbezaan dari segi bilangan data, jenis terjemahan yang dianalisis, dan perisian analisis, iaitu kajian semasa melibatkan lebih banyak data dan lebih perisian berbanding kajian terdahulu, yang menyumbang kepada dapatan yang berlainan.

#### RUJUKAN

- Besemeres, M., & Wierzbicka, A. (2003). The meaning of the particle lah in Singapore English. *Pragmatics & Cognition*, 11(1), 3–38. <https://doi.org/10.1075/pc.11.1.03bes>
- Gupta, T. (2017). A Study of Problem Solving Strategies Using ATLAS.ti. In *ACS Symposium Series* (Vol. 1260, pp. 133–155). <https://doi.org/10.1021/bk-2017-1260.ch009>
- Hennink, M. M., Kaiser, B. N., & Marconi, V. C. (2017). Code Saturation Versus Meaning Saturation. *Qualitative Health Research*, 27(4), 591–608. <https://doi.org/10.1177/1049732316665344>
- Ismail, M. S., & Sarudin, A. (2021). Interpretasi Partikel Wacana Lah Dalam Wawancara Politik. *Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera Dan Budaya Melayu (Rentas 2021)*, 1(8), 79–91. <https://rentas2021.wixsite.com/home/prosiding>
- Ismail, M. S., & Sarudin, A. (2022a). Interpretasi partikel wacana ‘Lah’ berdasarkan ilmu Balaghah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(1), 865–878. <https://doi.org/https://doi.org/10.53840/alirsyad.v7i1.290>
- Ismail, M. S., & Sarudin, A. (2022b). Interpretasi partikel wacana ‘Lah’ berdasarkan ilmu Balaghah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(1), 865–878. <https://doi.org/https://doi.org/10.53840/alirsyad.v7i1.290>
- Ismail, M. S., & Sarudin, A. (2023). Sorotan Literatur Bersistematik: Interpretasi Partikel Wacana “Lah” dalam Ujaran Masyarakat Malaysia (Systematic Literature Review: Interpretation of “Lah” Discourse Particles in Malaysian Speech). *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 23(1), 261–290. <https://doi.org/10.17576/gema-2023-2301-14>
- Ismail, M. S., Sarudin, A., Mat, A. C., & Nordin, F. N. (2022). KEUNIKAN PARTIKEL ‘LAH’ DALAM TERJEMAHAN SURAH YASIN DI MALAYSIA [THE

- UNIQUENESS OF THE PARTICLE ‘LAH’ IN THE TRANSLATION OF SURAH YASIN IN MALAYSIA]. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 13–27. <https://doi.org/10.33306/mjssh/210>
- Ismail, M. S., Sarudin, A., & Mohamad Tarmizi, M. H. (2024). Prosedur Analisis ATLAS.ti Bersistemik: Pembinaan Kata Kunci Utama Soalan Karangan Bahasa Melayu SPM. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 32(1). <https://doi.org/10.47836/pjssh.32.1.03>
- Mansor, I. (2019). Terjemahan Al-Quran Dalam Bahasa Melayu. In Idris Mansor (Ed.), *Isu-Isu Dalam Terjemahan Arab-melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Putri, R. A., Sartini, N. W., & Fajri, M. S. Al. (2020). The analysis of illocutionary acts of judges’ comments in America’s next top model and Asia’s next top model competitions: A cross-cultural pragmatic study. *Dil ve Dilbilimi Çalışmaları Dergisi*, 16(4), 1885–1898. <https://doi.org/10.17263/jlls.851015>
- Saldana, J. (2016). *Qualitative Coding The Manual Researchers for*. London: SAGE.



**PENGARUH KESEDARAN PERSONALITI RELIGIOSITI DAN KAWALAN PEMAKANAN KE ATAS PEMBENTUKAN TAHAP KEROHANIAN DAN KECEMERLANGAN MAHASISWA UNIVERSITI**

Rafidah Mohamad Cusairi<sup>1</sup>, Salmah Omar<sup>2</sup>, Solahuddin Abdul Hamid<sup>3</sup>, Syed Sultan Bee Packer Mohamed<sup>4</sup>, Manvender Kaur A/P Sarjit Singh<sup>5</sup>

<sup>1</sup>*mcraftidah@uum.edu.my*

<sup>2</sup>*salmahomar@uum.edu.my*

<sup>3</sup>*solah@uum.edu.my*

<sup>4</sup>*ss.bee@uum.edu.my*

<sup>5</sup>*manvender@uum.edu.my*

**ABSTRAK**

Kualiti makanan terkait dengan elemen manusia; sumber dan personaliti penyedia mempunyai kesan ke atas nilai *halal* dan *toyyib*. Terdapat kajian yang menyatakan bahawa religiositi dan personaliti individu boleh diukur. Antara prinsip pengukuran yang dicadangkan ialah manifestasi iman, islam dan ihsan yang dimanifestasikan dalam bentuk amalan atau perbuatan. Kajian ini memfokuskan kepada dua objektif iaitu faktor yang membentuk personaliti religiositi pengendali premis makanan pada persepsi pelajar dan mengenal pasti sama ada faktor kawalan pemakanan pelajar dan persepsi mengenai personaliti religiositi pengendali makanan mempengaruhi persepsi pelajar terhadap tahap pembentukan tahap kerohanian mereka. Kajian tinjauan deskriptif ini menggunakan metod temubual dan soal selidik yang diedarkan di kalangan mahasiswa Universiti Utara Malaysia. Analisis kesahan konvergen menggunakan aplikasi PLS-SEM menunjukkan bahawa pelajar melihat kepatuhan agama sebagai komponen penting yang menunjukkan personaliti religiositi pengendali premis makanan. Dapatan juga menunjukkan bahawa majoriti pelajar bersifat terbuka terhadap personaliti pengendali premis makanan berdasarkan nilai varian faktor ini yang besar ( $\text{var}=0.874$ ) berbanding faktor kepatuhan agama ( $\text{var}=0.439$ ). Ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar tidak begitu kisah tentang perkara yang berkaitan tuntutan agama yang boleh dilihat daripada personaliti pengendali premis makanan. Analisis juga mendapati faktor kawalan pemakanan oleh pelajar sendiri ( $b=0.511$ ,  $p<0.05$ ) dan persepsi mengenai personaliti religiositi pengendali makanan ( $b=0.331$ ,  $p<0.05$ ) didapati mempengaruhi persepsi pelajar terhadap pembentukan tahap kerohanian diri mereka.

**Kata kunci:** personaliti, religiositi, premis makanan, persepsi pelajar, sakhsiah

**1. PENGENALAN**

Dalam kalangan pelajar, pengambilan makanan seimbang dan bernutrisi sangat ditekankan (Tajul Ariffin et al., 2007). Makanan berzat dan seimbang dikatakan menjadi penyumbang kepada pencapaian dan kecemerlangan akademik pelajar (Mohd Azlan Abdullah & Noraziah

Ali, 2011; Florence, Asbridge & Veugelers, 2008; Tajul Ariffin Noordin et al., 2007). Tajul Ariffin et al. (2007) mencadangkan tiga unsur penting yang perlu dititikberatkan dalam memastikan diet yang sihat iaitu halal, berkualiti dan berjadual. Kajian juga menunjukkan terdapat perkaitan yang rapat di antara kualiti diet dengan prestasi akademik pelajar. Dalam ertikata lain, pencapaian akademik pelajar bukan sahaja mempunyai hubungan yang rapat dengan diet yang seimbang dan sihat, malahan turut dipengaruhi oleh diet berkualiti yang halal dan toyyiban menurut piawai agama. Namun, Mohd Azlan & Noraziah (2011) mendapati tidak semua pelajar seperti mahasiswa universiti mengaplikasikan pengetahuan ini di dalam amalan pemakanan seharian mereka.

Personaliti dan sahsiah seseorang ditentukan oleh beberapa faktor termasuklah faktor luaran dan dalaman. Bagi individu Muslim, faktor dalaman merujuk secara khusus antaranya terhadap hubungan makhluk dengan Pencipta iaitu Allah. Hubungan ini pula diterjemahkan dalam beberapa bentuk ibadah; umum dan khusus. Persoalannya, adakah personaliti manusia boleh diukur. Apatah lagi pada perkara yang melibatkan hubungan manusia dengan Allah di mana ukuran tersebut pula akan mempengaruhi pembuatan keputusan seseorang. Dalam kajian oleh Jamiah Manap et al. (2013) religiositi dan personaliti individu boleh diukur. Antara prinsip pengukuran yang dicadangkan ialah menerusi manifestasi iman, islam dan ihsan yang mana ketiga-tiga asas penting di dalam Islam ini pula dimanifestasikan dalam bentuk amalan atau perbuatan. Sebagai contoh, seseorang yang menyediakan makanan tetapi pada masa yang sama tidak menunaikan solat adalah melanggar perintah Tuhannya. Apatah lagi jika disebabkan oleh kesibukan menyediakan makanan atau berniaga individu tersebut tidak menunaikan solat. Bagaimanakah kualiti makanan yang disediakan oleh individu seperti ini? Adakah ia memberi kesan terhadap pencapaian akademik serta sahsiah pelajar yang memakannya? Pepatah Melayu 'dari mana tumpahnya kuah jika tidak ke nasi' serta penekanan terhadap soal 'air tangan' mempunyai perkaitan yang kuat terhadap pentingnya menyelidik daripada mana makanan diperoleh serta personaliti penyedia makanan. Persoalan ini juga bertepatan dan mempunyai kaitan secara langsung dengan persoalan hukum fiqh. Contohnya, ulama bersepakat bahawa jual beli di antara peniaga dan pembeli lelaki pada hari Jumaat adalah haram dan berdosa (Zaharuddin Abd Rahman, 2009). Kajian ini dilakukan bagi menjawab objektif berikut: (1) Faktor Yang Membentuk Personaliti Religiositi Pengendali Premis Makanan Pada Persepsi Pelajar. (2) Mengenal Pasti Sama Ada Faktor Kawalan Pemakanan Pelajar Dan Persepsi Mengenai Personaliti Religiositi Pengendali Makanan Mempengaruhi Persepsi Pelajar Terhadap Tahap Pembentukan Tahap Kerohanian Mereka.

Terdapat beberapa kajian lepas yang telah berusaha mengenal pasti beberapa faktor mempengaruhi kecenderungan pelajar di dalam memilih premis makanan. Antaranya kajian Mohd Azlan Abdullah & Noraziah Ali, 2011 mendapati faktor kebersihan, kualiti makanan, perilaku pengendali makanan, kualiti perkhidmatan, kepelbagaian menu, harga, kelengkapan dan kemudahan, lokasi premis, hiasan dalaman dan fasiliti. Dapatan yang sama telah disokong oleh Maimunah Sapri et al., (2011). Walau bagaimanapun tiada maklumat berkenaan agama sebagai faktor yang mempengaruhi pemilihan premis makanan. Ini secara khusus merujuk kepada faktor religiositi dan personaliti pengusaha dan pekerja restoran. Selain daripada memastikan makanan yang dijual adalah halal, pengunjung atau pembeli haruslah meneliti personaliti atau sahsiah pekerja-pekerja tersebut.

## **2. METODOLOGI**


Rekabentuk kajian yang digunakan ini adalah berbentuk kajian tinjauan deskriptif. Bagi mengukuhkan dari segi keesahan dan kebolehpercayaan, kaedah pengumpulan data akan menggunakan teknik triangulasi. Data-data akan diperolehi melalui kaedah temubual, soalselidik dan analisis dokumen. Kaedah temubual akan melibatkan tokoh ilmuan agama seperti Pengarah Pusat Islam dan ahli akademik di dalam bidang yang berkaitan. Manakala responden soal-selidik melibatkan mahasiswa yang mengunjungi kafetaria-kafetaria yang terdapat di Dewan Penginapan Pelajar di dalam kampus UUM. Kaedah analisis dokumen pula akan dilakukan melalui pembacaan daripada kitab-kitab turath (kitab klasik), buku-buku kontemporari, jurnal, manual panduan, kertas-kertas kerja ilmiah, akhbar dan majalah serta laman internet yang ada hubung kaitan dengan kajian ini. Hasil soal selidik yang diedarkan kepada responden (mahasiswa di Universiti Utara Malaysia) dianalisis dari sudut analisis kesahan konvergen yang dilaksanakan menggunakan aplikasi PLS-SEM bagi menjawab dua Objektif iaitu (1) Faktor Yang Membentuk Personaliti Religiositi Pengendali Premis Makanan Pada Persepsi Pelajar dan (2) Mengenal Pasti Sama Ada Faktor Kawalan Pemakanan Pelajar Dan Persepsi Mengenai Personaliti Religiositi Pengendali Makanan Mempengaruhi Persepsi Pelajar Terhadap Tahap Pembentukan Tahap Kerohanian Mereka

## **3. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan kajian akan memfokuskan kepada dua objektif yang ditetapkan iaitu pertama, faktor yang membentuk personality religiosity pengandali premis makanan pada persepsi pelajar. Kedua, mengenal pasti sama ada factor kawalan pemakanan pelajar dan persepsi mengenai personality religiositi pengendali makanan mempengaruhi persepsi pelajar terhadap pembentukan tahap kerohanian mereka.


### **3.1. Faktor Pembentukan Personaliti Religiositi**

Analisis kesahan konvergen yang dilaksanakan menggunakan PLS-SEM mendapati dua faktor yang membentuk personaliti religiositi pengendali premis makanan adalah Kepatuhan Agama dan, Bersifat Terbuka Terhadap Personaliti. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pelajar melihat kepatuhan agama sebagai komponen penting yang menunjukkan personaliti religiositi pengendali premis makanan. Elemen yang dilihat ialah pengendali makanan melaksanakan tuntutan agama, bertingkah laku dengan baik, mengeluarkan zakat dan boleh disilang rujuk dengan pihak lain.



Rajah 1. Analisis *Bootstrapping* menunjukkan nilai signifikan setiap item pada tahap  $p < 0.05$

Dapatan juga menunjukkan bahawa majoriti pelajar bersifat terbuka terhadap personaliti pengendali premis makanan berdasarkan nilai varian faktor ini yang besar ( $var=0.874$ ) berbanding faktor kepatuhan agama ( $var=0.439$ ). Ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar tidak begitu kisah tentang perkara yang berkaitan tuntutan agama yang boleh dilihat daripada personaliti pengendali premis makanan.



Rajah 1: Analisis Pekali Laluan menunjukkan nilai pekali regresi melebihi 0.5 bagi kajian penerokaan.

Hasil analisis di atas mendapati bahawa terdapat 2 kumpulan reaksi; (1) pelajar melihat kepatuhan kepada agama sebagai tanda seseorang itu mempunyai personality religiositi, (2) pelajar yang tidak peduli tentang nilai agama atau personaliti religiositi pengendali makanan.

### **3.2. Pengaruh Kawalan Pemakanan Dan Persepsi Mengenai Personaliti Religiositi Pengendali Makanan Terhadap Pembentukan Tahap Kerohanian**

Analisis kesahan konvergen yang dilaksanakan menggunakan PLS-SEM mendapati dua faktor yang membentuk personaliti religiositi pengendali premis makanan adalah Kepatuhan Agama dan, Bersifat Terbuka Terhadap Personaliti. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pelajar melihat kepatuhan agama sebagai komponen penting yang menunjukkan personaliti religiositi pengendali premis makanan. Elemen yang dilihat ialah pengendali makanan melaksanakan tuntutan agama, bertingklaku dengan baik, mengeluarkan zakat dan boleh disilang rujuk dengan pihak lain.

Analisis pemodelan berstruktur menggunakan PLS-SEM mendapati faktor kawalan pemakanan oleh pelajar sendiri ( $b=0.511$ ,  $p<0.05$ ) dan persepsi mengenai personaliti religiositi pengendali makanan ( $b=0.331$ ,  $p<0.05$ ) didapati mempengaruhi persepsi pelajar terhadap pembentukan tahap kerohanian diri mereka. Elemen yang dikaji bagi menilai faktor kawalan pemakanan ialah pengambilan makanan secara berlebihan akan melemahkan kecerdasan pemikiran, pertambahan berat badan akan menyebabkan seseorang itu menjadi pemalas, kualiti diet pemakanan antara faktor yang menyumbang kepada prestasi akademik pelajar dan, makan sebelum lapar dan berhenti sebelum kenyang. Hasil analisis ini menunjukkan bahawa pelajar sendirilah yang perlu mengawal pemakanan mereka untuk memastikan tahap kerohanian mereka mencapai tahap yang baik. Meletakkan beban berdasarkan persepsi terhadap personaliti religiositi pengendali makanan adalah faktor kedua terpenting kepada pelajar.

## **4. KESIMPULAN**

Kajian ini telah membuka mata kepada realiti sebenar yang berlaku di dalam masyarakat hari ini, sama ada golongan dewasa atau remaja seperti mahasiswa di Universiti. Dapatan kajian menunjukkan masih wujud dalam masyarakat mereka yang peduli dan cakna tentang pemakanan dan sumber yang halal dan pada masa yang sama semakin ramai juga yang tidak menekankan elemen kerohanian atau kepatuhan kepada agama apabila memilih makanan atau premis makan.

## **RUJUKAN**

- Tajul Ariffin Noordin, Roslee Ahmad, Rahimawati Abdul Rahim, (2007). Membina pelajar cemerlang: evolusi pembelajaran sepanjang hayat. Skudai, Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Azlan Abdullah dan Noraziah Ali, (2011). Amalan pemakanan dalam kalangan pelajar universiti dan implikasinya terhadap pembelajaran, *Personalita Pelajar*, 14, 59
- Florence, M. D., Asbridge, M., Paul J. V., (2008). Diet quality and academic performance, *School Health*, 78, 4, 209, 212-214
- Manap, J., Hamzah, A., Noah, S. M., Kasan, H., Krauss, S. E., Mastor, K. A., Suandi, T., Idris, F., (2013). Prinsip pengukuran religiositi dan personaliti muslim, *Psychology & Human Development*, 1, 36-43
- Zaharuddin Abd Rahman (2009). "Dosa Jual Beli Hari Jumaat", <http://zaharuddin.net/senarai->

[lengkap-artikel/3/884-dosa-jual-beli-hari-jumaat.html](http://eprints.utm.my/1083/1/Maimunah_binti_Sapri%28UTM%29.pdf).

- Maimunah Sapri, Maizan Baba & Abdul Hakim Mohammed, (2011). Kajian tingkah laku pelanggan terhadap perkhidmatan katering di kawasan kampus, [http://eprints.utm.my/1083/1/Maimunah\\_binti\\_Sapri%28UTM%29.pdf](http://eprints.utm.my/1083/1/Maimunah_binti_Sapri%28UTM%29.pdf).
- Mukhari, A.W., Ibrahim, M., (2011). Persepsi pengendali makanan terhadap amalan kebersihan dan keselamatan di Taman Seri Pulai, Johor, *Technical, Vocational dan Engineering Education*, 2, 1-17
- Azeman, A. R., Raduan, N. F. M., Othman, N. F., (2016). Pemilihan makanan di kalangan pelajar kolej Universiti Islam Melaka: satu tinjauan, *Hospitality and Networks*, 1, 71-80
- Rahman, A. A., Ahmad, W. I. W., Ismail, Z., (2011). Pengetahuan dan penghayatan konsep makanan halal pengusaha makanan tradisional negeri kelantan dan Terengganu, *Pembangunan Sosial*, 14, 109–123
- Sabri, B., Othman, M. L., (2020). Faktor-faktor yang mempengaruhi pengguna dalam pemilihan restoran makanan india muslim, *Pengguna Malaysia*, 35, 26-49
- Kamarudin, H., Pauzi, N., Man, S., Jaafar, S. M. J. S., (2020). Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan premis makanan dalam kalangan melayu muslim bandar: satu sorotan literatur, *Fiqh*, 17, 1, 135-170
- Unterrainer, H. F., Ladenhauf, K.H., Moazedi M.L., Wallner-Liebmann, S. J., Fink. A., (2010). Dimensions of religious/spiritual well-being and their relation to personality and psychological well-being. *Personality and Individual Differences*, 49, 3, 192-197
- Jusmahani, Nasution, H., (2021). Religiosity aspect in consumer behavior: determinants of Halal meat consumption, *ASEAN Marketing*, 1, 1, 1-13
- Krauss, S.E, Azimi Hj Hamzah, Turiman Suandi, Sidek Mohd Noah, Khairul Anwar Mastor, Rumaya Juhari, Hasnan Kassan, Azma Mahmoud & Jamiah Manap, (2005). The Muslim religiosity-personality measurement inventory (mrpi)'s: religiosity measurement model: towards filling the gaps in religiosity research on Muslims. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities*, 13, 2, 131-146
- Creswell, J. W., Creswell, J. D., (2018). *Research design, qualitative, quantitative and mixed method approach*, Thousand Oaks: SAGE Publications.

A-081

## METODOLOGI PENYUSUNAN HADITH OLEH IMAM AL-NAWAWI DALAM RIYAD AL-SALIHIN

Siti Rohani Jasni<sup>1</sup>, Mohd Hatib Ismail<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah*

*E-mail:s\_rohani@ums.edu.my*

<sup>2</sup>*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah*

*E-mail:mohdhatib@ums.edu.my*

### ABSTRAK

Imam al-Nawawi dikenali sebagai seorang tokoh ulama silam yang terkenal pada abad ke-7 Hijrah. Kewibawaan al-Nawawi dalam memahami ilmu hadith memberi ilham kepada beliau untuk menghasilkan karya yang diberi nama *Riyad al-Salihin*. Kitab *Riyad al-Salihin* merupakan kompilasi himpunan hadith-hadith yang dianggap popular sehingga diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa dunia dan menjadi rujukan generasi pada hari ini. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kaedah penyusunan hadith oleh Imam al-Nawawi dalam kitab *Riyad al-Salihin*. Metodologi kajian yang digunakan bersifat kajian kepustakaan dengan menganalisis teks-teks hadith yang terkandung dalam *Riyad al-Salihin*. Hasil kajian mendapati bahawa *Riyad al-Salihin* menghimpunkan ribuan hadith-hadith sahih yang disusun secara tematik dan diulas secara sistematik bagi memudahkan pembaca memahami dan mengamalkan ajaran-ajaran Islam. Kajian ini diharap dapat menyerlahkan kemasyhuran *Riyad al-Salihin* sebagai salah satu karya himpunan hadith yang menjadi tunjang kepada pelestarian turath Islamiy.

**Kata Kunci:** Hadith, *Riyad al-Salihin*, al-Nawawi, turath Islamiy.

### PENGENALAN

Hadith merupakan salah satu sumber perundangan Islam selepas al-Quran. Ia merujuk kepada kata-kata, perbuatan, serta persetujuan Nabi Muhammad s.a.w yang menjadi panduan bagi umat Islam dalam pelbagai aspek kehidupan. Allah menekankan kewajipan mentaati Rasulullah s.a.w dalam Firman-Nya:

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ۗ

Maksudnya:

Apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan dan apa jua yang dilarang kamu melakukannya maka patuhilah larangannya dan bertakwalah kamu kepada Allah. Sesungguhnya azab Allah amatlah berat sekiranya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya).

(Surah al-Hashr 59:7)

Keunggulan hadith dalam sejarah keilmuan Islam telah melahirkan golongan cendekiawan Islam yang mahir dalam aspek pengumpulan, pengkajian, dan penyusunan hadith. Ulama hadith yang terkenal antaranya Imam al-Bukhari, Imam Muslim, Imam Abu Dawud, dan Imam al-Nasa'i berperanan penting dalam memastikan kesahihan hadith-hadith yang sampai kepada umat Islam. Tokoh-tokoh hadith berusaha gigih dalam mengembangkan metodologi ilmu hadith bagi menentukan status keaslian hadith melalui kajian sanad (rangkaian perawi) dan matn (teks) hadith. Proses ini penting dilakukan untuk memisahkan riwayat-riwayat sahih daripada yang daif atau palsu.

Imam Nawawi tidak terkecuali turut menyumbang kepada disiplin ilmu hadith ini melalui karyanya, *Riyad al-Salihin*. Al-Nawawi bukan sahaja menghimpun hadith-hadith yang sahih, bahkan menyusun hadith-hadith tersebut mengikut tema berkaitan akhlak, ibadah, aqidah dan sebagainya yang merangkumi segala aspek kehidupan seharian manusia. Penyusunan hadith dalam *Riyad al-Salihin* telah menjadi rujukan penting bagi umat Islam sehingga hari ini dengan memfokuskan kepada pengamalan sunnah Rasulullah s.a.w.

## AL-NAWAWI

Nama penuh Imam al-Nawawi ialah Muhy al-Din Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf bin Murri bin Hasan bin Husayn bin Hazam bin Muhammad bin Jumuh bin Hizam al-Hizami al-Nawawi al-Haurani al-Dimashqi<sup>39</sup>. Beliau dilahirkan di Nawa, selatan Damshiq pada bulan Muharram 631H bersamaan pada bulan Oktober 1233M.<sup>40</sup> Al-Nawawi merupakan tokoh Islam yang terkemuka pada abad ke-7H. Kegemilangan dan kemasyhuran beliau dalam bidang ilmu diakui oleh masyarakat pada ketika itu sehingga mendapat gelaran *Muhy al-Din*. Akan tetapi disebabkan sifat zuhudnya, Imam al-Nawawi tidak menyukai gelaran itu kerana beliau beranggapan bahawa agama Allah itu sentiasa hidup tanpa memerlukan seseorang menghidupkannya.<sup>41</sup> Gelaran ini dianggap sesuai ditujukan kepada beliau kerana sumbangan dan jasa baktinya dalam Islam.

## PERBINCANGAN

*Riyad al-Salihin* telah dikenali sejak ratusan tahun lamanya. Kelebihan kitab ini dapat dilihat pada susunan bab yang teratur dan sistematik, setiap Hadith yang dibincangkan dimulakan dengan dalil al-Qur'an serta dijelaskan secara terperinci tentang kedudukan Hadith. Penyusunan kitab yang berkonsepkan ringkas dan padat. Al-Nawawi juga menyelitkan setiap petikan Hadith dengan beberapa ulasan ringkas apabila perlu. Keistimewaan yang terdapat dalam ulasan beliau ialah penyampaian gaya bahasa yang mudah difahami. Hal ini dapat dibuktikan melalui sambutan pengguna kitab ini yang mendapat perhatian beberapa tokoh ulama untuk mengulasnya dan diterjemahkan ke dalam pelbagai versi bahasa.

---

<sup>39</sup> al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. al-Mizi, 'Abd. Rahman, *Tabaqat al-Fuqaha' al-Shafi'iyah li Ibn al-Salah*, Najib, Muhy al-Din 'Ali (pnyt.), Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah, Bayrut, 1413 H / 1992 M, juz 1, hlm.51.

<sup>40</sup> Anon, *Ensiklopedia Islam*, Kuala Lumpur: DBP, jil 4, 2004, hlm. 22.

<sup>41</sup> al-Daqr, hlm. 19.



Judul asal kitab ini diberi nama *Riyad al-Salihin min Kalam Rasulillah Sallallahu 'alayhi wasallam* atau *Riyad al-Salihin wa Nuzhat al-Talibin*<sup>42</sup>. Ia juga dinamakan *Riyad al-Salihin min Kalam Sayyid al-Mursalin*<sup>43</sup> dan selesai disusun pada tahun 670 Hijrah.<sup>44</sup> Nama kitab ini dipilih sendiri oleh al-Imam al-Nawawi bersesuaian dengan konsep penulisannya yang berusaha untuk mendekatkan diri kepada Allah dengan melakukan amal ibadah, memotivasikan insan dengan nas-nas Hadith yang berbentuk nasihat dan membimbing manusia ke arah kebaikan hidup di dunia dan di akhirat.

Pemilihan tajuk amat bertepatan dengan matlamat penulisan kitab ini yang bertujuan ke arah penyucian jiwa insan berlandaskan syariat Islam<sup>45</sup>. Pembersihan jiwa ini dilakukan dengan cara mengajak manusia untuk mendekatkan diri kepada Allah dan beriman kepada-Nya. Kitab ini dihasilkan dengan merujuk dua sumber perundangan Islam yang utama iaitu al-Qur'an dan al-Hadith. Demikian, metodologi penulisan pengarang kitab ini yang secara tidak langsung membuktikan kewibawaannya dalam penyebaran dakwah Islam khususnya bagi merealisasikan tujuan utama penulisan kitab ini iaitu *tazkiyyah al-nufus* menerusi ketajaman mata pena beliau.

*Riyad al-Salihin* karangan Imam al-Nawawi mengandungi 19 (sembilan belas) kitab yang meliputi bab-bab yang pelbagai. Kitab-kitab ini disusun secara teratur dan sistematik sesuai dengan bab-bab yang lain. Ungkapan kitab ini juga membawa maksud bab. *Riyad al-Salihin* adalah rangkuman daripada beberapa kitab-kitab besar yang mana di dalamnya mengandungi perbincangan-perbincangan khusus melalui bab-bab di dalam kitab-kitab yang tertentu. Bab-bab ini adalah merupakan perbincangan tajuk-tajuk kecil yang disusuli mengikut tajuk-tajuk kitab yang besar. Keseluruhan bab dianggarkan berjumlah 372 (tiga ratus tujuh puluh dua) tajuk perbincangan (bab) dan keseluruhan Hadithnya berjumlah 1896 (seribu lapan ratus Sembilan puluh enam) Hadith.<sup>46</sup>

Dalam *Riyad al-Salihin*, Imam al-Nawawi memulakan tajuk perbincangan dengan mengemukakan beberapa petikan ayat-ayat al-Qur'an yang bersesuaian dengan tajuk kitab yang telah diberi nama dan bertepatan dengan bab-bab di dalam kitab. Hal ini menunjukkan bahawa al-Quran adalah dalil yang kuat selepas al-Hadith. Al-Hadith sebagai penghurai dan penjelas kepada ayat-ayat yang terdapat di dalam al-Qur'an.

Setiap Hadith dinyatakan sanad dan perawinya. Sebagaimana dijelaskan secara terperinci tentang dengan kedudukan Hadith, contohnya: *Hadith Hasan riwayat Abu Dawud* dan *Hadith sahih riwayat Abu Dawud dan al-Tirmidhi*<sup>47</sup>. Jika di akhir Hadith disebut *muttafaq*

---

<sup>42</sup> Naskhah yang menjadi rujukan dalam membicarakan kitab ini ialah kitab *Riyad al-Salihin* (Tahkik: 'Abd al-'Aziz Rabbah dan Yusuf al-Daqqaq), Damshiq: Dar al-Ma'mun li al-Turath, 1981.

<sup>43</sup> al-Nawawi, *Kitab Riyad al-Salihin Min Kalam Sayyid al-Mursalin*, tahkik Jama'ah min al-'Ulama', Muassasah al-Ma'arif: Bayrut, 2005, hlm.3.

<sup>44</sup> Mohd Muhiden Abd Rahman, *Riwayat Hidup Imam al-Nawawi dan Sumbangannya kepada Pengajian Hadith*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006, hlm, 60.

<sup>45</sup> al-Nawawi, *Riyad al-Salihin*, Tahkik Abdullah Muhammad al-Darwish, Bayrut: Muassasah al-Rayyan, 1994, hlm 6.

<sup>46</sup> al-Haddad, 'Abd 'Aziz Qasim, 1413 H / 1992 M, hlm.295-298.

<sup>47</sup> Imam al-Nawawi, *Riyad al-Salihin*, Tahkik Abdullah Muhammad al-Darwish, 1994, hlm. 8-9.

*alayh* bermakna Hadith tersebut diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim.<sup>48</sup>

## KESIMPULAN

*Riyad al-Salihin* merupakan kitab turath yang popular dan masih diguna pakai sebagai rujukan ilmiah di majlis-majlis ilmu di Malaysia. Penulisan kitab ini juga telah mendapat sambutan dan perhatian beberapa tokoh ulama untuk mengulasnya dan diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa dunia. Kelebihan kitab ini dapat dilihat melalui kebijaksanaan strategi pemilihan hadith dan penyusunannya oleh Imam al-Nawawi yang dilakukan secara teliti dan sistematik. Kitab ini dianggap istimewa kerana ianya masih kekal relevan sehingga hari dan menjadi rujukan penting dalam bidang akhlak, adab, dan tazkiyah (penyucian jiwa). Kewujudan *Riyad al-Salihin* sebagai sumber rujukan turath Islamiy menjadi asas pembentuk model peribadi Muslim yang mulia melalui sunnah Rasulullah s.a.w.

## RUJUKAN

Al-Quran

al-Daqr, °Abd al-Ghani, (1994), *al-Imam al-Nawawi: Shaikh al-Islam, wa al-Muslimin, wa °Umdat al-Fuqaha' wa al-Muhaddithin*. Dimashq: Dar al-Qalam.

Anon, (2004), *Ensiklopedia Islam*, Jil 4, Kuala Lumpur: DBP.

al-Haddad, °Abd °Aziz Qasim, (1413 H / 1992 M), *al-Imam al-Nawawi wa Atharuh fi al-Hadith wa °Ulumih*. Bayrut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.

al-Khin, Mustafa Sa°id, Mustafa al-Bugha, Mahy al-Din Misto, Muhammad Amin Lutfi & °Ali al-Shirbaji, (2010), *Nuzhat al-Muttaqin Sharh Riyad al-Salihin min Kalam Sayyid al-Mursalin*, Bayrut: Dar al-Risalah al-°Alamiyyah.

Mohd Muhiden Abd Rahman, (2000), *Riwayat Hidup Imam al-Nawawi dan Sumbangannya kepada Pengajian Hadith*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

al-Nawawi, (1994), *Riyad al-Salihin*, Tahkik Abdullah Muhammad al-Darwish, Bayrut: Muassasah al-Rayyan

al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. al-Mizi, °Abd. Rahman, (1413 H / 1992 M), juz 1, *Tabaqat al-Fuqaha' al-Shafi°iyyah li Ibn al-Salah*, Najib, Muhy al-Din °Ali (pnyt.), Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah, Bayrut.

al-Nawawi, *Riyad al-Salihin*, (1981), Tahkik: °Abd al-°Aziz Rabbah dan Yusuf al-Daqqaq, Damshiq: Dar al-Ma'mun li al-Turath.

al-Nawawi, (2005), *Kitab Riyad al-Salihin Min Kalam Sayyid al-Mursalin*, tahkik Jama°ah min al-°Ulama', Muassasah al-Ma°arif: Bayrut.

---

<sup>48</sup> al-Khin, Mustafa Saic d, et.al, *Nuzhat al-Muttaqin Sharh Riyad al-Salihin min Kalam Sayyid al-Mursalin*, 2010, hlm 18.

## PENDIDIKAN POLITIK BELIA DI MALAYSIA MELALUI PENGARUH MEDIA SOSIAL

Nor Azlina binti Endut<sup>1</sup>, Rohaini binti Amin<sup>2</sup>, Zurina binti Abdullah<sup>3</sup>  
<sup>123</sup>*Universiti Islam Selangor (UIS)*

<sup>1</sup>*norazlina@uis.edu.my*

<sup>2</sup>*rohaini@uis.edu.my*

<sup>3</sup>*zurinaabdullah@uis.edu.my*

### ABSTRAK

Media sosial adalah sebuah medium perantara yang berperanan dalam menyampaikan informasi terkini kepada seluruh masyarakat tanpa mengira apa jua fahaman politik, taraf ekonomi, status sosial dan pelbagai lagi. Liputan berita serta kandungan isu yang dibincangkan menerusi media sosial sedikit sebanyak memberi implikasi kepada corak pemikiran masyarakat. Dalam era digitalisasi yang pesat berkembang, media sosial telah menjadi platform utama bagi golongan muda untuk memperolehi maklumat, berinteraksi dan mengembangkan kesedaran politik. Artikel ini bertujuan untuk meneliti peranan media sosial dalam mempengaruhi pemahaman politik belia, partisipasi dalam diskusi politik dan pembentukan sikap serta persepsi terhadap isu-isu semasa. Data kajian dikumpulkan dengan menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen dan kajian menunjukkan bahawa media sosial memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan literasi politik dalam kalangan belia, memperluas akses kepada informasi politik dan mendorong keterlibatan mereka dalam proses politik. Walaupun terdapat risiko penyebaran maklumat palsu dan polarisasi pendapat, manfaat pendidikan politik melalui media sosial tetap penting dan telah memberikan impak yang besar terhadap kehidupan belia dan secara langsung telah mengubah pola kehidupan masyarakat, budaya, cara berfikir dan hampir segala aspek dalam kehidupan manusia. Kajian ini menyarankan agar inisiatif pendidikan politik di Malaysia lebih memanfaatkan media sosial untuk mendekati belia di samping mengembangkan strategi untuk mengatasi cabaran yang timbul.

**Kata Kunci:** Pendidikan politik; belia; pengaruh; media sosial.

### 1. PENGENALAN

Unjuran tahun 2030 memperlihatkan peratusan besar pemegang pucuk pimpinan negara bakal dicorakkan oleh komposisi penduduk dari golongan belia (Mohd Uzaini & Suhana, 2018). Dalam konteks tersebut belia merupakan aset yang meneraju arus perdana negara, sayugia layak diberi ruang, peluang dan kepercayaan bagi melibatkan diri dalam landskap kepimpinan negara. Namun begitu, mengambil faktor usia muda, kenaiifan serta kurang pendedahan pengalaman telah menyumbang kepada keterpinggiran golongan tersebut untuk teruja memahami pergolakan politik tanah air. Ini ditambah dengan kesibukan kehidupan dalam fasa umur paling aktif mengurus aktiviti akademik, kerjaya dan kekeluargaan mengakibatkan

tumpuan ke arah isu-isu politik tidak dapat menarik perhatian mereka sepenuhnya.

Pendedahan dari awal usia muda mampu mengakarumbikan keinginan untuk ambil tahu serta peka terhadap keunikan, kelebihan, kepincangan serta kelompangan dalam institusi yang melibatkan bidang politik negara (Irma Wani et.al, 2021). Cakna pendidikan politik meletakkan pemahaman yang jelas dalam minda mereka bahawa wujud amalan kurang wajar serta melanggar sistem perundangan negara yang mengaitkan persoalan integriti dalam ketelusan pentadbiran kerajaan di bawah parti pemerintah yang menerajui negara. Mengambil contoh penyelewengan dana dan berleluasa gejala rasuah yang menjadi kegusaran umum dianggap hanya sebagai urusan yang ditangani hanya oleh pihak berkuasa, tanpa melihatkan kebertanggungjawaban dari segenap lapisan masyarakat untuk sama-sama menyumbang ke arah pemerintah yang bersih, cekap dan amanah. Lontaran pandangan dan suara golongan belia ternyata tidak lantang kedengaran dan ini diunjurkan sebagai bersabit sama ada dari sikap tidak peduli mahupun kurang pencerahan berhubung tanggungjawab sebagai warganegara bagi melindungi kesejahteraan negara dari gelaja kurang sihat.

Menurut Junaidi et al. (2012), senario politik yang memerlukan maklumat yang cepat dan juga kelemahan media tradisional sebagai penyampai maklumat menyebabkan rakyat mula beralih kepada medium komunikasi yang baru iaitu internet dan media digital. Media sosial telah menjadi salah satu platform utama untuk rakyat mendapat maklumat yang berkaitan dengan politik sesebuah negara termasuk Malaysia. Selain itu, internet dan media sosial juga turut membuka ruang yang baru dalam pendemokrasian capaian dan penyaluran maklumat yang berkaitan dengan politik. Ditambah lagi dengan penguatkuasaan Undi 18 memungkinkan lagi penggunaan media secara optimum kerana mereka merupakan pengguna media sosial paling ramai di Malaysia. Secara keseluruhannya, media massa seperti kempen, ideologi, manifesto dan blog-blog parti memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi fikiran golongan belia. Aplikasi ruang siber melalui penggunaan media alternatif seperti blog, emel, Youtube, Facebook, Twitter dan TikTok telah memperluaskan lagi ruang bersuara belia dan secara tidak langsung meningkatkan penglibatan politik belia. Rakyat semakin berani untuk menyuarakan rasa ketidakpuasan hati mereka dengan menggunakan ruang siber yang disediakan. Maka, menerusi artikel ini penulis akan memfokuskan kepada pengaruh media sosial terhadap pendidikan politik belia di Malaysia dengan lebih lanjut lagi.

## **2. BELIA DAN PENDIDIKAN POLITIK**

Perbincangan tentang pendidikan politik atau kefahaman politik bukanlah satu topik yang baharu. Telah banyak karya yang ditulis dan diwacanakan oleh pengkaji terdahulu baik dari luar negara atau dalam negara dalam membincangkan perihal tersebut daripada pelbagai sudut dan perspektif. Kajian oleh Robert & Alan (2002) mendapati bahawa kajian literasi politik belia dan gerakan aktivisme adalah usaha yang kompleks. Pemahaman yang lebih jelas tentang apa yang kita ketahui mengenai politik dan bagaimana kita boleh menghubungkan pengetahuan itu kepada penglibatan sivik adalah sangat penting.

Kajian yang telah dilakukan oleh Nusyuhada (2016), yang memberikan pandangan tentang sejauh mana penyertaan pelajar universiti dalam politik melalui penglibatan dalam talian. Kajian menunjukkan tahap penyertaan politik dalam talian yang tinggi dalam kalangan pelajar

di Universiti Teknologi MARA dipengaruhi oleh faktor seperti kepentingan politik, kemahiran internet dan komunikasi melalui media sosial. Selain itu, penyertaan politik paling ramai adalah lingkungan anak muda yang berumur 22 hingga 25 tahun yang mendominasi 64.9 peratus responden manakala bagi umur 18 hingga 21 tahun hanya melibatkan 25.9 peratus sahaja dalam kalangan responden. Hal ini memberikan gambaran bahawa generasi muda berumur 18 hingga 21 tahun tidak cakna dan juga tidak berminat untuk berpartisipasi dalam politik dibandingkan dengan had umur generasi muda yang boleh mengundi sebelum ini iaitu 21 tahun dan ke atas.

Belia merupakan aset terpenting dalam negara dan semakin mendapat perhatian pada masa kini untuk memastikan kejayaan serta kemakmuran sesebuah negara dapat dicapai. Jika dahulu golongan ini sering disisihkan, namun kini tidak lagi apabila situasi politik di Malaysia berubah selepas Pilihan Raya Umum ke-14 berakhir. Hal ini juga dapat dilihat apabila golongan belia di Malaysia kini telah mengambil serius hal ehwal politik Malaysia malahan bertindak dengan berani untuk mengubah pentadbiran kerajaan yang memerintah selama lebih 60 tahun kepada sebuah kerajaan baharu. Perubahan ini bukan sahaja memberi kesan kepada negara malahan telah membuka mata semua pihak bahawa golongan ini juga wajar diberi perhatian yang serius memandangkan mereka merupakan generasi pelapis dalam mentadbir negara. Peningkatan arus kemodenan yang berlaku di seluruh negara secara langsung memberikan kesan yang besar kepada meningkatnya tahap penglibatan politik atau celik politik dalam kalangan golongan belia. Berbanding dengan golongan yang lebih berusia yang seringkali dilihat mengamalkan 'politik lama' seperti tidak berani berubah, golongan belia pula dilihat sebaliknya. Kesedaran meluas terhadap politik juga mampu menjadikan seseorang belia lebih kritikal. Ia dapat dilihat apabila terdapat segelintir pemimpin belia atau individu belia di negara ini yang berupaya menonjolkan diri mereka sebagai seorang yang berkaliber dan dihormati.

Golongan belia juga tidak terlepas dari arus pemodenan yang pesat melanda dunia kini. Keprihatinan dan penglibatan politik golongan belia yang semakin aktif ini adalah seiring dengan perubahan yang berlaku dalam masyarakat umumnya. Kajian Saad dan Salman (2013) membuktikan berlaku peningkatan penglibatan politik masyarakat dari tahap yang dahulunya sederhana ke tahap yang lebih tinggi. Manakala kajian yang dijalankan oleh Mohd Nizar et al. (2017) pula menunjukkan bahawa kejayaan sesebuah parti dalam pilihan raya yang mendapat dukungan golongan belia masa kini banyak ditentukan oleh dasar yang bakal dibentuk seperti dinyatakan dalam manifesto, nilai yang ingin dibawa dalam pemerintahan oleh sesebuah parti dan mengenengahkan calon yang berkaliber.

Di samping itu, pengenalan Undi 18 yang diperkenalkan oleh kerajaan juga adalah satu langkah positif bagi memperkasakan pendidikan politik dalam kalangan belia. Ia memberikan peluang kepada mereka untuk memahami proses politik dan pilihan raya secara terperinci, serta melibatkan diri secara aktif dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan negara dan masyarakat. Dalam usaha merungkai pendidikan politik, perkara asas yang patut menjadi tumpuan adalah melengkapi generasi muda dengan kemahiran berfikir secara "*worldview*" (pandangan dunia) atau lebih sinonim dikenali sebagai konsep "*big picture thinking*" (gambaran pemikiran besar) serta "*detailed oriented*" (orientasi pemerincian). Anugerah berfikir yang dimiliki oleh setiap manusia adalah sesuatu kemahiran yang boleh dilatih (Zulkifley & Mohd. Asyraf, 2014).

Golongan belia merupakan komuniti sihat, produktif dan aktif yang mampu mencorakkan iklim ekonomi, sosial dan politik negara. Oleh yang demikian, golongan yang berumur 18 tahun seharusnya diberikan peluang untuk membuat keputusan dalam memilih pemimpin kerana undian haruslah merangkumi pelbagai peringkat usia bagi mengukur dan menilai kejayaan kerajaan yang wujud dalam pelbagai perspektif. Ketika mana golongan muda dibenarkan untuk mengundi, bukan sahaja mereka menjadi berani dalam menyuarakan isu-isu berkaitan diri mereka, malahan yakin dalam memperjuangkan perkara yang bersabit dengan kesejahteraan umum (Irma Wani et.al, 2021).

### **Kepentingan Undi 18 dan Pendidikan Politik kepada Belia**

1) Penglibatan Belia dalam Proses Demokrasi

Dengan mengurangkan usia mengundi, belia dapat mengambil bahagian secara aktif dalam memilih wakil rakyat yang memainkan peranan penting dalam pembuatan dasar dan undang-undang.

2) Memperkasakan Hak Asasi Manusia

Undi 18 merupakan hak asasi manusia yang harus dilindungi dan dihormati. Dengan memberikan hak mengundi kepada belia, hak asasi mereka akan diperkuat dan diakui sebagai warganegara yang mempunyai tanggungjawab untuk menyumbang kepada masyarakat dan negara.

3) Meningkatkan Kesedaran Politik

Pendidikan politik yang diberikan kepada belia akan membantu meningkatkan kesedaran mereka mengenai isu-isu politik dan sosial yang berlaku di negara ini. Mereka dapat memahami dengan lebih jelas dasar-dasar politik, perbezaan antara parti politik dan proses undi berfungsi.

4) Memupuk Pemikiran Kritis

Pendidikan politik dapat membantu belia memupuk kemahiran pemikiran kritis dan diajar untuk menganalisis isu-isu kompleks dengan cara yang betul, mempertimbangkan pendapat yang berbeza dan membuat keputusan berdasarkan fakta dan bukti.

5) Mendorong Keterlibatan Sosial

Dengan meningkatkan pemahaman politik, belia cenderung untuk terlibat dalam aktiviti sosial dan politik yang dapat memberi impak positif pada masyarakat. Mereka boleh menyuarakan pendapat, terlibat dalam kempen sosial atau menjadi pemimpin muda dalam komuniti.

6) Melahirkan Generasi Masa Depan yang Lebih Berpengetahuan

Belia yang terdidik dalam politik akan menjadi aset kepada negara. Mereka boleh menjadi pemimpin masa depan yang berpengetahuan dan memahami keperluan masyarakat serta menyumbang kepada pembangunan negara secara positif.

Pendidikan politik harus dilaksanakan dengan teliti untuk menggalakkan pemikiran bebas dan kritis, memberikan maklumat yang tepat dan seimbang serta menghindari sebarang bentuk

pengaruh politik yang berat sebelah. Menerusi pendidikan politik yang baik, belia dapat memainkan peranan yang lebih proaktif dan efektif dalam pembangunan negara dan masyarakat secara keseluruhan.

### **3. PENDIDIKAN POLITIK BELIA DI MEDIA SOSIAL**

Mutakhir ini, perkembangan politik Malaysia dilihat lebih bersifat terbuka dan mempunyai perkaitan langsung dengan peranan dan pengaruh media sosial sebagai medium perantara penyebaran maklumat dan perkongsian informasi. Media sosial telah menular masuk dan menjadi agen penting penyebaran maklumat dalam senario politik Malaysia bukan sahaja membawa implikasi terhadap pengekalan status quo tetapi turut mempengaruhi bentuk pemikiran politik yang lebih kritis dan matang (Ali Salman & Mohd Safar, 2011). Masyarakat umumnya termasuk golongan belia terpelajar turut menggunakan media sosial ini sebagai medium perbincangan dan perbahasan isu-isu semasa yang wujud di arena politik negara.

Umum maklum bahawa tahap pendidikan golongan belia di Malaysia melepasi tahap persekolahan menengah di mana faktor latar belakang akademik yang baik membantu anak-anak muda peka dengan perkembangan politik tanah air. Tahap minimum akademik adalah mencukupi untuk membentuk kemahiran insaniah, mengutarakan pandangan dan melibatkan diri secara giat dalam arus perdana negara. Berdasarkan pengumuman Digital 2019, Malaysia meletakkan kedudukannya sebagai negara pertama di Asia Tenggara dan ke-5 di dunia cakna penguasaan medium media sosial (Berita Harian, 2019). Statistik memperlihatkan antara tiga sehingga lapan jam dihabiskan oleh rakyat Malaysia menggunakan capaian internet dengan melayari platform media sosial iaitu hampir 80% dari pengguna tersebut adalah golongan belia. Bertitik tolak dari corak penggunaan tegar platform media sosial maka ahli politik boleh mengambil kesempatan dengan mendidik belia menjadi warganegara yang berilmu serta bertanggungjawab mengambil bahagian dalam isu-isu politik negara. Usaha untuk mencorak kepimpinan belia boleh disebarluaskan melalui aplikasi media sosial yang canggih serta menarik minat generasi muda.

Media sosial memberi pengaruh yang signifikan terhadap pendidikan politik belia baik secara positif mahupun negatif. Berikut adalah peranan media sosial dalam mempengaruhi pendidikan politik belia iaitu:

1) Akses Maklumat

Media sosial memudahkan akses terhadap informasi politik dan berita terkini daripada berbagai sumber tentang isu-isu politik dan perkembangan terbaru negara.

2) Partisipasi Politik

Media sosial memberikan platform bagi para belia untuk berpartisipasi dalam diskusi politik, mengungkapkan pandangan mereka dan terlibat dalam aktiviti politik. Ini dapat meningkatkan kesedaran politik dan memotivasikan mereka untuk menyumbang dalam proses politik.

- 3) **Memperluas Jangkauan Isu Politik**  
Menerusi media sosial, isu-isu politik dapat tersebar dengan cepat kepada pelbagai kelompok masyarakat termasuk belia. Hal ini memudahkan mereka untuk memahami masalah-masalah politik dari perspektif yang berbeza.
- 4) **Mempengaruhi Pandangan**  
Media sosial berkemampuan untuk mempengaruhi pandangan dan sikap politik belia menerusi konten yang tersebar luas. Kadangkala maklumat yang tidak tepat akan menyebabkan pemahaman yang keliru atau pemikiran yang ekstrem.
- 5) **Keterbatasan Analisis**  
Media sosial sering menyajikan maklumat dalam bentuk yang ringkas dan sederhana. Ini dapat menarik minat belia untuk menganalisis isu-isu politik secara mendalam dan memahami konteks politik dengan lebih mudah.

Tindakan bijak para ahli politik yang tidak selektif dalam menggunakan media sosial tetapi mengaplikasikan secara menyeluruh berupaya mencapai populasi belia yang lebih luas. Ini dapat membantu menyelar pemalsuan berita yang menjejaskan kredibiliti dan imej sesuatu pihak dengan cara yang mudah dan masa yang singkat. Penguasaan media sosial yang baik boleh merapatkan jurang antara ahli politik yang berpengalaman dengan golongan muda yang tegar teknologi telekomunikasi (Berita Harian, 2020). Natijahnya, pengaplikasian media sosial dan pendidikan politik mempunyai hubungkait dalam memahami corak pemikiran dua kumpulan yang berbeza latar belakang tetapi mempunyai keperluan untuk saling melengkapi. Tahap penglibatan akrab antara ahli politik dengan golongan belia menjadi mudah apabila wujudnya komunikasi dua hala. Tambahan pula, aplikasi media pintar yang dilengkapi dalam telefon pintar signifikan dalam membuat capaian info meluas dan tidak terbatas mampu mengakses maklumat terkini secara meluas serta menggalakkan penyebaran maklumat tanpa sekatan.

Menurut Ali Salman et al., (2018), generasi muda dilabelkan dengan stigma mudah terpengaruh, lantang bersuara dan menjadikan akaun media sosial sebagai medan perdebatan umum. Keberanian menyuarakan pandangan secara terbuka menggunakan media alternatif seperti Facebook, Instagram, Twitter, Youtube, TikTok, Tumblr dan lain-lain lagi membuktikan pengaruh media sosial dalam kehidupan mereka yang berumur 30 tahun ke bawah ini. Dalam menghadapi pengaruh media sosial terhadap pendidikan politik, adalah penting untuk seluruh masyarakat bekerjasama bagi memastikan maklumat yang disebarkan adalah tepat dan berasaskan fakta. Pendidikan politik yang kritis, inklusif dan bertanggungjawab menerusi media sosial dapat membantu mewujudkan masyarakat yang lebih bermaklumat, partisipatif dan kritis terhadap isu politik yang dihadapi di Malaysia.

#### **4. PENUTUP**

Pendidikan politik wajar menjadi agenda kritikal pengurusan dan pembangunan belia dan harus difikirkan dalam konteks yang luas. Penggembengan bahu bagi mewujudkan budaya celik minda terhadap ilmu kenegaraan di setiap lapisan masyarakat wajar dilaksanakan seiring



dengan proses pembangunan belia. Selain itu, media sosial memainkan peranan penting dalam menerapkan pendidikan politik kepada belia yang boleh dilaksanakan melalui kempen kesedaran politik. Kepimpinan negara pada masa hadapan adalah bergantung kepada golongan belia pada masa kini. Generasi belia merupakan golongan yang terbesar dalam masyarakat dan merupakan golongan yang akan menentukan jatuh atau banggunya parti politik dan pimpinan di negara ini. Justeru, adalah penting untuk semua pihak berkepentingan termasuk kerajaan, institusi pendidikan, keluarga dan masyarakat bekerjasama untuk mempromosikan pendidikan politik berkualiti di media sosial. Sokongan untuk inisiatif pendidikan politik, meningkatkan literasi digital dan membangunkan kemahiran analisis dalam kalangan belia akan membantu mereka menjadi pengundi yang matang dan aktif dalam proses demokrasi negara.

## **RUJUKAN**

- Ali Salman, Mohammad Agus Yusoff, Mohd Azul Mohamad Salleh dan Mohd Yusof Hj Abdullah. (2018). Penggunaan Media Sosial untuk Sokongan Politik di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*, 3(1): 51-63
- Bernama. (2020). Peranan Belia Dalam Mendepani Cabaran. Diakses pada 01 Jun 2023, dari <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1842581>
- Berita Harian. (2019). Kadar Penembusan Media Sosial Malaysia Tertinggi di Asia Tenggara. Diakses pada 03 Julai 2023 dari <https://www.bharian.com.my/bisnes/lainlain/2019/01/526175/kadar-penembusan-media-sosial-malaysia-tertinggi-di-asiatenggara>.
- Berita Harian. (2021). Undi 18 Matangkan Fikiran Golongan Muda - MBM. Diakses pada 02 Julai 2023 dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/812607/undi-18-matangkan-fikiran-golongan-muda-mbm>
- Dudley, Robert L., & Alan R. Gitelson. (2002). From Periphery to Center: Pathways for Youth Civic Engagement in the Day-To-Day Life of Communities. *Applied Developmental Science*. 6(4), 189–95.
- Fatimah Akmal dan Ali Salman. (2015). “Partisipasi Politik Belia Secara ‘Online’ Melalui Ruang Demokrasi Maklumat Media Baru.” *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. 31(1): 81–100.
- Irma Wani Othman, Muhammad Safuan Yusoff, Mohd Kamal Mohd Shah, Mohd Sohaimi Esa, Romzi Ationg, Mohd Azri Ibrahim dan Azlan Syafie Abdullah @ Raymond Majumah Othman, I. W., & Yusoff, M. S. (2021). Maslahat Literasi Pendidikan Politik Symbiosis Benefits of Political Education Literacy Symbiosis of Youth in Facing the Changing National Leadership Landscape. 1, 82–104.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Khaidzir Hj. Ismail, Abdul Halim Sidek & Noor Aziah Hj. Mohd Awal. (2012). Persepsi belia terhadap isu politik dan dasar Kerajaan Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 7(12): 136-156.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Novel Lyndon dan Mazlan Ali. (2013) Penggunaan Internet dan Persepsi Politik Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar* (16): 1-13.
- Mohd Nizar Sudin, Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar & Marlisa Abdul Rahim. (2017). TN50 Generasi Muda: Suara Kepimpinan Masa Hadapan. *The International Seminar on Islam, Culture and Heritage: Socio-Political and Economic Issues*, Universiti Utara Malaysia.

- Mohd Uzaini Mohamad Sani & Suhana Saad. (2018). Pelaksanaan dan Cabaran Penglibatan Belia Dalam Parlimen Belia Malaysia. *Journal of Social Science and Humanities*,13 (1): 1-17.
- Norshuhada Shiratuddin. (2016). Generation Y's Political Participation on Social Media. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*. 32(1): 246–62.
- Shan, Gan Pei, and Noor Sulastry Yurni Ahmad. (2015). Pengaruh Media Massa ke atas Penglibatan Politik Belia Cina. *Malaysia Journal of Youth Studies*. 63–89.
- Zulkifley Hamid & Mohd. Asyraf Zulkifley. (2014). Membina Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Holistik dalam Kalangan Pelajar Menggunakan Modul Edward De Bono. *Journal of Social Science and Humanities*, 9 (2): 01-13.

**PENYELIDIKAN SEBAGAI ALAT DIPLOMATIK DALAM USAHA  
PENGANTARABANGSAAN PENDIDIKAN TINGGI**

Mohd Azmir Mohd Nizah<sup>1</sup>, Afi Roshezry Abu Bakar<sup>2</sup>

<sup>1</sup> *Pusat Pengajian Teras & Fakulti  
Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti  
Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai,  
71800 Nilai, Negeri Sembilan*

[azmirnizah@usim.edu.my](mailto:azmirnizah@usim.edu.my)

<sup>2</sup> *Jabatan Kewartawanan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Tunku Abdul Rahman,  
Jalan Universiti, Bandar Barat, 31900 Kampar, Perak*

[afi@utar.edu.my](mailto:afi@utar.edu.my)

**ABSTRAK**

Penyelidikan memainkan peranan penting dalam pembangunan penyelesaian teknologi dan menyumbang kepada pembangunan sesebuah negara. Oleh kerana ia memerlukan jumlah wang yang sangat besar, jangka masa yang lama untuk mendapatkan hasil, dan risiko yang lebih tinggi untuk disiapkan, suatu pendekatan inovatif sangat penting. Kerjasama penyelidikan, geran padanan luaran, dan skim padanan universiti-industri adalah usaha yang dilakukan oleh Malaysia, khususnya Kementerian Pengajian Tinggi, sebagai penerima terbesar menguruskan geran penyelidikan di Malaysia. Penyelidikan kini menjadi alat diplomasi, untuk mencari, memadankan, dan menguruskan komuniti penyelidikan Malaysia dengan komuniti penyelidikan antarabangsa, firma penyelidikan, atau kerajaan asing. Dengan menggunakan kes sebagai rujukan, kajian ini mendapati bahawa penyelidikan bukan sahaja menyumbang kepada pengetahuan baru dan memajukan teknologi moden, tetapi juga berfungsi sebagai alat diplomasi dalam mengukuhkan kerjasama antarabangsa. Diharapkan kerajaan akan mempertimbangkan dana penyelidikan yang lebih besar, kerana ia bukan sahaja memberi manfaat kepada Malaysia secara dalaman, tetapi juga membuka jalan bagi Malaysia sebagai kolaborator antarabangsa yang berpotensi, sekaligus meningkatkan prestij Malaysia di peringkat antarabangsa.

**Kata kunci:** penyelidikan fundamental; pengantarabangsaan; universiti; teknologi; diplomasi lembut

**1. PENGENALAN**

Bersandarkan sejarah, penyelidikan memainkan peranan penting dalam pembangunan penyelesaian teknologi dan menyumbang kepada pembangunan secara individu, institusi atau

negara secara amnya. Daripada cara hidup yang baik, bermula kepada kerumitan masyarakat hierarki, kepada kewujudan empayar yang besar, tidak dinafikan penyelidikan sangat memainkan peranan penting. Sebagai contoh tamadun Mesir Purba, Yunani, Arab dan Barat telah membuktikan kemajuan teknologi pada zaman tersebut, menjadi faktor kemajuan sesebuah tamadun (Mohd Nizah, 2023). Namun bagaimanakah ini boleh terjadi? Penyelidikan, daripada aspek terminologi dan pengoperasian, difahami sebagai penciptaan pengetahuan baru dan penggunaan pengetahuan sedia ada dengan cara yang baru dan kreatif untuk menjana konsep, metodologi dan juga pemahaman baru kepada mana-mana fenomena sosial, fizikal, bukan fizikal yang membenarkan pembangunan sesebuah entiti. Ia juga boleh ditakrifkan sebagai kajian terperinci tentang sesuatu subjek, terutamanya untuk menemui maklumat terkini atau mencapai pemahaman baru.

Walau bagaimanapun, disebabkan pelbagai cabaran yang dihadapi semasa melakukan penyelidikan, seperti keperluan bajet yang besar, masa yang lebih lama yang diperlukan, atau risiko yang lebih tinggi untuk disiapkan atau diselesaikan, maka, peluang perkongsian yang inovatif, serta kerjasama di luar kotak pemikiran adalah sangat penting. Kerjasama antarabangsa menjadi salah satu pendekatan dalam menjadikan aktiviti penyelidikan terus bertolak ke sempadan pengetahuan, berkongsi pengalaman, malah mencari kebaikan bersama. Ini boleh dibuktikan sewaktu pandemik Covid19 melanda sistem kesihatan di seluruh dunia, negara-negara kuasa besar global memainkan peranan dalam mencari jalan penyelesaian. Amerika Syarikat, China, Rusia, malah Kesatuan Eropah bersatu dan bergabung mencari solusi vaksin. Seperti yang dijelaskan oleh Ju et al. (2022), walaupun negara China dan Amerika Syarikat dianggap sebagai musuh dalam perlumbaan untuk penciptaan barangan awam, namun tetap menjadikan penyelidikan sebagai alat diplomatik, dan menyumbang secara langsung kepada komuniti global. Begitu juga peranan yang dimainkan oleh pusat-pusat penyelidikan sebagai sebahagian daripada pembuat dasar dan polisi sesebuah kerajaan, yang pada hakikatnya, juga menjadi sebahagian daripada pihak berkepentingan terhadap polisi sesebuah negara (Sundararaman, 2008).

Di Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi adalah merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk perancangan strategik dan halatuju penyelidikan negara melalui pengurusan geran fundamental. Dalam Rancangan Malaysia Ke-9, KPT menerima peruntukan sebanyak 285 juta daripada Unit Perancang Ekonomi sebagai agensi pusat untuk membuka geran penyelidikan asas serta satu juta daripada aktiviti kerjasama antarabangsa. Ia bukan sahaja menyumbang kepada jumlah aktiviti penyelidikan, tetapi juga menjadikan potensi keterlihatan dalam kalangan komuniti penyelidikan di seluruh dunia malah meningkatkan kedudukan dan penarafan sistem pendidikan tinggi di Malaysia, dan berpotensi meningkatkan pendapatan ekonomi Malaysia.

Oleh itu, kajian ini akan menganalisa program-program dan projek-projek yang melibatkan kerjasama antarabangsa, yang seterusnya menyumbang kepada nilai tinggi pendidikan tinggi Malaysia.

## **2. METODOLOGI**

Kajian ini menganalisis beberapa kes daripada usaha Malaysia dalam merancang dan mengurus beberapa inisiatif yang melibatkan kerjasama daripada beberapa badan antarabangsa dan negara asing. Inisiatif sedemikian adalah daripada peluang geran khas yang melibatkan negara seperti Jepun, Perancis dan Sepanyol. Dua lagi negara berada di peringkat awal melibatkan Amerika Syarikat dan China. Semua inisiatif ini adalah dari pakej Kerjasama dan Perikatan Malaysia dalam Penyelidikan (MyPAIR). Di samping itu terdapat juga peluang geran yang melibatkan badan antarabangsa, seperti Erasmus+, Horizon 2020, ASEAN STI, PHC-Hibiscus, GMI, Newton-Ungku Omar Fund, MJIT, dan MIR. Penyelidik kemudian akan menganalisis kes-kes tersebut dalam bahagian perbincangan. Permasalahan, cabaran dan cadangan boleh didapati dalam bahagian berikut.

## **3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Berdasarkan kepada jumlah kerjasama terbesar yang melibatkan negara asing pada ketika ini, adalah dari negara Jepun. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah memberikan dana yang besar untuk menyokong dan memadamkan program penyelidikan antarabangsa di bawah inisiatif MyPAIR iaitu Perkongsian Penyelidikan Sains dan Teknologi untuk Pembangunan Lestari (SATREPS) daripada Kerajaan Jepun.

Kerjasama teknikal antara Malaysia dan Jepun adalah melalui pelaksanaan SATREPS melalui kementerian sejak tahun 2011. Malah, projek SATREPS bukan sahaja di Malaysia tetapi turut melibatkan pelbagai negara, contohnya Sri Lanka, Peru, Afrika Selatan, Myanmar, Laos, Afghanistan, Croatia dan Indonesia (Alagu et al., 2013; Arbanas et al., 2017; Durrheim et al., 2012; H. et al., 2019; Konagai et al., 2021; Meguro & Hideomi, 2018; Yamazaki & Zavala, 2013). SATREPS ialah program penyelidikan bersama yang menjangkau tiga hingga lima tahun antara Jepun dan negara membangun yang bertujuan untuk mencari penyelesaian kepada isu-isu berskala global. Kerjasama ini tertumpu kepada alam sekitar dan tenaga, sumber bio, pencegahan dan mitigasi bencana serta kawalan penyakit berjangkit. Ia adalah sebahagian daripada "diplomasi sains dan teknologi" Jepun yang diusahakan secara kolaboratif oleh sektor sains dan teknologi dan sektor diplomatik untuk menggalakkan pembangunan bersama. Sehingga kini, inisiatif ini telah membiayai sembilan projek sejak tahun 2011.

KPT juga telah bekerjasama dengan United Kingdom (UK). Perkongsian Kementerian Pendidikan Tinggi dengan Kerajaan UK melalui Newton-Ungku Omar Fund (NUOF) dan British Council sangat memberikan impak positif, terutamanya dalam Penyakit Tidak Berjangkit, Daya Tahan Iklim dan Alam Sekitar, dan Pendidikan STEM, antara tema lainnya. Dana Newton membina perkongsian saintifik dan inovasi dengan 17 negara rakan kongsi termasuk Malaysia untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kebajikan sosial, serta untuk membangunkan kapasiti penyelidikan dan inovasi mereka untuk pertumbuhan mampan jangka panjang. Sebanyak enam program yang terdiri daripada 80 projek telah dibiayai melalui perkongsian ini sejak 2014 hingga 2021 dengan jumlah hampir RM200 juta.

Penyelidikan sebagai alat diplomatik juga telah diperluaskan ke Perancis. Ini boleh

dibuktikan melalui program pembiayaan bersama Perancis dan Malaysia untuk pembangunan inovatif dan projek penyelidikan bersama peringkat tinggi, yang dikenali sebagai Partnership Hubert Curien Hibiscus (PHC Hibiscus). Program PHC-Hibiscus bertujuan untuk mempergiatkan lagi usaha kedua-dua negara bagi menyediakan perkembangan masa depan. Kerjasama ini akan membangunkan sinergi antara komuniti penyelidikan kedua-dua negara untuk mewujudkan rangkaian penyelidikan standard tinggi yang berstruktur dan mampan yang diiktiraf di peringkat Eropah dan antarabangsa. Selepas kejayaan pelaksanaan PHC-Hibiscus pada tahun 2019 dan 2020 yang dijalankan dengan kerjasama KPT dengan Kementerian Eropah dan Hal Ehwal Luar Negeri (MEAE) dan Kementerian Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Penyelidikan Kebangsaan (MESRI) Perancis, Kerjasama Penyelidikan Dua Hala Malaysia-Perancis 2021 (MATCH 2021) telah diperkenalkan sebagai inisiatif untuk terus menyokong kerjasama dua hala dalam penyelidikan. Secara keseluruhan, 26 projek telah dilaksanakan di bawah kerjasama ini.

Hubungan diplomatik juga dijalankan dalam kerjasama KPT dengan Kumpulan Kerajaan Industri Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) dan Pusat Pembangunan Teknologi Perindustrian, E.P.E. (CDTI) untuk melaksanakan Program Berinovasi Malaysia-Sepanyol (MySIP). Ia merupakan program bersama antara KPT, MIGHT dan Pusat Pembangunan Teknologi Perindustrian, E.P.E. (CDTI) di Sepanyol untuk mempromosikan dan membiayai penyelidikan dan pembangunan teknologi yang dipacu pasaran serta menggalakkan perkongsian dan projek kerjasama Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi (R&D&I) perniagaan antara entiti dari kedua-dua negara. Bagi panggilan pertama, dua projek rintis telah berjaya dipilih sebagai penerima geran. Sehingga sekarang, terdapat 3 projek aktif yang melibatkan RM1.5 juta bagi pihak Malaysia dan Sepanyol.

Terdapat 71 projek yang telah dijalankan melibatkan empat negara asing yang melibatkan dana berjutaan ringgit bagi menandakan kepentingan penyelidikan sebagai alat untuk hubungan diplomatik. Lebih banyak kerjasama sedang dalam fasa rundingan, kerana negara-negara ini menyedari selain beberapa inisiatif diplomatik konvensional, penyelidikan sebagai alat diplomasi halus memberikan peluang yang lebih besar untuk kedua-dua negara dan meningkatkan teknologi dan pemindahan pengetahuan bersama, dan yang paling penting, meningkatkan peluang untuk persefahaman bersama.

Melihat ke hadapan, geran padanan antarabangsa boleh digunakan sebagai alat untuk mengembangkan hubungan dan membantu ekosistem pendidikan dalam melatih penyelidik dan membolehkan pemindahan teknologi antara negara. Ia juga boleh dijadikan sebagai inisiatif penjana kekayaan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia dan membantu memulakan inovasi, pembangunan dan pengkomersialan bidang penyelidikan keutamaan. Ia juga membantu meningkatkan perkongsian pintar antara kedua-dua negara yang secara positif lebih mampan dan menyediakan beberapa perkongsian jangka panjang. Satu lagi faedah yang boleh diperolehi daripada inisiatif sedemikian, di mana ia memacu lebih banyak pengembangan ekonomi dan secara tidak langsung menyumbang kepada pembangunan sosial. Hasil dari aktiviti penyelidikan yang banyak dapat dibuktikan melalui perluasan kuantiti dan kualiti penyelidikan domestik, di mana ia dapat meningkatkan penyelidikan dan pembangunan sambil memastikan kekal berdaya saing di peringkat global. Satu lagi titik tambah yang boleh dikurangkan daripada aktiviti penyelidikan ialah kehadiran global peningkatan inovasi yang

menangani cabaran global yang memerlukan kepakaran antarabangsa pelbagai disiplin yang berfungsi secara sinergi.

Kerjasama penyelidikan juga dapat menyumbangkan kepada masyarakat yang bertanggungjawab kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) seperti yang digariskan dalam Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2015, yang bertujuan untuk dicapai menjelang tahun 2030. Tambahan pula, peluang perniagaan hijau telah diwujudkan untuk produk perniagaan nilai tambah. Secara ringkas semua usaha ini, dapat meningkatkan keterlihatan global untuk institusi pengajian tinggi Malaysia.

#### 4. KESIMPULAN

Kerjasama penyelidikan antara dua negara asing sudah pasti dapat menyumbang kepada pembangunan pengetahuan baru, memperluaskan diplomasi sains ke tahap kerjasama dua hala yang lain. Komitmen Malaysia melalui inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi dengan program MyPAIR, menandakan visi negara untuk menjadi negara maju yang berstatus bukan mustahil. Dengan penglibatan negara-negara yang paling aktif dan terbesar dari segi dana R&D, Malaysia mendapat manfaat dari dalam dan ke luar. Tetapi, komitmen itu memerlukan lebih serius dalam kalangan penggubal dasar dari segi peruntukan belanjawan demi padanan dengan negara luar. Jika tidak, penyelidikan bukanlah alat diplomatik yang mampan. Ini adalah jalan ke hadapan bagi Malaysia untuk meningkatkan keterlihatannya di persada global.

#### RUJUKAN

- Alagu, M., Ban, T., Tsujimoto, H., & ... M. M. (2013). Strategic plan and approaches for Afghanistan wheat improvement under SATREPS. *Wheat Information Service - Electronic Newsletter for Wheat Researchers*, 116, 9–11. <https://www.cabdirect.org/cabdirect/abstract/20133364791>
- Arbanas, Ž., Mihalić Arbanas, S., Sassa, K., Marui, H., Fukuoka, H., Krkač, M., Vivoda Prodan, M., Bernat Gazibara, S., & Đomlija, P. (2017). The Croatian-Japanese SATREPS Joint Research Project on Landslides (IPL-161). *Advancing Culture of Living with Landslides*, 395–409. [https://doi.org/10.1007/978-3-319-59469-9\\_35](https://doi.org/10.1007/978-3-319-59469-9_35)
- Durrheim, R., Ogasawara, H., Nakatani, M., & Yabe, Y. (2012). *Establishment of SATREPS experimental sites in South African gold mines to monitor phenomena associated with earthquake nucleation and rupture*. <http://researchspace.csir.co.za/dspace/handle/10204/5831>
- Ju, W., Sannusi, S. N., & Mohamad, E. (2022). “Public goods” or “diplomatic tools”: A Framing Research on Chinese and American Media Reports Regarding Chinese COVID-19 vaccine. *Media Asia*, 1–39. <https://doi.org/10.1080/01296612.2022.2081651>
- Konagai, K., Karunawardena, A., & Sassa, K. (2021). *SATREPS Project for Sri Lanka with Regard to “Development of Early Warning Technology of Rain-Induced Rapid and Long-Travelling Landslides.”* 205–214. [https://doi.org/10.1007/978-3-030-60196-6\\_12](https://doi.org/10.1007/978-3-030-60196-6_12)
- Meguro, K., & Hideomi, G. (2018). Special Issue on SATREPS Myanmar Project: Construction of Myanmar Disaster Response Enhancement System and Industry-

- Academia-Government Cooperation. *Journal of Disaster Research*, 13(1), 5.  
[https://www.jstage.jst.go.jp/article/jdr/13/1/13\\_5/\\_article/-char/ja/](https://www.jstage.jst.go.jp/article/jdr/13/1/13_5/_article/-char/ja/)
- H., N., M., I., H., T., H., K., I., M., U., R., H., G., G., S., N., A., A., B.-S., & I.G., N. (2019). A Newly Installed Seismic and Geodetic Observational System at Five Indonesian Volcanoes as Part of the SATREPS Project. *Journal of Disaster Research*, 14(1), 6–17.  
<https://doi.org/10.20965/jdr.2019.p0006>
- Mohd Nizah, M. A. (2023, November). Toleransi sebagai Nilai Pengukuhan Malaysia Madani. *Dewan Tamadun Islam*, 20–22.
- Sundararaman, S. (2008). Research Institutes as Diplomatic Actors. *Studies in Diplomacy and International Relations*, 118–132.  
[https://doi.org/10.1057/9780230227422\\_8](https://doi.org/10.1057/9780230227422_8)
- Yamazaki, F., & Zavala, C. (2013). SATREPS project on enhancement of earthquake and tsunami disaster mitigation technology in Peru. *Journal of Disaster*, 8(2), 224–234.  
<http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.707.6411&rep=rep1&type=pdf>



## PENGGUNAAN STRATEGI AFEKTIF DALAM MENINGKATKAN PENGUASAAN BAHASA KADAZANDUSUN

Florina Jumil<sup>1</sup>, Noorafini Kassim<sup>2</sup>, Haryantie Gopoit<sup>3</sup>  
<sup>1,2,3</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa  
Universiti Malaysia Sabah

[FlorinaJD.olin@ums.edu.my](mailto:FlorinaJD.olin@ums.edu.my), [noorafini@ums.edu.my](mailto:noorafini@ums.edu.my), [haryantiebtgopoit@ums.edu.my](mailto:haryantiebtgopoit@ums.edu.my)

### ABSTRAK

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Kadazandusun dalam kalangan bukan penutur memerlukan adanya suatu pendekatan yang tepat dalam upaya mencapai tujuan, pendekatan tersebut seperti penggunaan strategi pembelajaran Afektif. Dalam hal ini strategi pembelajaran afektif berhubungan dengan nilai (value) yang tidak mudah untuk di ukur karena menyangkut terhadap kesadaran sikap seseorang dari dalam dirinya. Pada hakikatnya pembelajaran dikaitkan dengan bagaimana cara mengajarkan kepada prasiswazah atau bagaimana membuat pelajar prasiswazah mampu mendalami dan mengetahui kemampuannya sendiri. Penelitian ini mengeksplorasi bagaimana strategi pembelajaran afektif dapat memperdalam dan meningkatkan penguasaan bahasa Kadazandusun dalam kalangan pelajar bukan Kadazandusun. Seramai 150 orang pelajar prasiswazah yang mengambil kursus Bahasa Kadazandusun Tahap II pada semester 2 sesi 2023/2024 terlibat sebagai responden. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik. Data soal selidik dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) 25.0*. Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati bahawa penggunaan strategi afektif semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (pdp) adalah positif dalam meningkatkan penguasaan bahasa Kadazandusun. Hasil dapatan ini memberikan implikasi signifikan untuk amalan pengajaran bahasa Kadazandusun. Dengan menerapkan strategi afektif, pengkaji dapat memperkasa pengalaman pembelajaran dan mendorong pencapaian akademik yang lebih tinggi dalam kalangan pelajar prasiswazah. Strategi ini tidak hanya memperkaya proses pembelajaran tetapi juga memaksimumkan potensi pencapaian pelajar prasiswazah, menjadikannya alat yang krusial dalam pendidikan bahasa Kadazandusun.

**Kata kunci:** Strategi Pembelajaran Afektif, Meningkatkan Penguasaan, Bahasa Kadazandusun, Pelajar Prasiswazah, Pengajaran dan Pembelajaran (pdp)

### 1. PENGENALAN

Dalam era globalisasi yang mencabar, pelajar prasiswazah bukan penutur sering menghadapi cabaran dalam proses pembelajaran bahasa Kadazandusun, termasuk kurangnya pendedahan dan sumber yang sesuai. Bahasa Kadazandusun, sebagai salah satu kursus yang popular dalam kalangan pelajar prasiswazah mampu memperkaya kepelbagaian linguistik di negara kita. Melalui

pendekatan yang tepat, termasuk penggunaan strategi afektif, kita dapat merangsang minat dan meningkatkan kemahiran bahasa Kadazandusun, Schunk, D. H., & Zimmerman, B. (2008).

Strategi Pembelajaran Afektif, menurut Wina Sanjaya (2007), adalah perencanaan kegiatan yang dirancang untuk mencapai tujuan pendidikan yang spesifik. Dalam konteks pendidikan, strategi ini berfokus pada pengembangan emosi dan motivasi peserta didik.

Menurut Hanafiyah (2012: 1-2), pembelajaran afektif lebih memfokuskan kepada pendidikan nilai. Dalam konteks ini, strategi pembelajaran afektif berkaitan dengan nilai-nilai (*value*) yang sukar diukur kerana ia melibatkan kesedaran dan sikap individu yang berasal dari dalam diri mereka. Hal ini disokong oleh Hamruni (2009: 119-120), yang menekankan pentingnya aspek afektif dalam membentuk sikap dan nilai dalam pendidikan.

Penggunaan strategi afektif dalam pengajaran bahasa Kadazandusun membuka peluang baru untuk merangsang minat dan motivasi pelajar prasiswazah bukan penutur. Dengan memanfaatkan pendekatan yang menyentuh aspek emosi, pengalaman, dan interaksi sosial, strategi ini mampu menjadikan pembelajaran lebih bermakna dan berkesan. Pelajar prasiswazah bukan penutur dapat terlibat secara aktif melalui aktiviti yang menghubungkan mereka dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Kadazandusun, menjadikan bahasa ini bukan sekadar satu alat komunikasi, tetapi satu cara hidup.

Pelbagai strategi afektif yang dapat diaplikasikan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Kadazandusun dalam kalangan pelajar prasiswazah bukan penutur. Strategi afektif dalam pembelajaran bahasa Kadazandusun menekankan penggunaan media muzik, penciptaan suasana yang selesa, serta perhatian terhadap perasaan peserta didik semasa proses pembelajaran. Pendekatan ini bertujuan agar peserta didik tidak hanya menguasai kemahiran bahasa Kadazandusun, tetapi juga dapat mengelola emosi mereka dengan lebih baik. Dengan penerapan strategi afektif, diharapkan pengalaman belajar bahasa Kadazandusun menjadi lebih menyenangkan dan memberikan rasa nyaman kepada peserta didik dalam suasana kelas.

## **2. OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti sejauhmanakah penggunaan strategi afektif dalam meningkatkan penguasaan bahasa Kadazandusun.

## **3. METODOLOGI**

Kajian ini merupakan suatu kajian kuantitatif dan data yang diperolehi melalui soal selidik dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) 25.0*.

### **3.1 RESPONDEN KAJIAN**

Maklumat demografi pelajar yang terlibat di dalam kajian ini dipaparkan dalam jadual 1.0 iaitu meliputi aspek jantina, etnik, dan bidang pengajian. Daripada keseluruhan responden iaitu seramai

150 orang, 30% (n=30) adalah lelaki, manakala 70% (n=70) adalah perempuan. Kajian ini juga turut melibatkan pelajar dari pelbagai latar belakang, etnik dan bidang pengajian. Jika dilihat secara terperinci, 35% (n=35) responden adalah daripada etnik Melayu, 25% (n=25) daripada etnik Cina, 16% (n=16) daripada etnik India, dan 24% (n=24) daripada etnik lain. Bidang pengajian pula, majoriti responden adalah dari bidang Sains Sosial dengan 76% (n=76), manakala 24% (n=24) adalah dari bidang sains.

**Jadual 1.0 : Taburan Frekuensi Responden**

	Variabel	Peratus
<b>Jantina</b>	Lelaki	30%
	Perempuan	70%
<b>Etnik</b>	Melayu	35%
	Cina	25%
	India	16%
	Lain-lain	24%
<b>Bidang Pengajian</b>	Sains Sosial	76%
	Sains	24%

#### 4. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

**Jadual 2.0 : Pengaruh Strategi Afektif Terhadap Penguasaan Bahasa Kadazandusun**

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	0.168 <sup>a</sup>	0.028	0.022	9.20580

<sup>a</sup>Strategi Afektif

Jadual 2.0 menunjukkan sebanyak mana varian atau pembolehubah bersandar iaitu tahap penguasaan bahasa Kadazandusun dipengaruhi oleh pembolehubah bebas iaitu strategi Afektif. Hasil ujian menunjukkan bahawa korelasi antara variabel bersandar iaitu tahap penguasaan bahasa Kadazandusun dan variabel bebas iaitu strategi Afektif ialah pada nilai 0.028. Nilai R Square yang bersamaan dengan 0.028 tersebut menunjukkan bahawa 28% perubahan dalam variabel bersandar adalah disebabkan strategi afektif yang digunakan. Ini bermaksud, strategi afektif memberi pengaruh positif terhadap penguasaan bahasa Kadazandusun pelajar bukan penutur.

#### 5. KESIMPULAN

Secara keseluruhan, hasil kajian membuktikan bahawa strategi afektif membawa pengaruh terhadap penguasaan bahasa Kadazandusun dalam kalangan pelajar prasiswazah bukan penutur. Hasil penelitian ini turut menghasilkan beberapa rekomendasi penting. Pertama, pendidik perlu

dilatih dan diberikan dukungan yang tepat untuk menerapkan strategi pembelajaran afektif dengan lebih efektif. Kedua, pengembang kurikulum harus memperhatikan integrasi strategi pembelajaran afektif dalam rencana pelaksanaan pembelajaran. Dengan langkah-langkah ini, ilmu yang diperoleh boleh berkontribusi secara signifikan dalam meningkatkan mutu pendidikan, dengan menekankan pentingnya aspek afektif dalam proses pembelajaran pelajar prasiswazah.

Oleh itu, setiap kita pendidik khususnya bahasa Kadazandusun perlu peka terhadap keadaan jiwa setiap pelajar prasiswazah. Dengan memahami emosi dan motivasi mereka, kita dapat menilai kemampuan dan tahap pemahaman pelajar prasiswazah secara lebih tepat, terutamanya dalam konteks strategi pembelajaran afektif. Hal ini penting bagi memastikan proses pembelajaran berlangsung dengan berkesan dan memberi impak yang mendalam.

Melaksanakan tugas dengan cemerlang sebagai seorang pendidik merupakan satu tanggungjawab yang amat besar, terutama dalam penyampaian sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Kadazandusun kepada pelajar prasiswazah bukan penutur. Pendidikan yang kita berikan bukan sekadar pemindahan pengetahuan kognitif kepada pelajar prasiswazah, tetapi juga bagaimana kita dapat mengintegrasikan dan menghidupkan strategi pembelajaran afektif. Ini bertujuan agar pelajar prasiswazah bukan hanya memahami, tetapi juga dapat menerapkan ilmu yang diperoleh dalam kehidupan seharian mereka.

## **RUJUKAN**

- Schunk, D. H., & Zimmerman, B. (2008). *Motivation and Self-Regulated Learning: Theory, Research, and Applications*. New York: Routledge.
- Kumar, S. (2018). "Affective Strategies for Enhancing Language Learning." *Journal of Language Teaching and Research*, 9(3), 498-506.
- Sanjaya, W. (2007). *Strategi Pembelajaran Berorientasi Standar Proses Pendidikan*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.
- Hanafiyah, M. (2012). *Pendidikan Karakter dalam Pembelajaran Afektif*. Jurnal Pendidikan, 1(1), 1-2.
- Hamruni. (2009). *Strategi Pembelajaran dan Keterampilan Mengajar*. Jakarta: Bumi Aksara
- Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). (2019). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun di Pusat Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: DBP.
- Sahak, M. (2023). *Cultural Relevance in Language Learning: Challenges and Opportunities in Kadazandusun*. *Journal of Educational Research and Practice*, 13(1), 50-67.

## MENGADUN KEINDAHAN BAHASA DALAM EMPAYAR HIKAYAT PUTERA TANPA NAMA

Nor Hafidah Ibrahim (UUM)

norhafidah@uum.edu.my

Melor Fauzita binti Md. Yusoff ( UUM)

fauzita@uum.edu.my

Jabatan Bahasa, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah,  
Universiti Utara Malaysia

### ABSTRAK

Bahasa ialah wadah yang menampung pemikiran yang dinyatakan dalam satu karya. Penggunaan bahasa figuratif boleh mewarnai karya yang mampu mempengaruhi pandangan dan pemikiran pembaca. Dalam sesebuah karya, bahasa merupakan salah satu komponen yang penting, keindahan bahasa yang digunakan oleh penulis merupakan salah satu sebab yang mendorong kepada kejayaan sesebuah karya. Bahasa figuratif digunakan untuk menyatakan sesuatu secara tidak langsung. Manakala, bahasa figuratif atau juga dikenali sebagai bahasa kiasan merupakan bahasa yang digunakan secara meluas dalam sesebuah karya Melayu iaitu karya tradisional dan karya moden. Bahasa figuratif dapat memberikan kesan kepada karya sastera atau puisi untuk menjadikannya lebih menarik untuk dibaca oleh pembaca. Biasanya, keindahan bahasa dapat dilihat dalam penggunaan bahasa figuratif. Oleh itu, bahasa juga sebagai bahasa berbunga, sesuatu prasa atau ayat boleh memberi makna yang lain daripada makna biasa. Kini, karya moden atau tradisional Melayu dapat menggambarkan penggunaan bahasa figuratif yang berkesan. Objektif makalah ini berkaitan dalam mengenalpasti kehadiran aspek penggunaan bahasa figuratif. Penggunaan bahasa figuratif didalam sesebuah karya menjadikan penulisan karya lebih indah dan menarik di mata pembaca ia dapat mencipta kesan tertentu, menerangkan sesuatu dengan cara yang lebih menarik, atau menyampaikan makna yang lebih mendalam dan berkesan. Kaedah yang digunakan adalah menganalisis isi kandungan novel. Dalam makalah ini, bahasa figuratif yang digunakan dalam novel ini adalah metafora, simile, hiperbola, personifikasi, dan erotesis. Setiap bahasa figuratif yang diadunkan dalam penulisan menyumbang kepada keindahan dan kekuatan naratif novel, memberikan pengalaman yang lebih mendalam dan memukau kepada pembaca.

**Kata kunci:** sastera, bahasa figuratif, novel, karya, dan Masyarakat.

### PENGENALAN

Bahasa figuratif atau juga dikenali sebagai bahasa kiasan merupakan bahasa yang digunakan secara meluas dalam karya sastera Melayu iaitu karya tradisional dan karya moden atau puisi. Bahasa figuratif dapat memberikan kesan kepada karya sastera atau puisi untuk menjadikannya lebih menarik untuk dibaca oleh pembaca. Seiring dengan pendapat (Zurinah Hassan, 2011) bahasa figuratif digunakan untuk menyatakan sesuatu secara tidak langsung. Maksud yang

dinyatakan bukanlah maksud yang sebenar atau dikenali juga sebagai denotatif tetapi sebaliknya iaitu maksud kiasan atau dikenali sebagai konotatif. Secara keseluruhannya, Empayar Hikayat Putera Tanpa Nama menggabungkan elemen-elemen cerita yang mengasyikkan dengan tema-tema yang mendalam tentang keberanian, keadilan, dan pengorbanan dan merentasi batas-batas antara realiti dan fantasi, Penulisan membawa pembaca dalam pengembaraan yang menarik dan bahasa yang terkesan. Menurut Tarigan (2013), berhubung bahasa figuratif ini juga memiliki pendapat yang sama tentang gaya bahasa. Menurutnya, gaya bahasa adalah bahasa indah yang digunakan untuk meningkatkan efek dengan jalan memperkenalkan dan membandingkan suatu benda atau hal tertentu dengan beda atau hal lain yang lebih umum. Kajian dijalankan dengan menganalisis isi kandungan yang berkaitan dengan gaya bahasa figuratif dalam novel tersebut.

## **DAPATAN DAN PERBICANGAN**

Dalam makalah ini dapatan dan hasil perbincangan telah diperoleh. Kajian ini membuktikan bahwa seluruh penulis pasti menggunakan gaya bahasa figuratif dalam karyanya. Tidak hanya satu jenis bahkan hampir semua gaya bahasa figuratif dapat digunakan dan diadun dengan baik.. Terdapat beberapa contoh analisis yang dibincangkan dalam hal ini. Antaranya seperti berikut.

### **Simile**

Perbandingan itu juga dijelaskan dengan penggunaan kata perbandingan “seperti”, “serupa”, “bak”, “sebagai”, “ibarat” dan sebagainya. Simile sebagai bahasa kiasan yang menyamakan satu hak dengan hal yang lain dengan menggunakan kata perbandingan seperti “bagai”, “sebagai”, “bak”, “seperti”, “semisal”, “seumpama”, dan lain-lain.

Simile juga mengandungi dua bahagian, yang pertama iaitu subjek yang utama dan yang kedua ialah bahan bandingan untuk membentuk ungkapan perbandingan.

Contoh yang diambil dalam Novel "Empayar Hikayat Putera Tanpa Nama" oleh Teme Abdullah pada bab Istana Lama (ms 16 dan 26).

“Ada antara kalian yang mempunyai kelebihan kepandaian. Ada pula kelebihan dalam menyusun ilmu siasat. Ada juga yang kuat dari segi perasaan. Ada yang mempunyai kelebihan dalam merangka helah. Dan bermacam-macam misal yang lain. (ms 16).

Pakaian barisan pimpinan penuntut hampir sama seperti pakaian seragam penuntut-penuntut yang lain, sedikit sahaja perbezaannya. (ms 26).

### **Personafikasi**

Personafikasi ialah satu gaya bahasa iaitu pemberian sifat-sifat manusia kepada sesuatu benda, tumbuh-tumbuhan, haiwan, peristiwa, keadaan, dan barang yang tidak bernyawa atau buah fikiran yang abstrak. Contoh ayat adalah seperti berikut.

Terperanjat bercampur takut. Pelatih 849 memang mempunyai masalah dengan kucing. Seakan akan musuh tradisi. (ms 33)

Jelas kelihatan sinar harapan yang terpancar daripada wajah-wajah kehausan. (ms 55)

Gaya bahasa yang diperlihatkan di dalam ayat diatas ialah perumpamaan kucing yang telah menjadi musuh kepada manusia akan tetapi ia ingin membawa maksud ia takut akan kucing tersebut hingga untuk menghampiri pun sanggup dielakkan. Manakala penggunaan sinar pada harapan, harapan itu tidaklah bersinar secara zahir akan tetapi diungkap untuk meletakkan kepentingan pada harapan yang dinyatakan.

### **Metafora**

Sumber ialah konsep yang digunakan sebagai asas untuk pengonsepan dan objektif adalah konsep yang dituju ke arah konseptualisasi. Contoh penggunaan Metafora yang diambil didalam pada bab Pulau Singa.

Kononnya , peruntukan dakwah yang besar telah disalurkan ke wilayah pulau Singa barangkali wang-wang itu semuanya mengalir ke masuk ke dalam kantung emas sultan sendiri (ms 75).

Pada ayat masuk ke dalam kantung emas sultan sendiri bukanlah berarti wang-wang tersebut mengalir ke dalam kantung emas. Secara logiknya jumlah wang yang disebut dalam kedaan yang banyak oleh itu tidak muat untuk dimasukkan kedalam kantung. Apa yang cuba dimaksudkan ialah wang wang tersebut telah digunakan oleh sultan untuk kepentingan peribadinya.

### **Hiperbola**

Hiperbola adalah sebuah gaya bahasa yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu secara berlebihan atau melebihi-lebihkan kenyataan, dengan tujuan untuk memberikan efek dramatis atau menarik perhatian. Contoh ayat seperti berikut.

"Hatinya rasa berbunga-bunga selepas mengetahui perkara ini." (ms 266)

Frasa “rasa berbunga-bunga” digunakan bagi menunjukkan perasaan pelatih 8492 yang sangat gembira apabila mengetahui rakannya telah berjaya mendirikan rumah tangga dengan wanita yang dicintainya.

### **Anafora**

Anafora adalah sebuah teknik retorika yang melibatkan pengulangan kata atau frasa di awal beberapa kalimat atau klausa berturut-turut.

Patutlah Pelatih 8492 lebih bijak dan hebat berhujah berbanding penuntut-penuntut lain, patutlah penuntut itu tidak gerun untuk bertarung. (ms 325)

Pengulangan perkataan “Pa.tutlah” ini digunakan bagi menekankan reaksi pelatih 6480 apabila beliau mengetahui rahsia besar Pelatih 8492 dimana beliau sebenarnya merupakan seorang putera raja yang melarikan diri. Contoh seterusnya adalah seperti berikut.

Ada antara kalian yang mempunyai kelebihan kepandaian, ada pula kelebihan dalam menyusun ilmu siasat, ada juga yang kuat dari segi perasaan, ada yang mempunyai kelebihan dalam merangka helah. (ms 16).

Perkataan Ada dalam ayat di atas telah diulang beberapa kali bagi menunjukkan bagaimana pelatih-pelatih di madrasah taming sari memiliki kelebihan tersendiri pada diri masing-masing sehingga terpilih untuk menuntut ilmu di madrasah berkenaan.

### **Sinkope**

Dengan menggunakan sinkope, penulis dan penyair dapat menciptakan teks yang lebih dinamis dan mudah diingat, serta mencerminkan percakapan sehari-hari dengan lebih akurat. Contoh ayat seperti berikut.

“Mengapa kau katakan demikian?” (ms 248)

"kau" adalah singkatan dari "engkau" menunjukkan penggunaan sinkope untuk mencerminkan bahasa lisan yang lebih ringkas dan alami.

"Besar sangatkah dosaku wahai sahabat?" (ms 281).

Penggunaan "dosaku" sebagai sinkop dari "dosa aku" menunjukkan bahasa yang lebih ringkas dan akrab.

### **Sinekdoki**

Sinekdoki adalah alat yang kuat dalam bahasa yang memungkinkan penulis dan pembicara untuk menambahkan kedalaman dan kekayaan pada komunikasi mereka, membuatnya lebih menarik dan mudah diingat. Contoh ayat adalah seperti berikut.

Apa yang sedihnya, aku nampak jelas ia berlaku dalam kalangan kita pemuda...Nas-nas agama digunakan sebagai penyokong tiang mereka yang berduri." (ms 294).

"Tiang mereka yang berduri" mewakili perkara salah yang dilakukan oleh sesetengah orang. Ayat di atas menunjukkan bagaimana orang-orang tersebut menggunakan nas-nas agama sebagai alasan atau penyokong bagi mereka melakukan perkara salah tersebut (ms 295).

### **Ironi**

Dalam penulisan kreatif, ironi digunakan untuk mencipta kejutan, mengkritik masyarakat dan membuat humor. Ada beberapa jenis ironi yang sering digunakan dalam penulisan kreatif.



## **Ironi kata**

Ini terjadi apabila seseorang berkata sesuatu tetapi sebenarnya bermaksud sebaliknya. Ironi verbal sering digunakan dalam dialog untuk menunjukkan sarkasme atau humor (LitCharts).

“Aku Minta maaf la. Aku tidak punya masa untuk layan orang macam engkau.” (bela, ms 144).

Pada contoh tersebut pengarang menggunakan gaya bahasa ironi kata bersifat sarkastis. Apabila Pahlawan 1636 menolak untuk mengajar pelatih 8492. Dalam hal ini, meskipun kata-kata yang digunakan adalah "minta maaf," maksud sebenarnya adalah untuk menolak atau meremehkan orang lain, yang membuatnya menjadi ironi verbal.

## **Ironi dramatik**

Situasi di mana pembaca atau penonton mengetahui sesuatu yang tidak diketahui karakter. Tindakan watak membawa pengertian yang tidak diketahui olehnya tetapi diketahui oleh pembaca. Contoh ayat seperti berikut.

Pahlawan 1636 senyap-senyap dia melangkah keluar kamar penghulu menuju ke kolah air berhampiran. Dibasahkan mukanya dengan rambutnya dan kakinya sekali lalu, untuk memperlihatkan seolah-olah baru berwudhu. Dia duduk di atas sejadah dalam kedudukan tahiyat akhir dalam solat sambil berdoa dan terbatuk-batuk kuat supaya penghulu boleh melihatnya berdoa. Doa ini dibacakan dengan suara yang teresak-esak seakan-akan orang yang Ikhlas menangis dan mengharapkan reda tuhannya. Sedangkan, mata sang pendoa asyik menjeling ke arah makhluk yang diharapkan redanya. ( ms 159).

## **Unsur Perulangan iaitu epistfora**

Gaya bahasa ini digunakan untuk memberikan penekanan dan rentak pada teks atau ucapan. Fungsi retorik adalah untuk memberikan penekanan yang ketara kepada idea, pemikiran, atau petikan. Contoh ayat seperti berikut.

“Ya Allah aku Ikhlas berjuang untuk kemenangan- Mu Ya Allah”. “Ya Allah kau permudahkanlah ujian ini Ya Allah”( ms 160).

Frasa "Ya Allah" diulang di akhir klausa atau kalimat, yang merupakan ciri khas epistfora. Pengulangan ini menekankan permohonan dan rasa pengabdian seorang hamba yang kerdil kepada tuhannya.

## **Erotesis**

Erotesis, atau pertanyaan retorik, ialah gaya bahasa, pertanyaan diajukan bukan untuk mendapatkan jawapan, tetapi untuk menekankan suatu pernyataan retorik sering digunakan dalam konteks pengucapan awam atau hujah persuasif untuk menghadapi khalayak atau membuat mereka berfikir. Contoh penggunaan gaya bahasa seperti berikut.

“Tidakkah berusaha untuk membina rumah tangga itu penting”? ( ms 199).

“Adakah tindakan kita mencari makanan ketika lapar itu syirik kerana kita mencari selain daripada Allah”? (ms 185).

Contoh persoalan "Adakah tindakan kita mencari makanan ketika lapar itu syirik kerana kita mencari selain daripada Allah?" mengandungi unsur erotesis. Persoalaan ini tidak dimaksudkan untuk mendapatkan jawapan "ya" atau "tidak", melainkan untuk memancing pemikiran dan refleksi tentang hubungan antara mencari keesaan tuhan.

## KESIMPULAN

Penggunaan bahasa figuratif dalam sesuatu penulisan merupakan satu penerapan elemen berbahasa yang menarik kerana penulis berkomunikasi dengan pembaca menggunakan analogi, perbandingan atau bahasa tidak langsung. Aspek-aspek ini berupaya mengindahkan hasil penulisan pengarang, di samping menonjolkan aspek gaya berbahasa individu yang akan dirujuk sebagai kepribadian kepengarangan seseorang pengkarya. Dalam konteks ini, bahasa figuratif yang ditemui dalam novel empayar meliputi beberapa elemen, antaranya termasuk personifikasi, metafora, erotesis, ironi sinkope simile, hiperbola dan banyak lagi. Sehubungan itu, penulis memiliki tingkat ilmu dan kemahiran mengarang yang tinggi, selain bijak dalam pelbagai penggunaan gaya bahasa dan mengadunkan dengan indah. Dalam erti kata yang lain, penulis matang dan bijak dalam mengolah bahasa adalah seiring dengan matlamat untuk menyedarkan masyarakat akan situasi sosial.

## RUJUKAN

- Dorwart, L. (2018, August 6). What is a rhetorical question? Definition and examples. ThoughtCo. <https://www.thoughtco.com/what-is-a-rhetorical-question-1691877>
- Keraf, Gorys. (2007). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Literary Devices. (2017, November 10). Epistrophe - Definition and examples of epistrophe. Literary Devices. [https://literarydevices.net/epistrophe/#google\\_vignette](https://literarydevices.net/epistrophe/#google_vignette)
- LitCharts. (n.d.). Irony - Definition and Examples | LitCharts. (n.d.). LitCharts. <https://www.litcharts.com/literary-devices-and-terms/irony>
- Simamora, S. E., Diman, P., Asi, Y. E., Purwaka, A., & Christy, N. A. (2023, April). Gaya Bahasa Metafora Dalam Novel Konspirasi Alam Semesta Karya Fiersa Besari. In PROSIDING SEMINAR NASIONAL PENDIDIKAN, BAHASA, SASTRA, SENI, DAN BUDAYA (Vol. 2, No. 1, pp. 126-143).
- Tarigan, Henry Guntur. (2013). *Menulis Sebagai Suatu Keterampilan Berbahasa*. Bandung: Angkasa.
- Zurinah Hassan. (2011). Bahasa Figuratif Pemanis Bicara. *Jurnal Dewan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **TEORI KEPERIBADIAN MULIA ARISTOTLE DAN AKHLAK AL-GHAZALI: SATU PERBANDINGAN**

Dr. Yusoff bin Yaacob  
Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kampus Ipoh  
[ucuk76@hotmail.com](mailto:ucuk76@hotmail.com)

### **ABSTRAK**

Aristotle dan al-Ghazali adalah dua orang ahli falsafah dari dua latar belakang yang berbeza. Namun begitu, mereka banyak berkongsi idea-idea falsafah khususnya dalam penerapan nilai-nilai murni dan pembentukan individu berkeperibadian yang unggul yang berguna kepada masyarakat. Kajian perbandingan ini bertujuan untuk menyerlahkan sisi persamaan di antara dua tokoh dari dua zaman dan latar belakang yang berbeza, namun mempengaruhi ilmu falsafah di seluruh dunia. Dalam kajian ini juga pengkaji tidak berhasrat untuk menghukum satu pihak lebih baik daripada pihak yang lain. Dapat kajian menunjukkan bahawa kedua-dua tokoh mementingkan ilmu pengetahuan dan latihan berterusan dalam pembentukan tingkah laku mulia. Selain itu, mereka juga menentang sikap ekstrim dalam bertingkah laku dan mementingkan kesederhanaan.

Kata kunci: Keperibadian mulia, akhlak, jalan tengah, kesederhanaan

### **1. MUKADDIMAH**

Kajian perbandingan antara dua tokoh dari barat yang sekular dan timur yang beragama Islam sering berlatarbelakangkan keinginan pengkaji untuk menonjolkan kelebihan tokoh yang selari dengan pemikiran pengkaji tersebut dan merendah-rendahkan pihak lain. Namun dalam kajian ini pengkaji hanya ingin menonjolkan sisi persamaan antara dua tokoh yang boleh dimanfaatkan oleh seluruh manusia. Hal ini kerana sebagai manusia tokoh-tokoh keilmuan sepanjang sejarah manusia banyak berkongsi idea-idea yang bermanfaat untuk kehidupan manusia.

Aristotle dan al-Ghazali adalah dua tokoh dari zaman dan dunia yang sangat berbeza. Namun kedua-duanya mempengaruhi keserjanaan manusia di seluruh dunia dan terdapat banyak persamaan idea antara dua tokoh besar ini. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengutarakan sebahagian daripada persamaan itu dalam bidang moral dan akhlak.

### **2. TEORI KEPERIBADIAN MULIA ARISTOTLE**

Dalam karya Aristotle sendiri, teori keperibadian mulia ini adalah rentetan daripada perbahasan mengenai etika yang dikaitkan pula dengan perwatakan moral (*moral character*). Perwatakan moral pula adalah cabang kepada keupayaan politik (*statecraft*). Pada pendapat pengkaji, Aristotle

sebenarnya berbicara mengenai keperibadian mulia dalam konteks kepimpinan sebuah negara. Ini sesuai dengan kedudukan beliau sebagai ahli falsafah yang menurut beliau adalah golongan yang paling layak mentadbir negara (Aristotle, 1915).

Perkataan “*good*” (baik) menjadi asas kepada pentakrifan “*virtue*” (keperibadian mulia) oleh Aristotle. Beliau mengkategorikan *good* kepada tiga kategori iaitu *honourable* (mulia), *praiseworthy* (terpuji) dan *potencies* (potensi). Keperibadian mulia adalah tingkah laku yang terpuji, iaitu yang dipuji oleh manusia apabila ia diamalkan (Aristotle, 1915). Keperibadian mulia yang dimaksudkan oleh Aristotle bukan bermakna kecemerlangan tubuh badan yang zahir tetapi sebaliknya kecemerlangan jiwa. Kenyataan ini bukan bermaksud bahawa tingkah laku zahir yang dilakukan oleh anggota badan bukan ukuran keperibadian mulia. Sebaliknya, tingkah laku zahir tersebut adalah manifestasi kepada keperibadian yang terdapat dalam jiwa. Ini bermakna, jiwa yang baik akan melahirkan tingkah laku yang baik.

Aristotle (1999) telah mengkategorikan keperibadian mulia kepada dua kategori iaitu keperibadian mulia intelektual (*intellectual virtue*) dan keperibadian mulia moral (*moral virtue*). Keperibadian intelektual dibina melalui pembelajaran yang memerlukan pengalaman dan masa. Keperibadian moral pula adalah hasil tabiat (*habit*), iaitu praktis berterusan sehingga ia menjadi kebiasaan. Aristotle menegaskan bahawa keperibadian moral tidak wujud secara semula jadi dalam diri manusia, sebaliknya ia diperolehi oleh manusia dengan melatih diri terlebih dahulu. Namun, sebelum melatih diri dengan keperibadian mulia, manusia perlu belajar dahulu dengan cara melakukannya. Selain itu peranan kerajaan juga penting dalam membentuk tabiat rakyat. (Aristotle, 1999).

Aristotle menekankan 3 aspek dalam pembentukan nilai-nilai murni dalam jiwa manusia iaitu kognitif, emosi psikomotor. Aspek kognitif menekankan aspek pengetahuan. Aspek emosi menekankan penghayatan dan aspek psikomotor menekankan praktis. Ketiga-tiga aspek ini perlu disokong oleh penguatkuasaan undang-undang.

### **3. TEORI AKHLAK AL-GHAZALI**

Al-Ghazali (2005) mendefinisi akhlak sebagai kekuatan mendalam dalam jiwa yang lahir daripadanya tingkah laku dengan mudah tanpa perlu kepada proses berfikir yang panjang. Matlamat akhlak pula ialah terputusnya hubungan jiwa dengan perasaan cintakan dunia dan tertanam di dalamnya cinta kepada Allah semata-mata.

Akhlak di sisi al-Ghazali juga bukan perbuatan atau tingkah laku semata-mata. sebagai contoh, seorang individu yang tidak menderma tidak semestinya kedekut. Barangkali dia kehilangan hartanya atau terdapat halangan-halangan lain. Mungkin seseorang itu banyak

menderma tetapi dia melakukan semata-mata untuk menunjuk-nunjuk atau kerana dipaksa (al-Ghazali, 2005).

Al-Ghazali menetapkan empat rukun yang mesti wujud secara seimbang dalam jiwa manusia untuk melahirkan akhlak mulia iaitu: kekuatan ilmu, kekuatan kemarahan, kekuatan syahwat dan kekuatan keseimbangan antara ketiga-tiga kekuatan ini. Ilmu membezakan antara benar dan bohong, antara baik dan buruk, antara hak dan batil, dan antara cantik dan hodoh. Jika elok kekuatan ini maka seseorang itu akan mencapai hikmah, dan hikmah adalah ibu segala akhlak mulia. Kemarahan pula adalah baik jika dilakukan secara hikmah dan kena pada tempatnya. Orang yang berakhlak mulia perlu mempunyai rasa marah terhadap maksiat dan munkar. Begitu juga syahwat. Ia baik jika dilakukan mengikut petunjuk akal dan syarak. Manakala kekuatan keseimbangan antara ketiga-tiga perkara di atas ialah kebolehan mengawasi ketiga-tiganya supaya selari dengan petunjuk akal dan syarak (al-Ghazali, 2005).

Jelas bahawa al-Ghazali menekankan dimensi emosi dalam perbahasan moral atau akhlak. Emosi yang berkait rapat dengan jiwa manusia sangat penting untuk penghayatan. Tanpa penghayatan, sesuatu tingkah laku yang baik itu tidak dijamin akan kekal. Ia mungkin hanya berlaku kerana motivasi ekstrinsik lain seperti ganjaran dan denda.

Ternyata, Aristotle dan al-Ghazali kelihatan sepakat dalam perkara ini. Kedua-dua tokoh menekankan aspek pengetahuan dan amalan. Pada masa yang sama mereka juga menekankan aspek emosi iaitu penghayatan terhadap nilai-nilai murni. Bagi mereka, pengetahuan sahaja tidak cukup untuk melahirkan tingkah laku bermoral. Ia perlu disokong oleh penghayatan. Inilah yang dimaksudkan dengan kata-kata al-Ghazali "*kekuatan mendalam dalam jiwa*" ketika mendefinisi akhlak.

#### **4. PEMBENTUKAN KEPERIBADIAN MULIA DAN AKHLAK**

Seperti yang telah ditegaskan, Aristotle menekankan tiga perkara dalam pembentukan peribadi mulia iaitu ilmu pengetahuan, emosi dan praktis atau latih tubi yang disokong oleh penguatkuasaan undang-undang. Manakala al-Ghazali pula telah menggariskan tiga cara bagaimana akhlak mulia itu diperolehi iaitu secara fitrah semula jadi, secara usaha gigih dan latihan (*al-mujahadah wa al-riyadhah*) dan meniru orang-orang yang baik serta bersahabat dengan mereka. Al-Ghazali juga menegaskan wujudnya manusia yang dilahirkan secara semula jadi berakhlak mulia iaitu para nabi dan rasul (al-Ghazali 2005).

Terdapat persamaan antara *al-mujahadah wa al-riyadhah* oleh al-Ghazali dan latih-tubi oleh Aristotle. *Al-mujahadah wa al-riyadhah* ialah memaksa diri melakukan perbuatan yang dituntut oleh akhlak yang diinginkan. Sebagai contoh, jika seseorang itu ingin menjadi seorang yang pemurah maka dia mesti berusaha melakukan perbuatan yang selari dengan sifat pemurah iaitu

mengorbankan harta secara konsisten sehingga perbuatan itu telah menjadi tabiatnya dan mudah baginya melakukannya. Secara ringkasnya, *al-mujahadah wa al-riyadhah* bermaksud membiasakan diri dengan tingkah laku yang indah (al-Ghazali 2005). Apa yang menarik perhatian, Aristotle juga memberi contoh dengan corak yang sama apabila beliau berkata (Aristotle, 1999),

“....we must become just by doing just acts, and temperate by doing temperate acts...”

(...kita mesti menjadi adil dengan melakukan tindakan-tindakan adil, dan sederhana dengan melakukan tindakan-tindakan sederhana.....)

Manakala “*musyahadah arbab al-af’aal al-jamilah wa musahabatuhum*” pula bermaksud permodelan (*modelling*) dan interaksi sosial. Al-Ghazali menegaskan bahawa sesiapa yang pada awalnya hanya berlakon menjadi baik sehingga akhirnya kebaikan itu sebatinya dengannya maka dia berada di kemuncak kebaikan (al-Ghazali 2005).

Dalam pengubahan akhlak buruk kepada akhlak baik pula al-Ghazali mencadangkan seseorang itu melatih dan memaksa diri sendiri melakukan perbuatan yang bertentangan dengan akhlak buruk itu. Sebagai contoh, individu yang ingin mengubah sifat kedekutnya perlu melatih dan memaksa dirinya melakukan perbuatan yang bercanggah dengan sifat kedekut seperti selalu bersedekah. Perbuatan ini hendaklah sentiasa diulang-ulang sehingga menjadi tabiat (al-Ghazali 2005). Al-Ghazali menekankan konsep ganjaran dan denda sebagai motivasi terbaik ke arah akhlak mulia iaitu konsep pahala dosa (al-Ghazali 2005).

## 5. DOKTRIN JALAN TENGAH DAN KESEDERHANAAN

Kedua-dua tokoh ini telah mengemukakan dua konsep yang sangat mirip antara satu sama lain iaitu “jalan tengah” atau “*intermediate way*” (Aristotle, 1999) dan kesederhanaan. Konsep kesederhanaan al-Ghazali ini diungkapkan dengan beberapa istilah seperti “*al-wasat*”, “*al-i’tidal*” dan “*al-sirat al-mustaqim*” (al-Ghazali 2005).

Aristotle menjelaskan bahawa untuk mencapai kemuliaan hidup manusia perlu mengikut “jalan tengah” iaitu tingkah laku yang sederhana, tidak keterlaluan atau berlebihan dan tidak terlalu kurang. Manakala kesederhanaan yang dikemukakan oleh al-Ghazali pula adalah antara ciri-ciri ajaran Islam yang asli.

## 6. KESIMPULAN

Daripada perbincangan di atas, kita dapat melihat banyak persamaan dasar antara dua tokoh dalam isu berkaitan nilai-nilai murni. Kedua-dua tokoh dilihat sangat mengambil berat aspek ilmu pengetahuan dan penghayatan dalam penerapan nilai-nilai murni dalam jiwa manusia. Ini

bermakna tingkah laku yang baik itu perlu lahir daripada pengetahuan dan penghayatan individu tersebut bukan mengikut arahan pihak lain atau mengharapkan ganjaran material dan mengelakkan hukuman semata-mata. Kedua-dua tokoh juga dilihat menentang sifat ekstrem dalam sebarang tingkah laku. Sebaliknya mereka menekankan kepentingan mengambil jalan tengah atau bersederhana sebagai jalan mencapai kebahagiaan walaupun kesederhanaan itu sangat kabur dan sukar dicapai. Sesungguhnya Aristotle dan al-Ghazali telah mendahului ahli-ahli falsafah moden dalam pemikiran mereka. Kira-kira 2000 tahun dahulu Aristotle telah menegaskan bahawa penggubal undang-undang mesti berperanan dalam membentuk tabiat warganegara dan perkara inilah yang membezakan antara perlembagaan yang baik daripada perlembagaan yang buruk. Begitu juga dengan teori behaviorisme yang menekankan aspek latih-tubi dalam menanam nilai-nilai murni dalam diri individu. Hal ini telah disentuh oleh Aristotle 2300 tahun dahulu dan telah diperincikan al-Ghazali 1400 tahun kemudian. Al-Ghazali juga telah mendahului tokoh-tokoh teori pembelajaran sosial dalam teknik permodelan dan interaksi sosial apabila beliau mencadangkan teknik meniru individu-individu yang berakhlak baik dan bersahabat dengan mereka.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Md. Aroff, (2008). *Pendidikan Moral: Teori Etika dan Amalan Moral*. Serdang, Selangor, Malaysia: Penerbit Universiti Putra Malaysia, Cetakan ke-4.
- Abdullah Zhidi Omar (2014). *Pengantar Pendidikan Moral*. Puchong, Selangor, Malaysia: Penerbitan Multimedia, Penerbitan Pertama.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Ahmad (2005). *Ihya' Ulum al-Din*. Beirut, Lubnan: Dar Ibn Hazm, al-Tab'ah al-Ula.
- Al-Qarrahadghi, 'Ali Muhyiddin 'Ali. (2010). Dalam mukaddimah *Ayyuha al-Walad*, al-Ghazali. Beirut, Lubnan: Dar al-Basyair, Cetakan ke-4.
- Aristotle (1915). *Magna Moralia in The Works of Aristotle*, Translated into English under the editorship of W.D. Ross. Oxford, England, UK: The Clarendon Press.
- Aristotle (1999). *Nicomachean Ethics*, Translated by W.D. Ross. Batoche Books.
- Blackburn, Simon, (2016). *The Oxford Dictionary of Philosophy*. Oxford, England, UK: Oxford University Press, 3<sup>rd</sup>. Edition.
- Eow Boon Hin (2002). *Pendidikan Moral*. Petaling Jaya, Selangor, Malaysia: Pearson Malaysia Sdn. Bhd., Cetakan ke-4.
- Kucukuysal, Bahadir, dan Beyhan, Erhan, (2011). *Virtue Ethics in Aristotle's Nicomachean Ethics in International Journal of Human Sciences*, Vol.8 Issue 2.
- Mubarak, Zaki (t.t). *al-Akhlak 'ind al-Ghazali*. Al-Qahirah, Misr, Dar al-Sya'ab
- Nasar, Muhammad Abd al-Sattar (t.t). *Ibn Hazm Wa Mantiq Aristo*. Kulliyah al-Syariah, Jami'ah Qatar, Qatar.

## CABARAN DAN PROSPEK INDUSTRI HOTEL HALAL DI NEGARA MAJORITI MUSLIM DAN MINORITI MUSLIM: KES MALAYSIA DAN SINGAPURA

Siti Nur Husna Abd Rahman<sup>1</sup>, Rafidah Mohd Azli<sup>2</sup> Nursafra Mohd Zhaffar<sup>3</sup>

<sup>1</sup> *Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Kampus Kuala Pilah*  
[2022416422@student.uitm.edu.my](mailto:2022416422@student.uitm.edu.my)

<sup>2</sup> *Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Kampus Kuala Pilah*  
[rafidah2262@uitm.edu.my](mailto:rafidah2262@uitm.edu.my)

<sup>3</sup> *Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Kampus Rembau*  
[nursafra@uitm.edu.my](mailto:nursafra@uitm.edu.my)

### ABSTRAK

Artikel ini membincangkan cabaran dan prospek industri hotel halal di negara majoriti Muslim (Malaysia) dan minoriti Muslim (Singapura). Industri hotel halal merupakan sektor yang berkembang pesat dengan potensi besar dalam memenuhi keperluan pelancong Muslim yang semakin meningkat. Namun, terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh pengusaha hotel, termasuk isu pensijilan halal, pematuhan kepada standard syariah, dan persepsi umum terhadap perkhidmatan halal di kedua-dua negara. Dalam konteks Malaysia, negara majoriti Muslim, cabaran utama adalah memastikan kualiti dan kepercayaan terhadap pensijilan halal yang diiktiraf secara meluas. Di Singapura, negara minoriti Muslim, cabarannya termasuk memenuhi keperluan pasaran Muslim dalam persekitaran yang majoriti bukan Muslim, serta mewujudkan ekosistem perniagaan halal yang mantap. Artikel ini juga mengkaji peluang-peluang strategik untuk pertumbuhan industri ini dalam kedua-dua negara, termasuk peranan kerajaan, inovasi dalam perkhidmatan, dan kepentingan kesedaran awam terhadap konsep halal.

**Kata Kunci:** *Hotel halal, industri halal, cabaran, prospek, Malaysia, Singapura, pensijilan halal, pelancongan Muslim, negara majoriti Muslim, negara minoriti Muslim.*

### ABSTRACT

This article discusses the challenges and prospects of the halal hotel industry in Muslim-majority (Malaysia) and Muslim-minority (Singapore) countries. The halal hotel industry is a rapidly growing sector with significant potential to cater to the increasing number of Muslim tourists. However, there are various challenges faced by hotel operators, including issues of halal



certification, compliance with Shariah standards, and the general perception of halal services in both countries. In Malaysia, a Muslim-majority country, the main challenge lies in ensuring quality and trust in widely recognized halal certification. In Singapore, a Muslim-minority country, the challenges include meeting the needs of the Muslim market within a predominantly non-Muslim environment and building a robust halal business ecosystem. This article also explores strategic opportunities for growth in the industry in both countries, including the role of government, innovations in service offerings, and the importance of public awareness of the halal concept.

**Keywords:** *Halal hotel, halal industry, challenges, prospects, Malaysia, Singapore, halal certification, Muslim tourism, Muslim-majority country, Muslim-minority country.*

## 1. PENGENALAN

Industri hotel halal telah mengalami pertumbuhan pesat dalam beberapa dekad kebelakangan ini, sejajar dengan peningkatan jumlah pelancong Muslim di peringkat global. Hotel halal merujuk kepada premis hospitaliti yang mematuhi garis panduan syariah, termasuk penyediaan makanan halal, perkhidmatan patuh syariah, serta persekitaran yang mematuhi etika Islam (Henderson, 2016). Menurut laporan dari Thomson Reuters (2019), sektor pelancongan halal global dijangka mencapai USD 274 bilion menjelang 2023, menunjukkan potensi besar bagi negara-negara yang ingin memanfaatkan industri ini.

Malaysia, sebagai negara majoriti Muslim, mempunyai kelebihan dalam membangunkan industri hotel halal. Dengan sokongan kerajaan melalui program Visit Malaysia, serta sistem pensijilan halal yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, Malaysia berpotensi menjadi hab pelancongan halal dunia (JAKIM, 2020). Sebaliknya, Singapura, walaupun negara minoriti Muslim, menunjukkan minat yang semakin meningkat dalam memenuhi keperluan pelancong Muslim. Dengan inisiatif dari Lembaga Pelancongan Singapura (Singapore Tourism Board, 2021), hotel-hotel di negara ini mula menyesuaikan diri dengan kehendak pelancong Muslim yang semakin meningkat, walaupun terdapat cabaran dari segi peraturan halal dan persepsi umum tentang halal di kalangan pelancong antarabangsa (Shafaei & Mohamed, 2015).

Perbandingan antara Malaysia dan Singapura dalam pembangunan industri hotel halal menawarkan wawasan menarik tentang bagaimana negara dengan populasi majoriti dan minoriti Muslim menghadapi cabaran yang berbeza, sambil meraih manfaat daripada prospek pelancongan halal yang semakin berkembang. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis cabaran dan prospek industri hotel halal di kedua-dua negara, dengan tumpuan kepada faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan dan halangan dalam memenuhi keperluan pelancong Muslim global.

## 2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah bahan bacaan untuk menganalisis cabaran dan prospek industri hotel halal di Malaysia dan Singapura. Pendekatan ini melibatkan pengumpulan dan analisis literatur yang relevan untuk memperoleh pemahaman yang mendalam mengenai topik kajian. Proses ini dimulakan dengan pengumpulan bahan bacaan dari pelbagai sumber seperti artikel jurnal, buku, laporan industri, dan dokumen rasmi yang berkaitan dengan industri hotel halal.

Pangkalan data akademik seperti Google Scholar, JSTOR, dan ProQuest digunakan untuk mencari dan memperoleh sumber yang diperlukan (Petticrew & Roberts, 2006).

Bahan bacaan dipilih berdasarkan kriteria kepentingan dan relevansi kepada industri hotel halal serta kualiti sumber. Hanya artikel dari jurnal yang disemak rakan sebaya, buku akademik, dan laporan industri yang diterbitkan oleh organisasi berwibawa dipilih untuk memastikan maklumat yang diperoleh adalah sahih dan berkualiti (Hart, 1998). Selain itu, sumber yang diterbitkan dalam tempoh 10 tahun terakhir diprioritaskan untuk memastikan data yang digunakan adalah terkini dan relevan dengan perkembangan terbaru dalam industri.

Setelah bahan bacaan dikumpulkan, analisis dilakukan menggunakan pendekatan analisis tematik. Proses ini melibatkan pengkodan maklumat dari pelbagai sumber untuk mengenal pasti tema-tema utama dan isu-isu yang berkaitan dengan cabaran dan prospek industri hotel halal. Temuan dari kajian literatur disintesis untuk memberikan pandangan yang komprehensif tentang topik kajian, dengan menilai kesamaan dan perbezaan dalam maklumat yang diperoleh (Braun & Clarke, 2006; Mays & Pope, 1995).

Untuk memastikan validiti dan keterujaan kajian, hanya maklumat yang sahih dan boleh dipercayai digunakan. Proses ini melibatkan penilaian kritikal terhadap kekuatan dan kelemahan setiap sumber untuk mengelakkan bias dalam sintesis maklumat (Gough, Oliver, & Thomas, 2017). Dengan pendekatan ini, kajian ini bertujuan untuk memberikan pemahaman yang holistik tentang cabaran dan prospek industri hotel halal di Malaysia dan Singapura berdasarkan kajian literatur yang ada.

### **3. KAJIAN LITERATUR**

#### **Latar Belakang Industri Hotel Halal**

Industri halal global telah menyaksikan pertumbuhan pesat dalam beberapa tahun kebelakangan ini, dipacu oleh peningkatan populasi Muslim di seluruh dunia dan permintaan yang semakin meningkat terhadap produk dan perkhidmatan patuh syariah. Menurut laporan State of the Global Islamic Economy oleh Thomson Reuters (2020), perbelanjaan Muslim global dijangka mencapai USD 2.4 trilion menjelang 2024, dengan sektor pelancongan halal sebagai salah satu penyumbang utama kepada angka ini. Industri hotel halal, yang merupakan sebahagian daripada pelancongan halal, merangkumi perkhidmatan hospitaliti yang memenuhi keperluan Muslim, seperti makanan halal, kemudahan ibadah, dan perkhidmatan yang selaras dengan prinsip Islam (Razalli, Abdullah, & Yusoff, 2012).

Di Malaysia, industri hotel halal berkembang pesat selaras dengan status negara sebagai salah satu hab halal dunia. Dengan sokongan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), yang memberikan pensijilan halal kepada hotel dan restoran, Malaysia telah berjaya menarik pelancong Muslim dari seluruh dunia (Henderson, 2016). Selain itu, inisiatif kerajaan seperti program "Visit Malaysia" yang menyasarkan pelancong Muslim turut membantu memperkukuhkan kedudukan Malaysia dalam industri pelancongan halal (JAKIM, 2020). Infrastruktur yang mesra Muslim, seperti kemudahan ibadah di hotel, serta makanan yang diiktiraf halal, menjadikan Malaysia destinasi yang ideal untuk pelancong Muslim (Shafaei & Mohamed,

2015).

Sebaliknya, Singapura, walaupun merupakan negara dengan populasi Muslim minoriti, turut menunjukkan minat yang tinggi dalam mempromosikan pelancongan halal. Lembaga Pelancongan Singapura (STB) telah melancarkan beberapa inisiatif untuk menarik pelancong Muslim, termasuk menyediakan panduan pelancongan Muslim dan meningkatkan kemudahan yang sesuai dengan keperluan Muslim di hotel-hotel terkemuka (Singapore Tourism Board, 2021). Walau bagaimanapun, Singapura menghadapi cabaran dalam pensijilan halal yang lebih ketat serta memastikan keseimbangan antara menarik pelancong Muslim dan mengekalkan daya tarikan kepada pelancong bukan Muslim (Battour & Ismail, 2016).

Perkembangan industri hotel halal di kedua-dua negara ini memperlihatkan pendekatan yang berbeza dalam memenuhi permintaan pelancong Muslim. Malaysia, sebagai negara majoriti Muslim, mempunyai asas yang kukuh dalam menyediakan perkhidmatan halal, manakala Singapura, sebagai negara minoriti Muslim, berusaha untuk menyesuaikan pasaran hospitaliti bagi memenuhi kehendak pelancong Muslim antarabangsa.

#### **4. ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

##### **Cabaran Industri Hotel Halal di Malaysia**

Walaupun Malaysia diiktiraf sebagai salah satu hab utama bagi pelancongan dan industri halal, beberapa cabaran masih perlu diatasi untuk memperkukuhkan kedudukannya dalam industri hotel halal. Cabaran-cabaran ini berpunca daripada pelbagai faktor, termasuk kesedaran, pensijilan, dan persepsi antarabangsa.

- Kesedaran dan Pemahaman Industri

Walaupun Malaysia mempunyai majoriti penduduk Muslim, masih terdapat kekurangan kesedaran dan pemahaman mendalam dalam kalangan pengendali hotel mengenai keperluan sebenar untuk menyediakan perkhidmatan patuh syariah. Banyak hotel yang masih belum memenuhi sepenuhnya standard halal, khususnya dalam aspek pengurusan makanan, perkhidmatan hiburan, dan kemudahan ibadah (Henderson, 2016). Ini boleh menjejaskan keyakinan pelancong Muslim yang mengharapkan tahap pematuhan syariah yang tinggi semasa menginap di hotel.

- Proses Pensijilan Halal

Proses pensijilan halal di Malaysia dikendalikan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), yang menetapkan piawaian ketat bagi memastikan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan adalah mematuhi syariah. Walau bagaimanapun, proses ini boleh menjadi rumit dan memerlukan kos tambahan bagi hotel-hotel yang ingin mendapatkan pensijilan halal. Proses dokumentasi dan pemeriksaan yang menyeluruh boleh menyebabkan sesetengah hotel teragak-agak untuk memohon pensijilan halal, terutamanya jika mereka lebih menumpukan kepada pasaran pelancong bukan Muslim (Razalli et al., 2012).

- Persepsi Antarabangsa terhadap Hotel Halal

Salah satu cabaran terbesar yang dihadapi oleh hotel halal di Malaysia ialah bagaimana mengekalkan keseimbangan antara menarik pelancong Muslim dan bukan Muslim. Ada persepsi di kalangan pelancong antarabangsa bahawa hotel halal mungkin terlalu ketat dari segi peraturan, seperti larangan alkohol dan perkhidmatan yang lebih terhad (Battour & Ismail, 2016). Persepsi ini boleh menjejaskan minat pelancong bukan Muslim, yang menyumbang sebahagian besar kepada industri pelancongan Malaysia. Oleh itu, pengendali hotel perlu mencari cara untuk menawarkan pengalaman hospitaliti yang inklusif tanpa mengabaikan prinsip syariah.

- Kepelbagaian Keperluan Pelancong Muslim

Pelancong Muslim bukanlah kumpulan yang homogen. Mereka berasal dari latar belakang budaya yang berbeza dan mempunyai keperluan serta ekspektasi yang berbeza terhadap perkhidmatan hotel halal. Sebagai contoh, pelancong Muslim dari negara Timur Tengah mungkin mempunyai keperluan yang berbeza berbanding pelancong Muslim dari Asia Tenggara (Shafaei & Mohamed, 2015). Menyediakan perkhidmatan yang sesuai untuk semua segmen pelancong Muslim ini menjadi satu cabaran besar bagi hotel di Malaysia.

### **Cabaran Industri Hotel Halal di Singapura**

Singapura, sebagai negara dengan populasi Muslim yang minoriti, menghadapi cabaran yang unik dalam membangunkan industri hotel halal. Walaupun terdapat usaha untuk menarik pelancong Muslim melalui promosi pelancongan halal, beberapa cabaran utama menghalang pertumbuhan industri ini dengan lebih pesat.

- Populasi Muslim yang Minoriti

Salah satu cabaran terbesar yang dihadapi oleh industri hotel halal di Singapura adalah saiz populasi Muslim yang kecil. Dengan hanya kira-kira 15% daripada penduduknya beragama Islam, hotel-hotel di Singapura mungkin kurang bermotivasi untuk melabur dalam pensijilan halal dan menyediakan kemudahan patuh syariah secara menyeluruh (Henderson, 2016). Ini berbeza dengan negara-negara majoriti Muslim seperti Malaysia, di mana permintaan domestik untuk hotel halal lebih tinggi. Kekurangan tekanan daripada pasaran domestik menyebabkan kurangnya keperluan mendesak bagi hotel-hotel di Singapura untuk menyesuaikan diri dengan keperluan Muslim.

- Pensijilan Halal yang Terhad

Di Singapura, pensijilan halal dikawal oleh Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS). Walaupun standard pensijilan halal yang ditetapkan oleh MUIS diiktiraf, proses untuk mendapatkan pensijilan ini dianggap ketat dan memerlukan komitmen jangka panjang dari segi pengurusan operasi (Razalli et al., 2012). Hotel yang ingin mendapatkan pensijilan halal perlu menyesuaikan setiap aspek operasi mereka, termasuk penyediaan makanan, kebersihan, dan kemudahan awam, yang boleh menimbulkan cabaran besar, terutama bagi hotel-hotel yang sedia ada dan beroperasi dengan majoriti pelancong bukan Muslim.

- Kekangan Ruang dan Sumber

Singapura, sebagai sebuah negara pulau dengan ruang yang terhad, menghadapi cabaran fizikal dalam menyediakan kemudahan mesra Muslim seperti surau, kawasan kolam renang berasingan untuk lelaki dan wanita, serta restoran halal (Battour & Ismail, 2016). Cabaran ini diperburuk oleh tekanan untuk memaksimumkan penggunaan ruang di hotel, yang mungkin lebih mengutamakan kemudahan untuk pelancong antarabangsa berbanding memenuhi keperluan segmen Muslim.

- Persepsi Pelancong Antarabangsa

Seperti di Malaysia, hotel-hotel di Singapura juga berdepan cabaran dalam menangani persepsi pelancong bukan Muslim terhadap hotel halal. Pelancong antarabangsa mungkin menganggap hotel halal terlalu ketat atau kurang fleksibel, terutama dengan peraturan yang melarang alkohol atau mengasingkan perkhidmatan tertentu (Henderson, 2016). Ini mencipta dilema bagi pengendali hotel yang ingin mengekalkan tarikan mereka kepada semua pelancong sambil memenuhi keperluan pelancong Muslim.

- Kurangnya Kesedaran di Kalangan Pelancong

Walaupun Singapura semakin mempromosikan pelancongan halal, masih terdapat kekurangan kesedaran di kalangan pelancong Muslim tentang produk dan perkhidmatan halal yang ditawarkan. Menurut kajian oleh Singapore Tourism Board (2021), walaupun beberapa hotel telah menyediakan kemudahan patuh syariah, ramai pelancong Muslim masih kurang maklum tentang kewujudan hotel halal di Singapura. Ini menunjukkan keperluan untuk usaha pemasaran dan promosi yang lebih kuat dalam menjangkau pelancong Muslim global.

### **Prospek Industri Hotel Halal di Malaysia**

Malaysia mempunyai potensi yang sangat besar dalam mengembangkan industri hotel halal berikutan beberapa faktor yang menyokong pertumbuhan sektor ini. Malaysia telah berjaya membangunkan ekosistem yang kondusif untuk pelancongan halal dan perkhidmatan hospitaliti patuh syariah, yang memberikan kelebihan kompetitif dalam industri ini.

- Permintaan Pelancong Muslim yang Meningkatkan

Salah satu faktor utama yang mendorong prospek industri hotel halal di Malaysia ialah peningkatan jumlah pelancong Muslim global. Menurut laporan oleh Thomson Reuters (2020), pasaran pelancongan halal dijangka mencapai USD 274 bilion menjelang 2023, dengan Malaysia menjadi salah satu destinasi utama. Dengan kekuatan pensijilan halal yang diiktiraf secara global dan penawaran produk halal yang meluas, Malaysia berada dalam kedudukan yang baik untuk menarik pelancong Muslim, terutamanya dari negara-negara Timur Tengah, Asia Selatan, dan Asia Tenggara (Razalli et al., 2012).

- **Infrastruktur dan Sokongan Kerajaan**

Kerajaan Malaysia memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan industri hotel halal melalui program dan dasar yang mempromosikan pelancongan halal. Inisiatif seperti Visit Malaysia dan sokongan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam pensijilan halal menyediakan asas yang kukuh bagi pertumbuhan industri ini (JAKIM, 2020). Tambahan pula, kemudahan mesra Muslim yang semakin meluas, seperti surau di tempat awam, hotel patuh syariah, dan restoran halal, meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelancong Muslim (Henderson, 2016).

- **Peluang di Pasaran Domestik dan Serantau**

Selain menarik pelancong antarabangsa, industri hotel halal di Malaysia juga berpotensi untuk terus berkembang melalui pasaran domestik. Sebagai negara dengan majoriti penduduk Muslim, permintaan tempatan terhadap hotel halal terus meningkat, terutamanya dalam kalangan keluarga dan pelancong tempatan yang mencari penginapan patuh syariah (Shafaei & Mohamed, 2015). Di samping itu, Malaysia juga boleh memanfaatkan kedudukannya di Asia Tenggara untuk menarik pelancong Muslim dari negara jiran seperti Indonesia dan Brunei.

- **Perkembangan Teknologi dan Inovasi**

Kemajuan teknologi juga menyediakan prospek yang cerah bagi industri hotel halal di Malaysia. Penggunaan teknologi seperti aplikasi tempahan hotel patuh syariah, panduan pelancongan halal digital, dan platform media sosial yang mempromosikan produk halal membantu meningkatkan visibiliti dan aksesibiliti hotel halal kepada pelancong global (Battour & Ismail, 2016). Dengan memanfaatkan teknologi ini, pengendali hotel di Malaysia dapat menarik lebih ramai pelancong Muslim yang semakin bergantung kepada teknologi dalam membuat pilihan percutian mereka.

- **Pensijilan Halal yang Diiktiraf Antarabangsa**

JAKIM telah lama diiktiraf sebagai salah satu badan pensijilan halal terkemuka di dunia. Kepercayaan terhadap sijil halal Malaysia membuka peluang besar untuk hotel di negara ini menarik pelancong Muslim dari pelbagai negara yang mempercayai piawaian halal yang ditetapkan. Ini memberi keyakinan kepada pelancong Muslim bahawa mereka boleh menikmati perkhidmatan yang benar-benar patuh syariah sepanjang penginapan mereka (Razalli et al., 2012).

## **Prospek Industri Hotel Halal di Singapura**

Walaupun Singapura merupakan negara dengan populasi Muslim yang kecil, ia tetap berpotensi untuk menjadi pemain penting dalam industri hotel halal serantau, terutamanya melalui pendekatan strategik dan inovasi. Beberapa faktor utama menyokong prospek industri hotel halal di Singapura, termasuk usaha kerajaan, potensi pelancongan antarabangsa, serta inovasi teknologi dan pensijilan halal yang diiktiraf.

- Sokongan Kerajaan dan Pelan Strategik

Kerajaan Singapura, melalui Lembaga Pelancongan Singapura (STB), telah mengambil langkah proaktif dalam menarik pelancong Muslim melalui inisiatif pelancongan halal. Usaha-usaha ini termasuk penerbitan panduan pelancong Muslim, promosi hotel halal, serta kolaborasi dengan platform tempahan seperti HalalTrip dan Muslim Pro untuk menyediakan panduan hotel dan restoran halal (Singapore Tourism Board, 2021). Langkah ini menunjukkan komitmen Singapura dalam memanfaatkan pasaran pelancong Muslim yang semakin berkembang, sekali gus membuka peluang lebih luas bagi hotel halal di negara ini.

- Pelancong Muslim Antarabangsa sebagai Pasaran Utama

Singapura menikmati kedudukan strategik sebagai hab pelancongan antarabangsa, menarik pelancong dari pelbagai negara, termasuk dari Timur Tengah, Indonesia, dan Malaysia yang memiliki populasi Muslim yang besar. Pelancong dari negara-negara ini sering mencari perkhidmatan hospitaliti patuh syariah, seperti makanan halal dan kemudahan ibadah di hotel (Henderson, 2016). Dengan peningkatan perbelanjaan oleh pelancong Muslim antarabangsa, Singapura berpotensi menarik lebih ramai pelancong Muslim sekiranya hotel-hotel terus menawarkan perkhidmatan halal.

- Peluang di Sektor Perniagaan dan Acara Halal

Selain pelancongan, Singapura juga berpotensi sebagai pusat bagi sektor perniagaan dan acara halal. Dengan pelbagai persidangan antarabangsa dan pameran halal seperti Halal in Travel dan World Halal Conference yang diadakan di Singapura, ini membuka peluang bagi hotel halal untuk menjadi hos bagi acara-acara yang berkaitan dengan industri halal. Ini tidak hanya meningkatkan pendedahan hotel-hotel kepada pelancong perniagaan Muslim, tetapi juga menyokong pertumbuhan industri hospitaliti halal di negara ini (Shafaei & Mohamed, 2015).

- Pensijilan Halal yang Diiktiraf dan Dipercayai

Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) telah mewujudkan sistem pensijilan halal yang diiktiraf secara meluas, memberikan keyakinan kepada pelancong Muslim mengenai pematuhan syariah. Hotel-hotel yang memperoleh pensijilan halal MUIS mampu menarik lebih ramai pelancong Muslim kerana mereka yakin bahawa perkhidmatan yang ditawarkan benar-benar mematuhi piawaian Islam. Di samping itu, pensijilan ini juga meningkatkan kredibiliti hotel di peringkat antarabangsa, menarik perhatian pelancong Muslim dari pelbagai negara (Razalli et al., 2012).

- Inovasi Digital dalam Menarik Pelancong Muslim

Singapura, yang terkenal dengan inovasi teknologi, boleh memanfaatkan kemajuan dalam teknologi digital untuk menarik lebih ramai pelancong Muslim. Penggunaan aplikasi mudah alih yang menyediakan panduan mengenai hotel halal, restoran halal, dan kemudahan ibadah boleh membantu meningkatkan pengalaman pelancong Muslim (Battour & Ismail, 2016). Selain itu, hotel-hotel halal boleh menggunakan platform digital untuk memasarkan perkhidmatan mereka dengan lebih berkesan kepada segmen pasaran Muslim yang semakin bergantung kepada teknologi dalam perancangan perjalanan mereka.

## **5. KESIMPULAN**

Industri hotel halal di Malaysia dan Singapura menunjukkan potensi yang signifikan dalam memenuhi permintaan pelancong Muslim, tetapi kedua-dua negara menghadapi cabaran yang berbeza dalam mengembangkan sektor ini. Malaysia, sebagai negara dengan majoriti Muslim, mempunyai asas yang kukuh dalam menyediakan perkhidmatan hotel halal, diperkukuhkan dengan sokongan kerajaan dan pensijilan halal yang diiktiraf secara global. Namun, cabaran seperti kekurangan kesedaran dalam kalangan pengendali hotel dan proses pensijilan yang kompleks memerlukan perhatian (Henderson, 2016; Razalli, Abdullah, & Yusoff, 2012).

Di Singapura, walaupun populasi Muslim adalah minoriti, terdapat potensi besar untuk mengembangkan industri hotel halal melalui sokongan kerajaan, promosi pelancongan halal, dan penekanan pada inovasi teknologi. Singapura perlu menangani cabaran seperti ruang terhad dan persepsi pelancong bukan Muslim terhadap hotel halal untuk meningkatkan daya tarikannya sebagai destinasi hospitaliti halal (Battour & Ismail, 2016; Singapore Tourism Board, 2021).

Kedua-dua negara ini mempunyai peluang untuk berkembang dalam industri hotel halal dengan pendekatan yang disesuaikan dengan konteks tempatan mereka. Malaysia boleh terus memanfaatkan kekuatan pensijilan halal dan permintaan domestik, sementara Singapura boleh memperluas usaha pemasaran dan inovasi untuk menarik lebih banyak pelancong Muslim. Usaha berterusan dalam meningkatkan kesedaran, memudahkan proses pensijilan, dan memanfaatkan teknologi akan menjadi kunci kejayaan dalam memajukan industri hotel halal di kedua-dua negara (Shafaei & Mohamed, 2015; Thomson Reuters, 2020).

## **PENGHARGAAN**

Saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah memberi sokongan dan bantuan sepanjang proses penyediaan kajian ini. Terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Rafidah Mohd Azli dan Dr. Nursafra Mohd Zhaffar, yang telah memberikan panduan, bimbingan, dan nasihat yang berharga. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua responden yang telah meluangkan masa untuk berkongsi maklumat dan pandangan mereka, yang sangat membantu dalam pengumpulan data kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga saya tujukan kepada keluarga dan rakan-rakan saya yang telah memberi dorongan dan sokongan moral. Tidak dilupakan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada UiTM Kampus Kuala Pilah Cawangan Negeri Sembilan kerana menyediakan sumber dan kemudahan yang diperlukan untuk menjalankan kajian ini.

Sekali lagi, terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kajian ini. Tanpa sokongan dan bantuan anda semua, kajian ini tidak mungkin dapat diselesaikan.

## **RUJUKAN**

Battour, M., & Ismail, M. N. (2016). Halal tourism: Concepts, practises, challenges and future. *Tourism Management Perspectives*, 19, 150-154.



- Henderson, J. C. (2016). Halal food, certification and halal tourism: Insights from Malaysia and Singapore. *Tourism Management Perspectives*, 19, 160-164.
- JAKIM. (2020). Halal Certification Malaysia. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Razalli, M. R., Abdullah, S., & Yusoff, R. Z. (2012). Importance of halal tourism: A preliminary study of Malaysian travelers to Japan. *World Applied Sciences Journal*, 17(special issue), 83-87.
- Shafaei, F., & Mohamed, B. (2015). Malaysia's branding as an Islamic tourism hub: An assessment. *Journal of Islamic Marketing*, 6(3), 446-465.
- Singapore Tourism Board. (2021). Muslim visitor guide. Singapore Tourism Board.
- Thomson Reuters. (2019). State of the global Islamic economy report 2018/19. Thomson Reuters.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Gough, D., Oliver, S., & Thomas, J. (2017). An introduction to systematic reviews. Sage Publications.
- Hart, C. (1998). *Doing a literature review: Releasing the social science research imagination*. Sage Publications.
- Mays, N., & Pope, C. (1995). Qualitative research: Rigour and qualitative research. *BMJ*, 311(6997), 109-112.
- Petticrew, M., & Roberts, H. (2006). *Systematic reviews in the social sciences: A practical guide*. Blackwell Publishing.

## ASAL USUL DAN KAEDAH PENETAPAN ISIPADU AIR DUA QULLAH DALAM ISLAM

Ummi Zainab binti Mohd Ghazali<sup>1</sup>, Prof Madya Dr Muhammad Azizan bin Sabjan<sup>2</sup>

*<sup>1</sup> Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat  
Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti  
Sains Malaysia,*

*Pulau Pinang, Malaysia  
ummighazali@gmail.com*

*<sup>2</sup> Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat  
Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti  
Sains Malaysia,*

*Pulau Pinang, Malaysia  
mazizan@usm.my*

### ABSTRAK

Dalam Islam, air memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan, terutamanya melibatkan aspek penyucian diri dan kebersihan. Air digunakan dalam keperluan ibadah dan amalan seharian seperti wuduk dan membersihkan najis. Istilah dua qullah merujuk kepada ukuran minimum yang digunakan dalam menentukan kesucian air daripada najis. Masyarakat secara umumnya mengetahui mengenai makna asas dua qullah, namun masih ramai yang tidak mengetahui mengenai konsep dan pengertian sebenar istilah dua qullah. Kertas kerja ini berkisar mengenai sejarah dan asal usul air dua qullah serta kaedah susunan penetapan isipadunya yang dibentuk secara berperingkat dalam Islam. Melalui metodologi kajian perpustakaan, kertas kerja ini menganalisis teks-teks Islamik klasik dan kontemporari untuk memahami bagaimana ulama-ulama terdahulu dan terkemudian menentukan ukuran dua qullah. Fakta sejarah serta kaedah pengiraan terperinci mengenai penetapan isipadu air dua qullah juga ditunjukkan bagi meningkatkan kefahaman awam. Penemuan kajian menunjukkan bahawa penetapan isipadu air dua qullah jelas menonjolkan sisi kebijaksanaan para ulama Islam melalui jalinan aplikasi matematik yang pintar dalam merungkai persoalan isipadu sebenar air dua qullah yang dikehendaki Islam. Kajian ini menawarkan dinamika baru bagi pengertian dan kefahaman isipadu air dua qullah, di samping meningkatkan penghayatan bagi lebih menghargai sumbangan ulama-ulama Islam pada masa dahulu dan sekarang dalam memenuhi tuntutan syariah sepanjang zaman.

**Kata Kunci:** Air; Dua Qullah; Isipadu; Ukuran; Budha'ah.

### 1. PENGENALAN

Air memainkan peranan yang eksklusif dalam Islam. Selain digunakan bagi menyucikan diri, air juga berfungsi untuk menyempurnakan keperluan ibadah seperti wuduk dan membersihkan

najis. Keperluan untuk memastikan air yang digunakan adalah suci dan bersih menjadikan konsep dua qullah sangat relevan dalam Islam. Dua qullah merujuk kepada ukuran isipadu air tertentu yang dianggap suci dan tidak dicemari oleh najis, asalkan sifat-sifat fizikal air tersebut seperti warna, bau, dan rasa tidak berubah disebabkan oleh najis. Konsep ini adalah salah satu kaedah penting dalam menentukan status kesucian air dalam hukum fiqah Islam. Penetapan ini berdasarkan hadis Nabi Muhammad SAW yang memberikan panduan tentang ukuran minimum air yang boleh mengekalkan kesuciannya walaupun terdapat sedikit najis yang mencemarinya. Ini amat penting kerana kesucian adalah salah satu syarat sahnya ibadah. Sebagai contoh, wuduk tidak akan sah jika air yang digunakan tidak suci, dan ini akan memberi kesan kepada sahnya solat yang dilakukan. Oleh itu, memahami konsep dua qullah bukan sahaja membantu dalam aspek praktikal ibadah harian tetapi juga memperkukuhkan pengetahuan dan amalan seseorang Muslim dalam menjaga kebersihan dan kesucian diri sesuai dengan tuntutan agama.

## 2. KAEDAH KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif kajian perpustakaan menerusi analisis kandungan untuk meneroka sejarah di sebalik kaedah kiraan isipadu air dua qullah dalam Islam. Kaedah ini melibatkan kajian menyeluruh terhadap kandungan daripada lapangan literatur sedia ada yang berautoriti diperolehi dari buku, thesis, artikel jurnal, dan teks sejarah.

## 3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### 3.1 Asal Usul dan Sejarah Konsep Dua Qullah

Konsep dua qullah ini berasal dari hadis Nabi Muhammad SAW yang menjadi rujukan utama dalam menentukan hukum-hukum berkaitan air dalam Islam. Dalam satu hadis nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Nabi dikhabarkan bersabda yang membawa maksud “Apabila air itu dua qullah, maka air itu tidak dapat dinajiskan oleh apapun” [1]. Hadis ini menunjukkan bahawa air yang mencapai ukuran dua qullah dianggap suci dan tidak akan tercemar oleh najis, kecuali jika najis tersebut mengubah sifat-sifat fizikal air seperti warna, bau, dan rasa.

Qullah merupakan sejenis bekas isian air yang digunakan oleh masyarakat Arab lampau. Setiap satu bekas ini mampu menampung sekian banyak air, dan isipadu kandungan air dalam satu qullah inilah yang digelar “satu qullah”. Ia masih digunakan pada zaman nabi Muhammad s.a.w, namun dua ratus tahun setelah kewafatan baginda, penduduk khususnya di Baghdad dan Mesir tidak lagi menggunakan ukuran ini [2]. Mereka menggantikannya dengan skala *rithl* yang disebut juga sebagai kati. Ukuran *rithl* ini berbeza mengikut tempat, *rithl* Baghdad adalah tidak sama dengan *rithl* Mesir. Di Syam juga wujud timbangan *rithl*, dan ia juga berbeza dengan *rithl* Baghdad dan Mesir.

Berkenaan isipadu air mutlak dua qullah, ia adalah berdasarkan kepada dua hadis daripada Ibnu Umar dan Abu Said Al-Khudry, yang dikenali juga sebagai hadis telaga Budha’ah [3]. Telaga Budha’ah adalah sebuah telaga tua yang terdapat di timur Madinah. Kini telaga Budha’ah ini telah tiada, namun ia masih wujud sehinggalah ke penghujung kurun ke-13, kerana dicatatkan telaga ini masih wujud ketika zaman Ibn Taimiyyah [2]. Menurut Abu Daud, lebar telaga

Budha'ah ini adalah enam hasta dan kedalaman telaga ini hanya mencecah paras lutut ketika musim kemarau dan kering [3]. Ketika musim biasa, paras air telaga Budha'ah mampu mencapai paras pinggul lelaki dan wanita dewasa. Telaga Budha'ah ini selalu dicampakkan ke dalamnya benda-benda yang busuk dan tidak diperlukan seperti daging anjing dan perca kain sisa darah haid perempuan.

Hadis-hadis ini menjadi asas kepada para ulama dalam menentukan jumlah minimum air yang boleh dianggap suci walaupun terdapat sedikit najis yang mencemarinya. Ini memberikan panduan yang jelas dalam konteks penggunaan air untuk bersuci, terutama dalam situasi di mana sumber air mungkin tercemar. Ulama-ulama fiqh dari pelbagai mazhab telah membahaskan dan mentafsirkan hadis ini untuk menetapkan ukuran yang tepat bagi dua qullah, mengambil kira unit-unit ukuran yang digunakan pada zaman Nabi Muhammad SAW dan menerjemahkannya kepada ukuran moden.

### 3.2 Kepentingan Sukatan Dua Qullah

Penentuan isipadu air dua qullah adalah penting dalam memastikan kesucian air yang digunakan untuk wuduk, berdasarkan hadis Nabi Muhammad SAW yang menyatakan bahawa air yang mencapai dua qullah tidak mudah tercemar oleh najis. Air yang mencapai isipadu ini dianggap suci selagi sifat fizikalnya (warna, bau, rasa) tidak berubah, memberikan keyakinan kepada umat Islam bahawa air tersebut sah digunakan untuk bersuci. Konsep dua qullah menyediakan panduan praktikal dalam kehidupan harian, terutamanya dalam rekaan bekas air seperti kolah atau tangki di masjid dan rumah yang direka bentuk untuk memenuhi ukuran ini. Ini memastikan air yang disimpan adalah suci dan boleh digunakan untuk wuduk, memudahkan umat Islam dalam memastikan kesucian air, terutama di kawasan yang mungkin kekurangan sumber air yang bersih.

### 3.3 Kiraan Air Dua Qullah

Dalam kitab-kitab fikah, dinyatakan bahawa sukatan dua qullah arab masa zaman nabi adalah bersamaan 500 *rithl* Baghdad. Bagi orang Mesir, dua qullah nabi adalah setara dengan 446  $\frac{3}{4}$  *rithl* Mesir. Bagi sukatan *rithl* orang Syam, dua qullah nabi hanyalah bersamaan 81 *rithl* Syam [4].

Dr Wahbah Zuhaili dalam kitabnya yang terkenal *Fiqh al-Islam wa Adillatuh* atau terjemahan Bahasa Melayunya *Fiqh & Perundangan Islam* turut menyatakan perkara yang sama, namun terdapat satu perbezaan di mana dua qullah nabi dinyatakan bersamaan dengan 446  $\frac{3}{7}$  *rithl* Mesir [5].

Ukuran qullah juga dapat diukur menerusi kiraan hasta. Bagi mazhab Syafie, ukuran dua qullah adalah bersamaan satu suku hasta (1  $\frac{1}{4}$ ) tinggi, panjang dan lebar. Ulama berbeza pendapat mengenai kadar hasta dalam unit ukuran moden iaitu cm, sebahagian berpandangan satu hasta adalah 46.2cm, manakala sebahagian yang lain berpandangan satu hasta bersamaan 48cm [6].

Jika diambil pandangan pertama iaitu satu hasta bersamaan 46.2 cm, maka dua qullah adalah (1  $\frac{1}{4}$  hasta x 1  $\frac{1}{4}$  hasta x 1  $\frac{1}{4}$  hasta) iaitu (57.75 cm x 57.75 cm x 57.75 cm) bersamaan

**192.599 liter.** Pandangan kedua pula iaitu satu hasta adalah 48 cm akan menjadikan ukuran dua qullah sebagai (1 ¼ hasta x 1 ¼ hasta x 1 ¼ hasta) iaitu (60 cm x 60 cm x 60 cm) bersamaan **216 liter.**

Dr Wahbah menukulkan bahawa satu hasta Mesir sekarang ialah 46.2 cm. Menurut beliau, satu hasta yang dimaknakan dalam riwayat nabi adalah satu hasta *hashimi* iaitu bersamaan 61.2 cm [5]. Jika diambil pandangan ini, maka dua qullah akan menjadi (1 ¼ hasta x 1 ¼ hasta x 1 ¼ hasta) iaitu (76.5 cm x 76.5 cm x 76.5 cm) bersamaan **447.697 liter.**

Dua qullah dalam kiraan moden, Dr Wahbah Zuhaili (2002) [5] telah menukil sebagaimana berikut:

1. Dari segi timbangan
  - a) 500 kati Baghdad (1 kati Baghdad = 128 4/7 dirham, 1 dirham = 3.17 gram, maka  $128 \frac{4}{7} \times 3.17g \times 500 = 203.785$  kg air ataupun **203.785 liter air**)
  - b) 446 3/7 kati Mesir (1 kati Mesir = 144 dirham, 1 dirham = 3.17 gram, maka  $144 \times 3.17g \times 446 \frac{3}{7} = 203.785$  kg air ataupun **203.785 liter air**)
  - c) 81 kati Syam (1 kati Syam = 2.5kg, maka  $81 \times 2.5kg = 202.5$  kg air, ataupun **202.5 liter air**)
2. Dari segi sukatan adalah 10 tin (terdapat pandangan 15 tin atau bersamaan **270 liter air**)
3. Dari segi ukuran
  - a) Mazhab Syafie
    - i. Bekas segiempat (1 ¼ hasta tinggi, 1 ¼ hasta lebar, 1 ¼ hasta panjang)
    - ii. Bekas bulat seperti telaga (2 hasta dalam, 1 hasta lebar)
  - b) Mazhab Hanbali
    - i. Bekas segiempat (1 hasta panjang, 1 hasta lebar, 2.5 hasta tinggi)
    - ii. Bekas bulat seperti telaga (2 ½ hasta dalam, 1 hasta lebar)

Dapat diperhatikan bahawa dari segi timbangan, perkiraan isipadu dua qullah ke liter air menampilkan jumlah yang lebih kurang sama iaitu lebih kurang **202.5 liter** ke **203.785 liter** air. Dari segi ukuran, perkiraan dua qullah akan menjadi berbeza bergantung kepada ukuran hasta yang digunakan iaitu sama ada satu hasta bersamaan 46.2 cm, 48 cm ataupun 61.2 cm.

Perbezaan ukuran hasta ini akan menjadikan isipadu dua qullah berbeza-beza daripada **192.599 liter**, **216 liter** hinggalah ke **447.697 liter**, walaupun nilai terakhir ini (447.697 liter) adalah sangat jauh dan janggal dan tidak diterima oleh ulama dahulu atau sekarang. Ini menjadikan isipadu minima air dua qullah adalah **192.599 liter**, dan nilai dua qullah bersamaan **216 liter** adalah masyhur diterimapakai oleh kebanyakan ulama Islam sehingga kini [7]. Namun Dr Wahbah Zuhaili (2002) [5] lebih menjurus kepada sukatan isipadu dua qullah bersamaan 15 tin iaitu **270 liter air** dan pendapat ini semakin diterimapakai dan diterimaguna oleh ramai ulama kontemporari masa kini.

#### 4. KESIMPULAN

Qullah merupakan sejenis bekas isian air yang digunakan oleh masyarakat arab lampau. Dari segi

*timbangan*, berat dua qullah air adalah dari 202.5 kg ke 203.785 kg. Dari segi *ukuran*, dua qullah akan menjadi berbeza bergantung kepada ukuran hasta yang digunakan dan ini menjadikan isipadu dua qullah berbeza-beza daripada 192.599 liter, 216 liter hinggalah ke 447.697 liter. Dari segi sukatan, dua qullah adalah setara dengan 10 tin ataupun 15 tin yang bersamaan dengan 270 liter air. Pada umumnya, isipadu dua qullah adalah minimum 192.599 liter. Isipadu dua qullah 216 liter dan 270 liter adalah pendapat yang diterima ramai manakala 447.697 liter adalah pandangan yang janggal.

## **PENGHARGAAN**

Para penulis mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM) atas pemberian geran FRGS (FRGS/1/2021/SS10/USM/02/6) yang mana sebahagian daripada dana tersebut telah digunakan untuk menyiapkan kertas kerja ini.

## **RUJUKAN**

- Imam Ahmad bin Hanbal, (Edisi 2016), *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal* (Penterjemah dan Pentahqiq Syaikh Ahmad Muhammad Syakir rahimahullah), Pustaka Azzam.
- Ibnu Taimiyyah (Edisi 2007), *Majmu' Al-Fatawa (Kumpulan Fatwa Ibnu Taimiyyah)* (Pentakhrij Amir Al Jazzar & Anwar Al Baz), Pustaka Azzam.
- Syarah Sunan Abu Daud (2008), (Disyarah oleh Abu ath-Thayyib Muhammad Syamsul Haq al-Adzim Abadi), *Aunul Ma'bud Syarah Sunan Abu Daud*. Pustaka Azzam.
- Al-Sayyid Sābiq (Edisi 2009), *Fiqh al-Sunnah*, Maktabat al-Ādāb.
- Wahbah al-Zuhaili, (2002), *Fiqh al-Islam wa Adillatuh*, Jilid 1. Dar al-Fikr.
- Abd al-Rahman al-Jaziri (2009), *Islamic Jurisprudence According to the Four Sunni Schools: Al-Fiqh 'Ala al-Madhahib al-Arba'ah. Volume I, Acts of Worship*. Fons Vitae.
- Ibrahim al-Bajuri, (Edisi 2002), *Hasyiah ala Syarhi Ibn Qasim Al Gazzzi ala Matni Syeikh Abi Suja' (Fekah Mazhab Syafie)* (Penterjemah Maktabah Darul al-Khayr), Maktabah Dar al-Khayr.

## PEMBELAJARAN SIMPULAN BAHASA MELALUI APLIKASI PERMAINAN KEMBARA BAHASA

Muhammad Danish Danial Bin Shanor Affendy<sup>1</sup>, Hairulliza Binti Mohamad Judi<sup>2</sup>

<sup>1</sup> *Fakulti Teknologi & Sains Maklumat,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM  
Bangi*

*a187296@siswa.ukm.edu.my*

<sup>2</sup> *Fakulti Teknologi & Sains Maklumat,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600  
UKM Bangi hmj@ukm.edu.my*

### ABSTRAK

Simpulan bahasa biasanya terdiri dari dua perkataan yang digunakan untuk menjelaskan lagi maksud sesuatu pengucapan dengan membawa erti yang tersirat. Penguasaan simpulan bahasa Melayu yang semakin berkurangan di kalangan generasi muda, terutamanya remaja dan pelajar, merupakan isu yang membimbangkan dalam bidang pendidikan. Pembangunan sebuah aplikasi permainan yang memfokuskan kepada simpulan bahasa berpotensi untuk menarik minat pelajar dan generasi muda masa kini. Aplikasi permainan simpulan bahasa yang mudah merangkumi permainan, cara bermain, menu utama dan persekitaran bermain 3D yang membolehkan pengguna untuk berasa bebas. Aplikasi ini dinamakan "Kembara Bahasa" bertujuan bagi memudahkan golongan muda untuk mempelajari simpulan bahasa dengan menarik dan menyeronokkan selain berada di sekolah. Objektif kajian ini adalah untuk mencadangkan aplikasi permainan Kembara Bahasa bagi tujuan pembelajaran simpulan bahasa. Metodologi pembangunan yang digunakan adalah model peningkatan di mana proses pembangunan perisian dibahagikan kepada modul spesifik seperti modul permainan, modul menu utama dan seterusnya. Aplikasi yang dibangunkan adalah untuk sistem operasi Windows kerana keperluan grafik yang tinggi, membolehkan pengguna menghayati pengalaman visual yang cantik. Aplikasi ini dibangunkan dengan menggunakan Unity dan Autodesk 3Ds Max. Aplikasi ini diharapkan dapat memudahkan golongan muda terutamanya yang masih bersekolah untuk meluaskan ilmu mereka tentang simpulan bahasa.

**Kata kunci:** simpulan bahasa; permainan digital; pembelajaran bahasa.

### 1. PENGENALAN

Simpulan bahasa, pepatah, bidalan dan perumpamaan adalah semua jenis peribahasa. Yang teringkas diantara ini adalah simpulan bahasa, yang biasanya terdiri dari dua perkataan. Simpuln bahasa digunakan untuk menjelaskan lagi maksud sesuatu pengucapan dengan membawa erti yang tersirat [1]. Simpuln bahasa memiliki makna dan kandungan yang berbeza

dari makna sebenar kata-kata yang membentuknya. Simpulan bahasa dan maksudnya sering digunakan untuk menghubungkan keindahan simpulan bahasa dengan pengetahuan tentang pemikiran orang Melayu dahulu kala [2].

Gandingan simpulan bahasa bersama aplikasi permainan adalah cara yang menyenangkan untuk melibatkan pengguna. Cara ini juga dapat mempromosikan pemahaman terhadap ungkapan tradisional ini. Pendekatan permainan penting kerana ia membawa strategi untuk melestarikan dan memahami budaya Melayu melalui simpulan bahasa. Penerapan simpulan bahasa dalam aplikasi permainan merupakan kaedah yang menarik untuk meningkatkan kesedaran dan penghargaan terhadap warisan budaya ini dalam era digital yang sentiasa berubah. Warisan ini berisiko hilang atau dilupakan dengan pengaruh globalisasi dan aliran maklumat yang semakin pesat. Namun, permainan menawarkan platform yang interaktif dan menarik untuk melestarikan simpulan bahasa, sebagai pengingat terhadap pengetahuan dan warisan budaya orang Melayu pada zaman dahulu.

Pewarisan simpulan bahasa dalam budaya Melayu mengandungi hikmah yang telah dihormati dan diwarisi selama berabad-abad. Selain itu, ia menerangkan bagaimana tingkah laku, sikap, pemikiran dan pegangan seseorang individu dipengaruhi oleh nilai yang terkandung [1]. Dalam konteks globalisasi, teknologi digital, dan perubahan dalam cara berkomunikasi, penggunaan simpulan bahasa mungkin semakin berkurangan. Oleh itu, adalah penting untuk mencipta peluang dan platform yang merangsang minat terhadap simpulan bahasa.

Aplikasi permainan adalah pendekatan kreatif untuk membantu generasi muda dalam era digital memahami dan menghargai simpulan bahasa. Dengan elemen interaktif dan unsur permainan, mereka dapat belajar dengan cara yang menarik dan menyeronokkan yang mungkin akan merangsang minat mereka dalam melestarikan budaya ini. Akhir sekali, skop projek ini berfokuskan kepada pelajar sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah.

## **2. METODOLOGI**

Dalam konteks pembangunan aplikasi permainan simpulan bahasa, pemilihan model proses pembangunan yang sesuai adalah penting. Model Pertambahan atau *Incremental* yang melibatkan pembinaan aplikasi dalam bahagian-bahagian kecil yang boleh diuji sebelum disatukan menjadi aplikasi lengkap, dicadangkan dengan beberapa sebab yang kukuh. Pertama, ia menawarkan fleksibiliti untuk menyesuaikan keperluan projek yang berubah dan kandungan, yang sering berlaku dalam permainan pembelajaran bahasa. Kedua, dalam konteks permainan pembelajaran bahasa, penilaian yang kerap dan penguasaan kandungan bahasa adalah penting. Model Pertambahan membenarkan penilaian yang lebih kerap kerana setiap increment boleh diuji dan dinilai secara berasingan. Selain itu, ia menyediakan peluang pembelajaran yang bertingkat bagi pengguna, memperkenalkan konsep bahasa yang lebih kompleks seiring dengan kemajuan mereka dalam permainan. Akhirnya, ia memastikan kawalan kualiti yang lebih baik kerana setiap increment boleh diuji dengan teliti sebelum disatukan. Dengan memilih model Incremental, ia bertujuan untuk mencipta aplikasi permainan pemahaman bahasa yang mudah diubahsuai, mesra penilaian, dan sesuai untuk pembelajaran bahasa yang progresif.

Terdapat lima fasa dalam model ini. Fasa keperluan menekankan pengumpulan semua keperluan dan spesifikasi untuk perisian. Ini termasuk pemahaman mendalam mengenai apa yang



dikehendaki oleh murid sekolah dalam Kembara Bahasa dan bagaimana perisian tersebut harus berfungsi. Fasa reka bentuk dan pembangunan membabitkan reka bentuk keseluruhan sistem. Reka bentuk peringkat tinggi untuk keseluruhan sistem dibuat, diikuti dengan reka bentuk terperinci untuk inkremen pertama. Ini memastikan struktur dan komponen utama sistem dirancang dengan baik. Fasa pelaksanaan melibatkan pembangunan dan pelaksanaan inkremen pertama perisian. Kod ditulis, diuji secara dalaman, dan siap untuk fasa pengujian yang lebih menyeluruh. Permainan serius ini dibangunkan menggunakan enjin Unity dengan bahasa pengaturcaraannya yang dipanggil C Sharp. Pangkalan data yang digunakan ialah pangkalan data awan Firebase untuk memastikan semua maklumat pengguna dalam permainan telah disimpan. 3ds Max digunakan bagi mencipta model 3D objek simpulan bahasa. Adobe Photoshop digunakan bagi mencipta tekstur objek 3D. Fasa pengujian menumpukan pengujian fungsi dan prestasi modul. Pengujian dilakukan untuk memastikan bahawa ia memenuhi semua keperluan yang telah ditetapkan dan berfungsi dengan baik tanpa ralat atau sebarang masalah.

### **3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Aplikasi permainan 3D Kembara Bahasa telah berjaya dibangunkan dan semua dokumentasinya telah dilengkapkan. Hasil pembangunan aplikasi Kembara Bahasa berfokus pada antara muka yang penting untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran pengguna. Antara muka kemasukan Kembara Bahasa yang dipaparkan dalam Rajah 1 berfungsi sebagai pintu masuk ke dalam permainan, dengan reka bentuk yang jelas dan mesra pengguna. Log masuk memastikan hanya pengguna berdaftar mendapat akses kepada sistem bagi melindungi keselamatan aplikasi.

Modul permainan adalah komponen utama dalam aplikasi, menawarkan aktiviti interaktif yang melibatkan pelajar terlibat secara aktif dalam pembelajaran simpulan bahasa. Antara muka modul permainan direka dengan elemen visual yang menarik dan interaktif, termasuk animasi dan grafik 3D, yang menjadikan pengalaman pembelajaran lebih menyeronokkan. Permainan melalui kembara ini akan membawa pemain untuk meneroka persekitaran bagi mendapatkan kata kunci berkenaan simpulan bahasa. Reka bentuk antara muka kembara ini memastikan navigasi yang mudah dan jelas dengan ikon yang mudah dikenali dan teks yang ringkas, membolehkan pengguna berpindah antara fungsi aplikasi tanpa kesulitan.

Paparan permainan menyediakan petunjuk yang jelas tentang simpulan bahasa yang berkaitan. Contohnya, Rajah 2 menunjukkan antara muka bagi panel teka-teki apabila pengguna berinteraksi dengan objek tertentu dalam Kembara Bahasa. Pengguna perlu meneka simpulan bahasa apakah yang berkaitan dengan objek yang diberikan. Pengguna boleh menggunakan butang petunjuk untuk mengisi sedikit ruang kosong. Persekitaran 3D dalam aplikasi menawarkan pengalaman visual yang menarik, dengan grafik berkualiti tinggi dan reka bentuk kreatif. Ini bukan sahaja menambah daya tarikan aplikasi tetapi juga menjadikan pembelajaran lebih interaktif. Pengguna dapat berinteraksi dengan elemen dalam persekitaran 3D untuk memahami konsep simpulan bahasa dengan lebih mendalam. Paparan kemajuan membolehkan pengguna melihat prestasi mereka dalam permainan dan latihan. Statistik seperti jumlah simpulan bahasa yang dipelajari, skor permainan, dan pencapaian lain dipaparkan dengan jelas, memberikan maklum balas berguna yang memotivasi pengguna untuk terus berlatih.



Rajah 1. Log Masuk Kembara Bahasa



Rajah 2 Simplan Bahasa “Cahaya Mata”

#### 4. KESIMPULAN

Kajian ini memberikan pandangan positif mengenai penggunaan aplikasi permainan untuk pembelajaran simpulan bahasa. Dengan reka bentuk yang inovatif dan pendekatan yang menarik, aplikasi ini menawarkan pendekatan untuk meningkatkan penguasaan bahasa di kalangan generasi muda. Harapan utama adalah agar aplikasi ini dapat diterima secara meluas dan digunakan sebagai alat tambahan dalam pendidikan bahasa. Penggunaan yang meluas dapat membantu dalam memelihara dan mempromosikan penggunaan simpulan bahasa dalam kalangan generasi muda, dengan matlamat utama memudahkan pelajar dalam mempelajari simpulan bahasa dengan cara

yang menyeronokkan dan berkesan.

## **PENGHARGAAN**

Penulis mengucapkan terima kasih kepada dana FRGS/1/2024/ICT06/UKM/02/1 yang menyokong kajian ini.

## **RUJUKAN**

Ishak, M.K.A., & Wan Mohammad, W.M. (2021). Penerapan Nilai-nilai Murni dalam Pengajaran dan Pembelajaran Simpulan Bahasa Bahasa Melayu Tahap 1 Sekolah Rendah: Analisis Pragmatik. *Asian People Journal*, 4(1), 148-168.

Jonteng, S.E., Yahya, Y., Salleh, S.F., Abdullah, N.A., & Subet, M.F. (2021). 'Hand' Symbol in Malay Idioms: Inquisitive Semantics Analysis. *Asian People Journal*, 4(1), 108-131. Retrieved from <https://journal.unisza.edu.my/apj/article/view/261/0>

**BUAH BUTON DI LUAK TANAH MENGANDUNG, NEGERI SEMBILAN:  
BERKEADILAN MELALUI KEPIMPINAN DALAM MASYARAKAT BERADAT**

Fakhrur Razi Maamor  
*Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya*  
*fakhrurrazi991@um.edu.my*

**ABSTRAK**

Keadilan merupakan konsep yang menjamin hak, keserataan, peluang dan tanggungjawab melalui kepimpinan di peringkat global; turut diinterpretasi dalam ukiran buah buton. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis keterkaitan buah buton dengan keadilan melalui kepimpinan dalam masyarakat Adat Perpatih. Bagi mencapai tujuan tersebut, penyelidikan kualitatif diguna pakai dengan mengetengahkan dua kaedah iaitu kajian lapangan dan temu bual. Kaedah kajian lapangan adalah mengenalpasti rumah-rumah tradisional yang mempunyai buah buton di sekitar Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan. Manakala, temu bual pula adalah melibatkan informan dari empat kategori iaitu pemimpin adat, pengamal adat, penyelidik adat dan masyarakat tempatan. Melalui dua kaedah serta kajian literatur, artikel ini mendapati bahawa buah buton hanya diaplikasikan pada rumah-rumah yang dihuni oleh golongan bangsawan, pemimpin adat atau mereka yang mempunyai status dalam adat. Dapat disimpulkan, buah buton yang tergantung di bahagian spesifik melambangkan sebuah kepimpinan dalam Adat Perpatih yang menekankan aspek keadilan buat anak-anak buah. Ini menunjukkan buah buton bukan sekadar hiasan yang menghiasi ruangan rumah, malah memberi implikasi kepada pemiliknya akan tanggungjawab dalam menjalankan amanah selaras dengan akal, ilmu, alur dan patut. Maka, artikel ini mencadangkan agar penyelidikan lanjutan dengan memberi penekanan terhadap keterkaitan buah buton dalam nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung dalam Adat Perpatih. Perkara ini selari dengan keperibadian dalam masyarakat agar sesuatu yang tradisi itu tidak dilapuk dek zaman dan mampu memberi impak kepada jiwa dalam menhayati budaya dan tradisi.

**Kata kunci:** Adat Perpatih, buah buton, keadilan, pemimpin, rumah tradisional

**1. PENGENALAN**

Keadilan merupakan sebuah prinsip yang menjamin perlakuan yang adil dan setara buat setiap individu. Terutamanya dalam sistem undang-undang, politik dan sosial jika dilihat dari sudut yang luas. Erti kata lain, konsep keadilan ini boleh dirujuk pada penelitian terhadap kesetaraan dan penebusan hak-hak yang sepatutnya diterima oleh setiap pihak (Pearson, 2023; Panova et al., 2022; Serohin et al., 2021; & Hutabarat et al., 2021). Malah, disebalik keadilan itu terdapat sebuah asas yang mendokong etika, falsafah dan hukum yang telah ditentukan oleh manusia. Sehingga berlakunya ketidak seimbangan dalam keadilan. Perkara ini boleh saja dilihat pada perjuangan dan perlindungan dalam hak asasi manusia yang menjadi asas kepada penubuhan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) (Xu, 2022). Walau bagaimanapun, masih terdapat ketirisan kepada keadilan

dalam peranan PBB itu sendiri. Terdapat contoh lain yang boleh diketengahkan seperti perang Palestin – Israel yang dibangkitkan di International Criminal Court (ICC) yang melibatkan korban perang dan penggunaan *genocide* (Ben-Natan, 2021). Tetapi, isu ini seolah-olah sengaja dilengahkan walaupun jelas penjahat dalam perang ini adalah Israel. Malah, pihak negatif ini cuba memutar belitkan fakta dan masih ada pihak yang menyebelahi mereka iaitu kuasa-kuasa besar dunia sendiri (Bilousov et al., 2022). Ini menunjukkan sifat berat sebelah dalam sistem undang-undang kemanusiaan itu sendiri. Secara ironinya, dua contoh tersebut membawa pengertian keadilan tetapi tidak kena dengan caranya. Konteks ini kontras dengan konsep keadilan dalam Adat Perpatih. Malah, terdapat elemen visual yang bertindak sebagai peringatan buat pengamal adat tersebut iaitu buah buton.

Buah buton merupakan ukiran yang bersifat tiga-dimensi yang diukir pada bahagian bawah sebatang tiang (Gambar 1). Reka bentuk ukiran pula adalah bervariasi yang melibatkan bentuk bulat atau bersegi. Sementara itu, subjek tersebut juga diaplikasikan pada ruangan tertentu dalam atau bahagian luar rumah tradisional di Negeri Sembilan. Bahagian yang tergantung itu pula mempunyai kepentingan kepada pemilik atau penghuni rumah yang mempunyai buah buton. Signifikan tersebut adalah melibatkan status atau kedudukan penghuni atau pemilik rumah tersebut dalam Adat Perpatih (Maamor et al., 2024; Maamor et al., 2023; & Maamor et al., 2022). Malah, ada antaranya menjadi simbol kepada kekuasaan pemilik atau penghuninya terhadap jawatan yang disandang (Ahmad et al., 2024; & Azman et al., 2022). Walau bagaimanapun, buah buton yang diaplikasikan itu bukan bertindak sebagai “pingat”; tetapi, lebih kepada “peringatan”. Ini kerana seseorang yang mempunyai status dalam Adat Perpatih bukan sekadar memegang gelar atau jawatan; sebaliknya mempunyai tanggungjawab yang perlu dipikul (Maamor et al., 2022).

Menurut Maamor et al. (2024) dan Maamor et al. (2023), kedudukan buah buton yang terdapat pada rumah-rumah tradisional di Luak Tanah Mengandung<sup>49</sup>, Negeri Sembilan turut mengetengahkan konteks kepimpinan dalam Adat Perpatih. Konteks tersebut mengetengahkan aspek keadilan yang mana kekuatannya dalam menyatakan atau memutuskan sesuatu keputusan. Walau bagaimanapun, ketelitian terhadap aspek tersebut adalah kurang diperjelaskan dari konteks seni bina dan keterkaitannya dengan masyarakat Adat Perpatih. Timbul juga persoalan lain adakah elemen lain dalam reka bentuk rumah tradisional tersebut juga mempunyai hubung kait dengan buah buton? Perkara ini jika dilihat secara terperinci pada penulisan Maamor dan Musa Khan (2023) menunjukkan bahawa buah buton tidak tergantung jauh atau mesti berdekatan dengan elemen tiang rumah. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis keterkaitan buah buton dengan keadilan melalui kepimpinan dalam masyarakat Adat Perpatih. Melalui artikel ini juga akan menelusuri tentang bagaimana konsep keadilan diaplikasikan dalam masyarakat Adat Perpatih yang sememangnya berkait rapat dengan konteks ekonomi, penetapan dalam kekeluargaan dan seni bina rumah tradisional Negeri Sembilan yang mempunyai buah buton.

---

<sup>49</sup> Luak Tanah Mengandung merupakan luak di bawah kuasa Yang Dipertuan Besar dan melingkari sekitar Seri Menanti yang merupakan pusat pemerintahan dan tempat bersemayam raja. Di bawah luak ini mempunyai lima luak yang lain yang masing-masing ditadbir oleh pemimpin yang digelar Penghulu. Lima luak tersebut ialah Ulu Muar, Jempol, Gunung Pasir, Terachi dan Inas.

## 2. KAJIAN LITERATUR

### 2.1 Keekerabatan dan Ekonomi Komunal Masyarakat Adat Perpatih

Adat Perpatih menjunjung tinggi kepentingan perpaduan keluarga dalam mengekalkan tradisinya. Institusi ini distrukturkan kepada tiga kumpulan utama - luak, suku, dan perut - masing-masing diketuai oleh individu dari keturunan mereka melalui nasab keibuan mereka (Wan Rushdan et al., 2023, Azman et al., 2022, Surowiec et al., 2019 & Thompson, 2019). Kepimpinan dalam kumpulan ini ditentukan melalui proses membuat keputusan secara kolaboratif dalam kalangan anak-anak buah. Sistem ini, seperti yang digariskan dalam Adat Perpatih adalah demi memastikan kesinambungan dan kekuatan adat yang dihormati ini. Disebut dalam teromba Adat Perpatih;

*Duduk sama rendah  
Berdiri sama tinggi  
Sekurang-kurang didukun sehembus  
Sekurang-kurang didukun seurat  
Sekurang-kurang dialim sekitab.*

Intipati setiap bait teromba di atas merangkum kata sepakat dan harmoni yang dicapai oleh anak-anak buah dalam menentukan keputusan penting, seperti pemilihan pemimpin adat. Perjanjian ini dicapai melalui persetujuan setiap ahli, tanpa sebarang bentuk paksaan. Jelaslah bahawa setiap hujah yang dikemukakan oleh ahli musyawarah tidak dipengaruhi oleh status sosial mereka, sebaliknya menonjolkan komitmen untuk membuat keputusan yang adil dan saksama (Arjjumend & Beaulieu-Boon, 2018 & Estlund & Landemore, 2018). Konsep kesaksamaan dilaksanakan semasa muzakarah majlis permuafakatan dan seiya sekata ini menekankan kepentingan komunikasi yang sama rata dalam masyarakat Adat Perpatih iaitu memupuk semangat perpaduan dan kerjasama (Astawa et al., 2020). Digambarkan konsep seiya sekata dalam komunikasi masyarakat Adat Perpatih seperti di bawah;

*Kecil besar sama sedayung  
Sakit satu semua berduka  
Bak labu nan menjalar  
Pucuk sama digetus  
Wakaf sama dipetik  
Ada sama mendapat  
Cicir sama dicari  
Untung laba sama dirasa.*

Setiap bait dalam teromba adat ini menggambarkan sifat dan perilaku setiap anggota yang berkaitan dengan harga diri dalam keekerabatan Adat Perpatih. Perkara ini menunjukkan bahawa tindakan seseorang mencerminkan keluarganya. Sebagai contoh, baris "sakit satu semua berduka" menjelaskan bahawa jika salah satu anggota keluarga menghadapi masalah, seluruh keluarga akan merasakan penderitaannya. Oleh karena itu, diperlukan sifat saling membantu satu sama lain agar tidak ada individu dalam keluarga yang menghadapi kesulitan sendirian (Sugiyarni, 2022 & Farantika et al., 2022). Malah, perkara ini tercermin dalam al-Quran Surah An-Nisa ayat 1;

*“Wahai manusia! Bertakwalah kepada Tuhanmu yang telah menciptakanmu daripada diri yang satu (Adam), dan (Allah) menciptakan pasangannya (Hawa) daripada (dirinya), dan daripada kedua-duanya Allah mengembangbiakkan lelaki dan perempuan yang banyak. Bertakwalah kepada Allah, yang dengan nama-Nya kamu saling meminta dan (peliharalah) hubungan kekeluargaan. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasimu.”*

- Surah An-Nisa, ayat 1

Dijelaskan dengan terperinci bahawa hubungan antara manusia, khususnya dalam konteks kekeluargaan, merupakan faktor yang menyumbang kepada kekuatan agama Islam.

Adat Perpatih menjadikan Islam sebagai panduan hidup harian, sebagaimana pepatah "adat bersendikan syarak, syarak bersendikan Kitabullah" yang mendukung perpaduan keluarga dan masyarakat. Keharmonian keluarga dicapai melalui kesederhanaan, keadilan, kebenaran, budi bahasa, penghormatan diri, dan kebaikan (Jaapar & Azahari, 2011). Ini semua adalah kunci kepada kejayaan dan kebahagiaan hidup. Oleh itu, kita tidak perlu bersikap sombong terhadap ahli keluarga sendiri. Mengikut pepatah Minangkabau, "kurang adalah sia-sia, berlebih adalah kegilaan," kita tidak seharusnya merasa rendah diri atau terlalu bangga. Kegagalan adalah langkah awal menuju kejayaan, dan kesombongan di puncak kejayaan akan dianggap negatif oleh masyarakat (Navis, 1984).

Dalam konteks ekonomi, masyarakat Adat Perpatih sangat mementingkan pembahagian harta, yang dilakukan secara musyawarah melibatkan ketua adat dan ahli keluarga yang terlibat (Ahmad, 2017). Setiap ahli perlu bertimbang rasa terhadap mereka yang berhak menerima harta, terutama harta adat. Seperti disebut oleh Nur Zahidah Jaapar dan Raihanah Azahari (2011) dalam "The Model of Wellbeing in Family Life from Islamic Perspective," keadilan harus diberikan kepada yang berhak. Contohnya, harta pusaka seperti rumah dan tanah diwariskan melalui keturunan wanita sahaja (Jamil & Mohd Taib, 2012; & Abdul Manaf & Sulehan, 2009). Pemilikan harta ini dinilai berdasarkan suku dari jurai ibu yang sama. Sebagai contoh, jika pemilik harta adalah wanita dari Seri Lemak Pahang, pewaris harta haruslah wanita dari suku yang sama atau melalui proses berkedim, menghormati harga diri wanita dalam Adat Perpatih sambil berkongsi rezeki. Ini bertujuan melindungi golongan wanita yang sering teraniaya, seperti dalam kes penceraiian (Saleh et al, 2017). Penghormatan terhadap wanita juga mempertimbangkan faktor seperti kematian suami, memberikan mereka tempat tinggal sesuai dengan tuntutan Islam untuk menjaga maruah dan harga diri wanita, seperti dinyatakan dalam Surah An-Nisa ayat 34;

*“Lelaki (suami) itu pelindung kepada perempuan (isteri), kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (perempuan), dan kerana mereka (lelaki) telah memberikan nafkah daripada hartanya. Maka perempuan-perempuan yang solehah, adalah mereka yang taat (kepada Allah) dan menjaga diri ketika (suaminya) tiada, kerana Allah telah menjaga (mereka). Perempuan-perempuan yang kamu bimbang akan nusyuz hendaklah kamu beri nasihat kepada mereka, tinggalkanlah mereka di tempat tidur (pisah tempat tidur), dan (jika perlu) pukullah mereka. Tetapi jika mereka mentaatimu, maka janganlah kamu mencari-cari alasan untuk menyusahkannya. Sesungguhnya, Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar.”*

- Surah An-Nisa, 34

Keharmonian dalam keluarga atau masyarakat bergantung pada penghormatan antara individu. Oleh itu, pemimpin Adat Perpatih mesti memastikan kebajikan ahli-ahli mereka terpenuhi. Pemimpin yang bijak dan berbudi pekerti dapat membuat ahli-ahli berasa selesa dan dilindungi dengan adil (Saludin, 2009).

## **2.2 Keadilan Tanpa Berbelah Bagi Masyarakat Adat Perpatih**

Keadilan dalam masyarakat Adat Perpatih dilaksanakan melalui musyawarah dan pendekatan "alur dan patut" seperti yang dijelaskan oleh Navis (1984). Ini bermakna tindakan diambil mengikut sistem Adat Perpatih dan tidak dilakukan secara sembarangan. Masalah harus diperiksa dengan teliti demi kepentingan semua pihak. Sebagai contoh, jika seseorang menghadapi kesusahan, punca masalah tersebut perlu dikenalpasti dan diselesaikan bersama. Mengambil tindakan tanpa memahami situasi sepenuhnya boleh menyebabkan penipuan dan ketidakpuasan hati, yang akhirnya merosakkan hubungan kekerabatan. Oleh itu, menjaga hubungan harmonis dan toleransi adalah penting dalam Adat Perpatih.

Kesulitan tersebut dapat diatasi dengan mencari solusi yang sederhana dan sesuai (Navis, 1984). Dengan kata lain, periksa dengan hati nurani sendiri, seperti yang disebutkan dalam teromba adat;


*Keluk paku kacang belimbing,  
Tepurung lenggang-lenggangkan,  
Bawa menurun ke Saruasa,  
Anak dipangku keponakan dibimbing,  
Orang kampung ditenggangkan,  
Ditenggang dengan rasa dan periksa.*

Jika masih ada kesulitan atau keadaan memaksa, pendekatan lain harus diambil demi kebaikan hidup bermasyarakat.

### ***Pengaruh Adat Perpatih Terhadap Rumah Tradisional di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan***

Rumah bumbung panjang yang melentik di Negeri Sembilan sinonim dengan rumah tradisional yang mengandungi makna sosial-politik tersembunyi. Reka bentuk rumah ini, termasuk serambi dan rumah ibu (Gambar 1); mencerminkan susunan ruang berdasarkan kedudukan sosial. Tiang gantung yang menghiasi ruang tersebut adalah simbol penting status dalam kesukuan Adat Papatih (Ibrahim, 1985; Idrus, 1996; Yusop, 2017).





Gambar 1. Pembahagian ruang serambi dan rumah ibu yang terdapat pada pelan rumah tradisional Negeri Sembilan (Maamor, 2024)

Serambi adalah ruang yang digunakan untuk musyawarah oleh ketua adat dan orang bawahan, serta tempat menyambut tetamu, mengadakan majlis, dan meraikan pengantin selepas akad nikah. Dahulu, serambi melambangkan status dan memainkan peranan penting dalam masyarakat Adat Perpatih. Serambi terbahagi kepada tiga bahagian: serambi hujung, serambi tengah, dan serambi pangkal (Raja Shahminan, 1999; & Idrus, 1996). Berdasarkan ekeperimentasi pada pangkal serambi; bahagian ini terletak berdekatan dengan tangga dan pintu masuk ke rumah. Malah, bahagian ini dihiasi dengan kain tabir lelangit sebagai tanda hormat kepada Buapak atau Datuk Lembaga yang hadir dalam perbincangan. Ruang ini juga digunakan oleh ketua adat dan ahli masyarakat untuk membincangkan hal-hal berkaitan tradisi adat dan isu-isu masyarakat.

Manakala, tengah serambi digunakan untuk menyambut dan meraikan tetamu dan akan duduk di ruang tersebut sementara menunggu pemilik rumah melayan mereka. Menurut Chen, Ariffin, dan Wang (2008), ini mencerminkan sifat menghormati tetamu dengan layanan baik. Sementara itu, bahagian hujung serambi dikhaskan untuk Penghulu Luak atau Ulama yang mana anak-anak buah boleh berbincang tentang adat dan agama serta melaporkan isu-isu kemasyarakatan. Kedudukan ini menunjukkan penghormatan kepada pemimpin yang dipilih dengan persetujuan anak buah (Abd Latif dan Kosman, 2017).

Rumah ibu adalah ruang yang dikuasai oleh wanita (Nor & Raja Shahminan, 2016). Bahagian ini terletak bersebelahan dengan serambi dan lebih tinggi sedikit yang menunjukkan penghormatan kepada wanita. Hanya lelaki yang mempunyai hubungan rapat dengan wanita di rumah itu boleh masuk ke ruang ini. Dalam Adat Perpatih, khususnya Ibu Soko, akan duduk di tiang seri rumah ibu semasa upacara berkedim, menandakan status tinggi dan penghormatan yang harus diberikan kepadanya.

Selain itu, dalam rumah tradisional Negeri Sembilan, tiang gantung melambangkan status dalam Adat Perpatih. Ibrahim (1985) menyatakan bahawa tiang ini adalah simbol kuasa dan kekuatan rumah serta pemiliknya. Muhammad Pauzi Abd. Latif dalam artikel oleh Yusop (2017) juga menegaskan bahawa tiang gantung biasanya ada pada rumah golongan diraja atau bangsawan iaitu melambangkan kekuasaan. Penyelidikan awal menunjukkan banyak rumah ketua adat di Luak Tanah Mengandung mempunyai tiang gantung yang berbeza dari rumah Melayu tradisional lain di Semenanjung Malaysia. Tiang gantung ini sepanjang 70 sentimeter dan tidak menyentuh lantai rumah iaitu berfungsi menyokong struktur dan lantai rumah.

Gambar 2 menunjukkan tiang gantung yang dihiasi ukiran buah buton di bahagian bawahnya. Menurut Idrus (1996), tiang gantung tidak bersambung dengan lantai atau tanah. Md. Hussain (1997) menyebutnya sebagai tiang sotoh iaitu berfungsi menyokong kasau jantan yang digantung pada alang dalam struktur rumah tradisional. Ukiran pada tiang ini serupa dengan yang terdapat di Masjid Kampung Parit Seberang, Luak Terachi, dikenali sebagai buah buton. Raja Shahminan (2007) menggambarkannya sebagai elemen *non-structural* dengan ukiran tiga dimensi, terletak di bahagian bawah tiang gantung.



Gambar 1. Rekaan buah buton yang diukir di bahagian bawah sebatang tiang dan tergantung (Maamor, 2023)


Oleh itu, tiang gantung dan buah buton saling berkaitan, baik dalam maupun bahagian luar serambi dan rumah ibu. Walaupun kedua-duanya penting, kajian ini akan fokus pada buah buton kerana ianya berkaitan dengan alam semula jadi yang menjadi panduan. Elemen bukan struktur ini mempunyai makna dan nilai falsafah yang memerlukan penjelasan lebih lanjut.

### 3. METODOLOGI

Artikel ini memberi fokus kepada konsep keadilan dalam konteks Adat Perpatih yang berhubung kait dengan elemen visual buah buton yang terdapat rumah tradisional Negeri Sembilan. Maka, penyelidikan kualitatif merupakan sebuah pendekatan dalam mencapai objektif penyelidikan ini (O'Brien et al., 2014; & Tracy, 2010). Memandangkan penyelidikan ini memerlukan eksplorasi dan pemahaman yang mendalam terhadap konteks sosio-budaya Adat Perpatih, pendekatan holistik diperlukan bagi membolehkan pengkajian terhadap hubung kait antara adat ini dengan buah buton (Wan Rushdan et al., 2023; & Azman et al., 2022). Oleh itu, artikel ini menyetengahkan dua kaedah iaitu kajian lapangan dan temu bual. Tujuan dua kaedah tersebut dipilih adalah untuk menggali pengalaman dan perspektif serta penyesuaiannya yang fleksibiliti dan bersesuaian untuk dibawa masuk dalam analisis yang selari dengan tema dan naratif. Berikut merupakan reka bentuk penyelidikan (Rajah 1) bersandarkan penyelidikan kualitatif yang menekankan dua kaedah utama; kajian lapangan dan temu bual.





Melalui kajian lapangan, sebanyak 5 buah rumah tradisional di sekitar Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan di jadikan sampel penyelidikan dalam artikel ini. Setiap sampel penyelidikan tersebut mempunyai buah buton yang tergantung di bahagian dalam atau luar rumah tradisional di luak tersebut. Sementara itu, setiap rumah mempunyai jumlah buah buton yang berbeza yang tidak tetap. Malah, rumah-rumah ini tersenarai dalam buku “Rumah Tradisional Luak Tanah Mengandung: Kajian Inventori Rumah Bumbung Panjang” oleh Shahminan (2007). Jadual 1 merupakan pensampelan rumah-rumah tradisional di luak tersebut yang mempunyai reka bentuk buah buton yang bervariasi serta kedudukannya yang berbeza di ruangan tertentu. Bagi

memudahkan identifikasi, setiap sampel penyelidikan termasuk buah buton dinamakan berdasarkan nama pemilik atau penghuni rumah.



Jadual 1

Pensampelan rumah-rumah tradisional di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan yang mempunyai buah buton


Rumah	Buah Buton	Kedudukan
 <p><b>Rumah:</b> Dato' Raja Diwangsa</p> <p><b>Lokasi:</b> Kampung Merual, Seri Menanti (kini dipindahkan ke Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia)</p> <p><b>Luak:</b> Gunung Pasir (lokasi asal)</p> <p>Pemilik / Penghuni: Muhammad Yunus bin Jabar</p>	 <p>Diwangsa 1</p>  <p>Diwangsa 2</p>	<p>Terdapat dua ruang yang mempunyai buah buton iaitu ruang serambi dan ruang rumah ibu. Kedua-dua ruang ini mempunyai sebaris buah buton iaitu tiga buah buton dalam satu baris.</p>  <p>Dua buah buton yang kelihatan tergantung di ruang serambi dan mempunyai jarak yang sama untuk setiap buah buton di ruangan tersebut.</p>

**Pengaruh:**  
Dato' Raja Diwangsa  
(Empat Orang Istana)

**Jumlah buah buton:**  
Enam buah buton  
(hanya tiga gambar buah  
buton dimuatkan dalam  
artikel bagi tujuan  
dokumentasi).



Diwangsa 3



Lakaran menunjukkan kedudukan  
buah buton yang tergantung di dua  
ruang dengan jarak yang sama  
antara satu sama lain.



**Rumah:**  
Dato' Muar Bongkok

**Lokasi:**  
Kampung Parit Seberang,  
Kuala Pilah

**Luak:**  
Ulu Muar

**Pemilik / Penghuni:**  
Dato' Muar Bongkok Abdul  
Halim

**Pengaruh:**  
Penghulu Luak Ulu Muar  
Ke-7

**Jumlah Buah Buton:**  
Dua buah buton




Muar 1



Muar 2



Dua Muar yang tergantung kiri dan  
kanan yang mendampingi sebatang  
tiang di bahagian tengahnya.  
Kedua-dua Muar tersebut  
tergantung dibahagian luar hujung  
serambi rumah Dato' Muar  
Bongkok.



Kedudukan kedua-dua Muar yang  
tergantung dan berada di kedudukan  
hujung serambi rumah Dato' Muar  
Bongkok.



**Rumah:**  
Anip

**Lokasi:**  
Kampung Ulu Bendul,  
Terachi

**Luak:**  
Terachi

**Pemilik / Penghuni:**  
Anip binti Najib (atau nama  
Najid)

**Pengaruh:**  
Waris Penghulu Luak  
Terachi dan orang berada di  
luak tersebut


**Jumlah Buah Buton:**  
Dua buah buton



Anip 1



Anip 2



Kedua-dua Anip tergantung di ruang serambi iaitu dari permukaan lantai rumah (berkemungkinan tidak perasan kehadiran subjek tersebut) dengan mempunyai ukuran tergantungnya yang sama tinggi.



Kedudukan Anip 1 yang tergantung di bahagian atas rumah (siling rumah) dan berkemungkinan tidak menyedari akan kehadiran subjek tersebut.



Kelihatan Anip 1 yang tergantung dari permukaan lantai rumah.



**Rumah:**  
Sali



---

Lokasi:  
Kampung Talang Tengah,  
Tanjong Ipoh, Kuala Pilah

**Luak:**  
Ulu Muar

**Pemilik / Penghuni:**  
Hajah Sali binti Salleh

**Pengaruh:**  
Suami Sali merupakan  
Datuk Lembaga bagi suku  
Seri Melenggang


**Jumlah Buah Buton:**  
Satu buah buton



Sali



Kelihatan Sali yang tergantung bersebelahan dengan tiang rumah dan kehadirannya agak tersembunyi jika dilihat dari pandangan hadapan rumah.



Kelihatan Sali yang tergantung di bahagian luar pangkal serambi dan berdekatan dengan dinding rumah ibu.

---

Melalui penilaian awal di kajian lapangan, pemerolehan data turut mencakupi pemahaman kontekstual yang mana melibatkan konteks serta kepercayaan dalam Adat Perpatih. Ini kerana kedudukan buah buton pada bahagian yang berbeza dan tertentu telah menimbulkan keselarian dengan kajian literatur; yang mana bahagian-bahagian tertentu pada ruangan rumah tradisional mempunyai signifikan kepada pemilik atau penghuninya. Oleh itu, temu bual diketengahkan bagi menerokai maklumat dengan terperinci bagi memahami permaknaan simbolik buah buton itu sendiri. Malah, keterkaitan buah buton itu sendiri dengan konsep keadilan menjadi poin dalam persoalan artikel ini. Maka, empat kategori informan diketengahkan berdasarkan persekitaran rumah, pengaruh pemilik atau penghuni rumah, pemahaman Adat Perpatih dan sejarah adat itu sendiri. Empat kategori tersebut adalah pemimpin adat, pengamal adat, penyelidik adat, dan masyarakat tempatan. Melalui artikel ini, seorang informan mewakili kategori masing-masing. Ini kerana pemilihan setiap informan tersebut adalah berpandukan pada jawapan mereka yang *genuine* dan kukuh berdasarkan soalan konsep keadilan dalam Adat Perpatih dan buah buton. Sementara itu, setiap nama informan yang diketengahkan dalam artikel ini tidak didedahkan secara khusus. Memandangkan ianya menyentuh tentang perlindungan privasi dan perkara ini juga merupakan sebahagian daripada etika penyelidikan (Taylor et al., 2023; Johnkennedy, 2023; Nurmi et al., 2019; Roberts & Allen, 2015; & Guillemin & Gillam, 2004). Oleh itu, setiap identiti informan hanya dilabelkan dengan huruf bahagian hadapan nama mereka sahaja. Jadual 2 menunjukkan senarai informan beserta kategori dan respon mereka berpandukan soalan berkaitan keadilan dan buah buton;

Jadual 2

Senarai informan dan kategori serta respon

<b>Informan</b>	<b>Kategori</b>	<b>Respon</b>
SK	Pemimpin Adat	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Rumah yang unik kebiasaannya dimiliki oleh mereka yang mempunyai kedudukan dalam Adat Perpatih.</li> <li>ii. Keunikkan tersebut melibatkan saiz rumah, ukirannya atau elemen-elemen lain yang tiada pada rumah masyarakat biasa.</li> <li>iii. Mereka yang mempunyai kedudukan dalam adat seperti pemimpin adat perlu arif dan peka dengan apa yang berlaku persekitaran terutama hal-hal yang berkaitan Adat Perpatih.</li> <li>iv. Keadilan sebuah konsep yang dipegang kukuh oleh pemimpin-pemimpin adat.</li> <li>v. Perlu ada keseimbangan dalam memutuskan sesuatu keadilan dan kesaksamaan berpandukan adat.</li> <li>vi. Ini kerana adat itu sendiri berpegang teguh pada ajaran Islam yang mendokong kepada sebuah konsep keadilan.</li> </ul>
RS	Pengamal Adat	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Seorang pemimpin perlu ada empat konsep dalam kepimpinan; akal, ilmu, alur dan patut.</li> <li>ii. Empat konsep tersebut berpandukan kepada Limbago Adat.</li> <li>iii. Perkara ini adalah berteraskan kepada sifat kepimpinan yang perlu bersifat jitu dan adil dalam menyatakan sesuatu keputusan.</li> <li>iv. Oleh sebab itu, seorang pemimpin itu perlu bijak dan arif tentang adat.</li> <li>v. Tidak boleh orang sebarangan memegang kepimpinan adat.</li> </ul>
MRS	Penyelidik Adat	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Adat Perpatih kuat berpegang pada falsafah adat; tungku tiga sejarangan; tali tiga sepilinan.</li> <li>ii. Maksudnya, berpegang pada aspek hubungan manusia dengan alam, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan tuhan.</li> <li>iii. Ketiga-tiga aspek ini terwujudnya kelompok cerdik pandai, pemimpin adat dan ulama.</li> <li>iv. Ketiga-tiga kelompok tersebut mempunyai peranan yang besar dalam Adat perpatih.</li> <li>v. Sekaligus, mereka dipilih dalam kalangan yang bijaksana dan berakal.</li> <li>vi. Ini kerana antara tugas mereka adalah mengadili sesuatu hukum yang sememangnya berteraskan pada ajaran Islam.</li> <li>vii. Kerana itu keadilan itu perlu seimbang.</li> </ul>

		viii.	Dalam masa sama, kedudukan mereka dalam rumah adalah istimewa kerana kedudukan itu juga melambang identiti status yang disandang.
		ix.	Oleh sebab itu juga, reka bentuk rumah perlulah seimbang; seperti kedudukan mereka yang penuh keadilan.
ASD	Masyarakat Tempatan	i.	Adat Perpatih kaya dengan falsafah.
		ii.	Kekayaan tersebut terselit mesej yang menjadikan alam sebagai perantara.
		iii.	Perantaraan tersebut banyak menyentuh tentang hal nilai-nilai murni terutamanya keadilan.
		iv.	Keadilan bersangkutan paut dengan kepimpinan dan mereka yang mempunyai pengaruh dalam Adat Perpatih.
		v.	Oleh kerana itu juga, rumah-rumah mereka ini berbeza dengan orang biasa.
		vi.	Dalam masa sama, buah buton hanya boleh ditemui pada rumah-rumah tersebut.
		vii.	Malah, kedudukan buah buton itu pula sinonim dengan pemimpin adat dan golongan bangsawan.
		viii.	Disebabkan buah buton tergantung dibahagian yang spesifik dengan status penghuni atau pemilikinya.
		ix.	Kedudukan buah buton itu pula seimbang.

#### 4. HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis hubungan kait elemen visual buah buton dengan konsep keadilan dalam Adat Perpatih. Melalui kaedah kajian lapangan dan temu bual yang melibatkan informan-informan dari empat kategori; hasil kajian ini menunjukkan bahawa buah buton bukan sekadar estetika dan ornamen bahagian dalam atau luar rumah. Malah, mempunyai perlambangan terhadap status sosial dan prinsip keadilan yang dipraktikkan oleh masyarakat Adat Perpatih. Perkara ini boleh saja dilihat pada kajian lapangan yang mana kedudukan buah buton tergantung di bahagian tertentu dan simbolik kepada pemilik atau penghuninya. Malah, berdasarkan kajian lepas juga ada menjelaskan tentang pembahagian ruang dengan tujuannya yang bersifat beradat. Misalnya, buah buton yang terdapat pada rumah Dato' Muar Bongkok yang tergantung di hujung serambi. Keadaan ini diperkuatkan lagi bahawa hujung serambi sebagai bahagian yang khusus untuk Penghulu atau Ulama. Sementara itu, kedudukan elemen visual tersebut turut tergantung di kiri dan kanan sebatang tiang yang berada di tengahnya. Jika dilihat dari sudut seni bina, tiang tersebut bertindak sebagai penyokong kepada struktur hujung serambi. Tetapi, dari sudut falsafahnya, tiang ini merupakan simbolik kepada kedudukan seorang ketua yang memegang tampok pemerintahan. Sama halnya dengan buah buton yang ada pada rumah Sali yang mana kedudukannya agak tersembunyi dan tergantung bersebelahan dengan tiang rumah. Malah, kedudukan buah buton itu pula tergantung di pangkal serambi yang sinonim dengan ruang perbincangan antara pemimpin adat dengan anak-anak buahnya. Sekali lagi konteks sosial dalam ruang serambi menjadi hasil daripada dapatan kajian artikel ini.



Manakala, buah buton yang terdapat pada rumah Anip pula agak berbeza dengan sampel-sampel penyelidikan yang lain. Buah buton yang terdapat pada rumah Anip lebih bersifat “menyembunyi” tetapi “menonjol”. Maksudnya, kehadiran dua buah buton pada rumah tersebut seolah-olah cuba mempunyai “cerita” yang bersifat “tersirat”. Ini kerana kedudukannya yang tinggi adalah sukar untuk dilihat dan andai niat penghuni atau pemilik untuk menghiasi ruangan serambi juga tidak berbaloi. Pasti mempunyai falsafah di sebaliknya. Tambahan pula kedudukannya yang tergantung adalah selari antara satu sama lain dengan jarak Anip 1 ke Anip 2 adalah 15 kaki. Begitu juga dengan buah buton yang terdapat pada rumah Dato’ Raja Diwangsa yang mana kesemua enam buah buton turut tergantung seimbang dalam kondisi ukuran yang sama. Diperkukuhkan lagi elemen-elemen visual tersebut tergantung di dua ruangan iaitu ruang serambi dan rumah ibu. Terdapatnya pemahaman terhadap konteks kebudayaan dalam Adat Perpatih yang menggariskan kepentingan pengamalannya dalam adat ini. Kepentingan tersebut pula adalah bersifat seimbang dan tidak berat sebelah. Perkara ini banyak bermain dalam konteks ekonomi masyarakatnya yang mengamalkan sistem matrilineal.

Berbicarakan soal matrilineal, melalui sistem ini juga menunjukkan keadilan buat wanita dipandang tinggi. Oleh kerana itu, rumah-rumah tradisional yang ada dalam kelompok tanah adat hanya golongan wanita yang dapat memilikinya. Ini kerana hak wanita yang lemah dinyatakan sendiri dalam al-Quran agar memberi perlindungan kepada mereka. Dalam konteks ini, ekonomi merupakan antara isu yang menjadi perkara pokok yang perlu dipandang oleh para pemimpin. Oleh kerana itu, dalam konteks kepimpinan itu sendiri ada konsep permuafakatan atau musyawarah yang mana perlu mendapatkan persetujuan atau sebulat suara dari anak-anak buah sebelum diputuskan oleh ketua itu sendiri. Ini yang disebut adil. Perkara selari dengan respon yang diberikan oleh setiap informan melalui kaedah temu bual. Bijaksana antara nilai yang perlu ada pada diri pemimpin itu sendiri.

Dalam konteks kepimpinan turut diterapkan pada rumah-rumah yang dihuni oleh mereka yang mempunyai pengaruh dan kedudukan. Oleh kerana itu buah buton diaplikasikan pada seni bina rumah-rumah mereka seperti dinyatakan oleh informan SK, ASD dan MRS adalah sesuatu yang unik dan berbeza dengan rumah-rumah lain. Ini menunjukkan perbezaan dan kredibiliti pemimpin adat dengan yang lain. Manakala informan RS sendiri menekankan bahawa kredibiliti pemimpin itu perlu ada empat aspek iaitu akal, ilmu, alur dan patut yang mana ianya menjurus kepada konsep bijaksana itu sendiri. Melalui konsep ini, keadilan dapat ditegakkan. Maka, konsep keadilan merupakan suatu hal yang amat dititik beratkan dan perlu diadili dengan tegas dan saksama. Ini jelas menunjukkan dapatan dari kaedah kajian lapangan dan temu bual menunjukkan bahawa buah buton mempunyai kaitan dengan konsep keadilan dalam Adat Perpatih. Jadual 3 menunjukkan ketekaitan antara buah buton dengan Adat Perpatih dalam mendefinisikan keadilan melalui kaedah kajian lapangan dan temu bual:

Jadual 3

Ketekaitan antara buah buton dengan Adat Perpatih dalam mendefinisikan keadilan

Kajian Lapangan	Kata Kunci	Temu Bual
Rumah-rumah pemimpin adat dan berstatus berbeza.	<b>Status Sosial</b>	Terdapat perbezaan seni bina rumah mereka yang berstatus.
Susun atur dan kedudukan buah buton yang seimbang dengan elemen lain yang ada pada rumah pemimpin adat.	<b>Seimbang</b>	Seimbang dalam mengatur atau memutuskan sesuatu perkara.
Mempunyai ruang atau bahagian istimewa buat pemimpin adat atau berstatus.	<b>Kedudukan</b>	Pemimpin mempunyai tempat dalam rumah sebagai adab kepada kredibiliti kepimpinan.
Mempunyai ruang untuk membicarakan dan memutuskan sesuatu hal.	<b>Permuafakatan</b>	Pemimpin akan memutuskan sesuatu permuafakatan.
Penetapan sesuatu perkara seperti pemilikan rumah buat kaum wanita.	<b>Tegas</b>	Tegas dalam menyatakan sesuatu keputusan melalui proses permuafakatan

Kedudukan buah buton pada bahagian dalam atau luar rumah menggambarkan status si pemilik atau penghuninya. Ini kerana buah buton yang diaplikasikan berdekatan dengan tiang rumah atau bahagian spesifik bertindak sebagai “peringatan”. Ini kerana kedudukannya yang berdekatan dengan tiang, tergantung di bahagian dan ruangan tertentu diibaratkan sebagai pendamping dalam menyampaikan ingatan dan pesanan. Oleh kerana itu, rumah-rumah yang dimiliki atau dihuni oleh mereka yang mempunyai kedudukan dan berstatus berbeza dengan mereka dari golongan biasa. Sama halnya dengan ukiran-ukiran yang diaplikasikan pada dinding rumah; ianya bukan sekadar hiasan tetapi lebih kepada memberi peringatan. Ditambah pula buah buton yang tergantung pada bahagian tertentu memperkuat lagi hujah bahawa subjek tersebut bukan sekadar hiasan tetapi lebih kepada suatu tindakan yang disampaikan dalam bentuk visual. Ianya seolah-olah berbentuk poster yang mempunyai pesanan disebalik rekaan.

Melalui tindakan buah buton sebagai menyampaikan peringatan, mesej yang terkait adalah bersifat neutral iaitu adil. Perkataan “keadilan” adalah sesuatu yang terkandung dalam pelaksanaan sistem Adat Perpatih. Selain menjadi simbolik kepada struktur sosial masyarakat

adat tersebut, kedudukan buah buton menjadi pengimbang kepada kepada prinsip keadilan. Perkara ini boleh saja dilihat pada kondisi ukuran yang stabil dan seimbang antara satu sama lain seperti yang terdapat pada rumah Anip, rumah Dato' Raja Diwangsa dan rumah Dato' Muar Bongkok yang melambangkan prinsip keadilan yang tidak berat sebelah. Paling ketara buah buton yang terdapat pada rumah Dato' Muar Bongkok. Kedudukan elemen tersebut yang tergantung kiri dan kana sebatang tiang menunjukkan bahawa sebagai seorang pemimpin perlu seimbang dan adil dalam menyatakan keputusan. Keputusan tersebut pula adalah membawa kepentingan kepada semua pihak. Sebagai contoh keadilan yang boleh dikaitkan dalam adat ini adalah pembahagian harta kepada yang berhak. Sedia maklum bahawa sistem matrilineal adalah melebihkan wanita bukan sekadar memberi perlindungan kepada mereka; malah bertindak sebagai penjaga harta yang diamanahkan kepadanya. Dua tindakan yang berbeza, tetapi membawa satu pengertian yang sama; iaitu hak pengadilan yang seimbang. Begitulah yang digambarkan pada buah buton yang terdapat rumah Dato' Raja Diwangsa. Simbolik ini menunjukkan bagaimana sebuah kekeluargaan itu berkembang dengan bernasabkan ibu dipelihara dan ini dinyatakan melalui penceritaan buah buton yang bervariasi rekaannya. Sebuah ikonik terhadap perkembangan ilmu yang akhirnya membentuk sebuah fikiran yang bertauladan dalam masyarakat beradat. Inilah dia konsep keadilan yang tidak sekadar dalam pelaksanaan undang-undang, tetapi konsep permikiran yang meluas yang meliputi aspek kekeluargaan. Dalam aspek ini ditanamkan ilmu yang berterusan hasil dari perkembangan kekeluargaan atau benih yang baik dari suku ibu.

Sistem matrilineal bukan sekadar diperturunkan melalui nasab ibu semata-mata; malah, perbincangan yang teratur dan teliti adalah perlu bagi memastikan siapa yang berhak mendapat harta pusaka tersebut. Ini kerana persetujuan setiap anak-anak buah adalah suatu kemestian yang perlu dipandang, dinilai dan di ambil kira sebelum ketua menentukan keputusannya. Maka, konsep musyawarah atau permuafakatan merupakan suatu kaedah dalam menentukan sesuatu keadilan. Kebiasaannya, konsep ini dilakukan di ruangan serambi dan rumah ibu. Maka, jelas menunjukkan bahawa buah buton yang tergantung seimbang pada dua ruangan ini bertindak sebagai “peringatan” agar tidak melakukan atau melaksanakan suatu pengadilan yang berat sebelah. Perlu adil dan saksama dalam menentukan sebuah keputusan agar tidak ada yang teraniaya atau tersisih.

Sementara itu, personaliti seorang pemimpin itu membawa sebuah kredibiliti buat mereka yang bukan hanya memegang gelar; sebaliknya membawa nama suku dan kekeluargaan yang mereka pimpin. Diibaratkan golongan ini membawa sebuah beban yang berat bersama dan perlu memikulnya sehingga akhir hayat mereka. Konsepnya, menjaga anak-anak buah adalah bawah tanggungjawab ketua. Andai beban itu tidak mampu dipikul atau terjatuh, maka rosaklah beban tersebut. Ertinya, andai pemimpin tidak melaksanakan dan menjalankan tugas seadilnya, pasti sesebuah hubungan kekeluargaan dan kemasyarakatan punah. Sama konsepnya dengan rumah yang kukuh, maka ianya akan terus berdiri tegak tidak menyembah bumi. Tidak terkecuali buah buton. Jika dilihat dari sudut seni bina, buah buton yang diukir pada bahagian bawah sebatang tiang menjadi penghubung antara struktur binaan yang lain. Boleh dikatakan tiang bersama buah buton menjadi penyokong yang kuat terhadap struktur binaan. Andai buah buton terjatuh, maka struktur yang lain juga akan goyah. Oleh kerana itu, buah buton diukur sama tinggi dan seimbang dengan buah buton yang lain ataupun diaplikasikan dalam keadaan rapat dengan elemen struktur yang lain. Dari sudut falsafah, buah buton terjatuh digambarkan sesebuah institusi kekeluargaan pasti tersungkur. Kerana itu pemimpin perlu adil dan saksama dalam memastikan hubungan yang terjalin terus kekal dan harmoni.

## 5. KESIMPULAN

Buah buton bukan sekadar berfungsi sebagai dekorasi dalam atau bahagian luar rumah masyarakat Adat Perpatih semata-mata. Tetapi, sebagai simbol penting yang melambangkan keadilan dalam status sosial. Keadaan ini mencerminkan sebuah prinsip keadilan oleh masyarakat melalui perlambangan buah buton. Konsep ini boleh saja dilihat pada bahagian ruangan buah buton tersebut tergantung seperti serambi dan rumah ibu. Ruangan ini pula sangat sinonim dengan aspek permuafakatan, musyawarah dan bagaimana penghormatan itu diberikan kepada wanita. Perkara ini juga menyentuh aspek keadilan yang dipandang tinggi dan mulia; selaras dengan ajaran Islam. Implikasi dari konsep ini menunjukkan bahawa elemen-elemen seni tradisi seperti buah buton mempunyai peranan penting dalam struktur sosial dan nilai-nilai keadilan masyarakat Adat Perpatih. Malah, pengenalan identiti juga mengetengahkan buah buton mewakili masyarakatnya yang mempunyai perundangan tersendiri yang adil dan saksama. Oleh itu, pemeliharaan dan dokumentasi elemen-elemen budaya adalah perlu bagi memastikan kesinambungan dan pemahaman yang mendalam terhadap nilai-nilai keadilan dalam Adat Perpatih. Manakala, kajian lanjutan terhadap elemen-elemen budaya lain dalam Adat Perpatih yang berkaitan dengan konsep keadilan perlu diteruskan agar dan diketengahkan buat masyarakat negara ini secara amnya. Perkara ini adalah sebagai sumbangan bermakna dalam usaha memelihara dan memulihara warisan dan meningkatkan kesedaran bertapa pentingnya keadilan masyarakat lama menjunjung tinggi sebuah kehormatan untuk generasi muda dan mendatang.

## RUJUKAN

- Abd Latif, S. F. T. & Kosman, K. A. (2017). *The Serambi of Negeri Sembilan Traditional Malay House as a Multifunctional Space-Role in Custom (ADAT)*. *Journal of Design and Built Environment*, 17 (2), 37 – 50.
- Abdul Manaf, A. & Sulehan, J. (2009). Masalah dan Cabaran Tanah Adat Minang di Dunia Melayu Malaysia dan Indonesia. *Malaysia Journal of Society and Space* 5, Issue 1 (76 – 85). [https://www.researchgate.net/publication/50361190\\_Masalah\\_dan\\_cabaran\\_tanah\\_adat\\_Minang\\_di\\_dunia\\_Melayu\\_Malaysia\\_dan\\_Indonesia](https://www.researchgate.net/publication/50361190_Masalah_dan_cabaran_tanah_adat_Minang_di_dunia_Melayu_Malaysia_dan_Indonesia).
- Ahmad, J. A., Ab. Aziz, A., & Mohamad, M. K. (2024). Meanings Behind the Carving Motifs of Traditional Malay Houses. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*. <https://doi.org/10.47836/pjssh.32.1.13>
- Ahmad, M. Y. (2017). Practice of Muafakat and Application of Takharuj in Inheritance Distribution According to Muslim Inheritance Law Perspective. *Islāmiyyāt*, 39(1), 2017: 21 – 28. <http://dx.doi.org/10.17576/islamiyyat-2017-3901-03>.
- Arjjumend, H., & Beaulieu-Boon, H. (2018). Customary Institutions and Rules underlying Conservation Functions of Sacred Sites or Indigenous and Community Conserved Areas. *Grassroots Journal of Natural Resources*. <https://doi.org/10.33002/nr2581.6853.01021>
- Astawa, I. P., Sukawati, T. G. R., & Dwiatmadja, C. (2020). Credit risk management based on harmonious cultural values to support microfinance institution performance in Indonesia. *Business: Theory and Practice*. <https://doi.org/10.3846/BTP.2020.9945>
- Azman, N. S., Mazlan, I. M., Sujak, I., Mat So'od, N. F., & Wallen, L. (2022). Traditional Malay House in Negeri Sembilan: Cultural influence in design and construction. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*. <https://doi.org/10.21834/ebpj.v7i21.3775>

- Ben-Natan, S. (2021). The dual penal empire: Emergency powers and military courts in Palestine/Israel and beyond \*. *Punishment and Society*. <https://doi.org/10.1177/14624745211040311>
- Bilousov, Y., Chyzhov, D., Osaulenko, A., Perelyhina, R., & Derevianko, S. (2022). International institutions in the mechanism for the protection of human rights and freedoms in the national security context. *Cuestiones Políticas*. <https://doi.org/10.46398/cuestpol.4073.05>
- Chen, Y., Ariffin, S. I. & Wang, M. (2008). The Typological Rule System of Malay Houses in Peninsula Malaysia. In *Journal of Asian Architecture and Building Engineering*, 7(2),247–254. <https://doi.org/10.3130/jaabe.7.247>.
- Estlund, D., & Landemore, H. (2018). The Epistemic Value of Democratic Deliberation. In *The Oxford Handbook of Deliberative Democracy*. <https://doi.org/10.1093/oxfordhb/9780198747369.013.26>
- Farantika, D., Shofwan, A. M., & Azizah, L. (2022). The Significance of the Values of Multicultural Islamic Education in the Al-Quran and Al-Hadith. *Proceedings of the International Seminar on Business, Education and Science*. <https://doi.org/10.29407/int.v1i1.2496>
- Guillemín, M., & Gillam, L. (2004). Ethics, reflexivity, and “Ethically important moments” in research. *Qualitative Inquiry*. <https://doi.org/10.1177/1077800403262360>
- Hutabarat, D. T. H., Fransisca, Z., Ritonga, F., Pardede, D. J., Almas, S., Sikumbang, N. A., Mutiara, Khoiriyah, A., Hamizah, S., Malahayati, & Suryadi. (2021). Understanding And Describing Relationship Of State Law And Human Right. *Journal Of Humanities, Social Sciences And Business (JHSSB)*. <https://doi.org/10.55047/jhssb.v1i1.63>
- Ibrahimm, N. (1985). *Perkembangan dan Perubahan Adat Perpatih di Negeri Sembilan*. In Wan Abdul Kadir & Zainal Abidin Borhan, (n.d.), *Fenomen 2*, Siri Penerbitan Jabatan Pengajian Melayu.
- Idrus, Y. (1996). *Rumah Tradisional Negeri Sembilan: Satu Analisis Seni Bina Melayu*. Fajar Bakti.
- Jamil, M. T. & Mohd Taib, J. (2012, June). *Kajian Adat Perpatih di Negeri Sembilan: Satu Tinjauan Menurut Perspektif Islam*. Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-5, Brunei Darussalam.
- Jaapar, N. Z. & Azahari, R. (2011). The Model of Wellbeing in Family Life from Islamic Perspective. *Journal of Fiqh*, No. 8 (2011), 25 – 44. [https://www.researchgate.net/publication/258567980\\_Model\\_Keluarga\\_Bahagia\\_Menurut\\_Islam](https://www.researchgate.net/publication/258567980_Model_Keluarga_Bahagia_Menurut_Islam)
- Johnkennedy, N. (2023). Perspectives and Trends in Research Ethics: A Necessity. *Neuroscience and Neurological Surgery*. <https://doi.org/10.31579/2578-8868/288>
- Maamor, F. R., Kahn, S. M., & Taif, B. (2022). Placement Of “Buah Buton” Carvings In Luak Tanah Mengandung: A Symbol Of The Status Held By “Adat Perpatih” Leaders And Their Communities. *Jurnal Pengajian Melayu*. <https://doi.org/10.22452/jomas.vol33no2.3>
- Maamor, F. R., Kahn, S. M., & Taif, B. (2024). Buah Buton in Traditional House Interior: Representation of Women’s Role and Influence. *Interiority*. <https://doi.org/10.7454/in.v7i1.276>
- Maamor, F. R., Kahn, S. M., Zahid, I., & Taif, B. (2023). The three-dimensional wood carving of buah buton: Influence of leaders as symbols of socio-community formation. *Cogent Social Sciences*. <https://doi.org/10.1080/23311886.2023.2267740>
- Maamor, F. R. & Musa Khan, S. (2023). Buah Buton Pada Rumah Ramlah Di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan: Lambang Kesopanan Dalam Menyantuni Tetamu

- Berdasarkan Sistem Kepimpinan Adat Perpatih The Buah Buton At Rumah Ramlah In Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan: A Symbol Of Hospitality. *Jurnal Melayu Sedunia*. <https://doi.org/10.22452/melayusedunia.vol6no1.5>
- Md. Hussain, M. Z. (1997). *The Traditional Malay House: The Timber Framed Tradition and Its Preservation as Approach Towards Conservation* [Master dissertation]. Master's Thesis (Conservations Studies, IAAS) University of York.
- Mohd Nor, O. & Shahminan, R. N. R. (2016). The Influence of Perpatih Custom on the Design of Traditional Malay Houses in Negeri Sembilan, Malaysia. *Research on Humanities and Social Sciences, Vol.6, No.2, 2016*.
- Navis, A. A. (1984). *Alam Berkembang Jadi Guru: Adat dan Kebudayaan Minangkabau*. PT Pustaka Grafitipers.
- Nurmi, S. M., Kangasniemi, M., Halkoaho, A., & Pietilä, A. M. (2019). Privacy of Clinical Research Subjects: An Integrative Literature Review. In *Journal of Empirical Research on Human Research Ethics*. <https://doi.org/10.1177/1556264618805643>
- O'Brien, B. C., Harris, I. B., Beckman, T. J., Reed, D. A., & Cook, D. A. (2014). Standards for Reporting Qualitative Research. *Academic Medicine*. <https://doi.org/10.1097/acm.0000000000000388>
- Panova, N., Shapovalova, I., Ishchenko, I., Moroz, V., & Kurbatova, I. (2022). Protection of human rights and freedoms as a component of the preventive function of the police force. *Cuestiones Políticas*. <https://doi.org/10.46398/cuestpol.4074.20>
- Pearson, D. J. (2023). When Environmental Protection and Human Rights Collide: The Politics of Conflict Management by Regional Courts. *Journal of International Wildlife Law & Policy*. <https://doi.org/10.1080/13880292.2023.2235167>
- Raja Shahminan, R. N. (2007). *Rumah Tradisional Luak Tanah Mengandung: Kajian Inventori Rumah Bumbung Panjang*. Lembaga Muzium Negeri Sembilan.
- Raja Shahminan, R. N. (1999). *Evolusi Senibina Balai Adat di Negeri Sembilan* [Master's dissertation]. University of Malaya.
- Roberts, L. D., & Allen, P. J. (2015). Exploring ethical issues associated with using online surveys in educational research. *Educational Research and Evaluation*. <https://doi.org/10.1080/13803611.2015.1024421>
- Saleh, M. A. M., Sahid, M. M., Nik Wajis, N. R., Gunardi, S., Abdul Majid, M. N., Tagaranoa, M. S. & Ramli, N. A. (2017). Justifikasi Hukum Syarak Ke Atas Amalan Adat Perpatih dalam Pewarisan Tanah Adat / Ulayat di Indonesia dan Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law, Vol. 5 (Khas), 2017*. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/5903/1/Justifikasi%20Hukum%20Syarak%20Ke%20Atas%20Amalan%20Adat%20Perpatih%20Dalam%20Pewarisan%20Tanah%20AdatUlayat%20Di%20Indonesia%20Dan%20Malaysia.pdf>
- Saludin, M. R. (2009). *Teromba Sebagai Alat Komunikasi dalam Kepimpinan Adat Perpatih*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd..
- Serohin, V. O., Serohina, S. H., Gryshko, L. M., & Danicheva, K. P. (2021). Recognizing and Implementing International Human Rights Standards in Domestic Legislation: An Exposure Under Ukrainian Law. *Ius Humani. Law Journal*. <https://doi.org/10.31207/ih.v1.0i2.291>
- Sugiyarni, S. (2022). Semantic Analysis: The Fair in Surah an-Nisa, verses 3 and 129. *Annual International Conference on Islamic Education for Students*. <https://doi.org/10.18326/aic-oies.v1i1.227>
- Surowiec, A., Snyder, K. T., & Creanza, N. (2019). A worldwide view of matriliney: Using cross-

- cultural analyses to shed light on human kinship systems. *Philosophical Transactions of the Royal Society B: Biological Sciences*. <https://doi.org/10.1098/rstb.2018.0077>
- Taylor, N., Valencia-Garcia, L. D., VandenBroek, A., Stinnett, A., & Allen, A. (2023). Ethics and images in social media research. *First Monday*. <https://doi.org/10.5210/fm.v28i4.12680>
- Thompson, M. E. (2019). How can non-human primates inform evolutionary perspectives on female-biased kinship in humans? In *Philosophical Transactions of the Royal Society B: Biological Sciences*. <https://doi.org/10.1098/rstb.2018.0074>
- Tracy, S. J. (2010). Qualitative quality: Eight a "big-tent" criteria for excellent qualitative research. *Qualitative Inquiry*. <https://doi.org/10.1177/1077800410383121>
- Wan Rusdan, W. N. A. M., Muda, M. Z., & Mohd Kusrin, Z. (2023). The Difference between The Inheritance of Common Heritage and Customary Heritage in The Practice of Adat Perpatih. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v13-i3/16398>
- Xu, D. (2022). How the Rule of Law Connects and Protects Human Rights? *Journal of Management and Humanity Research*. <https://doi.org/10.22457/jmhr.v08a032251>
- Yusop, S. H. (2017, Februari 29). *Keunikkan Tiang Gantung Tak Jejak Bumi*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/node/241148>

## KESELARASAN KREATIVITI SAINTIFIK TAUHIDIK DALAM PERBINCANGAN ULUL ALBAB BERTUNJANGKAN AL-QURAN

Shahrul Nizam Ishak<sup>1</sup>, Shaik Abdullah Hassan Mydin<sup>2</sup>

<sup>1</sup>(*Penulis Penghubung*). Calon Pelajar Doktor  
Falsafalah, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak  
Jauh, Universiti Sains Malaysia, 11700  
Minden, Pulau Pinang, Malaysia,  
[snizam@student.usm.my](mailto:snizam@student.usm.my)

<sup>2</sup>Profesor Madya, Pusat Pengajian Pendidikan  
Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, 11700  
Minden, Pulau Pinang, Malaysia,  
[abdullah@usm.my](mailto:abdullah@usm.my)

### ABSTRAK

Menerusi pendidikan yang merupakan tulang belakang terhadap penjanaan kognitif pelajar seharusnya berpedomankan bimbingan al-Quran terutamanya bagi pelajar Muslim. Kreativiti saintifik lazim menjadi keperluan dalam pembangunan kurikulum pendidikan masa kini. Maka, timbul persoalan: Adakah komponen kreativiti saintifik lazim tersebut memadai dan selaras dengan pedoman al-Quran dalam perbincangan ulul albab? Hal tersebut penting terhadap pelajar Muslim disebabkan setiap individu Muslim tertakluk kepada tatafikir yang menepati piawai wahyu. Didapati persoalan tersebut terlepas pandang dikalangan penyelidik dan ia adalah tujuan utama penulisan makalah ini. Metodologi kualitatif digunakan bagi menyelidik, mengenalpasti, menerangkan dan menjawab persoalan berdasarkan analisis data deskriptif. Perincian hasil dapatan menunjukkan bahawa komponen kreativiti saintifik tauhidik (KST) memperlihatkan keselarasan maklumat tanpa percanggahan dalam perbincangan ulul albab yang bertunjangkan al-Quran. Oleh itu, cadangan yang dikemukakan dalam makalah ini dengan memperkenalkan komponen Tauhidik terhadap kreativiti saintifik dilihat sesuai untuk diterapkan dalam pembangunan kurikulum pendidikan kotemporari khususnya dikalangan pelajar Muslim dan juga non-Muslim.

**Kata kunci:** Kreativiti Saintifik Tauhidik; Ulul Albab; Pedoman al-Quran.

### 1. PENGENALAN

Kreativiti saintifik lazim telah dicadangkan sebagai satu keperluan yang perlu dimasukkan dalam pembangunan kurikulum pendidikan bermula daripada peringkat rendah sehingga peringkat pengajian tinggi [1] manakala kreativiti dalam perspektif Islam pula menawarkan pengajian ilmu yang menarik untuk penyelidikan masa hadapan [2]. Maka, timbul persoalan: Adakah komponen kreativiti saintifik lazim tersebut memadai dan selaras dengan pedoman al-Quran dalam perbincangan ulul albab? Hal tersebut penting terhadap pelajar Muslim disebabkan setiap individu Muslim tertakluk kepada tatafikir yang menepati piawai wahyu. Nukleus



kepada al-Quran<sup>50</sup> dan as-Sunnah adalah prinsip Tauhid. Hassan Langgulung juga menegaskan bahawa tradisi Islam tentang ilmu, mempunyai asal ilahi (ketauhidan) dan konsep kreativiti adalah daripada serapan sifat-sifat Allah misalnya al-Khaliq (Maha Mencipta), al-Musawwir (Maha Membentuk) dan al-Mubdi' (Maha Merekacipta) [9].

Sentiasa ingat Allah dalam pelbagai situasi dalam hidupnya dan sering merenung ciptaan illahi yang berkaitan kejadian langit dan bumi serta pergantian malam dan siang adalah dua ciri utama terhadap insan ulul albab<sup>51</sup> menurut al-Quran al-Karim [10] yang menjadi pilihan untuk dijadikan piwaian kepada kupasan komponen KST. Oleh itu, makalah ini menghuraikan pertanyaan tersebut dengan menjadikan ulul albab yang memiliki dua ciri penting itu sebagai kayu ukur menurut al-Quran untuk mengesahkan komponen KST lebih sesuai dimasukkan dalam pembangunan kurikulum bermula pada peringkat rendah hingga pengajian tinggi.

Berdasarkan rekod kajian terdahulu, selain daripada majoriti pengkajian yang bertumpu berkaitan kreativiti secara am [4,5], terdapat juga penyelidikan yang lebih terperinci memfokus tentang kreativiti saintifik [6,7]. Namun, penelitian mendapati bahawa penekanan kajian berkaitan kreativiti saintifik menurut pandangan Islam [8] masih sangat kurang dititikberatkan berdasarkan perbandingan trend penghasilan penerbitan makalah tersebut yang sangat ketara antara keduanya iaitu Kreativiti Sainifik dan Kreativiti Sainifik Islamik dari tahun 2000 hingga 2024 dengan merujuk dalam Jadual 1. Jadual 1 menjelaskan tentang dapatan bilangan makalah yang ditemui daripada proses saringan data bibliografi dalam enjin carian Scopus yang telah dijalankan pada 9 Jun 2024 dari tahun 2000 hingga 2024 secara selang masa setiap lima tahun menggunakan kata kunci tema-bidang dalam Bahasa Inggeris disebabkan pengkalan data Scopus tersebut dibina berdasarkan Bahasa Inggeris. Walaubagaimanapun, pertambahan bilangan penerbitan terhadap penyelidikan berkaitan Kreativiti Sainifik dan Kreativiti Sainifik Islamik menunjukkan isyarat bahawa kecenderungan minat pengkaji juga meningkat dan amat relevan bagi makalah ini untuk menyumbang bagi memenuhi ruang serta menambahkan lagi khazanah penyelidikan tersebut khususnya pada penumpuan Kreativiti Sainifik Islamik dengan memasukkan komponen tauhidik.

---

<sup>50</sup> Juga disebut sebagai *al-Mushaf* iaitu merupakan satu susunan lengkap yang mengandungi 30 juzu', 60 hizib, 114 surah, 6236 ayat, 77 439 kalimah dan 323 015 huruf menurut catatan al-Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad Abdullah (t.th.) al-Burhan fi Ulum al-Quran, *Al-Maktabah al-Syamilah*. Jilid 1. 249.

<sup>51</sup> Terdapat 16 kali sebutannya pada 10 surah yang berbeza dalam al-Quran. Pengakaran kalimah ini daripada intisari berkaitan golongan insan yang berakal sejahtera (أَصْحَابُ الْعُقُولِ السَّلِيمَةِ).

Oleh itu, menurut [1] penyelidikan berkaitan kreativiti saintifik lazim telah dijalankan selama dua puluh tahun lepas masih mendapat perhatian dikalangan penyelidik dengan negara China dan Amerika yang merupakan penyumbang prolific dalam kajian tersebut. Antara penyelidik prolific yang paling menonjol adalah Hu, W. yang banyak menumpukan kajian pada topik kreativiti penyelesaian masalah, pemikiran kritikal dan usaha meningkatkan kreativiti saintifik dalam pembelajaran. Didapati juga, kajian berkaitan kreativiti saintifik Islamik telah dijalankan oleh penyelidik Muslim dari Indonesia mengenai pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi pada pembelajaran bahasa di peringkat sekolah rendah [6] dan analisis terhadap pertukangan kayu berdasarkan reka bentuk dan kreativiti [8], namun hanya menerbitkan satu makalah sahaja masing-masing. Maka, dapat difahami bahawa faktor pegangan agama mempengaruhi topik kajian berkaitan kreativiti saintifik dalam perspektif Islam yang diajalankan. Oleh itu, KST yang dikemukakan dalam makalah ini adalah wajar disebabkan epistemologi Islam adalah berpaksikan aqidah yang bersumberkan wahyu ilahi.

Jadual 1. Dapatan Jumlah Bilangan Makalah Dalam pengkalan data enjin carian Scopus berdasarkan kata kunci tema-bidang (*disciplinary keywords*) tertentu.

Kata kunci Tema Bidang	Dapatan Bilangan Makalah Dalam Scopus Enjin					
	2000-2024	2000-2004	2005-2009	2010-2014	2015-2019	2020-2024
<i>Scientific Creativity</i> (Kreativiti Saintifik)	4908	219	480	876	1382	1951
<i>Islamic Scientific Creativity</i> (Kreativiti Saintifik Islamik)	17	0	1	2	2	12
<i>Tawhidic Scientific Creativity</i> (Kreativiti Sainik Tauhidik)	0	0	0	0	0	0

## 2. METODOLOGI

Bagi mencapai matlamat yang dicadangkan dalam makalah ini, metodologi kualitatif digunakan bagi menyelidik, mengenalpasti, menerangkan dan menjawab persoalan berdasarkan analisis data deskriptif. Enam belas ayat berkaitan ulul albab diekstrak daripada al-Quran dan disenaraikan bagi meneliti satu persatu ayatnya. Setiap ayat direnung dan dikeluarkan kalimah yang mengisyaratkan komponen KST. Kemudian, analisis dilakukan bagi melihat keselarasan antara komponen KST dalam perbincangan ayat-ayat berkaitan ulul albab tersebut bagi mengesahkannya agar dapat diaplikasikan dalam pembangunan kurikulum pendidikan sama ada pada peringkat rendah mahupun pengajian tinggi. Hal ini memberi satu kelebihan kepada pelajar Muslim dan juga adalah sesuai untuk Non-Muslim juga.

## 3. HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan Jadual 2 menjelaskan tentang kalimah pengisyaratkan komponen KST pada enam belas ayat ulul albab dalam al-Quran al-Karim berserta intisari tema ayat-ayatnya. Berteraskan pentafsiran terhadap isyarat bagi komponen KST terhadap enam ayat berkaitan ulul albab tersebut, hasil dapatan menunjukkan bahawa komponen kreativiti saintifik tauhidik (KST) memperlihatkan

keselarasan maklumat tanpa percanggahan dalam perbincangan ulul albab yang bertunjangkan al-Quran. Dengan ini dapat disahkan bahawa KST adalah selaras dengan perbincangan ulul albab menurut al-Quran al-Karim. Maka, adalah sesuai untuk diterapkan KST dalam pembangunan kurikulum pendidikan pada peringkat rendah hingga pengajian tinggi terutamanya di Malaysia.

Jadual 2: Kalimah Pengisyaratan Komponen KST pada ayat-ayat Ulul Albab dalam al-Quran.

Kategori Ayat <sup>52</sup>	Susunan Surah	No Ayat	Intisari Tema Ayat	Kalimah Pengisyaratan Komponen		
				K	S	T
Madaniyyah	2	179	Ketakwaan Pada Hukum Allah	حياة	القصاص	تتقون
	2	197	Persiapan Bekalan	لا رفث - لا فسوق - لا جدال	الحج أشهر معلومات	اتقون
	2	269	Kurniaan Hikmah oleh Allah	خييرا كثيرا	الحكمة	يذكر
Madaniyyah	3	7	Pengambilan Ilmu Secara Sahih	الراسخون	العلم	يذكر
	3	190 - 191	Perenungan Kejadian Alam	يتفكرون	آيات	سبحانك
Madaniyyah	5	100	Utamakan Pilih Kebaikkan	لا يستوى	الخبيث - الطيب	اتقوا
Makiyyah	12	111	Pegiktibaran Kisah Sejarah	تفصيل	عبرة	يؤمنون
Makiyyah	13	19 -22	Ingatan Beriman dengan Kebenaran al-Quran	يعلم - يتذكر	الحق	يخشون - يخافون
Makiyyah	14	52	al-Quran Sumber Renungan dan Ingat Allah	ليذكر	بلاغ	إله واحد
Makiyyah	38	29	Tadabbur Keagungan Ilahi	يدبروا	آيات	ليتذكر
	38	43 - 44	Sabar Dalam Ujian	ضعنا	ذكرى	أواب
Makiyyah	39	9	Amalan Solat Malam dan Tingkatan Pengetahuan	يعلمون - لا يعلمون	آناء الليل	يحذر الأخرة
	39	18	Kreatif Dalam Pencerapan Pemilihan Terbaik	يستمعون القول	أحسنه	هداهم
	39	21	Pengajaran Terhadap Pandang Alam	ألم ترى	في ذلك	لذكرى
Makiyyah	40	53 - 54	Petunjuk dan Peringatan Daripada Kitabullah	آاتينا - أورثنا	الكتاب	هدى
Madaniyyah	65	10	Peringatan Waspada Akan Azab Allah	عذابا شديدا	ذكرا	اتقوا - آامنوا

<sup>52</sup> Terbahagi kepada 2 kategori iaitu ayat Makiyyah dan ayat Madaniyyah. Ayat Makiyyah merujuk kepada ayat-ayat yang diturunkan sebelum berlakunya Hijrah Nabi manakala ayat Madaniyyah pula merujuk kepada ayat-ayat diturunkan selepas berlakunya peristiwa hijrah Nabi menurut pandangan jumhur ulama.

#### 4. KESIMPULAN

Natijah kajian makalah ini menggariskan KST adalah selaras dengan perbincangan ulul albab menurut al-Quran dan sesuai diadaptasi oleh pelajar Muslim berserta Non-Muslim terhadap penerapannya di bidang pendidikan. Maka, adalah baik bagi penyelidikan masa hadapan untuk memberi tumpuan pada pengaruh pembangunan kurikulum KST dalam pengajian secara dalam talian (*online*).

#### RUJUKAN

##### Jurnal

- Prahani, B.K., Rizki, I. A., Suprpto, N., Irwanto, I., & Kurtulus, M. A., (2024). Mapping research on scientific creativity: A bibliometric review of the literature in the past 20 years. *Thinking Skill and Creativity*, 52, 1-20.
- Mohd Nizah, M. A., Anita, I., Muhammad Mustaqim, M. Z., Adibah, S.@M., Hisham, M. T. E. K. & Paimah, A., (2015). A Preliminary Study on the Islamic Creativity Practices. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6, 4.
- Heldmann, M., Rinckens, C., Brüggemann, N., Al-Khaled, M., & Münte, T.F. (2024). Creative thinking and cognitive estimation in Parkinson's disease. *Neurological Research and Practice*, 6.
- Zhang, T. (2024). Effects of self-regulation strategies on EFL learners' language learning motivation, willingness to communication, self-efficacy, and creativity. *BMC Psychology*, 12.
- Atakaya, M.A., Sak, U., & Ayas, M.B. (2022). A Study on Psychometric Properties of Creativity Indices. *Creativity Research Journal*, 36, 348 - 364.
- Ates, C.B., & Aktamis, H. (2024). Investigating the Effects of Creative Educational Modules Blended with Cognitive Research Trust (CoRT) techniques and Problem Based Learning (PBL) on Students' Scientific Creativity Skills and Perceptions in Science Education. *Thinking Skills and Creativity*.
- Harun, M.H., Aziz, M., Adam, N.F., Sari, D.C., & Azizah, N. (2023). The style and creativity of southeast Asian calligraphy wood carving. *Advances In Material Science And Manufacturing Engineering*.
- Amilda, A., Bujuri, D.A., Uyun, M., Nasrudin, D., & Junaidah, J. (2023). Patterns of Character Education for Vocational School Students through Non-Academic Programs: Paradigm and Implementation. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*.
- Ghazali, D.A. (2016). Pembelajaran Bahasa Arab berbasis konstruktivisme dengan metode the silent way: penelitian eksperimen di Madrasah Ibtidaiyah Kota Bandung.

##### Buku:

- Langgulong, H. (1991). Kreativiti Dan Pendidikan: Satu Kajian Psikologi dan Falsafah, Dewan Bahasa dan Pustaka, 23.
- Al-Quran al-Karim. Mushaf al-Madinah li al-Nashri al-Hasubi. Arab Saudi. Versi 2.1. Muja'mma' al-Malik Fahd li Thiba'ati al-Mushaf al-Syarif. 75.

## PENGINTEGRASIAN PRINSIP-PRINSIP NAQLI DALAM REKA BENTUK DAN PEMULIHARAAN BANGUNAN WARISAN DI NEGERI SEMBILAN

Nor Syahila Ab Rashid<sup>1</sup>

<sup>1</sup>*Jabatan Seni Bina, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Sains Islam Malaysia  
norsyahila@usim.edu.my*

### ABSTRAK

Bangunan warisan di Malaysia memainkan peranan penting dalam mencerminkan warisan budaya, sejarah, dan agama negara. Walaupun potensi prinsip Naqli—yang berasaskan ajaran Islam—untuk mengekalkan integriti spiritual dan budaya bangunan ini, penerapannya dalam pemuliharaan seni bina bangunan warisan masih tidak konsisten. Kajian ini menyelidiki penerapan prinsip Naqli, khususnya Rububiyyah (hubungan manusia dengan Tuhan), Ubudiyyah (hubungan manusia dengan sesama manusia), dan Mulkiyyah (hubungan manusia dengan alam sekitar), dalam pemuliharaan lima bangunan warisan terpilih di Seremban, Negeri Sembilan. Melalui pendekatan kualitatif yang melibatkan lawatan tapak, analisis seni bina, dan wawancara dengan pakar, kajian ini mengenalpasti tahap integrasi prinsip-prinsip ini yang berbeza-beza antara bangunan, sekali gus menonjolkan cabaran dan peluang dalam menyelaraskan amalan pemuliharaan moden dengan nilai-nilai Islam. Penemuan menunjukkan bahawa walaupun bangunan tradisional lebih selaras dengan prinsip Naqli, terdapat keperluan mendesak untuk pendekatan yang lebih terarah dan inovatif, terutama dalam aspek kemampanan dan penglibatan komuniti, untuk memastikan kelestarian dan relevansi bangunan warisan ini pada masa hadapan.

**Kata Kunci:** Prinsip Naqli; Bangunan warisan; Rububiyyah; Ubudiyyah; Mulkiyyah

### 1. PENGENALAN

Bangunan warisan adalah penting dalam memelihara identiti budaya, sejarah, dan agama sesebuah masyarakat (Chandani & Karuppannan, 2019). Di Negeri Sembilan, bangunan-bangunan ini mencerminkan sejarah seni bina yang kaya, dipengaruhi oleh pelbagai amalan budaya dan agama, termasuk Islam (Ilmi et al., 2022). Negeri Sembilan dipilih sebagai lokasi kajian kerana kekayaan warisan budayanya yang unik, terutamanya dalam seni bina tradisional Melayu yang dipengaruhi oleh adat Perpatih. Bangunan-bangunan warisan di negeri ini, termasuk rumah tradisional, masjid, dan bangunan era kolonial, menawarkan pelbagai konteks sejarah dan seni bina yang sesuai untuk mengkaji bagaimana prinsip-prinsip Naqli—yang berasaskan Al-Quran dan Hadith—boleh diintegrasikan dalam usaha pemuliharaan.

Prinsip Naqli merangkumi Rububiyyah, Ubudiyyah, dan Mulkiyyah, yang masing-masing berperanan penting dalam seni bina Islam (Elreish & Prima, 2021). Rububiyyah merujuk kepada hubungan manusia dengan Tuhan dan bagaimana bangunan mencerminkan nilai ketuhanan melalui fungsi seperti keadilan dan pendidikan. Ubudiyyah menekankan hubungan manusia dengan sesama manusia, yang tercermin dalam reka bentuk yang mempromosikan interaksi

komuniti. Mulkiyyah pula merujuk kepada tanggungjawab manusia terhadap alam sekitar, dengan memastikan penggunaan bahan binaan yang lestari dan reka bentuk yang menghormati keseimbangan ekologi. Walaupun prinsip-prinsip ini penting, penerapan Naqli dalam pemuliharaan bangunan warisan di Negeri Sembilan masih tidak konsisten. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sejauh mana prinsip-prinsip ini mempengaruhi strategi reka bentuk dan pemuliharaan bangunan warisan terpilih.

## 2. BAHAN DAN KAEDAH



**Rajah 1(a).** Telapak YM Dato' Orang Kaya Laksamana Hajjah Bogdad



**Rajah 1(b).** Masjid Jamek Dato' Bandar Haji Ahmad Rasah



**Rajah 1(c).** Masjid Kariah Pantai



**Rajah 1(d).** Balai Bomba Lama (SAINS)



**Rajah 1(e).** Old Courthouse (JPNS)

**Rajah 1.** Lima Bangunan Warisan di Seremban, Negeri Sembilan yang Terpilih untuk Kajian Ini



Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk meneroka integrasi prinsip Naqli dalam pemuliharaan bangunan warisan. Tumpuan diberikan kepada lima bangunan warisan di Seremban, Negeri Sembilan, yang dipilih berdasarkan kepentingan sejarah dan nilai seni bina mereka sepertimana Rajah 1 berikut: 1) Telapak YM Dato' Orang Kaya Laksamana Hajjah Bogdad, 2) Masjid Jamek Dato' Bandar Haji Ahmad Rasah, 3) Masjid Kariah Pantai, 4) Balai Bomba Lama (kini Syarikat Air Negeri Sembilan—SAINS), dan 5) Old Courthouse (kini Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan—JPNS). Bangunan-bangunan ini mewakili pelbagai gaya seni bina dan era sejarah, menyediakan analisis menyeluruh tentang penerapan prinsip Naqli dalam pelbagai konteks

Pengumpulan data melibatkan lawatan tapak, analisis seni bina, wawancara dengan sejarawan tempatan dan arkitek, serta analisis dokumen. Lawatan tapak merangkumi pemerhatian terperinci dan dokumentasi ciri-ciri seni bina, susun atur ruang, dan bahan binaan. Analisis seni bina memberi tumpuan kepada susun atur ruang dan penggunaan bahan binaan dalam konteks prinsip Naqli. Wawancara memberikan pandangan pakar mengenai kepentingan prinsip-prinsip ini dalam pemuliharaan, manakala analisis dokumen membantu memahami niat reka bentuk asal dan keadaan semasa bangunan-bangunan ini.

### 3. HASIL DAN PERBINCANGAN

Analisis lima bangunan warisan ini mendedahkan tahap integrasi prinsip Naqli yang berbeza-beza sepertimana Jadual 1 berikut:

**Jadual 1.** Ringkasan Penerapan Prinsip Naqli terhadap Semua Bangunan Warisan Terpilih

Bangunan	Rububiyah	Ubudiyah	Mulkiyah
Telapak YM Dato' Orang Kaya Laksamana Hajjah Bogdad	Menghadap Qiblat dengan ruang untuk solat dan refleksi, mengintegrasikan amalan spiritual ke dalam kehidupan seharian.	Reka bentuk memupuk hubungan komuniti melalui ruang terbuka seperti serambi yang digunakan untuk pertemuan sosial.	Menggunakan bahan binaan tempatan dan direka untuk pengudaraan dan pencahayaan semula jadi, meminimumkan kesan terhadap alam sekitar.
Masjid Jamek Dato' Bandar Haji Ahmad Rasah	Menghadap Qiblat dengan ruang khusus untuk ibadah dan refleksi spiritual, memastikan hubungan yang kuat dengan Tuhan.	Berfungsi sebagai pusat komuniti, pengubahsuaian meningkatkan kesepaduan sosial dan interaksi komuniti.	Mengandungi elemen reka bentuk lestari tetapi pengubahsuaian berterusan telah menjejaskan struktur asal. Perlu integrasi teknologi lestari yang lebih baik.
Masjid Kariah Pantai	Menghadap Qiblat dengan reka bentuk yang memfokuskan ibadah,	Menyokong fungsi agama dan sosial, tetapi pengubahsuaian	Pembinaan asal adalah lestari tetapi pengubahsuaian terkini

Bangunan	Rububiyah	Ubudiyah	Mulkiyyah
	menyelaraskan reka bentuk dengan Rububiyah.	terkini lebih menekankan estetika daripada interaksi komuniti.	memperkenalkan bahan binaan yang kurang mesra alam. Perlu keseimbangan antara pemodenan dan kelestarian.
Balai Bomba Lama (SAINS)	Digunakan semula sebagai syarikat bekalan air, menekankan khidmat kepada masyarakat dan pemeliharaan kehidupan.	Fungsi asal adalah balai bomba, kini syarikat bekalan air, meneruskan peranan dalam menjaga kesejahteraan masyarakat.	Menggunakan bahan binaan tahan lasak, tetapi kurang kelestarian dalam pengubahsuaian moden. Amalan penyesuaigunaan semula sejajar dengan Mulkiyyah.
The Old Courthouse (JPNS)	Fungsi asal adalah mahkamah yang menegakkan keadilan, kini jabatan pendidikan, menyokong pendidikan.	Direka untuk keadilan sosial, kini menggalakkan interaksi komuniti dalam pendidikan.	Pemuliharaan tidak konsisten dengan kelestarian, tetapi amalan penyesuaigunaan semula sejajar dengan Mulkiyyah.

Analisis perbandingan lima bangunan warisan ini menunjukkan perbezaan ketara dalam penerapan prinsip Naqli. Bangunan tradisional seperti Telapak YM Dato' Orang Kaya Laksamana Hajjah Bogdad dan dua masjid—Masjid Jamek Dato' Bandar Haji Ahmad Rasah dan Masjid Kariah Pantai—mematuhi prinsip Rububiyah dengan baik melalui orientasi ke arah Qiblat dan penyediaan ruang untuk solat serta refleksi. Mereka juga mencerminkan prinsip Ubudiyah dengan reka bentuk yang menggalakkan interaksi komuniti.

Sebaliknya, bangunan era kolonial seperti Balai Bomba Lama dan Old Courthouse, yang pada asalnya tidak direka berdasarkan prinsip Islam, menunjukkan penerapan yang bercampur; mereka memenuhi fungsi khidmat masyarakat selaras dengan Ubudiyah tetapi kurang konsisten dalam Rububiyah dan Mulkiyyah. Rumah tradisional dan masjid lebih patuh kepada prinsip Mulkiyyah melalui penggunaan bahan binaan tempatan, walaupun pengubahsuaian moden kadang-kadang mencabar kelestarian. Dapat dirumuskan bahawa, bangunan tradisional lebih baik dalam mengintegrasikan prinsip Naqli, manakala bangunan era kolonial yang diubahsuai menghadapi cabaran untuk memenuhi prinsip tersebut sepenuhnya.

#### 4. KESIMPULAN

Kajian ini menyimpulkan bahawa walaupun prinsip Naqli boleh diintegrasikan secara berkesan dalam pemuliharaan warisan, pendekatan yang lebih terarah dan berinformasi diperlukan. Bangunan tradisional, yang direka dengan berlandaskan ajaran Islam, cenderung selaras dengan prinsip-prinsip Rububiyah, Ubudiyah, dan Mulkiyyah. Namun demikian, terdapat ketidakseragaman dalam penerapan prinsip Mulkiyyah, terutama dalam aspek kelestarian, yang



memerlukan perhatian khusus dalam strategi pemuliharaan moden.

Bagi bangunan era kolonial yang pada asalnya tidak dikonsepsikan dalam kerangka Islam, terdapat cabaran dalam mengimbangi pemeliharaan sejarah dengan integrasi prinsip Naqli, khususnya dalam konteks kelestarian alam sekitar. Oleh itu, projek pemuliharaan masa hadapan disarankan untuk mengutamakan penggunaan bahan binaan dan teknologi yang lestari selaras dengan etika alam sekitar Islam, serta mematuhi garis panduan pemuliharaan yang ditetapkan, bagi menjamin kelestarian dan relevansi jangka panjang bangunan warisan ini.

Secara keseluruhannya, integrasi prinsip Naqli ke dalam pemuliharaan bangunan warisan di Negeri Sembilan menawarkan kerangka kerja yang berharga untuk memelihara identiti budaya dan agama bangunan-bangunan ini. Dengan menyelaraskan amalan pemuliharaan dengan ajaran Islam, bangunan-bangunan ini boleh terus berkhidmat kepada komuniti mereka dengan cara yang selari dengan tuntutan spiritual dan alam sekitar, memastikan kepentingan dan relevansi mereka untuk generasi akan datang.

## **PENGHARGAAN**

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Sains Islam Malaysia, atas sokongan kewangan yang diberikan melalui peruntukan khas bagi kursus ZAL3104 - Lukisan Terukur, yang telah memungkinkan pelaksanaan kajian ini. Sokongan tersebut sangat membantu dalam memastikan kejayaan kajian ini.

## **RUJUKAN**

- Chandani, K. C., Karuppannan, S. & Sivam, A. (2019). Assessing the values of living heritage sites in Kathmandu Valley: A community perspective. *Journal of Cultural Heritage Management and Sustainable Development*, 9(1), 93-110. <https://doi.org/10.1108/jchmsd-05-2018-003>.
- Elreish, A. E. A., & Prima, E. C. (2021). The role of culture on Islamic architecture. *Jurnal Kajian Peradaban Islam*, 4(1), 30-34. <https://doi.org/10.47076/jkpi.v4i1.42>.
- Ilmi, M. R., Kaswanto, R. L., & Arifin, N. (2022). A cultural-history analysis on Malay-Islamic heritage of Siak Sri Indrapura through the historical urban landscape approach in Pekanbaru city. *JUSPI (Jurnal Sejarah Peradaban Islam)*, 6(1), 78. <https://doi.org/10.30829/juspi.v6i1.12160>.

## PENGGUNAAN STRATEGI PEMBELAJARAN KOGNITIF (SPK) TERHADAP LITERASI BAHASA SEPANYOL

Haryantie Gopoit<sup>1</sup>, Nur Amirah Nadiah Mustapa Kamal<sup>2</sup>, Noorafini Kassim<sup>3</sup>, Florina Jumil<sup>4</sup>

<sup>1,2,3,4</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa  
Universiti Malaysia Sabah

[haryantiebtgopoit@ums.edu.my](mailto:haryantiebtgopoit@ums.edu.my), [amirah.nadiah@ums.edu.my](mailto:amirah.nadiah@ums.edu.my), [noorafini@ums.edu.my](mailto:noorafini@ums.edu.my),  
[florinaJD.olin@ums.edu.my](mailto:florinaJD.olin@ums.edu.my)

### ABSTRAK

Strategi Pembelajaran Bahasa merupakan langkah untuk memudahkan proses pemerolehan, penyimpanan, dan penggunaan maklumat sehingga menjadikan pembelajaran lebih mudah, menyeronokkan dan lebih bermakna. Ia melibatkan penggunaan kognitif untuk mempertingkatkan penguasaan sesuatu Bahasa. Strategi penglibatan kognitif merupakan suatu strategi yang paling dekat dengan pemprosesan maklumat yang membolehkan pelajar memahami dan menghasilkan makna. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengaruh strategi pembelajaran kognitif (SPK) terhadap literasi Bahasa Sepanyol dalam kalangan pelajar prasiswazah. Dengan menggunakan pendekatan kuantitatif, seramai 130 orang pelajar yang mengambil kursus bahasa Sepanyol telah dipilih sebagai sampel kajian. Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan skala likert dari skala 1 hingga skala 5. Data dikumpulkan menggunakan soal selidik dan dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) 25.0*. Kajian ini memberikan implikasi kepada amalan pengajaran pensyarah dari segi penyediaan dan penyusunan kurikulum yang lebih berkesan dalam menghasilkan pembelajaran yang lebih bermakna dan meningkatkan penguasaan bahasa Sepanyol yang lebih berkesan dalam kalangan pelajar prasiswazah.

**Kata kunci:** strategi pembelajaran Bahasa (SPB); strategi penglibatan kognitif (SPK); literasi bahasa Sepanyol; pelajar prasiswazah; pembelajaran bermakna.

### 1. PENGENALAN

Pembelajaran bahasa asing telah menjadi aspek penting dalam dunia pendidikan moden. Kemahiran berkomunikasi dalam lebih dari satu bahasa memberikan kelebihan dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, kebudayaan, dan sosial. Bahasa Sepanyol, sebagai salah satu bahasa yang paling banyak dituturkan di dunia, menawarkan peluang yang luas kepada pelajar untuk meningkatkan kebolehpasaran mereka di pasaran global. Profesor Doktor Noor Azizi Ismail, selaku Timbalan Pengarah Pengajian Tinggi (IPTA), menggalakkan masyarakat untuk mempelajari bahasa asing sebagai kelebihan tambahan kerana ia penting di peringkat antarabangsa (BH Online, 2018).

Jenner (2003) telah menghuraikan literasi sebagai kemajuan kemahiran menggunakan dan memahami bahasa lisan, bahasa bertulis, serta kemahiran membaca. Sebaliknya, Husin Fateh Din *et al.* (2011) mengartikan literasi sebagai kebolehan membaca, menulis, dan kecekapan berbahasa.

Literasi juga merujuk kepada kemahiran asas seseorang dalam membaca dan menulis dalam bahasa tertentu seperti bahasa Sepanyol.

Dalam usaha untuk meningkatkan literasi bahasa asing khususnya bahasa Sepanyol, pelbagai strategi pembelajaran telah diperkenalkan, dan antara yang mendapat perhatian ialah Strategi Pembelajaran Kognitif (SPK). Strategi Pembelajaran Kognitif (SPK) merujuk kepada teknik dan kaedah yang digunakan untuk mengoptimalkan proses pembelajaran melalui pendekatan yang lebih teratur dan sistematik (Sternberg, R. J., & Sternberg, R. J. (2010)). SPK menekankan kepentingan pemahaman mendalam, penguatan maklumat, serta penggunaan kemahiran kognitif seperti analisis, sintesis, dan penilaian (Dunning, D. A. (2012)). Kajian ini bertujuan untuk menyelidiki tahap penggunaan SPK terhadap literasi bahasa Sepanyol dalam kalangan pelajar prasiswazah.

Diharapkan kajian ini dapat memberikan panduan kepada pendidik dan pelajar dalam usaha mereka untuk mencapai tahap literasi bahasa Sepanyol yang lebih tinggi dan bermakna.

## **2. OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap penggunaan strategi pembelajaran kognitif (SPK) terhadap literasi Bahasa Sepanyol dalam kalangan pelajar prasiswazah yang mengambil kursus Bahasa Sepanyol di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.

## **3. METODOLOGI**

Kajian ini adalah tinjauan kuantitatif menggunakan soal selidik dalam talian yang telah diubah suai oleh Mohd Fauzi Mohd Kassim (2000) dan Ainun et al. (2017). Ia melibatkan pelajar kursus US00102 Bahasa Sepanyol Tahap I di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, dengan 130 sampel dipilih secara rawak untuk memastikan setiap pelajar berpeluang dipilih untuk menjadi sampel kajian.

## **RESPONDEN KAJIAN**

Maklumat demografi pelajar yang terlibat dalam kajian ini dipaparkan dalam Jadual 1.0. Maklumat ini meliputi aspek seperti jantina, etnik, dan fakulti pengajian responden. Daripada keseluruhan responden, 33.1% (n=43) merupakan lelaki dan 66.9% (n=87) adalah perempuan. Kajian ini turut merangkumi pelajar dari pelbagai latar belakang etnik dan fakulti. Secara terperinci, 28.5% (n=37) adalah dari etnik Melayu, 13.1% (n=17) Cina, 5.4% (n=7) India, 53.1% (n=69) bumiputera dari Sabah dan Sarawak. Berdasarkan fakulti, kebanyakan responden adalah pelajar dari Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) 23.8% (n=31), manakala Fakulti Pertanian Lestari (SDK) mempunyai bilangan responden terendah, iaitu 1.5% (n=2).

**Jadual 1.0: Taburan Frekuensi Responden**

Variabel	Frekuensi	Peratusan
Jantina		
Lelaki	43	33.1
Perempuan	87	66.9
Etnik		
Melayu	37	28.5
Cina	17	13.1
India	7	5.4
Bumiputera	69	53.1
Fakulti		
Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP)	22	16.9
Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI)	22	16.9
Fakulti Kejuruteraan (FKJ)	12	9.2
Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan (FSMP)	8	6.2
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)	11	8.5
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK)	2	1.5
Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP)	6	4.6
Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA)	31	23.8
Fakulti Kewangan Antarabangsa (KAL)	14	10.8
Fakulti Pertanian Lestari (SDK)	2	1.5

#### **4. DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Dalam usaha untuk memahami data yang diperoleh, penyelidik telah menggunakan perisian IBM SPSS Statistics versi 25.0 bagi pengumpulan dan pemprosesan maklumat. Analisis data dilakukan dengan pendekatan deskriptif, memberi tumpuan kepada pengukuran seperti min dan sisihan piawai untuk mendapatkan gambaran statistik yang lebih jelas. Setiap maklumat dan hasil analisis ini kemudiannya dipersembahkan dalam bentuk jadual untuk memudahkan rujukan dan meningkatkan pemahaman. Selain itu, skor min yang diperoleh dalam kajian ini telah dikategorikan kepada lima kelompok berbeza, memberikan pandangan yang lebih mendalam mengenai data. Julat skor min ini dirujuk dan diinterpretasikan berdasarkan kriteria yang dinyatakan oleh Alias Baba (1999), yang diuraikan dengan terperinci dalam jadual 2.0.

**Jadual 2.0 : Interpretasi min tahap penggunaan strategi pembelajaran kognitif**

Julat	Tahap skor min
4.21 - 5.00	Sangat tinggi
3.41 - 4.20	Tinggi
2.61 - 3.40	Sederhana
1.81 - 2.60	Rendah
1.00 - 1.80	Sangat rendah

### Tahap penggunaan strategi pembelajaran kognitif berdasarkan jantina

Bagi variabel strategi pembelajaran kognitif untuk kursus bahasa Sepanyol ini, terdapat sedikit perbezaan di antara pelajar lelaki dan perempuan. Pelajar perempuan mempunyai skor min yang lebih rendah iaitu 3.99 manakala skor min bagi pelajar lelaki pula ialah 4.03. Bagaimanapun, hasil kajian menjelaskan bahawa tahap penggunaan strategi pembelajaran kognitif adalah sangat baik. Nilai min bagi variabel strategi berada pada tahap yang tinggi. Keputusan perbezaan skor min tersebut boleh dirujuk dalam jadual 3.0.

**Jadual 3.0: Keputusan skor min berdasarkan jantina**

Variabel	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai
Strategi pembelajaran kognitif	Lelaki	43	4.03	0.666
	Perempuan	87	3.99	0.642

### Tahap penggunaan strategi pembelajaran kognitif berdasarkan etnik

Terdapat sedikit perbezaan tahap penggunaan strategi pembelajaran kognitif bagi kursus bahasa Sepanyol berdasarkan etnik. Pelajar berbangsa Cina mempunyai skor min yang lebih rendah iaitu 3.84 manakala etnik lain mencatatkan skor min 3.90 ke atas. Bagaimanapun, hasil kajian menjelaskan bahawa tahap penggunaan strategi pembelajaran kognitif adalah sangat baik. Nilai min bagi variabel strategi berada pada tahap penggunaan yang tinggi. Perbezaan skor min tersebut boleh dirujuk dalam jadual 4.0.

**Jadual 4.0: Keputusan skor min berdasarkan etnik**

Variabel	Etnik	N	Min	Sisihan Piawai
Strategi pembelajaran kognitif	Melayu	37	4.04	0.569
	Cina	17	3.84	0.489
	India	7	4.40	0.536
	Bumiputera	69	3.96	0.709

### Tahap penggunaan strategi pembelajaran kognitif berdasarkan fakulti

Apabila perbezaan min bagi variabel strategi pembelajaran kognitif ini dinilai mengikut fakulti, keputusan menunjukkan bahawa pelajar dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) mempunyai skor min yang lebih tinggi (min= 4.50), manakala pelajar dari Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) mencatatkan skor min yang terendah (min= 3.82). Berdasarkan hasil analisis yang dilakukan, dapat disimpulkan bahawa secara keseluruhan, pelajar menunjukkan tahap penggunaan strategi pembelajaran kognitif yang positif dalam mempelajari kursus bahasa Sepanyol. Hasil kajian secara keseluruhan boleh dirujuk dalam jadual 5.0.

**Jadual 5.0: Keputusan skor min berdasarkan fakulti**

Variabel	Fakulti	N	Mi n	Sisihan Piawai
Strategi pembelajaran kognitif	Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP)	22	4.1 3	0.618
	Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI)	22	3.8 3	0.733
	Fakulti Kejuruteraan (FKJ)	12	3.8 5	0.497
	Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan (FSMP)	8	4.0 0	0.289
	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)	11	4.2 3	0.491
	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK)	2	4.5 0	0.202
	Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP)	6	3.8 2	0.863
	Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA)	31	3.9 0	0.704
	Fakulti Kewangan Antarabangsa (KAL)	14	4.0 8	0.651
	Fakulti Pertanian Lestari (SDK)	2	4.4 6	0.758

## KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa Strategi Pembelajaran Kognitif (SPK) mempunyai tahap penggunaan positif yang signifikan terhadap literasi bahasa Sepanyol dalam kalangan pelajar prasiswazah. SPK membantu pelajar memproses maklumat dengan lebih efektif, meningkatkan pemahaman dan aplikasi bahasa. Diharapkan kajian ini dapat memberikan panduan kepada pendidik dalam merancang dan melaksanakan strategi pembelajaran yang lebih berkesan untuk meningkatkan literasi bahasa asing.

## RUJUKAN

- Ainun Rahmah Ibrahimi. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dunning, D. A. (2012). Metacognition: A Literature Review. *International Journal of Research & Method in Education*.
- Hidayatul Akmal Ahmad (7 Mac 2018). Mahir bahasa asing buka lebih peluang kerja. BH Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/03/396747/mahir-bahasa-asing-buka-lebih-peluang-kerja>
- Husin Fateh Din, Nazariyah Sani, Mastura Mohamed Berawi & Siti Hajar Idrus. 2011. Literasi Bahasa Melayu. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

- Jenner, J. 2003. A Bridge to reading and Writing Literacy: Developing oral language skills in young children. Pacific Educator.
- Mohd. Kassim, Mohd. Fauzi (2000) *Mata pelajaran kesusasteraan Melayu (922) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 1992-1997: satu penilaian / Mohd. Fauzi bin Mohd. Kassim*. Masters thesis, University of Malaya.
- Sternberg, R. J., & Sternberg, R. J. (2010). *Cognitive Psychology and Instruction*. Pearson.
- Grabe, W., & Stoller, F. L. (2011). *Teaching and Researching Reading* (2nd ed.). Routledge.

## TAHAP MOTIVASI PELAJAR BAHASA ASING TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA SEPANYOL

Nur Amirah Nadiah Mustapa Kamal<sup>1</sup>, Noorafini Kassim<sup>2</sup>, Haryantie Gopoit<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

[amirah.nadiah@ums.edu.my](mailto:amirah.nadiah@ums.edu.my), [noorafini@ums.edu.my](mailto:noorafini@ums.edu.my), [haryantiebtgopoit@ums.edu.my](mailto:haryantiebtgopoit@ums.edu.my)

### ABSTRAK

Tahap motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa asing merupakan faktor penting yang mempengaruhi keberhasilan penguasaan bahasa, termasuk bahasa Sepanyol. Motivasi yang tinggi dapat memudahkan proses pembelajaran, meningkatkan minat, dan menjadikan pengalaman belajar lebih menyenangkan dan bermakna. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap motivasi pelajar bahasa asing terhadap pembelajaran bahasa Sepanyol di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah serta mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi tersebut. Menggunakan pendekatan kuantitatif, seramai 100 daripada 150 orang pelajar prasiswazah yang mengambil kursus bahasa Sepanyol telah dipilih sebagai sampel kajian. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik dengan skala Likert 1 hingga 5. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 26.0. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap motivasi pelajar secara keseluruhan adalah sangat tinggi, dengan min melebihi 4.00 bagi kebanyakan item soal selidik. Pelajar menunjukkan motivasi yang signifikan terhadap pembelajaran bahasa Sepanyol, terutama kerana keyakinan bahawa penguasaan bahasa ini akan memberi manfaat kepada kerjaya dan perjalanan ke luar negara, dengan min tertinggi dicatatkan pada 4.66. Walau bagaimanapun, pelajar lebih cenderung kepada pembelajaran bersemuka di dalam kelas, dengan min 4.29, manakala keyakinan terhadap pembelajaran dalam talian adalah sederhana dengan bacaan min 3.19. Dapatan ini mencerminkan bahawa pelajar masih memerlukan sokongan pembelajaran berstruktur melalui kaedah tradisional untuk mengekalkan tahap motivasi yang tinggi. Kajian ini memberikan pandangan penting untuk menyusun strategi pengajaran yang lebih efektif bagi meningkatkan motivasi dan penguasaan bahasa Sepanyol di kalangan pelajar.

**Kata kunci:** Motivasi pelajar; pembelajaran bahasa asing; bahasa Sepanyol; pelajar prasiswazah

### 1. PENGENALAN

Penguasaan bahasa asing seperti bahasa Sepanyol semakin mendapat perhatian dalam kurikulum pendidikan di pelbagai negara di dunia termasuk Malaysia. Peningkatan minat terhadap pembelajaran bahasa ini mencerminkan kesedaran tentang kepentingan penguasaan bahasa asing dan potensi peluang pekerjaan pada masa hadapan. Prof Datuk Dr. Mohammad Shatar Sabran selaku Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) menggalakkan pelajar untuk melengkapkan diri dengan menguasai sekurang-kurangnya tiga bahasa selepas yang pertama bahasa Melayu atau bahasa ibunda masing-masing dalam menyahut seruan menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan antarabangsa dapat direalisasikan. (Utusan Malaysia Online, 2021)



Meskipun demikian, mempelajari bahasa Sepanyol bukanlah sesuatu yang mudah untuk dikuasai. Keberhasilan dalam pembelajaran bahasa ini banyak bergantung kepada tahap motivasi pelajar. Motivasi adalah salah satu faktor kritikal yang mempengaruhi kejayaan pembelajaran bahasa asing (Brown, 2000). Menurut Gardner (1985), motivasi memainkan peranan utama dalam pembelajaran bahasa, di mana pelajar cenderung menunjukkan prestasi yang baik.

Motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa asing telah lama dikaji dalam konteks pendidikan bahasa. Kepentingan memahami jenis motivasi yang mendorong pelajar untuk mempelajari bahasa Sepanyol serta bagaimana motivasi ini dapat dipupuk melalui strategi yang sesuai (Lamb, 2017)

Kajian ini bertujuan untuk meneliti tahap motivasi pelajar Universiti Malaysia Sabah dalam pembelajaran bahasa Sepanyol serta faktor-faktor yang mendorong atau menghalang motivasi tersebut. Dengan pemahaman yang lebih mendalam tentang motivasi pelajar, strategi pengajaran yang lebih efektif dapat diambil untuk meningkatkan keberhasilan pembelajaran bahasa Sepanyol dalam kalangan pelajar serta tenaga pengajar dapat merancang pendekatan pembelajaran bahasa Sepanyol dengan lebih komprehensif.

## **2. METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap motivasi pelajar bahasa asing terhadap pembelajaran bahasa Sepanyol. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif di mana soal selidik digunakan sebagai instrumen pengumpulan data. Soal selidik yang digunakan adalah adaptasi dan pengubahsuaian daripada Shazarina et al. (2022) yang disesuaikan dengan konteks pembelajaran bahasa Sepanyol. Data dikumpulkan melalui soal selidik yang diedarkan secara talian menggunakan platform *Google Forms*.

Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian utama. Bahagian A mengumpul maklumat demografi responden termasuk jantina, umur, etnik dan fakulti. Bahagian B pula merangkumi konstruk motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Sepanyol.

Kajian ini melibatkan seramai 100 pelajar daripada 150 pelajar yang mengambil kursus bahasa Sepanyol di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Pemilihan sampel dibuat secara rawak mudah untuk memastikan setiap pelajar mempunyai peluang yang sama dalam pemilihan sebagai persampelan kajian. Perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 26.0 digunakan untuk menganalisis data.

### **RESPONDEN KAJIAN**

Maklumat demografi pelajar yang terlibat dalam kajian ini dipaparkan dalam Jadual 1.0, meliputi aspek jantina, etnik, dan bidang pengajian. Daripada keseluruhan responden, 48% (n=48) adalah lelaki, manakala 52% (n=52) adalah perempuan. Kajian ini juga melibatkan pelajar dari pelbagai latar belakang etnik dan bidang pengajian. Secara terperinci, 47% (n=47) responden adalah daripada etnik Melayu, 26% (n=26) daripada etnik Cina, 13% (n=13) daripada etnik India, dan 14% (n=14) daripada etnik lain. Dari segi bidang pengajian, majoriti responden adalah dari bidang sains sosial dengan 61% (n=61), manakala 39% (n=39) adalah dari bidang sains.

**Jadual 1.0: Taburan Frekuensi Responden**

	Variabel	Peratus
Jantina	Lelaki	48%
	Perempuan	52%
Etnik	Melayu	47%
	Cina	26%
	India	13%
	Lain-lain	14%
Bidang Pengajian	Sains	39%
	Sains Sosial	61%

### 3. HASIL DAN DAPATAN KAJIAN

Data kajian ini dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS Statistics versi 26.0 melalui pendekatan analisis deskriptif, di mana min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan tahap variabel kajian. Hasil dapatan dipaparkan dalam bentuk jadual dan diinterpretasikan berdasarkan julat skor min yang dirujuk daripada Alias Baba (1999). Kategori tahap variabel dibahagikan kepada lima tahap utama: sangat tinggi (4.21 - 5.00), tinggi (3.41 - 4.20), sederhana (2.61 - 3.40), rendah (1.81 - 2.60), dan sangat rendah (1.00 - 1.80). Klasifikasi ini membantu memberikan gambaran jelas tentang tahap setiap variabel dalam kajian, seterusnya memudahkan perbandingan dan perbincangan hasil kajian.

**Jadual 2.0 : Interpretasi min tahap motivasi pelajar**

Julat	Tahap skor min
4.21 - 5.00	Sangat tinggi
3.41 - 4.20	Tinggi
2.61 - 3.40	Sederhana
1.81 - 2.60	Rendah
1.00 - 1.80	Sangat rendah

#### 4.1 Tahap motivasi pelajar

Bagi variabel motivasi pelajar yang mempelajari bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing, dapatan menunjukkan bahawa pelajar lelaki mencatatkan skor min yang lebih tinggi (min = 4.32) berbanding pelajar perempuan (min = 4.00). Secara keseluruhannya, tahap motivasi pelajar berada pada tahap sangat tinggi, dengan kedua-dua kumpulan mencatatkan skor min di atas 4.00. Ini mencerminkan motivasi yang positif dan kuat terhadap pembelajaran bahasa Sepanyol, sebagaimana yang dipaparkan dalam jadual 3.0.

Perbezaan motivasi antara pelajar lelaki dan perempuan berkemungkinan berpunca daripada variasi pendekatan pembelajaran atau faktor budaya yang mempengaruhi persepsi terhadap bahasa asing. Walaupun terdapat sedikit perbezaan antara jantina, kedua-dua kumpulan menunjukkan motivasi yang memberangsangkan. Ini menunjukkan bahawa pelajar menerima pembelajaran bahasa Sepanyol dengan baik. Dapatan ini memberikan pengajar pandangan yang berguna untuk memahami keperluan motivasi berdasarkan jantina, sekaligus membantu menyusun strategi pengajaran yang lebih efektif untuk meningkatkan motivasi dan penguasaan bahasa di kalangan pelajar.

**Jadual 3.0: Keputusan skor min berdasarkan jantina motivasi pelajar**

Variabel	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai
Motivasi pelajar	Lelaki	36	4.32	0.452
	Perempuan	64	4.00	0.588

Apabila melihat kepada hasil analisis bagi setiap item, tahap motivasi dalam kalangan pelajar bahasa Sepanyol tersebut dapat diperincikan sepertimana dalam jadual 4.0 berikut. Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai tahap motivasi yang sangat tinggi dalam mempelajari bahasa Sepanyol, terutamanya berkaitan manfaat bahasa ini untuk kerjaya dan kehidupan masa depan mereka. Item yang mencatatkan skor tertinggi adalah "Saya percaya bahawa mempelajari bahasa Sepanyol akan memberi manfaat untuk perjalanan ke luar negara pada masa depan" dengan bacaan skor min 4.66, diikuti dengan keyakinan bahawa bahasa Sepanyol adalah penting untuk pekerjaan masa depan (min 4.61). Ini menunjukkan bahawa pelajar mengaitkan penguasaan bahasa Sepanyol dengan peluang global dan peningkatan kerjaya, yang menjadi faktor utama dalam memacu motivasi mereka.

Walau bagaimanapun, terdapat kecenderungan yang jelas bahawa pelajar lebih menyukai pembelajaran secara bersemuka di dalam kelas berbanding kaedah pembelajaran dalam talian. Item "Saya lebih suka belajar di dalam kelas bersama guru berbanding belajar secara dalam talian" mencatat min yang tinggi (4.29), manakala keyakinan terhadap pembelajaran bahasa Sepanyol secara dalam talian adalah sederhana (min 3.19). Ini menunjukkan bahawa walaupun pelajar sangat bermotivasi untuk belajar, mereka masih memerlukan sokongan pembelajaran yang lebih berstruktur dan interaktif melalui kaedah tradisional. Hasil ini memberikan gambaran bahawa pendekatan pembelajaran yang lebih bersifat bersemuka dan interaktif mungkin lebih berkesan dalam mengekalkan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Sepanyol.

**Jadual 4.0: Hasil analisis bagi item motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Sepanyol**

Bil	Item	No.	Min	Sisihan Piawai
1	Saya suka belajar bahasa Sepanyol.	100	4.36	.904
2	Saya lebih suka bahan pembelajaran bercetak berbanding yang elektronik.	100	4.05	.978
3	Saya lebih suka belajar di dalam kelas bersama guru berbanding belajar secara dalam talian.	100	4.29	.935
4	Saya percaya bahawa mempelajari bahasa Sepanyol akan bermanfaat untuk pekerjaan masa depan saya.	100	4.61	.709
5	Saya percaya bahawa belajar bahasa Sepanyol secara dalam talian lebih berkesan daripada pembelajaran tradisional dalam kelas.	100	3.00	1.28
6	Saya yakin dan percaya dengan kemampuan saya untuk belajar bahasa Sepanyol secara dalam talian tanpa sebarang kerisauan.	100	3.19	1.18
7	Saya percaya bahawa mempelajari bahasa Sepanyol boleh menyumbang kepada pengetahuan seseorang.	100	4.59	.739

8	Saya percaya bahawa belajar bahasa Sepanyol adalah penting dalam dunia hari ini.	100	4.43	.843
9	Saya bersedia untuk berusaha mempelajari bahasa Sepanyol.	100	4.44	.782
10	Saya percaya bahawa mempelajari bahasa Sepanyol akan memberi manfaat untuk perjalanan ke luar negara pada masa depan.	100	4.66	.639

#### 4. KESIMPULAN

Kesimpulannya, tahap motivasi pelajar bahasa asing terhadap pembelajaran bahasa Sepanyol memainkan peranan yang penting dalam kejayaan mereka untuk menguasai bahasa tersebut. Walaubagaimanapun, cabaran seperti kurang pendedahan kepada penggunaan bahasa Sepanyol dalam situasi sebenar dan tekanan akademik boleh mengurangkan motivasi mereka. Oleh itu, usaha berterusan untuk memperbaiki pendekatan pengajaran dan menyediakan lebih banyak peluang dari segi amalan berkomunikasi perlu diberikan perhatian. Kajian daripada Ong et al. (2013), pendekatan baharu dan inovatif perlu diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa untuk memberikan pengalaman yang segar dan mencabar dari segi intelektual. Secara keseluruhannya, tahap motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa Sepanyol boleh ditingkatkan melalui persekitaran pembelajaran yang positif dan kaedah pengajaran yang relevan serta menarik.

#### RUJUKAN

- Brown, H.D. (2000). *Principles of language learning and teaching* (4th ed.). Longman.
- Gardner, R.C. (1985). *Social psychology and second language learning: The role of attitudes and motivation*. Edward Arnold.
- Lamb, M. (2017). The motivational dimension of language teaching. *Language Teaching*, 50(3), 301-346. <https://doi.org/10.1017/S0261444817000088>
- Ong, A.C. H., Yusof, R., & Khairuddin, Z. (2013). Pendekatan inovatif dalam pengajaran bahasa asing. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, 5(2), 50-63.
- Shazarina, S.A., Hamidah, A.S, & Farah, M.Z. (2020). Faktor motavaasi dalam pembelajaran bahasa asing. *Jurnal Pendidikan Antarabangsa*, 2(4), 120-135. <https://doi.org/10.1155/jpa2020.120135>
- Petah Wazzan Iskandar (10 Julai 2021). Lengkapkan pelajar dengan bahasa asing demi keperluan global. *Utusan Malaysia*. [Lengkapkan pelajar dengan bahasa asing demikeperluan global - Utusan Malaysia](#)

**NILAI-NILAI MURNI DALAM MITOS *MAK YONG PENYELAMAT AMUKAN*  
*PENUNGGU*: KAJIAN KES DI JAJAHAN BACHOK, KELANTAN**

**Mohd Firdaus Che Yaacob**  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan,  
Universiti Malaysia Kelantan  
Email: [firdaus.cy@umk.edu.my](mailto:firdaus.cy@umk.edu.my)

**ABSTRAK**

Mitos merupakan sebuah cerita pada zaman dahulu yang disampaikan oleh nenek moyang mengikut kepercayaan mereka. Menurut Roslina Abu Bakar (2018) cerita mitos meliputi kebiasaan yang dilakukan oleh nenek moyang lalu diterapkan kepada anak-anak muda sebagai pembentukan akhlak. Walaupun begitu, penyelidikan tentang cerita mitos kurang dipelopori oleh sarjana terutama di negeri Kelantan. Hal ini kerana masyarakat setempat menganggap cerita mitos sebagai perkara yang bertentangan dengan prinsip agama yang dipraktikkan di negeri tersebut. Kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni terkandung dalam mitos *Mak Yong Penyelamat Amukan Penunggu*. Kajian kes ini dilakukan di Kampung Rusa, Bachok, Kelantan bagi meneliti nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita mitos. Kajian ini dibataskan kepada sebuah cerita mitos yang ditemui di Bachok, Kelantan iaitu *Mak Yong Penyelamat Amukan Penunggu*. Cerita mitos ini diperolehi daripada hasil temu bual dengan penglipur lara iaitu Encik Mohd Rawi Jusoh di Bachok, Kelantan. Encik Mohd Rawi Jusoh dipilih kerana mampu menyampaikan cerita dengan baik. Oleh itu, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu berdasarkan kaedah kepustakaan dan temu bual. Kajian ini turut mengaplikasikan pendekatan moral sebagai deduktif yang mampan. Hasilnya, kajian ini mendapati cerita mitos nenek moyang terdahulu kaya dengan nilai-nilai murni yang sekaligus mampu mendidik perwatakan remaja pada masa kini.

**Kata Kunci:** Mitos, Nilai Murni, Remaja, Pendekatan Moral

**PENGENALAN**

Mitos merupakan sebuah kisah yang disampaikan secara lisan untuk menceritakan asal usul kejadian atau tempat. Kisah mitos melibatkan unsur mistik bagi menggambarkan keajaiban serta takjub kepada tempat atau kejadian (Roslina Abu Bakar, 2018). Mitos dilihat sebagai cetusan idea sosial yang berhubungan dengan adat serta kepercayaan masyarakat setempat. Penglipur lara yang menyampaikan cerita mitos akan menambah sedikit unsur mistik. Hal ini bagi membuatkan pendengar merasa teruja untuk mengetahui cerita tersebut secara mendalam. Kenyataan ini disokong oleh Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Makmur Harun & Farra Humairah Mohd (2019) yang mentakrifkan cerita mitos ialah sebuah kisah yang memiliki unsur misteri dan disampaikan secara tradisional oleh masyarakat tempatan. Unsur misteri diterapkan menerusi watak-watak cerita mitos. Cerita mitos kebanyakannya mampu diterima oleh komuniti kerana mengandungi adat serta pantang-larang yang menjadi teras kepercayaan masyarakat setempat. Menurut Jai Kemalok & Maryati Mohamed (2020) mitos meliputi kisah yang menceritakan keadaan luar biasa terjadi dalam kalangan masyarakat. Setiap cerita mitos yang disampaikan mampu

dijadikan pedoman hidup kepada anggota masyarakat. Cerita ini memberi pengajaran kepada masyarakat setempat agar tidak mengulangi kesalahan yang sama. Hal ini kerana masyarakat terdahulu sangat mementingkan peradaban serta tatasusila dalam menjalinkan hubungan dengan komuniti.

Nilai-nilai murni ditakrifkan sebagai sebuah etika yang dibina dalam diri seseorang dengan sifat-sifat mulia. Menurut Jamilah Ahmad & Nur Nasliza Arina Mohamad Nasir (2018) nilai-nilai murni merupakan keadilan sosial bagi memastikan setiap anggota organisasi mendapat hak yang sama. Kesaksamaan ini bertujuan memastikan setiap anggota tidak dibezakan mengikut agama, bangsa atau ras. Sikap ini menampilkan komuniti yang mementingkan perbuatan mulia dalam kehidupan seharian. Kenyataan ini disokong oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) nilai-nilai murni ialah satu perbuatan baik yang dilakukan bersama-sama dengan komuniti. Hal ini dilakukan demi kesejahteraan hidup bersama. Setiap perkara negatif dihindari dan masyarakat lebih mengutamakan nilai-nilai positif agar mendapat hidup yang sempurna.

## **SOROTAN KAJIAN LEPAS**

Pada bahagian sorotan kajian lepas, pengkaji telah meneliti beberapa kajian yang mengkaji tentang cerita mitos di Malaysia. Antaranya ialah kajian yang bertajuk *Mitos dan Legenda: di Sebalik Percanggahan Fakta dalam Sejarah Asia Tenggara* oleh Dunita Nabila A Rahimin (2019). Mitos merupakan kisah ajaib yang mampu menyatupadukan hubungan perpaduan antara komuniti. Namun, kisah mitos sering dianggap bertentangan dengan fakta atau sejarah. Oleh itu, cerita mitos kurang diteliti dalam kalangan sarjana. Objektif kajian ini untuk mengenal pasti dan membincangkan pencanggahan fakta dalam sejarah Asia Tenggara menerusi mitos dan legenda. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu berpaksikan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Hasilnya, kajian ini menemukan cerita mitos mendidik masyarakat setempat untuk lebih menghargai kebudayaan dan adat resam yang seharusnya diwarisi oleh anak-anak muda.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Mardiah Mawar Kembaren, Arie Azhari Nasution & M. Husnan Lubis (2020) tentang *Cerita rakyat Melayu Sumatra Utara Berupa Mitos dan Legenda dalam Membentuk Kearifan Lokal Masyarakat*. Kajian ini menekankan tentang mitos yang menyampaikan ilmu pengetahuan kepada masyarakat setempat. Mitos dikatakan sering dijadikan pegangan bagi membentuk kepercayaan yang utuh dalam anggota komuniti. Namun, mitos sering dianggap cerita tahyul yang tidak memiliki asas atau pegangan yang kuat. Hal ini membuatkan cerita mitos kurang didedahkan kepada komuniti pada masa sekarang. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan menganalisis mitos dan legenda dalam cerita rakyat Melayu Sumatera Utara sebagai kearifan tempatan. Kajian ini membataskan untuk meneliti kearifan tempatan dalam cerita rakyat Melayu Sumatera Utara. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu berdasarkan kaedah kepustakaan dan lapangan. Hasil dapatan mendapati penyampaian cerita rakyat Melayu berbentuk mitos mampu menguatkan kebudayaan dan peradaban masyarakat setempat.

Kajian yang dilakukan oleh Jacqueline Karimon & Shaiful Bahri Mohd. Radzi (2021) tentang *Mitos Asal-Usul Kosmologi Murut Paluan dan Kadazandusun: Satu Perbandingan*. Cerita mitos merupakan kisah lampau yang memperihalkan tentang konsep ritual, kepercayaan serta adat masyarakat setempat. Namun, cerita mitos kian dipinggirkan kerana perubahan teknologi. Tambahan, penyampaian cerita mitos dianggap tidak bersesuaian dengan perkembangan pendidikan

kanak-kanak pada masa kini. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti dan membincangkan mitos asal-usul kosmologi Murut Paluan dan Kadazandusun. Maka, kajian ini membataskan beberapa cerita mitos Murut Paluan dan Kadazandusun. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu berdasarkan kaedah kepustakaan dan lapangan bagi memperoleh maklumat yang sahih. Hasilnya, kajian ini mendapati cerita mitos mampu menampilkan nilai aestetik yang mencerminkan identiti etnik Murut Paluan dan Kadazandusun kepada masyarakat luar.

Melalui kajian yang bertajuk *Unsur Spiritual dalam Cerita Lisan Melayu* oleh Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021). Kajian ini tertumpu kepada cerita lisan yang berupa mitos dalam kalangan masyarakat Melayu. Mitos merupakan kisah yang mencerminkan kebudayaan serta tatacara kehidupan masyarakat Melayu. Namun, cerita mitos kurang didalami oleh sarjana kerana memiliki unsur tokoh tambah dalam penyampaiannya. Hal ini membuatkan cerita mitos dianggap tidak signifikan untuk diteliti secara terperinci. Oleh itu, objektif utama kajian ialah mengenal pasti dan membincangkan unsur spiritual dalam cerita lisan Melayu. Kajian ini membataskan dua belas buah cerita dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks bagi memperkukuhkan data kajian. Dapatan kajian mendapati cerita lisan Melayu memiliki unsur mitos seperti sumpahan untuk mendidik masyarakat setempat.

Selain itu, kajian yang bertajuk *Mitos Angkapio Medium Interaksi Antara Alam dan Manusia Menurut Kepercayaan Murut Paluan* oleh Jacqueline Karimon & Steven Alezender (2023). Mitos diklasifikasikan sebagai kisah yang menghubungkan tauladan dengan masyarakat sekeliling. Setiap cerita mitos memiliki pengajaran tersendiri bagi menegur kesalahan anggota masyarakat. Walau bagaimanapun, cerita mitos sering kali dianggap tidak bersesuaian untuk dijadikan medium pendidikan kanak-kanak. Hal ini kerana terdapat elemen penambahan daripada penglipur lara yang sekaligus mengubah alur cerita yang sebenarnya. Maka, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti dan membincangkan mitos Angkapio sebagai medium interaksi alam dan manusia. Kajian ini membataskan beberapa cerita mitos dari etnik Murut Paluan. Kajian ini turut menggunakan reka bentuk kualitatif yang berpaksikan kaedah kepustakaan dan lapangan. Hasilnya, kajian ini menemukan cerita mitos Murut Paluan yang disampaikan oleh penglipur lara mampu menjalinkan hubungan yang baik antara manusia dan alam.

Di samping itu, kajian yang bertajuk *Mitos Angkapio Sebagai Isyarat Alam Peneguh Firasat Murut Paluan* oleh Jacqueline Karimon, Steven Alezender & Darwalis Sazan (2023). Mitos meliputi kepercayaan serta peradaban masyarakat setempat yang menonjolkan identitinya. Objektif utama kajian ini terbahagi kepada dua iaitu isyarat alam peneguh firasat dalam mitos *Angkapio* menurut Murut Paluan. Kajian ini membataskan sebuah cerita mitos iaitu mitos *Angkapio* untuk meneliti isyarat alam. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu berdasarkan kaedah kepustakaan dan lapangan. Hasilnya, kajian ini mendapati isyarat alam dalam cerita mitos *Angkapio* memberi panduan hidup serta pedoman kepada anggota masyarakat Murut Paluan.

Secara kesimpulannya, kajian-kajian lepas memberi pendedahan kepada pengkaji tentang cerita mitos di Malaysia. Cerita mitos dilihat banyak memberi manfaat serta memperkayakan kebudayaan masyarakat Melayu. Namun, pengkaji mendapati kajian-kajian yang dilakukan sarjana masih memiliki kelompangan daripada aspek nilai-nilai murni. Hal ini kerana kajian-kajian lepas lebih menitikberatkan peradaban serta kebudayaan komuniti dalam cerita mitos berbanding nilai-nilai murni. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengembalikan martabat cerita mitos Melayu menerusi aspek nilai-nilai murni.

## Penyataan Masalah

Pada bahagian penyataan masalah, kajian ini mendapati terdapat kelompangan yang kurang dicaknakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Kelompangan itu dapat diperhatikan secara jelas melalui kajian-kajian lepas seperti *Mitos dan Legenda: di Sebalik Percanggahan Fakta dalam Sejarah Asia Tenggara* oleh Dunita Nabila A Rahimin (2019), *Cerita rakyat Melayu Sumatra Utara Berupa Mitos dan Legenda dalam Membentuk Kearifan Lokal* oleh Masyarakat Mardiah Mawar Kembaren, Arie Azhari Nasution & M. Husnan Lubis (2020), *Mitos Asal-Usul Kosmologi Murut Paluan dan Kadazandusun: Satu Perbandingan* oleh Jacquelina Karimon & Shaiful Bahri Mohd. Radzi (2021), *Unsur Spiritual dalam Cerita Lisan Melayu* oleh Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021), *Mitos Angkapio Medium Interaksi Antara Alam dan Manusia Menurut Kepercayaan Murut Paluan* oleh Jacquelina Karimon & Steven Alezender (2023) dan *Mitos Angkapio Sebagai Isyarat Alam Peneguh Firasat Murut Paluan* oleh Jacquelina Karimon, Steven Alezender & Darwalis Sazan (2023).

Berdasarkan kajian-kajian lepas di atas, pengkaji mendapati bahawa pengkajian tersebut masih memiliki kelompangan khususnya terhadap nilai-nilai murni. Hal ini tercetus apabila para sarjana hanya menumpukan aspek alam, percanggahan dan kearifan tempatan berbanding konsep nilai-nilai murni. Oleh sebab itu, aspek nilai-nilai murni dalam cerita mitos kurang dikaji secara lebih mendalam dalam pengkajian sastera. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengembalikan aspek nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat Melayu menerusi cerita mitos di Kelantan.

## Batasan Kajian

Kajian ini membataskan untuk meneliti sebuah tajuk cerita mitos yang bertajuk *Mak Yong Penyelamat Amukan Penunggu*. Tajuk cerita ini diperolehi di jajahan Bachok, Kelantan menerusi hasil temu bual bersama-sama penglipur lara, iaitu Encik Mohd Rawi Jusoh yang berusia 69 tahun. Encik Mohd Rawi Jusoh dipilih kerana memiliki ilmu pengetahuan dalam menyampaikan cerita mitos. Seterusnya, kajian ini menggunakan pendekatan moral dalam Teori pengkaedahan Melayu oleh hashim Awang (2009) bagi mengukuhkan hasil dapatan kajian. Pendekatan moral dilihat lebih bertepatan dengan konsep cerita mitos yang disampaikan oleh penglipur lara. Hal ini kerana setiap cerita mitos yang disampaikan memiliki pedoman serta pengajaran berguna kepada masyarakat setempat.

## METODOLOGI KAJIAN

Pada bahagian metodologi, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif sebagai kaedah dalam mengumpulkan maklumat penting sepanjang kajian ini dilakukan. Kaedah kualitatif terbahagi kepada tiga kaedah, iaitu kepustakaan dan temu bual. Menerusi kaedah kepustakaan, pengkaji telah menggunakan bahan yang terdiri daripada kamus, jurnal-jurnal dan buku-buku bagi mendapatkan maklumat yang jelas dan terperinci mengenai konsep cerita mitos dan nilai-nilai murni. Seterusnya, bagi kaedah lapangan, pengkaji telah mengambil pendekatan kerangka *folklore* oleh Dundes (1965) sebagai pemangkin kepada analisis kajian. Kerangka *folklore* oleh Dundes (1965) ini terbahagi kepada tiga peringkat, iaitu pengenalpastian, pengumpulan data dan analisis. Pada peringkat pertama, iaitu pengenalpastian, pengkaji telah bertemu dengan penghulu mukim dan mendapat cadangan agar menemu bual Encik Mohd Rawi Jusoh. Seterusnya, pada peringkat kedua, iaitu pengumpulan data,



pengkaji telah menemu bual Encik Mohd Rawi Jusoh pada tarikh 10 Mac 2020 bertempat di Kampung Rusa jam 10 pagi setelah mendapat persetujuan dari kedua-dua pihak, iaitu pengkaji dan penglipur lara.

Selain itu, pada peringkat ketiga, iaitu analisis. Pengkaji telah menganalisis cerita mitos di Bachok, Kelantan. Pengkaji menganalisis tajuk cerita *Mak Yong Penyelamat Amukan Penunggu* sebagai elemen bagi menonjolkan nilai-nilai murni yang terkandung di dalamnya. Di samping itu, pengkaji telah menggunakan Teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral oleh Hashim Awang (1989) sebagai deduktif untuk meneliti kewajaran nilai-nilai murni dalam tajuk cerita mitos *Mak Yong Penyelamat Amukan Penunggu*. Pendekatan moral meliputi pengalaman masyarakat setempat yang digunakan untuk mendidik akhlak kanak-kanak dan remaja.

### **Teori Pengkaedahan Melayu**

Teori pengkaedahan Melayu diaplikasikan dalam kajian ini. Teori pengkaedahan Melayu diilhamkan oleh Hashim Awang (1989). Teori ini memperihalkan tentang kehidupan masyarakat Melayu yang sentiasa berpegang kepada prinsip. Hal ini kerana masyarakat Melayu mementingkan adat serta kesopanan bagi menonjolkan komunitinya yang berwibawa. Teori pengkaedahan Melayu ini memperlihatkan cara kehidupan masyarakat Melayu yang memiliki kepercayaan serta prinsip yang jelas. Kepercayaan dan prinsip ini telah menjadi tunjang kepada kehidupan masyarakat Melayu yang mementingkan kesejahteraan. Melalui teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002), pengkaji menerapkan pendekatan moral dalam kajian ini. Hal ini kerana pendekatan moral memperlihatkan masyarakat Melayu menggunakan pengalaman hidup mereka ke arah kebaikan. Pendekatan ini jelas memperlihatkan masyarakatnya tidak hanya bergantung kepada tumbuhan malahan berhubung baik sesama manusia dan haiwan. Setiap pengalaman hidup memberi iktibar kepada masyarakat sama ada baik atau buruk (Hashim Awang, 2002). Hal ini mampu dibezakan dengan cara masyarakat memerlukan pendidikan yang sempurna. Secara tidak langsung, pengalaman tersebut mampu mendorong masyarakat untuk menjiwai, mempercayai, membudayakan dan menyatupadukan organisasi serta persekitaran mengikut kreativiti. Kesannya, pengalaman dan ilmu pengetahuan penting agar masyarakat mampu memiliki generasi yang berbudi pekerti dan berdaya saing.

### **ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

Melalui dapatan, kajian ini berupaya untuk menganalisis aspek nilai-nilai murni yang wujud menerusi cerita *Mak Yong Penyelamat Amukan Penunggu* di jajahan Bachok, Kelantan. Antaranya ialah kerajinan, kesetiaan, belas kasihan dan berani mencuba sesuatu.

Nilai-nilai murni merupakan sikap yang mendominasi perbuatan baik yang dilakukan oleh seseorang individu (Dunita Nabila A Rahimin, 2019). Sikap ini merangkumi perbuatan saling menghormati serta menjaga hak asasi masyarakat setempat. Secara tidak langsung, masyarakat setempat akan memperoleh kedamaian serta kesejahteraan sepanjang mengamalkan nilai-nilai murni ini. Pernyataan disokong oleh Jacqueline Karimon & Shaiful Bahri Mohd. Radzi (2021) nilai-nilai murni ialah perbuatan yang meliputi peradaban sesama manusia. Setiap perbuatan yang menonjolkan peradaban membuatkan masyarakat setempat saling bertolak-ansur antara satu sama lain.

## Nilai Murni Melalui Sikap Kerajinan

Kerajinan merupakan perbuatan yang merangkumi kepelbagaian usaha demi mencapai sesuatu perkara (Jacquelina Karimon & Steven Alezender, 2023). Kerajinan melibatkan usaha yang dilakukan oleh individu secara berterusan tanpa niat untuk berputus asa. Hal ini didorong dengan satu perasaan cecal yang muncul daripada hati individu terbabit. Pernyataan ini turut disokong oleh Jai Kemalok & Maryati Mohamed (2020) kerajinan memperlihatkan kegigihan seseorang dalam mendapatkan sesuatu perkara. Oleh itu, individu akan mengusahakan pelbagai cara serta ikhtiar untuk menyempurnakan matlamat tersebut. Kesannya, individu yang berusaha akan mencapai tahap kepuasan yang diinginkan apabila matlamat utama dipenuhi. Sikap ini jelas ditonjolkan dalam petikan cerita mitos iaitu *Mak Yong Penyelamat Amuka Penunggu* seperti di bawah:

### Petikan 1

Kehidupan mereka hanyalah bersederhana namun kebahagiaan itu tetap dirasakan. Pak Awang bekerja sebagai nelayan yang pergi ke laut pagi dan pulang hanya pada waktu senja.

(Mohd Rawi Jusoh, 2020)

Melalui petikan di atas, sikap kerajinan terserlah pada watak Pak Awang. Watak ini dilihat sebagai seorang suami yang memiliki tanggungjawab. Pak Awang seorang nelayan yang setiap hari turun ke laut. Walau bagaimanapun, kehidupan Pak Awang sekeluarga hanya kais pagi makan pagi, kais petang makan petang sahaja. Hal ini kerana pendapatan Pak Awang tidak banyak sebagai seorang nelayan. Apabila laut bergelora, Pak Awang tidak dapat turun ke laut. Maka, tiadalah lauk untuk mereka sekeluarga pada hari itu. Namun, Pak Awang tidak pernah mengeluh tentang kemiskinan yang dilalui. Pak Awang tetap berusaha mencari rezeki demi keluarganya.

Selain itu, sikap kerajinan turut dijelaskan dalam cerita *Mak Yong Penyelamat Amukan Penunggu*. Penjelasan tersebut mampu dilihat pada petikan di bawah:

### Petikan 2

Mak Kenanga merasa terkejut dengan perbuatan suaminya itu kerana sebelum ini tidak pula Pak Awang berperangai seperti itu apatah lagi mahu menjengil matanya terhadap Mak Kenanga. Dek kerana terasa hati Mak Kenanga merajuk sambil melakukan kerja-kerja rumah.

(Mohd Rawi Jusoh, 2020)

Berdasarkan petikan 2, sikap kerajinan dijelaskan melalui watak Mak Kenanga. Mak Kenanga merupakan isteri kepada Pak Awang. Mak Kenanga sangat menghormati suaminya biarpun hidup mereka sangat miskin. Pada suatu ketika, Mak Kenanga pelik dengan perangai suaminya yang tiba-tiba berubah. Pak Awang dikatakan tidak mahu turun ke laut lagi. Mak Kenanga tidak mengetahui punca perubahan sikap Pak Awang itu. Maka, Mak Kenanga cuba untuk bertanya namun hanya mendapat balasan yang menjengkilkan. Mak Kenanga mula terasa hati. Namun, Mak Kenanga tetap melakukan kerja-kerja rumah tanpa melayan perasaan sedihnya. Setiap kerja rumah dilakukan seikhlas hati tanpa merungut apa pun. Hal ini jelas menunjukkan Mak Kenanga adalah seorang yang rajin dan mampu rasional dalam setiap perbuatannya.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral oleh Hashim Awang (2002). Pendekatan ini menegaskan bahawa pengalaman hidup seseorang sering digunakan sebagai pegangan hidup. Pengalaman hidup memberi kesedaran kepada manusia agar lebih menghargai kesempatan yang hadir. Maka, mereka akan berusaha untuk mencapai matlamat hidup dengan lebih

gigih. Secara tidak langsung, pengalaman hidup manusia mampu mewujudkan kelompok masyarakat yang berwibawa dan berdaya saing.

### **Nilai Murni Melalui Sikap Kesetiaan**

Kesetiaan adalah keteguhan hati seseorang yang cekat dalam menyayangi seseorang (Jacquelina Karimon, Steven Alezender & Darwalis Sazan, 2023). Kesetiaan melibatkan kecekalan hati seseorang yang sanggup berkorban jiwa atau hartanya demi seseorang yang dikasihi. Hal ini kerana individu itu telah meletakkan harapan dan kepercayaan kepada mereka. Pernyataan ini disokong oleh Jamilah Ahmad & Nur Nasliza Arina Mohamad Nasir (2018) kesetiaan melibatkan emosi dalaman seseorang yang memberi kepercayaan sepenuhnya kepada orang lain. Hal ini disebabkan oleh individu itu mendapat semula harapan serta jati diri mereka. Maka, individu tersebut akan berusaha berpegang teguh dengan perhubungan yang telah dibina. Sikap kesetiaan ini mampu dilihat pada tajuk cerita *Mak Yong Penyelamat Amukan Penunggu*. Sikap kesetiaan ini diperincikan seperti petikan di bawah:

#### **Petikan 3**

Pak Awang bekerja sebagai nelayan yang pergi ke laut pagi dan pulang hanya pada waktu senja. Manakala Mak Kenanga pula hanyalah suri rumah yang menanti kepulangan suami tercinta daripada laut.

(Mohd Rawi Jusoh, 2020)

Petikan di atas memperlihatkan watak Mak Kenanga yang memiliki sikap kesetiaan. Mak Kenanga merupakan seorang suri rumah tangga. Mak Kenanga bertanggungjawab mengurus rumah tangga sepanjang ketiadaan Pak Awang yang pergi ke laut. Setelah seharian melakukan kerja rumah tangga, Mak Kenanga masih lagi setia menanti kepulangan suaminya dari laut. Rutin itu dilakukan setiap hari tanpa jemu. Hal ini jelas membuktikan Mak Kenanga sangat menyayangi Pak Awang dan sanggup melakukan apa pun untuknya. Sikap kesetiaan Mak Kenanga ini telah mengharmonikan hubungan mereka sebagai suami isteri.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral oleh Hashim Awang (2002). Pendekatan ini memperlihatkan pengalaman hidup mampu memastikan manusia lebih matang dan berfikir secara rasional. Melalui pengalaman hidup, manusia akan menyedari tentang pentingnya untuk berserah diri kepada Allah SWT untuk segala urusan dunia. Sikap berserah diri ini mampu membina manusia yang berintelektual serta cekat hatinya. Sikap kesetiaan yang ditampilkan ini membuatkan manusia masih memiliki harapan serta mampu menaruh kepercayaan kepada anggota organisasi. Kepercayaan yang wujud ini mampu membina sebuah organisasi yang berintegriti dan berdaya saing.

### **Nilai Murni Melalui Sikap Belas Kasihan**

Belas kasihan merupakan satu bentuk kurnia yang wujud dalam hati seseorang untuk sentiasa terbuka dalam membantu orang lain (Mardiah Mawar Kembaren, Arie Azhari Nasution & M. Husnan Lubis, 2020). Belas kasihan ini melibatkan perasaan, emosi serta simpati atas nasib individu lain. Maka, individu yang memiliki belas kasihan akan cuba membantu sedaya upaya bagi meringankan beban hidup. Kenyataan ini turut disokong oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd

Firdaus Che Yaacob (2020) belas kasihan meliputi satu bentuk pertimbangan yang waras dengan bertindak mengasihani seseorang. Hal ini disebabkan keadaan atau situasi tidak menguntungkan kepada individu tersebut. Oleh itu, individu lain akan berusaha membantu memperbaiki keadaan itu agar tidak berlarutan. Sikap belas kasihan ini mampu dilihat pada cerita *Mak Yong Penyelamat Amukan Penunggu*. Sikap ini diperincikan seperti dalam petikan di bawah:

#### Petikan 4

Apabila dia menaruh ikan itu didalam baldi, ikan itu telah berkata “Tolong lepaskan aku, aku mempunyai anak yang masih kecil”. Pak Awang tergamam mendengar ikan itu mampu berkata-kata. Dek kerana kasihan mendengar rintihan ikan itu, lalu Pak Awang melepaskan ikan itu lalu pulang ke rumah dengan membawa baki ikan yang lainnya.

(Mohd Rawi Jusoh, 2020)

Melalui petikan ini, sikap belas kasihan mampu dilihat pada watak Pak Awang. Pak Awang merupakan seorang nelayan yang sedang menjala ikan di laut. Pak Awang merasa senang apabila memperoleh seekor ikan besar lalu diletakkan dalam baldi. Namun, dia telah dikejutkan apabila ikan itu mampu berkata-kata. Ikan itu telah memohon kepada Pak Awang agar melepaskannya. Ikan itu mengatakan anak-anaknya masih menunggu kepulangannya. Secara tidak langsung, hati Pak Awang menjadi hiba. Tanpa apa-apa kata, Pak Awang melepaskan ikan tersebut. Sikap ini menggambarkan Pak Awang seorang yang memiliki perasaan belas kasihan terhadap haiwan. Walaupun Pak Awang mengetahui kerugian yang dialaminya pada hari itu.

Di samping itu, sikap belas kasihan mampu diteliti dalam cerita mitos *Mak Yong Penyelamat Amukan Penunggu*. Sikap ini jelas diperincikan seperti di bawah:

#### Petikan 5

Menangislah Mak Kenanga mengenangkan nasib yang menimpa suaminya itu. Bomoh Chob menyatakan bahawa hanya dengan menarikan tarian Makyong sahaja mampu menyelamatkan Pak Awang. Mak Kenanga bersetuju asalkan suaminya selamat.

(Mohd Rawi Jusoh, 2020)

Berdasarkan petikan di atas, sikap belas kasihan mampu dilihat pada watak Mak Kenanga. Mak Kenanga dikatakan telah buntu melihat keadaan suaminya yang tiba-tiba menjadi seorang yang bengis dan tidak mahu turun ke laut. Hal ini menyebabkan Mak Kenanga merasa sangat rungsing. Oleh itu, Mak Kenanga minta pertolongan bomoh Chob untuk mengubati suaminya. Ketika dalam proses rawatan, Mak Kenanga diberitahu bahawa Pak Awang telah diganggu oleh penunggu laut yang menyukai kebajikannya. Mak Kenanga menangis tanda bersimpati mengenangkan nasib suaminya. Bagi membantu suaminya, Mak Kenanga bersetuju untuk melakukan tarian mak yong bagi mengubati Pak Awang.

Pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (2002) menerusi pendekatan moral. Pendekatan moral memperihalkan seorang manusia yang sejati akan berusaha menyebarkan kebaikan sepanjang hidupnya. Setiap kebaikan yang diberikan akan mengubah hidup manusia itu ke arah yang lebih sejahtera. Hal ini juga memberi pengalaman kepada manusia agar sentiasa memperbaiki akhlakunya dari semasa ke semasa. Oleh itu, manusia disarankan untuk melakukan kebaikan kepada semua termasuklah haiwan dan alam sekitar.

## Nilai Murni Melalui Sikap Berani Mencuba Sesuatu

Berani mencuba sesuatu perkara adalah seseorang yang sentiasa berusaha untuk menjaga maruah diri daripada dicemari oleh orang lain (Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Makmur Harun & Farra Humairah Mohd, 2019). Berani mencuba sesuatu perkara meliputi perwatakan seseorang yang berpegang teguh dengan prinsip hidup. Oleh itu, individu ini akan berusaha mencari ikhtiar tanpa perlu mengemis simpati orang lain. Menurut Roslina Abu Bakar (2018) berani mencuba sesuatu melibatkan perbuatan seseorang yang berusaha gigih dalam mencapai matlamat. Setiap dugaan akan ditempuhi tanpa rasa takut dalam diri. Hal ini kerana individu tersebut akan sentiasa mencari ikhtiar walaupun menemui jalan buntu sepanjang proses menyelesaikan permasalahan itu. Sikap berani mencuba sesuatu mampu diteliti dalam tajuk *Mak Yong Penyelamat Amukan Penunggu*. Sikap ini dijelaskan seperti petikan di bawah:

### Petikan 6

Keadaan Pak Awang merungsingkan perasaan Mak Kenanga lalu dia telah ke rumah Bomoh Chob yang sememangnya terkenal dengan ilmu perubatan terutama alam ghaib. Hal ini kerana Mak Kenanga merasakan ada sesuatu yang tidak kena dengan suaminya setelah pulang dari laut tempoh hari.

(Mohd Rawi Jusoh, 2020)

Petikan di atas memperlihatkan watak Mak Kenanga yang mempunyai sikap berani mencuba sesuatu. Mak Kenanga merupakan seorang wanita yang tidak mempercayai perubatan tradisional seperti pemujaan atau bomoh. Namun, sikap Pak Awang yang tiba-tiba berubah membuatkan Mak Kenanga mencari ikhtiar untuk mengubatinya. Mak Kenanga telah memberanikan diri untuk menemui bomoh Chob yang terkenal dengan cara pengubatan ilmu ghaib. Mak Kenanga memberanikan diri meminta pertolongan daripada bomoh Chob. Akhirnya, sikap berani Mak Kenanga ini telah mampu menyembuhkan Pak Awang dan menemui punca keadaan itu berlaku. Hal ini memberi iktibar kepada Mak Kenanga untuk sentiasa mencuba sesuatu walaupun perkara itu kadang-kala bertentangan dengan prinsip hidup.

Secara keseluruhannya, melalui analisis yang dikaji, pengkaji mendapati bahawa terdapat nilai-nilai murni yang diterapkan dalam cerita mitos di jajahan Bachok, Kelantan. Menurut Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021) telah memperjelaskan bahawa nilai-nilai murni menggambarkan identiti serta jati diri sesebuah komuniti. Maka, nilai-nilai murni ini perlu dipelajari secara mendalam agar generasi muda mampu menghayatinya. Nilai-nilai murni ini mendidik generasi muda agar lebih menghormati anggota masyarakat yang lebih tua. Hal ini mampu merukunkan kembali kesejahteraan hidup dalam bermasyarakat. Oleh itu, nilai-nilai murni dalam cerita mitos seharusnya dikekalkan dan dimartabatkan ke peringkat institusi pengajian tinggi.

## KESIMPULAN

Secara tuntasnya, kajian ini mampu menonjolkan nilai-nilai murni dalam cerita mitos. Nilai-nilai murni ini dilihat mampu mengubah perspektif masyarakat terhadap penyampaian cerita mitos. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji mampu memartabatkan semula cerita mitos dengan mencari gali penerapan nilai murni yang terkandung di dalamnya. Menerusi pengkajian ini, golongan muda mampu mempelajari adat resam, kebudayaan, serta inti pati dalam cerita mitos. Hal ini menyebabkan nilai murni dalam cerita mitos tidak akan dilupakan biarpun berlaku perkembangan teknologi yang

pesat. Justeru itu, nilai murni dalam cerita mitos perlu diwariskan dan dipraktikkan dalam kehidupan seharian agar tak lapuk ketinggalan zaman.

## RUJUKAN

- Dunita Nabila A Rahimin. (2019). Mitos dan Legenda: di Sebalik Percanggahan Fakta dalam Sejarah Asia Tenggara. *Jurnal Kemanusiaan*. 17(1), 24-30.
- Jacqueline Karimon & Shaiful Bahri Mohd. Radzi. (2021). Mitos Asal-Usul Kosmologi Murut Paluan dan Kadazandusun: Satu Perbandingan. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*. 7(1), 16-36.
- Jacqueline Karimon & Steven Alezender. (2023). Mitos Angkapio Medium Interaksi Antara Alam dan Manusia Menurut Kepercayaan Murut Paluan. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 20(1), 17-30.
- Jacqueline Karimon, Steven Alezender & Darwalis Sazan. (2023). Mitos Angkapio Sebagai Isyarat Alam Peneguh Firasat Murut Paluan. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*. 14(2)146-161.
- Jai Kemalok & Maryati Mohamed. (2020). Peranan Mitos dalam Masyarakat Orang Asli Kampung Peta, Endau, Mersing, Johor. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 8(1), 75-82.
- Jamilah Ahmad & Nur Nasliza Arina Mohamad Nasir. (2018). Penerapan dan Pemerkasaan Nilai Murni dalam Kalangan Belia. *Malaysian Journal of Youth Studies*. 168-199.
- Mardiah Mawar Kembaren, Arie Azhari Nasution & M. Husnan Lubis. (2020). Cerita rakyat Melayu Sumatra Utara Berupa Mitos dan Legenda dalam Membentuk Kearifan Lokal Masyarakat. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*. 8(1), 1-12.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Nilai-Nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics (IJLEAL)*. 10(2), 48-56.
- Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Makmur Harun & Farra Humairah Mohd. (2019). Unsur Mitos Berdasarkan Teks Sastra Melayu Tradisional. *International Journal Of Humanities, Philosophy And Languages (IJHPL)*. 2(6), 78- 87.
- Roslina Abu Bakar. (2018). Hikayat Pelanduk Jenaka: Bodily-Kinesthetic Development and Children and Teenagers Language Intelligence. *Jurnal Pendidikan BITARA*. 11, 33-51.
- Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2021). Unsur Spiritual dalam Cerita Lisan Melayu. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*. 12(2), 67-79.

**KESATUAN DALAM KEPELBAGAIAN:  
PERANAN MEDIA DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL**

Wawarah Saidpuhin  
*Universiti Islam Selangor (UIS)*  
*wawarah@uis.edu.my*

**ABSTRAK**

Globalisasi dan kemajuan teknologi telah mengubah cara masyarakat berinteraksi dan berkomunikasi. Artikel ini bertujuan untuk menjelaskan bagaimana globalisasi telah mengubah landskap komunikasi dengan peningkatan akses kepada teknologi, kemunculan media sosial, dan perubahan dalam industri media dalam konteks masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Menggunakan kaedah kajian kepustakaan melalui dapatan data sekunder kajian ini mengkaji bagaimana komunikasi, teknologi, dan media mempengaruhi kesatuan masyarakat di Malaysia. Hasil kajian mendapati media berperanan dalam membina keharmonian serta tanggungjawab sosial perlu dipenuhi oleh pengamal media dan masyarakat. Kajian ini juga mengenalpasti cabaran yang timbul akibat kepelbagaian budaya dan mencadangkan saranan untuk Masyarakat meningkatkan literasi media agar dapat membantu dalam memelihara hubungan yang baik antara pelbagai kumpulan etnik dan budaya, serta menggalakkan persefahaman.

**Kata kunci:** Kesatuan dalam Kepelbagaian; Peranan Media; Tanggungjawab Sosial; Literasi Media

**1. PENGENALAN**

Dalam era globalisasi, memahami kepelbagaian budaya adalah kunci untuk mencapai kesatuan dalam masyarakat. Globalisasi, menurut Langhorne (2001), merujuk kepada peringkat terakhir dalam perkembangan teknologi yang membolehkan individu berfungsi melangkaui batasan kewarganegaraan dan persekitaran fizikal. Dalam konteks Malaysia, negara yang kaya dengan kepelbagaian budaya, memahami perbezaan ini adalah penting untuk membina hubungan sosial yang harmoni.

Kesatuan dalam kepelbagaian masyarakat dapat dicapai melalui komunikasi, yang berfungsi sebagai alat pembinaan realiti sosial. Dalam konteks membentuk hubungan sosial antara individu dari latar belakang budaya yang berbeza, pendekatan dan teknik komunikasi yang pelbagai diperlukan untuk mengatasi dan menanggapi perbezaan budaya tersebut dengan berkesan. Dengan kata lain, strategi komunikasi yang disesuaikan boleh membantu orang ramai memahami satu sama lain dan membantu integrasi sosial dalam masyarakat yang berbilang budaya.

## 2. METODE KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan melalui dapatan data sekunder dari sarjana-sarjana terkemuka dengan memfokuskan kepada persoalan bagaimana komunikasi, teknologi, dan media mempengaruhi kesatuan masyarakat di Malaysia.

## 3. HASIL KAJIAN

### 3.1 Kesatuan dalam Kepelbagaian Masyarakat Malaysia

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang membangun dengan matlamat untuk mencapai status negara maju. Dengan penduduk yang mencecah kira-kira 30 juta orang yang terdiri daripada pelbagai bangsa seperti Melayu, Cina, India, dan lain-lain, negara ini menawarkan pelbagai warna dalam budaya, agama, dan bahasa. Kepelbagaian ini memerlukan sensitiviti yang tinggi dalam komunikasi, kerana maklumat yang disampaikan boleh ditafsirkan dengan cara yang berbeza oleh individu yang berlainan latar belakang budaya.

Diskusi mengenai kesatuan dalam kepelbagaian masyarakat di Malaysia memerlukan perhatian yang mendalam dan holistik. Kepelbagaian tersebut bukan sahaja perbincangan tentang kelas sosial dan ideologi politik tetapi haruslah menggariskan pentingnya mengenal dan menghormati perbezaan sebagai satu cara untuk memperkukuh hubungan sosial. Ini menekankan bahawa meskipun kita berbeza, kita harus berusaha untuk memahami dan menghargai satu sama lain.

### 3.2 Teknologi dan Perubahan Masyarakat

Perubahan teknologi komunikasi telah membawa kesan yang mendalam terhadap cara masyarakat berinteraksi. Media sosial seperti Facebook, Twitter, Youtube, Tiktok telah mengubah cara kita berkomunikasi dan memperoleh maklumat. Menurut Zawiyah et al. (2005), globalisasi telah mengubah bahasa, budaya, dan hiburan. Kemajuan teknologi telah memberikan masyarakat kemampuan untuk menghasilkan dan menyebarkan berita sendiri, menjadikan pengaruh media lebih meluas dan pantas. Chandler (1995) menyokong pandangan ini dengan menegaskan bahawa kemajuan teknologi adalah penyebab utama perubahan sosial.

Perkembangan pesat dalam teknologi komunikasi telah mengubah secara mendalam landskap media dan interaksi sosial. Pada era *baby boomers*, masyarakat bergantung pada media tradisional sebagai sumber utama maklumat (Towner & Leg, 2016), di mana media tersebut dikenakan tapisan ketat untuk mengawal dan menentukan kandungan yang disiarkan. Namun, dengan kemajuan teknologi digital, terutama melalui media sosial, kuasa penyebaran maklumat kini telah berpindah kepada individu dan kumpulan masyarakat secara langsung. Pada masa ini, individu bukan sahaja boleh menghasilkan dan menyebarkan berita, tetapi juga mempengaruhi pandangan umum melalui platform media sosial yang berpengaruh (Stromback et al. 2020), yang sering kali mempunyai pengikut yang ramai. Fenomena ini menunjukkan perubahan besar dalam cara maklumat dikendalikan dan diakses, yang menjadikan lebih penting untuk memahami bagaimana teknologi komunikasi mempengaruhi pelbagai kelompok sosial dan media dalam masyarakat Malaysia.



### **3.3 Media dan Kesatuan Masyarakat**

Media mempunyai peranan penting dalam membina kesatuan masyarakat dengan menyediakan maklumat yang mendidik dan memupuk hubungan antara pelbagai kumpulan budaya dan kaum. Media bukan sahaja berfungsi sebagai saluran informasi tetapi juga sebagai alat untuk memahami perbezaan budaya. Namun, media sering menghadapi cabaran dalam menyeimbangkan antara menarik perhatian pembaca dan menjaga sensitiviti budaya. Dalam konteks peranan media sebagai penghubung budaya di antara masyarakat, terdapat beberapa kekangan yang perlu dihadapi, terutamanya berkaitan dengan keperluan untuk memenuhi Key Performance Indicators (KPI) yang ditetapkan oleh organisasi media. Media tidak hanya bertanggungjawab untuk menyampaikan maklumat terkini kepada masyarakat, tetapi juga perlu memastikan bahawa kandungan berita yang diterbitkan menarik perhatian pembaca, meningkatkan penilaian dan jumlah pembaca dari masa ke semasa. Dalam usaha untuk mencapai objektif tersebut, pengamal media sering kali berhadapan dengan dilema antara mengekalkan etika profesional dan mematuhi kehendak organisasi mereka yang berorientasikan keuntungan.

### **3.4 Tanggungjawab Sosial Media**

Dalam konteks tanggungjawab sosial, media perlu mematuhi etika kewartawanan dan mengelakkan laporan yang boleh mencetuskan ketegangan antara kaum atau agama. Saodah Wok et al. (2005) menjelaskan bahawa tanggungjawab sosial melibatkan menyampaikan maklumat dengan bertanggungjawab dan mematuhi etika profesional. Media harus mengelakkan laporan yang boleh menimbulkan ketidakstabilan sosial atau melanggar hak asasi manusia.

Di samping memenuhi keperluan prestasi organisasi, tanggungjawab sosial media memerlukan perhatian khusus terhadap aspek etika dan sensitiviti dalam pelaporan. Media harus menghindari laporan yang boleh memperburuk isu jenayah, keganasan, atau ketidakstabilan sosial yang berkaitan dengan kaum, agama, atau etnik, kerana laporan tersebut berpotensi menimbulkan ketegangan dan menjejaskan kestabilan serta keselamatan negara. Selain itu, media perlu berhati-hati untuk tidak melanggar hak asasi manusia atau mengabaikan kepentingan sosial masyarakat dalam penyampaian berita. Sebagai alternatif, kandungan media disarankan untuk mempromosikan dan menonjolkan aspek kesepaduan dalam kepelbagaian masyarakat, dengan tujuan untuk memperkukuhkan agenda keharmonian dan perpaduan negara. Dalam hal ini, peranan media sebagai penyampai maklumat tidak hanya terhad kepada penyampaian berita tetapi juga melibatkan tanggungjawab untuk memupuk pemahaman dan keharmonian antara pelbagai kelompok dalam Masyarakat

### **3.5 Tanggungjawab Masyarakat**

Tanggungjawab dalam penyatuan masyarakat Malaysia tidak terletak semata-mata pada media, tetapi juga melibatkan peranan aktif masyarakat itu sendiri. Peningkatan dalam teknologi media telah membawa perubahan ketara dalam cara penyampaian dan penghasilan berita; di mana pada masa lalu, media tradisional berfungsi sebagai pengatur utama dalam membentuk pandangan masyarakat, kini masyarakat memiliki kuasa untuk mempengaruhi dan membentuk kandungan media. Dengan kemajuan teknologi seperti telefon pintar dan aplikasi media sosial, individu kini boleh berfungsi sebagai pengamal media tanpa memerlukan pengesahan formal. Penggunaan media sosial yang meluas membolehkan sesiapa sahaja menyuarakan pendapat, yang kadang-kala boleh menyebabkan penyebaran maklumat yang tidak tepat atau berbahaya.

Fenomena ini telah mengubah lanskap komunikasi, di mana generasi X, Y, dan Z kini melaporkan berita dan maklumat melalui platform sosial media, yang mana memberikan kesan positif dan negatif. Isu-isu yang berpotensi memecahbelahkan kaum atau agama, yang mungkin tidak dapat disuarakan secara terbuka 20 tahun lalu kerana kekurangan media sosial, kini mudah tersebar melalui saluran ini. Perkara ini diburukkan lagi dengan kecenderungan individu untuk menyebarkan kandungan di media sosial tanpa memahami sepenuhnya audiens mereka, yang sering kali melibatkan orang-orang yang tidak dikenali secara peribadi. Akibatnya, isu-isu kontroversi ini tidak hanya tersebar di platform media sosial tetapi juga mendapat liputan luas dalam akhbar dan siaran berita televisyen.

### **3.6 Kawal Diri dan Media Literasi**

Dalam konteks perbincangan mengenai fenomena penggunaan media di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, bangsa, dan agama, beberapa Cadangan diajukan untuk mengawal penggunaan media secara lebih berkesan. Antara cadangan utama adalah pengamalan kawalan diri (self-regulation) dan peningkatan literasi media. Kawal diri dan literasi media merupakan dua aspek penting dalam memastikan penggunaan media yang bertanggungjawab. Literasi media melibatkan pengetahuan dan kemahiran dalam menggunakan media secara efektif, serta kemampuan untuk menilai dan memilih maklumat dengan berhati-hati.

## **4. KESIMPULAN**

Kesatuan dalam kepelbagaian adalah prinsip penting dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Melalui komunikasi yang efektif dan penggunaan media yang bertanggungjawab, masyarakat dapat membina keharmonian dan memahami perbezaan budaya. Media memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan maklumat dan mempromosikan kesatuan, tetapi ia juga harus mematuhi etika dan tanggungjawab sosial. Masyarakat, di pihak mereka, perlu mengamalkan kawalan diri dan literasi media untuk mengelakkan penyebaran maklumat yang boleh menimbulkan konflik. Dengan usaha bersama antara media dan masyarakat, Malaysia boleh terus memelihara keharmonian dan memanfaatkan kepelbagaian sebagai kekuatan negara.

## **RUJUKAN**

Al-Quran

Chandler, D. 1995. Technological or media determinism. <http://www.aber.ac.uk/media/Documents/tecdet/tecdet.html> [28 November 2013]

Langhorne, R. 2001. *The Coming of Globalization: Its Evolution and Cotemporary Consequencs*. New York: Palgrave.

Potter, W.J. 2010. The State of Media Literacy. *Journal of Broadcasting & Electronic Media*, 54 (4) :675-696.

Saodah Wok, Narimah Ismail & Mohd Yusof Hussain. 2005. *Teori-teori Komunikasi*. Kuala Lumpur: Pts Profesional Publishing Sdn Bhd

Stromback, J., Tsfati, Y., Boomgaarden, H., Damstra, A., Lindgren, E., Vliegenthart, R., & Lindholm, T. (2020). News media trust and its impact on media use: Toward a framework for future research. *Annals of the International Communication Association*, 44(2), 139-156.

Towner, T., & Lego Munoz, C. (2016). Boomers versus millennials: Online media influence on media performance and candidate evaluations. *Social Sciences*, 5(4), 56.

Zawiyah Mohamad Yusof, Masnizah Mohd. 2005. Sains Sosial dan Teknologi Maklumat. Petaling Jaya:Pearson.

**ELEMEN DAKWAH DALAM DRAMA CINTA & WAHYU: ANALISIS DIALOG,  
MUZIK, DAN BUNYI**

Wawarah Saidpudin  
*Universiti Islam Selangor (UIS)*  
*wawarah@uis.edu.my*

**ABSTRAK**

Bunyi, termasuk dialog, muzik, dan bunyi latar, adalah komponen penting dalam penghasilan drama Islamik yang berjaya. Ia memainkan peranan utama dalam menyampaikan mesej dakwah dan nasihat keagamaan dengan berkesan. Kajian ini bertujuan untuk menilai elemen dakwah dalam memperkukuhkan mesej Islam dan mempengaruhi penonton. Metodologi kajian termasuk analisis kandungan bunyi yang terdapat dalam drama Cinta dan Wahyu dan temubual mendalam dengan pengarah drama ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa dialog dalam drama ini sering memuatkan nasihat berasaskan ayat al-Quran dan hadis, sementara muzik seperti lagu nasyid dan bunyi latar bacaan al-Quran digunakan untuk meningkatkan suasana kerohanian dan menyampaikan mesej dakwah dengan berkesan. Selain itu, penggunaan ayat al-Quran sebagai bunyi latar dalam drama Cinta dan Wahyu juga bertujuan untuk menunjukkan hasrat pengarah dalam menekankan kepentingan dan keistimewaan ayat al-Quran dalam menyampaikan dakwah.

**Kata Kunci :** Dialog, Bunyi Latar, Drama Islamik, Muzik, Dakwah Dalam Drama

**1. PENGENALAN**

Dalam konteks hiburan moden, drama berfungsi bukan hanya sebagai sumber hiburan tetapi juga sebagai medium yang berpotensi untuk menyebarkan nilai-nilai dan ajaran kepada masyarakat. Seperti yang dinyatakan oleh Dusuki Ahmad (2011), drama memainkan peranan penting dalam menggambarkan realiti dan fantasi, yang secara tidak langsung mempengaruhi pengamalan kehidupan sehari-hari kita. Fenomena ini telah mendorong kemunculan drama berkonsepkan Islamik, yang bertujuan untuk mendidik masyarakat dan menyampaikan mesej dakwah dengan impak positif. Drama Islamik berorientasikan kepada nilai-nilai keindahan Islam, ketauhidan kepada Allah S.W.T, dan pengamalan kehidupan yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah, serta prinsip-prinsip agama Islam yang lain.

Sejarah menunjukkan bahawa usaha untuk mengimplementasikan dakwah melalui karya seni seperti drama telah lama menjadi amalan dalam kalangan Muslim. Siti Rugayah et al. (2012) merujuk kepada penggunaan wayang kulit tradisional di Indonesia sebagai contoh bagaimana seni dapat digunakan untuk menyampaikan ajaran Islam. Dalam tradisi Islam, karya seni dan sastra seperti syair, puisi, dan epik telah digunakan sebagai alat untuk menyebarkan ajaran Islam dalam kalangan masyarakat Arab yang mengagumi seni dan sastra (Dusuki Ahmad, 2011). Ini adalah manifestasi daripada hikmah dalam dakwah, di mana pemanfaatan kecenderungan masyarakat pada masa itu menjadi strategi yang efektif untuk penyebaran ajaran Islam.

Pengarah drama, dalam usaha menyampaikan mesej dakwah, memerlukan sumber-sumber yang sesuai dan asli, termasuk al-Quran, hadis, dan pengetahuan dari ulama, serta pelaksanaan niat dakwah yang ikhlas kerana Allah S.W.T. Marina Munira et al. (2011) menjelaskan bahawa Islam, sebagai agama fitrah yang sesuai untuk semua manusia, memerlukan proses dakwah yang bersungguh-sungguh. Drama berunsurkan Islamik perlu memperkenalkan dan menerangkan konsep Islam serta kehidupan umat Islam secara menyeluruh (Abuhuraira, 2003), termasuk penekanan terhadap bahasa dalam dialog dan gerak badan pelakon. Oleh itu, gabungan antara pakar agama dan pengamal media adalah penting untuk memastikan dakwah disampaikan secara selari dengan syariat Islam, dengan matlamat membina insan dan bukan meruntuhkannya.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji elemen dakwah dalam drama Cinta Wahyu dengan menekankan analisis dialog, bunyi latar, dan muzik yang digunakan dalam drama tersebut.

## **2. METODE KAJIAN**

Dalam kajian ini, metodologi yang digunakan adalah kaedah kualitatif, dengan fokus khusus pada analisis kandungan dan temubual mendalam untuk menilai elemen dakwah dalam drama Cinta Wahyu. Berdasarkan kajian lepas yang menekankan pentingnya elemen bunyi seperti muzik latar, dialog, dan kesan bunyi dalam memahami mesej dan makna yang disampaikan oleh pengarah (Ryan & Lenos, 2012; Bordwell & Thompson, 2013; N.M. Aquraishi, 2003), kajian ini bertujuan untuk meneroka bagaimana elemen-elemen tersebut menyokong penyampaian mesej dakwah dalam drama tersebut.

Kaedah analisis kandungan kualitatif akan digunakan untuk menganalisis secara mendalam dialog, muzik, dan bunyi dalam drama, bagi menentukan bagaimana elemen-elemen ini menyampaikan nilai-nilai dakwah. Selain itu, temubual mendalam dengan pengarah drama ini bagi mendapatkan motif pengarah yang lebih mendalam mengenai niat kreatif di sebalik penggunaan elemen bunyi dan muzik dalam konteks dakwah.

## **3. HASIL KAJIAN**

### **3.1 Analisis Muzik dan Bunyi Latar dalam Cinta dan Wahyu**

Dalam drama ini, latar belakang muzik memainkan peranan yang signifikan dalam memaparkan unsur dakwah, dengan pilihan lagu-lagu nasyid terbitan UNIC seperti "Warkah Cinta," "Meditasi 1," "Menuju Wawasan (Instrumental)," dan "Binnabil Huda (Akustik)" yang menyumbang kepada bayangan suasana kerohanian yang mendalam. Penggunaan muzik ini tidak hanya menambah dimensi seni yang estetik tetapi juga berfungsi untuk memperkukuh dan memperjelas mesej-mesej keagamaan dan dakwah Islam yang disampaikan.

Selain itu, apabila watak utama, Amir, menyampaikan ceramah, penggunaan bacaan ayat al-Quran sebagai bunyi latar belakang bukan sahaja menekankan aspek agama Islam tetapi juga mengintegrasikan kalam suci dalam konteks pendidikan, mencerminkan penerapan ajaran Islam dalam pengajaran. Begitu juga, bunyi latar yang memperdengarkan pelajar yang mengaji dalam

babak suasana belajar di sekolah pondok menunjukkan usaha drama ini dalam menyebarkan nilai-nilai pendidikan dan keagamaan yang konsisten dengan prinsip dakwah.

### **3.2 Analisis Dialog dalam Cinta dan Wahyu**

Dialog dalam drama ini, yang banyak dipengaruhi oleh ayat al-Quran dan hadis Nabi Muhammad S.A.W., menunjukkan komitmen drama dalam menyampaikan nasihat yang berlandaskan prinsip-prinsip Islam. Misalnya, nasihat Amelia kepada ayahnya tentang pentingnya mendekatkan diri kepada Allah untuk mentadbir anak buah serta cadangan Amir agar golongan agamawan terlibat dalam pembuatan skrip drama yang patuh syariah, jelas menggambarkan usaha drama ini untuk mengintegrasikan nilai-nilai agama dalam interaksi sosial dan profesional. Dialog-dialog ini bukan sahaja memperkaya naratif tetapi juga berfungsi sebagai alat dakwah yang berkesan dalam mendidik penonton tentang amalan Islam yang praktikal.

Amir, dalam usaha penyembuhannya, pengarah memaparkan amalan ibadah agama Islam seperti membaca al-Quran dan solat qiamullail, dengan surah Ar-Rahman sebagai bacaan pilihan yang menunjukkan aplikasi praktikal ajaran Islam dalam menghadapi cabaran peribadi. Penambahan adegan di mana Amir melaungkan azan di Kampung Chnnang, Kemboja, menambah dimensi realiti dan keaslian dalam naratif, serta menunjukkan bagaimana amalan Islam boleh diterjemahkan dalam konteks kehidupan yang nyata. Drama ini juga dengan jelas menggambarkan kesyahduan bacaan doa oleh Amir dan Balqis untuk memohon petunjuk jodoh dan ketabahan, mengilustrasikan kebergantungan mereka kepada Allah dan penerapan doa dalam kehidupan mereka.

Penggalakan amalan makanan sunnah seperti susu kambing, habbatus sauda, dan kurma dalam dialog drama Cinta dan Wahyu ini, serta mesej anti-permusuhan yang ditonjolkan melalui tindakan Amir dalam membantu Jamal walaupun dimusuhi, menunjukkan bahawa drama ini bukan sahaja menyampaikan nilai-nilai kesihatan Islam tetapi juga mempromosikan nilai persaudaraan dan kebaikan. Tambahan pula, nasihat melalui dialog Balqis kepada Najmah tentang kasih sayang Allah dan pentingnya tidak berputus asa dalam menghadapi kesulitan menegaskan usaha drama ini dalam memberikan sokongan moral dan dakwah Islamik.

## **4. KESIMPULAN**

Bagi penggunaan dialog dalam ketiga-tiga drama Islamik ini berunsur nasihat menyeru ke arah kebaikan dan juga mengelakkan kemungkaran dan juga beberapa hadis nabi yang dapat menyumbang kepada kebaikan dan masalah umat islam. Turut menjadi halwa telinga untuk penonton apabila di dalam drama Cinta Wahyu, suara Imam Muda Nazrul yang memegang watak Amir sering kali mengalunkan surah-surah dan ayat-ayat Al-Quran seperti surah Al-Fatihah dan Ar-Rahman. Babak untuk bacaan ayat Al-Quran ini dipelbagaikan dalam drama ini termasuklah waktu subuh, pagi, petang dan malam. Selain itu, latar belakang muzik yang digunakan juga adalah berdasarkan kepada lagu-lagu ketuhanan, memuji Allah, lagu nasyid ataupun zikrullah. Secara keseluruhan, drama ini menyampaikan mesej dakwah dengan berkesan dengan menggunakan dialog, bunyi latar, dan muzik, memberikan penonton pengajaran yang bermakna dan berguna.

## RUJUKAN

- Abuhuraira Abdurrahman. 2003. *Method of Islamic Da'wah*. Johor Bahru:Perniagaan Jahabersa.
- Bordwell, D. & Thompson, K. 2013. *Film Art: An Introduction*. United States:Mc Graw Hill.
- Dusuki Ahmad. 2011. Menerapkan nilai agama dan keprihatinan umat dalam filem dan drama. Dlm. Nor Hartini Saari (pnyt). *Pemeriksaan Televisyen dalam Mendidik Masyarakat*, hlm. 69-80. Kuala Lumpur : IKIM
- Marina Munira Mutalib, Suhailiza Md. Hamdani, Khatijah Othman & Roslizawati Mohd Ramli. 2011. Tugas dan tanggungjawab media dalam pembangunan insan. Dlm. Muhamad Zaki Mustafa, Ainurliza Mat Rahim, Zainol Abidin Ahmad & Noor Adzrah Ramle(pnyt). *Representasi Islam Dalam Media*, hlm.41-52. Nilai : Universiti Sains Islam Malaysia
- N.M.A. Quraishi. 2003. Menganalisis sebuah filem. Dlm. Ramli Mohamed (pnyt.). *Sinema dan Penontonan di Malaysia*, hlm. 1-14. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.
- Ryan,M & Lenos,M. 2012. *An Introduction to Film Analysis: Technique and Meaning in Narrative Film*. New York: Continuum.
- Siti Rugayah Tibek, Jawiah Dakir, Zamri Ariffin, Fariza Md. Sham, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, Abdul Ghafar Don, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Salasiah Hanin Hamjah, Badlihisam Mohd.Nasir, Muhammad Faisal Asha'ari, Zainab Ismail, Ideris Endot, Anuar Puteh, A'dawiyah Ismail, Mohd Zulkipli Abd Ghani. 2012. The Islamic Value In Malaysian Television Drama On Channel 1. *Advances in Natural & Applied Sciences*, 6(4) : 552-560.

## PERANAN MEDIA SOSIAL DALAM MEMPENGARUHI PERILAKU *FEAR OF MISSING OUT*: SATU TINJAUAN AWAL

Faradillah Iqmar Omar<sup>1</sup>, Nurul Masyitah Khairul Haizat<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*Universiti Islam Selangor*

<sup>2</sup>*Universiti Sultan Zainal Abidin*

### ABSTRAK

Dunia hari ini berlandaskan teknologi yang menyebabkan ramai individu tidak dapat dipisahkan daripada media sosial, sehingga mereka enggan ketinggalan daripada sebarang maklumat. Fenomena ini, dikenali sebagai *Fear of Missing Out (FoMO)*, boleh dikatakan dialami oleh hampir setiap individu yang sentiasa bergantung dengan teknologi ataupun telefon pintar untuk mengikuti setiap perkembangan yang dikongsi oleh orang lain. *Fear of Missing Out (FoMO)* semakin menonjol dalam era digital, terutamanya dalam kalangan pengguna media sosial. Kajian ini bertujuan untuk memberikan tinjauan awal terhadap perilaku FoMO dalam kalangan pengguna media sosial, dengan menekankan peranan media dan komunikasi dalam mempengaruhi fenomena ini. Melalui analisis literatur, kajian ini mendapati bahawa platform media sosial mempromosikan budaya keterhubungan dan keterbukaan, yang secara tidak langsung meningkatkan kebimbangan untuk tidak ketinggalan dalam mendapatkan maklumat terkini dan interaksi sosial. FoMO sering dikaitkan dengan penggunaan media sosial yang intensif, di mana individu merasakan tekanan untuk sentiasa mengikuti perkembangan terbaru yang disampaikan melalui pelbagai saluran komunikasi. Akibatnya, FoMO boleh menjejaskan kesejahteraan psikologi, dengan kesan seperti peningkatan kebimbangan, tekanan sosial, dan rasa tidak puas hati terhadap kehidupan. Kajian ini menyarankan agar media dan platform komunikasi memainkan peranan yang lebih proaktif dalam mendidik pengguna mengenai risiko FoMO dan menyediakan alat untuk menguruskan perilaku ini. Penyelidikan lanjut diperlukan untuk memahami secara mendalam bagaimana media dan komunikasi dapat mempengaruhi kesan FoMO dalam kalangan pengguna.

**Kata kunci:** *FOMO, tinjauan literatur, media sosial, komunikasi, perilaku sosial.*

### 1. PENGENALAN

*Fear of Missing Out* atau FoMO adalah satu kecenderungan untuk mengalami kebimbangan disebabkan terlepas pengalaman menggembirakan yang dialami oleh orang lain. Ia juga dikaitkan sebagai gangguan kehidupan seharian seperti gangguan semasa memandu. FoMO secara konsisten menjadi satu indikator kepada pengguna internet, telefon pintar dan rangkaian sosial (Rozgonjuk et al, 2020). Menurut Elhai et al (2020) FoMO berkisar tentang ketakutan apabila terlepas pengalaman yang bermanfaat dan menggembirakan serta keperluan yang dirasakan untuk terus kekal berhubung dengan rangkaian sosial seseorang. Maka *Fear of Missing Out* telah dikonsepsikan sebagai bias kognitif yang dirasakan seseorang berkaitan dengan sumber sosial. Malah pengkaji juga turut menyatakan bahawa FoMO mempunyai hubung kait yang sederhana dengan penyebab berlakunya kemurungan dan kebimbangan yang melampau. Kajian ini bertujuan untuk memberikan tinjauan awal terhadap perilaku FoMO dalam kalangan pengguna media sosial,



dengan menekankan peranan media dan komunikasi dalam mempengaruhi fenomena ini. Melalui analisis literatur, kajian ini mendapati bahawa platform media sosial mempromosikan budaya keterhubungan dan keterbukaan, yang secara tidak langsung meningkatkan kebimbangan untuk tidak ketinggalan dalam mendapatkan maklumat terkini dan interaksi sosial. Sebanyak 12 artikel berkaitan kajian FoMO telah dirujuk dan dijadikan bahan tinjauan awal bagi meninjau peranan media sosial dan hubungannya dengan FoMO.

## 2. SOROTAN LITERATUR

Carolina dan Mahestu (2020) menjelaskan FoMO merupakan satu fenomena yang sudah lama berlaku semenjak kemunculan Word of Mouth semenjak tahun 2000. Ia adalah satu bentuk kebimbangan dan ketakutan yang dirasakan individu bahawa akan ada sesuatu perkara menarik dan menyenangkan akan berlaku sehinggakan mereka harus berada di tempat atau mengalami kejadian tersebut tanpa ketinggalan. Menurut pengkaji juga, FoMO tidak termotivasi dari apa yang bakal diperoleh tetapi dari apa yang mereka akan ketinggalan. Ia juga adalah satu fenomena yang semakin berkembang dan menjadi faktor individu tersebut menyalurkan wang dengan lebih aktif bahkan semakin giat dalam rangkaian sosial. Perkara ini selari dengan pengaruh negatif di mana walaupun tidak mempunyai wang yang mencukupi, mereka relakan selagi ia dapat memenuhi keperluan emosi. Menurut Elhai et al. (2020), FoMO turut dianggap sebagai satu mekanisme pendorong kepada Penggunaan Internet Bermasalah (PIU).

Selain itu, media sosial memberi banyak kemudahan dalam kehidupan seharian seseorang individu. Hal ini dapat dilihat apabila kewujudan sosial media membantu dalam memuaskan hubungan sosial dan keperluan sosial di mana komunikasi dapat disambungkan tanpa batasan waktu, jarak bahkan ruang. Maka ia telah menjadi sebahagian daripada perkara penting dalam pelbagai urusan. Berhubung dengan Fear of Missing Out, kajian turut mendapati FoMO atau biasa disebutkan sebagai Fear of Missing Out dapat mempengaruhi kehidupan seseorang individu. Di dalam kajiannya juga turut menyebutkan bahawa individu yang mengalami FoMO ini lebih cenderung dari aspek psikologi untuk terus kekal berhubung dengan orang lain disebabkan kebimbangan dan rasa takut akan ketinggalan (Savitri, 2019). Hakikatnya, pendedahan yang berlanjutan terhadap laman sosial dapat memberikan kesan yang negatif kepada kesihatan mental seseorang individu sama ada disebabkan oleh pengaruh rakan sebaya mahupun tekanan persekitaran (Macias, 2024).

Rozgonjuk et al (2020) pula mengatakan bahawa kelompok FoMO yang lebih tinggi dikategorikan oleh gangguan notifikasi telefon bimbit di mana gangguan tersebut mencetuskan pembelajaran yang cetek dalam kalangan pelajar kolej. Perkara ini dapat ditelitikan apabila seseorang individu yang menghidapi FoMO yang lebih ketara mungkin akan lebih peka kepada notifikasi dan oleh kerana mereka lebih fokus kepada bunyian tersebut, menyebabkan tumpuan mereka dengan perkara yang lain terjejas. Savitri (2019) merekodkan kes individu yang menghidapi FoMO lebih menjurus untuk stress sehingga menimbulkan ketakutan dalam diri mereka akibat tiada perhubungan dengan sosial media. Tambahan pula, menurut Carolina dan Mahestu (2020), FoMO juga menjadikan masyarakat kurang sabar dan kurang bersyukur terhadap sesuatu. Kecenderungan individu dalam menggunakan internet turut mengakibatkan individu akan merasakan bahawa dunia nyata kurang menarik jika dibandingkan dengan dunia maya. Ini menjadikan mereka lebih meletakkan pergantungan kepada dunia sosial sehingga sukar untuk bersosial dengan baik dalam dunia nyata.

### 3. METODOLOGI

Metodologi kajian ini menggunakan kaedah sorotan literatur sebagai pendekatan awal dengan meninjau 12 artikel yang berkaitan. Setiap artikel dipilih berdasarkan kesesuaiannya dengan topik kajian yang merangkumi kriteria tertentu seperti tahun penerbitan, konteks kajian, dan kesesuaian dengan tema kajian. Proses ini melibatkan pencarian maklumat melalui pangkalan data akademik yang diiktiraf seperti Google Scholar dan Scopus, di mana setiap artikel dianalisis secara deskriptif untuk mengenal pasti tema-tema utama, metodologi, serta dapatan kajian. Hasil daripada tinjauan ini akan menyediakan gambaran awal terhadap isu kajian dan mengenal pasti jurang yang boleh diisi dalam kajian seterusnya. Jadual 1 menjelaskan dengan lebih terperinci maklumat tinjauan literatur.

**Jadual 1:** Taburan Tinjauan Kajian Lalu

<b>Bil.</b>	<b>Kajian</b>	<b>Isu/ Jurang</b>	<b>Metod</b>	<b>Dapatan</b>
1	Perceived Strain Due to COVID-19-Related Restrictions Mediates the Effect of Social Needs and Fear of Missing Out on the Risk of a Problematic Use of Social Networks  Wegmann, E., Brandtner, A., & Brand, M. (2021)	Kajian ini mengkaji kesan pengantaraan keperluan sosial seperti keperluan untuk dimiliki atau memiliki dan sifat FoMO terhadap keburukan gejala pengguna media sosial yang bermasalah. Walaupun terdapat penyelidikan ini namun masih terdapat kekurangan kajian iaitu tentang kedua-dua keperluan sosial ( <i>need to belong</i> ) dan kecenderungan kognitif ( <i>state-FoMO</i> )	Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan secara maya ( <i>online</i> ) yang dijalankan di Jerman bermula 30 Mac sehingga 3 April 2020. Respondan adalah pengguna tetap telefon pintar dan aplikasi seperti Facebook, Twitter dan Whatsapp	Hasil kajian mendapati orang yang mempunyai keperluan sosial yang tinggi dan FoMO cenderung untuk mendapat tabiat media sosial yang bermasalah. Perkara ini dibuktikan benar lebih-lebih lagi kepada mereka yang tertekan dengan sekatan COVID-19.
2	Depression, anxiety and fear of missing out as correlates of social, non-social and problematic smartphone use  Elhai, J. D., Gallinari, E. F., Rozgonjuk, D., & Yang, H. (2020)	Kajian mendapati terdapat limitasi penyelidikan berkaitan bagaimana faktor kesihatan mental seperti kemurungan, kebimbangan dan FoMO yang disambungkan kepada pelbagai jenis penggunaan telefon pintar dan penggunaan secara berlebihan.	Tinjauan dilakukan terhadap 316 orang pelajar universiti Amerika. Soalan berkenaan kemurungan, kebimbangan, FoMO dan cara mereka menggunakan telefon diajukan. Data tersebut kemudian dianalisis untuk mencari perkaitan tersebut.	Hasil mendapati bahawa penggunaan telefon pintar yang tidak bersifat sosial seperti hiburan mempunyai kaitan yang lebih besar dengan penggunaan telefon yang bermasalah. Seterusnya, FoMO juga mempengaruhi kemurungan dan kegelisahan yang menyumbang kepada tabiat keburukan penggunaan telefon

3	<p>Fear of missing out (FoMO) and social media's impact on daily-life and productivity at work: do WhatsApp, Facebook, Instagram and Snapchat use disorders mediate that association?</p> <p>Rozgonjuk, D., Sindermann, C., Elhai, J. D., &amp; Montag, C. (2020)</p>	<p>Terdapat kekurangan penyelidikan tentang bagaimana FoMO mempengaruhi kehidupan dan produktiviti seharian terutama sekali berkaitan gangguan penggunaan media sosial. Kebanyakan kajian bergantung kepada data yang dilaporkan sendiri di mana ia tidak mungkin mencerminkan sepenuhnya tingkah laku sebenar.</p>	<p>Kajian ini menggunakan tinjauan <i>online</i> dengan 748 peserta berbahasa Jerman berumur 12-79 tahun. Ia mengukur FoMO dan gangguan penggunaan media sosial bagi platform seperti Whatsapp, Facebook, Instagram dan Snapchat serta mempertimbangkan umur dan jantina.</p>	<p>Dapatan mendapati orang yang mempunyai FoMO yang lebih tinggi mengalami lebih banyak kesan negatif kepada kehidupan dan produktiviti harian mereka disebabkan oleh media sosial.</p>
4	<p>Using machine learning to model problematic smartphone use severity: The significant role of fear of missing out</p> <p>Elhai, J. D., Yang, H., Rozgonjuk, D., &amp; Montag, C. (2020).</p>	<p>Kajian terdahulu bertumpu pada hubungan antara Penggunaan Telefon Pintar Bermasalah (PSU) dan isu kesihatan mental seperti kemurungan dan kebimbangan. Namun sedikit perhatian diberi kepada bagaimana FoMO dan terlalu berfikir mempengaruhi PSU. Oleh itu, kajian ini bertumpu untuk mengisi jurang tersebut.</p>	<p>Pengkaji menggunakan kaedah pembelajaran mesin (<i>machine learning</i>) seperti <i>ridge, lasso and elastic net regression</i> untuk menganalisis data daripada 1097 pelajar universiti di China.</p>	<p>Hasil kajian mendapati FoMO mempunyai kesan yang paling kuat terhadap PSU iaitu cenderung kepada kemurungan atau kebimbangan. Model pembelajaran mesin meramalkan kira-kira 18-19% keburukan ketagihan telefon pintar.</p>
5	<p>Depression and anxiety symptoms are related to problematic smartphone use severity in Chinese young adults: Fear of missing out as a mediator</p>	<p>Kajian terdahulu bertumpu pada hubungan antara kemurungan, kebimbangan dan Penggunaan Telefon Pintar Bermasalah (PSU). Namun terdapat sedikit kajian tentang bagaimana FoMO memainkan peranan terutama sekali dalam</p>	<p>Penglibatan searamai 1034 orang pelajar universiti China. Data kemudian dianalisis untuk mengetahui adakah FoMO menjejaskan hubungan antara kesihatan mental dan ketagihan telefon pintar.</p>	<p>Kajian ini mendapati bahawa FoMO sangat berkait dengan kekerapan pengguna telefon pintar dan keburukan PSU mereka.</p>

	Elhai, J. D., Yang, H., Fang, J., Bai, X., & Hall, B. J. (2020).	populasi Cina. Kajian ini melihat sama ada FoMO akan mempengaruhi atau sebaliknya.		
6	Health anxiety related to problematic smartphone use and gaming disorder severity during COVID-19: Fear of missing out as a mediator  Elhai, J. D., McKay, D., Yang, H., Minaya, C., Montag, C., & Asmundson, G. J. (2021).	Kajian ini melihatkan kebimbangan kesihatan semasa pandemik COVID-19 membawa kepada Penggunaan Telefon Pintar Bermasalah (PSU) dan gangguan permainan video. Fokus diberikan kepada cara FoMO mempengaruhi hubungan ini disebabkan belum lagi dikaji dengan baik.	Penglibatan seramai 812 orang di Amerika Syarikat dan Kanada pada Mei 2020. Kaedah pemodelan persamaan struktur (SEM) bagi melihat bagaimana perkara in berhubung.	Hasil kajian mendapati bahawa terbukti kebimbangan kesihatan berkaitan dengan PSU dan gangguan permainan video. Malah penjarakan sosial juga yang menyebabkan semakin ramai menggunakan teknologi.
7	Fear of missing out (FoMO): overview, theoretical underpinnings, and literature review on relations with severity of negative affectivity and problematic technology use  Elhai, J. D., Yang, H., & Montag, C. (2020)	Kajian ini berfokus pada bagaimana FoMO berkaitan dengan kebimbangan, kemurungan dan penggunaan teknologi bermasalah. Walaubagaimanapun, belum ada penyelidikan yang mencukupi tentang bagaimana FoMO mempengaruhi isu ini.	Pengkaji menggunakan kaedah tinjauan untuk mengumpul data tentang FoMO, emosi dan juga penggunaan teknologi. Kaedah korelasi juga turut digunakan bagi menganalisis hubungan.	Hasil mendapati bahawa FoMO berkait rapat dengan tahap kebimbangan dan kemurungan yang lebih tinggi. Malah ia turut menyebabkan penggunaan media sosial dan telefon pintar yang berlebihan. Golongan muda dan wanita lebih terjejas oleh FoMO.
8	Developing and Testing a Scale Designed to Measure	Kajian mendapati bahawa tidak ada cara yang mudah dan berkesan untuk mengukur <i>phubbing</i>	Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif di mana skala 9 soalan dicipta	Hasil kajian mendapati skala berfungsi dengan baik untuk mengukur <i>phubbing</i> . <i>Phubbing</i> didapati membuatkan

	<p>Perceived Phubbing</p> <p>David, M. E., &amp; Roberts, J. A. (2020)</p>	<p>atau mengabaikan seseorang dengan menggunakan telefon serta cara ia mempengaruhi pengecualian sosial, kebimbangan dan kemurungan.</p>	<p>untuk mengukur phubbing. Seramai 258 peserta terlibat pada kajian 1 untuk melihat kefungsiannya. Kemudian 157 orang peserta pada kajian 2 untuk menyemak cara pembawaan phubbing ini.</p>	<p>orang berasa tersisih menyebabkan mereka lebih banyak menggunakan media sosial. Lalu perkara ini kemudian mengakibatkan kemurungan yang tinggi.</p>
9	<p>Millennials: Fear of Missing Out (FOMO) and Social Media Engagement</p> <p>Macias, T. A. (2024)</p>	<p>Kajian ini meneroka bagaimana FoMO mempengaruhi tingkah laku berisiko remaja, seperti seks bebas yang belum dikaji secara mendalam di Batubara.</p>	<p>Pengkaji menggunakan kaedah temu bual, pemerhatian dan tinjauan literatur untuk memahami bagaimana FoMO daripada media sosial mempengaruhi remaja di Barubara.</p>	<p>Hasil dapatan mendapati bahawa FoMO daripada terlalu banyak penggunaan media sosial membawa kepada tingkah laku berisiko termasuk seks bebas. Pengawasan ibu bapa yang kurang mendorong kepada pendedahan konteks yang tidak bermoral. Dapatan kes seks bebas dalam kalangan remaja turut meningkat daripada 93 kes pada 2019 kepada 126 pada 2020 dan 62 kes dari Januari hingga Jun 2021.</p>
10	<p>Fear of missing out dan kesejahteraan psikologis individu pengguna media sosial di usia emerging adulthood.</p> <p>Savitri, J. A. (2019)</p>	<p>Kajian ini dilakukan untuk mengisi kekosongan penyelidikan tentang pengaruh FoMO kepada kesejahteraan psikologi pengguna media sosial yang berusia dalam lingkungan 18 hingga 25 tahun yang jarang dikaji.</p>	<p>Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif dengan pendekatan korelasi.</p>	<p>Hasil kajian mendapati FoMO memberi pengaruh yang negatif kepada kesejahteraan psikologi dengan 9.9% kontribusi. Justeru semakin tinggi FoMO maka semakin rendah kesejahteraan psikologi.</p>
11	<p>Peran Mindfulness Untuk Mengatasi Fear of Missing</p>	<p>Kajian ini memfokuskan bagaimana FoMO memberi kesan kepada</p>	<p>Pengkaji menggunakan kaedah tinjauan literatur di mana</p>	<p>Dapatan mendapati bahawa FoMO jelas menyebabkan kebimbangan, tekanan</p>

	Out (Fomo) Media Sosial Remaja Generasi Z: Tinjauan Literatur.  Utami, F. P. (2022).	Generasi Z yang bergantung kepada sosial media. Ia juga turut mengkaji kesedaran untuk membantu di mana belum lagi ia dikaji.	mereka melihat kajian terdahulu tentang FoMO, kesedaran dan kesannya kepada remaja yang menggunakan sosial media.	dan kemurungan kepada remaja yang berlebihan dalam menggunakan sosial media.
12	Prilaku Komunikasi Remaja dengan Kecenderungan FoMo. Carolina, M., & Mahestu, G. (2020).	Kajian ini adalah bagi memahami bagaimana FoMO mempengaruhi tingkah laku komunikasi remaja lebih-lebih lagi di dalam konteks penggunaan media sosial.	Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dan case study.	Hasil dapatan mendapati bahawa remaja dan FoMO menggunakan sosial media bagi menunjukkan kehidupan mereka dan mendapatkan pengiktirafan daripada orang lain.

#### 4. PERBINCANGAN

Perbincangan ini menekankan bahawa media sosial berfungsi sebagai pemangkin utama dalam pembentukan dan pengukuhan perasaan FOMO di kalangan pengguna. Pendedahan yang berterusan kepada kemas kini dan perkongsian dalam talian sering kali meningkatkan rasa ketinggalan, mengakibatkan tekanan psikologi dan ketidakpuasan diri. Kajian ini menunjukkan bahawa individu yang kerap menggunakan media sosial lebih cenderung mengalami FOMO berbanding mereka yang kurang terdedah. Oleh itu, adalah penting untuk menyedari kesan negatif ini dan mengamalkan strategi pengurusan media sosial yang bijak untuk meminimumkan kesan negatif terhadap kesejahteraan mental.

#### 5. KESIMPULAN

Berdasarkan kepada 12 artikel yang telah ditemui, kajian ini mendapati media sosial memainkan peranan penting dalam mempengaruhi perilaku *Fear of Missing Out* (FOMO), dengan meningkatkan rasa kekurangan dan tekanan untuk terlibat dalam aktiviti yang ditampilkan secara dalam talian. Kajian ini menunjukkan bahawa pendedahan yang tinggi kepada media sosial boleh meningkatkan perasaan FOMO, mempengaruhi kesejahteraan mental individu. Penekanan perlu diberikan kepada pengurusan penggunaan media sosial untuk mengurangkan kesan negatif FOMO.

#### RUJUKAN

- Carolina, M., & Mahestu, G. (2020). Prilaku komunikasi remaja dengan kecenderungan FoMo. *Jurnal Riset Komunikasi*, 11(1), 69-92.
- David, M. E., & Roberts, J. A. (2020). Developing and testing a scale designed to measure perceived phubbing. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(21), 8152.

- Elhai, J. D., Gallinari, E. F., Rozgonjuk, D., & Yang, H. (2020). Depression, anxiety and fear of missing out as correlates of social, non-social and problematic smartphone use. *Addictive Behaviors*, 105, 106335.
- Elhai, J. D., McKay, D., Yang, H., Minaya, C., Montag, C., & Asmundson, G. J. (2021). Health anxiety related to problematic smartphone use and gaming disorder severity during COVID-19: Fear of missing out as a mediator. *Human Behavior and Emerging Technologies*, 3(1), 137-146.
- Elhai, J. D., Yang, H., Fang, J., Bai, X., & Hall, B. J. (2020). Depression and anxiety symptoms are related to problematic smartphone use severity in Chinese young adults: Fear of missing out as a mediator. *Addictive Behaviors*, 101, 105962.
- Elhai, J. D., Yang, H., & Montag, C. (2020). Fear of missing out (FOMO): Overview, theoretical underpinnings, and literature review on relations with severity of negative affectivity and problematic technology use. *Brazilian Journal of Psychiatry*, 43(2), 203-209.
- Elhai, J. D., Yang, H., Rozgonjuk, D., & Montag, C. (2020). Using machine learning to model problematic smartphone use severity: The significant role of fear of missing out. *Addictive Behaviors*, 103, 106261.
- Macias, T. A. (2024). Millennials: Fear of missing out (FOMO) and social media engagement. *Authorea Preprints*.
- Rozgonjuk, D., Sindermann, C., Elhai, J. D., & Montag, C. (2020). Fear of missing out (FoMO) and social media's impact on daily-life and productivity at work: Do WhatsApp, Facebook, Instagram, and Snapchat use disorders mediate that association? *Addictive Behaviors*, 110, 106487.
- Savitri, J. A. (2019). Fear of missing out dan kesejahteraan psikologis individu pengguna media sosial di usia emerging adulthood. *Acta Psychologica*, 1(1), 87-96.
- Utami, F. P. (2022). Peran mindfulness untuk mengatasi fear of missing out (FoMO) media sosial remaja generasi Z: Tinjauan literatur. *Jurnal Bimbingan dan Konseling Borneo*, 4(2).
- Wegmann, E., Brandtner, A., & Brand, M. (2021). Perceived strain due to COVID-19-related restrictions mediates the effect of social needs and fear of missing out on the risk of a problematic use of social networks. *Frontiers in Psychiatry*, 12, 623099.

**PEMAHAMAN KEARIFAN TEMPATAN MELALUI SASTERA MELAYU DAN FAKTOR YANG MEMPENGARUHI DALAM KALANGAN MAHASISWA UIS: SATU KAJIAN RINTIS**

Zurina binti Abdullah<sup>1</sup>, Rohaini binti Amin<sup>2</sup>, Nor Azlina binti Endut<sup>3</sup>, Salmah Jan binti Noor Mohammad<sup>4</sup>

<sup>1,2,3</sup>*Universiti Islam Selangor (UIS)*

<sup>4</sup>*Universiti Putra Malaysia (UPM)*

<sup>1</sup>*zurinaabdullah@uis.edu.my*

<sup>2</sup>*rohaini@uis.edu.my*

<sup>3</sup>*norazlina@uis.edu.my*

<sup>4</sup>*salmahjan@upm.edu.my*

**ABSTRAK**

Kajian ini merupakan dapatan analisis kajian rintis yang bertujuan untuk mengetahui tahap kefahaman mahasiswa terhadap kearifan tempatan menerusi sastera Melayu dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Berdasarkan dapatan kajian lalu, sastera Melayu ternyata dapat memberi nilai dalam memahami kearifan tempatan dalam masyarakat Melayu. Kaedah kajian melibatkan pengumpulan data melalui soal selidik yang disebarkan kepada 76 responden dari UIS. Analisis data dilakukan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan Skala Likert untuk menilai persepsi responden. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kefahaman mahasiswa terhadap kearifan tempatan, dan mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran mahasiswa terhadap kearifan tempatan menerusi sastera Melayu. Dari aspek pemahaman mahasiswa UIS terhadap kearifan dalam sastera Melayu didapati berada pada tahap yang sangat tinggi kerana majoriti responden memilih skala Sangat Setuju. Seterusnya, dapatan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran mahasiswa terhadap kearifan tempatan didapati berada pada tahap yang tinggi apabila rata-rata responden memilih skala Setuju. Kajian ini dijangka akan memberi sumbangan kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) pada elemen ke-4 dari aspek Pendidikan Berkualiti dengan menyokong pembangunan pendidikan yang inklusif dan berkualiti, serta meningkatkan kesempatan pembelajaran sepanjang hayat bagi mahasiswa.

**Kata Kunci:** Pemahaman; kearifan tempatan; sastera Melayu; faktor; Pendidikan Berkualiti (SDG 4); kajian rintis.

**1. PENDAHULUAN**

Kearifan tempatan dalam sastera Melayu merupakan komponen penting dalam mengekalkan identiti budaya dan warisan bangsa Melayu. Ia bukan sahaja memberikan panduan dalam kehidupan seharian tetapi juga memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri dan identiti budaya masyarakat Melayu. Melalui kajian yang telah dilakukan oleh Muhammad Yusri dan Mohd Anuar (2020),



mendapati istilah yang dikemukakan dalam menggambarkan konsep kearifan tempatan oleh pengkaji-pengkaji barat khususnya menggambarkan betapa luasnya konsep ini dengan penggunaan tiga konsep istilah, iaitu kepandaian tempatan (local genius), keilmuan tempatan (local knowledge) dan kearifan tempatan (local wisdom). Istilah 'local' pertama kali digunakan oleh Quartrich Wales pada tahun 1951. Kearifan tempatan juga merujuk kepada pengetahuan, nilai, dan amalan budaya yang telah berkembang dan diamalkan oleh masyarakat tempatan sejak zaman-berzaman. Menurut Abdullah (2020), kearifan tempatan merangkumi pelbagai aspek kehidupan seperti adat resam, kepercayaan, seni, bahasa, dan cara hidup yang unik kepada sesuatu masyarakat. Dalam konteks sastera Melayu, kearifan tempatan sering kali disampaikan melalui cerita-cerita rakyat, hikayat, dan puisi tradisional.

## **2. OBJEKTIF KAJIAN**

Perbincangan dalam kertas kerja ini melibatkan dua objektif kajian, iaitu:

- 1) Mengetahui tahap kefahaman mahasiswa terhadap kearifan tempatan.
- 2) Mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran mahasiswa terhadap kearifan tempatan menerusi sastera Melayu.

## **3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

### **Analisis Responden**

Seramai 76 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa Universiti Islam Selangor (UIS) telah berjaya dikumpulkan. Analisis responden dalam soal selidik ini diperincikan mengikut jantina, umur, tahun pengajian dan peringkat pengajian. Jumlah keseluruhan lelaki dan perempuan yang mengambil bahagian dalam soal selidik ini tidak menunjukkan jurang yang jauh dengan menyaksikan peratus responden lelaki sebanyak 43.4 peratus, bersamaan dengan 33 orang manakala perempuan mencatatkan 56.6 peratus bersamaan dengan 43 orang.

Kumpulan umur responden yang mengambil bahagian dalam soal selidik ini terdiri daripada empat kategori, iaitu di antara 18-20 tahun; 21-23 tahun; 24-26 tahun dan 27 tahun ke atas. Rata-rata responden terdiri daripada mahasiswa yang berumur 18-20 tahun, iaitu sebanyak 60.5 peratus bersamaan dengan 46 orang. Angka tersebut diikuti oleh responden berumur di antara 21-23 tahun dengan mencatatkan peratusan sebanyak 31.6 peratus bersamaan dengan 24 orang. Bagi responden yang berumur 24-26 tahun dan 27 tahun ke atas masing-masing mencatatkan 3.9 peratus, iaitu bersamaan dengan 3 orang. Tahun pengajian responden yang terlibat dalam soal selidik ini terdiri dari empat kategori, iaitu tahun 1, 2, 3 dan 4. Kebanyakan responden terdiri daripada pelajar tahun 1 dengan mencatatkan peratusan sebanyak 81.6 peratus bersamaan dengan 62 orang. Peratusan tersebut disusuli oleh pelajar tahun 2 sebanyak 11.8 peratus, iaitu bersamaan dengan 9 orang. Pelajar tahun 3 dan 4 masing-masing mencatatkan peratusan sebanyak 2.6 peratus, iaitu seramai 2 orang dan 3.9 peratus bersamaan dengan 3 orang. Peringkat pengajian responden pula terdiri daripada dua kategori utama, iaitu diploma dan sarjana muda. Peratusan sarjana muda mencatatkan sebanyak 57.9 peratus bersamaan dengan 44 orang diikuti oleh diploma sebanyak 42.1 peratus bersamaan dengan 32 orang.

## Objektif 1: Pemahaman Mahasiswa terhadap Kearifan Tempatan

Bagi menjawab objektif 1, pengkaji mengemukakan tujuh soalan bagi mengenal pasti pemahaman mahasiswa terhadap kearifan tempatan. Berikut dipaparkan Jadual 1.0 serta carta yang menunjukkan dapatan terhadap analisis soal selidik bagi objektif 1.

Jadual 1.0: Pemahaman Mahasiswa terhadap Kearifan Tempatan

Soalan	Skala				
	STS	TS	TP	S	SS
1. <b>Sastera Melayu penting untuk dipelajari.</b>	0 (0)	3.9% (3)	15.8% (12)	32.9% (25)	47.4% (36)
2. <b>Sastera Melayu mempunyai nilai kearifan tempatan.</b>	1.3% (1)	1.3% (1)	17.1% (13)	32.9% (25)	47.4% (36)
3. <b>Sastera Melayu meningkatkan kefahaman terhadap budaya dan kearifan tempatan.</b>	2.6% (2)	1.3% (1)	17.1% (13)	36.8% (28)	42.1% (32)
4. <b>Kearifan tempatan mencakupi bahasa, sastera dan budaya.</b>	2.6% (2)	2.6% (2)	18.4% (14)	40.8% (31)	35.5% (27)
5. <b>Kearifan tempatan dalam sastera Melayu mencerminkan akal fikir masyarakat Melayu.</b>	1.3% (1)	2.6% (2)	18.4% (14)	36.8% (28)	40.8% (31)
6. <b>Kearifan tempatan dalam sastera Melayu adalah warisan tradisi bangsa.</b>	1.3% (1)	2.6% (2)	21.1% (16)	34.2% (26)	40.8% (31)
7. <b>Kearifan tempatan dalam sastera Melayu boleh menyampaikan pesanan moral kepada generasi muda.</b>	2.6% (2)	1.3% (1)	14.5% (11)	35.5% (27)	46.0% (35)

Berdasarkan jadual di atas didapati sebahagian besar responden memilih skala Sangat Setuju bahawa sastera Melayu penting untuk dipelajari dan mempunyai nilai kearifan tempatan. 6 daripada 7 item mencapai peratusan melebihi 40 peratus yang mewakili lebih 30 orang responden. Rresponden sangat setuju bahawa kearifan tempatan dalam sastera Melayu mencerminkan akal fikir masyarakat Melayu dan ia merupakan warisan tradisi bangsa Melayu. Perkara yang lebih penting adalah mahasiswa menyedari bahawa kearifan tempatan dalam sastera Melayu boleh menyampaikan pesanan moral kepada generasi muda.

## Objektif 2: Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kesedaran Mahasiswa

Jadual 2.0: Faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran mahasiswa

Soalan	Skala				
	STS	TS	TP	S	SS
1. <b>Sastera Melayu merangsang minat mahasiswa menghasilkan karya seni berasaskan nilai kearifan tempatan.</b>	1.3% (1)	6.6% (5)	21.1% (16)	39.5% (30)	31.6% (24)
2. <b>Penerapan sastera Melayu melalui pendidikan formal memberi peluang kepada mahasiswa untuk menghargai kearifan tempatan.</b>	1.3% (1)	3.9% (3)	14.5% (11)	47.4% (36)	32.9% (25)
3. <b>Media sosial membantu mahasiswa mengetahui tentang kearifan tempatan dalam sastera Melayu.</b>	0	5.3% (4)	19.7% (15)	44.7% (34)	30.3% (23)
4. <b>Penggunaan teknologi moden dapat memperkasakan kearifan tempatan daripada sastera Melayu.</b>	3.9% (3)	3.9% (3)	21.1% (16)	40.8% (31)	30.3% (23)
5. <b>Arus globalisasi menyebabkan kurangnya perhatian mahasiswa terhadap nilai kearifan tempatan dalam sastera Melayu.</b>	2.6% (2)	5.3% (4)	19.7% (15)	43.4% (33)	30.3% (23)
6. <b>Pihak berwajib berperanan dalam mempromosikan kearifan tempatan dalam sastera Melayu.</b>	3.9% (3)	2.6% (2)	13.2% (10)	38.2% (29)	42.1% (32)
7. <b>Nilai kearifan tempatan dalam sastera Melayu dipengaruhi oleh trend kerjaya masa kini.</b>	1.3% (1)	2.6% (2)	23.7% (18)	42.1% (32)	30.3% (23)

Jadual 2.0 menunjukkan dapatan terhadap persoalan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kesedaran mahasiswa terhadap kearifan tempatan dalam sastera Melayu. Terdapat tujuh item dalam bahagian ini dan majoriti responden memilih skala Setuju dengan peratusan melebihi 40 peratus yang melibatkan responden lebih 30 orang. Keadaan ini menunjukkan mahasiswa UIS bersetuju dengan faktor-faktor yang dikemukakan mampu mempengaruhi kesedaran mahasiswa terhadap kearifan tempatan dalam sastera Melayu, iaitu pendidikan formal, media sosial, teknologi moden, pengaruh arus globalisasi, peranan pihak berwajib dan trend kerjaya masa kini.

## KESIMPULAN

Secara umumnya dapat disimpulkan bahawa pemahaman dan faktor-faktor yang mempengaruhi mahasiswa UIS terhadap kearifan tempatan dalam sastera Melayu berada pada tahap yang baik. Walau bagaimanapun kajian ini akan diperluaskan lagi dengan melibatkan responden yang lebih ramai yang terdiri daripada kalangan mahasiswa di IPT yang lain. Berdasarkan dapatan ini, boleh dikatakan bahawa gelombang arus pemodenan telah banyak meminggirkan kesedaran generasi muda terhadap kearifan tempatan, namun harus diakui bahawa budaya tradisi dan kearifan tradisi itu dinamik dan sentiasa berubah selari dengan keperluan zaman yang menyebabkannya relevan dalam

konteks-konteks yang berbeza. Usaha-usaha yang gigih perlu dilakukan oleh pihak yang berkaitan agar kearifan tempatan dalam sastera Melayu ini tetap kekal terpelihara. Sumbangan kajian ini adalah kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) pada elemen ke-4 dari aspek Pendidikan Berkualiti dengan menyokong pembangunan pendidikan yang inklusif dan berkualiti, serta meningkatkan kesempatan pembelajaran sepanjang hayat bagi mahasiswa.

## **RUJUKAN**

### **Artikel**

- Dilah Tuah (2022). Sastera Rakyat daripada Perspektif Kearifan Tempatan dan Potensinya\_ kepada Pelancongan Budaya di Sarawak. *Akademia*. 92(2). 153-168.
- Mashitah Sulaiman et.al (2021). Manuskrip Melayu Islam sebagai Warisan Kearifan \_Tempatan: Isu dan Prospek Masa Depan. *E-proceedings of the International Conference\_on Da'wah and Islamic Management*. 1-37. ISSN 2821-3270.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusof dan Muammar Ghaddaffi Hanafiah (2015). Impak Media Baharu terhadap Sistem Nilai Masyarakat Melayu di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*. 31(2). 33-46.
- Muhammad Yusri Yusof dan Mohd Anuar Ramli (2020). Pentakrifan Kearifan Tempatan: Suatu Sorotan. *Jurnal Melayu*. 19(2), 175-188.
- Naomi Diah Budi Setyaningrum (2018). Budaya Lokal di Era Global. *Jurnal Ilmu\_Pengetahuan dan Karya Seni*. 20(2). 102-112.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan (2023). Akal Budi Orang Melayu Menerusi Cerita-Cerita Rakyat. *Pendeta*. 14(2). 56-70.

### **Buku**

- Rahimah A. Hamid (2015). *Kearifan Tempatan: Pandainya Melayu dalam Karya Sastera*. Universiti Sains Malaysia: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

**DAGING SINTETIK DALAM UNDANG-UNDANG PEMAKANAN (*DIETARY LAW*)  
AGAMA-AGAMA UTAMA DI MALAYSIA: SUATU ULASAN**

Mastura Abd Wahab<sup>1</sup>, Mohammad Amir Wan Harun<sup>2</sup>

*<sup>1</sup>Pelajar Doktor Falsafah, Bahagian Pengajian Islam,  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains  
Malaysia, 11800, Pulau Pinang, Malaysia  
masturawahab@student.usm.my*

*<sup>2</sup>Pesyarah Kanan, Bahagian Pengajian Islam,  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti  
Sains Malaysia, 11800, Pulau Pinang,  
Malaysia  
amirwan@usm.my*

**ABSTRAK**

Daging sintetik merujuk kepada daging kultur dan daging berasaskan tumbuhan. Isu-isu berkaitan daging kultur khinzir dan lembu, serta daging khinzir berasaskan tumbuhan dibincangkan dari perspektif undang-undang pemakanan Islam, Buddha, dan Hindu. Artikel ini meneroka penerimaan daging sintetik dalam undang-undang pemakanan agama-agama utama ini di Malaysia. Menggunakan kaedah analisis deskriptif, hasil kajian menunjukkan bahawa Islam menghalalkan daging kultur dan daging berasaskan tumbuhan yang diambil daripada sumber halal dan disembelih mengikut hukum syarak, dengan syarat ia tidak mengandungi unsur-unsur yang menyerupai bahan haram, seperti perasa babi. Sebaliknya, walaupun daging kultur boleh dimakan, ia tidak digalakkan oleh sesetengah penganut Buddha, terutamanya mereka yang beraliran Theravada dan Mahayana, yang berpegang teguh kepada prinsip ahimsa. Namun, penganut Buddha Vajrayana atau Tibet memakan daging kerana keadaan tanah yang tidak subur untuk menanam tumbuhan dan sayuran, dan mereka menyembelih haiwan tanpa kaedah yang khusus. Penganut Hindu pula boleh memakan daging kultur sekiranya pengambilan sel haiwan tersebut tidak melibatkan tindakan mencederakan atau membunuh haiwan, sejajar dengan amalan ahimsa. Walau bagaimanapun, daging lembu kultur diharamkan kerana lembu dianggap suci dalam agama Hindu. Sementara itu, daging berasaskan tumbuhan boleh dimakan oleh semua penganut Buddha dan Hindu kerana ia selari dengan diet vegetarian yang diamalkan oleh mereka. Kesimpulannya, setiap agama mempunyai pandangan yang berbeza berdasarkan ajaran masing-masing. Kesedaran tentang undang-undang pemakanan dan isu-isu sensitif dalam setiap agama adalah penting untuk mengekalkan keharmonian hidup berbilang agama di Malaysia.

**Kata kunci:** daging sintetik; daging kultur; daging berasaskan tumbuhan; undang-undang pemakanan; agama.

## 1. PENDAHULUAN

Daging sintetik merujuk kepada daging kultur dan daging berasaskan tumbuhan (Schrodel & Busta, 1973; Marcu et al., 2015; Yuswan & Amir, 2019). Daging kultur telah dihasilkan di luar badan haiwan, iaitu di dalam makmal dengan menggunakan teknik pengkulturan, iaitu sama ada kaedah pengkulturan tisu atau sel stem yang diambil dari haiwan (Hamdan et al., 2019; Mengistie, 2020; Chandimali et al., 2024). Manakala, daging berasaskan tumbuhan (*plant-based meat*) merujuk kepada produk daging yang diperbuat daripada bahan yang berasaskan tumbuhan yang merupakan alternatif kepada produk berasaskan haiwan (Hamdan et al., 2023). Teknik penstrukturan yang berbeza telah menghasilkan tekstur seperti daging berserat dengan daging alternatif berasaskan tumbuhan. Di Malaysia, terdapat isu-isu sensitif berkaitan daging kultur khinzir dan lembu, dan daging khinzir berdasarkan tumbuhan bagi agama-agama utama iaitu Islam, Buddha dan Hindu. Bagi agama Islam, ianya adalah isu yang berkaitan status halal penghasilan daging khinzir sintetik berasaskan tumbuhan (Hamdan et al., 2021). Bagi masyarakat beragama Buddha, terdapat juga isu berkaitan larangan memakan sepuluh jenis daging kepada penganut-penganut Buddha yang tertentu seperti bhikkhu (Sami, 2002). Justeru, adakah daging sintetik termasuk di bawah kategori daging yang dilarang untuk dimakan? Bagi penganut Hindu pula, terdapat isu berkaitan penyembelihan lembu ketika korban dan pengamalan vegetarian oleh masyarakat Hindu kerana lembu dianggap sebagai haiwan yang suci bagi agama Hindu (Senin et al., 2020). Adakah daging sintetik termasuk di bawah kategori daging yang dilarang untuk dimakan bagi penganut Hindu? Oleh itu, artikel ini membincangkan penerimaan daging sintetik dalam undang-undang pemakanan agama-agama utama di Malaysia

## 2. METODOLOGI

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan kajian kepustakaan, iaitu dengan menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu analisis deskriptif berdasarkan sumber primer dan sekunder. Bagi agama Islam, sumber primer yang dipilih bagi menjelaskan adalah berdasarkan al-Quran, kitab Halal dan Haram Dalam Islam oleh Al-Ghazali dan Al-Qaradhawi. Bagi agama Buddha pula, kitab sucinya yang berkaitan dengan undang-undang pemakanan adalah Sutta Pitaka dan Vinaya Pitaka. Manakala bagi agama Hindu, sumber rujukan utama adalah kitab sucinya yang dikenali sebagai Kitab Veda. Terdapat juga sumber-sumber rujukan sekunder yang digunakan bagi kajian ini yang berkaitan dengan undang-undang pemakanan bagi agama-agama tersebut.

## 3. HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### 3.1 Perbandingan Daging Yang Harus Dimakan dan Tidak Harus Serta Cara Pengendaliannya

Jadual berikut menerangkan perbandingan daging yang harus dimakan dan tidak harus serta cara pengendaliannya bagi agama Islam, Buddha dan Hindu.

#### 1) Undang-undang Pemakanan Daging

Undang-undang pemakanan daging bagi agama-agama utama di Malaysia merangkumi jenis daging yang boleh dimakan dan dilarang untuk dimakan sama sekali. Klasifikasinya adalah seperti Jadual 1 berikut:

**Jadual 1.** Klasifikasi Jenis Daging yang Boleh dan Tidak Boleh Dimakan Dalam Agama-agama Utama di Malaysia

Agama	Daging yang boleh dimakan	Daging yang dilarang untuk dimakan
Islam	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Binatang darat yang ditangkap seperti unta, lembu, kambing dan binatang-binatang jinak lainnya seperti binatang peliharaan dan burung-burung yang dipelihara di rumah (Al-Qaradhawi, 2022).</li> <li>- Binatang yang halal dimakan yang disembelih oleh Ahli Kitab (Al-Ghazali, 1998; Al-Qaradhawi, 2022).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Semua jenis bangkai haiwan yang mati sebelum disembelih (kecuali ikan dan belalang) (Al-Qaradhawi, 2022).</li> <li>- Makanan yang terdapat padanya darah yang mengalir (selain hati dan limpa) (Al-Qaradhawi, 2022).</li> <li>- Daging khinzir (termasuk kulit dan tulang) (Al-Qaradhawi, 2022).</li> <li>- Binatang Was (<i>siba</i>'), iaitu binatang yang menangkap binatang lain dan memakan dengan ganas: singa, serigala dan lain-lainnya (Al-Qaradhawi, 2022).</li> <li>- burung berkuku yang boleh melukakan (<i>dzi mikhlabin minath-thairi</i>): helang, rajawali dan burung lain yang sejenis dengan helang (Al-Qaradhawi, 2022).</li> <li>-</li> </ul>
Buddha	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Daging haiwan-haiwan yang besar seperti lembu (Vajrayana/Tibet) (Ali &amp; Ahmad Nizar, 2018).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Daging haiwan kecil seperti ayam, itik, dan babi (Vajrayana/Tibet) (Ali &amp; Ahmad Nizar, 2018).</li> </ul>
Hindu	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Ikan (sesetengah penganut Hindu bukan Brahmin) (Ali &amp; Ahmad Nizar, 2018).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Daging lembu (Senin et al., 2019).</li> </ul>

## 2) Cara Pengendalian Daging

Cara pengendalian daging di sini hanya khusus kepada status sembelihan binatang dalam agama Islam, Buddha dan Hindu. Status penyembelihan binatang adalah seperti dalam Jadual 2 berikut:

**Jadual 2.** Status Sembelihan Binatang dalam Agama Islam, Buddha dan Hindu

Agama	Sembelihan binatang
Islam	- Setiap binatang yang halal dimakan perlu disembelih mengikut syariat Islam
Buddha	- Menyembelih binatang tetapi tidak dinyatakan cara yang khusus
Hindu	- Tidak boleh menyembelih atau membunuh binatang kerana bertentangan dengan prinsip <i>ahimsa</i> .

### 3.2 Perbincangan Daging Kultur dan Daging Berasaskan Tumbuhan Dari Sudut Pandang Agama

Perbincangan ini merangkumi daging kultur dan daging berasaskan tumbuhan dalam agama Islam, Hindu dan Buddha. Jadual 3 di bawah menunjukkan rumusan dapatan perbincangan tersebut.

**Jadual 3.** Rumusan Perbincangan Daging Kultur dan Daging Berasaskan Tumbuhan Dari Sudut Pandang Agama

Agama	Daging Kultur ( <i>Cultured meat</i> )	Daging Berasaskan Tumbuhan ( <i>Plant-based-meat</i> )
Islam	Boleh dimakan sekiranya sel daging haiwan berasaskan sumber yang halal dan disembelih mengikut kaedah Islam (Al-Ghazali, 1998; Hamdan et al., 2019; Al-Qaradhawi, 2022).	Boleh dimakan sekiranya tidak mengandungi unsur-unsur yang menyerupai bahan haram, seperti perasa babi ( <i>pork flavour</i> ) (Al-Ghazali, 1998; Hamdan et al., 2019; Al-Qaradhawi, 2022).
Budhist	Boleh dimakan, tetapi tidak digalakkan oleh sesetengah penganut Buddha seperti aliran Theravada dan Mahayana yang berpegang teguh dalam prinsip ahimsa. Penganut beraliran Vajrayana atau Tibet memakan daging kerana keadaan tanah yang kurang subur untuk tanaman tumbuhan dan sayuran (Ali & Ahmad Nizar, 2018). Mereka juga menyembelih daging tetapi tidak dinyatakan dengan cara yang spesifik (Ali & Ahmad Nizar, 2018).	Boleh dimakan kerana bertepatan dengan diet vegetarian yang diamalkan oleh penganut-penganutnya (Fieldhouse, 2017; Ali & Ahmad Nizar, 2018).
Hindu	Boleh dimakan sekiranya pengambilan sel daging haiwan tersebut tidak melibatkan tindakan mencederakan atau membunuh binatang kerana ia bertepatan dengan amalan <i>ahimsa</i> (Katz, 2003; Gwynne, 2018). Namun, dilarang untuk memakan daging kultur lembu kerana haiwan tersebut dianggap suci dalam agama Hindu (Senin et al., 2019).	



#### 4. KESIMPULAN

Kesimpulannya, setiap agama mempunyai pandangan yang berbeza berkenaan hukum memakan daging sintetik mengikut ajaran masing-masing. Undang-undang pemakanan daging dan perkara - perkara yang sensitif dalam setiap agama perlu diambil tahu oleh semua rakyat bagi mengekalkan keharmonian hidup berbilang agama di Malaysia.

#### PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan yang dibiayai oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) daripada Kementerian Pengajian Tinggi. Tajuk penyelidikan adalah: *Model Bank Makanan Bantuan Bencana Halalan Toyyiban (BMBHT) di Masjid sebagai Penggerak Balas Pertama (First Responder) dalam Mengurangkan Risiko Kesan Bencana Alam*. Kod projek: FRGS/1/2023/SSI13/USM/03/1.

#### RUJUKAN

- Al-Ghazali, A. H. M. (1998). *Halal dan Haram Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Al-Qardhawi, Y. (2022). *Halal dan Haram Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar Sdn. Bhd.
- Ali, M. E., & Nizar, N. N. A. eds. (2018). *Preparation and Processing of Religious and Cultural Foods*. United Kingdom: Woodhead Publishing.
- Chandimali, N., Park, E. H., Bak, S. G., Won, Y. S., Lim, H. J., & Lee, S. J. (2024). Not seafood but seafood: A review on cell-based cultured seafood in lieu of conventional seafood. *Food Control*, 162. <https://doi.org/10.1016/j.foodcont.2024.110472>
- Fieldhouse, P. (2017). *Food, Feast and Faith: An Encyclopedia of Food Culture in World Religions*. Santa Barbara, California: ABC-CLIO.
- Gwynne, P. (2018). *World Religions in Practice*. USA: John Wiley & Sons, Inc.
- Hamdan, M. N., Ramli, M. A., & Ab Rahman, A. (2019). Penggunaan Sel Stem dalam Pengkulturan Daging: Analisis Menurut Perspektif Hukum Islam. *Journal of Fatwa Management and Research*, 18(1): 8–24. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol18no1.2>
- Hamdan, M. N., Post, M., Ramli, M. A., Kamarudin, M. K., Ariffin, M. F. M., & Huri, M. F. Z. (2021). Cultured Meat: Islamic and Other Religious Perspectives. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 8(2): 11–19. <https://doi.org/10.11113/umran2021.8n2.475>
- Hamdan, M. N., Zain, N. M., Abu-Husin, M. F., Malek, S. N. A., Ariffin, M. F. M., Noor, F. F., Alghawas, D., & Sin, Z. W. (2023). Will plant-based pork meat substitutes receive halal certification? *Food Research*, 7(6): 23–28. [https://doi.org/10.26656/fr.2017.7\(6\).066](https://doi.org/10.26656/fr.2017.7(6).066)
- Katz, S. H. (2003). *Encyclopedia of Food and Culture* (Vol. 1). Frank Menchaca. <https://doi.org/10.5860/choice.40-5524>
- Marcu, A., Gaspar, R., Rutsaert, P., Seibt, B., Fletcher, D., Verbeke, W., & Barnett, J. (2015). Analogies, metaphors, and wondering about the future: Lay sense-making around synthetic meat. *Public Understanding of Science*, 24(5): 547–562. <https://doi.org/10.1177/0963662514521106>

- Mengistie, D. (2020). Lab-Growing Meat Production from Stem Cell. *Journal of Nutrition and Food Sciences*, 3(1): 1-7.
- Sami, D. (2002). *The Manual of the Bhikkhu*. dhammadana. Retrieved from <http://www.dhammadana.org>
- Schrodel, D. J. and F. F. Busta. (1973). Effects of Synthetic Meat Components on Growth of *Clostridium Perfringens*. *Milk Food Technol*, 36(4): 189–193.
- Senin, N., Ismail, N., Azizan, N. I., & Shafie, Z. (2019). Sorotan Awal Kedudukan Lembu Dalam Ajaran Hindu. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 1–11. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Senin, N., Ismail, N., Azizan, N. I., & Shafie, Z. (2020). Persepsi Mahasiswa Hindu Terhadap Amalan Korban Dalam Islam. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 7(1): 130–142.
- Yuswan, M. H., & Amir, S. H. (2019). Teknologi Sintetik Demi Masa Hadapan: Impak Kesihatan. *Seminar Kefahaman Islam Mengenai Makanan Sunnah*, 1-13. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia

## PELANCONGAN GASTRONOMI: MELAKA SYURGA PENCINTA MAKANAN

Rohaini binti Amin  
([rohaini@uis.edu.my](mailto:rohaini@uis.edu.my))

Nor Azlina binti Endut  
([norazlina@uis.edu.my](mailto:norazlina@uis.edu.my))

&

Zurina binti Abdullah  
([zurina@uis.edu.my](mailto:zurina@uis.edu.my))

Jabatan Pengajian Ketamadunan dan Pembangunan Insan  
Fakulti Sains Sosial  
Universiti Islam Selangor (UIS)

### ABSTRAK

Perkataan gastronomi merupakan istilah dari bahasa Yunani kuno iaitu *gastros* yang bererti ‘perut’ dan *nomos* yang bermaksud ‘pengetahuan’ atau ‘ilmu’. Oleh itu gastronomi adalah merujuk kepada kajian mengenai hubungan budaya dengan makanan. Gastronomi juga sering difahami sebagai seni atau amalan memilih, menyediakan atau memakan makanan yang baik. Maka, pelancongan gastronomi bolehlah dimaksudkan sebagai aktiviti individu atau sekumpulan orang ke sesebuah lokasi atau tempat tertentu yang bertujuan untuk merasai atau menikmati makanan yang dijadikan sebagai ‘ikonik’ sesuatu tempat tersebut. Melaka suatu nama yang tidak asing dalam kalangan rakyat Malaysia. Negeri bersejarah tersebut sangat terkenal dengan pensejarahannya. Tempat-tempat bersejarah di Melaka sentiasa menjadi perhatian pengunjung lokal dan antarabangsa. Selain tempat-tempat bersejarah tersebut, ‘trademark’ besar Melaka adalah pada makanannya yang popular seperti asam pedas, ikan bakar, ‘coconut shake’, kuih keria dan pelbagai lagi yang menjadi faktor tarikan kepada kehadiran pelancong kerana ingin menikmati juadah tersebut. Kehadiran pelancong ke Melaka yang meningkat saban tahun ini kerana sikap orang ramai yang selesa menikmati masakan asli tersebut di tempat asalnya. Perbincangan lanjut mengenai tajuk ini akan dibuat dalam seminar kelak.

**Kata kunci:** Pelancongan, Gastronomi, Melaka, Syurga, Makanan.

### PENDAHULUAN

Pelancongan merujuk kepada pergerakan individu atau sekumpulan pelancong ke destinasi pilihan sama ada dalam atau luar negara untuk pelbagai tujuan. Lazimnya para pelancong didorong oleh hasrat hati untuk berehat, mencari ketenangan, menjamu makanan kegemaran, bergembira bersama keluarga dan pelbagai faktor lagi yang mana pelancongan boleh berlaku dalam tempoh masa sehari atau lebih yang membabitkan pelbagai aktiviti dan tempat-tempat pelancongan.

Melaka adalah negeri yang popular sebagai destinasi pelancongan di Malaysia, di peringkat serantau dan antarabangsa. Melaka telah diisytiharkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada 7 Julai 2008 dan ini telah menjadi daya tarikan besar kepada kehadiran pelancong dari dalam dan luar negara. Bandaraya Melaka adalah salah satu bandar terbersih di Asia Tenggara, dianugerahkan sebagai Pemenang Anugerah Bandar Pelancongan Bersih ASEAN Peringkat Kebangsaan 2018-2020.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, gastronomi boleh dimaksudkan sebagai suatu kajian, seni atau amalan memilih, menyediakan atau memakan makanan yang baik. Oleh itu, gastronomi boleh difahami sebagai kajian tentang makanan. Bidang gastronomi bukan semata-mata mengkaji tentang pembuatan sesuatu makanan tetapi pengkajiannya meliputi aspek yang luas termasuk kefahaman tentang makanan dan kepentingannya dalam kehidupan masyarakat. Dalam erti kata lain, makanan ada kaitan dengan budaya masyarakat.

## **MELAKA TUMPUAN PELANCONG**

Tanah yang sarat dengan pensejarahan yang panjang ini menjadi lokasi tumpuan pelancong kerana lima faktor utama iaitu;

- a) Melaka terkenal sebagai destinasi pelancongan di peringkat lokal dan antarabangsa,
- b) Melaka bumi bertuah yang sarat dengan sejarah dan mendapat pengiktirafan apabila Bandaraya Melaka terpilih sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.
- c) Melaka syurga makanan yang popular di Asia Tenggara apabila tersenarai antara 10 destinasi makanan popular dan terbaik di Asia Tenggara,
- d) Bandaraya Melaka diiktiraf sebagai bandar terbersih di ASEAN selepas menerima anugerah ‘Clean Tourist City Standard’ (ACTC),
- e) Harga pakej pelancongan di Melaka adalah berpatutan dan tidak mahal.

## **MAKANAN POPULAR DI MELAKA**

### **1. Asam Pedas**

Menu ini tarikan utama kepada kehadiran pelancong ke Melaka. Ada banyak tempat popular yang menyajikan menu istimewa ini. Asam pedas boleh dinikmati sebagai hidangan yang dijual sebagai pilihan aneka lauk di pelbagai restoran dan kedai makanan. Namun, menu ini boleh dimasak secara order apabila pengunjung memilih ikan pilihan mereka dan kemudiannya dimasak secara istimewa oleh restoran tersebut.

Antara lokasi popular bagi menu asam pedas di Melaka ialah Asam Pedas Claypot di Taman Kota Laksamana, Asam Pedas Restoran Selera Kampung di Banda Hilir, Asam Pedas Pak Man di Bukit Katil, Restoran Selera Hang Tuah di Duyong, Asam Pedas Station di Semabok, Asam Pedas di Restoran Lot 35, berhampiran Mahkota Parade.

### **2. Ikan Bakar**

Syurga Ikan Bakar adalah dirujuk kepada Melaka. Menu ini merupakan kegemaran dan menjadi pencarian utama kepada pencinta makanan yang berkunjung ke Melaka. Walaupun menu ikan bakar ada di pelbagai negeri yang lain, namun keistimewaannya di Melaka kerana pilihan lauk pauk yang segar dan boleh dimasak mengikut kehendak pelanggan dan ianya dijamu bersama nasi lemak. Nasi lemak adalah elemen penarik yang tiada di negeri-negeri lain.

Lokasi sesak pengunjung yang ingin menikmati ikan bakar di Melaka ialah Ikan Bakar Muara Sungai Duyong, Ikan Bakar Paramewara Umbai, Medan Ikan Bakar Serkam, Medan Ikan Bakar Alai Crystal Bay, Medan Ikan Bakar Haji Musa, Ikan Bakar Pantai Kg. Hailam Tanjung Kling dan pelbagai tempat lagi.

### 3. Kuih Keria

Kisah bagaimana pengunjung perlu beratur panjang dan lama untuk mendapatkan kuih keria suatu yang tidak pelik di Melaka kerana keinginan mereka untuk menikmati kesedapan kuih keria ini. Lokasinya terletak di Limbongan dan kedai ini dikenali sebagai Kuih Keria Antarabangsa Hajah Rahmah.

Senario yang berlaku ini menunjukkan ‘penangan’ kuih keria Melaka yang ada identitinya tersendiri berbanding di tempat lain. Selain di Limbongan, kuih keria yang lazat boleh dinikmati di Kedai Kueh Keria Gula Melaka di Batu Berendam.

### 4. Mee Goreng Hassan

Nama popular kepada mee goreng ini ialah ‘mee bodo’. Mungkin ramai akan terperanjat pada nama jolokan tersebut. Namun begitu, ‘bodo’ pada budaya masyarakat Melaka adalah merujuk kepada ciri ‘ringkas, mudah, santai, biasa’. Maka, panggilan ‘mee bodo’ adalah merujuk kepada gorengan mee tersebut yang ringkas dan biasa sahaja tanpa banyak bahan digunakan.

Hanya mee kuning digoreng dengan bahan tumisan istimewa dan dimasukkan sayur tauge tanpa bahan lain. Mee ini akan dimakan bersama sambal tumis istimewa, hirisan timun dan pelanggan boleh order bersama ‘telor goreng mata’ sebagai pelengkap hidangan. Mee goreng popular ini diniagakan oleh Pak Hassan di Tenggera, Melaka. Jangan terperanjat jika anda lihat pengunjung lokal dan luar beratur panjang untuk makan ‘mee bodo’ ini.

### 5. Coconut Shake

Ini adalah satu lagi menu penting yang membawa kehadiran pencinta makanan ke Melaka. Pengunjung yang datang berjalan-jalan di Melaka sering kali mengambil peluang mencari minuman popular ini yang terletak di Klebang iaitu Klebang Original Coconut Milk Shake.

Selain Klebang, terdapat satu lagi lokasi kegemaran ramai iaitu Batu Berendam Coconut Shake yang terletak di Batu Berendam. Tidak terkecuali beberapa lagi lokasi ‘panas’ minuman ini iaitu Coconut Shake Kampung Hulu Melaka, Bikini Toppings Melaka, Coconut Shake Gula Melaka Bukit Katil dan Coconut Shake Alai.

### 6. Kari Kepala Ikan

Pengemar kari pasti tidak melepaskan peluang untuk menikmati juadah istimewa ini iaitu kari kepala ikan. Di Melaka, ada beberapa lokasi yang menyajikan menu istimewa ini bersama pelbagai lauk lain khususnya lauk asam pedas yang merupakan kegemaran ramai. Kedai popular yang berniaga menu ini lazimnya merupakan perniagaan warisan keluarga dan sudah tentu resepi kari kepala ikan ini adalah istimewa, mempunyai kelainan dari peniaga-peniaga lain.

Kedai kari kepala ikan yang biasanya diserbu pengunjung ialah Haji Isenin Restoran Kari Kepala Ikan dan Asam Pedas yang terletak di Semabok, Hajah Rahmah Kari Kepala Ikan di Bukit Katil

dan Restoran Kari Kepala Ikan Warisan di Duyong. Terdapat satu lagi lokasi kegemaran peminat kari yang diusahakan oleh hotel iaitu Bemban Restaurant yang berada dalam Hotel MITC dan hotel ini terletak di Ayer Keroh.

7. Nasi lemak

Nasi lemak adalah makanan yang boleh didapati dengan mudah di mana-mana sahaja di Malaysia. Namun begitu, menu popular yang menjadi kegemaran ramai pelancong Melaka ialah nasi lemak. Nasi lemak juga merupakan pelengkap utama kepada menu ikan bakar di pelbagai lokasi di Melaka. Nasi lemak boleh dimakan dari awal pagi mahupun di malam hari.

Keistimewaan nasi lemak sangat terletak pada nasinya yang sedap berlemak, cukup rasa santannya dan sambal tumisnya yang lazat serta dilengkapi dengan ikan bilis goreng, kacang goreng dan telur rebus atau telur digoreng mata. Pelengkap terakhir yang hadir bersama nasi lemak tersebut adalah sayur kangkung goreng.

Kedai popular yang menjadi buruan ramai pelancong untuk makan nasi lemak ialah Nasi Lemak Wan Loyah Kampung Morten, Nasi Lemak Banda Kaba, Nasi Lemak Warisan Bachang, Nasi Lemak Ujong Pasir 2, Nasi lemak Hijau Ujong Pasir, Nasi Lemak Ejam Ayer Keroh dan pelbagai lagi lokasi 'panas' nasi lemak di Melaka.

8. Makanan tradisional Melaka

Dodol, tapai, cinalok, makanan baba nyonya, pelbagai kuih tradisional seperti kuih ku, kuih talam, kuih cakar ayam, kuih bakar manis, kuih bakar berlauk adalah antara makanan unik Melaka. Kesemua ini adalah makanan budaya Melaka yang menjadi kegemaran ramai pelancong tempatan mahupun dari luar.

## **KESIMPULAN**

Kupasan tajuk ini menunjukkan bagaimana pelbagai makanan istimewa di negeri bersejarah ini boleh menjadi daya tarikan kepada kehadiran ramainya pelancong. Ini sekaligus membawa kepada pembentukan budaya pelancongan gastronomi di Melaka. Hubungan kehadiran pelancong dengan pencarian mereka pada pelbagai lokasi 'panas' bagi mendapatkan dan menikmati juadah atau menu istimewa di Melaka adalah suatu realiti yang sukar dinafikan.

Walaupun pebagai menu tersebut boleh didapati pada negeri-negeri yang lain, namun pengaruh budaya Melaka pada juadah tersebut sangat erat. Maka tidak hairanlah mengapa pelancong yang berkunjung ke Melaka adalah didorong oleh keinginan mereka untuk makan dan minum pada pelbagai menu tersebut. Manfaat pelancongan gastronomi juga membolehkan kita untuk mengenali dan memahami keunikan setiap negeri melalui makanan dan bagaimana hubungan makanan dengan budaya masyarakat tempatan. Tahun 2024 adalah Tahun Melawat Melaka. Kerajaan Negeri Melaka mensasarkan 15 ke 18 juta pelancong akan melancong ke Melaka dan sudah tentu keunikan makanan Melaka adalah daya penarik utama kepada pengunjung dan pelancong yang datang dari pelbagai tempat.

## RUJUKAN

- Hamzah Jusoh, Habibah Ahmad, Amriah Buang, Ari Kurnia, Melaka sebagai pintu masuk pelancongan Sumatera: Perkembangan semasa dan cabaran era global, GEOGRAFIA: Special Issue (2011): Malaysian Journal of Society and Space (2-13).
- Siti Nor Baya Mat Yacob, Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Khadijah Muda, Pendekatan Ilmu Saintifik dalam Trend Gastronomi Semasa, Sains Insani: Vol. 7 No. 1 (2022): Jurnal Sains Insani (99-104).
- MOTAC komited bantu bangun pelancongan di Melaka (2023, Januari 15)  
<https://thesun.my/cerita/berita/motac-komited-bantu-bangun-pelancongan-di-melaka-KE10502697>
- Potensi Melaka sebagai syurga makanan – Ketua Menteri (2024, Jun 26)  
<https://www.melakahariini.my/potensi-melaka-sebagai-syurga-makanan-ketua-menteri/>

## MEMBANGUNKAN MODEL KONSEP BAGI PENGUKUHAN KETAHANAN SOSIOEKONOMI LESTARI ASNAF: KAJIAN SOROTAN.

Rosfazila Abd Rahman, Mohd Musa Sarip, Mohd Nasir Bin Ali,  
Aza Shahnaz Azman, Juzlinda Mohd Ghazali, Zuraifah Zaini &  
Naqibah Bt Mansor  
Universiti Islam Selangor (UIS)

### ABSTRAK

Kajian Penilaian Impak Sosial (*Social Impacts Assessment*) (*SIA*) adalah melibatkan penyertaan komuniti yang memberi penekanan kepada golongan kurang bernasib baik, terpinggir dan terjejas. Langkah-langkah pembangunan sosial ini dapat dimanfaatkan kepada pembentukan komuniti yang inklusif yang mampu membina serta memperkukuh kapasiti dan institusi komuniti secara bersama. Objektif utama penulisan ini adalah untuk mengenal pasti situasi sosio-ekonomi asnaf zakat, khususnya di negeri Selangor, Malaysia. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah ekstraksi dokumentasi dan temubual dalam membangunkan model konsep terhadap pengukuhan ketahanan sosio-ekonomi lestari. Hasil akhir kajian nanti akan mencadangkan model konsep bagi pengukuhan ketahanan sosioekonomi lestari. Matlamat kajian dipusatkan di Selangor sebagai tapak mula perlaksanaannya bagi melestarikan pembangunan sistem sosial Islam umumnya dan pemeraksanaan sumber ekonomi Islam khususnya. Pembangunan model baharu ini diharapkan akan dapat menjadi rujukan dan dasar kepada sistem sosial Islam dan sumber ekonomi Islam umumnya dalam memperkasakan lagi pengurusan pembangunan sosioekonomi asnaf di samping mewujudkan kualiti hidup berdaya tahan yang secara langsung dapat mewujudkan masyarakat yang lestari khususnya.

**Kata kunci:** model, sosioekonomi, lestari, zakat, asnaf, Kajian penilaian impak sosial, SIA

### 1. PENGENALAN

Penilaian Kesan Sosial (*Social Impact assessment- SIA*) bermaksud proses mengenali atau mengenalpasti akibat atau permasalahan pada masa akan datang bagi perkara yang sedang atau akan berlaku yang berkaitan dengan individu, organisasi, dan sistem makro sosial. Di dalam negara yang pesat membangun, pusat bandar semakin berkembang dan sesetengah projek, kesan terhadap manusia diambil kira bagi mendapatkan pertimbangan. Oleh itu, penilaian kesan sosial dijadikan sebagai salah satu proses yang harus dijalankan. Kajian penilaian kesan sosial terhadap pembangunan bandar ini dijalankan bagi mengetahui cara penilaian kesan sosial digunakan pada masa dahulu. Ia juga bertujuan untuk mempertimbangkan bagaimana penilaian kesan sosial ke atas pembangunan bandar boleh diperbaiki dan cara yang terbaik ditekankan untuk cadangan serta prinsip umum untuk penilaian kesan sosial yang sesuai ke atas pembangunan bandar (Nur Syafawaty, 2009). Secara kesimpulannya, penilaian kesan sosial adalah amat penting dan harus



diambil kira untuk pembangunan bandar. Penilaian kesan sosial di Malaysia boleh lagi diperbaiki untuk mengelakkan kesan negatif terhadap sesebuah bandar/populasi/kependudukan .

Kegagalan sosioekonomi asnaf zakat untuk keluar dari kelompok asnaf itu bukanlah disebabkan faktor utama moneteri semata. Dimensi pendidikan dan faktor individu dengan institusi menyebabkan berlaku penyisihan sosial dikalangan asnaf. Pendidikan merupakan senjata utama untuk membuka ruang perjalanan asnaf kepada sumbangan aktiviti ekonomi yang produktif. Dalam mencapai negeri maju, Selangor perlu memastikan masyarakatnya mempunyai tahap pendidikan yang baik serta berkemahiran tinggi bagi merealisasikan impian menjadi negara maju. Perkara ini sukar dicapai sekiranya golongan asnaf tidak diberi pendidikan yang sewajarnya. Justeru, kewajaran dalam melihat permasalahan sosio ekonomi asnaf bukan sekadar berbentuk kewangan harus diberi penekanan dan keutamaan. Meskipun begitu, jumlah bantuan kewangan wajar ditingkatkan tetapi sekiranya asas kepada permasalahan tersebut tidak dirawat maka ia akan menjadikan agihan itu yang hanya sekadar pemberian moneteri tanpa ada implikasi yang besar terhadap ekonomi khususnya ekonomi umat Islam. Sehubungan itu, permasalahan asnaf itu perlu diteliti secara inklusif kerana ia bukan hanya bersifat ekonomi tapi ia mempunyai pelbagai dimensi yang merupakan suatu bentuk baharu kemiskinan pada era ini.

Kejayaan sesebuah masyarakat/kependudukan untuk berdaya daya tahan bermaksud keupayaan untuk pulih dengan cepat dari kesukaran; kekuatan terletak di tangan sistem dan stuktur pengurusan yang masyarakat tersebut. Dengan kata lain, mereka bertanggungjawab untuk mencapai matlamat dan wawasan masyarakat tersebut. Lawson dan Zheng Shen (1998) dalam *Framework For Understanding Organizational Culture* menyatakan bahawa terdapat tiga komponen utama dalam sesebuah masyarakat iaitu pekerja/pelaksana, proses dan adaptasi di mana setiap komponen adalah bersaling kaitan. Komponen pekerja/pelaksana dilihat penting untuk memahami organisasi masyarakat kerana pelaksana mempunyai hubungan langsung dengan aspek budaya masyarakat. Budaya masyarakat menekankan unsur nilai, norma dan kepercayaan yang dikongsi oleh ahli-ahli masyarakat, yang menggerakkan dan mempengaruhi ahli-ahli organisasi untuk bertindak. Antara komponen-komponen lain dalam organisasi yang berkaitan dengan daya tahan organisasi masyarakat ialah proses sosial dan adaptasi sosial.

Walaupun bagaimanapun pengenalan pastian situasi sosio-ekonomi asnaf, penilaian situasi sosio-ekonomi asnaf menggunakan SIA dan cadangan model pengukuhan ketahanan sosio-ekonomi lestari bagi golongan asnaf bagi kelestarian pembangunan sistem sosial Islam dan pemeraksanaan sumber ekonomi Islam masih belum diperincikan. Oleh itu, penyelidikan ini adalah satu percubaan yang unik untuk memahami situasi sosio-ekonomi asnaf, menilai situasi sosio-ekonomi asnaf menggunakan SIA dan mencadangkan Model pengukuhan ketahanan sosio-ekonomi lestari bagi golongan asnaf bagi kelestarian pembangunan sistem sosial Islam dan pemeraksanaan sumber ekonomi Islam. Justeru, sesiapa yang ingin mereka bentuk atau mereka bentuk semula sosio-ekonomi berdaya tahan dan lestari, bolehlah membuat dan mengekalkan pengenalanpastian dan penilain serta cadangan model seperti perincian penyelidikan ini. Dalam satu kajian, Fawcett et al. (2008) berpendapat bahawa sumber terbesar kelebihan unik adalah organisasi yang memiliki tenaga kerja berbudaya memandangkan pesaing boleh meniru kemajuan yang bersifat kecanggihan teknologi. Dalam usaha lain, Abbasi et al. (2010) secara konsisten menyatakan bahawa kekurangan sistem nilai dalam budaya organisasi adalah penyebab kepada banyak masalah dalam organisasi hari ini. Jadi, jika terdapat elemen keikhlasan dalam budaya organisasi, maka setiap

pihak berkepentingan akan bertindak secara ikhlas dalam membawa kepada prestasi organisasi yang lebih baik.

Aspek pengukuhan daya tahan sosio-ekonomi memainkan peranan yang besar sebagai kemudahan golongan asnaf secara spesifik. Kemudahan ini diperoleh melalui peranannya dan kemudahan dalam semua aspek kerja dan pengurusan kependudukan dan pembangunan. Namun berdasarkan pemerhatian, tidak terdapat model pengukuhan ketahanan sosio-ekonomi dibangunkan di institusi pembangunan di seluruh Malaysia bagi memastikan kelestarian pengurusan kependudukan. Oleh yang demikian, konsep model pengukuhan ketahanan sosio-ekonomi lestari dalam kalangan asnaf kelestarian pembangunan sistem sosial Islam dan pemeraksanaan sumber ekonomi Islam di Selangor adalah bertepatan dengan peranan MAIS dalam membantu meningkatkan pembangunan masyarakat seiring dengan dengan perkembangan dan kemajuan semasa. Keperluan mewujudkan model pengukuhan ketahanan sosio-ekonomi lestari sebagai model organisasi kemasyarakatan sangat penting dalam melestarikan pengurusan kependudukan dan pembangunan secara lebih menyeluruh/holistik dan berkesan.

Sosioekonomi adalah kajian hubungan di antara aktiviti ekonomi dan kehidupan sosial. Jurusan ini sering dianggap pelbagai disiplin, menggunakan teori dan kaedah dari sosiologi, ekonomi, sejarah, psikologi, dan banyak yang lain. Ia telah muncul sebagai suatu bidang kajian berasingan pada lewat kurun kedua puluh. Dalam banyak perkara, bagaimanapun, pakar sosioekonomi berfokus pada kesan sosial sesetengah jenis perubahan ekonomi. Perubahan tersebut boleh termasuk menutup kilang, manipulasi pasaran, menandatangani perjanjian perdagangan antarabangsa, kawalan gas asli baru, dsb. Kesan-kesan sosial seperti itu dapat menjadi berlingkungan luas dalam saiz, daripada kesan tempatan pada suatu masyarakat kecil ke perubahan pada keseluruhan masyarakat.

Penilaian impak sosial (SIA) adalah proses menilai dan mengurus akibat dari projek pembangunan, dasar dan keputusan terhadap kelompok manusia dalam komuniti/masyarakat. Objektifnya adalah untuk mengenal pasti kesan intervensi yang dirancang dan tidak disengajakan untuk membangunkan rancangan pengurusan yang lestari. SIA muncul sebagai bidang yang terpisah daripada sains sosial terapan kerana disedari pada awal 1969 oleh NEPA bahawa penilaian kesan persekitaran (EIA) tidak dapat menangani masalah sosial dengan secukupnya. Pada akhir 1970-an, banyak negara maju dan beberapa negara membangun mengadaptasi SIA sebagai kaedah menangani masalah sosial yang timbul dari inisiatif pembangunan. Walau bagaimanapun, SIA pada dasarnya tetap merupakan komponen yang tidak terpisahkan dari EIA dan masih belum wujud, ianya kukuh dalam perancangan persekitaran sebagai EIA. Justeru, Penilaian impak sosial adalah usaha untuk menilai atau menganggarkan, terlebih dahulu, akibat sosial yang mungkin berlaku akibat tindakan dasar tertentu (termasuk program, dan penerapan kebijakan baru), dan pemerintah tertentu tindakan (termasuk bangunan, projek besar dan penyewaan sebidang tanah besar untuk pengekstrakan sumber), terutamanya dalam konteks Alam Sekitar Nasional A.S. Polisi Act of 1969 atau "NEPA" (P.L. 91-190, 42 U.S.C. 4371 et seq.).

Penilaian impak sosial (SIA) dalam konteks kajian ini adalah merupakan proses menilai dan mengurus akibat dari pendemik yang melibatkan projek pembangunan, dasar dan keputusan terhadap golongan hilang pekerjaan (GHP). Objektifnya adalah untuk mengenal pasti kesan intervensi yang dirancang dan tidak disengajakan untuk membangunkan rancangan pengurusan

yang lestari bagi golongan tersebut secara spesifik dan kepada organisasi kependudukan dan pembangunan secara umumnya.

Rajah 1: 6 Komponen penilaian impak social



Sumber: Dijana penulis menggunakan iimaps.com/map/world

Para asnaf sememangnya mempunyai kesulitan bukan hanya melibatkan faktor ekonomi malah mempunyai pelbagai dimensi. Kepelbagaian dimensi ini yang menyebabkan golongan asnaf ini kekal dengan masalah kemiskinan kerana berlaku penyisihan sosial terhadap mereka. Ditambah dengan tahap pendidikan yang rendah dan tidak mempunyai kemahiran khusus akan memberi kesulitan dalam memilih kerjaya kelak. Ini akhirnya menyebabkan asnaf akan semakin tersisih dalam kelompok masyarakat. Kehidupan mereka hanya melibatkan sekitaran sahaja dan tidak melihat secara luas dalam pelbagai aspek. Kesulitan ekonomi telah meletakkan mereka jauh tersisih dan merasa ketidak perluan bagi berusaha untuk memperbaiki tahap pendidikan serta memberi sumbangan terhadap aktiviti ekonomi. Konsep pekerjaan sebagai suatu ibadah tidak diambil berat sebagai seorang Islam (Farhana Sidek et. al. 2018 ). Pola kehidupan mereka hanya cukup sekadar menampung keperluan sara hidup asas sahaja. Terdapat beberapa perlaksanaan implikasi dasar yang boleh dilakukan dalam memberi nilai tambah kepada bantuan kewangan bulanan ini bagi membawa para asnaf atau anak-anak asnaf kembali aktif dalam landasan positif.

Pihak institusi zakat boleh mewujudkan kuota untuk anak-anak asnaf bagi melanjutkan pendidikan menengah di sekolah asrama bantuan kerajaan atau swasta. Tidak dinafikan masalah rumah tangga yang berantakan, aktiviti sosial negatif di kawasan kejiranan akan memberi kesan yang tidak sihat terhadap pembelajaran serta perkembangan anak asnaf. Dengan mengambil anak asnaf yang berpotensi dalam pendidikan ini dan diletakkan dibawah persekitaran sekolah serta kawasan positif akan mengembangkan potensi mereka dan seterusnya memberi sinar terhadap masa hadapan anak asnaf dalam pendidikan. Kelonggaran terhadap merit akademik perlu diturunkan dalam memberi ruang kemasukan kepada golongan asnaf. Ini kerana mereka mempunyai kekurangan serta kekangan dalam mendapatkan akses pendidikan awal persekolahan yang baik. Kerjasama dengan kementerian pendidikan serta beberapa sekolah swasta yang berpotensi boleh dilakukan juga. Dengan memberi pendidikan serta kemahiran yang baik kepada anak asnaf akan membawa corak pemikiran serta perkara positif dalam keluarga asnaf tersebut sebagai galakan ekonomi dan psikologi kepada ahli keluarga yang lain.

## 2. METODOLOGI


Reka bentuk kajian adalah satu pelan tindakan yang memperlihatkan bagaimana sesuatu kajian dijalankan. Reka bentuk kajian menjadi panduan kepada pengkaji untuk mengumpul dan menganalisis data serta melakukan pentafsiran terhadap penyelidikan yang dijalankan. Bagi kajian model pengukuhan ketahanan sosioekonomi lestari perspektif penilaian impak sosial dalam kalangan asnaf di Malaysia, reka bentuk kajian yang digunakan adalah berasaskan pendekatan kualitatif. Kajian kualitatif adalah bertujuan untuk memahami sesuatu perkara ataupun fenomena dengan lebih mendalam. Pendekatan kualitatif ini menjawab persoalan bagaimana dan kenapa sesebuah fenomena itu berlaku. Kajian kualitatif juga merupakan suatu kaedah untuk menerokai dan memahami individu atau kumpulan yang terlibat dengan sesuatu masalah atau fenomena manusia dan masyarakat (konteks) (Ahmad Munawar Ismail et. al, 2015). Metod ini penting bagi mengenal pasti dan memahami sesuatu isu atau konteks secara mendalam dalam suatu suasana yang memerlukan kepada interaksi secara langsung dengan konteks (Norman K, D. & Yvona S, L, 1994). Kajian ini merupakan kajian lapangan yang menggunakan kaedah pemerhatian, dokumentasi dan temubual untuk mendapatkan data primer dan data sekunder berkaitan dengan objektif kajian. Kajian ini melibatkan empat fasa yang dirangka untuk menghasilkan sebuah Model pengukuhan ketahanan sosioekonomi lestari perspektif penilaian impak sosial dalam kalangan asnaf.

Kaedah temubual merupakan kaedah terbaik untuk mendapatkan data berbentuk primer. Kajian ini menggunakan kaedah temubual yang menggunakan soalan separa berstruktur. Soalan separa berstruktur memberikan kelebihan kepada proses pengumpulan data kerana peserta kajian (PK) diberikan kebebasan untuk menjelaskan sesuatu perkara itu dengan lebih mendalam tetapi masih dalam ruang lingkup perbincangan. Kaedah temubual akan melibatkan PK daripada golongan hilang pekerjaan (GHP) melibatkan semua sektor terkesan. Kaedah temubual akan dilaksanakan secara berterusan sehingga data yang diperolehi mencapai ketepuan data.

Kajian ini turut mengguna pakai data-data daripada kaedah perbincangan kumpulan fokus, (Focus Group Discussion - FGD) merupakan kaedah kualitatif yang popular. Melalui kaedah ini, penyelidik memilih sekumpulan orang yang mempunyai ciri tertentu untuk mengadakan sesi perbincangan. Seorang fasilitator (pemudah cara) yang dilantik akan menentukan hala tuju perbincangan dan setiap yang dikatakan oleh ahli kumpulan merupakan data penting dalam FGD. Kaedah ini memberi peluang untuk berkongsi dan membuat perbandingan tentang pengalaman dan pandangan peserta serta memberi peluang untuk berbual-bual tentang perkara yang terjadi dalam dunia yang sebenar. Kaedah ini digunakan untuk mendapat kefahaman lebih mendalam tentang sesebuah tajuk, contohnya motivasi, tingkah laku, perasaan, strategi membuat keputusan, atau pendapat orang-orang tertentu terhadap sesuatu isu atau topik. Kaedah perbincangan kumpulan fokus bertujuan untuk mengkaji sesebuah tajuk penyelidikan secara mendalam atau intensif, dan ianya merupakan suatu strategi untuk memahami audien atau sikap dan tingkah laku pengguna (Kamarul Azmi, 2012). PK bagi kajian ini terdiri daripada orang awam dan masyarakat yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan sosioekonomi golongan hilang pekerjaan (GHP). Kaedah perbincangan kumpulan fokus ini penting bagi mengetahui isu-isu dan realiti semasa pengurusan sosioekonomi golongan hilang pekerjaan (GHP) dan mengambil kira pandangan serta pendapat orang awam tentang cadangan penubuhan

Model pengukuhan ketahanan sosioekonomi lestari perspektif penilaian impak sosial dalam kalangan asnaf.

Rajah 2: Carta alir metodologi penilaian impak sosial (Social Impact Assessment-SIA)




Sumber: Interreg North Sea Region

### 3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Data tepu yang diperolehi daripada kaedah temubual dan dokumentasi akan dianalisis oleh para penyelidik. Kajian ini menggunakan kaedah analisis induktif dan deduktif untuk mendapatkan rangka model pengukuhan ketahanan sosioekonomi lestari perspektif penilaian impak sosial dalam kalangan asnaf. Membina model pengukuhan ketahanan sosioekonomi lestari perspektif penilaian impak sosial dalam kalangan asnaf. Pengukuhan ketahanan sosioekonomi lestari adalah berdasarkan lima aspek utama, iaitu aspek falsafah, prinsip, operasi, produk dan perkhidmatan. Falsafah merupakan pengetahuan tentang pengertian satu konsep atau realiti yang dianggap sebagai dasar ilmu yang tertinggi. Untuk mengaplikasikan falsafah dan etika dalam ekonomi Islam, umat Islam haruslah menerapkan falsafah tauhid yakni tauhid uluhiah dan rububiyah serta mengamalkan tazkiyyah dan ukhuwwah sebagai mana manusia telah dipertanggungjawabkan sebagai khalifah Allah. Falsafah ini diterapkan bagi umat Islam dalam berniaga agar beretika tauhid, adil mempunyai kebebasan kehendak dan bertanggungjawab dalam melaksanakan sesuatu prinsip adalah asas atau dasar yang menjadi pokok sesuatu pemikiran, kajian, tindakan, hukum sesuatu teori dan lain-lain (Dewan Bahasa dan Pustaka 2010). Operasi merujuk kepada kegiatan syarikat perniagaan, perusahaan dan sebagainya (Dewan Bahasa dan Pustaka 2010). Produk pula ialah sesuatu barang, perkhidmatan dan sebagainya yang dikeluarkan oleh kilang atau ditawarkan oleh institusi (Dewan Bahasa dan Pustaka 2010). Perkhidmatan adalah perihal berkhidmat atau bertugas (Dewan Bahasa dan Pustaka 2010). Aspek perkhidmatan adalah ; menyediakan pembiayaan, pelaburan dan khidmat bagi kegiatan-kegiatan pengeluaran ekonomi yang tidak bertentangan dengan kehendak-kehendak syarak.

Rajah 3: potensi model pengukuhan ketahanan sosioekonomi lestari asnaf .



Sumber: <http://medbox.ilab.me/modules/en-cdc/www.cdc.gov/cancer/crcpc/sem.htm>

#### 4. KESIMPULAN

Kajian ini telah memberi sumbangan baru dalam merealisasikan pembangunan sosioekonomi. Lantas aspek seperti konsep ekologi ketahanan; peranan skala, keupayaan adaptif, dan pengurusan adaptif; dan implikasi kepada golongan asnaf dapat dicadangkan melalui model pengukuhan daya tahan ekonomi lestari.

#### PENGHARGAAN

Kajian ini adalah hasil Geran Penyelidikan & Inovasi UIS (GPIU) 2023 bertajuk Model Pengukuhan Ketahanan Sosioekonomi Lestari Perspektif Penilaian Impak Sosial (SIA) dalam Kalangan Golongan Asnaf Zakat Selangor, Malaysia. (2023/P/GPIU/GPM-010) di ketuai Dr. Rosfazila Binti Abd. Rahman.

#### RUJUKAN

- Abbasi AS, Rehman K, Bibi A (2010), Leadership Model an. Accountability Perspective. *World Applied Sciences Journal* 9(3):. 230-238.
- Abdul Rashid Aziz. (2020). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 5, Issue 11, (page 1 -9), 2020. DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i11.539>

- Ahmad Munawar Ismail. (2015). Islam dan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu. *Jurnal Hadhari*. Edisi Khas, hlm 143-154
- Ashraf B. N. (2020). Economic impact of government interventions during the COVID-19 pandemic: International evidence from financial markets. *Journal of behavioral and experimental finance*, 27, 100371. <https://doi.org/10.1016/j.jbef.2020.100371>
- Bastaminia, A., Rezaei, M.R. & Saraei, M.H. (2017). Evaluating the components of social and economic resilience: After two large earthquake disasters Rudbar 1990 and Bam 2003', *Jambá: Journal of Disaster Risk Studies* 9(1), a368. <https://doi.org/10.4102/jamba.v9i1.368>
- Bradley R.S. (2003). *The Economic Today (9th ed)*. New York: McGraw-Hill.
- Bernamea (3 Jun 2020). MTUC Harap Rancangan Berdaya Maju, Mapan Tangani Masalah Pekerja. Berita Harian Online Capaian pada 10 Oktober dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/696048/mtuc-harap-rancangan-berdayamaju-mapan-tangani-masalah-pekerja>
- Bernamea (3 Jun 2020). Several industries continue to show growth, still hiring – Jobstreet. Dicapai pada 5 October 2020 daripada [https://www.bernama.com/en/general/news\\_COVID19.php?id=1847551](https://www.bernama.com/en/general/news_COVID19.php?id=1847551)
- Brooks, S. K., Dunn, R., Amlot, R., Rubin, G.J., & Greenberg, N. (2018). A systematic, thematic review of social and occupational factors associated with psychological outcomes in healthcare employees during and infectious disease outbreak. *Journal of Occupational and Environmental Medicine*, 60(3), 248- 257.
- Cancelliere C, Donovan J, & Stochkendahl M.J. (2016). Factors affecting return to work after injury or illness: Best evidence synthesis of systematic reviews. *Chiropr Man Therap*, 24(1), 24–32.
- Cucinotta, D & Vanelli. (2020). WHO declares Covid 19 a Pandemic. *Acta Biomed.* 91(1), 157-160.
- Deborah Wallace and Rodrick Wallace. (2008). *Ecology and Society*, Jun 2008, Vol. 13, No. 1 (Jun 2008) : Resilience Alliance Inc.: <https://www.jstor.org/stable/26267922>.
- Dingel, J.I., Neiman, B. (2020). *How Many Jobs Can be Done at Home?*. Unpublished manuscript.
- Etuknwa A, Daniels K, Eib C. (2019). *Sustainable return to work: a systematic review focusing on personal and social factors*. *J Occup Rehabil*, 29(4), 679– 700.
- Farhana Sidek, K Pavlovich, J Gibb . (2008). Entrepreneurship as worship: A Malay Muslim perspective. *Journal of Management & Organization* 24 (5), 698-710, 2018. 16, 2018.
- Fawcett, S.E., Baru, J.C., Rhoads, G.K. whitlark, D. and Fawcett, A.M. (2008). Spirituality and organizational culture: Cultivating the ABCs of an inspring workplace, *International Journal of Public Administration*, Vol. 31 No.4 pp. 420-428.
- Feather, N.T. (1992). Expectancy-value theory and unemployment effects. *Journal of Occupational and Organizational Psychology*, 65, 315–330.
- Feather, N.T., & O'Brien, G. (1986). A longitudinal analysis of the effects of different patterns of employment and unemployment on school-leavers. *British Journal of Psychology*, 77, 459–479.



- Fishbein, M. (1967). *A behavior theory approach to the relations between beliefs about an object and the attitude toward the object*. In M. Fishbein (Ed.), *Readings in attitude theory and measurement* (pp. 389-400). New York: John Wiley & Sons.
- Friedrich von Wieser. (1924). 1928. *Social Economics*. Foreword by Wesley C. Mitchell. Reprint 2003, Routledge.
- Goyal, K., Chauhan, P., Chhikara, K., Gupta, P., & Singh, M. P. (2020). Fear of COVID 2019: First suicidal case in India. *Asian Journal of Psychiatry*, 49, e101989.
- Gustav Cassel, [1931] 1932. *The Theory of Social Economy*. Reprinted 1967, Augustus M. Kelley. From the Mises Institute.
- Gragnano A, Negrini A, Miglioretti M, & Corbière M. (2018). Common psychosocial factors predicting return to work after common mental disorders, cardiovascular diseases, and cancers: a review of reviews supporting a cross-disease approach. *J Occup Rehabil*, 28(2),215–231.
- Huang Y., & Zhao N. (2020). *Generalized anxiety disorder, depressive symptoms and sleep quality during COVID-19 outbreak in China: A web-based cross-sectional survey*. *Psychiatry Research*, doi: 10.1016/j.psychres.2020.112954. Advance online publication.
- International Labor Organization. (March 18, 2020). Almost 25 million jobs could be lost world wide as a result of COVID-19, says ILO. Dicapai pada 5 Oktober 2020 dari [https://www.ilo.org/global/about-the-ilo/newsroom/news/WCMS\\_738742/lang-en/index.htm](https://www.ilo.org/global/about-the-ilo/newsroom/news/WCMS_738742/lang-en/index.htm)
- IPSOS Survey (2020, June 5). What worries the world: Coronavirus Concern Rebounds. Capaian pada 10 Oktober 2020 dari <https://www.ipsos.com/en-my/what-worries-world-coronavirus-concernrebounds> *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 5, Issue 11, (page 1 -9), 2020DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i11.539>
- Joanne Guthrie. (2020). Child nutrition programs report. United States Department of Agriculture Economic Research Service. Dicapai pada 6 Oktober 2020 dari <https://www.ers.usda.gov/topics/food-nutrition-assistance/child-nutrition-programs/>.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2011). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan pembelajaran*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Kanfer, R., Wanberg, C., & Kantrowitz, T. (2001). Job-search and employment: A personality motivational analysis and meta-analytic review. *Journal of Applied Psychology*, 86, 837–855.
- Laporan Statistik COVID-19. (2020). *Kementerian Kesihatan Malaysia*. Capaian pada 10 Oktober 2020 dari <http://COVID-19.moh.gov.my/>
- Lawson, R.B. & Zheng Shen. (1998). *Organizational Psychology: Foundations and application*. New York: Oxford University Press.
- Li J-B, Yang A, Dou K, Cheung RY. (2020). Self-control moderates the association between perceived severity of the coronavirus disease 2019 (COVID-19) and mental health problems among the Chinese public. *PsyCOVID*. Malaysia: *Garis Panduan Dasar Kesihatan Mental Negara*. Kementerian Kesihatan Malaysia. Capaian pada 5 Mei 2020 di <https://www.moh.gov.my/>
- Marinov, M.T. (2020). Application Of The Moratorium Over The Payment Of Loans In Connection With The Covid-19 Pandemic And Its Impact On The National



- Security In The Republic Of Bulgaria. *International Conference Knowledge-Based Organization*. XXVI (20), 199-204.
- Max Weber. (1922). *Economy and Society*, 2 v. <https://books.google.com.my/>
- Mohd Zaky Zainudin (2 Jun 2020). COVID-19: Kerajaan Analisis Kesan Terhadap Sektor Terjejas. *Berita Harian Online*. Capaian pada 10 Oktober 2020 dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/695534/COVID-19-kerajaan-analisis-kesan-ke-atas-sektor-terjejas> Pengarang (2020, 5 Mei).
- Bendung pengangguran akibat wabak COVID-19. *Sinar Harian*. Dicapai pada 6 Jun 2020 daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/82004/SUARA-SINAR/LidahPengarang/Bendung-pengangguran-akibat-wabak-COVID-19>.
- Nik Safiah Karim Editor. (2010). Publisher, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010 ; ISBN, 9836294643.
- Nur Syafawaty Binti Abd Rahman. (2009). *Social Impact Assessment In Urban Development In Malaysia; A Report Submitted In Fulfillment Of The Requirements For The Award Of The Degree Of Achieving Bachelor Of Civil Engineering*. Faculty Of Civil Engineering And Earth Resources. Universiti Malaysia Pahang.
- Norman K. Denzin and Yvonna S. Lincoln. (1994). *Handbook of Qualitative Research*. Newbury Park: Sage, 1994, pp. 643. - Volume 14 Issue 4.
- Pertubuhan Kesihatan Sedunia-*World Health Organization*. (2020). Capaian pada 8 Mei 2020 di <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019>.
- Penentu Penyisihan Sosial Dalam Kalangan Asnaf Fakir dan Miskin Baitulmal- Maiwp: Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Available from: [https://www.researchgate.net/publication/329554927\\_Penentu\\_Penyisihan\\_Sosial\\_Dalam\\_Kalangan\\_Asnaf\\_Fakir\\_dan\\_Miskin\\_Baitulmal-Maiwp\\_Kajian\\_di\\_Wilayah\\_Persekutuan\\_Kuala\\_Lumpur](https://www.researchgate.net/publication/329554927_Penentu_Penyisihan_Sosial_Dalam_Kalangan_Asnaf_Fakir_dan_Miskin_Baitulmal-Maiwp_Kajian_di_Wilayah_Persekutuan_Kuala_Lumpur) [accessed Jan 26 2023].
- Pokrovskii, Vladimir N. (2011). *Econodynamics. The Theory of Social Production*, Springer, Berlin.
- Pierce M., Hope H., Ford T., Hatch S., Hotopf M., John A., & Abel K.M. (2020). *Mental health before and during the COVID-19 pandemic: A longitudinal probability sample survey of the UK population*. *The Lancet Psychiatry*. doi: 10.1016/S2215-0366(20)30308-4. Advance online publication.
- Robert, W. F., Kenneth, C., Huanan, Xu. (2020). The Impacts of COVID-19 on Minority Unemployment: First Evidence from April 2020 CPS Microdata. Unpublished raw data.
- Samantha M. B., Jenalee R. D., Stephanie. L-P, Sarah. E.W., Tiffany. K. (2020). *Stress and parenting during the global COVID-19 pandemic*. *Child Abuse Negl.* 2020 Aug 20 :104699. doi:10.1016/j.chiabu.2020.104699. Advance online publication.
- Secretary's Commission on Achieving Necessary Skill (SCANS).(1991). *Skills and Task for Jobs. A SCANS Report for America 2000*. Washington, D.C. U.S Department of Labour.
- Sharina Ahmad. (2020). Is 30% rental discount incentive sufficient? SME Corporation Malaysia. Dicapai pada 6 Oktober 2020 daripada <https://www.smecorp.gov.my/index.php/en/resources/2015-12-21-10-55-22/news/4133-is-30->
- Wang, C., Pan, R., Wan, X., Tan, Y., Xu, L., Ho, C. S., y Ho, R. C. (2020). Immediate Psychological Responses and Associated Factors during the Initial Stage of the 2019

Coronavirus Disease (COVID-19) Epidemic among the General Population in China. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(5).  
Wartawan BH. (September 11, 2020). Kadar Pengangguran di Malaysia Terus Berkurangan. *Berita Harian Online*. Dicapai pada 15 September 2020 daripada <https://www.bharian.com.my/bisnes/lainlain/2020/09/730168/kadar-pengangguran-di-malaysia-terus-berkurangan>  
Wat Kamal Abas (October 8, 2020). *Bajet 2021: Teruskan Bantuan Prihatin Nasional*. Utusan Malaysia Online. Dicapai pada 5 Oktober 2020 daripada <https://www.utusan.com.my/berita/2020/10/bajet-2021-teruskan-bantuan-prihatin-nasional/>

## **SOROTAN PERKEMBANGAN PERSURATAN MELAYU DALAM KERAJAAN JOHOR-RIAU**

Ayu Nor Azilah Mohamad<sup>1</sup>, Siti Zaleha Ibrahim<sup>2</sup>, Wayu Nor Asikin Mohamad<sup>3</sup>

<sup>1</sup>*Universiti Islam Selangor*

*ayunorazilah@uis.edu.my*

<sup>2</sup>*Universiti Islam Selangor*

*sitizaleha@uis.edu.my*

<sup>3</sup>*University College Bestari*

*wayu@ucbestari.edu.my*

### **ABSTRAK**

Kajian ini menyoroti perkembangan persuratan Melayu dalam kerajaan Johor-Riau. Kerajaan Johor-Riau merupakan salah satu pusat penting kesusasteraan dan kebudayaan Melayu pada abad ke-18 dan ke-19. Kerajaan Johor-Riau sebagai salah satu kuasa politik dominan di rantau Melayu turut memainkan peranan besar dalam membentuk tradisi persuratan Melayu, terutama dalam menghasilkan karya-karya sastera, sejarah, dan agama. Antara yang paling menonjol ialah karya-karya seperti Hikayat Hang Tuah, Tuhfat al-Nafis dan Sulalatus Salatin. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti peranan kerajaan Johor-Riau dalam perkembangan persuratan Melayu khususnya dalam bidang kesusasteraan, sejarah dan agama. Selain itu, turut diuraikan tentang sumbangan tokoh-tokoh persuratan dalam kerajaan Johor-Riau dalam menghasilkan karya-karya penting. Ini termasuk kandungan dan bentuk karya persuratan Melayu yang dihasilkan diperinci untuk memahami nilai budaya, keagamaan serta intelektual yang disampaikan. Metodologi yang digunakan ialah kajian kepustakaan terhadap karya-karya tersebut. Secara keseluruhannya, perkembangan persuratan Melayu dalam kerajaan Johor-Riau bukan sahaja mencerminkan kebijaksanaan dan kecerdasan intelektual masyarakat pada zaman itu, tetapi juga memberi kesan yang berkekalan dalam tradisi penulisan serta budaya Melayu hingga ke hari ini.

Kata kunci: Sorotan, perkembangan, Persuratan Melayu, Johor-Riau

### **1. PENGENALAN**

Kerajaan Johor-Riau, juga dikenali sebagai Kesultanan Johor-Riau, adalah sebuah kesultanan Melayu yang terbentuk setelah kejatuhan Kesultanan Melaka pada tahun 1511. Kesultanan ini meliputi wilayah-wilayah Johor, Pahang, dan Kepulauan Riau-Lingga di Sumatera. Kesultanan Johor-Riau diasaskan oleh Raja Ali Putera Sultan Mahmud Shah dan Tun Fatima. Ia menggunakan gelaran Sultan Alauddin Riayat Syah I (1528-1564). Bendahara Siri Nara Diraja diperintahkan untuk mengumpul orang untuk menarik perhatian negeri di tebing Sungai Johor. Kemunculan kerajaan Johor adalah setelah kerajaan Melaka jatuh akibat kekalahan Melaka terhadap Portugis yang menjajah Melaka pada tahun 1511. Kerajaan Johor-Riau telah mencapai kegemilangan dalam

beberapa bidang iaitu dari segi perdagangan, pengurusan pelabuhan dan persuratan Melayu. Antara salah satu faktornya adalah kerana kepesatan dalam aktiviti perniagaan yang berlaku di Johor (A. Samad, 1985). Kedudukan Kerajaan Johor adalah di tengah-tengah laluan perdagangan dan terdapat banyak kapal peniagaan yang singgah di pelabuhan yang terdapat di sekitar wilayah kerajaan Johor. Akibat daripada perkembangan yang berlaku dalam aktiviti perdagangan, lalu wujud aktiviti perkapalan dan maritim dari aspek ekonomi (Andaya, 1987).

Persuratan Melayu merupakan satu bidang yang penting dalam sejarah kebudayaan dan perkembangan ilmu pengetahuan di Alam Melayu. Pada zaman kerajaan Johor-Riau iaitu pada abad ke-16 hingga abad ke-19, persuratan berkembang pesat, terutamanya dalam bidang sastera, agama, undang-undang, dan pentadbiran. Kerajaan Johor-Riau, yang merupakan pusat intelektual dan kebudayaan pada waktu itu, memainkan peranan besar dalam menyebarkan tulisan-tulisan berbahasa Melayu ke seluruh Nusantara.

## **2. METODOLOGI**

Artikel ini menggunakan metodologi kajian kepustakaan dengan meneliti karya-karya terpilih dalam mengupas dapatan perbincangan. Antara karya terpilih ialah Tuhfat Al-Nafis, Hikayat Hang Tuah, Sulalatus Salatin dan hasil karya yang berkaitan bagi menyokong penghuraian dapatan kajian. Selain itu, pendekatan sejarah yang komprehensif juga digunakan merangkumi aspek khusus kepada Persuratan Melayu.

## **3. PERKEMBANGAN PERSURATAN KERAJAAN JOHOR-RIAU**

Karya agung ialah karya yang ditulis dalam bahasa Melayu yang mampu mengaktifkan unsur-unsur pemikiran nilai dan sistem kepercayaan falsafah atau pandangan hidup dalam bahasa Melayu. Karya Agung melambangkan pencapaian yang lebih tinggi dalam budaya Melayu yang mencerminkan pemikiran dan pandangan orang Melayu. Terdapat dua tempat yang menjadi peranan penting dalam perkembangan penulisan karya persuratan dalam kerajaan Johor-Riau yang berkaitan dengan Raja Melayu iaitu Batu Sawar dan Pulau Penyengat yang bertempat di Riau (Haji Buyong, 1971).

Kesultanan Johor-Riau menjadi pusat intelektual di rantau ini, di mana penulisan dan pengajian ilmu berkembang pesat. Sultan-sultan Johor-Riau mendukung aktiviti intelektual dengan menjemput ulama dan cendekiawan ke istana untuk mengajar dan menulis. Karya-karya dalam pelbagai bidang seperti agama, sejarah, undang-undang, dan kesusasteraan dihasilkan di bawah naungan kesultanan ini. Sebagai contoh, kitab-kitab agama yang mengajarkan tasawuf dan fiqh ditulis dan disebar oleh ulama terkenal seperti Syeikh Abdul Rauf Singkel dan Nuruddin al-Raniri, yang memainkan peranan penting dalam menyebarkan ajaran Islam ke seluruh Nusantara (Liaw Yock Fang, 1975).

Kesultanan Johor-Riau bertindak sebagai pelopor dalam perkembangan persuratan Melayu. Kedudukan strategik di rantau ini menjadikan Johor-Riau pusat perdagangan dan pertukaran idea, yang turut memberi kesan kepada perkembangan ilmu pengetahuan. Karya-karya seperti "Tuhfat al-Nafis" yang ditulis oleh Raja Ali Haji adalah antara hasil persuratan yang signifikan, mencerminkan perkembangan intelektual pada masa itu. Raja Ali Haji, seorang tokoh

penting dalam persuratan Melayu Johor-Riau, menyumbang kepada kemajuan bahasa dan kesusasteraan Melayu. Beliau terkenal dengan karya "Gurindam Dua Belas" dan "Tuhfat al-Nafis". Karyanya tidak hanya mempengaruhi perkembangan bahasa Melayu, tetapi juga membentuk aspek pemikiran dan falsafah masyarakat Melayu pada masa itu. Raja Ali Haji turut memberi perhatian kepada tatabahasa Melayu melalui karyanya, "Kitab Pengetahuan Bahasa", yang menjadi rujukan penting dalam bidang linguistik Melayu.

*Tuhfat al-Nafis* merupakan sebuah karya agung dalam persuratan Melayu yang ditulis oleh Raja Ali Haji, seorang tokoh ulung dalam perkembangan kesusasteraan dan intelektual Melayu pada abad ke-19. Karya ini mempunyai nilai sejarah yang tinggi kerana ia merakamkan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku di Johor-Riau dan wilayah sekitarnya, termasuk perkembangan politik, sosial, dan kebudayaan masyarakat Melayu. *Tuhfat al-Nafis* bukan sahaja penting dari sudut isi kandungannya, tetapi juga sebagai bukti kepada kematangan pemikiran dan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan golongan bangsawan dan intelektual di Johor-Riau (Raja Ali Haji, 1982 & Virginia, 1991). Dengan penulisan *Tuhfat al-Nafis*, Kesultanan Johor-Riau semakin diakui sebagai pusat penting dalam perkembangan persuratan Melayu. Raja Ali Haji, sebagai pengarang karya ini, memperkukuhkan peranan Johor-Riau sebagai sebuah pusat intelektual dan kesusasteraan yang mempengaruhi keseluruhan Nusantara. Karya beliau bukan sahaja mengukuhkan Johor-Riau sebagai pusat persuratan, tetapi juga meningkatkan kesedaran tentang betapa pentingnya budaya tulis dan tradisi ilmu dalam membina ketamadunan Melayu. Ini menjadikan Johor-Riau sebagai model bagi pusat-pusat intelektual lain di rantau ini (Abdul Rahman, 2001).

Selain itu, Sultan-sultan Johor-Riau juga mendukung aktiviti penulisan dan penyebaran ilmu, serta memastikan penghasilan karya dalam bidang undang-undang dan keagamaan, seperti "Hukum Kanun Johor" dan "Undang-Undang Laut Melaka". Dalam konteks persuratan sastera, Johor-Riau terkenal dengan penghasilan hikayat, syair, dan pantun. Hikayat seperti "Hikayat Hang Tuah" dan "Hikayat Raja-Raja Pasai" adalah antara karya penting yang dihasilkan atau disalin di wilayah ini. Syair pula digunakan secara meluas dalam pendidikan dan pembelajaran agama. Syair dan pantun bukan sahaja menghibur tetapi juga menyampaikan nasihat dan pengajaran. Karya-karya ini turut berfungsi sebagai medium penyebaran adat dan budaya Melayu serta memperkukuhkan identiti masyarakat Melayu di rantau ini.

*Hikayat Hang Tuah* adalah salah satu karya epik Melayu yang paling terkenal dan berpengaruh dalam persuratan Melayu klasik. Sejarawan menyatakan bahawa naskhah ini dihasilkan oleh pengarang dari Johor selepas kekalahan Portugis di Melaka pada tahun 1641. Hikayat ini mengisahkan tentang Hang Tuah, seorang pahlawan legenda yang setia kepada Sultan Melaka, dan peranannya dalam pelbagai peristiwa penting sepanjang zaman kegemilangan Kesultanan Melaka pada abad ke-15. Karya ini menggambarkan nilai-nilai kepahlawanan, kesetiaan, dan kebijaksanaan yang dianggap penting dalam masyarakat Melayu tradisional. Seterusnya apabila mengikuti para pengkaji aspek kejituan sejarahnya tidak perlu ditekankan kerana "hikayat ini hendak menciptakan seorang yang luar biasa, seorang 'superman' seorang maha manusia Hang Tuah!" (Hashim & Rohaidah, 2015).

*Sulalatus Salatin* atau lebih dikenali sebagai *Sejarah Melayu*, adalah salah satu karya historiografi Melayu yang paling penting dan berpengaruh dalam persuratan Melayu. Karya ini

dikarang oleh Tun Sri Lanang pada awal abad ke-17 atas arahan Sultan Johor. Karya yang ditulis di Johor ini bertarikh 1612 amat penting dan dari awal lagi dikagumi kerana kandungan, bahasa dan seni persembahannya. Malah turut merangkumi sejarah Kesultanan Melayu Melaka, dari penubuhannya hingga kejatuhannya, dan memaparkan pelbagai aspek kehidupan politik, sosial, dan budaya masyarakat Melayu pada zaman tersebut. *Sulalatus Salatin* bukan sahaja menjadi teks sejarah tetapi juga sebuah karya sastera yang penuh dengan kisah-kisah legenda, mitos, dan nasihat yang menjadikannya warisan penting dalam dunia Melayu (Tun Seri Lanang, 2009).

Kesultanan Johor-Riau bukan sahaja menghasilkan karya-karya penting, tetapi juga berperanan dalam menyebarkan karya-karya ini ke seluruh Nusantara. Kedudukan Johor-Riau yang strategik sebagai pusat perdagangan maritim menjadikannya titik pertemuan bagi pedagang, ulama, dan cendekiawan dari pelbagai wilayah. Ini memudahkan penyebaran karya-karya sastera, agama, dan undang-undang Melayu ke kawasan lain seperti Sumatera, Jawa, dan Semenanjung Tanah Melayu. Dalam konteks ini, bahasa Melayu yang digunakan dalam persuratan Johor-Riau memainkan peranan sebagai lingua franca, bukan sahaja dalam perdagangan tetapi juga dalam dunia intelektual dan keagamaan di Nusantara.

Selain karya sastera dan agama, Kesultanan Johor-Riau juga terlibat dalam penghasilan karya undang-undang dan pentadbiran. *Hukum Kanun Johor* adalah salah satu karya undang-undang yang dikembangkan di wilayah ini. Kanun tersebut mengandungi peraturan-peraturan berkaitan dengan jenayah, ekonomi, dan pentadbiran, yang menjadi rujukan bagi pemerintahan kesultanan. Karya ini menunjukkan bagaimana persuratan Melayu tidak hanya terhad kepada sastera dan agama, tetapi juga meliputi bidang yang lebih luas termasuk pentadbiran negara. Kegemilangan Kesultanan Johor-Riau adalah kerajaan yang kuat dan unggul di Alam Melayu. Antaranya ialah, pusat perdagangan yang unggul. Kerajaan Johor muncul sebagai pusat perdagangan yang unggul kerana terdapat beberapa keistimewaan yang dimiliki. Kedudukan yang strategik iaitu kawasan pelabuhan Johor Lama, Batu Sawar dan Panchor yang mudah untuk dimiliki oleh kapal besar kerana Sungai Johor yang lebar dan dalam. Pelabuhan Riau yang terletak di persimpangan lalu lintas maritim yang strategik menjadi menjadi tumpuan para pedagang luar untuk mengurus niaga. Kesibukan pelabuhan Johor-Riau terjadi kerana sekitar 500 ke 600 buah kapal dagang yang datang melabuh daripada pelbagai bangsa di pelabuhan Johor terutamanya di Pelabuhan Riau seperti kapal Siam, Portugis, Inggeris dan pulau-pulau di Alam Melayu (Andaya L.Y., 1987).

#### **4. KESIMPULAN**

Kesimpulannya, *Tuhfat al-Nafis* merupakan sebuah karya yang memberikan sumbangan besar kepada perkembangan persuratan Melayu, terutamanya di Johor-Riau. Dengan kekayaan isi dan gaya bahasa yang digunakan, *Tuhfat al-Nafis* terus relevan sebagai rujukan dalam kajian sejarah, kesusasteraan, dan bahasa Melayu hingga ke hari ini. Manakala *Hikayat Hang Tuah* adalah sebuah karya epik yang menjadi lambang kesusasteraan Melayu klasik dan warisan kebudayaan yang kaya. Kepentingan *Hikayat Hang Tuah* dalam persuratan Melayu dan pengaruhnya yang berterusan hingga ke hari ini menunjukkan bahawa karya ini merupakan sebahagian daripada identiti dan warisan intelektual masyarakat Melayu. Begitu juga dengan *Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* adalah karya agung yang memainkan peranan penting dalam perkembangan persuratan dan historiografi Melayu. Dengan pengaruh yang besar dalam pembentukan identiti

Melayu dan tradisi intelektual, *Sulalatus Salatin* kekal sebagai salah satu karya terpenting dalam khazanah persuratan Melayu. Ternyata, Kesultanan Johor-Riau memainkan peranan yang besar dalam perkembangan persuratan Melayu dari abad ke-16 hingga abad ke-19. Dengan sokongan daripada sultan-sultan yang mendukung perkembangan ilmu pengetahuan, Johor-Riau menjadi pusat intelektual yang menghasilkan karya-karya penting dalam pelbagai bidang. Persuratan Melayu di Johor-Riau telah memainkan peranan besar dalam membentuk identiti dan kebudayaan Melayu. Pusat intelektual ini bukan sahaja menghasilkan karya-karya besar yang merangkumi bidang sastera, agama, dan undang-undang, tetapi juga menjadi platform penting dalam penyebaran bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu serta pentadbiran di Nusantara. Pengaruh persuratan Melayu dari Johor-Riau tersebar ke seluruh Nusantara menjadikan kesultanan ini sebagai peneraju dalam memperkukuh dan menyebarkan kebudayaan serta identiti Melayu. Malah Kesultanan Johor-Riau telah meninggalkan warisan intelektual yang kekal relevan sehingga hari ini.

## 5. RUJUKAN

- A. Samad Ahmad. (1985). *Kerajaan Johor-Riau*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Haji Ismail. (2001). *Sejarah Persuratan Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andaya L.Y. (1987). *Kerajaan Johor 1641-1728: Pembangunan Ekonomi dan Politik*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haji Buyong Adil. (1971). *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa & Rohaidah Kamaruddin. (2015). *Hang Tuah: Catatan Okinawa*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Raja Ali Haji. (1982). *Tuhfat al-Nafis*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liaw Yock Fang. (1975). *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Penerbit Universiti Malaya.
- Tun Seri Lanang. (2009). *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Virginia M. H. (1991). *Tuhfat Al-Nafis*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

## PENGAMALAN AKHLAK MAHMUDAH DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN: KAJIAN TERHADAP NILAI SABAR DAN BERKATA BAIK

Siti Zaleha Ibrahim<sup>1</sup> & Ayu Nor Azilah Mohamad<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*Universiti Islam Selangor*

[sitizaleha@uis.edu.my](mailto:sitizaleha@uis.edu.my)

<sup>2</sup>*Universiti Islam Selangor*

[ayunorazilah@uis.edu.my](mailto:ayunorazilah@uis.edu.my)

### ABSTRAK

Kajian ini membincangkan pengamalan akhlak mahmudah dalam kalangan pelajar Sijil Tasawwur Islam. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti akhlak baik yang diamalkan dalam kehidupan seharian. Selain itu, ia adalah untuk meneroka akhlak yang ingin diterapkan dalam diri masing-masing. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual secara Focus Group Discussion (FGD) untuk mengumpulkan data. Data temu bual dianalisis secara analisis tematik. Hasil kajian menunjukkan bahawa peserta kajian mengetahui akhlak mahmudah yang dianjurkan dalam Islam. Peserta kajian juga mengetahui kelebihan akhlak mahmudah tersebut melalui hadis nabawi. Walau bagaimanapun, terdapat kesukaran untuk mengaplikasi dan mengamalkan akhlak tertentu seperti sabar dan berkata baik dalam kehidupan seharian.

Kata Kunci: Pengamalan, akhlak, sabar, berkata baik

### 1. PENDAHULUAN

Perkataan akhlak berasal daripada perkataan ‘al-akhlaaqu’ iaitu kata jamak daripada perkataan ‘al-khuluqu’ bererti tabiat, kelakuan, perangai, tingkah laku dan adat kebiasaan. Perkataan ini pula adalah pecahan perkataan ‘al-khalqu’ yang bererti ciptaan yang dibayangkan oleh al-Quran. Imam al-Ghazali mentakrifkan akhlak sebagai suatu keadaan yang sehati di dalam diri serta melahirkan tingkah laku secara spontan tanpa perlu merenung dan berfikir. Manakala menurut Ibn Miskawayh, akhlak ialah keadaan jiwa yang mendorong ke arah melahirkan perbuatan tanpa pemikiran dan penelitian.

Terdapat dua sifat dalam diri manusia iaitu sifat yang baik (mahmudah) dan sifat buruk (mazmumah). Akhlak mahmudah merupakan akhlak baik yang dimiliki oleh Rasulullah SAW para rasul dan para salaf al-soleh yang perlu menjadi ikutan umat manusia khususnya umat Islam. Sifat mahmudah mampu membentuk keperibadian soleh dalam diri seseorang. Akhlak mahmudah ini juga membantu kepada kemantapan iman dan ketakwaan seseorang kepada Allah SWT (Mohd Yusoff, 2007).



## **2. LATAR BELAKANG KAJIAN**

Secara umumnya, masyarakat kini memahami akhlak sebagai kelakuan baik yang menghasilkan kelakuan individu yang boleh diumpamakan seperti individu yang lurus dan betul bendul (Nik Mustapha, 2008). Pemahaman sedemikian akan menggugat kefahaman tentang peri pentingnya akhlak dalam membangun sesebuah masyarakat. Maka tidak hairanlah gejala keruntuhan akhlak masih berleluasa dalam masyarakat. Media melaporkan gejala keruntuhan akhlak bukan hanya melibatkan remaja bahkan dewasa juga. Ia berpunca daripada rapuhnya adab kesopanan dan tatasusila lantaran jiwa insan tidak disemai dengan pendidikan akhlak (Mazlina, 2018).

Rentetan itu, pemahaman yang betul tentang akhlak perlu diberikan. Sesungguhnya akhlak yang baik akan menghasilkan peribadi yang baik. Ia akan terhasil melalui yang biasa dilakukan oleh manusia iaitu dengan mengamalkan sifat-sifat mahmudah (terpuji) dan meninggalkan sifat-sifat mazmumah (tercela). Justeru, penulisan ini akan mengenal pasti akhlak baik yang diamalkan oleh pelajar Sijil Tasawwur Islam dalam kehidupan seharian. Selain itu, penulisan ini meneroka akhlak yang ingin diterapkan dalam diri masing-masing.

## **3. METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan metode kajian kualitatif. Kajian ini mengguna pakai pendekatan temu bual secara perbincangan kumpulan berfokus atau *Focus Group Discussion* (FGD). Menurut Nyumba, Wilson, Derrick & Mukherjee (2018), FGD sering digunakan sebagai pendekatan kajian kualitatif bagi memahami secara mendalam dalam isu sosial sains.

Perbincangan kumpulan berfokus (FGD) melibatkan 16 orang pelajar Sijil Tasawwur Islam dari Masjid Kampung Sungai Merab. Temu bual ini adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan akhlak baik yang diamalkan dalam kehidupan seharian. Selain itu, ia adalah untuk meneroka akhlak yang ingin diterapkan dalam diri masing-masing.

Proses pengumpulan data dalam kajian ini adalah melalui protokol temubual dan disokong oleh data dokumen. Data temu bual telah dianalisis secara bertema dengan kaedah penentuan kategori, tema dan sub tema.

## **4. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan kajian adalah meliputi pengetahuan pelajar tentang akhlak Nabi Muhammad SAW, kelebihan dan keistimewaan akhlak mahmudah, pengamalan akhlak mahmudah dalam kehidupan seharian dan akhlak yang ingin diterapkan dalam diri.

### **Pengetahuan Tentang Akhlak Nabi Muhammad SAW**

Hasil dapatan menunjukkan bahawa semua peserta kajian mengetahui akhlak Nabi Muhammad SAW. Gambaran akhlak Nabi adalah al-Quran sebagaimana hadis daripada Sa'ad bin Hisyam bin Amir, dia berkata:

Maksudnya: *“Wahai Ummul Mukminin, khabarkanlah kepadaku mengenai akhlak Rasulullah SAW. Aisyah RA berkata: Akhlak baginda adalah al-Quran, bukankah engkau telah membaca al-Quran pada FirmanNya yang bermaksud “Sesungguhnya engkau (Muhammad) memiliki akhlak yang agung”*

(HR Ahmad)

Jelas menunjukkan tiada yang lebih baik akhlaknya melainkan Rasulullah kerana akhlak baginda merupakan akhlak al-Quran. Mahmud al-Misri (2014) menyatakan akhlak mulia Rasulullah SAW adalah seperti ialah bertakwa (takut kepada Allah), bermurah hati, lemah lembut, zuhud, sentiasa berbuat baik, warak, malu, amanah, reda, kuat dan berani, tawaduk, adil, sentiasa memaafkan, berbaik sangka dan banyak lagi.

### **Pengetahuan Tentang Kelebihan Kelebihan Akhlak Mahmudah**

Peserta kajian umumnya mengetahui kelebihan akhlak mahmudah. Rasulullah SAW menerangkan banyak kebaikan yang bakal diperoleh apabila seseorang itu memiliki akhlak yang baik dan mulia. Ini adalah berdasarkan hadis yang bermaksud:

Maksudnya: *“Sesungguhnya orang yang paling baik di antara kamu adalah orang yang berakhlak mulia.”*

(HR al-Bukhari & Muslim)

Abu Jabir bin Abdullah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Maksudnya: *“Allah SWT Maha Indah dan menyukai keindahan, menyukai akhlak mulia dan membenci akhlak tercela.”*

(HR al-Tabrani)

### **Pengamalan akhlak mahmudah dalam kehidupan seharian**

Hasil dapatan menunjukkan bahawa semua peserta kajian mengamalkan akhlak yang baik sebagaimana yang dituntut oleh Islam. Antara akhlak yang telah diamalkan dalam kehidupan seharian ialah ikhlas, memaafkan kesalahan orang lain dan rendah diri. Selain itu, peserta kajian juga melazimi diri dengan sifat jujur dan amanah.

Mengamalkan sifat-sifat terpuji akan membentuk akhlak yang baik dalam diri seseorang individu. Akhlak boleh ditafsirkan secara khusus dengan memahami akhlak Islam melalui sifat yang terpuji seperti menunaikan janji (al-Isra':34), tidak bercakap sesuatu yang tidak diketahui (al-Isra':36), tidak sombong atau mendabik dada (al-Isra':37), tidak boros, tidak membazir, tidak tamak dan tidak kedekut (al-Isra':26-27), bersikap adil kepada semua manusia (al-An'am: 152 & al-Maidah:8), bekerjasama melakukan kebaikan dan bertakwa kepada Allah SWT (al-Maidah:2), tidak melakukan kezaliman (al-Syu'ara':227 & al-Baqarah: 229 &270), bersabar dan beriman (Ali Imran: 200, al-Rum:60 & Hud: 115), jujur (al-Taubah:119), tidak berbohong (Ghafir: 28), menjauhi sifat takabbur, ujub, bakhil, bongkak, riak yang merupakan penyakit hati (Luqman:18

& al-Nisa':36-38), benar dan taat beribadah (Fussilat:30), syurga balasan kebaikan untuk orang-orang yang bertakwa (Ali-Imran: 133), tidak hasad dengki (al-Hashr: 10) dan lain-lain lagi (Mahmud al-Misri, 2014). Akhlak secara khusus ini merujuk kepada amal kebaikan yang menjurus kepada sifat-sifat mahmudah.

### **Akhlak yang ingin diterapkan dalam diri**

Akhlak yang baik atau sifat mahmudah diakui tidak semuanya mudah untuk diamalkan. Terdapat peserta kajian yang memberikan jawapan yang sama tentang akhlak yang ingin diterapkan di dalam diri masing-masing iaitu sabar dan berkata baik. Sebagaimana yang dinyatakan oleh peserta kajian berikut:

“Akhlak Rasulullah yang ingin saya contohi ialah sabar ” (PK4, K2)

“Sabar ni mudah nak diucap tapi sukar dilakukan”( PK6, K2)

Sabar bermaksud menahan jiwa daripada sesuatu yang dibenci bagi mendapatkan keredaan Allah SWT (al-Qaradhawi, 2013). Tidak dinafikan sifat sabar sukar disemai dalam diri. Terdapat halangan bagi sifat sabar seperti gelisah, resah dan marah. Dalam kajian Zainora et.al (2020), dapatan menunjukkan bahawa sebanyak 63.6% responden kerap mengalami rasa cepat marah ketika stres. Ia diikuti 18.1% responden tidak pasti mengalaminya dan 12.1% responden pada tahap sangat kerap mengalaminya.

Selain itu, mereka juga menyatakan akhlak yang ingin disemai dalam diri adalah berkata baik. Sebagaimana kenyataan berikut:

“Akhlak yang saya ingin ada adalah berkata dengan kata-kata yang baik ” (PK1, K1)

“Berkata baik sukar dilaksanakan”( PK2, K2)

Rasulullah SAW sangat menjaga percakapan baginda dan berbicara dengan penuh hikmah. Baginda bijak memilih dan menyusun perkataan mengikut keperluan dan bersesuaian dengan semua peringkat umur. Penekanan terhadap berkata baik ini juga dititikberatkan sebagaimana firman Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Maksudnya: *"Dan katakanlah (wahai Muhammad) kepada hamba-hamba-Ku (yang beriman), supaya mereka berkata dengan kata-kata yang amat baik (kepada orang-orang yang menentang kebenaran); sesungguhnya syaitan itu sentiasa menghasut di antara mereka (yang Mukmin dan yang menentang); sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang amat nyata bagi manusia."*

(al-Isra: 53)

Hadis Rasulullah SAW juga menegaskan pentingnya menjaga lidah dan menggunakan kata-kata yang baik sebagaimana sabdanya yang bermaksud:

Maksudnya: *"Barang siapa yang percaya kepada Allah dan Hari Akhirat, maka hendaklah ia berkata yang baik atau diam."*

Dari sudut pengetahuan tentang berkata baik, kajian oleh Mohd Khairi & Mohamad Khairi (2016) menunjukkan dapatan yang sangat tinggi iaitu 4.97 pada item “Menjaga tutur kata adalah salah satu akhlak mulia”. Ini menunjukkan bahawa responden mengetahui tentang sifat tersebut. Adapun dari sudut amalan, ia berada pada tahap sederhana. Sebagai contoh, kajian oleh Muhamad, N., & Hashim, A. (2017) ke atas 886 orang pelajar tingkatan empat dari lima zon iaitu Timur, Tengah, Selatan, Utara dan Malaysia Timur menunjukkan dapatan sederhana tinggi pada item “bercakap dengan bahasa yang sopan (min=3.98, sp=0.836).

## PENUTUP

Hasil kajian menunjukkan bahawa peserta kajian mengetahui akhlak mahmudah yang dianjurkan dalam Islam. Peserta kajian juga mengetahui kelebihan akhlak mahmudah. Walau bagaimanapun, terdapat kesukaran untuk mengaplikasi dan mengamalkan akhlak tertentu seperti sabar dan berkata baik dalam kehidupan seharian. Antara cadangan untuk mengamalkan sifat sabar ialah yakin terhadap balasan baik Allah SWT dan kemenangan daripadaNya, mencontohi golongan yang sabar dan waspada terhadap halangan sifat sabar seperti putus asa, perasaan marah dan lain-lain. Manakala untuk mengamalkan akhlak berkata baik, kita perlu berdiam diri daripada mengucapkan perkataan yang buruk dan sentiasa berdoa agar kita dikurniakan sifat-sifat yang mahmudah ini.

## RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Mahmud al-Misri. (2014). *Ensiklopedia akhlak Muhammad SAW*. Al-Hidayah House of Publication.
- Mazlina Ismail. April 24, 2018. Akhlak asas bentuk jati diri masyarakat. [https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/04/416117/akhlak-asas-bentuk-jati-diri-masyarakat#google\\_vignette](https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2018/04/416117/akhlak-asas-bentuk-jati-diri-masyarakat#google_vignette)
- Mohd Khairi Shafie & Mohamad Khairi Othman. (2016). Kefahaman dan pengamalan akhlak dalam kalangan pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. *Proceeding of ICECRS, 1 (2016) 663-676. International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016*
- Mohd Yusoff. (2007). *Bimbingan akhlak mulia dan nilai-nilai murni*. Berlian Publications.
- Muhamad, N., & Hashim, A. (2017). Pelaksanaan biah solehah dan kesan terhadap penghayatan akhlak pelajar di SMKA. *Jurnal Teknikal dan Sains Sosial*, 8(1), 25-43.
- Nik Mustapha Nik Hassan. Mac 04, 2008. Asas akhlak dalam bermasyarakat dan bernegara. <https://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2008/03/04/asas-akhlak-dalam-bermasyarakat-dan-bernegara/>
- Nyumba, T.O., Wilson, K., Derrick, C. J., & Mukherjee, N., (2018). The use of focus group discussion methodology: Insights from two decades of application in conservation.
- Siti Zaleha Ibrahim, Noraini Mohamad & Siti Rashidah Abd Razak. (2021) *Modul pengantar akhlak*. Corner Resources Sdn. Bhd.
- Yusuf al-Qaradhwawi. (2013). *Mukjizat sabar dalam Al-Quran*. Terj Muhsin Ahmad & Abdul Hadi Ishak. Penerbit PTS.

- Zainora Daud, Anuar Hasini, Norazman Alias & Norhasnira Ibrahim. (2020). Simptom stres dalam kalangan pelajar era COVID 19. USIM. *E-Prosiding International Seminar On Islam And Science 2020 (SAIS 2020)*.
- Yusuf al-Qaradhawi. (2013). *Mukjizat sabar dalam Al-Quran*. Terj Muhsin Ahmad & Abdul Hadi Ishak. Penerbit PTS.
- Zainora Daud, Anuar Hasini, Norazman Alias & Norhasnira Ibrahim. (2020). Simptom stres dalam kalangan pelajar era COVID 19. USIM. *E-Prosiding International Seminar On Islam And Science 2020 (SAIS 2020)*.

A-131

## APLIKASI ATAS TALIAN MENJADI NORMA BAHARU MEMBANTU PENGGIAT INDUSTRI PELANCONGAN DOMESTIK DI MALAYSIA

Syeliza Basri<sup>i</sup>, Hizral Tazzif Hisham<sup>ii</sup>, Roslee Ahmad<sup>iii</sup>

<sup>i</sup>*Syeliza Basri*. Head, Corporate Reputation, RECODA. [syelizab@recoda.gov.my](mailto:syelizab@recoda.gov.my)  
<sup>ii</sup> Senior Lecturer, Hizral Tazzif Hisham, Universiti Sains Islam Malaysia. [hizral@usim.edu.my](mailto:hizral@usim.edu.my)  
<sup>iii</sup>. Associate Professor, Roslee Ahmad, Universiti Sains Islam Malaysia. [roslee@usim.edu.my](mailto:roslee@usim.edu.my)

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji keberkesanan transformasi digital dan norma baharu kepada penggiat industri pelancongan dan kebudayaan ketika mendepani cabaran penularan pandemik Covid-19. Kajian ini menggunakan kerangka teori yang digunakan Technology Acceptance Model (TAM) meliputi 206 responden penggiat industri pelancongan domestik di seluruh Malaysia. Responden dari pelbagai latar belakang dan negeri diminta melengkapkan borang soal selidik dan analisis deskriptif serta analisis kebolehpercayaan untuk meneliti sama ada transformasi digital membantu mereka dalam promosi perniagaan pelancongan selepas Covid19. Justeru, survey keratan rentas digunakan untuk mengutip data. Persoalan kajian yang jelas dan khusus dirangka untuk meneliti sekiranya perubahan trend dalam perniagaan dilaksanakan oleh penggiat industri pelancongan, dapat membantu mereka meneruskan kelangsungan ekonomi atau apakah mereka berputus asa dan mengambil keputusan tidak bernas dalam keadaan yang tidak menentu ketika itu. Penyelidik juga berharap dapat mengenalpasti strategi komunikasi efektif yang mereka gunakan dan sekiranya pendekatan itu dapat membantu memulihkan segera ekonomi negara dan pendapatan mereka. Hasil dapatan data mendapati bahawa penggunaan platform digital terbukti membantu para penggiat industri pelancongan untuk bangkit semula, setelah terjejas teruk akibat pandemik Covid-19 dan mereka boleh bergantung kepada platform ini sekiranya berlaku krisis di masa depan. Hasil daripada kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan kepada penggiat industri pelancongan dan pihak Kerajaan juga, dalam mencapai matlamat untuk memulihkan perniagaan masing-masing serta ekonomi negara menerusi sektor pelancongan dan kebudayaan. Secara kesimpulannya, hasil kajian ini boleh menjadi panduan untuk memperbaiki dasar, pendekatan mahupun strategi perniagaan baru dalam norma baharu. Ia juga boleh menjadi rujukan untuk mempersiapkan industri sekiranya berlaku krisis lain di masa hadapan.

**Kata kunci:** Transformasi Digital, Norma Baharu, Covid-19, Promosi Pelancongan

### PENGENALAN

Kerajaan menerusi Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (MOTAC) mengambil langkah berani memperkenalkan Projek Rintis Gelembung Pelancongan Langkawi pada 16 September 2021, yang dijadikan sebagai penanda aras untuk melihat keberkesanannya, sebelum diperluaskan ke pulau-pulau peranginan yang lain. Strategi itu dilihat berkesan apabila projek rintis itu berjaya mencatat rekod melebihi sasaran jumlah kemasukan pelancong domestik iaitu sebanyak 190,855

pelancong, hanya dalam tempoh lebih sebulan sejak 16 September hingga 31 Oktober 2021. Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang mencapai rekod 90% populasi dewasa di negara ini mendapat vaksinasi lengkap pada Oktober 2021, juga menyumbang kepada pembukaan semula aktiviti pelancongan negara sehingga Kerajaan membenarkan pergerakan rentas negeri pada 11 Oktober 2021. Ini memberi nafas lega kepada seluruh rakyat negara ini lebihlebi lagi mereka yang terlibat dalam rantai ekonomi negara termasuklah sektor pelancongan. 16 Komitmen Kerajaan dalam melipatgandakan usaha untuk memastikan industri pelancongan dan kebudayaan terus bertahan dan pulih dengan segera, seterusnya menyumbang kepada ekonomi negara terbukti apabila Dasar Pelancongan Negara 2020-2030 dilancarkan bagi memacu kelangsungan industri pelancongan negara serta mensasarkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terpilih utama di peringkat global. Pelan Pemulihan Pelancongan dirangka pula sebagai strategi jangka pendek di bawah strategi jangka panjang Dasar Pelancongan Negara 2020-2030, yang menyenaraikan usaha “merancakkan semula pelancongan domestik dengan menawarkan pakej pelancongan yang kreatif dan menarik menerusi platform digital dan mempromosikan keunikan destinasi pelancongan desa atau ‘hidden gems’ memandangkan pelancong kini gemarkan destinasi yang selamat, kurang sesak dan nyaman” sebagai salah satu daripada strateginya. Bagaimanapun, ramai yang berpendapat bahawa banyak tarikan pelancongan yang ada di negara kita tidak diketahui dan disedari kerana tidak diketengahkan. Oleh sebab itulah, kajian projek ini akan membawa kita kepada penilaian sejauh mana strategi, pendekatan, transformasi mahupun teras yang dikemaskini dalam lanskap pelancongan norma baharu benarbenar efektif, dalam merancakkan semula industri yang menjadi antara penyumbang terbesar kepada pertumbuhan ekonomi negara ini. Sebagaimana kita sedia maklum, industri pelancongan dan kebudayaan negara menyumbang 15.9% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan merupakan industri yang paling teruk terjejas berikutan ketiadaan kemasukan pelancong antarabangsa ke dalam negara. Oleh yang demikian, Kerajaan beralih ke fasa yang lebih konkrit iaitu dengan merancakkan semula aktiviti pelancongan antarabangsa menerusi Projek Rintis Gelembung Antarabangsa Langkawi. Pendekatan itu membolehkan pelancong asing dibenarkan masuk ke dalam negara dan inisiatif berkenaan dilancarkan pada 15 November 2021. Projek rintis bagi pasaran antarabangsa itu dijalankan selama tiga bulan untuk membolehkan Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara menilai keberkesannya, sebelum dilaksanakan di pulau-pulau peranginan serta kawasan pelancongan lain. Langkah-langkah itu telah membolehkan penggiat industri pelancongan, menjana pendapatan dalam masa yang singkat. Secara keseluruhannya sehingga 31 Disember 2021, Projek Rintis Gelembung Pelancongan Domestik dan Antarabangsa Langkawi mencapai lebih 110% daripada sasaran yang ditetapkan Kerajaan bagi ketibaan pelancong dan pendapatan pelancongan, iaitu lebih 720,000 orang pelancong domestik dan antarabangsa dengan pendapatan pelancongan mencecah RM750 juta semenjak pelaksanaannya masing-masing bermula 16 September dan 15 November 2021

## **METODOLOGI**

Kajian tinjauan ini menggunakan kaedah kuantitatif kerana ia sesuai digunakan untuk mendapatkan maklumat yang banyak di kalangan penggiat industri pelancongan domestik dalam masa yang singkat. Kajian ini turut menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian bagi menjawab persoalan kajian yang berkaitan dengan aspek demografi penggiat industri pelancongan di Malaysia seperti jantina, umur, bangsa, dan jenis kegiatan pelancongan. Chua (2011) menyatakan bahawa cara kajian tinjauan merupakan salah satu kaedah penyelidikan bukan eksperimental yang paling popular, yang digunakan dalam pelbagai bidang, terutamanya dalam bidang sains sosial. Ia biasanya


digunakan untuk mendapatkan pandangan orang ramai mengenai sesuatu isu semasa. Kajian jenis ini adalah popular kerana mempunyai ciri-ciri penggunaan yang menyeluruh, cara pengendalian yang digemari, cara memungut data yang cepat, penggunaan saiz sampel yang besar, maklumat yang terus dan keupayaan keputusan kajian digeneralisasikan.

Sebanyak 206 orang penggiat industri pelancongan dari seluruh Malaysia meliputi pelbagai jenis kegiatan pelancongan seperti Hotel & Inap Desa, Perkhidmatan – Pengangkutan & Makanan, Eko – Pelancongan, Acara Perniagaan (Business Events), 45 Krew Persembahan Pentas, Buskers, Pemandu Pelancong dan Agensi Pelancongan telah dipilih sebagai sampel kajian ini. Soal selidik menggunakan Google Form menggunakan Bahasa Melayu dengan 20 soalan yang mengandungi 5 bahagian iaitu Bahagian A, B, C, D dan E. Bahagian A mengandungi soalan-soalan dengan maklumat demografi, bahagian B merupakan soalan pilihan Ya atau Tidak. Manakala dari bahagian C, D dan E menggunakan soalan skala Linear 5 skala iaitu skala **1 Sangat Tidak Setuju** ke skala **5 Sangat Setuju**.

## PENGUMPULAN DATA

Di dalam jadual ini dapat juga dilihat jenis kegiatan pelancongan yang mewakili jumlah tertinggi iaitu Hotel/ Inap Desa (Homestay) sebanyak 16.0% diikuti rapat acara perniagaan 15.5% dan pemandu pelancong 15.0%. Trend peningkatan kepada pertumbuhan inap desa dalam industri pelancongan negara ini disebabkan peningkatan permintaan tinggi oleh pelancong yang melancong ke negara sama ada dari dalam mahupun dalam negara. Malahan, trend ini semakin berkembang kerana ramai yang mahu merasai pengalaman duduk di kampung dan jauh daripada suasana bandar yang hiruk pikuk (Zunaidah Zainon, 2010). Hal ini turut diakui Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Datuk Idros Yahya yang menyatakan bahawa perkampungan Orang Asli di Kuala Who, Kampung Pahang menjadi destinasi pilihan pengunjung domestik yang ingin 56 melihat keindahan alam semulajadi. (Berita Harian, 2020) Wartawan Sinar Harian, Normawati Adnan (2021) yang membuat laporan tentang kerancangan industri inap desa selepas kelonggaran terhadap aktiviti pelancongan pula menemubual Norhaiza Ab Ghani dari Wakaf Tapai, Terengganu yang memilih homestay untuk bermalam dan menikmati percutian hujung minggu bersama keluarga di Cameron Highlands. (Sinar harian, 2021). Manakala acara perniagaan atau business event juga antara aktiviti pelancongan yang popular di negara ini. Pembukaan semula sempadan selepas pandemik Covid-19 telah menarik berjuta-juta pelancong ke negara ini dan menggalakkan semula sektor ekonomi negara. Datuk Seri Nancy Shukri (2022) menyifatkan acara perniagaan membantu negara melepasi sasaran baharu kedatangan pelancong ke Malaysia dengan sasaran lebih 9.2 juta ketibaan pelancong.


Carta 1.3: Pecahan jenis kegiatan pelancongan responden kajian





Sebelum wabak Covid-19 melanda negara, promosi lebih tertumpu kepada perjumpaan bersemuka, media sosial dan media tradisional. Rujuk rajah dibawah.


Carta 1.5 : Graf promosi yang digunakan responden sebelum pandemik Covid-19



### Analisis Promosi Digital


Berdasarkan dapatan dari promosi digital, kita dapat melihat seramai 97.6% responden kajian bersetuju bahawa kaedah ini membantu dalam mempromosikan perniagaan pelancongan dengan menjawab “Ya” kepada soalan tersebut. Manakala, 97.1% bersetuju promosi norma baharu dapat membantu meningkatkan pendapatan mereka yang terjejas selepas pandemik Covid-19. Dapatan ini, tidak jauh beza dengan Kajian Perjalanan Domestik (Bahagian Kedua) yang dijalankan oleh Bahagian Perancangan Strategik Tourism Malaysia pada tahun 2021, yang mendapati bahawa 74.4% daripada keseluruhan 12,281 responden memilih untuk menyusun sendiri percutian mereka dengan 87% peratus daripadanya melakukan tempahan secara dalam 62 talian manakala hanya 10.5% responden memilih untuk membeli pakej percutian daripada agensi/operator pelancongan.

Carta 1.6: Jawapan responden soalan 8 dalam borang soal selidik



Soalan kajian mengenalpasti platform media sosial manakah yang lebih digemari dan berkesan dalam membantu responden mempromosikan perniagaan selepas pandemik Covid-19. Justeru, majoriti iaitu 41.3% memilih laman Facebook, diikuti Instagram 35.4%, Tiktok 16.5% dan lain-lain platform 6.8%. Ini bertepatan dengan kajian Lee (2011) berkenaan kesan rangkaian sosial terhadap penerimaan teknologi dalam 70 pelancongan menunjukkan Facebook merupakan laman sosial yang paling banyak diterima dalam promosi dan pemasaran destinasi pelancongan.

Carta 1.7: Graf platform media sosial pilihan responden



## PERBINCANGAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan, sektor pelancongan merupakan salah satu sektor yang paling terkesan akibat penularan pandemik Covid-19. Penggiat industri pelancongan di seluruh Malaysia terjejas pendapatan mereka akibat penurunan jumlah kemasukan pelancong luar ke negara ini. Pelancong domestik pula, mengambil langkah berjaga-jaga untuk meneruskan aktiviti pelancongan kerana kebimbangan terhadap penularan pandemik Covid-19 dan kewujudan varian baru. Penggiat industri yang pada awalnya tidak begitu yakin dengan transformasi digital dalam meneruskan kegiatan pelancongan untuk terus menjana pendapatan, akhirnya bersetuju untuk mengubah cara lama dan dilihat semakin kreatif demi memastikan ekonomi syarikat mereka kekal mampan dalam keadaan serba mencabar pada masa itu. Perubahan itu walaupun 79 bergerak perlahan, namun, ketika industri pelancongan mulai dibuka secara keseluruhan sehinggalah Malaysia dalam fasa pandemik, kita dapat menyaksikan trend penggunaan platform digital adalah 50-50, di mana agensi pelancongan memulakan transformasi dengan menggabungkan platform tradisional dan digital dalam mempromosikan perkhidmatan mereka. Dalam satu kajian oleh penuntut institusi Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL) pada tahun 2022, penggunaan teknologi di Malaysia terserlah setelah kemunculan pandemik pada awal tahun 2020 dan ia perlu dilakukan oleh penggiat industri pelancongan ini kerana persaingan di era digital ini sangat tinggi semasa krisis Covid-19. Dengan mengadaptasikan kehidupan norma baharu, penggiat industri dan Kerajaan perlu sama-sama kreatif dan inovatif mengubah pendekatan yang lebih futuristik, mengikut perkembangan semasa dan ia tidak dapat dicapai jika pendekatan yang digunakan masih tradisional.

## KESIMPULAN

Kajian ini dapat menjadi motivasi kepada penggiat industri untuk mengubah cara perniagaan dan promosi produk atau perkhidmatan kepada cara yang lebih terkini. Pengkaji merujuk kenyataan Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bahawa masih banyak peniaga dan syarikat yang tidak yakin dengan promosi menggunakan teknologi digital kerana kurangnya pendedahan mengenai cara menambahbaik perniagaan mereka. (mstar.com 2020) Sebab itulah, kajian seumpama ini boleh menjadi bukti bahawa transformasi digital dalam norma baharu menjadi jalan terbaik untuk memulihkan semula perniagaan mereka yang terjejas ketika dilanda wabak berkenaan. Perkara yang sama juga diakui oleh Presiden Majlis Pelancongan Malaysia, Uzaidi Udanis (2022) bahawa penggunaan platform digital mampu menyerlahkan keunikan produk dalam negara bagi menarik perhatian pelancong antarabangsa. (Berita RTM, 2022) Meskipun pada ketika pergerakan adalah terbatas, sekurang-kurangnya promosi digital yang digunakan ketika itu, membolehkan pelancong dari negara luar, merancang percutian mereka sebaik sempadan dunia mulai dibuka.

## RUJUKAN

- Penggunaan platform digital mampu serlahkan produk pelancongan negara. 21 Oktober 2022. Berita RTM <https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/49327-penggunaan-platform-digitalmampu-serlahkan-produk-pelancongan-negara>
- Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri. (2021) Laporan Tenaga Buruh, Malaysia Februari 2021 [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/1\\_Articles\\_By\\_Themes/Labour\\_Force/Monthly/2021/Feb%202021/LAPORAN%20TENAGA%20BURUH%20FEBRUARI%202021%20v4p.d](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/1_Articles_By_Themes/Labour_Force/Monthly/2021/Feb%202021/LAPORAN%20TENAGA%20BURUH%20FEBRUARI%202021%20v4p.d)
- Nancy Shukri. 15 Julai 2020. Jumlah Kerugian Pendapatan Yang Ditanggung Industri Pelancongan Akibat Daripada Impak Pandemik Covid-19. Jawapan-Jawapan bagi Pertanyaan-Pertanyaan Jawab Lisan Yang Tidak Dijawab di dalam Dewan (Soalan No 8 – No 55). No. Soalan : 3. Ms 3- 5 <https://www.parlimen.gov.my/files/jindex/pdf/JDR15072020.pdf>.
- Nancy Shukri. 15 Julai 2020. Langkah-Langkah Diambil MOTAC sebagai Persediaan kepada Pembukaan Sektor Pengangkutan Udara dan Industri Pelancongan Mengikut SOP dalam fasa pemulihan COVID-19 di Malaysia agar ianya tidak dilihat merencatkan pemulihan industri pelancongan. Jawapan-Jawapan bagi PertanyaanPertanyaan Jawab Lisan Yang Tidak Dijawab di dalam Dewan (Soalan No 8 – No 55). No Soalan : 51 Ms 103-105 <https://www.parlimen.gov.my/files/jindex/pdf/JDR15072020.pdf>

**PARANG LADING:  
SATU KAJIAN TIPOLOGI DAN PERBANDINGAN MORFOLOGI**

Haji Muhammad Hanif bin Haji Hosainel Majidi<sup>1</sup>

<sup>1</sup>*Nara Martial Arts Academy*

*narapaduka313@gmail.com*

**ABSTRAK**

Parang lading merupakan senjata orang Kedah sejak turun-temurun. Ia merupakan senjata para panglima Kedah yang direkodkan dalam Perang Musuh Bisik. Perkataan “lading” telah direkodkan di dalam kamus Melayu-Belanda-Perancis sejak abad ke-17 lagi. Selain daripada senjata, ia juga turut digunakan bagi tujuan perladangan dan pertukangan. Di Kedah, parang lading merujuk kepada sejenis parang yang mempunyai pangkal bilah yang tebal berbentuk segitiga atau “pelepah kelapa”. Bilahnya tirus di pangkal dan kembang ke hujung dalam bentuk “daun palas” dan mempunyai lentik yang dikenali diantaranya sebagai “pelepah pisang” atau “patah kepak”. Kajian ini cuba mengklasifikasikan parang lading dari segi tipologi dengan menumpukan kepada bentuk bilah dan juga hulu. Perbezaan ini juga menjadi identiti unik dan menggambarkan kepelbagaian fungsi setiap jenis parang lading. Hulunya biasanya diperbuat daripada tanduk kerbau atau kayu dan berbentuk tapak kijang atau tapak kuda. Selain daripada itu, perbandingan dengan lading yang didapati di Sumatera Barat dan beberapa contoh parang lain yang turut dipanggil “lading” atau berbentuk seakan-akan lading turut akan disentuh untuk membezakan lading Kedah dengan lading daripada daerah yang lain.

**Kata kunci:** Kedah; lading; parang; silat

## 1. PENGENALAN

Parang lading merupakan senjata tradisi orang Kedah yang telah digunakan sejak sebelum Perang Musuh Bisik (1821-1842). Spesimen-spesimen parang lading yang antik masih boleh didapati dalam koleksi muzium dan juga peribadi. Selain daripada senjata, parang lading turut digunakan dalam pertanian dan pertukangan. Tujuan kajian ini adalah untuk mendokumentasikan jenis-jenis parang lading dan juga berbezaan morfologinya berbanding dengan parang-parang lain seperti kelewang Kelantan dan parang ilang Sarawak. Terdapat juga parang latok di Sarawak yang mirip kepada lading patah kepak.

Secara amnya, parang lading mempunyai bilah yang tirus di pangkal dan melebar ke hujung. Bentuk ini dikenali sebagai “daun palas”. Bentuknya yang unik dengan bilah yang berat ke hujung menjadikannya alat menebas dan menetak yang amat berkesan. Dalam persilatan, parang lading turut digunakan untuk menghiris. Bentuk bilahnya yang melengkung dan melebar ke hujung memberikan momentum yang lebih untuk menebas dan menetak. Namun begitu, morfologinya yang unik merupakan satu cabaran kepada tukang besi untuk menghasilkannya secara komersil suatu masa dahulu. Pangkal bilah parang lading mempunyai keratan rentas berbentuk segitiga yang dikenali sebagai “pelepah nyior”. Lentik atau lengkungan bilah parang lading mempunyai variasi yang tinggi. Ada yang hampir lurus, manakala ada juga yang mempunyai lentik yang agak ekstrim.

Bentuk lentik ini dikenali dengan nama-nama seperti “pelepah pisang” dan “patah kepak”. Hulu parang lading pula biasanya diperbuat daripada tanduk kerbau kerana tanduk kerbau merupakan bahan yang agak liat dan tahan hentakan. Ada juga pihak yang menyatakan bahawa hulu tanduk kerbau juga kurang licin jika terkena darah berbanding dengan kayu.

## **2. METODOLOGI**

Kajian ini mengambil pendekatan menggunakan pelbagai sumber seperti sumber lisan, penulisan dan artifak.

### **2.1. Sumber lisan**

Sumber lisan terdiri daripada responden-responden yang mempunyai koleksi parang lading, tukang besi yang membuat parang lading dan juga pengamal persilatan yang menggunakan parang lading sebagai senjata di dalam aliran persilatan mereka. Sumber lisan merupakan sumber utama untuk kajian ini.

### **2.2. Sumber bertulis**

Sumber bertulis untuk kajian ini tidak banyak. Sumber bertulis utama terdiri daripada buku-buku lama dan juga bahan bercetak yang dihasilkan oleh Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia. Sumber dalam talian juga kurang didapati.

### **2.3. Sumber artifak atau fizikal**

Sumber artifak atau fizikal terdiri daripada parang lading antik yang disimpan oleh individu-individu tertentu sebagai koleksi atau pusaka. Contoh-contoh di muzium juga turut digunakan. Selain daripada itu, beberapa bilah contoh lading yang baru dibuat juga dijadikan sumber kajian tipologi. Kajian morfologi pula dibuat berdasarkan specimen-spesimen yang didapati daripada individu, muzium dan juga sumber-sumber dalam talian.

## **3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Parang lading hampir pupus sehinggalah sekitar tahun 1970an di mana Pengasas dan Guru Utama Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, almarhum Ustaz Haji Hanafi bin Haji Ahmad telah menjadikannya sebagai senjata rasmi Seni Silat Cekak. Ustaz Hanafi juga telah memperkenalkan parang lading ketika Konvensyen Silat Melayu di USM Pulau Pinang pada bulan Julai 1973. Sejak daripada itu, parang lading sering dianggap sebagai senjata pengamal Silat Cekak. Tindakan beliau secara tidak langsung telah menghidupkan semula pembuatan parang lading di Kedah. Sekitar tahun 2018, pembuatan parang lading semakin mendapat permintaan daripada pengamal persilatan dan peminat senjata tradisional.


Namun begitu, tidak bermakna parang lading ini hanya wujud sekitar tahun 1970an sahaja. Keberadaan specimen-spesimen lama yang boleh ditentukan daripada lewat abad ke-18 dan awal abad ke-19 menunjukkan bahawa parang lading ini sudah wujud sekian lama. Penggunaan lading

di dalam persilatan Melayu juga menunjukkan bahawa ia sememangnya sebahagian daripada peradaban Melayu. Silat Cekak bukanlah satu-satunya seni silat yang menggunakan parang lading sebagai senjata. Seni Silat Gayong Harimau dan Seni Silat Gayong Harimau Hitam merupakan antara silat Melayu yang menggunakan parang lading sebagai senjata.

Selain daripada Kedah, parang lading turut dijumpai di Aceh dan daerah Minangkabau. Di Aceh, ia dikenali sebagai lading Aceh atau roedoes lentik. Di Minangkabau pula, ia dikenali dengan nama ladieng, dan parang lading yang paling mirip kepada lading Kedah dipanggil ladieng puntuang. Selain daripada itu, kelewang di Kelantan juga mempunyai morfologi yang hampir dengan lading. Parang ilang di Sarawak juga mempunyai profil bilah yang serupa tetapi pangkal bilahnya berbeza. Satu jenis lagi lading yang terdapat di Semenanjung Malaysia dikenali dengan nama lading Banjar. Perbandingan morfologi adalah penting untuk mengelakkan kekeliruan antara parang lading Kedah dan parang lading dari daerah lain atau parang yang seakan-akan lading.


Rekod bergambar terawal yang dijumpai setakat ini bertarikh 1908 yang memaparkan sebilah parang lading yang mempunyai rambu di hulunya. Lading turut disebut di dalam hikayat Pelayaran Abdullah ke Kelantan, Syair Hemop serta Hikayat Banjar dan Kota Waringin. Sebilah parang lading turut dipaparkan di dalam buku Rupa dan Jiwa. Selain daripada itu, sumber rujukan utama ialah daripada bahan-bahan bercetak yang dihasilkan oleh Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia. Spesimen parang lading turut dipamerkan di Muzium Negara dan Muzium Negeri Kedah.

Hasil daripada kajian ini, dua gambarajah tipologi dan morfologi parang lading telah dapat dipaparkan.



**Gambarajah 1.** Tipologi parang lading Kedah

Gambarajah tipologi ini dihasilkan daripada pemerhatian terhadap specimen-spesimen fizikal dan juga gambar-gambar yang telah ditemui. Ia menunjukkan variasi di antara jenis-jenis parang lading Kedah yang mungkin mewakili identiti tertentu dan mempunyai fungsi yang berbeza.



**Gambarajah 2.** Morfologi parang lading dan parang-parang lain yang serupa

Gambarajah morfologi ini boleh digunakan untuk membezakan parang lading Kedah dengan jenis-jenis parang lain yang mempunyai nama atau bentuk yang serupa.

### 3.1. Perbincangan

Kajian ini merupakan kajian asas yang hanya menyentuh aspek fizikal parang lading. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mendapatkan gambaran asas mengenai ciri-ciri khusus parang lading supaya satu sistem pengecaman boleh dirangka dan digunakan untuk mengenalpasti serta membezakan parang lading Kedah dengan parang lading lain dan juga jenis-jenis parang yang serupa. Satu lagi cabaran di dalam melaksanakan kajian ini ialah kekurangan sumber bertulis.

Pengkaji terpaksa mendokumentasikan maklumat lisan daripada responden-responden untuk dijadikan rujukan bertulis bagi kajian akan datang. Kebanyakan sumber lisan hanya dapat memberikan maklumat berkaitan morfologi lading dan sedikit latar belakang mengenai spesimen tersebut. Sumber persilatan pula lebih menumpukan kepada kaedah pertempuran dan seni permainan parang lading.

Kekurangan sampel fizikal juga menjadi satu cabaran kerana kebanyakan spesimen yang dijumpai sama ada specimen antik atau spesimen yang ditempa selepas tahun 1970an. Terdapat jarak masa lebih kurang seratus tahun di antara dua kategori spesimen tersebut.

## 4. KESIMPULAN

Kajian mengenai parang lading ini boleh diperluaskan lagi dengan mengkaji etimologi perkataan “lading”, falsafah di sebalik rekabentuk dan juga penggunaan lading, kajian struktur mikro dan metalurgi, kaitan lading dengan sejarah peradaban Kedah serta penggunaan lading dalam konteks persilatan.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Nara Martial Arts Academy, Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, para responden dan juga individu-individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam menjayakan kajian ini.

## RUJUKAN

- Hill, A. H. (1956). The Kĕris and other Malay Weapons. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*.
- Jabbar, S., Bakar, N. A. A., Baharom, N., & Jasmani, F. (Eds.). (2021). *Kamus Dewan Perdana* (3rd Edition). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamal, S. A. (2010). *Rupa & Jiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malaysia, P. S. S. C. (2014). *Istiadat Sembah Junjung Kasih Parang Lading*.
- Malaysia, P. S. S. C. (2015). *Jubli Emas Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (1965-2015)*.
- Marsden, W., & Elout, C. P. J. (1825). *Dictionnaire Malai, Hollandais et Francais = Maleisch, Nederdutitsch en Fransch woordenboek*.
- Muhammad Hanif, H. M. (2021, September). Pedang, Sundang dan Parang: Persamaan dan Perbezaan. *Dewan Budaya*, 44–47.
- Wright, A. (Ed.). (1908). *20th Century Impressions of British Malaya: Its history, people, commerce, industries and resources*. London: Lloyd's Greater Britain Publishing Company, Ltd.
- Malay Concordance Project*. Australian National University. Retrieved September 12, 2024. <https://mcp.anu.edu.au/cgi-bin/tapis.pl>



## PROSEDUR TAULIAH MENGAJAR DAN CERAMAH DI MASJID: KAJIAN DI NEGERI KEDAH DAN PERLIS

Nor Hanani Ismail <sup>1\*</sup>, Rukhaiyah Abd. Wahab <sup>2</sup>, Salmah Omar <sup>3</sup>, Minah Harun <sup>4</sup>,  
<sup>1,2,3,4</sup>, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok  
Kedah

Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok Kedah

\*Corresponding Author: [norhanani@uum.edu.my](mailto:norhanani@uum.edu.my)

### ABSTRAK

Masjid merupakan tempat ibadah dan berfungsi sebagai pusat pendidikan, pengembangan spiritual dan penyebaran dakwah. Salah satu perkara yang terkait dengan pendidikan di masjid ialah tauliah mengajar. Tauliah merupakan tanda pengakuan atas pemilihan seseorang sebagai pengajar atau penceramah di masjid. Dengan adanya tauliah mengajar, umat Islam di masjid memperoleh pengajaran agama yang berkualiti dan sahih. Persoalannya, apakah prosedur bagi permohonan mendapatkan tauliah mengajar dan memberi ceramah di masjid?. Justerus kajian ini dijalankan, bagi mengenalpasti prosedur permohonan tauliah mengajar dan memberi ceramah di masjid. Skop kajian ini adalah tertumpu di negeri Kedah dan Perlis yang dijadikan sebagai asas kajian. Jabatan Mufti bagi kedua-dua negeri merupakan institusi yang berautoriti dalam mengeluarkan kelayakan tauliah pemohon di kedua buah negeri. Kaedah pengumpulan data menerusi dokumentasi yang berkaitan prosedur permohonan tauliah di negeri Kedah dan Perlis. Kajian mendapati terdapat enam prosedur dengan tujuh perkara teknikal bagi mendapatkan tauliah mengajar bagi Negeri Kedah dan empat prosedur teknikal bagi negeri Perlis.

**Kata kunci:** *Tauliah Mengajar, Masjid, Prosedur*

### Latarbelakang

Kajian ini memfokuskan kepada prosedur mendapatkan tauliah mengajar dan memberi ceramah di masjid, dengan penekanan di negeri Kedah dan Perlis. Tauliah adalah kelulusan rasmi daripada Jabatan Mufti yang bertujuan untuk memastikan hanya individu yang berkelayakan diberi kebenaran mengajar agama di masjid. Ini penting bagi memastikan pengajaran agama yang sahih serta mengelakkan penyebaran ajaran sesat.

**Prosedur Tauliah di Kedah.** Di Kedah, terdapat enam prosedur utama:

1. **Pendaftaran Permohonan:** Pemohon perlu melengkapkan borang secara atas talian.
2. **Seminar Menjawab Soalan:** Diadakan bagi menyediakan calon dengan soalan-soalan peperiksaan.
3. **Peperiksaan Bertulis (Tahriri):** Menguji pengetahuan calon dalam bidang agama.

4. **Peperiksaan Lisan (Syafawi):** Menilai kemampuan calon dalam menyampaikan ilmu agama secara lisan.
5. **Majlis Penganugerahan Tauliah:** Calon yang berjaya akan menerima tauliah dalam majlis rasmi.
6. **Sukatan Pelajaran:** Jabatan Mufti Kedah menyediakan sukatan pelajaran yang terperinci, meliputi bidang Fardhu Ain dan Al-Quran.

**Prosedur Tauliah di Perlis.** Prosedur di Perlis agak ringkas dengan empat langkah utama:

1. **Permohonan:** Pemohon perlu melengkapkan borang dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.
2. **Temuduga dan Penilaian:** Pemohon dinilai oleh panel yang terdiri daripada ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis.
3. **Majlis Penganugerahan Tauliah:** Calon yang lulus diberi tauliah secara rasmi oleh Jabatan Mufti Perlis.
4. **Pengawasan:** Aktiviti dan pengajaran penceramah akan dipantau untuk memastikan kualiti dan ketepatan pengajaran.

**Kepentingan Prosedur Tauliah** Prosedur ini bertujuan untuk menjaga integriti pengajaran agama dan mengelakkan penyebaran ajaran sesat. Di Kedah, pendekatan pengajaran berlandaskan Mazhab Syafie dan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Manakala di Perlis, pendekatan yang digunakan lebih terbuka dengan menekankan konsep Ahl al-Hadith.

**Dapatan Kajian** mendapati terdapat perbezaan kecil dalam prosedur tauliah antara Kedah dan Perlis, namun kedua-duanya berkongsi matlamat yang sama untuk memastikan pengajaran agama disampaikan oleh individu yang berkelayakan dan berpegang teguh pada ajaran Islam yang benar.

**Kesimpulan** Tauliah mengajar adalah penting bagi memastikan pengajaran agama yang disampaikan adalah sah dan berkualiti, selaras dengan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah. Proses ini melibatkan kelayakan akademik, pengalaman mengajar, serta penilaian melalui ujian dan temuduga. Ini merupakan langkah yang penting untuk menjaga kesucian agama Islam dan melindungi masyarakat daripada ajaran yang menyeleweng.

**Penghargaan** Kajian ini dibiayai oleh Geran Universiti dari Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia.

## RUJUKAN

- Astro Awani. (2023, March 11). *Bukan halang atau susahkan aktiviti belajar agama.* <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bukan-halang-atau-susahkan-aktiviti-belajar-agama-410123>
- Astro Awani. (2023, March 13). *Tauliah perlu untuk elak ajaran salah, fitnah dan bersangka buruk.* <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tauliah-perlu-untuk-elak-ajaran-salah-fitnah-dan-bersangka-buruk-sultan-selangor-409432>

- Astro Awani. (2023, October 7). *Tarik balik tauliah Abdullah Khairi selaras titah Sultan Selangor - MAIS*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tarik-balik-tauliah-abdullah-khairi-selaras-titah-sultan-selangor-mais-429067>
- Jabatan Mufti Negeri Perlis. (2020). *Garis panduan pengurusan masjid dan surau seluruh Negeri Perlis (Pindaan Tahun 2020)*. <https://www.muftiperlis.gov.my>
- Jabatan Mufti Negeri Perlis. (2024). *Borang permohonan tauliah*. <https://www.muftiperlis.gov.my>
- Zanariah Dimon, Sahlawati Abu Bakar, & Mariam Abd Majid. (2022). Pentauliah pengajaran agama di masjid dan surau: Tinjauan ringkas undang-undang Islam di Malaysia. *Al-Mimbar: International Journal of Mosque Zakat and Waqaf Management*, 2(2), 1-26. <https://doi.org/10.53840/almimbar.v2i2.54>
- Zulkifli al-Bakri. (2023). *Tauliah mengajar: Kunci menjaga agama dan keharmonian masyarakat*. Jabatan Mufti Negeri Perlis.

## KEBEBASAN BERAGAMA DI MALAYSIA: HAK UNTUK MENGANUT DAN MENGAMALKAN AGAMA

Kamal Azmi Abd. Rahman<sup>1</sup>, Adibah Binti Sulaiman @ Mohamad, Abd Hakim Mohad, Khadijah Muda, Sarjit Singh & Ain Balkis Mohd Azam

<sup>1</sup>*Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)*

[kamalazmi@usim.edu.my](mailto:kamalazmi@usim.edu.my)

### ABSTRAK

Kebebasan beragama di Malaysia adalah unik dan perlu difahami berdasarkan kepada sejarah sosio-agama tempatan dan Perlembagaan Persekutuan. Ukuran sebenar terhadap pemahaman atau pengamalan hak kebebasan beragama ialah berdasarkan indeks watan, bukan berdasarkan kepada ukuran antarabangsa seperti hak kebebasan beragama yang difahami dalam *Universal Declaration of Human Rights* (UDHR 1949). Objektif kajian ini adalah untuk membincangkan dua tema paling penting dalam memahami kebebasan beragama di Malaysia iaitu hak menganut agama dan hak mengamalkan agama. Kajian ini berbentuk kualitatif dan akan mendapatkan data daripada analisis teks terutamanya Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Hasil analisis tersebut mendapati bahawa terdapat tiga tema penting dalam hak menganut agama iaitu i) tiap-tiap orang berhak menganut agamanya, ii) hak untuk tidak menerima atau mengikuti ajaran agama lain dan iii) agama seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapa atau penjaga. Manakala terdapat enam tema dalam hak mengamalkan agama iaitu i) tiap-tiap orang berhak mengamalkan agamanya, ii) kebebasan mengamalkan mana-mana agama dengan aman dan damai, iii) larangan diskriminasi kerana agama, iv) tiada seseorang pun boleh dikehendaki untuk mengambil bahagian dalam apa-apa upacara sesuatu agama, selain agamanya sendiri, v) kebebasan tidak bercanggah dengan ketenteraman dan kesihatan awam atau kemoralan dan vi) hak untuk pendidikan kanak-kanak dalam agama. Dapatan tema dalam hak menganut dan mengamalkan agama ini boleh menjadi pertimbangan penting bagi kajian masa hadapan dalam usaha membentuk indeks tempatan tentang kebebasan beragama di Malaysia berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, kajian akan datang juga boleh menumpukan kepada pembentukan tema lain dalam memahami kebebasan beragama di Malaysia melalui kaedah yang pelbagai seperti temubual atau perbincangan terfokus bersama pakar.

**Kata kunci:** Hak menganut agama, hak mengamalkan agama, kebebasan beragama, Perlembagaan Persekutuan dan Malaysia

### 1. PENGENALAN

Kebebasan beragama di Malaysia adalah satu konsep yang unik dan perlu difahami melalui perspektif sejarah dan pengalaman sosio-agama tempatan. Sumber perundangan paling penting dalam memahami idea dan konsep kebebasan beragama adalah Perlembagaan Persekutuan (Faridah Jalil, 2014; Wan Husin & Ibrahim, 2016). Malahan perlembagaan juga adalah asas kepada kontrak sosial dan pelaksanaan sistem pentadbiran-politik di Malaysia (Mohamad Rohana et al.,

2017). Malaysia, sebagai negara berbilang agama dengan Islam sebagai agama rasmi (Perkara 3), membentuk pendekatan tersendiri terhadap kebebasan beragama. Perlembagaan Persekutuan melalui Perkara 11 memberikan kebebasan kepada setiap individu untuk menganut dan mengamalkan agama mereka, namun hak tersebut diimbangi dengan sensitiviti terhadap keharmonian antara agama dan kedudukan istimewa Islam. Berbanding dengan penilaian antarabangsa yang digariskan dalam *Universal Declaration of Human Rights* (UDHR 1949), kebebasan beragama di Malaysia diukur berdasarkan indeks watan atau norma tempatan (Abd. Rahman et al., 2024). Walaupun prinsip kebebasan individu dihormati, kebebasan tersebut tidak bersifat mutlak (Yaacob, 2012). Undang-undang Malaysia membenarkan sekatan terhadap amalan agama yang boleh menjejaskan ketenteraman awam atau mengganggu sensitiviti agama, terutama Islam. Ini mencerminkan usaha kerajaan untuk menjaga keharmonian dan kestabilan dalam masyarakat berbilang kaum dan agama.

Keseluruhan pendekatan ini menunjukkan bahawa hak kebebasan beragama di Malaysia tertakluk kepada keperluan menjaga keamanan dan keharmonian sosial. Kebebasan ini perlu disesuaikan berdasarkan realiti tempatan, berbeza dengan konsep kebebasan mutlak yang terdapat di negara lain, menjadikan kebebasan beragama di Malaysia lebih pragmatik dan sesuai dengan keadaan sosio-agama tempatan. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk membincangkan dua tema utama dalam memahami kebebasan beragama di Malaysia, iaitu hak menganut agama dan hak mengamalkan agama. Hak menganut agama memberi kebebasan kepada individu untuk memilih atau menukar agama tanpa paksaan, sementara hak mengamalkan agama merujuk kepada kebebasan individu untuk menjalankan ajaran agamanya secara aman dan damai. Kedua-dua hak ini penting dalam konteks Malaysia yang berbilang agama, di mana keseimbangan antara kebebasan individu dan keharmonian sosial menjadi asas kepada pemahaman kebebasan beragama.

## **2. KAEDAH PENYELIDIKAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan memberikan fokus terhadap analisis teks undang-undang untuk memahami kebebasan beragama di Malaysia. Sumber utama data adalah Perlembagaan Persekutuan Malaysia, khususnya Perkara 11, yang merangkumi hak untuk menganut dan mengamalkan agama. Penyelidik akan meneliti teks perlembagaan bagi menilai peruntukan-peruntukan berkaitan kebebasan beragama. Melalui analisis kandungan dan teks, kajian akan menyaring tema-tema penting yang relevan dengan hak kebebasan beragama berdasarkan kepada dua tema penting iaitu hak menganut agama dan hak mengamalkan agama. Selain daripada analisis teks perlembagaan, kajian juga akan merujuk kepada sumber sekunder seperti kajian-kajian terdahulu dan artikel jurnal yang berkaitan dengan kebebasan beragama. Penyelidik akan menganalisis data secara tematik untuk mengkaji bagaimana hak kebebasan beragama diterjemahkan dalam konteks perundangan dan sosial di Malaysia sesuai dengan tema hak menganut agama dan hak mengamalkan agama.

### 3. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

#### 3.1. Hak Menganut Agama

Hak Menganut Agama		
Tiap-tiap orang berhak menganuti agamanya	Hak untuk tidak menerima atau mengikuti ajaran agama lain	Agama seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapanya atau penjaganya.

Rajah

1: Tema hak menganut agama dalam kebebasan beragama di Malaysia

Hak menganut agama dan kepercayaan kepada tuhan adalah tema penting yang perlu difahami dalam konteks kebebasan beragama di Malaysia (Abd. Rahman et al., 2024). Hak menganut agama merujuk kepada kebebasan individu untuk memilih dan menganut agama pilihan masing-masing tanpa paksaan atau diskriminasi. Seperti yang diilustrasikan pada rajah 1 di atas, terdapat tiga tema penting bagi perbincangan hak menganut agama berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan. Tema pertama adalah tiap-tiap orang berhak menganut agamanya. Hal yang tersebut seperti yang dinyatakan di dalam perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa “tiap-tiap orang berhak menganut dan mengamalkan agamanya” (Perlembagaan Persekutuan (Cetakan Semula), 2010). Ini bermakna setiap individu di Malaysia mempunyai kebebasan untuk memilih agama yang ingin dianutnya tanpa sebarang campur tangan atau paksaan daripada mana-mana pihak. Hak ini menjamin bahawa setiap orang bebas memilih untuk menganut mana-mana agama yang diyakini tanpa sebarang halangan daripada pihak kerajaan atau masyarakat. Tema yang kedua ialah kebebasan untuk tidak menerima atau mengikuti ajaran agama lain. Ini seperti yang dinyatakan di Perlembagaan Persekutuan pada perkara 12(3), “tiada seorang pun boleh dikehendaki menerima ajaran atau menjalankan upacara sesuatu agama selain daripada agamanya sendiri” (Perlembagaan Persekutuan (Cetakan Semula), 2010). Ini memberikan jaminan bahawa setiap individu tidak boleh dipaksa untuk mempelajari atau mengikuti ajaran agama lain yang tidak dianutnya. Hak ini melindungi individu daripada sebarang paksaan untuk terlibat dalam upacara atau pengajaran agama lain yang mungkin bertentangan dengan kepercayaannya sendiri. Contohnya, seseorang yang menganut agama A tidak boleh dipaksa untuk menghadiri atau mengambil bahagian dalam ajaran agama B.

Tema yang ketiga ialah tentang agama seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun hendaklah ditentukan oleh ibu atau bapanya atau penjaganya. Ini seperti yang dinyatakan di dalam perkara 12(4) yang memperuntukkan bahawa “agama seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapanya atau penjaganya” (Perlembagaan Persekutuan (Cetakan Semula), 2010). Ini bermaksud bahawa ibu bapa atau penjaga mempunyai kuasa untuk menentukan agama anak mereka sehingga anak tersebut mencapai umur 18 tahun. Dalam konteks kebebasan beragama, ibu bapa atau penjaga bertanggungjawab dalam memastikan pendidikan agama anak-anak mereka selaras dengan kepercayaan keluarga. Sebelum mencapai umur 18 tahun, agama yang dianuti oleh kanak-kanak tersebut adalah di bawah tanggungjawab ibu bapa atau penjaga, tetapi setelah mencapai umur dewasa, individu itu sendiri boleh membuat keputusan tentang agamanya. Secara keseluruhannya, perbincangan hak menganut agama di Malaysia dijamin melalui Perlembagaan Persekutuan, yang memberi kebebasan kepada setiap individu untuk memilih dan menganut agama mereka sendiri, melindungi mereka daripada paksaan

mengikuti agama lain, serta memberi kuasa kepada ibu bapa dalam menentukan agama anak-anak di bawah umur. Walaupun begitu terdapat beberapa isu yang kontroversi berkaitan hak menganut agama seperti isu murtad dan juga penerimaan aliran agama (berkaitan dengan Islam) bukan arus perdana (Shah & Sani Mohd, 2011).

### 3.2. Hak Mengamalkan Agama

Hak Mengamalkan Agama					
Tiap-tiap orang berhak mengamalkan agamanya	Kebebasan mengamalkan mana-mana agama dengan aman dan damai	Larangan diskriminasi kerana agama	Mengakui bahawa tiada seseorang pun boleh dikehendaki untuk mengambil bahagian dalam apa-apa upacara sesuatu agama, selain agamanya sendiri	Kebebasan tidak bercanggah dengan ketenteraman dan kesihatan awam atau kemoralan	Hak untuk pendidikan kanak-kanak dalam agama

Rajah

2: Tema hak mengamalkan agama dalam kebebasan beragama di Malaysia

Terdapat enam tema utama dalam perbincangan hak mengamalkan agama dalam memahami kebebasan beragama di Malaysia. Tema yang pertama ialah tiap-tiap orang berhak mengamalkan agamanya. Ini bermaksud setiap individu di Malaysia diberi kebebasan untuk mengamalkan agamanya sendiri. Perkara 11(1), Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa “tiap-tiap orang berhak menganut dan mengamalkan agamanya” (Perlembagaan Persekutuan (Cetakan Semula), 2010). Oleh itu, setiap individu bebas menganut mana-mana agama yang dipilihnya serta mengamalkan kepercayaan dan ajaran agama tersebut tanpa sekatan, kecuali yang dibenarkan oleh undang-undang. Tema kedua ialah kebebasan mengamalkan mana-mana agama dengan aman dan damai. Malaysia mengutamakan keamanan dan keharmonian dalam mengamalkan agama. Kebebasan ini dijamin dalam Perkara 11(1), namun dengan syarat ia dilakukan secara aman dan damai. Oleh itu, kebebasan ini tidak bersifat mutlak, kerana ia disertakan dengan syarat bahawa amalan tersebut dilakukan secara aman dan damai, tanpa menjejaskan ketenteraman awam atau hubungan antara komuniti beragama. Tema ketiga ialah larangan diskriminasi kerana agama. Setiap individu di Malaysia dilindungi daripada diskriminasi berdasarkan agama di bawah Perkara 8(2), yang menyatakan bahawa “tiada perbezaan, keistimewaan atau kecacatan boleh dilakukan terhadap seseorang warganegara semata-mata oleh sebab agama” (Perlembagaan Persekutuan (Cetakan Semula), 2010). Larangan ini menjamin bahawa tiada sesiapa boleh didiskriminasi dalam aspek kehidupan seperti pekerjaan, pendidikan, atau hak-hak lain hanya kerana agama yang dianuti.

Tema yang keempat ialah mengakui bahawa tiada seseorang pun boleh dikehendaki untuk mengambil bahagian dalam apa-apa upacara sesuatu agama, selain agamanya sendiri. Perkara 11(2) menyatakan bahawa “tiada seorang pun boleh dikehendaki untuk mengambil bahagian dalam apa-apa upacara atau sembahyang sesuatu agama selain agamanya sendiri (Perlembagaan Persekutuan (Cetakan Semula), 2010). Hak ini melindungi individu daripada paksaan untuk terlibat dalam amalan agama lain yang tidak dianutnya. Tema yang kelima ialah kebebasan tidak bercanggah dengan ketenteraman, kesihatan awam, atau kemoralan. Ini seperti yang dinyatakan sebelum ini, walaupun kebebasan beragama dijamin, hak ini tidak mutlak. Perkara 11(5) menyatakan bahawa “artikel ini tidak melucutkan kuasa undang-undang Persekutuan untuk

mengawal atau menyekat sebarang amalan agama mengenai apa-apa iktikad atau kepercayaan bagi maksud ketenteraman awam, kesihatan awam, atau kemoralan (Perlembagaan Persekutuan (Cetakan Semula), 2010). Ini bermaksud, amalan agama yang boleh menjejaskan ketenteraman, kesihatan awam, atau moral dalam kehidupan bermasyarakat boleh dikawal atau disekat oleh undang-undang. Akhir sekali adalah tema berkenaan hak pendidikan kanak-kanak dalam agama. Ibu bapa atau penjaga mempunyai hak untuk mendidik anak-anak mereka dalam agama pilihan mereka. Perkara 12(3) menyatakan bahawa “tiada seorang pun boleh dikehendaki menerima ajaran atau menjalankan upacara sesuatu agama selain daripada agamanya sendiri (Perlembagaan Persekutuan (Cetakan Semula), 2010). Selain itu, perkara 12(4) menyatakan bahawa “agama seseorang di bawah umur lapan belas tahun ialah ditentukan oleh ibu bapa atau penjaganya” (Perlembagaan Persekutuan (Cetakan Semula), 2010). Peruntukan ini memberikan hak ibu bapa untuk menentukan agama dan pendidikan agama kanak-kanak di bawah umur 18 tahun. Secara keseluruhannya, kebebasan beragama di Malaysia dijamin dengan prinsip menghormati hak setiap individu, menjaga keamanan, serta mencegah diskriminasi atau paksaan dalam amalan beragama, selaras dengan Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

#### 4. KESIMPULAN

Kajian ini menjelaskan bahawa kebebasan beragama di Malaysia adalah konsep yang unik dan kompleks, yang perlu difahami dalam konteks sejarah sosio-agama tempatan dan kerangka Perlembagaan Persekutuan. Dengan penekanan kepada hak menganut dan mengamalkan agama, hasil analisis menggariskan tema-tema utama yang menggambarkan bagaimana kebebasan beragama dijamin dan dilaksanakan di Malaysia. Dapatan kajian ini bukan sahaja memberikan pandangan yang lebih mendalam tentang kebebasan beragama, tetapi juga menawarkan asas untuk pembentukan indeks tempatan pada masa hadapan yang lebih relevan, serta membuka ruang untuk kajian lanjutan yang dapat meneroka dimensi lain kebebasan beragama di Malaysia melalui pendekatan yang lebih pelbagai.

#### PENGHARGGAN

Kajian ini dibiaya oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di bawah Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) dengan kod FRGS/1/2022/SS10/USIM/03/3

#### RUJUKAN

- Abd. Rahman, K. A., Sulaiman @ Mohamad, A., Muda, K., Mohad, A. H., Darshan Singh, S. S., & Mohd Azam, A. B. (2024). Kajian Awal Pembentukan Domain Indeks Hak Kebebasan Beragama di Malaysia. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-9 (PASAK9 2024)*, 2811–4051. [https://conference.uis.edu.my/pasak/images/eprosiding/bm/pasak92024-148-Kamal\\_Azmi.pdf](https://conference.uis.edu.my/pasak/images/eprosiding/bm/pasak92024-148-Kamal_Azmi.pdf)
- Faridah Jalil, R. Halim. (2014). Kebebasan Beragama: Gambaran Malaysia. *KANUN*, 2, 16. [faridah@ukm.my](mailto:faridah@ukm.my), [rohizan@uum.edu.my](mailto:rohizan@uum.edu.my)
- Mohamad Rohana, N. A., P.Rameli, M. F., Nordin, R., & Hashim, S. N. I. (2017). Kepelbagaian Dan Kesepaduan Etnik Di Malaysia Menurut Islam. *Sains Insani*, 2(2), 88–97. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol2no2.41>



- Perlembagaan Persekutuan (Cetakan Semula), Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia 491 (2010).  
[http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/FC/PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN ULANG CETAK 2016.pdf](http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/FC/PERLEMBAGAAN%20PERSEKUTUAN%20ULANG%20CETAK%202016.pdf)
- Shah, D. A. H., & Sani Mohd, M. A. (2011). Freedom of Religion in Malaysia: A Tangled Web of Legal, Political, and Social Issues. In *North Carolina Journal of International Law* (Vol. 36, Issue 3).
- Wan Husin, W. N., & Ibrahim, H. (2016). Religious Freedom, The Malaysian Constitution and Islam: A Critical Analysis. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 217, 1216–1224. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2016.02.152>
- Yaacob, A. M. (2012). *Islam dan Kebebasan Beragama Menurut Perlembagaan Persekutuan*. Techknowlogic Trading Sdn Bhd.

## KAJIAN KEBOLEHGUNAAN E-GAMIFIKASI MINECRAFT *DUNIA FALSAFAH ISLAM*

Kamal Azmi Abd. Rahman<sup>1</sup>, Nik Mohamad Firdaus Hilmi Ab Wahab<sup>2</sup>, Nur Syahifa Nadhirah Mohd Khairi<sup>2</sup>, Muhammad Tarmidzi Ibrahim<sup>2</sup>, Mohd Azfar Abdul Malik<sup>2</sup> & Siti Khadijah Azairi<sup>2</sup>

<sup>1</sup>*Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)*  
[kamalazmi@usim.edu.my](mailto:kamalazmi@usim.edu.my)

<sup>2</sup>*Pelajar, Program Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)*

### ABSTRAK

Kaedah pembelajaran baharu melalui e-gamifikasi semakin mendapat perhatian dalam dunia pendidikan. Kajian ini memfokuskan kepada pembangunan e-gamifikasi *Dunia Falsafah Islam* dalam Minecraft sebagai alat pengajaran dan pembelajaran bagi kursus Falsafah Islam. Objektif utama kajian adalah untuk mengkaji kebolehgunaan platform ini dalam kalangan pelajar, khususnya dari segi pemahaman, ingatan, dan minat terhadap kursus. Kajian ini berbentuk kuantitatif, di mana data dikumpulkan melalui soal selidik yang telah diedarkan kepada 28 orang pelajar Sarjana Muda Pengajian Akidah dan Agama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang sedang mengikuti kursus Falsafah Islam. Analisis data dilakukan menggunakan perisian SPSS, dengan tumpuan kepada nilai min bagi setiap item. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan e-gamifikasi Minecraft dalam pengajaran Falsafah Islam diterima baik oleh para pelajar. Hampir semua item mencatatkan nilai min yang tinggi iaitu antara 4.04 (SP 0.63) hingga 4.43 (SP 0.56). Dapatan ini menunjukkan persepsi positif terhadap kebolehgunaan, keberkesanan, serta kemampuan e-gamifikasi *Dunia Falsafah Islam* ini dalam membantu pelajar untuk memahami dan mengingat idea serta tokoh penting dalam Falsafah Islam. Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa e-gamifikasi Minecraft adalah satu pendekatan inovatif dan berkesan dalam memupuk minat pelajar dan meningkatkan pengalaman pembelajaran mereka dalam kursus Falsafah Islam.

**Kata kunci:** Dunia Falsafah Islam, E-gamifikasi, Minecraft, Falsafah Islam, pengajaran dan pembelajaran.

### 1. PENGENALAN

Salah satu inovasi terkini dalam pengajaran dan pembelajaran adalah penggunaan kaedah e-gamifikasi, yang mana menggabungkan unsur permainan dalam pendidikan bagi meningkatkan minat dan penglibatan pelajar (Darejeh & Salim, 2016). Kajian ini memfokuskan kepada kebolehgunaan e-gamifikasi Minecraft dalam konteks pengajaran dan pembelajaran kursus Falsafah Islam. *Dunia Falsafah Islam* adalah nama yang diberikan kepada permainan yang telah dibangunkan dengan menggunakan platform Minecraft. Permainan ini bertujuan membantu pelajar memahami konsep-konsep falsafah serta mengenali tokoh-tokoh utama dalam bidang ini dengan cara yang lebih interaktif dan menarik. Kajian ini menilai persepsi pelajar terhadap

kebolehgunaan platform tersebut serta keberkesanannya dalam memudahkan pembelajaran.

Kajian awal tentang pelaksanaan pembelajaran atas talian dan penggunaan teknologi baru dalam pembelajaran telah mendapati bahawa perlaksanaannya adalah sederhana serta terdapat banyak ruang untuk penambahbaikan bagi kaedah ini antaranya ialah melalui e-gamifikasi (Hussin et al., 2021). Kajian tentang gamifikasi dalam pelaksanaan e-pembelajaran juga telah menarik perhatian ramai pengkaji antara tahun 2015-2020 (Behl et al., 2022), contohnya, terdapat peningkatan terhadap kajian penggunaan gamifikasi (penggunaan elemen permainan dalam konteks bukan rekreasi untuk mendapat manfaat) sebagaimana menjadi alat dalam pendidikan terutamanya dalam jurusan kejuruteraan komputer (Bedwell et al., 2022). Begitu juga kajian pelaksanaan pembelajaran berasaskan permainan digital dengan menggunakan *Minecraft* dapat meningkatkan pencapaian murid dalam subjek matematik (Tangkui & Keong, 2020; Tangkui, 2021). Selain itu, terdapat beberapa kajian lain juga yang telah menjelaskan tentang peranan e-gamifikasi dalam meningkatkan motivasi – minat pelajar, mencipta suasana pembelajaran yang lebih menarik, menambah kefahaman serta keterlibatan pelajar dalam pembelajaran, dapat menggalakkan tingkah laku pembelajaran yang diinginkan terutamanya pembelajaran secara atas talian dan latihan *role-play* dalam pebagai kursus seperti pengaturcaraan komputer, matematik, keselamatan siber, pendidikan integriti, kesihatan dan kesejahteraan mental (Shahid et al., 2019; Dermeval et al., 2019; Faith Fatokun et al., 2024; Goddixsen et al., 2024; Teerawongpairoj et al., 2024; Aschentrup et al., 2024; Ali et al., 2021; Matlan & Maat, 2021).

Kaedah gamifikasi juga mempunyai banyak manfaat lain lagi antaranya dapat mencipta suasana yang lebih santai dan menjadikan pelajar lebih terbuka untuk menerima kegagalan dan terus berusaha seterusnya dapat membentuk pelajar yang lebih berdaya saing (Ismail & Mohamad Nasri, 2021). Oleh itu, seperti mana manfaat yang diperolehi oleh pelbagai kursus yang telah diajar dengan menggunakan kaedah gamifikasi, pendekatan ini dalam kursus Falsafah Islam juga dapat merangsang minat pelajar untuk menerokai bidang Falsafah Islam yang luas. Pada masa yang sama, e-gamifikasi juga dapat membantu tenaga pengajar menyampaikan konsep-konsep yang kompleks dengan cara yang menarik. Sesuai dengan elemen permainan dalam pembelajaran, platform *Minecraft* dapat membuka peluang kepada pelajar untuk menonjolkan aspek kreativiti yang interaktif bagi membangun pengalaman pembelajaran yang unik dan berkesan.

Melalui penggunaan platform permainan digital atau e-gamifikasi, pelajar dapat belajar untuk berinteraksi dengan teknologi moden serta mengembangkan kreativiti dan dapat menyelesaikan isu atau permasalahan dengan menggunakan kaedah yang lebih santai dan menarik (Hambali & Lubis, 2022). Tenaga pengajar juga dapat membentangkan kandungan kursus Falsafah Islam dengan cara yang lebih sesuai dan relevan dengan generasi muda yang terdedah dengan permainan atas talian. Oleh itu, pembangunan e-gamifikasi dapat menarik minat pelajar untuk mempelajari ilmu falsafah, khususnya Falsafah Islam kerana menurut Wan Abdullah (2026), terdapat ramai dalam kalangan mahasiswa yang kurang kesedaran tentang kepentingan falsafah malahan terdapat dalam kalangan mereka yang beranggapan bahawa kursus ini susah dan tidak berfaedah.

## **2. KAEDAH PENYELIDIKAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk menilai kebolehgunaan e-gamifikasi

Minecraft dalam pengajaran Falsafah Islam. Data dikumpulkan melalui kaedah soal selidik yang diedarkan kepada 28 orang pelajar Program Akidah dan Pengajian Agama di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang sedang mengikuti kursus Falsafah Islam. Soal selidik tersebut merangkumi beberapa bahagian yang menilai persepsi pelajar mengenai kemudahan penggunaan, keberkesanan, serta pengalaman keseluruhan mereka menggunakan e-gamifikasi Minecraft dalam pembelajaran.

Setiap item soal selidik diukur menggunakan skala Likert (1 = Sangat Tidak Setuju sehingga 5 = Sangat Setuju), yang membolehkan pelajar memberikan penilaian terhadap pelbagai aspek e-gamifikasi, termasuk kefahaman mereka terhadap isi pelajaran, kemudahan mengingat maklumat, dan minat yang dipupuk melalui platform tersebut. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan perisian SPSS. Analisis deskriptif dilakukan untuk mendapatkan nilai min (purata) bagi setiap item dalam soal selidik. Ini membolehkan kajian mengenal pasti tahap penerimaan dan persepsi positif atau negatif pelajar terhadap penggunaan e-gamifikasi dalam kursus Falsafah Islam.

Selain itu, kajian juga mengambil kira sisihan piawai bagi mengukur tahap variasi atau penyebaran jawapan responden. Sisihan piawai membantu memberikan gambaran tentang sejauh mana pandangan pelajar terhadap penggunaan e-gamifikasi berbeza antara satu sama lain. Melalui pendekatan ini, kajian dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang kebolegunaan dan keberkesanan platform e-gamifikasi Minecraft dalam konteks pembelajaran Falsafah Islam.

### 3. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

**Jadual 1.** Kebolegunaan Minecraft *Dunia Falsafah Islam*

Bil	Item	STS		TS		TP		S		SS		Min	SP	Tahap
		K	%	K	%	K	%	K	%	K	%			
1.	Saya dapat memahami isi pelajaran Falsafah Islam dengan lebih mudah.	0	0	1	3.57	4	14.29	1	57.14	7	25.00	4.04	0.73	Tinggi
2	Saya dapat mengingat nama ahli falsafah dengan lebih mudah.	0	0	2	7.14	2	7.14	1	50.00	1	35.71	4.14	0.83	Tinggi
3.	Saya mengingat karya penulisan ahli falsafah dengan lebih mudah.	0	0	0	0.00	5	17.86	1	60.71	6	21.43	4.04	0.63	Tinggi
4.	Saya mengingat idea umum ahli falsafah dengan lebih mudah.	0	0	1	3.57	5	17.86	1	50.00	8	28.57	4.04	0.78	Tinggi
5.	Saya teruja dengan reka bentuk dunia Falsafah Islam di dalam e-gamifikasi Minecraft.	0	0	0	0.00	1	3.57	1	50.00	1	46.43	4.43	0.56	Tinggi

6.	Saya dapat belajar tentang Falsafah Islam secara berkumpulan.	0	0	0	0.0 0	3	10.7 1	1 3	46.4 3	1 2	42.8 6	4.32	0.6 6	Tinggi
7.	Saya mendapati penyampaian isi pelajaran adalah teratur dan senang diikuti.	0	0	0	0.0 0	1	3.57	1 9	67.8 6	8	28.5 7	4.25	0.5 1	Tinggi
8.	Saya mendapati susun atur dan tema yang digunakan adalah sesuai dengan kursus Falsafah Islam.	0	0	0	0.0 0	1	3.57	1 5	53.5 7	1 2	42.8 6	4.39	0.5 6	Tinggi
9.	Saya mendapati teks yang terdapat dalam e-gamifikasi Minecraft adalah mudah untuk dibaca.	0	0	2	7.1 4	0	0.00	1 6	57.1 4	1 0	35.7 1	4.21	0.7 7	Tinggi
10.	Saya mendapati arahan dan panduan e-gamifikasi ini mudah untuk difahami.	0	0	0	0.0 0	4	14.2 9	1 4	50.0 0	1 0	35.7 1	4.21	0.6 7	Tinggi
11.	Saya berasa seronok apabila pensyarah menggunakan kaedah e-gamifikasi dalam pengajaran Falsafah Islam.	0	0	0	0	1	3.57	1 5	53.5 7	1 2	42.8 6	4.39	0.5 6	Tinggi
12.	Saya merasakan penggunaan e-gamifikasi Minecraft telah menarik minat saya untuk menerokai tentang Falsafah Islam.	0	0	2	7.1 4	0	0	1 5	53.5 7	1 1	39.2 9	4.25	0.7 8	Tinggi
13.	Saya mudah untuk menggunakan e-gamifikasi Minecraft ini pada mana-mana peranti.	0	0	1	3.5 7	3	10.7 1	1 4	50.0 0	1 0	35.7 1	4.18	0.7 6	Tinggi
<b>KESELURUHAN</b>											4.22	0.6 8	Tinggi	

Berdasarkan kepada dapatan kajian dalam jadual 1, penggunaan e-gamifikasi Minecraft dalam pengajaran Falsafah Islam diterima baik oleh para pelajar. Hampir semua item mencatatkan nilai min yang tinggi, sekitar 4.04 (sp 0.63) hingga 4.43 (sp 0.56), menunjukkan persepsi positif terhadap kebolegunaan dan keberkesanan platform ini dalam membantu mereka memahami dan mengingat konsep serta tokoh dalam Falsafah Islam. Pelajar merasakan e-gamifikasi membantu mereka

mengingat nama ahli falsafah (min: 4.14 / sp 0.83), karya penulisan ahli falsafah (min: 4.04 / sp 0.63), dan idea umum mereka (min: 4.04 / sp 0.78) dengan lebih mudah. Pelajar juga teruja dengan reka bentuk dunia Falsafah Islam dalam Minecraft (min: 4.43 / sp 0.56), serta merasakan ia menarik minat mereka untuk belajar lebih mendalam tentang subjek ini (min: 4.25 / sp 0.78). Kebanyakan pelajar mendapati arahan dan panduan mudah difahami (min: 4.21 / sp 0.67), dan mereka dapat menggunakan aplikasi ini pada pelbagai peranti dengan mudah (min: 4.18 / sp 0.76). Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan gamifikasi dalam e-pembelajaran, khususnya menggunakan Minecraft, berkesan dalam meningkatkan minat, pemahaman, dan pengalaman belajar Falsafah Islam.

#### 4. KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa pelajar menerima platform e-gamifikasi Dunia Falsafah Islam dengan baik, dengan nilai min keseluruhan 4.22 (tinggi) dengan nilai sisihan piawai 0.68. Penggunaan e-gamifikasi dapat meningkatkan daya ingatan pelajar terhadap nama ahli falsafah, karya, dan idea utama dalam falsafah mereka. Selain itu, minat pelajar terhadap subjek juga dapat dipertingkatkan melalui reka bentuk permainan Minecraft Dunia Falsafah Islam yang interaktif. Ini menunjukkan bahawa pendekatan gamifikasi tidak hanya membantu dalam proses pembelajaran, tetapi juga menjadikan subjek lebih menarik dan relevan bagi pelajar. Oleh itu, pendekatan e-gamifikasi ini dalam pendidikan boleh dipertimbangkan sebagai strategi yang berkesan untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran terutama dalam kursus Falsafah Islam.

#### PENGHARGAAN

Projek penyelidikan ini telah didaftarkan di bawah *Projek Penyelidikan Biduni Mizanniyah 2024* dengan kod PPPI/BM/PPT/USIM/17924

#### RUJUKAN

- Ali, A., Abbas, L. N., & Mohamad Sabiri, A. (2021). Keberkesanan Pembelajaran Gamifikasi dalam Pencapaian Pelajar bagi Topik Nombor Kompleks. *Online Journal for TVET Practitioners*, 6(2), 108–122.
- Aschentrup, L., Steimer, P. A., Dadaczynski, K., Mc Call, T., Fischer, F., & Wrona, K. J. (2024). Effectiveness of gamified digital interventions in mental health prevention and health promotion among adults: a scoping review. *BMC Public Health*, 24(1), 69. <https://doi.org/10.1186/s12889-023-17517-3>
- Bedwell, K., Garaccione, G., Coppola, R., Ardito, L., & Morisio, M. (2022). BIPMIN: A Gamified Framework for Process Modeling Education. *Information*, 14(1), 3. <https://doi.org/10.3390/info14010003>
- Behl, A., Jayawardena, N., Pereira, V., Islam, N., Giudice, M. Del, & Choudrie, J. (2022). Gamification and e-learning for young learners: A systematic literature review, bibliometric analysis, and future research agenda. *Technological Forecasting and Social Change*, 176, 121445. <https://doi.org/10.1016/j.techfore.2021.121445>
- Darejeh, A., & Salim, S. S. (2016). Gamification Solutions to Enhance Software User Engagement—A Systematic Review. *International Journal of Human-Computer Interaction*, 32(8), 613–642. <https://doi.org/10.1080/10447318.2016.1183330>

- Dermeval, D., Albuquerque, J., Bittencourt, I. I., Isotani, S., Silva, A. P., & Vassileva, J. (2019). GaTO: An Ontological Model to Apply Gamification in Intelligent Tutoring Systems. *Frontiers in Artificial Intelligence*, 2. <https://doi.org/10.3389/frai.2019.00013>
- Faith Fatokun, Zalizah Awang, Suraya Hamid, Johnson O. Fatokun, & Azah Norman. (2024). Cybersecurity Knowledge Deterioration and the role of Gamification Intervention. *Journal of Advanced Research in Applied Sciences and Engineering Technology*, 43(1), 66–94. <https://doi.org/10.37934/araset.43.1.6694>
- Goddiksen, M. P., Allard, A., Armond, A. C. V., Clavien, C., Loor, H., Schöpfer, C., Varga, O., & Johansen, M. W. (2024). Integrity games: an online teaching tool on academic integrity for undergraduate students. *International Journal for Educational Integrity*, 20(1), 7. <https://doi.org/10.1007/s40979-024-00154-7>
- Hambali, K., & Lubis, M. A. (2022). Kepentingan Gamifikasi dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PDPC) Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 5(1), 58–64.
- Hussin, M. N., Wazir, R., & Abd. Rahman, K. A. (2021). Kajian Awal Tentang Pelaksanaan Pembelajaran Atas Talian dalam Kalangan Mahasiswa Pengajian Islam di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 148–159.
- Ismail, M., & Mohamad Nasri, N. (2021). Keberkesanan Pendekatan Gamifikasi dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris dari Segi Penglibatan Murid dan Pengekalan Pembelajaran. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 4(10), 49–61.
- Matlan, S. J., & Maat, S. M. (2021). Penggunaan Aplikasi Quizizz Sebagai Alternatif Penilaian Formatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 217–227. <https://doi.org/10.55057/jdprd.2021.3.4.18>
- Shahid, M., Wajid, A., Haq, K. U., Saleem, I., & Shujja, A. H. (2019). A Review of Gamification for Learning Programming Fundamental. *2019 International Conference on Innovative Computing (ICIC)*, 1–8. <https://doi.org/10.1109/ICIC48496.2019.8966685>
- Tangkui, R. (2021). Kesan Penggunaan Minecraft Terhadap Pencapaian dan Motivasi Murid Tahun 5 dalam Perimeter dan Luas. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 12(2), 51–66. <https://doi.org/10.37134/jpsmm.vol12.2.4.2022>
- Tangkui, R., & Keong, T. C. (2020). Peningkatan Pencapaian dalam Pecahan: Kerangka Konseptual untuk Pembelajaran Berasaskan Permainan Digital Menggunakan Minecraft. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 7, 75–90. <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/JICTIE/article/view/3911>
- Teerawongpairoj, C., Tantipoj, C., & Sipiyyaruk, K. (2024). The design and evaluation of gamified online role-play as a telehealth training strategy in dental education: an explanatory sequential mixed-methods study. *Scientific Reports*, 14(1), 9216. <https://doi.org/10.1038/s41598-024-58425-9>

## PENTAKLIFAN IBADAT TERHADAP PENGIDAP AUTISME MENURUT FIQH ISLAM

Syed Sultan Bee bt. Packer Mohamed  
*Universiti Utara Malaysia*  
*ss.bee@uum.edu.my*

### ABSTRAK

Autisme ialah gangguan perkembangan neuro sepanjang hayat. Ini bermakna autisme memberi kesan kepada perkembangan otak dan mempengaruhi keupayaan kanak-kanak untuk berkomunikasi, berinteraksi secara sosial dan belajar seperti kanak-kanak biasa. Namun begitu, tahap gangguan ini adalah berbeza di antara satu individu dengan individu lain. Dari sudut perubatan, pengidap autisme dikategorikan kepada tiga tahap iaitu ringan, sederhana dan teruk. Rentetan itu, satu kajian perlu dijalankan untuk mengenalpasti hukum pentaklifan syara' terhadap pengidap autisme dalam ibadat kerana ia melibatkan hak Allah SWT. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengkategorian pengidap autisme menurut fiqh Islam serta mengkaji hukum pentaklifan syara' ke atas setiap kategori dalam ibadat. Sehubungan itu, kajian yang berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah kepustakaan untuk mengumpul data. Manakala kaedah analisis kandungan digunakan untuk menganalisis data yang terkumpul. Hasil kajian mendapati bahawa pengidap autisme yang berada pada tahap ringan merupakan mukallaf. Oleh itu, wajib ke atas mereka menunaikan semua ibadat wajib yang diperintahkan ke atas mereka. Manakala pengidap autisme yang berada pada tahap sederhana dan teruk bukan merupakan mukallaf. Oleh itu, tidak wajib ke atas mereka sebarang ibadat. Walaupun begitu, mereka masih lagi perlu diajar dan dilatih untuk menunaikan ibadat. Tanggungjawab ini perlulah diambil oleh wali sama ada ibu bapa atau penjaga mereka.

**Kata kunci:** Pentaklifan Ibadat, Pengidap autisme, Tanggungjawab wali.

### 1. PENGENALAN

Autisme berasal daripada perkataan bahasa Greek iaitu 'autos' yang bermaksud sendiri. Dalam konteks ini, ia merujuk kepada seseorang yang hidup dalam dunianya sendiri. Dari sudut perubatan, autisme ialah keadaan di mana interaksi sosial seseorang terganggu akibat masalah kemahiran berkomunikasi, tingkah laku tidak wajar yang berulang, pemencilan diri serta mempunyai keinginan terhad terhadap sesuatu benda.

Rentetan itu, perlu diketahui hukum pentaklifan syara' terhadap pengidap autisme terutamanya dalam ibadat kerana ia melibatkan hak Allah SWT. Sekiranya mereka termasuk dalam golongan mukallaf, mereka tidak terlepas daripada melakukan semua ibadat wajib. Sebaliknya, sekiranya mereka tidak termasuk dalam golongan mukallaf, mereka masih lagi perlu diajar dan dilatih untuk melakukan ibadat dan tanggungjawab ini terpikul di atas bahu para wali.

Bertitik tolak daripada itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti pengkategorian pengidap autisme menurut fiqh Islam serta mengkaji hukum pentaklifan syara' ke atas setiap kategori dalam ibadat. Hasil penelitian terhadap kajian lepas mengenai autisme mendapati masih kurang kajian yang



menjurus kepada pentaklifen syara' terhadap golongan ini terutamanya dalam ibadat. Kebanyakan kajian tertumpu kepada masalah yang dihadapi oleh pengidap autisme dan kaedah menanganinya dari sudut komunikasi, interaksi sosial, pembelajaran dan kesalahan seksual.

Kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada para wali yang memiliki anak yang mengidap autisme agar mengambil berat tentang status anak mereka sama ada mereka termasuk dalam golongan mukallaf atau bukan mukallaf. Begitu juga, mereka perlu menitikberatkan tentang ibadat anak mereka walaupun mereka tidak termasuk dalam golongan bukan mukallaf.

## **2. METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan yang terdiri daripada buku dan jurnal untuk mengumpul data. Bagi tujuan analisis pula, kaedah analisis kandungan digunakan.

## **3. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan kajian dibincang seperti berikut:

### **3.1. Tahap Autisme**

Menurut *American Psychiatric Association* (2013) dalam *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders (DSM-5)*, autisme boleh dikategorikan kepada tiga tahap iaitu:

#### **1) Tahap Satu (Ringan)**

Pengidap autisme tahap satu mempunyai simptom yang lebih ringan di mana mereka mempunyai gangguan yang minimum terhadap aktiviti-aktiviti dalam kehidupan seharian mereka. Umumnya, pengidap autisme tahap satu memerlukan sokongan berbentuk komunikasi dan interaksi sosial. Tanpa sokongan dan bantuan, mereka akan memperlihatkan masalah yang ketara dalam komunikasi sosial.

#### **2) Tahap Dua (Sederhana)**

Pengidap autisme tahap dua memerlukan sokongan besar yang lebih banyak daripada mereka yang berada pada tahap satu. Ini kerana biasanya golongan ini mengalami masalah yang lebih jelas terhadap komunikasi lisan dan sosial. Di samping itu, mereka juga mempunyai minat yang sangat sempit dan terlibat dalam tingkah laku berulang yang boleh menyukarkan mereka untuk berfungsi atau mengambil bahagian dalam situasi tertentu. Gangguan dapat dilihat dengan jelas walaupun diberikan sokongan dan bantuan.

#### **3) Tahap 3 (Teruk)**

Pengidap autisme tahap tiga memerlukan sokongan yang sangat besar dalam komunikasi dan interaksi sosial. Mereka mengalami defisit teruk dalam komunikasi lisan dan bukan lisan, sukar untuk melibatkan diri dengan orang lain dan mempunyai minat yang terhad dalam interaksi sosial. Pengidap autisme pada tahap ini sering menghadapi cabaran yang ketara dalam fungsi eksekutif, penjagaan diri dan kemahiran hidup harian.

### 3.2. Pengkategorian Pengidap Autisme Menurut Fiqh Islam

Pengidap autisme dikategorikan kepada tiga kategori seperti berikut (al-Sayyid Habsyi, 2019):

- 1. Pengidap autisme tahap satu (ringan dan memerlukan sokongan)**  
Golongan ini mempunyai kecerdasan akal yang sempurna sama seperti orang yang normal. Oleh itu, mereka memiliki tahap kemampuan untuk memahami sesuatu perkara dan tahap *tamyiz* mereka (kemampuan untuk membezakan antara perkara yang baik dan buruk) yang baik. Dari sudut fiqh Islam, ciri-ciri ini adalah sepadan dengan ciri-ciri seorang yang berakal. Justeru, golongan ini termasuk dalam kumpulan orang yang berakal (al-Sarkhasi, t.t.).
- 2. Pengidap autisme tahap dua (sederhana dan memerlukan sokongan besar)**  
Golongan ini mempunyai tahap kecerdasan akal yang lemah. Oleh itu, mereka memiliki tahap kemampuan untuk memahami sesuatu perkara dan tahap *tamyiz* (kemampuan untuk membezakan antara perkara yang baik dan buruk) yang lemah. Dari sudut fiqh Islam, ciri-ciri ini adalah sepadan dengan ciri-ciri seorang *ma'tuh mumayyiz*. Justeru, golongan ini termasuk dalam kumpulan *ma'tuh mumayyiz* (al-Namlah, 1999).
- 3. Pengidap autisme tahap tiga (teruk dan memerlukan sokongan sangat besar)**  
Golongan ini mempunyai tahap kecerdasan akal yang sangat lemah. Oleh itu, mereka tidak memiliki kemampuan untuk memahami sesuatu perkara dan tidak memiliki kemampuan *tamyiz* (kemampuan untuk membezakan antara perkara yang baik dan buruk). Dari sudut fiqh Islam, ciri-ciri tersebut adalah sepadan dengan ciri-ciri seorang *ma'tuh ghair mumayyiz*. Justeru, golongan ini termasuk dalam kumpulan *ma'tuh ghair mumayyiz* (Zaidan, 1987).

### 3.3. Pentaklifan Syara' Terhadap Pengidap Autisme

Pentaklifan syara' terhadap pengidap autisme dikupas seperti berikut:

#### 3.3.1. Definisi Taklif dan Mukallaf

Taklif ialah sesuatu pertanggungjawaban kesan daripada perintah syara' (al-Mirdawi, 2013).

Manakala mukallaf pula ialah seseorang yang perbuatannya tertakluk kepada hukum Allah SWT (al-Zuhaili, 2006).

#### 3.3.2. Pentaklifan Ibadat Terhadap Pengidap Autisme

Pengidap autisme tahap satu diqiyaskan dengan mukallaf yang baligh dan berakal kerana keduanya mempunyai kemampuan untuk memahami nas dan melaksanakan isi yang terkandung dalam nas dengan sempurna. Justeru, dikenakan ke atas golongan ini semua hukum yang dikenakan ke atas mukallaf dan tidak terangkat segala bentuk pentaklifan daripada mereka (al-Ghazali, 1993). Sehubungan itu, semua ibadat wajib seperti solat fardhu lima kali sehari semalam, puasa bulan Ramadhan, zakat jika memenuhi semua syaratnya serta haji jika mampu adalah wajib ke atas golongan ini. Oleh itu, pihak wali sama ada ibu bapa atau penjaga wajib mengajar, menyuruh serta memastikan anak mereka

Pengidap autisme tahap dua diqiyaskan dengan *ma'tuh mumayyiz* kerana kedua-duanya tidak mempunyai kemampuan yang sempurna untuk memahami nas dan melaksanakan isi yang terkandung dalam nas. Justeru, dikenakan ke atas golongan ini semua hukum yang dikenakan ke atas *ma'tuh mumayyiz* dan sekaligus tidak dikira sebagai mukallaf. Justeru, terangkat daripada mereka segala bentuk pentaklifan (Zaidan, 1987). Sehubungan itu, semua ibadat wajib tidak diwajibkan ke atas golongan ini.

Namun begitu, pihak wali sama ada ibu bapa atau penjaga wajib mengajar dan menyuruh mereka menunaikan solat dan puasa wajib. Ini kerana hukum *ma'tuh mumayyiz* adalah sama seperti kanak-kanak *mumayyiz*. Jika mereka enggan menunaikan ibadat tersebut, harus bagi wali memukul mereka dengan tujuan mendidik (al-Nawawi, t.t.). Hukum ini adalah berdasarkan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Perintahkanlah anak-anak kamu untuk mengerjakan solat ketika mereka telah sempurna mencapai umur tujuh tahun. Dan pukullah mereka sekiranya mereka meninggalkan solat ketika mereka telah sempurna mencapai umur sepuluh tahun. Dan asingkanlah tempat tidur mereka”.*

(Sunan Abu Daud, no hadis: 495)

Pengidap autisme tahap tiga diqiyaskan dengan *ma'tuh ghair mumayyiz* kerana kedua-duanya tidak mempunyai kemampuan untuk memahami nas dan tidak mampu melaksanakan isi yang terkandung dalam nas. Justeru, dikenakan ke atas golongan ini semua hukum yang dikenakan ke atas *ma'tuh ghair mumayyiz* dan sekaligus tidak dikira sebagai mukallaf. Justeru, terangkat daripada mereka segala bentuk pentaklifan (Zaidan, 1987). Sehubungan itu, semua ibadat wajib tidak diwajibkan ke atas golongan ini seperti pengidap autisme tahap dua. Namun begitu, pihak wali sama ada ibu bapa atau penjaga boleh mengajar mereka menunaikan solat wajib dan mereka tidak perlu disuruh untuk menunaikan solat tersebut (al-Nawawi, t.t.).

Di samping itu, walaupun pengidap autisme tahap dua dan tiga tidak wajib ke atas mereka sebarang ibadat wajib, akan tetapi pihak wali wajib membayar zakat daripada harta mereka sekiranya telah memenuhi syaratnya (al-Zuhaili, 2006).

Lanjutan itu, pengidap autisme tahap satu yang mempunyai akal yang sempurna, tidak semestinya berada pada tahap satu setiap masa. Mereka kadang kala boleh bertindak seperti pengidap yang berada pada tahap dua dan tiga. Dalam keadaan ini, terangkat daripada mereka segala bentuk pentaklifan termasuk ibadat. Mereka hanya dikira sebagai mukallaf dan dikenakan pentaklifan ke atas mereka apabila mereka kembali kepada tahap satu (al-Sayyid Habsyi, 2019).

Seterusnya, dalil yang menunjukkan bahawa golongan *ma'tuh* sama ada *mumayyiz* atau *ghair mumayyiz* bukan mukallaf ialah sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Diangkat pena daripada tiga golongan: Orang yang tidur sehingga dia bangun, daripada kanak-kanak sehingga dia baligh dan daripada orang yang cacat mental sehingga dia berakal”.*  
(Sunan al-Tirmizi, no: 1423)

#### 4. KESIMPULAN

Pengidap autisme tahap satu dikira sebagai mukallaf. Manakala pengidap autisme tahap dua dan tiga tidak dikira sebagai mukallaf. Justeru, wajib ke atas pengidap autisme tahap satu menunaikan semua ibadat wajib. Walau bagaimanapun, pengidap autisme tahap dua dan tiga tidak diwajibkan ke atas mereka sebarang ibadat. Namun, wali perlu mengajar dan melatih mereka untuk melalukan ibadat.

#### RUJUKAN

Abu Daud, Sulaiman bin al-Asy'ath al-Azdi al-Sajastani, (2009). Sunan Abi Daud, 1,133, Dar al-Risalah al-'Alamiyyah, Beirut.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad, (1993). Al-Mustasfa, 67, Dar al-Kutub al-'Imiyyah, Beirut.

Al-Mirdawi, Ali, (2013). Tahrir al-Manqul wa Tahzib al-Uşul, 125, Wizarat al-Awqaf wa Syuun al-Islamiyyat, Qatar.

Al-Namlah, Abdul Karim bin Ali bin Muhammad, (1999). Al-Muhazzab fi 'Ilm Usul al-Fiqh al-Muqaran, 1,335, Maktabah al-Rushd, al-Riyadh.

Al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhiyuddin bin Syaraf, (t.t.). Al-Majmu' Syarh Al-Muhazzab, 3,11, Dar al-Fikr, Damsyik.

Al-Sarkhasi, Abu Bakr Muhammad bin Ahmad bin Abu Sahl, (t.t.). Usul al-Sarkhasi, 348, Dar al-Ma'rifah, Beirut.

Al-Sayyid Habsyi, Iman Hamzah, (2019). Athar al-tawahhud 'ala al-ahkam al-talifiyyah fi al-syariah al-islamiyyah dirasah fiqhiyyah muqaranah, Majallah Kulliyyah al-Dirasat al-Islamiyyah wa al-'Arabiyyah lil Banat bi Damanhur, 1, 4, 1118-1120.

Al-Tirmizi, Abu Isa Muhammad bin Isa, (1998). Sunan Al-Tirmizi, 4,32, Dar al-Gharb al-Islami, Beirut.

Al-Zuhaili, Muhammad Mustafa, (2006). Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh al-Islami, 1, 489-490, Dar al-Khayr, Damsyik.

American Psychiatric Association, (2013). Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders, Fifth Edition (DSM-5), 33-36, American Psychiatric Publishing, Washington, DC.

Zaidan, Abdul Karim, (1987). Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh, 104, Muassasah al-Risalah, Beirut.

**KEPERLUAN KAJIAN PEMERKASAAN KEMANDIRIAN GOLONGAN WANITA DAN REMAJA B40 PASCA COVID-19 DI MALAYSIA MENURUT KERANGKA ISLAM SECARA BERSEPADU: SUATU PENELITIAN**

Mashitah Sulaiman<sup>1</sup>, Norita Md. Norwawi<sup>2</sup>, Norhayati Rafida Abdul Rahim<sup>3</sup>, Syahirah Abdul Shukor<sup>4</sup>, Syahidawati Hj. Shahwan<sup>5</sup>, Nur Huda Faujan<sup>6</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.

Emel: [mashitah@usim.edu.my](mailto:mashitah@usim.edu.my).

<sup>2,6</sup> Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. Emel: [norita@usim.edu.my](mailto:norita@usim.edu.my); [nurhuda@usim.edu.my](mailto:nurhuda@usim.edu.my)

<sup>3</sup> Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. Emel: [norhayati@usim.edu.my](mailto:norhayati@usim.edu.my);

<sup>4</sup> Fakulti Undang-Undang dan Syariah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. Emel: [syahirah@usim.edu.my](mailto:syahirah@usim.edu.my);

<sup>5</sup> Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. Emel: [syahidawati@usim.edu.my](mailto:syahidawati@usim.edu.my).

**ABSTRAK**

Pandemik COVID-19 telah membawa impak besar terhadap aspek sosial, ekonomi, dan psikologi-spiritual masyarakat, terutamanya golongan B40. Dalam Islam, isu kemiskinan adalah suatu keadaan yang mesti diatasi kerana kesannya memberi impak yang besar ke atas individu, masyarakat dan keunggulan agama Islam sebagai penyelesaian masalah sosial, ekonomi, politik, budaya dan sahsiah. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan khusus dalam menangani isu-isu pasca COVID-19 yang dihadapi oleh remaja dan wanita B40 di Malaysia. Kajian ini juga meneliti model pemerksaan golongan wanita dan remaja konvensional sedia ada khususnya dari perspektif Barat dan kritikan terhadapnya. Selain itu, fokus utama kajian ini adalah meneroka kaedah ataupun strategi Islam serta peranan rakyat dan pemerintah dalam membasmi isu sosial, ekonomi dan psikologi spiritual secara bersepadu bagi mengisi kelompangan kajian konvensional yang lepas. Hasil analisis keperluan tersebut, model pemerksaan kemandirian golongan B40 dicadangkan untuk dibangunkan dan dinilai dalam meningkatkan kesejahteraan kehidupan mereka dalam konteks kelestarian komuniti Madani. Kajian ini dilakukan menggunakan kajian perpustakaan dan analisis kandungan daripada bahan sekunder seperti artikel jurnal, buku dan akhbar. Hasil kajian awal ini mendapati bahawa keadaan sosio-ekonomi pasca COVID-19 yang mencabar memerlukan pendekatan holistik yang tidak hanya terfokus pada bantuan kewangan, tetapi juga kepada aspek pemerksaan kemandirian dan kelestarian komuniti ini secara bersepadu. Oleh yang demikian, program pemerksaan yang komprehensif mampu meningkatkan kesejahteraan dan kemandirian individu dalam komuniti terpinggir. Namun, terdapat kekurangan kajian empirikal yang secara spesifik memberi tumpuan kepada B40, remaja dan wanita di kawasan perumahan kos rendah pasca COVID-19 dari kerangka Islam secara menyeluruh. Oleh itu, penyelidikan ini diharap dapat mengenal pasti keperluan khusus mereka, dalam membangunkan Model Pemerksaan Kemandirian Wanita dan Remaja B40 menurut kerangka Islam secara bersepadu. Model Pemerksaan Kemandirian Komuniti B40: Wanita dan Remaja

dibina berbingkaikan acuan Islam secara bersepadu seperti Model Perubahan Sosial Ibnu Khaldun, Model Pembangunan Berteraskan Islam oleh Syukri Salleh dan Maqasid al-Syariah dijangka dapat memberikan panduan praktikal untuk meningkatkan kesejahteraan hidup khususnya wanita B40 dan remaja pasca pandemik dan selari dengan matlamat pencapaian lima dari enam Prinsip Malaysia Madani, iaitu kemampaan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan, ihsan.

**Kata kunci:** pemerikasaan; kemandirian; wanita & remaja B40; pasca Covid-19; kerangka Islam.

## 1. PENDAHULUAN

Pandemik COVID-19 telah memperburuk keadaan sosio-ekonomi golongan B40, terutama sekali dalam kalangan remaja dan wanita di Flat Taman Semarak, Nilai, Negeri Sembilan. Masalah-masalah ini menjadi lebih dirasai dan menekan kehidupan akibat kekurangan sumber ekonomi, sokongan sosial dan psikologi yang mencukupi (Li Ping Wong et al. 2021).

Walaupun Islam difahami sebagai pembawa penyelesaian kepada segala permasalahan manusia, strategi Islam masih belum digali, dicerna, dan diterjemahkan sepenuhnya ke dalam model pembangunan masyarakat untuk mengatasi isu sosial dan ekonomi masa kini seperti kemiskinan, kemerosotan kesihatan mental dan peluang pendidikan berkualiti (Muhamad Zulfadli et al., 2020). Menurut Kurshid Ahmad (1980), falsafah pembangunan ekonomi dalam Islam melibatkan empat dasar utama iaitu konsep Tawhid sebagai tunjang utama; konsep Rububiyah melibatkan perincian daripada hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT; konsep Khilafah yang menekankan peranan manusia sebagai pemegang amanah Allah SWT untuk memakmurkan bumi dan menjaga keseimbangan alam dan konsep Tazkiyyah yang menyucikan manusia dari sudut hubungan dengan Allah SWT dan hubungan sesama manusia. Model Pembangunan Berdasarkan Islam yang digagaskan oleh Profesor Muhammad Syukri Salleh (1987, 1990) merujuk kepada proses pembangunan yang komprehensif, bersepadu dan seimbang. Ia melibatkan semua aspek kehidupan insan, baik di peringkat individu mahupun komuniti berakarumbikan tasawur Islam (Mohd Shukri, 2011).

Pelbagai inisiatif Kerajaan disalurkan kepada golongan ini dalam menghadapi cabaran pasca COVID-19, seperti Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB), iaitu program yang dilaksanakan untuk mengurangkan beban tanggungan keluarga miskin di bandar, meningkatkan keupayaan dan kualiti hidup keluarga miskin di bandar demi kesejahteraan komuniti dalam kontek kemakmuran bersama (Laman Web Rasmi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2024). Namun, masyarakat Malaysia, terutamanya komuniti B40 yang terjejas masih hidup dalam tekanan kesan COVID-19 yang semakin berlarutan dan dirasai. Hal ini demikian kerana kebanyakan golongan B40 tidak mempunyai simpanan yang mencukupi sebagai persediaan menghadapi kecemasan (Muhammad Hassan et al, 2021). Keadaan ini akan memberikan kesan yang buruk kepada mereka dari segi kewangan, sosial dan tahap kesihatan.

Keadaan sosio-ekonomi yang mencabar ini memerlukan pendekatan holistik yang tidak hanya terfokus pada bantuan kewangan, tetapi juga pada aspek pemerikasaan kemandirian dan kelestarian komuniti. Menurut kajian terdahulu, program pemerikasaan yang komprehensif mampu meningkatkan kesejahteraan dan kemandirian individu dalam komuniti terpinggir (Gonzalez et al., 2021). Namun, terdapat kekurangan kajian empirikal yang secara spesifik memberi tumpuan


kepada B40, remaja dan wanita di kawasan perumahan kos rendah pasca COVID-19 dari kerangka Islam. Oleh itu, penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti keperluan khusus mereka, membangunkan Model Pemerksaan Kemandirian Wanita dan Remaja B40 (MAWAR) dari kerangka Islam, dan menilai keberkesannya dalam konteks komuniti Madani di Malaysia.

## 2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilakukan menggunakan kaedah kualitatif melalui kajian perpustakaan dan analisis kandungan daripada bahan sekunder seperti artikel jurnal, buku dan akhbar.

### 2.1. Analisis Kajian

Analisis tematik adalah kaedah untuk membangunkan tema, yang merupakan corak dalam pengumpulan data penyelidikan (Joffe, 2012). Ia bukan metodologi yang terdiri daripada teori panduan. Metodologi merangkumi lebih banyak komponen penyelidikan, seperti teori panduan dan orientasi kepada bahasa. Sebaliknya Analisis Tematik (AT) adalah kaedah membolehkan penyelidik memilih pelbagai pilihan data, seperti jenis data dan teori panduan (Braun & Clarke, 2022). Rjah 1 menunjukkan kaedah analisis tematik yang digunakan berasaskan Braun & Clarke, (2017 dan 2022).



Rajah 1 Analisis Tematik (Braun & Clarke, 2017 & 2022)

## 3. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini mengariskan tiga objektif utama iaitu:

1. mengenal pasti keperluan khusus dalam menangani isu-isu pasca COVID-19 yang dihadapi oleh remaja dan wanita B40 di Malaysia.
2. Meneliti model pemerksaan golongan wanita dan remaja konvensional sedia ada khususnya dari perspektif Barat dan kritikan terhadapnya.

3. Meneroka kaedah ataupun strategi Islam serta peranan rakyat dan pemerintah dalam membasmi isu sosial, ekonomi dan psikologi spiritual secara bersepadu bagi mengisi kelompangan kajian konvensional yang lepas.

3.1 Objektif 1: Mengenal pasti keperluan khusus dalam menangani isu-isu pasca COVID-19 yang dihadapi oleh remaja dan wanita B40 di Malaysia.

Azman (2023) pula menegaskan bahawa fenomena krisis pandemik COVID-19 telah menyebabkan jumlah penduduk miskin mutlak Malaysia meningkat dan ini menyebabkan kajian keperluan analisis bagi mengetahui tahap keperluan bantuan kepada golongan miskin dan bentuk pengagihannya perlu dilaksanakan. Remaja dan wanita dalam komuniti B40 ini menghadapi cabaran besar dalam aspek ekonomi seperti kehilangan pekerjaan dan pendapatan, isu sosial termasuk keciciran dalam pendidikan, kesihatan mental yang terjejas, kesejahteraan keluarga, serta masalah spiritual yang menjejaskan kesejahteraan keseluruhan. Justeru itu, terdapat keperluan mendesak untuk mengenal pasti keperluan khusus komuniti B40 ini agar dapat dirangka strategi dan model pemeraksanaan yang efektif dan berdaya tahan.

3.2 Objektif 2: Meneliti model pemeraksanaan golongan wanita dan remaja konvensional sedia ada khususnya dari perspektif Barat dan kritikan terhadapnya.

Terdapat empat aspek pemeraksanaan, dalam kehidupan manusia yang diperkenalkan oleh Charlier dan Caubergs, (2007), iaitu **aset** (kuasa yang merangkumi pendapatan, tanah, sumber atau teknologi), **pengetahuan** (kuasa untuk menambahkan pengetahuan atau kemahiran dengan membolehkan seseorang individu untuk mengawal individu lain atau komuniti untuk menjadi seorang ketua), **kuasa dalaman** (kekuatan psikologi, semangat spiritual, keyakinan diri dan juga keupayaan untuk membuat pilihan sendiri) dan **kapasiti** (kuasa dalaman untuk membuat pilihan sendiri, memikul tanggungjawab dan bebas untuk bertindak) (Charlier dan Caubergs, 2007).

Elemen Reka Bentuk Model Pemeraksanaan Zimmerman (1995, 2000) pula menilai pemeraksanaan individu berdasarkan:

- Kesedaran Kritikal:
  - Meningkatkan kesedaran tentang hak dan peluang dalam komuniti.
- Pembangunan Kapasiti & Aset:
  - Latihan kemahiran hidup, kewangan, dan keusahawanan.
- Sokongan Sosial dan Psikologi:
  - Pembentukan kumpulan sokongan dan jaringan komuniti.
- Penglibatan dalam Keputusan:
  - Melibatkan komuniti dalam proses membuat keputusan untuk meningkatkan rasa kepemilikan dan tanggungjawab.

Page dan Czuba (1999) pula berpendapat pemeraksanaan adalah proses sosial yang berbentuk multi-dimensional yang bertujuan untuk membantu individu atau kumpulan individu untuk memperolehi kuasa dan kapasiti bagi melaksanakan sesuatu objektif. Mosedale (2003) telah menyenaraikan empat aspek utama yang sering dibincangkan dalam kajian-kajian berkaitan dengan pemeraksanaan wanita. Pertamanya beliau mengatakan bahawa sebelum seseorang itu dapat memperkasakan diri, mereka pada awalnya adalah dalam kedudukan yang “tidak berkeupayaan” (*disempowered*). Antara faktor kekangan kepada “ketidakupayaan” ini adalah “norma, kepercayaan, adat dan nilai yang wujud



dalam masyarakat yang membezakan antara lelaki dan wanita (Kabeer, 2001). Keduanya, pemerksaan diri bukan satu anugerah oleh pihak ketiga tetapi individu tersebut perlu berusaha mendapatkannya. Oleh itu, program-program pembangunan yang dilaksanakan hanya boleh membantu dan menyediakan persekitaran untuk membolehkan seseorang individu atau kumpulan individu mengalami proses pemerksaan.

Ketiganya, definisi pemerksaan selalunya meliputi keupayaan dan kebolehan individu untuk membuat keputusan mengenai sesuatu perkara yang penting dalam hidup mereka dan berupaya untuk melaksanakannya. Keempat, pemerksaan adalah satu proses yang berterusan dan bukan menjadi produk akhir. Setiap individu akan melalui fasa pemerksaan dan fasa “tidak berkeupayaan” secara silih berganti sepanjang kehidupan mereka. Konsep pemerksaan boleh terbahagi kepada empat kategori iaitu **pemerksaan undang-undang** (*legal empowerment*), **pemerksaan politik** (*political empowerment*), **pemerksaan ekonomi** (*economic empowerment*) dan **pemerksaan sosial** (*social empowerment*) (Noor Carmelita, 2015).

Secara ringkasnya, pemerksaan dari perspektif sarjana Barat ialah keupayaan seseorang individu atau kumpulan untuk membuat pilihan, mentransformasi diri / kumpulan bagi mencapai pemerksaan **asset & ekonomi** (pendapatan, tanah dan sumber teknologi), **pengetahuan** (menambah ilmu dan kemahiran), **dalaman** (psikologi, keyakinan diri, dan keupayaan membuat pilihan) dan **kapasiti** (kuasa dalaman untuk membuat pilihan sendiri, memikul tanggungjawab dan bebas untuk bertindak) (Bersandarkan Charlier dan Caubergs, 2007).



Rajah 2: Model Pemerksaan (Moran, Taliaferro, & Pate, 2014)

Model Pemerksaan yang diperkenalkan oleh Moran, Gibbs, & Mernin, (2017) berdasarkan teori pemerksaan (Perkins & Zimmerman, 1995; Sadan, 1997; Zimmerman, 1995, 2000), ialah model latihan dan pelaksanaan yang direka khusus untuk menangani banyak halangan yang dikenal pasti. Model ini bertujuan untuk memperksakan empat pihak yang berbeza, tetapi saling berkaitan: individu kurang upaya; ibu bapa; guru/pengajar; dan program berasaskan komuniti. Pendekatan Tindak Balas-Permintaan (The Demand-Response approach) ni mengenal pasti halangan kepada penyertaan yang berjaya dan kemudian membincangkan bagaimana elemen tertentu dalam Model Pemerksaan menyediakan penyelesaian yang berpotensi untuk membantu mengubah halangan ini menjadi peluang atau kemungkinan.

Model Pendekatan Tindak Balas-Permintaan yang dicadangkan mempunyai tiga elemen unik, iaitu pengaturcaraan, latihan, dan sokongan (lihat Rajah 4). Walaupun setiap elemen memainkan peranan

penting dalam kejayaan setiap peserta, pelaksanaan model ini menunjukkan bahawa interaksi elemen ini memudahkan penyertaan yang berjaya dan pemerksaan sebenar.

Elemen pertama, Pengaturcaraan, dirujuk sebagai "peluang berterusan," mencadangkan komuniti harus mempertimbangkan untuk menyediakan sejumlah pilihan pelbagai yang sejajar dengan tahap keupayaan semasa (fizikal, kognitif, dan sosial) bagi semua individu. Peluang berterusan ini akan membolehkan peserta memilih program yang membolehkan mereka menyertai dengan jayanya.

Elemen kedua model ialah Sokongan, yang dirujuk sebagai "Tangan Membantu." Elemen ini mengakui bahawa beberapa tahap sokongan mungkin dikehendaki oleh peserta atau diminta oleh ibu bapa/penjaga atau pengajar/organisasi. Model ini mempertimbangkan tiga faktor utama yang berkaitan dengan sokongan: siapa yang memerlukan sokongan, jenis sokongan yang diperlukan dan tahap kepakaran yang diperlukan.

Model pemerksaan yang diperkenalkan oleh sarjana Barat hanya melihat aspek pembangunan yang fizikal dan tidak mengambilkira pembangunan etika, moral dan spritual. Lantaran itu, Model Pemerksaan Kemandirian Komuniti B40: Wanita dan Remaja (MAWAR) dibingkaikan dalam acuan Islam ini diperlukan dengan mengambil kira model sarjana Islam seperti Model Perubahan Sosial Ibnu Khaldun, Model Pembangunan Berdasarkan Islam Syukri Salleh (2012) dijangka dapat memberikan panduan praktikal untuk meningkatkan kesejahteraan hidup khususnya wanita B40 dan remaja pasca pandemik dan selari dengan matlamat pencapaian lima dari enam Prinsip Malaysia Madani, iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan, ihsan.

3.3 Objektif 3: Meneroka kaedah ataupun strategi Islam serta peranan rakyat dan pemerintah dalam membasmi isu sosial, ekonomi dan psikologi spiritual secara bersepadu bagi mengisi kelompangan kajian konvensional yang lepas.

Islam menekankan pemerksaan sosial melalui sokongan kepada golongan yang memerlukan seperti fakir miskin, anak yatim, penganggur, dan mangsa penderaan. Ini dilakukan melalui program-program sosial yang bersasaran dan berkesan, termasuk dakwah dalaman dan luaran yang mempromosikan nilai-nilai peradaban Islam yang begitu unggul dalam konsep *Caring Society* yang telah digariskan dalam Al-Quran dan Sunnah. Gagasan ini sewajarnya menggerak orang Islam agar lebih serius, kreatif dan inovatif dalam melaksanakan amanah khalifah Allah. Keprihatinan ke atas keperluan semasa komuniti B40 contohnya yang tertekan dan terhimpit, dengan pelbagai permasalahan sosial dan ekonomi direalisasikan dengan mengangkat penyelesaian yang sehati dalam Islam untuk agenda transformasi sosial (Mohamad, 2023).

Ibnu Khaldun, seorang sarjana Islam dalam bidang kajian sejarah ketamadunan, ekonomi, perbandaran dan politik, kemasyarakatan dan sosiologi telah mengemukakan beberapa Model Perubahan Sosial yang sesuai diterapkan dalam konteks kumpulan B40, antaranya:

#### **1. Konsep *Asabiyyah* (Semangat Kekitaan)**

- Definisi: *Asabiyyah* merujuk kepada semangat kekitaan, kesatuan dan solidariti dalam kalangan kumpulan sosial.
- Aplikasi: Dalam konteks pemerksaan B40, *asabiyyah* boleh diintegrasikan dengan membina komuniti yang kukuh di Flat Taman Semarak dan Flat Taman Cengal Utama. Aktiviti komuniti dan program bersama boleh memperkukuhkan semangat

- kebersamaan dan saling membantu, yang merupakan asas penting bagi pemeraksanaan.
- o Rujukan: Akhmat, G., Zaman, K., & Shukui, T. (2014). Impact of Institutional Quality on Human Development. *Social Indicators Research*, 119(3), 1171-1190.

## 2. Teori Kitaran Dinasti dan Tamadun

- o Definisi: Ibnu Khaldun mengemukakan bahawa masyarakat melalui kitaran dinasti di mana setiap dinasti atau kumpulan sosial akan melalui fasa kebangkitan, kemuncak, dan kejatuhan.
- o Aplikasi: Dengan memahami kitaran ini, model pemeraksanaan boleh dibina untuk memastikan bahawa komuniti B40 sentiasa berada dalam fasa kebangkitan dan mengelakkan kejatuhan. Ini boleh dicapai melalui pendidikan berterusan, pembangunan ekonomi yang mampan, dan sokongan spiritual.
- o Rujukan: Khaldun, I. (1967). *The Muqaddimah: An Introduction to History*. Translated by Franz Rosenthal. Princeton University Press.

## 3. Peranan Ekonomi dalam Perubahan Sosial

- o Definisi: Ibnu Khaldun menekankan bahawa ekonomi adalah asas kepada perubahan sosial. Kekayaan dan pengagihan sumber yang adil akan membawa kepada kestabilan dan kemajuan sosial.
- o Aplikasi: Model pemeraksanaan perlu memberi fokus kepada peningkatan ekonomi golongan B40 melalui latihan kemahiran, peluang pekerjaan, dan sokongan perniagaan kecil. Ini akan membantu mereka keluar daripada kitaran kemiskinan dan mencapai kemandirian.
- o Rujukan: Alatas, S. F. (2006). Ibn Khaldun and Contemporary Sociology. *International Sociology*, 21(6), 782-795.

## 4. Peranan Pendidikan

- o Definisi: Ibnu Khaldun juga mengakui pentingnya pendidikan dalam memajukan masyarakat. Pendidikan dianggap sebagai kunci kepada kemajuan dan inovasi.
- o Aplikasi: Dalam konteks B40, menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti dan latihan kemahiran akan menjadi elemen penting dalam model pemeraksanaan. Ini akan membolehkan remaja dan wanita B40 untuk meningkatkan diri dan menyumbang secara efektif kepada masyarakat.
- o Rujukan: Rosenthal, F. (1989). *Knowledge Triumphant: The Concept of Knowledge in Medieval Islam*. Brill.

Dengan menggabungkan prinsip-prinsip ini dalam model pemeraksanaan kemandirian, kita boleh membina strategi yang holistik dan berkesan untuk membantu golongan B40 di Flat Malaysia. Menggunakan model perubahan sosial Ibnu Khaldun dapat membantu dalam merangka pendekatan yang lebih berkesan dan berdaya tahan untuk pemeraksanaan komuniti B40.

Sorotan kajian lepas, mendapati bahawa kajian berkaitan pemeraksanaan kemandirian remaja dan wanita B40 khususnya pasca COVID-19, secara bersama dalam masyarakat Malaysia masih diperlukan. Program-program pemeraksanaan dan penyelesaian masalah yang dihadapi oleh golongan ini perlu dibangunkan berdasarkan konsep Pembangunan Masyarakat Islam yang tidak mengabaikan masyarakat bukan Islam. Sebilangan kajian hanya melihat aspek pemeraksanaan wanita, khususnya dalam keusahawanan dan politik. Kajian lepas juga menunjukkan bahawa wanita dan remaja dalam kumpulan B40 di Malaysia menghadapi pelbagai cabaran, terutamanya dalam aspek sosial, ekonomi, dan pendidikan. Yayasan Hasanah contohnya mengkaji dan menekankan perlunya pendekatan berasaskan komuniti dan sokongan yang betul untuk membantu komuniti terpinggir mengurangkan

kerentanan mereka dan meningkatkan kebebasan ekonomi. Strategi seperti pembinaan jaringan dan koordinasi yang kuat antara pihak berkepentingan di seluruh Malaysia sangat penting untuk memastikan komuniti B40 dapat berdikari (Yayasan Hasanah, 2024).

Walaupun banyak inisiatif telah dilaksanakan bagi memperkasa golongan B40, namun terdapat beberapa jurang penyelidikan yang memerlukan perhatian lebih lanjut:

1. **Keberkesanan Program Pemerksaan:** Terdapat keperluan untuk kajian yang lebih mendalam mengenai keberkesanan program pemerksaan yang telah dilaksanakan. Ini termasuk analisis impak jangka panjang terhadap kesejahteraan sosial dan ekonomi wanita dan remaja B40.
2. **Penilaian Holistik:** Penyelidikan lebih lanjut diperlukan untuk menilai pendekatan holistik yang melibatkan aspek sosial, ekonomi, dan spiritual dalam pemerksaan wanita dan remaja B40. Banyak kajian sedia ada fokus pada satu aspek sahaja, tanpa mempertimbangkan keseimbangan keseluruhan kesejahteraan.
3. **Keterlibatan Komuniti:** Kajian terdahulu menunjukkan kepentingan keterlibatan komuniti, tetapi terdapat kekurangan bukti empirikal mengenai bagaimana keterlibatan ini dapat dioptimumkan untuk kesan maksimum. Penyelidikan tambahan diperlukan untuk memahami mekanisme terbaik bagi keterlibatan komuniti dalam inisiatif pemerksaan.
4. **Pendekatan Berterusan (longitudinal):** Banyak program pemerksaan bersifat jangka pendek. Terdapat keperluan untuk memahami bagaimana program berterusan dapat dibangunkan dan diuruskan dengan berkesan untuk memberikan sokongan berkelanjutan kepada komuniti B40.
5. **Teknologi Inklusif:** Walaupun portal seperti E-Jana menunjukkan kejayaan dalam membantu usahawan B40, penyelidikan lebih lanjut diperlukan untuk memahami bagaimana teknologi digital dapat diintegrasikan dengan lebih meluas dalam inisiatif pemerksaan wanita dan remaja B40 di Malaysia.
6. **Ukuran kepada pemerksaan B40** dalam kajian sebelum ini lebih cenderung mengukur pemerksaan golongan ini dari aspek material atau ukuran ekonomi menurut perspektif sains sosial Barat yang tidak memberikan tumpuan kepada konsep *Tauhid*, *Rububiyah*, *Khalifah* dan *Tazkiyatun* dalam pembangunan insan, keluarga dan masyarakat. Pemerksaan kemandirian tidak melihat dari aspek spiritual atau *worldview* agama yang seharusnya memandu seseorang dalam kehidupan yang memberi kesan dari aspek ekonomi, pendidikan dan psiko-spiritualnya.

Justeru itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti keperluan khusus dalam menangani isu sosial, ekonomi, dan psikologi Kumpulan B40 wanita dan remaja pasca COVID-19 di Malaysia berdasarkan pandangan alam Islam (*Islamic worldview*).

Model Pemerksaan Kemandirian Komuniti B40: Wanita dan Remaja dibina berbingkaikan acuan Islam secara bersepadu seperti Model Perubahan Sosial Ibnu Khaldun, Model Pembangunan Berteraskan Islam oleh Syukri Salleh dan Maqasid al-Syariah dijangka dapat memberikan panduan praktikal untuk meningkatkan kesejahteraan hidup khususnya wanita B40 dan remaja pasca pandemik dan selari dengan matlamat pencapaian lima dari enam Prinsip Malaysia Madani, iaitu kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan, ihsan.

#### 4. PENUTUP

Penyelidikan ini diharapkan dapat memberikan panduan yang praktikal dan berasaskan fakta dan data lapangan untuk pihak berkuasa, NGO, dan komuniti sendiri dalam usaha memulihkan dan meningkatkan kesejahteraan hidup wanita dan remaja B40 pasca pandemik COVID-19. Model pemeraksanaan kemandirian yang dibangunkan boleh dijadikan rujukan untuk inisiatif serupa dalam komuniti-komuniti lain.

#### RUJUKAN

- Abdul Rashid Abdul Aziz, Nurhafizah Mohd Sukor & Nor Hamizah Ab Razak. 2020b. Wabak Covid-19: Pengurusan aspek kesihatan mental semasa norma baharu. *International Journal of Social Science Research* 2(4): 156-174.
- Abdul Rashid Abdul Aziz. (2020a). Pengangguran dalam kalangan tenaga kerja semasa wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 5(11): 1-9.
- Akhmat, G., Zaman, K., & Shukui, T. (2014). Impact of Institutional Quality on Human Development. *Social Indicators Research*, 119(3), 1171-1190.
- Alatas, S. F. (2006). Ibn Khaldun and Contemporary Sociology. *International Sociology*, 21(6), 782-795.
- Azman Ab Rahman. (2023). Analisis literatur sistematik terhadap penentuan agihan bantuan kemiskinan kepada golongan B40 di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research* 28(2): 70-86.
- Braun V., & Clarke, V. (2022). *Thematic Analysis: A Practical Guide*. SAGE.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3, 77–101. doi:10.1191/1478088706qp063oa.
- Braun, V., & Clarke, V. (2012). Thematic Analysis. In H. Cooper, P. M. Camic, D. L. Long, A. T. Panter, D. Rindskopf, & K. J. Sher (Eds.), *APA Handbook of Research Methods in Psychology*, vol. 2: Research Designs: Quantitative, Qualitative, Neuropsychological, and Biological (pp. 57–71). Washington, DC: American Psychological Association.
- Braun, V., & Clarke, V. (2013). *Successful Qualitative Research: A Practical Guide for Beginners*. London: Sage.
- Braun, V., Clarke, V., Hayfield, N., & Terry. G. (2019). Thematic analysis. In P. Liamputtong (Ed.), *Handbook of research methods in health social sciences* (pp. 843-860). Springer.
- Chapra, M. U. (2008). "Ibn Khaldun's Theory of Development: Does it Help Explain the Low Performance of the Present-Day Muslim World?" *The Journal of Socio-Economics*, 37(2), 836-863.
- Chapra, M. U. (2008). *The Islamic Vision of Development in the Light of Maqasid al-Shariah*. Islamic Research and Training Institute.
- Chapra, M. U. (2008). *The Islamic Vision of Development in the Light of Maqasid al-Shariah*. Islamic Research and Training Institute (IRTI).
- Charlier, S. and Caubergs, L., (2007). The women empowerment Approach. *A Methodological Guide, Commission on Women and Development*, Brussell.
- Clarke, Victoria & Braun, Virginia. (2017). Thematic Analysis, *The Journal of Positive Psychology*, 12:3, 297-298, DOI: 10.1080/17439760.2016.1262613. <http://dx.doi.org/10.1080/17439760.2016.1262613>.

- Khaldun, I. (1967). *The Muqaddimah: An Introduction to History*. Translated by Franz Rosenthal. Princeton University Press.
- Mohd Shukri Hanapi. (2011). Pembinaan Konsep Pembangunan Berteraskan Islam: Analisis Pemikiran Muhammad Syukri Salleh, *Jurnal Politik Pembangunan Islam (Journal of Islamic Development Politics)*, 1(1), pp 24-46.
- Perkins, D. D., & Zimmerman, M. A. (1995). Empowerment theory, re-search, and application. *American Journal of Community Psychology*, 23(5), 569–579.
- Rosenthal, F. (1989). *Knowledge Triumphant: The Concept of Knowledge in Medieval Islam*. Brill.

## TAHAP LITERASI MEMBACA BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR BUKAN MUSLIM DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Noorafini Kassim<sup>1</sup>, Nor Ain Manap<sup>2</sup>, Siti Nurul Aishah Abdul Hamid<sup>3</sup>, Rosmah Derak<sup>4</sup>, Saidatul Nornis Mahali<sup>5</sup>, Haryantie Gopoit<sup>6</sup>, Florina Jumil<sup>7</sup>, Nur Amirah Nadiah Mustapa Kamal<sup>8</sup>

<sup>1,2,3,4,5,6,7,8</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa  
Universiti Malaysia Sabah

noorafini@ums.edu.my, ain@ums.edu.my, snaishah@ums.edu.my, rosmah@ums.edu.my,  
saidatul@ums.edu.my, haryantiebtgopoit@ums.edu.my, florinaJD.olin@ums.edu.my,  
amirah.nadiah@ums.edu.my,

### ABSTRAK

Literasi membaca adalah komponen kritikal dalam penguasaan bahasa, terutamanya bagi pelajar yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa asing. Pelajar bukan Muslim menghadapi cabaran yang lebih besar kerana bahasa Arab memiliki struktur tatabahasa, sintaksis, dan fonologi yang sangat berbeza daripada bahasa harian mereka, menjadikannya sukar untuk dikuasai. Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap literasi membaca dan kesannya terhadap kecekapan berbahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan Muslim di institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Kajian ini melibatkan 150 pelajar bukan Muslim yang dipilih melalui kaedah rawak mudah. Mereka dinilai berdasarkan tiga dimensi literasi membaca: Sikap dan Tabiat, Pengetahuan dan Kemahiran, serta Budaya dan Strategi. Soal selidik diedarkan secara talian pada akhir semester 2 sesi akademik 2023/2024, dan data dianalisis menggunakan perisian statistik untuk mengira skor min, sisihan piawai, serta nilai  $R^2$  dan koefisien laluan. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap literasi membaca pelajar bukan Muslim adalah tinggi hingga sangat tinggi, dengan purata skor min melebihi 4.00 dalam kebanyakan item. Analisis mendalam menunjukkan literasi membaca mempunyai pengaruh signifikan terhadap kecekapan berbahasa, di mana dimensi Sikap dan Tabiat mencatatkan koefisien laluan tertinggi ( $\beta = 0.3054$ ), diikuti oleh Pengetahuan dan Kemahiran ( $\beta = 0.294$ ) dan Budaya dan Strategi ( $\beta = 0.248$ ). Nilai  $R^2$  sebanyak 0.532 menunjukkan bahawa 53.2% variasi kecekapan bahasa dapat dijelaskan oleh literasi membaca. Dapatan ini memberikan implikasi penting dalam penyediaan bahan pembelajaran yang lebih sesuai dan efektif untuk meningkatkan literasi membaca dalam kalangan pelajar bukan Muslim yang mempelajari Bahasa Arab di IPTA.

**Kata kunci:** Literasi Membaca, Bahasa Arab sebagai Bahasa Asing, Pelajar Bukan Muslim, IPTA

### 1. PENGENALAN

Literasi membaca adalah salah satu kemahiran asas yang penting dalam penguasaan bahasa dan memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran serta pengembangan pemikiran individu. Ia bukan sekadar melibatkan keupayaan untuk mengenal huruf dan perkataan, tetapi juga keupayaan

untuk memahami, menilai, mentafsir, serta berinteraksi secara kritis dengan teks yang dibaca (Ali et al., 2020). Membaca mengintegrasikan proses mental seperti pemahaman, tindak balas, dan pemikiran kritis, yang membantu pembaca bukan sahaja memahami makna yang tersurat, tetapi juga yang tersirat (Nik Farhan et al., 2010). Menurut Rani & Bakar (2021), kemahiran membaca merujuk kepada kecekapan dalam memerhati dan memahami teks, menjadikannya komponen penting dalam pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Tambahan pula, membaca merupakan pendekatan penting dalam pemerolehan bahasa (Avalos et al., 2007; Goldenberg, 2020), dan ia mempunyai pengaruh yang mendalam terhadap proses pembelajaran dan pemikiran seseorang (Green et al., 2013).

Dalam konteks pembelajaran Bahasa Arab di institusi pengajian tinggi, cabaran ini lebih ketara, terutamanya bagi pelajar bukan Muslim. Bahasa Arab bukan sahaja asing bagi mereka, tetapi ia juga dikaitkan dengan agama Islam, yang mana majoriti penggunanya adalah umat Islam (Syafri et al., 2022). Bahasa ini digunakan dalam konteks keagamaan, seperti solat dan Al-Quran, menjadikan motivasi pelajar bukan Muslim untuk mempelajari Bahasa Arab berbeza dengan pelajar Muslim. Pelajar bukan Muslim mungkin mempelajari bahasa ini untuk tujuan akademik, profesional, atau keperluan kursus, dan bukan kerana dorongan spiritual. Kekurangan motivasi yang mendalam terhadap kandungan teks boleh memberi kesan kepada tahap literasi membaca mereka, dan ini seterusnya menjejaskan keupayaan mereka untuk memahami dan terlibat dengan teks secara kritis.

Cabaran lain yang dihadapi oleh pelajar bukan Muslim termasuk perbezaan signifikan dalam struktur tatabahasa, sintaksis, dan fonologi antara bahasa Arab dan bahasa ibunda mereka seperti bahasa Melayu atau Inggeris. Keperluan untuk memahami sistem penulisan Jawi atau Arab yang asing bagi kebanyakan mereka juga menambah kesukaran. Bentuk tulisan yang berbeza dan cara penyambungannya dalam ayat sering menyebabkan pelajar merasa tertekan atau kurang yakin, terutama apabila berhadapan dengan teks-teks yang kompleks (Ismail et al., 2021). Proses pembacaan bahasa Arab memerlukan pelaksanaan langkah-langkah tertentu untuk memastikan bacaan selaras dengan hukum dan peraturan sintaksis bahasa ini yang mana memerlukan perhatian khusus terhadap tatabahasa.

Literasi membaca dalam bahasa asing, seperti bahasa Arab, juga penting kerana ia membantu pelajar bukan hanya memahami teks tetapi juga memperluas perbendaharaan kata, mengukuhkan penguasaan tatabahasa, dan membina kemahiran lain seperti menulis dan bertutur. Membaca juga memainkan peranan dalam mengembangkan kemampuan berfikir kritis dan memahami budaya yang berkait dengan bahasa tersebut (Ilahiyah & Ningsih, 2024). Dalam pembelajaran bahasa kedua, kemahiran membaca merupakan salah satu komponen utama yang membantu pelajar menginternalisasi bahasa sasaran dengan lebih efektif (Yah et al., 2019). Ini menjadikannya aspek penting dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa di institusi pengajian tinggi, terutama bagi pelajar yang tidak mempunyai latar belakang dalam Bahasa Arab.

Permasalahan yang timbul dalam kajian ini ialah bagaimana pelajar bukan Muslim yang mempelajari Bahasa Arab di institusi pengajian tinggi menghadapi pelbagai cabaran dalam menguasai literasi membaca. Selain perbezaan struktur bahasa, mereka juga sering berhadapan dengan kekurangan motivasi dan kesulitan memahami budaya Arab yang terkandung dalam teks. Ini menyebabkan literasi membaca menjadi cabaran utama yang perlu diatasi bagi memastikan kejayaan pembelajaran mereka. Kajian ini bertujuan untuk meneliti tahap literasi membaca dalam kalangan



pelajar bukan Muslim dan bagaimana cabaran ini mempengaruhi pencapaian mereka dalam bahasa Arab.

## **2.0 KAJIAN LITERATUR**

### **2.1 Literasi Membaca**

Konsep literasi membaca telah mengalami perubahan ketara, daripada pendekatan tradisional yang hanya melihat kefahaman membaca sebagai produk kepada pendekatan moden yang menekankan proses kognitif yang lebih kompleks. Dalam pendekatan tradisional, kefahaman membaca dianggap sebagai hasil interaksi antara pembaca dan teks, dengan fokus pada kandungan bacaan dan persoalan berkaitan. Namun, pendekatan kontemporari memandangkan literasi membaca sebagai proses yang melibatkan faktor-faktor seperti pengenalan perkataan, penggunaan strategi, dan tingkah laku kognitif, yang memainkan peranan penting dalam membina makna daripada bahan bacaan (Broek et al., 2012). Literasi membaca kini dilihat sebagai aktiviti yang melibatkan penglibatan aktif pembaca, dengan pengetahuan linguistik dan tingkah laku psikologi turut mempengaruhi proses tersebut (Dyke, 2021).

### **2.2 Literasi Membaca Bahasa Arab oleh Pelajar Bukan Muslim**

Dalam konteks pembelajaran Bahasa Arab, literasi membaca memainkan peranan yang mencabar, terutamanya bagi pelajar bukan Muslim. Membaca bukan sekadar alat untuk mendapatkan maklumat dan pengetahuan, tetapi merupakan kemahiran kritikal untuk memahami teks Arab yang kompleks, terutamanya teks agama atau akademik (Ziyad & Izzuddin, 2012). Pelajar tanpa latar belakang dalam bahasa ini memerlukan penguasaan yang lebih mendalam untuk memahami makna tersurat dan tersirat dalam teks. Tanpa penguasaan yang kukuh, mereka akan menghadapi kesukaran untuk berinteraksi secara kritis dengan teks, yang akhirnya menjejaskan tahap pembelajaran mereka. Ku Fatahiyyah et al. (2014) mencadangkan latihan berulang, penggunaan bahan bantu mengajar yang pelbagai, dan bacaan berterusan sebagai langkah-langkah penting untuk memperkukuhkan kemahiran membaca pelajar bukan Muslim dalam Bahasa Arab.

Proses pemerolehan literasi membaca dalam Bahasa Arab adalah lebih kompleks kerana melibatkan pelajar yang mempelajari bahasa kedua, yang mana struktur bahasa, tatabahasa, dan sistem tulisan berbeza daripada bahasa ibunda mereka. Menurut teori pemerolehan bahasa kedua oleh Krashen, input yang boleh difahami adalah kritikal untuk meningkatkan kefahaman pelajar terhadap teks. Bagi pelajar bukan Muslim, bahan bacaan yang sesuai dengan tahap kecekapan mereka perlu disediakan bagi membolehkan peningkatan secara beransur-ansur dalam literasi membaca. Input yang lebih mencabar tetapi masih dalam jangkauan mereka akan membantu meningkatkan kefahaman secara bertahap. Literasi ini bukan sahaja mempengaruhi keupayaan pelajar untuk memahami teks Arab, tetapi juga membentuk asas yang kukuh bagi pembelajaran bahasa secara keseluruhan.

Selain itu, peranan tenaga pengajar amat penting dalam meningkatkan kualiti pengajaran literasi membaca. Kassim et al. (2017) menekankan bahawa guru yang memahami keperluan dan sikap pelajar, khususnya pelajar bukan Muslim, serta menggunakan pendekatan pedagogi yang berkesan, mampu memberikan impak yang besar dalam proses pembelajaran. Pengetahuan guru yang mendalam tentang keperluan pelajar dan penggunaan strategi pengajaran yang disesuaikan

dengan konteks pembelajaran Bahasa Arab membantu pelajar mengatasi cabaran yang mereka hadapi. Guru yang bijak dalam menerapkan teknik pedagogi yang sesuai bukan sahaja mampu meningkatkan motivasi pelajar tetapi juga menjadikan mereka lebih yakin dalam menguasai Bahasa Arab.

### **3.0 PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini mengkaji persoalan-persoalan berikut:

1. Apakah tahap literasi membaca dalam kalangan pelajar bukan Muslim di IPTA?
2. Sejauh manakah tahap literasi membaca mempengaruhi kecekapan berbahasa pelajar bukan Muslim di IPTA?

### **4.0 METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap literasi membaca dalam kalangan pelajar bukan Muslim yang mempelajari bahasa Arab sebagai kursus elektif pilihan di institusi pengajian tinggi. Seramai 150 pelajar bukan Muslim yang mengambil kursus bahasa Arab telah dipilih sebagai responden. Sampel kajian dipilih secara rawak mudah bagi memastikan setiap pelajar mempunyai peluang yang sama. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan set soal selidik diadaptasi daripada Li et al. (2023) dengan pengubahsuaian untuk konteks Bahasa Arab. Soal selidik tersebut mengandungi tiga dimensi utama: tabiat dan sikap terhadap pembacaan, pengetahuan dan kemahiran membaca, serta budaya dan strategi membaca. Setiap item soal selidik dinilai menggunakan skala Likert lima mata, dari 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju), bagi mengukur sejauh mana responden bersetuju dengan kenyataan-kenyataan berkaitan kemahiran membaca mereka.

Soal selidik diedarkan secara talian pada penghujung semester 2 sesi akademik 2023/2024, dan responden diberi tempoh masa yang mencukupi untuk melengkapkan soal selidik secara sukarela. Data yang dikumpulkan kemudian dianalisis menggunakan perisian statistik untuk memperoleh nilai skor min dan sisihan piawai. Skor min digunakan untuk menentukan purata tahap literasi membaca bagi setiap dimensi yang dikaji, sementara sisihan piawai berperanan mengukur tahap variasi atau penyebaran prestasi pelajar dalam setiap kategori. Selain itu, bagi menilai pengaruh tahap literasi membaca terhadap kecekapan berbahasa pelajar, nilai  $R^2$  dan koefisien laluan (path coefficient) akan dipersembahkan. Analisis ini membolehkan kita memahami sejauh mana literasi membaca memberi kesan terhadap prestasi atau kecekapan berbahasa secara keseluruhan.

### **5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

#### **5.1 Tahap literasi membaca dalam kalangan pelajar bukan Muslim.**

Maklumat dan hasil analisis keseluruhan bagi keputusan tahap literasi membaca dalam kalangan pelajar bukan Muslim ini dijelaskan dalam bentuk jadual. Skor min dalam kajian ini dikategorikan kepada lima tahap. Julat skor min ini adalah merujuk kepada julat yang diinterpretasikan oleh Alias Baba (1999) sepertimana yang dipaparkan dalam jadual 1.0.

Jadual 1.0: Interpretasi min tahap literasi membaca pelajar bukan muslim

Julat	Tahap skor min
4.21 - 5.00	Sangat tinggi
3.41 - 4.20	Tinggi
2.61 - 3.40	Sederhana
1.81 - 2.60	Rendah
1.00 - 1.80	Sangat rendah

Berdasarkan analisis keseluruhan tahap literasi membaca dalam kalangan pelajar bukan Muslim di IPTA, skor min bagi kesemua item literasi membaca menunjukkan tahap yang tinggi hingga sangat tinggi. Mengikut julat interpretasi min oleh Alias Baba (1999), kebanyakan item berada dalam julat 4.00 ke atas, yang menunjukkan tahap literasi yang tinggi. Sebagai contoh, item "Saya bersedia untuk belajar lebih banyak melalui pembacaan dalam Bahasa Arab" mencatat skor min tertinggi sebanyak 4.33, diikuti oleh "Bacaan saya adalah memadai dan memenuhi keperluan asas membaca Bahasa Arab" dengan min 4.46. Hasil analisis bagi setiap item tahap literasi membaca dalam kalangan pelajar bukan Muslim tersebut dipersembahkan dalam jadual 2.0 berikut.

Jadual 2.0: Hasil analisis bagi item tahap literasi membaca pelajar bukan Muslim

Bil	Item	No.	Min	Sisihan Piawai
1	Saya membaca buku-buku bahasa Arab setiap hari.	150	3.69	1.0423
2	Saya boleh menyebut huruf vokal, konsonan, dan perkataan baru dengan betul.	150	4.06	.86441
3	Saya tidak akan berhenti membaca hanya kerana terdapat perkataan yang tidak diketahui dalam teks.	150	4.13	.76559
4	Saya sering mencatat nota semasa membaca buku-buku bahasa Arab.	150	4.16	.79779
5	Saya bersedia untuk belajar lebih banyak melalui pembacaan dalam bahasa Arab.	150	4.33	.64159
6	Bacaan saya adalah memadai dan memenuhi keperluan asas membaca bahasa Arab.	150	4.46	.56363
7	Saya biasanya akan meneka makna perkataan baru berdasarkan konteks.	150	4.33	.64159
8	Saya dapat memahami idea utama bahan bacaan bahasa Arab dengan cepat.	150	4.26	.68215
9	Saya boleh membaca perkataan baru berdasarkan peraturan sebutan abjad.	150	4.35	.61455
10	Saya telah menguasai kebanyakan perbendaharaan kata bahasa Arab yang diperlukan.	150	4.37	.69075
11	Saya telah menguasai peraturan tatabahasa asas bahasa Arab yang diperlukan.	150	4.15	.80048
12	Saya boleh menggunakan kaedah membaca yang berbeza mengikut keperluan.	150	4.10	.81718
13	Saya boleh memahami makna teks dari pelbagai konteks.	150	4.11	.76445

14	Saya mengetahui beberapa adat resam negara-negara penutur bahasa Arab.	150	4.29	.74678
----	------------------------------------------------------------------------	-----	------	--------

## 5.2 Pengaruh literasi membaca terhadap kecekapan berbahasa pelajar bukan Muslim

Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa literasi membaca mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kecekapan berbahasa pelajar bukan Muslim di IPTA. Tiga dimensi literasi membaca, iaitu Sikap dan Tabiat, Pengetahuan dan Kemahiran, serta Budaya dan Strategi, semuanya memberi kesan terhadap kecekapan bahasa. Dimensi Sikap dan Tabiat menunjukkan koefisien laluan tertinggi ( $\beta = 0.3054$ ) dengan ukuran kesan ( $f^2 = 0.108$ ), menunjukkan bahawa sikap dan tabiat pelajar dalam pembacaan mempunyai pengaruh paling besar terhadap kecekapan bahasa. Diikuti oleh dimensi Pengetahuan dan Kemahiran ( $\beta = 0.294$ ,  $f^2 = 0.098$ ) dan Budaya dan Strategi ( $\beta = 0.248$ ,  $f^2 = 0.071$ ), yang turut menyumbang kepada peningkatan kecekapan berbahasa pelajar. Nilai  $R^2$  keseluruhan bagi model ini adalah 0.532, menunjukkan bahawa 53.2% daripada variasi kecekapan bahasa pelajar dapat dijelaskan oleh literasi membaca.

Jadual 3.0: Hasil analisis bagi pengaruh tahap literasi membaca terhadap kecekapan bahasa pelajar bukan Muslim.

No	Pemboleh Ubah Eksogen	Koefisien laluan ( <i>path coefficient</i> )	Ukuran kesan ( $f^2$ )	Pemboleh Ubah Endogen	$R^2$
01	Sikap dan Tabiat	$\beta = 0.3054$	0.108	Kecekapan Bahasa	0.532
02	Pengetahuan dan Kemahiran	$\beta = 0.294$	0.098		
03	Budaya dan Strategi	$\beta = 0.248$	0.071		

## 6.0 KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa literasi membaca memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kecekapan berbahasa pelajar bukan Muslim yang mempelajari bahasa Arab di IPTA. Ketiga-tiga dimensi utama literasi membaca, iaitu Sikap dan Tabiat, Pengetahuan dan Kemahiran, serta Budaya dan Strategi, menunjukkan pengaruh yang signifikan terhadap kecekapan bahasa pelajar. Dimensi Sikap dan Tabiat memberi kesan terbesar terhadap pencapaian bahasa, diikuti oleh Pengetahuan dan Kemahiran, serta Budaya dan Strategi. Dapatan ini menekankan pentingnya pendekatan holistik dalam meningkatkan literasi membaca bagi meningkatkan tahap kecekapan bahasa Arab dalam kalangan pelajar bukan Muslim.

## RUJUKAN

Abdullah, N. H., binti Mezah, C. R., & bin Mustapha, N. F. (2017). Tahap Persepsi Pelajar Bahasa Arab Terhadap Efikasi Kendiri Dalam Membaca. *Jurnal Al-Sirat*, 16(1), 48-60.

- Ali, N., Abdullah, M. H., & Ab Rahman, A. (2020). Penilaian keberkesanan modul pembelajaran sendiri strategi pemahaman membaca teks Bahasa Arab (MPK SPMBA) untuk pelajar Pengajian Islam di institusi pengajian tinggi. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1), 20-37.
- Dyke, J. A. V. (2021). Introduction to the special issue: mechanisms of variation in Reading comprehension: processes and products. *Sci. Stud. Read.* 25, 93–103. doi: 10.1080/10888438.2021.1873347
- Ilahiyah, I. K., & Ningsih, H. K. (2024). Peran Gambar dalam Pembelajaran Kemahiran Membaca Bahasa Arab sebagai Bahasa Asing. *EduInovasi: Journal of Basic Educational Studies*, 4(2), 1643-1661.
- Ismail, W., Jamali, H. N., Azizan, K. F. K., & Rahman, A. A. (2021). Pengajaran Kemahiran Membaca Teks Bahasa Arab Menggunakan Teknik Unzur Qablahu (UQ): Kajian Aplikasi Teori Kognitif (ATK): Teaching Arabic Text Reading Skills Using Unzur Qablahu (UQ) Technique: A Study of The Application of Cognitive Theory (ACT). *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 5(2), 105-115
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusuff. (1998). Bahasa Arab untuk kemahiran komunikasi: satu kajian tentang perlaksanaannya dan cabaran pengajaran dan pembelajaran di abad ke-21. *Prosiding Isu-Isu Pendidikan Negara*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Rani, N. I. S. C., & Bakar, K. A. (2021). Kaedah Menilai Kecekapan Kemahiran Membaca Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar IPTA [Method of Assessing The Proficiency of Arabic Reading Skills among PHEI Students]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 4(1), 158-170.
- Syafri, N., Ali, A. H., & Ramli, S. (2022). Penggunaan kaedah Inovasi Sambung dan Baca Bahasa Arab (SaBBAr) dalam meningkatkan kemahiran membaca perkataan Bahasa Arab murid di Sekolah Rendah. *Firdaus Journal*, 2(2), 62–71.
- Yah, M. H., Lubis, M. A. L. A., & Mohamad, M. (2019). Kemahiran membaca teks arab sebagai bahasa kedua: Penelitian dari perspektif teori dan kurikulum. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 2(1), 26-44.
- Yusoff, I. M., & Yusoff, N. M. R. N. (2020). Pengajaran Membaca dalam Pembelajaran Bahasa Kedua: Aplikasi Kemahiran dan Strategi. *E-Proceeding Pasak 5 2020*.

## PEMBANGUNAN KERANGKA INDIKATOR PEMIKIRAN PELAJAR IPT DALAM PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

Mohd Razimi Husin<sup>1</sup>, Bahbibbi Rahmatullah<sup>2</sup>, Saripah Salbiah Syed Abdul Azziz<sup>3</sup>, Tajul Rosli Shuib<sup>4</sup>, Rozita Yahaya<sup>5</sup>, Abd Hakim Mohad<sup>6</sup>, Ismail Mohd Ali<sup>7</sup>

<sup>1,2,3,4,5</sup>*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

[razimi@fpm.upsi.edu.my](mailto:razimi@fpm.upsi.edu.my)

<sup>6</sup>*Universiti Sains Islam Malaysia*

<sup>7</sup>*Universitas Syiah Kuala*

### ABSTRAK

Sebahagian daripada pelajar pengajian tinggi akan menghadiri kuliah bersemuka dan dalam talian. Bagaimanapun, kajian berkaitan menunjukkan 45 peratus pelajar masih berminat untuk belajar dalam talian. Penyelidikan oleh United Nations Children's Fund dan United Nations Population Fund mendapati 20% pelajar hilang minat untuk belajar disebabkan masalah yang dialami semasa pembelajaran dalam talian. Kurangnya motivasi untuk belajar akan menjejaskan pencapaian mereka. Keprihatinan terhadap perubahan persekitaran memberi kesan negatif kepada psikologi pelajar dari segi kognitif, tingkah laku, dan emosi. Oleh itu, kajian perlu dijalankan untuk mengenal pasti indikator psikologi yang mempengaruhi pembelajaran pelajar Pengajian Tinggi. Penyelidikan ini merupakan kajian yang menggunakan teknik perpustakaan dan tinjauan. Seramai 207 pelajar di negeri Perak dan Negeri Sembilan telah dipilih melalui persampelan rawak. Penyelidikan ini akan menghasilkan rangka kerja indikator psikologi dan pembelajaran yang mempengaruhi pembelajaran pelajar dalam menggunakan kaedah pembelajaran teradun. Hasil daripada analisis Item Pemikiran menunjukkan bahawa, kesemua 12 indikator mendapat skor min yang tinggi iaitu melebihi 4 daripada 5 skala. Rangka kerja ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh badan pendidikan melalui tindakan susulan bagi memastikan sistem pendidikan yang disediakan berkualiti tinggi, memenuhi aspirasi negara ke arah menghasilkan penambahbaikan dalam aspek bersesuaian mengikut keperluan pelajar.

**Kata kunci:** Pemikiran, Pembangunan Kerangka, Pembelajaran Teradun.

### 1. PENGENALAN

Kajian ini menghasilkan kerangka indikator pemikiran pelajar IPT yang mempengaruhi pencapaian akademik dalam pembelajaran atas talian. Rangka kerja ini akan memberi manfaat kepada semua apabila indikator yang diperolehi sesuai digunakan untuk merancang aktiviti sokongan yang berkaitan untuk membantu pelajar yang menghadapi pencapaian akademik yang hambar. Manakala Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia boleh merancang kos yang bersesuaian bagi memastikan pelaksanaan program yang bersesuaian untuk pelajar yang terjejas dengan pembelajaran. Dalam pada itu, ibu bapa perlu prihatin dengan keperluan anak-anak bagi memastikan mereka tidak tercicir dalam pendidikan

masa kini yang memerlukan setiap individu mendapat pendidikan yang sempurna dan perlu mengambil langkah sewajarnya sekiranya dapat mengesan kekurangan dalam kalangan anak-anak mereka. Justeru, semua pihak berperanan memberi sokongan kepada pihak yang terlibat dalam aktiviti yang boleh meningkatkan pendidikan negara.

Kajian ini dijalankan untuk membangunkan kerangka indikator pemikiran pelajar IPT yang mempengaruhi pencapaian akademik dalam pembelajaran dalam talian.

## **2. METODOLOGI**

Kajian ini melibatkan beberapa fasa. Fasa pertama dalam kajian ini ialah fasa kajian literatur, yang melibatkan semua penyelidik. Analisis aspek psikologi (pemikiran) dijalankan berdasarkan hasil kajian literatur.

Fasa kedua ialah fasa tinjauan. Fasa ini menggunakan data daripada tinjauan yang lepas iaitu mengenai aspek pemikiran pelajar.

Fasa di atas merupakan pelaksanaan sebelum tindakan susulan yang lain dalam proses pembinaan kerangka indikator pemikiran dalam pembelajaran dalam talian. Dalam kajian lanjut nanti Data dianalisis menggunakan analisis regresi untuk melihat pengaruh pemikiran pelajar terhadap pencapaian akademik mereka dalam pembelajaran dalam talian. Pencapaian akademik pelajar adalah berdasarkan keputusan peperiksaan akhir semester yang diisi dengan maklumat demografi dalam borang soal selidik.

### **2.1 Persampelan Penyelidikan**

Populasinya terdiri daripada pelajar universiti di dua buah universiti di negeri Perak dan Negeri Sembilan. Pelajar semester empat dan ke bawah dipilih kerana dianggap lebih sesuai menjawab soal selidik yang memerlukan sampel yang terdedah kepada pembelajaran maya dan lebih memahami maksud soal selidik. Kajian ini menggunakan teknik persampelan pelbagai peringkat. Pengkaji membahagikan populasi kepada beberapa kumpulan, dan sampel dipilih daripada kumpulan terpilih yang boleh diakses (Talib, 2015). Seramai 207 orang responden telah dipilih dari dua buah negeri.

## **3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Analisis deskriptif yang diukur mengikut kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai digunakan untuk menjelaskan dapatan kajian bagi mengenal pasti tahap pemikiran pelajar merujuk kepada pembelajaran dan aktiviti kimia (SKU3073/TST0914) yang dijalankan secara atas talian atau secara maya dalam pembelajaran teradun.

Analisis deskriptif menunjukkan tahap pembelajaran yang dijalankan meningkatkan penggunaan mental pelajar berada pada tahap yang tinggi dengan skor min = 4.12. Interpretasi skor min ini berdasarkan Bahaman dan Tumiran (1999) yang menyatakan bahawa nilai skor min yang berada di antara nilai 4.01 hingga 5.00 adalah tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa pembelajaran dan aktiviti kimia dalam subjek ini mampu meningkatkan penggunaan mental pelajar yang menyertai pembelajaran secara talian atau secara maya dalam pembelajaran teradun. Ini pelajar mampu meningkatkan pengetahuan, keupayaan berfikir serta mengintegrasikan pengetahuan yang dipelajari. Ia sekaligus

memberikan pendapat Sternberg (1986) yang menyatakan pemikiran ialah suatu proses mental, strategi dan representasi yang digunakan oleh manusia agar dapat menyelesaikan masalah, membuat keputusan, serta mempelajari konsep baharu.

Pembelajaran yang dijalankan juga mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam pembelajaran. Ia berdasarkan nilai skor min = 4.01 yang berada di tahap yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan walaupun pembelajaran dilaksanakan secara atas talian atau secara maya dalam pembelajaran atas talian, ia tetap memberi kesan yang besar dalam menyelesaikan persoalan atau permasalahan dalam topik yang dipelajari terhadap pelajar. Pelajar mampu menyesuaikan maklumat yang diperolehi dengan kehendak persekitaran kerana aktiviti yang dilaksanakan dalam keadaan pembelajaran aktif iaitu mampu memberi peluang kepada pelajar untuk melibatkan diri secara terus mencipta konsep dan makna tersendiri melalui aktiviti yang dijalankan. Ini kerana pembelajaran aktif merupakan salah satu implikasi teori pembelajaran kognitif dengan menekankan salah satu kaedah atau strategi pembelajaran yang berkesan. Menurut Bruner(1996), pembelajaran yang berlaku secara penemuan akan menyebabkan seseorang itu mengolah apa yang diketahui tentang satu konsep yang baru selepas menyelesaikan masalah harian. Selain itu, L.Vygostsky juga menyatakan bahawa proses pembelajaran akan menjadi lebih berkesan sekiranya pelajar diberi peluang untuk belajar secara kooperatif dan galakan melalui bimbingan seseorang yang lebih berpengetahuan seperti guru atau orang yang lebih dewasa.

### **3.1 Analisis Aspek Pemikiran Pelajar Merujuk kepada Pembelajaran dan Aktiviti dalam Kursus Kimia (SKU3073/TST0914) Dijalankan Secara Dalam Talian atau Secara Maya dalam Persekitaran Pembelajaran Teradun.**

**Jadual 1. Min Item Pemikiran**

Analisis Item Pemikiran	Min	Sisihan Piawai
A1 - 1	4.13	0.90
A1 - 2	4.01	0.90
A1 - 3	4.17	0.86
A1 - 4	4.08	0.91
A1 - 5	4.10	0.84
A1 - 6	4.08	0.90
A1 - 7	4.29	0.84
A1 - 8	4.05	0.96
A1 - 9	4.15	0.84
A1 - 10	4.12	0.86
A1 - 11	4.00	0.98
A1 - 12	4.25	0.88

Tiga item daripada analisis pemikiran yang menerima purata skor tertinggi daripada responden, bersama dengan min yang sepadan dan sisihan piawai. Item A1- 7 dan skor Minnya ialah 4.29 dan sisihan piawainya ialah 0.84. Item ini mempunyai purata skor tertinggi antara ketiga-tiga, menunjukkan bahawa responden secara umumnya bersetuju dengan pernyataan atau soalan yang dikaitkan dengan item ini. Sisihan piawai 0.84 menunjukkan bahawa walaupun terdapat beberapa kebolehubahan dalam tindak balas, skor adalah agak hampir dengan min, menunjukkan konsensus



di kalangan peserta.

#### 4. KESIMPULAN

Hasil daripada analisis Item Berfikir menunjukkan bahawa, kesemua 12 indikator mendapat skor min yang lebih tinggi iaitu melebihi 4 daripada 5 skala. Seterusnya, Kajian susulan dalam pembinaan kerangka indikator pemikiran dalam pembelajaran atas talian akan melihat analisis regresi untuk melihat sejauhmana score min yang tinggi dalam pemikiran pelajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi mereka bagi menentukan ketekalan indikator kepada pelajar untuk mendapatkan indikator yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

#### PENGHARGAAN

Artikel ini adalah berdasarkan projek penyelidikan yang bertajuk Pembangunan Kerangka Indikator Psikologi (i-PTEM) Pelajar IPT dalam Persekitaran Pembelajaran Teradun. Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) atas Geran Penyelidikan Universiti Fundamental (GPUF) 2022 yang membantu membiayai penyelidikan.

#### RUJUKAN

- Abdullah, R. (2020, Oktober 30). Kajian UNICEF, UNFPA: 1 daripada 5 murid hilang minat ke sekolah selepas PKP. *Astro Awani*. [https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kajian-unicef-unfpa-1-daripada-5-murid-hilang-minat-ke-sekolah-selepas-pkp\\_265961](https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kajian-unicef-unfpa-1-daripada-5-murid-hilang-minat-ke-sekolah-selepas-pkp_265961)
- Fenny, L.Y.F., Kee, G.F., Khoo, P.L., & Lee, H.S. (2021). Kaedah Pengajaran dalam Talian Guru Bahasa Melayu dan Motivasi Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 18. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/257/194>.
- Ganasan, H. M., & Azman, N. (2021). Kesihatan Mental dan Motivasi Pelajar Semasa Pembelajaran Dalam Talian Sepanjang Pandemik Covid-19. *Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(10), 25-40. Diperoleh daripada <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i10.1100>.
- Hasnan, H. A. (2021). PdPR: Majoriti pelajar Asia Pasifik cenderung pembelajaran bersemuka. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pdpr-majoriti-pelajar-asia-pasifik-cenderung-pembelajaran-bersemuka-313127>.
- Husin, N. (2021). Status Kewangan dan Tekanan dalam Kalangan Pelajar. *Proceedings of The 8th International Conference Management and Muamalah 2021 (ICoMM 2021)* e-ISSN: 2756-8938
- Ibrahim, S A. (2021). Pandemik Covid-19: Cabaran Dan Impak Dalam Pendidikan Islam Dan Pembelajaran Murid. *International Journal of Advanced Research In Islamic Studies And Education (ARISE)*, 1(1), 89-94.

- Kamsani, I. I., & Mahat, A. (2021). Covid 19: Impak E-Pembelajaran Terhadap Kesihatan Pelajar Universiti. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3),53-60. Darpada <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpc/article/view/15124>.
- Khalid, N. H. (2021). Penggunaan Aplikasi Pembelajaran Mudah Alih dalam Pembelajaran Matematik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 73-85.
- Mahad, I. Magesvaran, U. & Hamzah, I. N. S. (2021). Sikap dan motivasi murid sekolah rendah terhadap pembelajaran bahasaMelayu dalam talian sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 16-28. Darpada <http://journalarticle.ukm.my/16760/>.
- Maslow, A. H. (1943). A theory of human motivation. *Psychological Review*, 50(4), 370–396.
- Masnan, A. H. (2021). Pembelajaran bersemuka, PdPR perlu seiring. *Berita harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2021/03/791472/pembelajaran-bersemuka-pdpr-perlu-seiring>
- Nur Sabihah & Nurul Ain. (2021). Exploring The Counsellors’ Intervention in Handling Truancy Issues in School. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*. 14(1), 70-77.
- Saifudin, N. H. A., & Hamzah, M. I. (2021). Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) Dalam Talian Dengan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 250-264.
- Sinar Harian (2021. November 22). Pembelajaran online boleh beri kesan kesihatan mental. Darpada <https://www.sinarharian.com.my/article/112917/KHAS/>.
- Soon Mui Peng, S. S. (2021). Kajian Tinjauan Sistemik: Pandemik Covid-19: Impak Terhadap Kesihatan Mental Pelajar [Impact Of Covid-19 Pandemic On The Students’ Mental Health: A Systematic Review Study]. *International Journal of Advanced Research in Islamic and Education Arise*, 1(2), 98-108.
- Utusan Borneo (2021, July 27), Covid-19 dan impaknya terhadap kesihatan mental di Malaysia. Darpada <https://www.utusanborneo.com.my/2021/07/27/covid19-dan-impaknya-terhadap-kesihatan-mental>
- Zin, M. M., Hussain, M. N. M., & Ghani, A. A. (2021). Kesan Pembelajaran Dan Motivasi Terhadap Prestasi Akademik Pelajar. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* Vol. 7(21) 49-56. Darpada [http://gbse.com.my/V7%20NO.21%20\(APRIL%202021\)/Paper-275-.pdf](http://gbse.com.my/V7%20NO.21%20(APRIL%202021)/Paper-275-.pdf).

## PENTERNAKAN LEBAH KELULUT TERHADAP KELESTARIAN ALAM

Anita Ismail<sup>1</sup>, Ros Aiza Mohd Mokhtar<sup>2</sup>, Abd Hakim Mohad<sup>3</sup>, Zoraida Mustafa<sup>4</sup> & Nur Jannah Bukhari<sup>5</sup>

<sup>1</sup> *Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). anitaismail@usim.edu.my*

<sup>2</sup> *Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). rosaiza@usim.edu.my*

<sup>2</sup> *Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). abdhakim@usim.edu.my*

<sup>4</sup> *Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). zoraidamustafa@usim.edu.my*

<sup>5</sup> *Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). jannahbukhari@usim.edu.my*

### ABSTRAK

Penternakan lebah kelulut memainkan peranan yang sangat penting dan mempunyai banyak manfaat yang berharga terhadap kelestarian alam. Amatlah penting untuk melindungi dan mempromosikan kelangsungan lebah kelulut agar dapat terus memberikan sumbangan positif kepada ekosistem kehidupan. Kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara tropika yang sangat sesuai secara semula jadi bagi penternakan lebah terutamanya lebah daripada spesies kelulut tidak harus disia-siakan. Peningkatan penternakan lebah, bilangan pokok yang ditanam semakin meningkat, hasil pertanian semakin bertambah dan kualiti udara juga menjadi semakin bersih. Potensi madu lebah terutamanya madu daripada spesies lebah kelulut (meliponine) adalah sangat besar di Malaysia yang berpotensi untuk menghasilkan dan memelihara lebah secara komersial kerana negara ini mempunyai sumber makanan atau manisan yang mencukupi bagi lebah. Dunia mengetahui bahawa lebah merupakan agen penting untuk proses pendebungaan tumbuh-tumbuhan. Pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem lebah amat penting bagi mengimbangi alam sekitar. Tanpa lebah, tanaman tidak dapat menghasilkan buah-buahan yang kita nikmati pada masa kini. Walau bagaimanapun, masih banyak lagi usaha yang perlu dilakukan oleh semua pihak dalam melestarikan penternakan lebah dan menjadikan madu sebagai makanan yang lestari. Kajian konseptual ini mengkaji perkara berkaitan lebah kelulut dan kesejahteraan alam. Kajian ini juga boleh digunakan untuk mendidik penternak lebah kelulut untuk memastikan pengurusan yang lebih baik serta meningkatkan penghasilan madu lebah yang lebih baik pada masa hadapan dalam industri penternakan lebah.

**Kata kunci:** Penternakan; lebah kelulut; kelestarian alam; tanaman; dan madu

### 1.0 PENDAHULUAN

Lebah kelulut atau kelulut sahaja (Tribus Meliponini) ialah lebah tidak bersengat yang menghasilkan madu. Lebah kelulut boleh didapati di kebanyakan kawasan-kawasan tropika dunia, seperti Australia, Afrika, Asia Tenggara, dan kawasan tropika Amerika. Lebah kelulut merupakan serangga yang dikelaskan di dalam order Hymenoptera dan terdapat sekurang-kurangnya 600 spesies lebah kelulut yang telah direkodkan di seluruh dunia, di dalam kira-kira 60 genus (Kamal & Hazmi, 2022; Rasmussen & Cameron 2010). Kebanyakan spesies di dalam order ini dipengaruhi oleh beberapa faktor abiotik seperti hujan, kelembapan, suhu, halaju angin dan sinaran cahaya (Maia-Silva et al. 2015; Sung et al. 2011). Spesies lebah, faktor abiotik yang penting ialah suhu persekitaran yang mempengaruhi aktiviti penerbangan iaitu bilangan lebah yang meninggalkan

koloni bagi mencari sumber makanan (Neves et al. 2011). Serangga pendebunga bertindak balas dengan sangat cepat kepada suhu persekitaran kerana ia bersifat endotermik. Perubahan suhu dan kelembapan relatif sangat mempengaruhi hubungan pendebunga dengan tumbuhan perumah. Selain itu, suhu juga mempengaruhi kemandirian, kesuburan, perkembangan, saiz populasi dan migrasi beberapa spesies serangga (Hilário et al. 2000).

Selain itu, gaya hidup sihat yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat turut mempengaruhi permintaan tinggi terhadap madu lebah (Mohd Mansor, 2018). Potensinya yang tinggi dalam menggerakkan subsektor penternakan negara telah mengangkat industri lebah kelulut sebagai produk komoditi bernilai tinggi negara dalam Dasar Agromakanan Negara (2011-2020). Malahan, industri lebah kelulut berperanan penting dalam sektor pertanian sebagai agen pendebunga (Kwapong et al., 2010); Carreck, 2017; Lima et al., 2016) dan pemangkin kepada penjana ekonomi negara, selain menawarkan peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar (Dafar, 2018). Kelulut bertindak sebagai penyumbang utama kepada aktiviti pemeliharaan, kesuburan dan perkembangan ekosistem semula jadi hutan dan tumbuhan di negara-negara yang beriklim tropika. Kertas kerja ini adalah kajian konseptual yang mengkaji perkara berkaitan lebah kelulut dan kesejahteraan alam dalam memastikan pengurusan serta meningkatkan penghasilan madu lebah yang lebih baik pada masa hadapan dalam industri penternakan lebah.

## **2.0 LEBAH KELULUT**

Di Malaysia, penerokaan dan pendokumentasian kajian lebah kelulut telah dimulakan oleh Schwarz sejak tahun 1930. Pengumpulan spesies lebah kelulut ketika itu dijalankan secara meluas di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Kajian seterusnya oleh Sakagami telah menerbitkan banyak jurnal mengenai lebah kelulut di Malaysia dan Indonesia (Sakagami et al. 1990). Program penyelidikan dan pembangunan teknologi penternakan lebah kelulut di negara ini telah bermula pada tahun 1990. Namun begitu, peranan lebah kelulut pada ketika itu hanya digunakan sebagai agen pendebunga sahaja. Menyedari potensi lebah kelulut boleh menghasilkan madu yang banyak, maka satu program telah diaktifkan oleh MARDI untuk mengkaji perilaku lebah kelulut. Jaapar et al. (2016) melaporkan sebanyak 35 spesies telah direkodkan di Semenanjung Malaysia dan 19 daripadanya mempunyai habitat di dalam hutan dara (Salim et al. 2012).

### **2.1 Perbezaan Lebah Madu dengan Lebah Kelulut**

Lebah secara umum boleh dibahagikan kepada dua kumpulan yang berbeza iaitu lebah madu dan lebah kelulut. Perbezaan yang paling ketara antara dua kumpulan lebah ini ialah dari segi saiz dan kemampuan untuk menyengat untuk mempertahankan diri daripada ancaman musuh. Lebah madu lazimnya bersaiz lebih besar berbanding lebah kelulut. Lebah madu mempunyai sengat yang berbisa, manakala lebah kelulut hanya mengigit apabila diancam musuh. Lebah kelulut tidak mempunyai sengat menjadikan serangga ini lebih mudah untuk ditenak. Madu kelulut ialah madu yang dihasilkan oleh lebah tidak bersengat (*Trigona* spp.) yang terdapat di Malaysia. Perbezaan komposisi madu kelulut dikumpul dari pantai timur, tengah dan utara Semenanjung Malaysia. Jumlah dan gula individu, jumlah fenolik, jumlah flavonoid, asid askorbik, asid askorbik kandungan antioksidan setara (AEAC) dan kandungan prolin telah ditentukan. Analisis kandungan gula menunjukkan bahawa madu kelulut mengandungi 62.33-79.53g/100g jumlah gula dengan maltosa sebagai gula utama (15.85-37.74 g/100g), diikuti oleh fruktosa (9.91-53.64 g/100g), glukosa(10.96-25. 100g) dan sukrosa (0.54-3.48 g/100g). Jumlah flavonoid (78.95±0.70 mg QE/kg) dan fenolik

(1149.48±40.52 mgGAE/kg) adalah tertinggi dalam madu dari pantai timur. Prolin dan asid askorbik adalah kurang berkemungkinan dipengaruhi oleh faktor geografi. Madu kelulut mempunyai profil gula yang unik yang mungkin menyumbang kepada rasa unik madu kelulut. Faktor geografi dan floral madu adalah dua parameter kualiti penting yang pada asasnya mempengaruhi sifat fizikal-kimia sampel madu (Haron et al., 2022).

### **3.0 LEBAH MADU KELULUT DAN KELESTARIAN ALAM**

Antara fungsi asas lebah kelulut adalah menjalankan aktiviti pendebungaan. Aktiviti pendebungaan merupakan aktiviti yang membolehkan sesuatu spesies kelulut itu terus hidup, berkembang dan membiak dengan baik. Oleh itu, penting untuk memastikan bahawa lebah kelulut dapat terus menjalankan aktiviti pendebungaan dalam ekosistem hutan mahupun kawasan pertanian seperti ladang buah-buahan. Lebah kelulut secara bukan sahaja mempunyai kepelbagaian spesies tetapi juga saiz yang berbeza. Saiz yang berbeza ini juga mempengaruhi jarak aktiviti pendebungaan yang boleh dijalankan. Kajian yang dilakukan oleh MARDI mendapati terdapat 5 spesies utama yang sesuai menjalankan aktiviti pendebungaan iaitu *Heterotrigona itama*, *Lepidotrigona terminata*, *Tetragonula fuscobalteata*, *Tetragonula laeviceps* dan *Geniotrigona thoracica*. Secara umum hasil dari pembelaan kelulut ini akan menghasilkan tiga produk secara terus iaitu madu, beebreed dan propolis yang merupakan bahan untuk survival kelulut.

#### **3.1 Sumber Asas Survival Kelulut**

Sumber asas bagi keperluan kehidupan kelulut adalah keperluan kepada sumber bagi membina sarang dan keperluan pemakanan mereka. Antara perkara yang paling penting bagi kelulut adalah mempunyai rumah yang baik. Untuk membina rumah yang baik memerlukan sumber asas bagi membina rumah kelulut. Untuk membina rumah ini memerlukan apa yang dipanggil resin yang terdiri daripada getah pokok atau damar pokok, bahan buangan, tar, cat dan lain-lain. Lebah kelulut mempunyai lilin semulajadi masing-masing. Lilin semulajadi yang ada pada lebah kelulut ini akan dicampurkan dengan resin. Resin ini juga digunakan untuk mempertahankan diri dari musuh.

Terdapat dua bentuk lilin yang digunakan oleh dua spesies kelulut berbeza iaitu spesies kelulut jenis getah akan mendapatkan sumber utama dari getah pokok misalnya spesies *Heterotrigona*, *Geniotrigona*, *Lepidotrigona*, *Tetragonula* dan *Tetrigona* akan cuba mendapatkan sumber kayu bergetah seperti pokok mangga, getah, cempedak, nangka dan sebagainya. Sementara spesies lebah kelulut jenis berdamar pula akan cuba mendapatkan sumber damar daripada pokok-pokok hutan di belantara yang menghasilkan damar misalnya meranti, cengal, balau, kelat, rengas, damar hitam dan sebagainya. Spesies kelulut yang dikaitkan dengan sumber berdamar ini adalah jenis Subgenera *Tetrigona* yang terdiri dari spesies *Tetrigona peninsularis*, *Tetrigona melanoleuca*, *Tetrigona apicalis* dan *Tetrigona binghami*. Ia merupakan spesies yang penting kepada ekosistem perhutanan kerana ia memainkan sebagai pendebungaan di kawasan hutan.

Satu lagi keperluan kelulut untuk survival adalah pemakanan. Terdapat dua bentuk sumber pemakanan bagi kelulut iaitu dipanggil nektar dan pollen (debunga) Nektar adalah diperoleh daripada pelbagai jenis bunga-bunga dan manisan yang bukan sumber bunga misalnya dari buah-buahan dan pucuk atau tunas muda pokok misalnya pokok getah, gelam dan akasia yang berfungsi sebagai sumber tenaga kepada kelulut untuk survive. Sementara pollen berfungsi sebagai sumber protein dan mineral yang diperoleh daripada pelbagai jenis bunga yang terdiri daripada benih jantan.

### 3.1.1 Senibina Asas Sarang

- a. Senibina dan bahan binaan sarang kelulut berbeza mengikut spesis. Namun struktur asas sarang kelulut daripada batumen, involukrum sel eraman, cerumen dan corong. Bahan utama binaan sarang kelulut bagi spesis bukan damar adalah resin yang diperolehi daripada getah pokok seperti pokok getah, mangga, manggis, cempedak, nangka, petai dan jering.
- b. Senibina sarang kelulut dibentuk sebegini untuk mengawal suhu dalam sarang. Suhu optimum bagi sarang adalah di antara 22°C hingga 28°C. Mekanisma pengawalan suhu ini juga dibantu oleh aliran pergerakan cecair di dalam floem dan xylem di dalam pokok. Ini menjelaskan pemilihan pokok sebagai habitat. Bagi mengekalkan keadaan yang kondusif seperti habitat asal, adalah penting log/sarang kelulut ditempatkan di bawah teduhan.

### 3.1.2 Sumber Pemakanan Lebah Kelulut

Dalam serangga sosial, aktiviti pencarian makan dan pendebungaan oleh lebah adalah dipengaruhi oleh faktor cuaca (Michener, 2007). Walau bagaimanapun, sama ada aktiviti penerbangan lebah kelulut berkurang dengan ketara semasa suhu rendah, perkara ini kurang difahami (Roubik, 2019). Contohnya, lebah kelulut Amerika Selatan aktif pada suhu serendah 11°C (Hilário et al., 2000). Oleh itu, masih tiada konsistensi dalam tingkah laku mencari makan di kalangan lebah kelulut dan kajian terhadap corak mencari makan ini mesti dijalankan.

Lebah Kelulut adalah lebah yang aktif sepanjang tahun dan mencari makanan daripada tumbuhan hutan dan herba yang terdapat di kawasan sekitar. Walau bagaimanapun, pada musim hujan lebah kelulut tidak dapat terbang jauh untuk mencari makanan. Sekiranya sumber makanan terhad di kawasan sekitar, lebah kelulut ini terpaksa melakukan perjalanan yang jauh bagi mencari sumber makanan yang diperlukannya. Situasi ini menyebabkan lebah kelulut tidak sempat untuk pulang ke sarangnya dan terpaksa menumpang di pokok-pokok lain untuk berteduh sebelum memulakan perjalanannya pada keesokan harinya. Keadaan ini adalah sangat berisiko kepada lebah kelulut kerana mudah terdedah kepada bahaya pemangsa. Oleh itu, para penternak kelulut perlu menanam tumbuhan disekitar kawasan penternakan kelulut sebagai sumber makanan kelulut.

Lebah kelulut akan menghasilkan madu yang sangat istimewa jika kita membekalkan mereka makanan daripada sumber tumbuh-tumbuhan dan bunga yang bersesuaian dengan keperluan mereka. Walaupun lebah kelulut mengutip semua madu daripada bunga-bunga sebagai makanan yang ada di sekitar koloni mereka, kita hendaklah sentiasa memastikan bekalan tersebut tidak terputus akibat musim berbunga tanam-tanaman. Sumber makanan kelulut ini adalah daripada nektar dan debunga tumbuh-tumbuhan. Makanan yang bersumberkan nektar adalah seperti dari bunga-bunga dan manisan yang bukan bersumberkan bunga-bunga. Manakala makanan yang bersumberkan debunga pula berasal dari bunga-bunga yang mengeluarkan benih jantan. Terdapat beberapa jenis tanaman yang disyorkan kepada penternak kelulut bagi menjamin sumber makanan yang berterusan. Misalnya tanaman tersebut perlulah kekal, berbunga sepanjang tahun, kembang sepanjang hari (lebah kelulut bekerja sepanjang hari dari 7 pagi hingga 7 malam) dan bukan tumbuhan semusim. Lebah kelulut sebenarnya sangat memilih bunga sebagai sumber makanannya. Walaupun pokok itu mempunyai bunga yang banyak dan berbunga sepanjang tahun tetapi belum tentu bunga tersebut menjadi pilihan lebah kelulut. Bagaimanapun, tidak menjadi masalah kepada penternak yang menternak kelulut di kawasan dusun yang ditanam dengan pokok-pokok berbuah

seperti durian, rambutan, kelapa dan lain lain kerana merupakan antara pilihan terbaik untuk membekalkan sumber makanan kepada lebah kelulut. Penternakan lebah kelulut juga sesuai di kawasan yang mempunyai pokok gelam (gelam putih dan gelam merah) dan juga pokok akasia putih (akasia mangium).

Pokok akasia mangium bagus untuk kelulut kerana membekalkan nektar sepanjang tahun dari bunga dan lelehan nektar yang keluar di waktu pagi oleh pucuk muda. Ini akan menjamin kecukupan pemakanan untuk kelulut kekal sihat dan kuat. Selain itu, madu kelulut yang dihasilkan dari sumber akasia mangium juga didapati lebih manis dan sedap dimakan.

### **3.2 Kelestarian Penternakan Lebah**

Kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara tropika yang sangat kondusif secara semula jadi bagi penternakan lebah terutamanya lebah daripada spesies kelulut tidak harus disia-siakan. Namun kesedaran penduduk Malaysia tentang penternakan lebah yang lestari dalam menghasilkan madu lebah masih rendah. Masih banyak pokok di kawasan hutan yang ditebang dalam usaha mendapatkan sarang lebah untuk penternakan. Secara keseluruhannya banyak manfaat dari segi peningkatan ekonomi rakyat dan negara melalui persekitaran yang bersih, peningkatan hasil tanaman dan penternakan serta taraf kesihatan rakyat yang lebih baik boleh diperolehi dengan perancangan serta pengurusan yang baik tanpa mengira kefahaman politik, bangsa atau perbezaan lain antara semua pihak yang terlibat (Norhasnida Zawawi, 2024).

Peningkatan penternakan lebah, bilangan pokok yang ditanam semakin meningkat, hasil pertanian semakin bertambah dan kualiti udara juga menjadi semakin bersih. Potensi madu lebah terutamanya madu daripada spesies lebah kelulut (meliponine) adalah sangat besar di Malaysia yang berpotensi untuk menghasilkan dan memelihara lebah secara komersial kerana negara ini mempunyai sumber makanan atau manisan yang mencukupi bagi lebah. Dunia mengetahui bahawa lebah merupakan agen penting untuk proses pendebungaan tumbuh-tumbuhan. Pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem lebah amat penting bagi mengimbangi alam sekitar. Tanpa lebah, tanaman tidak dapat menghasilkan buah-buahan yang kita nikmati pada masa kini. Walau bagaimanapun, masih banyak lagi usaha yang perlu dilakukan oleh semua pihak dalam melestarikan penternakan lebah dan menjadikan madu sebagai makanan yang lestari (Norhasnida Zawawi, 2024).

### **KESIMPULAN**

Lebah kelulut memainkan peranan yang sangat penting dalam kelestarian alam dan mempunyai banyak manfaat yang berharga alam sekitar. Adalah penting untuk melindungi dan mempromosikan keberadaan kelulut agar dapat terus memberikan sumbangan positif kepada ekosistem kehidupan alam. Antara peranan utama lebah kelulut iaitu: pendebungaan yang efektif; lebah kelulut berfungsi sebagai agen pendebungaan yang membantu meningkatkan hasil pertanian dan kesuburan tanaman untuk kelangsungan hidup ekosistem. Sokongan kepada biodiversiti; dengan membantu pendebungaan, lebah kelulut menyokong pelbagai spesies tanaman dan haiwan, yang penting untuk mengekalkan keseimbangan ekosistem. Kesedaran alam sekitar; aktiviti penternakan lebah menggalakkan kesedaran tentang kepentingan pemeliharaan alam dan amalan pertanian lestari. Lebah kelulut berperanan penting dalam menyumbang kepada kelestarian alam. Melindungi dan mempromosikan keberadaan kelulut adalah langkah penting untuk memastikan masa depan yang lebih baik dan lestari. Pendedahan ke arah ternakan kelulut lestari perlu bagi memastikan

perlindungan terhadap koloni kelulut, menjaga kelestarian kelulut dan madu yang dihasilkan di samping memelihara kelestarian alam.

## PENGHARGAAN

Penghargaan diucapkan kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Pusat Libatsama Masyarakat dan Jaringan Industri (PLIMJI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) atas pembiayaan dana di bawah Projek Penternakan dan Pengkomersialan Madu Kelulut oleh Komuniti Orang Asli Temuan di Labu, Negeri Sembilan (A2-6-24-804111-208)

## RUJUKAN

- Carreck, N. L. (2017). A beekeeper's perspective on the neonicotinoid ban. *Pest management science*, 73(7), 1295-1298.
- Dafar, A. (2018). Review of economical and ecological importance of bee and bee products in Ethiopia. *Journal of Animal Husbandry and Dairy Science*, 2(2), 18-26.
- Haron, H., Talib, R. A., Subramaniam, P., Arifen, Z. N. Z., & Ibrahim, M. (2022). A comparison of chemical compositions in Kelulut honey from different regions. *Malays. J. Anal. Sci*, 26, 447-456.
- Hilário, S.D., Imperatriz-Fonseca, V.L. & Kleinert, A.M.P. (2000). Flight activity and colony strength in the stingless bee *Melipona bicolor bicolor* (Apidae, Meliponinae). *Revista Brasileira de Biologia* 60(2): 299-306.
- Jaafar, K., Haidar, J., Kuraydiyyah, S., Ghaddar, T., Knio, K., Ismail, B., & Toufeili, I. (2017). Physicochemical, melissopalynological and antioxidant properties of artisanal honeys from Lebanon. *Journal of food science and technology*, 54, 2296-2305.
- Kamal, M. I. B. M., & Hazmi, I. R. B. (2022). Pengaruh Faktor Masa Dan Abiotik Terhadap Kelakuan Keluar Masuk Sarang Lebah Kelulut, *Tetrigona Apicalis* (Smith, 1857)(Hymenoptera: Apidae).
- Kwapong, P., Aidoo, K., Combey, R., & Karikari, A. (2010). Stingless bees. Importance, management and utilization. A training manual for stingless beekeeping, 1-72.
- Lima, M. A. P., Martins, G. F., Oliveira, E. E., & Guedes, R. N. C. (2016). Agrochemical-induced stress in stingless bees: peculiarities, underlying basis, and challenges. *Journal of Comparative Physiology A*, 202, 733-747.
- Maia-Silva, C., Hrcncir, M., da Silva, C. I., & Imperatriz-Fonseca, V. L. (2015). Survival strategies of stingless bees (*Melipona subnitida*) in an unpredictable environment, the Brazilian tropical dry forest. *Apidologie*, 46, 631-643.
- Michener, W. K., Beach, J. H., Jones, M. B., Ludäscher, B., Pennington, D. D., Pereira, R. S., ... & Schildhauer, M. (2007). A knowledge environment for the biodiversity and ecological sciences. *Journal of Intelligent Information Systems*, 29(1), 111-126.
- Mohd Mansor Ismail. (2018). Pengusaha madu kelulut perlu bijak manfaat penyelidikan. *Berita Harian*, 77.
- Neves, E.F., Fãita, M.R., Gaia, L., Alves Junior, V.V. & Antonialli-Junior, W.F. 2011. Influence of climate factors on flight activity of drones of *Apis mellifera* (Hymenoptera: Apidae). *Sociobiology* 57: 107-114.
- Norhasnida Zawawi (2024), [https://www.upm.edu.my/berita/negara\\_perlu\\_usaha\\_lestarikan\\_penternakan\\_lebah\\_dan\\_madu\\_sebagai\\_makanan\\_lestari-66904](https://www.upm.edu.my/berita/negara_perlu_usaha_lestarikan_penternakan_lebah_dan_madu_sebagai_makanan_lestari-66904)



- Rasmussen, C., & Cameron, S. A. (2010). Global stingless bee phylogeny supports ancient divergence, vicariance, and long distance dispersal. *Biological Journal of the Linnean Society*, 99(1), 206-232.
- Roubik, D. W. (2019). Aspects of Africanized honey bee ecology in tropical America. In *The African honey bee* (pp. 259-281). CRC Press.
- Sakagami, S. F., Ōgushi, R., & Roubik, D. W. (Eds.). (1990). Natural history of social wasps and bees in equatorial Sumatra (pp. 132-137). Sapporo: Hokkaido University Press.
- Salim, H. M., Dzulkiply, A. D., Harrison, R. D., Fletcher, C., Kassim, A. R., & Potts, M. D. (2012). Stingless bee (Hymenoptera: Apidae: Meliponini) diversity in dipterocarp forest reserves in Peninsular Malaysia. *Raffles Bulletin of Zoology*, 60(1).
- Sung, I.H., Yamane, S., Lu, S.S. & Ho, K.K. 2011. Climatological influences on the flight activity of stingless bees (*Lepidotrigona boozana*) and honeybees (*Apis cerana*) in Taiwan (Hymenoptera, Apidae). *Sociobiology* 58(3): 835-850.

## PENEROKAAN FAKTOR KEBAHAGIAAN BERDASARKAN PERSPEKTIF ISLAM

Abdul Rashid Abdul Aziz<sup>1</sup>, Siti Nur Sabirah Mohd Sabri<sup>2</sup>, Nurun Najihah Musa<sup>3</sup>, Warlan Sukandar<sup>4</sup>, Husin Sungkar<sup>5</sup>

<sup>1</sup>*Universiti Sains Islam Malaysia, USIM*  
[rashid@usim.edu.my](mailto:rashid@usim.edu.my)

<sup>2</sup>*Universiti Sains Islam Malaysia, USIM*  
[sabirahsitinur@gmail.com](mailto:sabirahsitinur@gmail.com)

<sup>3</sup>*Universiti Sains Islam Malaysia, USIM*  
[nurunmusa98@gmail.com](mailto:nurunmusa98@gmail.com)

<sup>4</sup>*Adzkiya University*  
[wsukandar.ma@gmail.com](mailto:wsukandar.ma@gmail.com)

<sup>5</sup>*Fakultas Tarbiyah, STIQ, Amuntai, Indonesia.*  
[hafizhihusinsungkar@gmail.co](mailto:hafizhihusinsungkar@gmail.co)

### ABSTRAK

Masalah kesihatan mental di Malaysia dilihat kian meruncing. Laporan Kegembiraan Dunia 2024 pula menunjukkan Malaysia telah mengalami tahap kegembiraan yang menurun dalam kalangan masyarakatnya. Kajian berkaitan aspek kebahagiaan menurut persepektif Islam juga masih lagi rendah. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneroka faktor-faktor kebahagiaan dalam perspektif Islam. Pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis tema melalui sesi temu bual dan kajian literatur telah dijalankan. . Dapatan kajian menunjukkan terdapat tujuh tema utama yang membawa kebahagiaan dalam Islam. Antara tema tersebut ialah mendekatkan diri kepada Allah, taat kepada Allah, iman dan beramal soleh serta hidup akhirat. Kajian ini menjadi asas kepada pembangunan diri selanjutnya dalam usaha meningkatkan kesejahteraan rohani dan sosial masyarakat Islam. Implikasi kajian ini juga memberi panduan berharga kepada individu, masyarakat, dan pihak berkepentingan yang berkaitan dalam memahami hakikat kebahagiaan dalam ajaran Islam.

**Kata kunci:** kebahagiaan, kesihatan mental, kesejahteraan, Islam

### 1. PENGENALAN

Islam adalah agama yang bersifat universal dan menyeluruh. Istilah "sejagat" bermaksud Islam yang ditujukan adalah bersesuaian untuk semua manusia di muka bumi ini dan boleh diaplikasikan pada setiap masa dan tempat hingga ke akhir zaman. Sementara itu, "komprehensif" merujuk kepada ajaran Islam yang lengkap dan sempurna. Kesempurnaan ajaran Islam terletak pada kemampuannya untuk mengatur segala aspek kehidupan manusia, bukan hanya aspek spiritual, tetapi juga aspek mu'amalah yang meliputi ekonomi, sosial, politik, hukum, dan lain-lain.

Pada dasarnya, manusia menginginkan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat, baik dalam aspek material maupun spiritual, serta untuk individu dan masyarakat. Oleh itu, salah satu usaha manusia dalam mencapai kebahagiaan ialah memenuhi keperluan material atau keperluan primer, yang dapat memudahkan mereka menjalani kehidupan seharian (Ghozali dan Sari, 2018). Imam al-Ghazali menyatakan bahawa, "Bahagia itu apabila manusia berada di puncak ketaqwaan. Ia adalah keredhaan dari Allah SWT." (Ghazzali, 2016). Aristotle pula menyatakan, "Kebahagiaan ialah kesenangan yang dicapai oleh setiap orang mengikut kehendak mereka sendiri" (Al-Insan al-Kamil dalam Da'irah al-Ma'arif al-Islam, hlm. 69).

Secara global, Laporan Kegembiraan Dunia tahun 2024 menunjukkan Malaysia menduduki tangga ke-59 dalam kedudukan sebagai negara paling gembira di dunia. Kedudukan terkini ini menunjukkan tahap kegembiraan rakyat Malaysia kian merundum kerana kedudukan ini turun empat tangga berbanding tahun 2023. Banyak kajian kebahagiaan ini dilaksanakan di barat dan mengikut definisi fahaman dan gaya hidup masyarakat di sana. Pengkajian aspek kebahagiaan menurut perspektif Islam dilihat masih lagi kurang (Hamim, 2016). Walaupun terdapat beberapa cendekiawan Islam yang turut membincangkan aspek kebahagiaan ini, namun kandungannya masih belum tersebar luas. Justeru, kajian ini dijalankan bagi meneroka meneroka faktor-faktor kebahagiaan dalam perspektif Islam.

## **2. METODOLOGI**

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis tema dengan menjalankan temu bual dan kajian literatur. Pendekatan kualitatif digunakan untuk menjawab persoalan kajian bagi mengkaji masalah secara mendalam. Temu bual melibatkan interaksi secara langsung antara penyelidik dan peserta untuk mendapatkan gambaran yang mendalam tentang perspektif, pengalaman, dan pandangan peserta berkaitan kebahagiaan dalam pendekatan Islam. Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan di mana sebanyak 5 orang pakar dalam bidang kebahagiaan telah terpilih untuk menjalani sesi temu bual berstruktur yang telah diaturkan.

## **3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan kajian menghasilkan 4 tema utama yang merekodkan faktor kebahagiaan dalam Islam. Antara tema utama ialah mendekatkan diri kepada Allah, taat kepada Allah, iman dan beramal soleh serta hidup akhirat. Setiap tema dihuraikan dengan lebih terperinci melalui pengenalanpastian subtema seperti yang ditunjukkan di bawah.

### **3.1 Mendekatkan diri kepada Allah.**

Informan menyatakan pelbagai strategi yang digunakan untuk memperdalam hubungan rohani mereka dengan Allah. Daripada kesungguhan melakukan solat dan membaca al-Quran setiap hari sehinggalah melakukan kebaikan dan kebajikan. Informan menunjukkan komitmen untuk memupuk hubungan langsung dan bermakna dengan Allah. Manusia adalah makhluk yang berkeupayaan untuk beriman dengan agama yang benar yang bertuhankan Allah dan bersumberkan Al-Quran dan Hadis. Matlamat pendidikan adalah mendekatkan manusia kepada Allah, kebahagiaan dunia akhirat, dan perkembangan potensi manusia. Fitrah adalah nama untuk potensi ini (Nila, 2021).

### 3.1.1 Kebahagiaan di Akhirat

Subtema "Kebahagiaan di Akhirat" muncul sebagai daya motivasi yang kuat mendasari dedikasi informan untuk mendekatkan diri kepada Allah. Informan menyatakan tujuan yang mendalam yang diperoleh daripada kepercayaan eskatologi yang menekankan bagaimana tindakan mereka sekarang, dipandu oleh prinsip agama, menyumbang kepada ganjaran masa depan di akhirat. Kepercayaan terhadap sistem ganjaran Ilahi mempengaruhi pilihan moral dan etika mereka, memberikan mereka kompas moral yang berakar umbi dalam ajaran agama. Lebih-lebih lagi, sub-tema ini mendorong refleksi tentang pemahaman informan berkaitan keseimbangan antara tuntutan duniawi dan janji-janji akhirat yang kekal. Jika dilihat dari sudut makna dan fungsinya, agama tidak boleh ditinggalkan dalam kehidupan manusia yang sentiasa mencari kebahagiaan abadi (Miskahuddin, 2017).

## 3.2 Taat kepada Allah

Informan berkongsi pandangan tentang kepatuhan mereka kepada prinsip-prinsip yang digariskan dalam Al-Quran dan Hadis, yang menggambarkan kepentingan penyerahan dan ketaatan dalam kehidupan rohani mereka.

Abde dan Saleh (2015) menyatakan dalam Islam, idea kebahagiaan dan kesejahteraan berkait rapat dengan kedua-dua kehidupan rohani dan kepercayaan kepada hari akhirat (Alukhra) di samping kehidupan sekular (Aldunya). Ini menjelaskan mengapa mencapai kebahagiaan memerlukan lebih daripada sekadar keadaan luaran yang menggembirakan kerana ia juga memerlukan tindakan dan pilihan moral tertentu yang mempunyai kesan kepada individu dan masyarakat.

### 3.2.1 Syukur kepada Allah

Subtema "Syukur kepada Allah" merupakan cerminan ungkapan rasa syukur Informan atas nikmat yang mereka rasai dalam kehidupan mereka. Informan menyatakan kesyukuran sering dilakukan melalui doa, solat, atau perbuatan amal. Subtema ini bukan sahaja menggariskan kesyukuran tertanam dalam ajaran Islam tetapi juga mempamerkan kepelbagaian cara individu menzahirkan rasa syukur mereka sebagai sebahagian daripada ketaatan mereka kepada Allah. Hasil kajian mendapati bahawa syukur dibalas dua kali ganda oleh Allah yang melipat gandakan kesetiaan umat-Nya yang sedikit (Fatmawati, 2018). Oleh itu, hubungan antara rasa syukur dan kepuasan dalam kehidupan mengiktiraf rahmat Allah menyumbang kepada pandangan yang positif, memupuk daya tahan dalam menghadapi cabaran dan mengukuhkan rasa kesejahteraan rohani.

### 3.2.2 Mengharapkan Hidayah daripada Allah

Informan berkongsi anekdot peribadi tentang detik-detik penting di mana mereka merasakan bimbingan ilahi yang mendalam, membentuk laluan dan pilihan mereka. Subtema meneroka dinamik hubungan antara individu dan Allah, menekankan peranan bimbingan ilahi dalam mengemudi kerumitan kehidupan. Al-Quran adalah kitab suci umat Islam yang disampaikan oleh Allah SWT kepada Rasulullah melalui 'Malaikat Jibril'. Al Quran adalah panduan dan peraturan hidup yang paling sempurna yang diturunkan untuk membimbing manusia ke arah kebahagiaan dan kebaikan (Malla, 2018).

Perincian dalam sub-tema ini juga mengkaji persimpangan ajaran agama dan proses membuat keputusan peribadi. Informan menyatakan bagaimana pergantungan mereka pada bimbingan Allah

mempengaruhi pembuatan keputusan beretika, kelakuan moral, dan mengejar kehidupan yang soleh. Penerokaan ini memberikan pandangan tentang cara individu melihat dan menyatupadukan bimbingan ilahi ke dalam rangka kerja peribadi dan etika mereka.

### **3.3 Iman dan Amal Soleh**

Informan berkongsi refleksi peribadi tentang bagaimana iman mereka mendorong kepada tindakan yang benar. Perbincangan dalam tema ini menjelaskan pemahaman Informan tentang hubungan dinamik antara kepercayaan dan kelakuan beretika dalam ajaran Islam. Selain itu, tamadun Islam menjunjung gagasan mengejar kebahagiaan dengan menegakkan akhlak dan tingkah laku sivil yang mengambil kira kepelbagaian di dunia, di samping memfokuskan kepada satu aspek kehidupan yang kaya dengan budaya demi memajukan peradaban (Yazwardi, 2004).

#### **3.3.1 Rezeki**

Informan berkongsi bagaimana iman mereka mempengaruhi persepsi mereka terhadap rezeki, memupuk rasa redha dan mengakui Allah sebagai pemberi rezeki. Subtema ini meneroka akidah dan pemahaman Informan tentang kesejahteraan ekonomi dan menekankan dimensi rohani. Islam percaya bahawa sebarang rezeki membawa kepada kesejahteraan sosial dan ekonomi. Semua anggota masyarakat tanpa mengira bangsa, agama dan warna kulit mesti mendapat manfaat daripada rezeki tersebut (Anwar, 2014).

#### **3.3.2 Perbuatan Baik akan Terkedepan**

Informan membincangkan kepercayaan mereka tentang akibat positif dari perbuatan baik, baik di dunia dan akhirat. Subtema ini meneroka aspek motivasi iman, apabila individu menyatakan bagaimana keyakinan mereka berkait dengan tindakan murni dan hasil positif membentuk tingkah laku mereka. Islam tidak menentukan akhlak seseorang hanya berdasarkan perbuatan zahirnya sahaja. Tetapi juga melihatnya dari dalam diri seseorang. Apabila tingkah laku bermula dengan niat yang baik, perkara yang positif akan datang daripadanya dan dianggap bermanfaat (Ernawati, 2022). Perbincangan dalam sub-tema ini juga boleh meneroka pandangan Informan tentang konsep 'Barakah' dan melakukan perbuatan baik membawa kepada banyak hasil positif.

### **3.4 Hidup Akhirat**

Informan berkongsi pandangan mereka tentang cara kepercayaan ini membentuk tindakan, keputusan dan pandangan keseluruhan mereka pada masa kini. Pendidikan Agama Islam adalah usaha untuk mengarahkan perkembangan peribadi pelajar secara berkaedah dan praktikal, membolehkan mereka hidup mengikut prinsip Islam dan mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat (Nusantara, 2020). Tema ini menyentuh ritual dan amalan bagi mendapatkan hasil yang baik di akhirat seperti solat, amal kebajikan, dan mematuhi prinsip moral.

#### **3.4.1 Jadilah Orang Yang Lebih Baik**

Informan berkongsi pandangan tentang amalan khusus, seperti muhasabah diri, taubat, dan perbuatan baik yang menyumbang kepada diri mereka. Di samping itu, kepuasan dalam memenuhi keperluan

material juga perlu dalam hidup, maka kepuasan dan kebahagiaan dapat berjalan seiring dan mempunyai hubungan antara satu sama lain. Kepuasan terhasil apabila semua keperluan material, etika, dan rohani seseorang terpenuhi. Dalam Islam kebahagiaan juga disebut sebagai falah. Falah adalah kebahagiaan dan ketenangan yang boleh dialami oleh semua orang baik di dunia mahupun di akhirat. Kebahagiaan atau falah membawa ketenangan dan ketenteraman yang berpanjangan (Iman, 2023).

#### 4. KESIMPULAN

Kajian ini secara signifikan menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam tentang kebahagiaan dalam konteks Islam. Kajian ini menjadi asas kepada pembangunan diri selanjutnya dalam usaha meningkatkan kesejahteraan rohani dan sosial masyarakat Islam. Implikasi kajian ini juga memberi panduan berharga kepada individu, masyarakat, dan pihak berkepentingan yang berkaitan dalam memahami hakikat kebahagiaan dalam ajaran Islam.

#### RUJUKAN

- Abde, A. N. Y., & Salih, K. (2015). The Literature of Happiness “With Reference of the Philosophy of Happiness In Islam.” *Journal of Islamic Studies and Culture*, 3(2). <https://doi.org/10.15640/jisc.v3n2a18>
- Anwar, M. K. (2014). Ekonomi dalam Perspektif Islam. *Ekonomi Dalam Perspektif Islam*, 3(1), 26. <https://doi.org/10.15642/islamica.2008.3.1.26-35>
- Ernawati, T., Suryani, I., & Sukiman, S. (2022). Character Education for Children: The Study on the Good and Bad Values. *Jurnal Basicedu*, 6(2), 2199–2207. <https://doi.org/10.31004/basicedu.v6i2.2350>
- Fatmawati, M., Darmawan, D., & Izzan, A. (2018). Analisis Semantik Kata Syukūr Dalam Alquran. *Al-Bayan*, 3(1). <https://doi.org/10.15575/al-bayan.v3i1.3129>
- Ghazzali. (2016). Essential Ihya’Ulum Al-Din: Constructive virtues: Vol. 9670526183, 9789670526188 (reprint). *Islamic Book Trust*.
- Ghozali, Mohammad, and Tryas Titi Sari. (2018). “Paradigma Filsafat Ekonomi Syariah Sebagai Suatu Solusi Kehidupan Manusia.” *Jurnal Syariah dan Hukum* 16(2). <https://ejurnal.iainpare.ac.id/index.php/diktum/article/view/615>
- Hamim, K. (2016). Kebahagiaan Dalam Perspektif Al-Qur’an dan Filsafat. *Tasamuh*, 13(2), 127-150.
- Iman Setiadi Arif. (2023). Psikologi Positif: Pendekatan Saintifik Menuju Kebahagiaan. Gramedia.com. <https://www.gramedia.com/products/conf-psikologi-positif-pendekatan-saintifik-menuju-kebahagiaan>
- Malla, A. B. (2018). Nilai Estetika Al-qur’an dan pengaruhnya terhadap Jiwa. *Tamaddun (Makassar)*, 17(1), 4–6. <https://doi.org/10.33096/tamaddun.v17i1.57>
- Miskahuddin, M. (2017). Konsep Agama Menurut Al-Quran. *Jurnal Ilmiah Al-Mu’ashirah*, 14(1), 64. <https://doi.org/10.22373/jim.v14i1.2240>
- Nilu, N., Indriani, W., & Nurjanah, S. (2021). Pendidikan Anak dalam Perspektif Hadist. *Anwarul*, 1(1), 82–88. <https://doi.org/10.58578/anwarul.v1i1.36>
- Nusantara, Palapa. (2020). Pembelajaran Pendidikan Agama Islam Dan Budi Pekerti Di Madrasah Aliyah Palapa Nusantara. *Jurnal Pendidikan Dan Sains*, 2(2).

Yazwardi, Suryana, & Hatamar. (2004). Islam dan Pengaruhnya Terhadap Peradaban Melayu. Tamaddun: *Jurnal Sastra Dan Kebudayaan Islam*, 14(2), 1412–9027. [https://ecampus.uinjkt.ac.id/index.php?p=show\\_detail&id=5607&keywords](https://ecampus.uinjkt.ac.id/index.php?p=show_detail&id=5607&keywords).

**PUNCA DAN KESAN BULI DI TEMPAT KERJA TERHADAP KESEJAHTERAAN DIRI:  
SATU KAJIAN KES**

Abdul Rashid Abdul Aziz<sup>1</sup>, Mohd Tarmizi Samat<sup>2</sup>, Amin Al Haadi Shafie<sup>1</sup>, Mohd Azrin Mohd Nasir<sup>3</sup>, Warlan Sukandar<sup>4</sup>, Anita Ismail<sup>1</sup>

<sup>1</sup>*Universiti Sains Islam Malaysia.*

*rashid@usim.edu.my*

*amin@usim.edu.my*

*anitaismail@usim.edu.my*

<sup>2</sup>*Universiti Islam Melaka*

<sup>3</sup>*Universiti Utara Malaysia*

<sup>4</sup>*Adzкия University*

**ABSTRAK**

Isu buli bukanlah satu isu baru dalam kehidupan. Sama ada kanak-kanak atau dewasa tetap akan berhadapan dengan isu buli. Isu dapat berlaku di mana saja dan bila-bila masa termasuk di alam pekerjaan. Pembulian di tempat kerja berlaku dalam pelbagai cara sama ada secara fizikal atau mental. Justeru, kajian ini dilakukan untuk melihat implikasi buli terhadap kesejahteraan mental dan punca buli berlaku dalam organisasi. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif secara kajian kes untuk memperoleh dan menganalisis data. Dengan menggunakan kaedah ini, pengkaji dapat menggali perasaan, emosi, dan pemikiran peserta yang terlibat dalam kajian buli di tempat kerja. Hasil kajian mengeluarkan empat tema utama bagi implikasi buli terhadap kesejahteraan mental. Empat tema tersebut adalah 1) kesan biologi fisiologi, 2) kesan psikologi- tekanan, 3) kesan produktiviti- kerja, dan 4) kesan kehidupan - keluarga. Manakala terdapat enam indikator bagi punca buli yang diperolehi dari dapatan kajian iaitu, 1) personaliti diri, 2) cemburu dan iri hati, 3) politik kerja, 4) persekitaran toksik, 5) perebutan kuasa dan pangkat, dan 6) lemah penghayatan agama. Justeru, intervensi yang berkesan haruslah dibina bagi menangani isu ini termasuk kesedaran tentang kesan buli kepada mental dan mempromosikan budaya kerja yang baik dan positif.

**Kata kunci:** buli tempat kerja, implikasi kepada mental, punca buli

**1. PENGENALAN**

Buli wujud tanpa mengira tempat dan waktu dan ia boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana sahaja (Ikyanyon dan Ucho, 2013; Hoel dan Salin, 2003). Ia tidak hanya melibatkan kanak-kanak, tetapi juga golongan dewasa (King, 2009). Namun, isu buli di kalangan dewasa, khususnya di tempat kerja, sering kali kurang mendapat perhatian berbanding buli di sekolah (Muhamad Affandi, 2009). Walaupun demikian, kajian mengenai buli di tempat kerja di peringkat antarabangsa menunjukkan peningkatan yang ketara sepanjang dekad yang lalu (Fox dan Stallworth, 2010; Parzefall dan Salin, 2010). Laporan-laporan tersebut menunjukkan bahawa buli di tempat kerja bukan sahaja menjadi topik perbincangan di negara-negara barat, tetapi juga menjadi tumpuan dalam persidangan



antarabangsa (Ferris et al., 2007). Ini membuktikan bahawa buli memang wujud dan memberi kesan yang serius terhadap individu pekerja serta organisasi secara keseluruhan.

Buli di tempat kerja merujuk kepada tindakan agresif dan tidak menyenangkan yang dilakukan secara berulang oleh rakan sekerja atau atasan, yang dapat menyebabkan tekanan mental dan emosional bagi mangsa (Madiah, 2016). Permasalahan ini semakin menjadi perhatian dalam dunia pekerjaan, kerana ia bukan sahaja menjejaskan kesejahteraan mental mangsa, tetapi juga prestasi keseluruhan organisasi. Buli boleh mengambil pelbagai bentuk, termasuk ejekan, penghinaan, pengasingan, dan bahkan ancaman. Akibatnya, mangsa sering mengalami masalah kesihatan mental seperti kemurungan, kebimbangan, dan rendah diri, yang boleh mengakibatkan pengurangan produktiviti dan kualiti kerja (Nazirah & Norshahidah, 2024). Menurut kajian dari Workplace Bullying Institute (2021) sekitar 30 peratus pekerja di Amerika melaporkan mengalami buli di tempat kerja. Selain itu, Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr Koh Kar Chai menyatakan bahawa laporan diterima lebih 120 aduan daripada kakitangan perubatan berhubung tekanan di tempat kerja sejak 2017. Sejak 2017, MMA melaporkan lebih kurang 80 peratus dari *houseman*, dari doktor dalam 15 peratus dan dari pakar pun ada dalam 5 peratus (Astro Awani, 2022). Justeru, objektif dalam kajian ini adalah mengenal pasti implikasi buli terhadap kesejahteraan diri dan punca buli berlaku dalam organisasi.

## 2. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes secara kualitatif untuk mengumpul dan menganalisis data. Kajian ini dijalankan sepenuhnya menggunakan kaedah kajian kes, iaitu menggunakan reka bentuk kajian kes pelbagai (multicase). Multicase merujuk kepada beberapa staf yang memberikan data tentang masalah buli di tempat kerja. Pengumpulan data melalui temu bual mendalam menjadi tunjang kepada kajian ini. Penggunaan kaedah kajian kes ini membolehkan penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang terperinci tentang permasalahan buli dalam kalangan pekerja yang dikaji (Creswell, 2007). Dengan menggunakan kaedah ini, pengkaji dapat mencungkil perasaan, emosi dan pemikiran subjek kajian permasalahan buli tersebut. Dalam kajian ini, pengkaji dapat bertindak sebagai alat pengkajian yang sensitif serta berkeupayaan memahami perlakuan-perlakuan manusia, menggunakan pengalaman dan pengetahuan untuk meneliti dan menelaah tentang apa yang dikaji dengan lebih bermakna (Marohaini, 2001). Seterusnya, subjek kajian terdiri daripada tiga orang staf di sebuah organisasi iaitu dua orang lelaki dan seorang perempuan yang masih berkhidmat dalam tempoh lingkungan tiga hingga lima belas tahun. Pemilihan responden bagi kajian ini adalah berdasarkan dengan kesesuaiannya dengan tajuk yang dikaji.

## 3. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil daripada temu bual responden yang mengalami buli di tempat kerja, beberapa tema telah terhasil seperti yang dinyatakan di bawah. Terdapat tiga orang responden yang terdiri daripada dua orang lelaki dan seorang perempuan yang masih berkhidmat dalam tempoh lingkungan tiga hingga lima belas tahun. Setiap responden diwakili dengan kod A, B dan C dalam kajian ini. Secara keseluruhannya, terdapat dua objektif untuk dilihat dalam kajian ini. Objektif pertama ialah implikasi buli terhadap kesejahteraan diri yang mewakili 4 tema. Manakala objektif kedua ialah punca buli berlaku dalam organisasi yang mewujudkan enam tema.

## **Objektif 1: Implikasi buli terhadap kesejahteraan diri**

### **1. Kesan Biologi-fisiologi**

Berdasarkan dapatan kajian mendapati bahawa kesan biologi dan fisiologi mempengaruhi kualiti dan kesejahteraan hidup responden. Penerimaan kesan buli di tempat kerja telah mendatangkan kesan seperti kesakitan fizikal di kepala, cenderung untuk rasa mual, hilang selera makan, rasa mudah bosan dan ketidakselesaan badan apabila menjalani kehidupan rutin seharian. Selain itu, kebimbangan yang tidak terkawal juga turut menjejaskan kesan fisiologi yang boleh membawa kepada gangguan kesihatan mental.

### **2. Kesan Psikologi-Tekanan**

Faktor lain yang mempengaruhi ialah kesan psikologi dan tekanan yang menyebabkan gangguan psikologi dan tekanan berlaku rentetan dari kesan buli yang dihadapi. Hasil kajian yang dijalankan oleh Houbre et al. (2006) mendapati mangsa buli memiliki konsep sendiri yang paling rendah. Malah, mangsa buli melaporkan lebih banyak mengalami masalah psikosomatik. Psikosomatik merupakan gangguan fizikal manusia yang timbul akibat masalah psikologi, seperti wujudnya rasa bimbang, takut, cemas dan lain-lain (Kamus Dewan Edisi Keempat). Di samping itu, terdapat hubungan positif antara masalah tingkah laku dan permulaan gangguan psikosomatik.

### **3. Kesan Produktiviti-Kerja**

Buli di tempat kerja seperti gangguan emosi atau fizikal boleh mengakibatkan penurunan produktiviti (Bernama, 2010). Pekerja yang menjadi mangsa buli sering kali mengalami kesukaran untuk memberi tumpuan kepada tugas mereka. Kajian oleh The Workplace Bullying Institute (2021) menunjukkan bahawa lebih daripada 79.3 juta mangsa buli dari Amerika mengalami kemerosotan dalam prestasi kerja mereka. Ini menunjukkan bahawa buli bukan hanya memberi kesan kepada individu tetapi juga kepada keseluruhan organisasi. Tekanan dan stres akibat buli boleh menyebabkan pekerja mengambil cuti sakit.

### **4. Kesan Kehidupan Keluarga**

Kesan buli terhadap kehidupan keluarga dapat dilihat melalui beberapa cara. Pekerja yang dibuli sering kali membawa tekanan dan emosi negatif ke rumah, yang mengakibatkan mereka menjauhkan diri dari aktiviti keluarga (Madiah, 2022). Mereka akan memilih untuk menghabiskan lebih banyak masa bersendirian, berdiam diri, atau tidur untuk mengelakkan berinteraksi dengan orang lain. Akibatnya, komunikasi dalam keluarga terganggu, dan suasana rumah tangga menjadi tidak harmoni. Kesejahteraan mental yang terjejas juga boleh menghalang individu daripada melibatkan diri dalam peranan sebagai suami, isteri, atau ibu bapa yang baik (Amran et al., 2012).

## **Objektif 2: Punca buli berlaku dalam organisasi**

### **1) Personaliti Diri**

Salah satu punca utama yang sering dikaitkan dengan fenomena buli dalam organisasi adalah personaliti individu. Penyelidikan menunjukkan bahawa ciri-ciri personaliti tertentu boleh mempengaruhi tingkah laku seseorang dalam interaksi sosial di tempat kerja. Sebagai contoh, individu yang mempunyai sifat agresif atau dominan mungkin lebih cenderung untuk terlibat dalam tingkah laku buli, sementara mereka yang lebih empatik dan mesra mungkin kurang berisiko untuk terlibat dalam situasi tersebut (Raja Azrul et al., 2017).

## 2) Cemburu dan Iri Hati

Perasaan cemburu dan iri hati sering kali timbul dalam situasi di mana prestasi dan pencapaian individu tidak diiktiraf secara adil (Kamarul, 2015). Ini boleh menciptakan suasana persaingan yang tidak sihat, di mana pekerja berasa terancam oleh kejayaan rakan sekerja mereka. Akibatnya, mereka mungkin berusaha untuk merendahkan orang lain melalui tingkah laku buli, sama ada secara verbal, emosional, atau sosial (Mohd Rodzi, 2019).

## 3) Politik Kerja

Dinamika kuasa dan pengaruh yang wujud dalam suasana kerja sering kali mencetuskan persaingan yang tidak sihat, di mana individu menggunakan strategi manipulatif untuk mencapai matlamat peribadi, yang boleh merugikan rakan sekerja mereka. Politik kerja melibatkan tindakan dan strategi yang digunakan oleh individu atau kumpulan untuk mendapatkan kuasa, pengiktirafan, dan sumber dalam organisasi. Dalam konteks ini, individu yang terlibat dalam politik kerja sering kali berusaha untuk memanfaatkan kelemahan orang lain, yang boleh mendorong kepada tingkah laku buli. Kajian oleh Ferris et al. (2002) menunjukkan bahawa pekerja yang terlibat dalam politik pejabat sering kali menggunakan teknik manipulasi untuk menjatuhkan pesaing mereka, termasuk menyebarkan maklumat yang salah atau merendahkan kredibiliti rakan sekerja.

## 4) Persekitaran Toksik

Persekitaran toksik sering kali ditandai dengan komunikasi yang buruk, tekanan berlebihan, dan kekurangan sokongan daripada pihak pengurusan. Situasi ini boleh menyebabkan pekerja merasa tidak selamat, terasing, dan tertekan, yang meningkatkan risiko mereka menjadi sasaran buli. Dalam keadaan seperti ini, individu mungkin bertindak secara agresif terhadap rakan sekerja mereka sebagai cara untuk mengalihkan ketidakpuasan hati yang mereka alami (Umaimah et al., 2024).

## 5) Perebutan Kuasa dan Pangkat

Dalam organisasi, perebutan kuasa dan pangkat sering kali mencetuskan persaingan yang tidak sihat. Pekerja mungkin berasa tertekan untuk membuktikan diri mereka, dan ini boleh menyebabkan mereka terlibat dalam tindakan yang merendahkan atau membuli rakan sekerja yang dianggap sebagai pesaing. Taktik ini bukan sahaja merosakkan hubungan interpersonal, tetapi juga mengganggu produktiviti dan moral keseluruhan pasukan (Syarifah et al., 2018).

## 6) Lemah Penghayatan Agama

Penghayatan agama yang lemah sering kali mengakibatkan kekurangan dalam penerapan nilai-nilai positif seperti kasih sayang, toleransi, dan rasa hormat (Aemy et al., 2024). Dalam persekitaran kerja yang berbilang agama dan budaya, kekurangan dalam penghayatan nilai-nilai ini boleh membawa kepada salah faham dan konflik. Pekerja yang tidak menghargai nilai-nilai kemanusiaan mungkin lebih cenderung untuk melakukan atau menjadi mangsa buli, kerana mereka tidak merasakan tanggungjawab moral untuk menjaga kesejahteraan rakan sekerja (Nguyen et al., 2023).

#### 4. KESIMPULAN

Buli di tempat kerja adalah fenomena yang wujud tanpa mengira masa dan lokasi melibatkan bukan hanya kanak-kanak atau remaja tetapi juga golongan dewasa. Dalam konteks tempat kerja, buli memberi kesan negatif yang mendalam terhadap kesejahteraan individu dan produktiviti organisasi. Intervensi yang efektif perlu dirancang bagi menangani isu ini termasuk meningkatkan kesedaran tentang kesan buli dan mempromosikan budaya kerja yang baik dan positif.

#### RUJUKAN

- Astro Awani (2022, Mei 5). MMA terima 120 laporan buli, tekanan kerja daripada pegawai perubatan. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mma-terima-120-laporan-buli-tekanan-kerja-daripada-pegawai-perubatan-359925>
- Ikyanyon, D. N., dan Ucho, A. (2013). Workplace Bullying, Job Satisfaction and Job Performance Among Employees in a Federal Hospital in Nigeria. *European Journal of Business and Management*, 5(23)
- Muhamad Affandi, I. (2009) Perlakuan Buli di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam di Malaysia. Masters thesis, Universiti Utara Malaysia.
- Harith, H. (2022). Mangsa buli boleh hidap sakit mental. *Kosmo*. <https://www.kosmo.com.my/2022/05/02/mangsa-buli-boleh-hidap-sakit-mental/>
- Fox, S., & Stallworth, L. E. 2010. The battered apple: An application of stressor-emotion-control/support theory to teachers' experience of violence and bullying. *Human Relations* 63: 927-954.
- Houbre, B., Tarquinio, C., Thuillier, I. & Hergott, E. (2006). Bullying among students and its consequences on health. *European Journal of Psychology of Education*. 21, 183–208 . <https://doi.org/10.1007/BF03173576>
- Javed, I., Niazi, A., Nawaz, S., Ali, M., Hussain, M., & Shafique, F. (2023). Impact of workplace bullying on work engagement among early career employees. *PLoS One*, 18(10).
- Nazirah, H., & Norshahidah, I. (2024). Pengalaman Buli Siber dan Isu Kesihatan Mental dalam kalangan Pelajar Universiti. *Journal of Social Sciences & Humanities*, 21(1), 388-399.
- Ferris, G. R., Treadway, D. C., Perrewé, P. L., Brouer, R. L., Douglas, C., & Lux, S. (2007). Political skill in organizations. *Journal of Management*, 33(3), 290–320.
- Salin, D. (2021). *Workplace Bullying and Gender: An Overview of Empirical Findings*. *Dignity and Inclusion at Work* (pp.331-361).
- Samsudin, E. Z., Isahak, M., Rampal, S., Rosnah, I., & Zakaria, M. I. (2021). Workplace Bullying Among Junior Doctors in Malaysia: A Multicentre Cross-Sectional Study. *The Malaysian journal of medical sciences : MJMS*, 28(2), 142–156. <https://doi.org/10.21315/mjms2021.28.2.13>
- Srivastava S, & Dey B. 2020). Workplace bullying and job burnout: A moderated mediation model of emotional intelligence and hardiness. *Int J Organ Anal*, 28, 183–204.
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (2nd ed.). Sage Publications, Inc.
- Raja Azrul, H. R. A., Rusli, A., & Saemah, R. (2017). Trait-Trait Personaliti Pembuli, Mangsa Buli dan Pembuli-Mangsa Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Model Lima Faktor. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(2).
- Nguyen, D., Tuckey, M., Teo, S., Le, T. T., & Khoi, N. V. (2023). Boundaries of ethical leadership in mitigating workplace bullying: the moderation effect of team power distance orientation. Taylor & Francis Online.

## SEMENANJUNG TANAH MELAYU DARIPADA CATATAN DESCOBRIDOR MANUEL GODINHO DE EREDIA

Latifah Abdul Latiff  
Pusat Pengajian Teras (PPT)  
[latifah@usim.edu.my](mailto:latifah@usim.edu.my)

### ABSTRAK

Secara umumnya Orientalisme berkisar tentang pemikiran atau ideologi Barat mengenai dunia Timur. Sarjana Barat iaitu golongan orientalis menjalankan kajian mengenai dunia Timur khususnya terhadap Islam dan Muslim daripada pelbagai aspek seperti agama, politik, ekonomi, sosial dan budaya. Orientalisme bukan sekadar satu penyelidikan akademik sebagaimana yang didakwa oleh Barat. Orientalisme memberi impak besar ke atas dunia Timur. Hasil penelitian yang dilakukan oleh orientalis digunakan oleh Barat bagi menjajah dunia Timur atas nama pemodenan dan pembaharuan. Manuel Godinho de Eredia merupakan salah seorang orientalis yang hidup pada abad ke-16 dan awal abad ke-17 Masihi. Eredia menjalankan ekspedisi penjelajahan dan penemuan di wilayah Timur. Namun, tidak ramai yang mengetahui sumbangan Eredia dalam bidang Orientalisme. *Description of Malacca, Meridional India and Cathay* merupakan catatan Eredia mengenai wilayah dan tempat yang dikunjungi. Justeru, kajian ini cuba menyelidiki secara ringkas karya Eredia dan menentengahkan maklumat berkaitan Semenanjung Tanah Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Manuel Godinho de Eredia dilantik oleh Raja Sepanyol iaitu Philip I sebagai wakil diraja yang digelar *descobridor* (penemu) serta terlibat dalam pendokumentasian maklumat mengenai Semenanjung Tanah Melayu seperti bentuk muka bumi (geografi), kawasan yang mengandungi sumber galian seperti emas, perak dan besi, aktiviti ekonomi penduduk tempatan serta penghasilan peta.

**Kata kunci:** Orientalisme; Manuel Godinho de Eredia; Portugis; Semenanjung Tanah Melayu.

### 1. PENGENALAN

Kegiatan Orientalisme berkait rapat dengan perubahan besar dalam kalangan negara-negara Eropah pada abad ke-16 dan ke-17 Masihi dalam aspek gerakan budaya, agama, politik, ekonomi, kemajuan dalam bidang sains dan juga era penjelajahan atau eksplorasi. Aktiviti penjelajahan dan eksplorasi ke dunia Timur telah menambah pengetahuan Barat mengenai dunia Timur dan akhirnya ia telah membawa kepada imperialisme Barat ke atas masyarakat Timur. Portugal merupakan antara negara Eropah yang aktif dalam ekspedisi eksplorasi dan penjelajahan ke dunia Timur. Impaknya Melaka telah diserang dan jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511.

Portugal merupakan antara negara Eropah yang bergiat aktiviti dalam aktiviti eksplorasi di dunia Timur khususnya di Semenanjung Tanah Melayu yang dahulunya terkenal dengan panggilan Semenanjung Emas (Golden Khersonese) dan Suvarnabhumi (Tanah Emas). Kewujudan emas dan perak di Semenanjung Tanah Melayu menjadi daya tarikan yang kuat kepada saudagar dan pedagang dari India dan juga Barat untuk menerokai jajahan sebelah Timur ke kawasan yang digelar sebagai

Semenanjung Emas atau Golden Khersonese ini. Emas didapati di kebanyakan sungai di Semenanjung Tanah Melayu (Wheatley, 1961: xxi-xxiv, 182) Geographia atau Geography merupakan karya Claudius Ptolemy berkenaan dengan geografi dunia pada zaman klasik (Purba) dan zaman Pertengahan. Karya ini dikarang pada abad ke-2 Masihi oleh Ptolemy yang menerangkan dengan terperinci berkenaan dengan wilayah dunia melalui satu pendekatan yang sistematik bagi tujuan pemetaan. Salah satu kawasan yang terkenal dalam catatan Ptolemy ialah mengenai wilayah yang dikenali sebagai Golden Chersonese'. Ramai dalam kalangan sarjana percaya bahawa wilayah ini merujuk kepada Semenanjung Tanah Melayu (Malay Peninsula).

Kajian lepas yang dilakukan oleh Borschberg (2019), Zupanov and Xavier (2019), Reid and Ito (1999), Mills (1930) dan Hagerdal (2012) merujuk kepada penulisan Eredia dalam mengkaji perkembangan perluasan penjajahan Barat seperti Portugis dan Belanda di Asia Tenggara khususnya di Alam Melayu. Daripada penulisan-penulisan ini jelas menunjukkan penglibatan Eredia sebagai seorang *cartographer*, *cosmographer*, ahli matematik dan juga seorang penemu atau penjelajah. Justeru, kajian ini cuba menyelidiki secara ringkas sejarah Orientalisme dan perkaitannya dengan penjajahan Portugal ke atas Empayar Melaka dan peranan yang dimainkan oleh descobridor Manuel Godinho de Eredia sebagai agen Raja Sepanyol dalam menyediakan maklumat mengenai Asia Tenggara khususnya Semenanjung Tanah Melayu pada ketika itu.

## 2. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan memberi fokus terhadap analisis teks iaitu catatan Manuel Godinho de Eredia iaitu *Description of Malacca, Meridional India and Cathay* mengenai kawasan yang beliau kunjungi di Semenanjung Tanah Melayu. Melalui analisis kandungan teks kajian ini akan mengenalpasti tempat-tempat yang menjadi perhatian Eredia dalam catatan beliau. Selain daripada menganalisis catatan Eredia, kajian ini juga akan merujuk kepada sumber sekunder seperti kajian-kajian terdahulu dan artikel jurnal berkaitan.

## 3. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Manuel Godinho de Eredia (1563-1623) merupakan seorang penulis, ahli kartografi, kosmografi dan ahli matematik berdarah campuran Portugis dan Bugis. Manuel Godinho de Eredia dilahirkan di Melaka pada 16 Julai 1563. Beliau menerima Pendidikan di *College of the Company of Jesus* di Melaka. Semasa berusia 13 tahun Eredia telah dihantar ke Goa untuk menyambung pelajarannya di sana. Pada 1579 Eredia diterima masuk menyertai *Company of the Jesus* (Mills,1930:265). Pada tahun berikutnya Eredia mula berkhidmat kepada negara Portugal dengan menyertai ekspedisi penerokaan. Beliau terlibat dalam bidang kosmografi dan diberi gelaran “Cosmograher Major” negara. Dalam masa yang sama Eredia juga turut mengajar ilmu matematik selama beberapa tahun di Goa (Mills, 1930:1-2).

Pada tahun 1580 Eredia dilantik sebagai ahli kosmografi dengan gelaran ‘Cosmographer Major’ of the State’. Eredia ditugaskan oleh untuk menerokai kawasan pedalaman Melaka. Perjalanan penerokaan Eredia merentasi Semenanjung Tanah Melayu, Selat Singapura dan juga Sungai Johor. Beliau mendokumentasi beberapa spesimen kartografi yang dilukisnya (Borschberg, 2019:2-3).

Eksplorasi ke dunia Timur merupakan antara agenda penting Barat dalam mengembangkan ilmu pengetahuan mereka mengenai dunia Timur. Kedudukan Melaka yang berada di persimpangan dan

laluhan utama antara Timur dan Barat merupakan lokasi pertemuan yang strategik kepada pedagang dari Timur dan Barat. Melaka terkenal sebagai pelabuhan sibuk yang dikunjungi oleh pedagang dari pelbagai negara dari seluruh pelusuk dunia pada abad ke-15 dan 16 Masihi. Eredia sendiri turut mencatatkan mengenai Melaka sebagai sebuah pelabuhan perdagangan yang kaya dan mewah apabila beliau merujuk kepada aktiviti pertukaran barangan dagangan yang dilakukan oleh pendudukan tempatan apabila mereka menukar emas dan rempah dengan kain yang dibawa oleh pedagang India dari Coromandel. Ini menunjukkan bahawa Melaka kaya dengan hasil bumi yang berharga (Eredia, 1930:17).

*Description of Malacca, Meridional India and Cathay* (1613) merupakan karya Eredia yang dihasilkan pada tahun 1613 iaitu kira-kira hampir 100 tahun selepas kejatuhan Melaka ke tangan Portugis. Catatan ini mengandungi maklumat awal mengenai Semenanjung Melayu pada ketika itu. Catatan ini mengandungi peta yang menggambarkan Melaka dan kawasan sekitarnya yang 'dikawal' oleh Portugis di sekitar bandar Melaka. Catatan Eredia mengandungi maklumat menarik mengenai salasilah raja-raja Melaka sehingga tahun 1511, tempat pengebumian pengasasnya iaitu Parameswara, dan catatan mengenai laluhan darat iaitu jalan penarikan iaitu laluhan pendek yang memisahkan Sungai Muar dan anak sungai terdekat yang boleh dilayari di Sungai Pahang yang pernah digunakan oleh penduduk Melayu tempatan untuk merentasi bahagian-bahagian lain di Semenanjung.

Eredia turut mencatatkan maklumat mengenai kewujudan mineral berharga seperti emas dan perak yang terdapat di Semenanjung Tanah Melayu melalui pemerhatian beliau secara langsung dan pertemuan beliau dengan pelombong tempatan yang mendulang emas. Dia juga merujuk kepada keterangan yang diberikan oleh individu seperti syahbandar Muar, yang melaporkan menemui butiran emas dalam anak sungai. Selain itu, Eredia turut mendokumentasikan lokasi penemuan emas dan sumber mineral yang lain pada peta seperti Pahang yang disifatkannya sebagai kawasan perlombongan emas yang besar (Borschberg, 2019:8-10).

Daripada catatan Eredia didapati antara jenis jenis yang terdapat di Semenanjung Tanah Melayu ialah emas yang didapati di Pahang dan Ujong Tanah, Johor; Timah di Sungai Linggi, Perak dan Sungei Ujong, perak di Batu Berendam dan beberapa lokasi di Melaka; tembaga di jumpai di sempadan pergunungan negeri Perak dan Pahang; besi di Rembau dan Sungai Linggi dan tawas dan sulfur di negeri Pahang (Mills, 1930). Maklumat yang dicatat oleh Eredia juga secara tidak langsung memberi idea kepada kerajaan Portugis pada ketika itu berkenaan dengan aktiviti dan ekonomi masyarakat setempat. Masyarakat setempat yang berada di Kawasan persisiran pantai di Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu menjalankan kegiatan perdagangan, pertanian dan perikanan. Malah terdapt dalam kalangan mereka yang terlibat dalam kegiatan mencari gali emas dan sumber mineral yang lain (Borschberg, 2019:17).

Maklumat yang dikumpul oleh Eredia berkenaan dengan sumber mineral yang terdapat di Semenanjung Tanah Melayu dimanfaatkan oleh kerajaan Portugis dan ia merupakan maklumat berguna bagi peluang penerokaan, perdagangan dan seterusnya membawa kepada penguasaan bangsa Eropah terhadap Semenanjung Tanah Melayu melalui misi penjajahan dan imperialism Barat ke atas negara-negara di Asia Tenggara. Pengetahuan ini membolehkan Portugis mengeksploitasi sumber mineral secara strategik seperti emas, timah dan rempah ratus bagi meningkatkan kepentingan ekonomi mereka di rantau ini. Selain itu, memahami laluhan perdagangan

darat juga membolehkan Portugis mengukuhkan rangkaian perdagangan mereka dan mengukuhkan pengaruh mereka ke atas laluan perdagangan maritim bagi merialisasikan cita-cita penjajahan mereka di Asia Tenggara. Catatan Eredia ini dihasilkan dalam satu laporan yang dihantar kepada Kapten Andre Furtado de Mendonca pada pertengahan tahun 1603 (Borschberg, 2019:11). Banyak maklumat berguna berkenaan dengan Semenanjung Tanah Melayu dan kawasan sekitarnya yang dicatat oleh Eredia yang perlu dikaji dengan lebih lanjut.

#### 4. KESIMPULAN

Secara kesimpulannya catatan Maneul Godinho de Eredia mengenai Semenanjung Tanah Melayu menggambarkan bahawa daerah ini mengandungi banyak bahan mineral dan sumber alam yang berharga. Keberadaan sumber-sumber berharga ini menjadikan Semenanjung Tanah Melayu mejadi rebutan para penjajah dari Eropah termasuk Portugis, Belanda dan England. Perkara ini telah menyebabkan Semenanjung Tanah Melayu telah dijajah oleh kuasa Eropah yang mengaut keuntungan hasil bumi bagi kepentingan ekonomi negara mereka. Catatan yang dihasilkan oleh Eredia sangat berguna kepada para pedagang dan penjajah Barat Namun, amat sedikit hasil bumi ini digunakan untuk memajukan Semenanjung Tanah Melayu. Maklumat dan peta yang dihasilkan dimanfaatkan oleh mereka bagi menerokai kawasan pedalaman dan lokasi-lokasi terpilih yang mengandungi sumber mineral yang berharga ini. Inilah peranan orientalis dalam menggambarkan wilayah dan masyarakat yang dikaji.

Dalam konteks Eredia fokus utama dan peranan descobridor ialah bagi mengenalpasti wilayah dan negara baru yang berpotensi untuk dimanipulasi hasil alamnya bagi tujuan kepentingan ekonomi penjajah. Eredia telah berjaya menjalankan misi penjelajahan beliau dalam merekodkan, memetakan dan menggambarkan Semenanjung Tanah Melayu dalam karya beliau yang bertajuk *Description of Malacca, Meridional India and Cathay* (1613) dan kawasan sekitarnya.

#### RUJUKAN

- Hagerdal, H. (2012). The first contacts. In *Lords of the Land, Lords of the Sea: Conflict and Adaptation in Early Colonial Timor, 1600-1800* (pp. 15–50). Brill. <http://www.jstor.org/stable/10.1163/j.ctt1w8h178.6>
- J.V. Mills. (1930). Eredia's Description of Malacca, Meridional India, and Cathay. (Translated from Portuguese with Notes). *Journal of Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)*. 8, Singapore: Printers Limited.
- Peter Borschberg. (2019). The Early 17<sup>th</sup> Century Maps by Manuel Godinho de Eredia. *Journal of Malayan Branch of Royal Asiatic Society*, 92(2), 317, 1-28.
- Paul Wheatley. (1966). *The Golden Khersonese, Studies in the Historical Geography of the Malay Peninsula before A.D. 1500* (reprinted) Pustaka Ilmu.



- Zupanov, Ines and Xavier, Angela Barreto. (2014). Quest for the Permanence in the Tropics: Portuguese Bioprospecting in Asia (16<sup>th</sup>-18th Centuries), *Journal of the Economic and Social History of the Orient*. 57(4), 511-548.
- Godinho de Erédia (April 1930). Eredia's Description of Malacca, Meridional India and Cathay, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*. VIII, Part I. Translated by J. V. Mills.
- Manuel Godinho de Erédia. (2024, June 12). In *Wikipedia*.  
[https://en.wikipedia.org/wiki/Manuel\\_Godinho\\_de\\_Er%C3%A9dia](https://en.wikipedia.org/wiki/Manuel_Godinho_de_Er%C3%A9dia) / akses 23 Sept. 2024.

**EXTENDED ABSTRACTS**  
**(ENGLISH)**

## THE PHILOSOPHY OF GOD INCARNATION (AVATARA) IN HINDUISM: A QURANIC PERSPECTIVE

MOHAMED MIHLAR ABDUL MUTHALIFF  
Associate Professor, Faculty of Leadership and Management,  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).  
[mihlar@usim.edu.my](mailto:mihlar@usim.edu.my)

### ABSTRACT

This study provides an overview of the Hindu belief of God incarnation through the perspective of the Holy Quran. It investigates the Hindu Avatara ideology, which argues that God has not abandoned any human community on Earth without a message or a leader. The fundamentals of Hindu Avatara and its aspects are discussed at the beginning of this work. The study investigates the key elements of Hindu Avatara according to the Holy Qurān, employing descriptive methods and textual analysis. The paper concludes on how the Holy Qurān handles the Hindu concept of Avatara and explains the Islamic principles of Nubuwwah and Ulūhiyyah, emphasizing the rejection of all divine manifestations or incarnations.

**Keywords:** Avatara, Hinduism, Incarnation, Holy Qurān, Nubuwwah.

### INTRODUCTION

The concept of divine incarnation, or Avatara, is an essential cornerstone in Hinduism, embodying the belief that deities, particularly Vishnu, descend to Earth in various forms to restore cosmic order and lead mankind. This theological framework has a strong foundation in Hindu tradition and is fundamental to religious and intellectual discourse. Avatara refers to a number of incarnations, each of which represents a unique divine intervention and moral lesson.

In contrast, the Quran gives a completely different perspective on the divine. Tawhid, or the notion of God's absolute oneness and transcendence, is central to Islamic theology. The Quran expressly rejects the concept of divine incarnation, emphasizing that God is beyond human comprehension and cannot take any form in the universe that was created. This theological perspective highlights a crucial contrast between Islamic and Hindu conceptions of the God.

